



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Institut Pendidikan Guru Malaysia

# MY DOCTORAL JOURNEY<sup>3</sup>







KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Institut Pendidikan Guru Malaysia

# MY DOCTORAL JOURNEY 3

### **My Doctoral Journey 3**

Pusat Pembangunan Latihan  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Diterbitkan oleh:  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA  
Kementerian Pendidikan Malaysia Aras 1-3,  
Blok 2250, Jalan Usahawan 1,  
63000 Cyberjaya,  
Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel : 03-83126666  
Faks : 03-83126655  
Web : <http://ipgm.moe.edu.my>

e ISBN : 978-967-2999-09-6

© Hak Cipta Institut Pendidikan Guru Malaysia 2020

Semua hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia terlebih dahulu.

2020

Dicetak oleh :  
AZAFAH ENTERPRISE  
No.30/B5, Tingkat 1  
Jalan 4/12A, Seksyen 4 Tambahan  
43650 Bandar Baru Bangi  
Selangor Darul Ehsan

**PENAUNG**

Dr. Rusmini binti Ku Ahmad  
Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENASIHAT I**

Dr. Yazid bin Abdul Manap  
Timbalan Rektor  
Pusat Pembangunan Latihan  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENASIHAT II**

En Nor Azman bin Abd. Wahab  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Pusat Pembangunan Latihan  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENASIHAT III**

Dr Hajah Salmah bin Kassim  
Ketua Penolong Pengarah  
Jabatan Pengajian Siswazah dan Pembangunan Profesional  
Pusat Pembangunan Latihan  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**KETUA EDITOR**

Dr. Nor 'Ain binti Sulaiman  
Puan Zalifah binti Sidek  
Jabatan Pengajian Siswazah dan Pembangunan Profesional  
Pusat Pembangunan Latihan  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**EDITOR**

Dr Zanariah binti Ibrahim  
Dr Siti Nafsiah binti Ismail  
Dr Zuraidah binti Ismail  
Dr Munirah binti Hanafi @ Mohd Ghani  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Dr Hamdiah binti Jailani  
Encik Muhamad Firdaus bin Mohamad  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENGHARGAAN KHAS**

Encik Azhari bin Ismail  
Encik Haza Hafeez bin Borhan  
Encik Mohd Helmi bin Ahmad Nasri  
Cik Noor Jasliana binti Jalaludin  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

# KANDIJUNGAN

TAJUK   NAMA	HALAMAN	TAJUK   NAMA	HALAMAN
<b>01</b> <b>Kerana Atom</b> DR. YAZID ABDUL MANAP TIMBALAN REKTOR PUSAT PEMBANGUNAN LATIHAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA	1	<b>13</b> <b>Coretan Kanvas PhD Ku</b> DR. YUSLAINI BINTI YUNUS IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	55
<b>02</b> <b>Epilogue - Unexpectedness Journey in Life</b> DR MOHD ROZI BIN ISMAIL IPG KAMPUS KOTA BHARU	5	<b>14</b> <b>Mehnah Dan Tribulasi Dalam Mengejar Impian</b> DR ROFISHAH BINTI RASHID IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	59
<b>03</b> <b>KisahKu Mengapai PhD</b> DR MAZLINA BINTI MAHMOOD IPG KAMPUS SULTAN MIZAN	12	<b>15</b> <b>Terjelepok Di Kaki Tembok, Bangun Di Puncak Gunung</b> DR NURHIJRAH ZAKARIA IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	63
<b>04</b> <b>Buat Sesuatu Biarlah Dengan Ilmu</b> DR ZAMIRI BIN RAJAB IPG KAMPUS SULTAN MIZAN	16	<b>16</b> <b>Hanya Kau Yang Satu</b> DR ROSMANI BINTI ALI IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	67
<b>05</b> <b>PhD : Anugerah Yang Tak Terjangka</b> AZIZAH BINTI HUSSIN (PHD) IPG KAMPUS SULTAN MIZAN	23	<b>17</b> <b>Harapan Dan Impian</b> DR MAS NORBANY BINTI ABU SAMAH IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	71
<b>06</b> <b>Kaizen Topi Bulat</b> DR HAZRAM BIN ISMAIL IPG KAMPUS SULTAN MIZAN	27	<b>18</b> <b>Man Jadda Wa Jadda, Ph.D Medan Tarbiyyah Allah</b> DR NUR JULIANA BINTI ABDUL MAJID IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	75
<b>07</b> <b>My PhD Journey</b> ZANARIAH BINTI MAT ISA, PhD IPG KAMPUS SULTAN MIZAN	31	<b>19</b> <b>Ini Coretanku... Ph.D</b> DR AZNIDA BINTI AZIZ IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	79
<b>08</b> <b>PerjalananKu</b> AHMAD SHIDKI BIN MAT YUSOFF (PhD) IPG KAMPUS SULTAN MIZAN	36	<b>20</b> <b>My Ph.D Journey</b> DR ZAINAB AB. RAHMAN IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	82
<b>09</b> <b>Catatan Pengalaman: Impian Menjadi Kenyataan</b> DR NOR AZIZAH BINTI MOHD NOR IPG KAMPUS SULTAN MIZAN	40	<b>21</b> <b>Ph.D - Erti Sebuah Kembara Ilmu</b> DR PAJUZI BIN AWANG IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	86
<b>10</b> <b>Rahmat Di Sebalik Kecewa</b> DR FAUZI BIN HASSAN IPG KAMPUS TENGGU AMPUAN AFZAN	44	<b>22</b> <b>My Ph.D: A Fulfilling Journey</b> DR SAKHIYYAH A. RAHIM IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	90
<b>11</b> <b>My PhD Journey</b> RASHIDAH BINTI ELIAS (PhD) IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	47	<b>23</b> <b>Travelog Pencarian Ilmu...Manisnya Bak Madu...</b> ROSLI AB RAHMAN, PhD IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	93
<b>12</b> <b>1 Dari Beribu Ibrah Yang Sangat Bermakna... PhD</b> DR. MUHAMMAD RUSDI AB.MAJID IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	51	<b>24</b> <b>Liku Perjalanan Hidup Bergelar Doktor Pendidikan</b> DR BASKARAN KANNAN IPG KAMPUS IPOH	98

# KANDUNGAN

TAJUK   NAMA	HALAMAN	TAJUK   NAMA	HALAMAN
<b>25</b> Tips-tips Penulisan PhD, Suatu Perjalanan Yang Mencabar, Menarik, Juga Manis DR HAMDIAH BINTI JAILANI IPG KAMPUS IPOH	103	<b>37</b> Menguak Tirai Perjalanan PhD Ku.. "Oh dimanakah engkau tesis." DR ENI ELIZA BINTI GHAZALI IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	144
<b>26</b> Ya Allah Permudahkan Perjalanan PhD Ku DR MARIAH BINTI KAMARUDDIN IPG KAMPUS IPOH	107	<b>38</b> Titipan Perjalanan PhD DR. HAJAH ROHAYA BT. AHMAD IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	146
<b>27</b> Latisan Menggapai Bianglala DR MOHAMED JEFFERI BIN HAJI MAT LAZIM IPG KAMPUS IPOH	110	<b>39</b> Reflections of Strength Through Struggles DR. MANIYARASAN MUNIANDY IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	148
<b>28</b> My PhD Journey DR. TAN AI LEE IPG KAMPUS IPOH	114	<b>40</b> Manusia-manusia Kiriman Tuhan DR HAMIZUL BIN MAHMUD IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	150
<b>29</b> The Reluctant Researcher DR. LENA VIMALANANDAN IPG KAMPUS IPOH	117	<b>41</b> My PhD Journey: The Trials, Tribulations and Triumphs NORHAYU BINTI NORANY (PhD) IPG KAMPUS SULTAN ABDUL HALIM	153
<b>30</b> Tiga Perkara Utama Yang Dipelajari Sewaktu PhD DR. KHOO BEE LEE IPG KAMPUS PULAU PINANG	119	<b>42</b> PhD - Sumbangan Saya Kepada Dunia Kesenian DR. ANANTHAN A/L NAGU IPG KAMPUS SULTAN ABDUL HALIM	157
<b>31</b> Perjalanan PhD: Mencabar? Indah? DR. TAN LAY KOON IPG KAMPUS PULAU PINANG	122	<b>43</b> Meniti Liku Perjalanan Ilmu DR ENSKU ZARIHAN ENSKU ABDUL RAHMAN IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM	160
<b>32</b> Cahaya Di Hujung Terowong DR HASHIMA BT SULAIMAN IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	126	<b>44</b> Perjalanan PhD Ku KOK KEAN HIN, PhD IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM	163
<b>33</b> HLP: Nikmat Ilahi Yang Tak Terucap DR AHMAD SUKARI BIN MOHAMAD IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	128	<b>45</b> PhD Oh PhD ROSIDAH BINTI JEMAIN, PhD IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM	166
<b>34</b> Ku Genggam Bara Api Hingga Jadi Arang FARIDAH BINTI SALAM, PhD IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	132	<b>46</b> Road To PhD VANITHA D/O K. PALANIAPPAN, PhD IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM	168
<b>35</b> Aku Ibu Anak 5+1 DR KHAIRANI BINTI ZAKARIYA @ ABD. HAMID IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	136	<b>47</b> Perjalanan Berliku Memburu Ilmu DR MAISARAH BINTI YAACOB IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM	170
<b>36</b> Pertempuran Topi Bulat DR NOOR FADZILAH BINTI ARIS IPG KAMPUS TUANKU BAINUN	140	<b>48</b> Sedikit Rasa Dikongsi Bersama DR NOOR HABIBAH BINTI KADERAN IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM	173



# KANDUNGAN

TAJUK   NAMA	HALAMAN	TAJUK   NAMA	HALAMAN
<b>49</b> Kembaraku Ke Menara Gading DR HAJAH NORLIAH BINTI KASIM IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM	177	<b>61</b> A Journey Of Self-Discovery DR. VASANTHI A/P SUBRAMANIAM IPG KAMPUS KENINGAU	211
<b>50</b> My Bitter And Sweet PhD Journey TAN TONG HOCK (PhD) IPG KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK	179	<b>62</b> Ph.D: Antara Cinta, Impian dan Pengorbanan HANIFAH BINTI SABIN, Ph.D IPG KAMPUS KENINGAU	213
<b>51</b> PhD Satu Perjuangan: Refleksi Dan Cabaran DR ROMY B. ABD KADIR IPG KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK	182	<b>63</b> Tekad Merealisasikan Kejayaan LIONG KON THAI, Ph.D IPG KAMPUS KENINGAU	217
<b>52</b> A Dream Come Thru' DR. SUGUNA SANKARAN IPG KAMPUS ANTARABANGSA	185	<b>64</b> Genggam Bara Api Biar Sampai Jadi Arang DR. SAIDAH KHADIJAH BINTI AHMAD IPG KAMPUS KENINGAU	221
<b>53</b> PhD: Satu Perjalanan Yang Bermakna DR. NIK ASILAH BINTI NIK ALI IPG KAMPUS ILMU KHAS	188	<b>65</b> PhD - Impian Yang Jadi Kenyataan DR. SITI NAFSIAH BINTI ISMAIL PUSAT PERANCANGAN, PENYELIDIKAN DAN INOVASI, INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA	224
<b>54</b> 'PhD' Harapan Jadi Kenyataan ZAHIAH BINTI HARIS @ HARITH, Ph.D IPG KAMPUS ILMU KHAS	192	<b>66</b> Perjalanan Hamba Daif (PhD) DR. ZURAI DAH BINTI ISMAIL PUSAT KECEMERLANGAN AKADEMIK INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA	227
<b>55</b> Angka 2 Dalam PhD Ku DR. HAJARUL BAHTI BINTI ZAKARIA IPG KAMPUS ILMU KHAS	195	<b>67</b> Jangan Pandang Belakang DR. ZANARIAH BINTI IBRAHIM PUSAT PEMBANGUNAN LATIHAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA	233
<b>56</b> Beauty Without Brain FAUZILA BINTI ABDUL LATIF, Ph.D IPG KAMPUS ILMU KHAS	198	<b>68</b> Menelusuri Perjalanan PhD: Suatu Pengalaman Dalam Membina Kemahiran Menjalankan Penyelidikan DR. MOHD RAZIP BAJURI PUSAT PEMBANGUNAN LATIHAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA	235
<b>57</b> Liku Perjalanan PhD Ku MAISITAH BINTI TAIB, Ph.D IPG KAMPUS ILMU KHAS	200	<b>69</b> My Journey Of PhD Life DR. BUSHRA LIMUNA HAJI ISMAIL PUSAT PEMBANGUNAN LATIHAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA	242
<b>58</b> "Don't Forget To Smell The Roses Along The Way..." LIZA ISYQI BINTI RAMLI, Ph.D IPG KAMPUS ILMU KHAS	202	<b>70</b> My Doctoral Journey MUNIRAH BINTI HANAFI @ MOHD GHANI, Ph.D PUSAT PERANCANGAN, PENYELIDIKAN DAN INOVASI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA	245
<b>59</b> Menuju Cita-cita PhD Impian Selamanya MAIZATUL SURAYA BINTI MUHAMMAD NOR, Ph.D IPG KAMPUS ILMU KHAS	206	<b>71</b> Nur PhD DR NOR'AIN SULAIMAN PUSAT PEMBANGUNAN LATIHAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA	247
<b>60</b> Kita Bukan Sesiapa... WAN NOOR SIAH WAN ABDULLAH, PhD IPG KAMPUS TEMENGGONG IBRAHIM	208		

# KATA ALU-ALUAN

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada warga IPGM dan IPG Kampus kerana telah dapat menghasilkan sebuah naskhah berkaitan suka duka pengalaman menamatkan Ijazah Kedoktoran dengan jayanya. Saya percaya penerbitan buku ni memerlukan komitmen yang tinggi semua penulis kerana bersedia mencoret warna-warni perjalanan PhD untuk tatapan pembaca.

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Pusat Pembangunan Latihan, IPGM yang mengambil inisiatif untuk membukukan hasil nukilan ini agar menjadi satu bahan kolektif pembakar semangat semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan KPM yang sedang menyambung pengajian agar tidak menyerah kalah dan terkandas dipertengahan jalan. Di samping itu naskhah ini juga diharap dapat menjadi pendorong dan penguat semangat PPP yang bersedia untuk menyambung pengajian sehingga ke peringkat Ijazah Kedoktoran.

Sejak penubuhan PROSPEN IPG pada tahun 2013 sehingga kini terdapat 639 pensyarah kedoktoran yang banyak memberi tunjuk ajar kepada PPP yang sedang melanjutkan pengajian tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran. Pencapaian terbesar PROSPEN IPG bukan sahaja jumlah PPP IPG yang berjaya menamatkan pengajian di bawah penyeliaan dan bimbingan tetapi juga PPP KPM khususnya di sekolah-sekolah yang memberi kepercayaan kepada kepakaran pensyarah IPG dalam membantu mereka menuju puncak kejayaan.

Saya percaya bahawa kecemerlangan yang dicapai di IPGM haruslah dikongsi bersama semua warga KPM. Sesungguhnya bimbingan dan program sokongan pensarjanaan ini dapat menghasilkan lebih ramai PPP Kedoktoran seiring dengan matlamat Transformasi IPG 2016-2025 iaitu Kluster 8 Pemantapan Pembangunan Profesional Keguruan.

Akhir kalam, semoga pembaca mendapat manfaat daripada naskhah ini dan kepada penulis teruskan minat berkarya demi menghasilkan budaya kerja yang cemerlang. InshaAllah.

**Dr Rusmini binti Ku Ahmad**  
**Rektor**  
**Institut Pendidikan Guru Malaysia**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**



**Dr Rusmini binti Ku Ahmad**  
REKTOR  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



**MY** . . . . .  
**DOCTORAL**  
**JOURNEY**<sub>3</sub>  
. . . . .

Negara menyasarkan untuk memiliki 60,000 orang pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) menjelang 2023. Alhamdulillah, penulis merupakan salah seorang pemegang Ijazah Doktor Falsafah sejak tahun 2009 lagi. Kejayaan penulis memperolehi PhD merupakan suatu pengiktirafan akan kemampuan penulis sebagai penyelidik. Ini kerana kumpulan bakat berpengetahuan tinggi dan mempunyai kemahiran penyelidikan ini diperlukan bagi memacu ekonomi yang berteraskan kreativiti dan inovasi. Apakah signifikan pemegang PhD kepada sistem pendidikan negara? Semakin ramai rakyat sesebuah negara memiliki PhD, maka semakin tinggilah martabat pendidikan negara di mata dunia. Seperti kata penulis buku *Think and Grow Rich*, Napoleon Hill: *“Orang berjaya, tidak pernah berhenti daripada menuntut ilmu berkaitan profesion mereka. Mereka yang tidak berjaya adalah mereka mempercayai masa untuk menuntut ilmu berakhir sebaik sahaja seseorang itu menamatkan persekolahan.”* Prestasi ekonomi negara pada ketika ini diukur berdasarkan tahap kemahiran dan inovasi pekerja dengan dokongan penyelidikan dan pembangunan. Aktiviti penyelidikan meningkatkan penerokaan dan penciptaan ilmu baharu. Tanpa penyelidikan ilmu menjadi statik dan tiada kemajuan dalam kehidupan.

Mari kita kaji perkembangan sejarah atom. Sebelum kita mengkaji lebih mendalam, elok kiranya kita memahami apakah maksud jirim? Jirim ialah zarah-zarah kecil yang mempunyai ruang dan jisim. Jirim dibentuk oleh atom. Zarah atau atom ialah unit yang paling asas bagi setiap benda hidup dan bukan hidup yang wujud di bumi ini. Molekul pula terdiri lebih daripada dua atom. Apakah saiz dan gambaran sebutir atom? Sekiranya anda ada sebatang kapur, kemudian dipotong menjadi dua bahagian dan seterusnya hingga tidak dapat dipotong lagi. Bahagian terkecil yang tidak dapat dipotong lagi inilah mulanya berkembangnya konsep atom dalam sejarah manusia.

Walaupun bagaimanapun gambaran ini hanyalah secara kasar sahaja dan bukan ukuran sebenar saiz atom. Untuk lebih jelas lagi, cuba bayangkan apabila manusia mengecil sehingga 1000 kali. Mungkin saiz manusia seperti seekor semut iaitu kiraan milimeter dan apabila manusia bersaiz seekor semut mengecil 1000 kali lagi akan membawa kepada saiz bakteria iaitu mikron. Pada saiz ini mata manusia tidak mampu untuk melihat dan perlukan alat untuk melihat objek pada saiz ini. Pengecilan bakteria 1000 kali lagi akan memberikan skala nano dan ini adalah anggaran saiz bagi atom. Konsep atom telah dijelaskan oleh Allah dalam al-Quran dalam surah yang ke-34 ayat 3 yang bermaksud; *“..... tiada tersembunyi daripada pengetahuan-Nya sebesar zarah pun yang ada di langit atau di bumi, dan tidak ada yang lebih kecil daripada itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang nyata.”*

Sejarah perkembangan atom bermula pada tahun 1808 apabila John Dalton menemui atom yang merupakan zarah yang paling kecil. Pada tahun 1897 elektron ditemui oleh J.J Thomson diikuti penemuan proton dan nukleus oleh Rutherford pada tahun 1911. Neils Bohr pada tahun 1913 menemui elektron yang bergerak mengelilingi nukleus. Pada tahun 1932, James Chadwick menemui neutron dalam nukleus. Perkembangan atom ini berlaku kerana saintis membuat penyelidikan berterusan tentang atom. Sifat obsesi seorang saintis yang bermula dengan satu penyelidikan, seterusnya mengheret kepada penyelidikan-penyelidikan lain. Perasaan ingin tahu, sentiasa membuat pemerhatian, suka berfikir dan pencerapan adalah sikap yang perlu ada pada mereka yang membuat penyelidikan dalam bidang sains. Benarlah apabila

Isaac Newton ditanya bagaimana beliau menemui hukum graviti? Beliau menjawab, “sentiasa memikirkannya”. Terdapat banyak ayat di dalam al-Quran yang meminta manusia memikirkan penciptaan alam. Antaranya ialah Surah Nuh ayat 15-16 Allah menyatakan yang bermaksud, “*Tidakkah kamu mengetahui dan memikirkan bagaimana Allah telah menciptakan tujuh petala langit bertingkat-tingkat dan ia menjadikan padanya bulan sebagai cahaya serta menjadikan matahari sebagai lampu (yang terang benderang).*”

Apakah signifikan topik atom dalam kehidupan harian? Penerokaan ilmu berkaitan atom menjerus kepada penemuan tenaga elektrik, tenaga solar, tenaga nuklear, bom atom, penemuan bahan nano dan berbagai aplikasi yang memudahkan kehidupan harian. Ini bertepatan dengan apa yang dikatakan Richard Philips Feynman seorang ahli Fizik Amerika Syarikat pada tahun 1959 apabila beliau memberikan ucapan bertajuk “*There’s plenty of room at the bottom*” (masih terdapat banyak ruang di bawah). Penerokaan atom dan molekul yang telah dimanipulasikan atau diubahsuai strukturnya menjerus kepada penemuan nanoteknologi. Kemampuan untuk memanipulasi bahan pada skala atom adalah sangat penting kerana pada skala ukuran inilah bahan mulai membentuk sifat-sifat tertentu berdasarkan strukturnya.

Salah satu peranti yang menggunakan nanoteknologi adalah telefon bimbit. Telefon bimbit pada masa kini boleh diibaratkan sebagai “*all in one*” kerana fungsinya yang pelbagai dan boleh menggantikan fungsi peranti-peranti lain. Berbekalkan kata-kata Richards Philips Feynman, penulis menjalankan kajian PhD bertajuk ‘*Zinc Oxide Thin Film Gas Sensor for detecting Carbon Monoxide*’. Sebelum tajuk ini dimuktamadkan berbagai tajuk kajian berlegar-legar di kepala penulis. Di antaranya ialah ‘*Zinc Oxide Thin Film Gas Sensor for detecting Trimethylamine Anhydrous*’ (TMA). Penulis tidak meneruskan tajuk kedua ini kerana gas TMA yang dipesan mempunyai kepekatan yang tinggi. Oleh itu, kepekatan yang tinggi ini menyebabkan sistem pengesanan gas dan gas test chamber tidak dapat berfungsi dengan baik. Penulis akhirnya mengambil keputusan untuk menukar gas kepada carbon monoxide yang kekekatannya lebih rendah kerana gas ini telah tersedia ada di dalam makmal.

Penulis mengambil masa lebih kurang 3 bulan membaca jurnal-jurnal terkini berkaitan penyelidikan tajuk kajian. Pertama kali membaca artikel-artikel tersebut, penulis berasa amat sukar memahami kerana banyak istilah baharu yang tidak difahami. Penulis melihat perkara ini sebagai satu cabaran dan mula melakukan penerokaan. Penulis juga menganggap ini bukan satu halangan kerana “hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih”. Strategi pertama yang penulis ambil ialah penulis memasuki kelas pelajar *undergraduate Physics*. Antara kelas atau kursus yang penulis ikuti ialah *Material Science, Solid state Physics, Advanced electronics, Instrumentation and data acquisition, Vacuum and Thin Film Technology, Semiconductor Physics* dan *Computer Interfacing*. Selepas penulis mengikuti kursus-kursus ini yang mengambil masa lebih kurang satu setengah tahun, Alhamdulillah, barulah penulis berasa mudah memahami artikel-artikel yang dibaca. Benarlah peribahasa “*Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*”.

“PhD ini tidak cukup dengan hanya kerajinan tetapi perlu sedikit kebijaksanaan. Ianya merupakan sebuah pengurusan” (Dr Johari Surif). Ya PhD ialah sebuah pengurusan sendiri iaitu sejauh mana kita menguruskan diri, pembelajaran, disiplin, masa, tanggungjawab terhadap keluarga, anak-anak, ibu bapa, penyelia dan rakan-rakan. Dalam masa satu setengah tahun ini juga semasa menghadiri kursus-kursus yang di atas, kebanyakan masa penulis dihabiskan di makmal tempat penulis melakukan penyelidikan atau eksperimen. Di makmal penulis belajar bagaimana menggunakan peralatan yang berkaitan dengan penyelidikan penulis iaitu *Ceramic Target Preparation, Dry Pressing, Sintering of target, sample preparation & cleaning, Magnetron Sputtering System, Deposition process, deposition of electrode, Fabrication of masks for evaporated Interdigital Electrodes* dan *Evaporation of electrode using thermal Evaporator*.

Bagi mereka yang membuat penyelidikan dalam bidang STEM iaitu Sains (Fizik, Kimia dan Biologi), Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik, kemahiran manipulatif atau penggunaan alat adalah salah satu kemahiran yang perlu dikuasai. Untuk menggunakan alatan yang disebut di makmal, penulis perlu membuat sampel menggunakan *Zinc Oxide* yang terdapat di makmal. Walaubagaimanapun *Zinc oxide* yang ada di makmal mempunyai ketulenan yang rendah dan sesuai digunakan untuk proses pembelajaran secara *trial and error*. Bagi mendapatkan keputusan yang signifikan penulis perlu memesan *Zinc Oxide* dan *Aluminium Oxide* (yang akan di dop dalam *Zinc Oxide*) dengan ketulenan yang tinggi iaitu sekurang-kurangnya 99.99%. Biasanya pihak Fakulti membeli bahan-bahan ini daripada negara seperti Amerika Syarikat. Ketika penulis membuat penyelidikan PhD ini peperangan Teluk antara sekutu Amerika Syarikat dan Iraq sedang berlaku. Ini menyebabkan pesanan penulis dipersoalkan oleh kerajaan Amerika Syarikat. Apabila mereka berpuas hati yang pembelian ini adalah untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran barulah bahan yang dipesan ini dihantar ke negara ini. Penulis terpaksa menunggu bahan ini hampir setahun untuk sampai ke tangan penulis.

Sementara menunggu *Zinc Oxide* dan *Aluminium Oxide* sampai, penulis membina sistem pegesanan gas dan *gas test chamber*. Penulis berasa beruntung kerana rakan penulis yang merupakan pensyarah UTM adalah pelajar PhD yang telah mengikuti pengajian selama 6 semester telah membina gas detection System. Penulis hanya perlu membina gas test chamber sahaja. Hasil daripada pembacaan kajian literatur akhirnya penulis berjaya membina gas test chamber menggunakan selinder stainless steel dengan ukuran yang penulis tetapkan daripada bacaan literatur. Selepas gas test chamber disiapkan langkah seterusnya ialah menguji sama ada *gas test chamber* itu berfungsi atau tidak. Jadi penulis perlu menyediakan sampel-sampel untuk diletakkan didalam *gas test chamber*. Penulis berasa bersyukur kerana gas test chamber yang penulis bina berfungsi apabila berlaku kenaikan suhu dan bila dialirkan gas *carbon monoxide*.

Di samping itu penulis juga perlu belajar menganalisa sampel menggunakan *Field Emission Scanning Electron Microscope (FESEM)*, *Energy Dispersive Analysis by X-Ray (EDX)*, *Atomic Force Microscopy*, *X-ray Diffraction (XRD)*, *UV Spectrophometer* dan *surface Profile*. Semua peralatan yang penulis sebutkan diatas melibatkan penerokaan terhadap atom, melihat partikel nano dan memanipulasi mereka untuk menghasilkan sesuatu bahan ataupun peranti yang boleh digunakan di dalam pelbagai bidang. Sebaik sahaja bahan yang penulis pesan sampai, tanpa menoleh ke belakang penulis terus membuat eksperimen demi eksperimen sehingga penulis menemui sampel yang dapat memberikan tindakbalas yang optimum terhadap pegesanan gas *carbon monoxide*. Penulis merasa bersyukur kerana eksperimen demi eksperimen yang penulis lakukan akhirnya membuah hasil dan mencapai objektif kajian yang penulis kehendaki. Bagi sesiapa yang pernah terlibat dengan penyelidikan dan eksperimen sains belum tentu sesuatu eksperimen yang dilakukan itu mendapat keputusan seperti yang disebut dalam teori kerana banyak pemboleh-ubah yang perlu diambil kira atau perlu dikawal semasa sesuatu eksperimen itu dijalankan. Kata-kata Thomas Edison semasa melakukan eksperimen demi eksperimen untuk mencipta mentol sentiasa menjadi motivasi kepada penulis, "Saya belum gagal. Saya telah menemui 10 000 cara yang menghasilkan keputusan berbeza."

Penulis telah memanipulasi struktur molekul *Zinc Oxide* dengan pendopan *Aluminium oxide* yang berbeza dalam penyelidikan PhD ini. Penulis juga memanipulasi struktur molekul *Zinc Oxide* dengan menaikkan suhu persekitaran yang berbeza. Bagaimanakah struktur molekul *Zinc Oxide* ini dimanipulasi? Apabila penulis mencampurkan *Zinc Oxide* dengan benda asing yang dipanggil pendopan, *Aluminium Oxide*, penulis sebenarnya telah memanipulasi pembawa

cas positif iaitu lohong (proton) dan pembawa cas negatif, lubang (elektron) dalam struktur molekul *Zinc Oxide*. Dengan memanipulasi struktur molekul *Zinc Oxide* yang telah didop dengan *Aluminium Oxide*, penulis berjaya menghasilkan sampel yang boleh dibuat peranti bagi mengesan karbon monoksida. Inilah hikmah melakukan penyelidikan kerana melalui penyelidikan penemuan baharu diperolehi dan keajaiban molekul *Zinc Oxide* dapat diterokai.

Mutiara kata saintis Islam Ibnu Haitham berikut, adalah motivasi kepada penulis untuk terus melakukan penyelidikan demi penyelidikan. “Selagi aku masih bernyawa, aku akan gunakan seluruh tenaga dan kekuatan untuk melakukan kegiatan ilmiah supaya dapat memberikan kebaikan dan manfaat kepada orang yang mencari kebenaran, menyatakan persoalan yang berada dalam pemikiranku dan bekalan untuk hari tua.” Penyelidikan atom adalah penerokaan ilmu yang tiada penghujung. Semakin banyak kajian dilakukan terhadap atom semakin banyak penemuan baharu akan ditemui. Ini bertepatan dengan apa yang dikata oleh Michael Faraday, *“I must confess I am jealous of the term atom; for though it is very easy to talk of atoms, it is very difficult to form a clear idea of their nature”*. Memahami ciptaan atom akan menyebabkan seseorang merasai kebesaran Allah. Melihat keajaiban atom yang begitu menakjubkan, sudah pasti Pencipta itu Maha Hebat dan tiada tandingan-Nya.



This had been a chance of a lifetime experience. The guidance, supervision, and expertise I had received in the United States had greatly assisted my studies in educational leadership. I came to Colorado State University under the sponsorship of the Malaysian Ministry of Education. As a member of the pioneer group sent to America to pursue our PhD, it was a great honor to study here with the large goal of bringing back valuable knowledge from the United States educational system. It was my sincere hope to do just that. Even though the cultures were different, the spirit that I gained from the American education perspective and community was the best.

First, thank you Allah for this opportunity that I never expected in my life. I wanted to thank my family. My mother, Hjh. Haminah Binti Mohamad Noor and late father, Ismail Bin Muhammad, they are my biggest role models, as are my father-in-law, Hj. Kamaruddin Mat Som and late mother-in-law, Hjh. Sukme Samdin. I hope this work made them proud. I especially wanted to thank my backbone in the United States, my wife, Ria Sulinda Kamaruddin and my four children, Johan, Alia, Irfan and Widad. Without their love and support, I would not have the strength to complete this work.

Next, I would like to thank my committee for their time and guidance through this process that had taken over three years. Without Professor Dr. William M. Timpson's support, guidance and encouragement, I would still be stuck in the middle of this process. He always kept my journey on the right track. I also wanted to thank my methodologist, Professor Dr. James Banning, who introduced qualitative analysis in an effective way and helped make my analysis authentic in the right way. Thank you Assistant Prof. Dr. Alina Waite for always making my day bright with your calming effect and good advice on my journey, and Assistant Professor Dr. Jennifer E. Cross, your spirit inspired me to take this challenge as something incredible to bring back to Malaysia. I also wanted to thank Debbie McQueen and Jared Gassen for guiding me in my writing and make it as good as possible.

I would like to thank my sponsorship, the Malaysian Ministry of Education for trusting and believing in me to come to Colorado State and get a PhD. Without their sponsorship, it would only still be a dream to come here with my family.

I would like to thank the principals and teachers who participated in this study for their openness and time. Their cooperation throughout this process had been the best and they had allowed for this study to be completed. It was their insights that I brought back to Malaysia.

Also, I wanted to thank the International Office Program for always giving me a chance to lead programs, and Kathy Lucas and Neda Amidon for always preparing the paperwork for me. I also wanted to thank my previous advisor, Prof. Dr. Ellyn Dickmann for always reviewing my work even though she was far away in Wisconsin. And, thanks to all Professors and staff in Colorado State University.

Last but far from least, my Malaysian friends, American friends and my International friends from all over the world!

This work is dedicated to my mom, Haminah, who always trusts my ability. My late father, Ismail that's always in my heart. My wife, Ria Sulinda, for taking care of the family while I am away at school. And, my four angels, Johan, Alia, Irfan and Widad, you are my inspiration and I hope this hard work you have witnessed will be an inspiration for your own hard work in the future. Also, to my siblings, Ali, Anom, Alan, Aman, Ana and Opy and all other family members.

To the Malaysian Ministry of Education, I hope this small contribution will bring a huge paradigm shift for Malaysian education in the future.

I began my teaching career at a young age. I got an order from the Ministry of Education to be a teacher in a rural area in Pahang State called SK. LKTP Mempaga 2 primary school when I was 20 years old. From the beginning, it was very difficult. My job was to teach music for rural area students who did not have a background in music and their parents also did not encourage their kids to study music, as they wanted their children to merely concentrate on exam subjects. After a month, my students were starting to like the style of my teaching. I knew as a music teacher that I needed to be more effective and colorful. I needed it to be fun, with more games during the lessons and it worked. After a year, the people of the community and school accepted me as a music teacher. This was a wonderful moment and a highlight of my early teaching career, to take this difficult teaching challenge and to earn acceptance from the community.

After three years of being a teacher, I applied for a scholarship to further my study. I was lucky because the former Prime Minister Tun Mahathir had launched the Look East Policy during that time. He wanted to send more Malaysian students to Japan, not only for studying but also to learn about the work ethic of the Japanese people. I was selected from 600 teachers who interviewed to be among twenty students to go to Japan.

I was in Japan for five and a half years, from the middle of 1994 to March 2000. Not only did I get my first degree, but I found a partner in life, two children, and many amazing experiences working part-time at a pump station. I also began to seriously get involved with the Malaysian Student Association and I used these opportunities to visit all around Japan and Europe. I trusted Mahathir's policy in sending me to Japan. I still remember his advice to us, "In Japan you are not only studying but you are also a small ambassador for Malaysia." I believed it and acted accordingly. I went back to Malaysia with my wife and kids in March 2000. I was given a post at the Science Secondary Boarding School, Pasir Puteh, in Kelantan State as a Japanese language teacher.

In 2003, I began studying for a master's degree in Educational Management at Malaya University, in Kuala Lumpur. Every Thursday I took the night bus to Kuala Lumpur, which took twelve hours to arrive, and every Saturday night I took the same bus back home so that I could be at my school on Sunday morning. I did this every week for two years until I successfully graduated in 2005.

Two years after graduating with a master's degree, I received a promotion offer from the Ministry of Education to become a lecturer at the Kelantan State Teacher Training Institute. It was an amazing surprise to receive that opportunity. Even though it was sad to leave the rural school, I accepted the offer. I began teaching students who had finished high school and entered this institute to get a degree in education and a teacher's license.

A year later, I got another unexpected opportunity from the Ministry of Education to work on a PhD in the United States. We were advised by the scholarship division to pursue our PhD degree in the United States because we could obtain more educational leadership content with more frequent lecturers and internship programs available. It wasn't even in my dreams to get a PhD when I started as only a certificate teacher. My first thought was to thank God, then my mom and dad, as they always trusted my abilities and gave their support. From the time I started in 1989 as a rural elementary school teacher, until I flew to the United States to work on a PhD took twenty years. The Ministry of Education has continuously given me opportunities to learn more and upgrade my profession.

This had been a chance of a lifetime for me. The guidance, supervision, and expertise I had received in the United States had greatly assisted my studies in educational leadership. All the experiences in Japan during my undergraduate studies, teaching experiences in primary, secondary and at the Teachers Training Institute, and finally the experience gained during my studies in the United States, had surely strengthened my chances of becoming a good leader in the future. To be an effective leader, theory is not enough; I also must dig into all the knowledge based on the experiences of my studies and work experiences. I hope to become a specialist in educational leadership and management to implement new ideas in the Malaysian system of education and also to be a good leader in the future.

#### **POEM OF LIFE**

Life is but a stopping place,  
A pause in what's to be,  
A resting place along the road,  
to sweet eternity.  
We all have different journeys,  
Different paths along the way,  
We all were meant to learn some things,  
but never meant to stay...  
Our destination is a place,  
Far greater than we know.  
For some the journey's quicker,  
For some the journey's slow.  
And when the journey finally ends,  
We'll claim a great reward,  
And find an everlasting peace,  
Together with God!  
- Author unknown

This poem reflects my personality, because I feel that I'm only a small hummingbird who has the spirit to be strong like an eagle. I came from a small country and with only a little knowledge of United States (the Eagle) with hopes that I will gain brilliant knowledge and experiences during my time staying and studying here for 3 years. This simple biography is about my life when I started my journey in Colorado from the beginning to after I earned the wings to fly high.

#### **1. My country and sponsorship**

I came to Colorado State University under the sponsorship of the Malaysian Ministry Of Education. As part of a pioneer group sent to the USA to pursue our PhDs, it has been a great honor to be studying here under the sponsorship of the Malaysian Ministry of Education, and to gain a valuable knowledge from United State education system.

## **2. The journey of my studies**

Currently I'm doing my 2nd year of PhD in Educational Leadership, Renewal and Change with a specialization in Human Resource Management. This coming Fall semester, hopefully I will be done with all the coursework and proceed to my preliminary exam this coming winter break.

## **3. Involvement in student and international organizational**

When I got a chance from government to study abroad for the second time, (the first time was in Japan, 1995 – 2000), I realized that my strengths are not only because I digging into new knowledge but my orientation toward socializing with other people. Being involved with many people is one of my main interests and getting involved with all of the International Office Programs at CSU and also with Student organizations such as the Council for International Student Affairs (COISA) and Slice have made my life at CSU more meaningful. During Spring 2010, I was selected as a Presidential Fellow of CSU, attended Leadership Training under Slice Executive Annual Program and also won the position of the Marketing Officer for COISA. For Fort Collins city, I have been involved as a Cultural Mentor, Mentor Ambassador and also as a Community Coordinator for Housing and Dining Department for 2009 – 2010.

## **4. CSU and School of Education**

When I got an offer letter from CSU, it was just like a dream come true. After applying almost 14 universities in the USA, CSU give me a wings for me to fly and study in the School of Education. I still remember when I took my 1st step here at the School of Education, and, I met Prof.Timpson, the Chair of the Program. I explained to him the big task that we bring from our sponsor, the Malaysian, Ministry of Education: that we are not only a pioneer group sent to USA to get PhDs but also to gain as many experiences as we could during our studies in the American education system and bring them home to to implement them in the Malaysian education system.

## **5. My Plan of Study**

I wrote my plan of study when I was in my 3rd semester. I took many extra courses since I was thinking it will be very helpful for me to understand the American education system. Even though the required credits are only 60 plus 9 for prerequisite papers, but I have taken almost 87 credits. This has been good for my personal experience but in the end, I found that I could not balance everything and get good grades. Even though in the courses I got A's and only 3 B's, I got 2 bad grades on my research papers. This is a bad experiences, since I couldn't get enough time to prepare a good final paper after I took so many courses that semester. I realized that it was a good lesson for me that in grad school, taking 3 courses per semester is best so that I can have enough time to prepare and do assignments. I believe that being well-prepared in designing a Plan of Study before submitting it to the Grad of School is the best way to make your journey in PhD smoothly. I also found out recently that once you submit GS6, you cant make any change easily except with approval from your advisor. Luckily, my advisor, Prof. Timpson is a very supportive person and he helped me a lot to clarify so many things regarding the GS6 form.

## **6. Coursework taken**

Spring 2009 – 3 courses

EDUC715 / EDOD769/ EDOD665

Summer 2009 – 3 courses

EDRM600/ EDOD692/ EDOD670

Fall 2009 – 4 courses

EDUC709/ EDUC713/ EDRM704/ EDUC725

Spring 2010 – 5 courses

EDUC714/ EDOD671/ EDRM606/ EDRM700/ EDRM705

Summer – 3 courses

EDUC716/ EDOD667/ EDUC795

Fall – 2 courses

EDUC 675 (will substitute to EDRM course) / EDRM782

### **7. Completing my study**

As a scholarship student from the Malaysian Ministry of Education, I have a tight time frame to complete my PhD. Something Prof. Timpson said in the EDUC716 class is that a PhD is a journey to gain a high level of knowledge in education. It is not based on how brilliant a person is, but it requires passion and strength throughout the journey. Sometimes, I feel I am in a very hard position as English is my 3rd language after Malay and Japanese language, but I know hard work will pay off. I will make sure to do whatever it takes to complete my study in the time frame given by my sponsors and at the same time, work closely with my committee especially my main advisor, Prof. Timpson. It is still hard to say what is going to happen in the future but with a prayer, hard work, full support from family and advisor, and dedication to what I'm doing, I hope I can complete my Phd smoothly and successfully.

### **8. Future action**

I hope I can bring all the valuable knowledge and experiences I have gained during my study in USA back to Malaysia. Even though the culture is different, the spirit that I have learned from the US educational perspective and community has been wonderful. I have a dream to write an autobiography about my experiences studying in Japan and the USA. I would like to write a story about comparing all the cultures and educational systems I've experienced during my life in two leading countries.

### **9. Appreciation**

I would like to thank the Malaysian Ministry of Education, The Colorado State University School of Education, my committee members, my advisor, Prof. Dr. Timpson, the International Office Program, Katie Lucas and Neda Amidon for always helping me with papers, my previous advisor, Dr. Ellyn Dickman and finally to my family especially my mother for her prayers for my success in this journey and to my backbone in USA, my wife and 4 kids.

### **10. My dream.....**

I want to make CHANGE in a PEACEFUL way, but how? The answer is.....

When I read In Teaching and Learning Peace (William M. Timpson, 2002) , Prof Timpson wrote about his father and mother in the introduction and I think that is the best people to learn about peace! I loved that chapter. It gave me a big impact about peace in the world!

I was inspired to continue to teach knowing that I was able to make a difference in people's lives. I loved my position as a primary and secondary school teacher and lecturer at the Teacher's Trainee Institute. I realised that as teachers we cannot change or fix everyone, but if we can help one child, isn't it all worth it? I don't regret becoming a teacher and don't think I ever will. I feel quite satisfied with my career as a teacher. There is a common phrase in Malaysia that if one teaches good knowledge to people, then millions of good knowledge will come to your kids. I trust this saying. I feel happy when students feel good with me in the classroom. I am not only a teacher, but also would like to be a father-type mentor or be their good friend. It is hard to make everybody happy with us but once we show our honesty in life, people will realise it!

Working as a teacher feels suitable to my life. When I am in the surroundings of the school, I feel so comfortable and so much empathy for my students. I always imagine that if I am doing good things for my students, other teachers also will do the same things for my own children in their schools.

My mother has always been my role model, especially for being a good teacher. I can always remember back to what she did for me while I was in school. She taught me discipline in doing homework and structure with studying. I now do the same things for my students and my own children at home when I help them to do homework.

My mother and father are my best role models. I believe they are extraordinary individuals, despite the fact that my father was only a driver in the police department and my mother does not know how to read or write. Their parenting styles were highly effective; both of them motivated me to excel academically and to be a good Muslim. My father always had a big dream; he wanted me to study hard to be a good and wealthy person in the future. My father passed away twelve years ago but I can feel that he is satisfied with my achievement just as he hoped. He could see how bright my future was before he died.

My mother-in-law also provided much encouragement for me while pursuing my PhD in the United States. She always motivated me when I was not very sure about my decision to come to the United States. She was a school teacher for almost 25 years and ended her career as a principal. She was extremely excited when she learned that I was going to do research about education and specifically on principalship. I remembered how she would write a letter to me every week with motivating words to give me confidence in this journey. We shared ideas about education in the United States compared to Malaysia and she loved to hear about my experience with American principals and schools during my research.

She passed away in May 2011, but she is still in my heart. I received her last letter one month before her death. In the letter she wrote almost ten pages sharing her thinking about education in Malaysia and her role as a teacher and principal. I still keep the letter, as I think it is the best letter I had received from her and I never expected that it would be her last letter to me. In one of the paragraphs she wrote about her hope for my life and study in America, "Rozi, I hope what I wrote for you is what you really need to help you in your studies. I pray you do well for your exam and may Allah guide you to success, Amin! Take care of your health. Love, Mak!"

I came to Colorado State University under the sponsorship of the Malaysian Ministry Of Education. As a member of the pioneer group sent to America to pursue our PhD, it was a great honor to study here with the large goal of bringing back valuable knowledge from the United States educational system. It is my sincere hope to do just that. Even though the cultures are different, the spirit that I learned from the American education perspective and community is the best.

I would like to thank my sponsorship, Malaysia Ministry of Education, Colorado State University, specifically the School of Education, my committee members especially my advisor, Prof. Dr. Timpson, methodologist, Prof. Dr. Banning, Assistant Prof. Dr. Alina Waite, Assistant Prof. Dr. Jennifer Cross, the International Office Program for always giving me a chance to lead programs, Kathy Lucas and Neda Amidon for always preparing paperwork for me, my previous advisor, Dr. Ellyn Dickman and finally to my family, especially my mom for her prayers for my success in this journey, and my backbone in the United States, my wife and four children.

I have a vision in my life and in my dreams: to be a good leader in an educational organization. There is still a long journey ahead for me, but by taking the steps that I am taking now, I am sure that I making my dream come true.

Cabaran menyiapkan PhD dalam tempoh yang ditetapkan berbeza bagi setiap pelajar PhD. Bagi aku, PhD bukan semata-mata mendapat segulung ijazah tetapi lebih kepada menghadapi cabaran yang mungkin boleh memamatkan semangat untuk meneruskan perjalanan yang panjang. Ini berkait dengan tindakan yang perlu diambil dan bagaimana mengatasi perkara tersebut. Hasilnya menjangkau ilmu yang diperoleh ketika melalui proses perjalanan PhD itu sendiri.

Sebelum aku memulakan langkah pertama, perbincangan daripada hati ke hati telah dibuat dengan suami kerana perjalanan pengajian yang panjang, Secara tidak langsung tuntutan masa akan mengganggu kehidupan rumah tangga. Suami perlu diberi kefahaman bahawa kehidupan seterusnya akan mengalami perubahan yang besar.

Perjalananku bermula apabila berjaya mendapat tawaran Hadiah Latihan Persekutuan Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBPTB). Oleh itu, aku pun memohon untuk belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pengajian Pengurusan Sukan. Aku pun mula mendaftar di UKM pada September 2011. Bermulalah kehidupan baru aku sebagai seorang pelajar PhD sepenuh masa. Perasaanku bercampur baur. Rasa takut menyelubungi diriku untuk mengharungi perjalanan ini. Adakah aku sanggup memikul beban ini? Namun keputusan telah dibuat, aku harus melalui perjalanan ini dengan tekad dan tabah.

Langkah pertama yang aku ambil ialah menghubungi penyelia untuk sesi pengenalan dan menentukan arah tuju tajuk proposalku. Ingatan sering diberikan semasa sesi orientasi pelajar baharu iaitu apabila berjumpa penyelia jangan datang dengan tangan kosong. Oleh itu, aku telah menyiapkan satu draf proposal dalam bidang sukan untuk dibawa perbincangan bersama dengan penyelia. Pertemuan pertama dengan penyelia membuatkan aku tergamam kerana penyelia aku ialah seorang wanita Cina berketurunan baba nyonya, berumur sekitar awal 30-an dan lulusan PhD dari salah sebuah universiti di Australia. Masih muda dan mempunyai idea dan wawasan yang amat tinggi. Namanya ialah Dr Denise Koh Choon Lian. Rupa-rupanya aku merupakan pelajar PhD pertama beliau. Dalam hati terdetik, bolehkah aku mengikuti langkah kerja beliau. Memandangkan aku telah berusia pertengahan 40-an dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap keluarga, rumah tangga dan anak-anak yang bakal menduduki pelbagai jenis peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

Hasil perbincangan pertama, penyelia aku tidak bersetuju dan menolak proposal aku. Alasan yang diberikan adalah bukan bidang kepakaran beliau. Namun penyelia aku menekankan bahawa tajuk proposal peringkat PhD perlulah mempunyai nilai impak tinggi dan dapat memberi sumbangan kepada komuniti. Sekadar mengedarkan soal selidik atau membuat modul untuk kajian bukanlah tahap PhD yang ditetapkan. Aku mula berfikir macam-macam. Penyeliaku mencadangkan merangka kajian mengikut bidang kepakarannya iaitu bidang kesihatan umum kepada orang dewasa.

Fikiranku buntu dan kabur. Aku pun mula mencari-cari dan membaca pelbagai jenis rujukan daripada buku, jurnal-jurnal luar negara yang berkaitan dan tesis-tesis yang terdapat di Pusat Sumber UKM.



Hasil pembacaan aku mula merangka proposal kajian fokus kepada pelibatan orang dewasa sedentari dalam aktiviti fizikal. Metodologi yang dipilih menggunakan reka bentuk kuasi eksperimental dengan menggunakan 'randomized controlled trial'. Penyeliaku mencadangkan Profesor Madya Dr Khairy Zawi sebagai pembaca dalamanku. Ya Allah Ya Tuhanku. Macam hendak pitam apabila mendengar nama beliau. Orang yang sangat digeruni. Pembaca dalamanku seorang yang amat tegas, berpengetahuan tinggi dalam bidang eksperimental. Aku mengenali beliau semasa muda remaja lagi ketika belajar ijazah pertama di UPM. Masa tu beliau ialah tutor tenisku. Penyelia selalu mengingatkanku bahawa 'biar bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'. Aku dengan keadaan paksa rela terpaksa menerima cadangan tersebut tanpa bantahan. Biasanya pelajar di bawah penyeliaannya sukar untuk lulus. Aku selalu berdoa agar Allah sentiasa memudahkan segala urusan hamba-Nya ini.

Akhirnya pada awal semester dua penyelia membenarkan aku membentangkan proposal usulan dalam seminar penyelidikan di UNITEN. Perasaan takut, gentar, gemuruh dan pelbagai perasaan lain semua bercampur baur. Dalam hati telah aku tahu akan gagal. Selesai aku membentangkan proposalku, pelbagai soalan ditanya oleh pembaca dalamanku sehingga aku rasa goyah. Akhirnya memang sah aku gagal dalam pembentangan usulan proposalku dengan laporan sebanyak lapan muka surat. Selesai sahaja giliranku, aku terus ke bilik air dan muntah segalanya sehingga teras hendak pengsan. Aku tidak lalu makan sejak malam sebelumnya. Ini yang dinamakan 'stres melampau'. Pada waktu makan tengah hari, aku duduk bersama dengan penyelia dan pembaca dalamanku. "Kalau you teruskan kajian ini, 10 tahun pun memang you takkan grad. You tahukan Dr Zulkefle UiTM buat kajian orang obese tak berjaya kan, You bukan hendak selesaikan masalah dunia. Bersukan bukan budaya masyarakat Malaysia". Itu lah kata-kata keramat yang diberikan oleh pembaca dalamanku. Namun aku bangga dengan kata-katanya 'Walau bagaimanapun walaupun ayat lintang pukang dan berterabur, kajian ini mununjukkan keaslian/novelti kerana jarang pelajar buat kajian eksperimental sebenar'.

Aku terus balik ke rumah ibu bakaku di Taman Keramat. Perasaanku sungguh 'down' dan menjadi sangat trauma. Menangis dan terkejut di tengah malam telah menjadi igauanku. Rasa nak berhenti dari pengajian ini dan tidak sanggup hendak menghadapi semuanya. Akhirnya aku nekad ke Bahagian Tajaan untuk berhenti dengan memberikan pelbagai alasan masalah kesihatan dan sanggup membayar denda nanti. Apabila Bahagian Tajaan meminta dokumen sakitku, aku tidak dapat memberinya. Jadi aku pun duduk diam dan termenung selama tiga bulan tanpa berbuat apa-apa.

Aku tidak menceritakan masalahku ini kepada suami dan ibu bakaku kerana tidak mahu mereka risau. Memandangkan suamiku juga menghadapi banyak masalah lain dan juga terpaksa mengurus dan menjaga enam orang anak-anak kami. Namun aku amat bersyukur mempunyai sahabat-sahabat yang mampu mendengar masalahku dan memotivasikan diriku walaupun mereka tidak tahu apa yang aku cakap dan buat. Apabila fikiranku mula tenang dan aku mula mengumpul kembali semangat yang hilang. Akhirnya aku menemui penyeliaku untuk menyusun kembali rangka proposalku dengan lebih kemas dengan berpandukan kepada laporan yang telah dibuat oleh pembaca dalamanku. Kajianku diubah kepada reka bentuk siri masa (time series design) dengan menggunakan subjek tunggal (single subject). Tiga fasa pemerhatian dengan empat pengukuran objektif dan subjektif. Pada dasarnya aku masih kabur dan tak faham apa yang aku buat ini kerana bahan rujukan dan tesis-tesis sebelum ini terhad. Hanya berpandukan kepada jurnal-jurnal luar negara yang fokus kepada kajian klinikal.

Seminggu aku berusaha untuk menyiapkan proposal usulanku untuk mengejar tarikh tutup pembentangan kolokium. Siang berbincang dengan penyelia dan malam menaip dan mencetak proposal dengan tidur entah ke mana. Akhirnya aku berjaya menghantar proposal dan aku berasa sangat lega. Baru aku teringat. Ya Allah! Esok raya Aidil Adha. Aku di UKM lagi. Petang itu juga aku memandu seorang balik ke Besut melalui Gua Musang. Sepanjang perjalanan aku sering berdoa semoga selamat dalam perjalanan. Mengantuk, letih, malam dan gelap semua bercampur baur. Pukul tiga pagi baru sampai ke rumah dengan berpuluh kali tidur di tepi jalan tanpa memikirkan keselamatan diri. Hati sikit terubat apabila suami menungguku dengan penuh sabar.

Akhirnya pada semester tiga aku lulus dengan pembetulan proposal usulan kali ke dua dalam kolokium penyelidikan UKM. Alhamdulillah lepas satu fasa. Kajian aku menggunakan modul pelan senaman individu dan panggilan telefon sebagai intervensi kajian. Oleh itu aku kena fokus membuat modul dan protokol panggilan telefon. Hasil perbincangan dengan penyelia, aku memilih model ADDIE (Analysis, Design, Development, Implementation, and Evaluation) sebagai asas mereka bentuk modul intervensi ini. Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim, berilah aku kekuatan dan memudahkan segala urusanku. Proses membuat modul, protokol panggilan telefon, mencari subjek kajian dan menjalankan protokol kajian amat meletihkan dan mengambil masa yang lama untuk melengkapkannya.

Pemilihan subjek perlu secara sukarela dan menepati syarat kelayakan kajian. Sebab itu tidak ramai pelajar PhD memilih kajian eksperimental sebenar kerana perlu menjaga kesahan dalaman dan kesahan luaran kajian untuk menjamin kualiti kajian. Aku masih teringat apa yang dikatakan oleh Dr. Jamil UKM. 'Kajian eksperimental memang memenatkan tetapi hasil dapatan tidak boleh dipertikaikan. Walaupun data yang didapati ayam atau itik'. Hampir satu tahun aku mengumpul data kajian longitudinal ini.

Alhamdulillah pada semester 6 aku membentangkan tesisku pada peringkat pementapan dalam seminar penyelidikan. Dugaan dari Allah mengujiku lagi. Kandas. Tetapi pengalaman lepas telah mengajarku. Jadi aku tidaklah terlalu stres. Cuti belajar 3 tahun habis sudah tetapi pementapan tesis tidak lulus lagi. Namun akhirnya aku berjaya lulus peringkat pementapan pada semester 7. Ya Allah! Berikanlah kekuatan padaku. Selangkah lagi untuk ke penamat perjalanan ini. Akhir tarikh yang dinanti-nantikan tiba. VIVA. Inilah penentuan hidup atau matiku. Aku tidak putus-putus berdoa dan solat hajat supaya dipermudahkan segala urusanku. Perasaan takut, gemuruh, tekanan dan peluh dingin menyelubungi diri. Siapalah pemeriksa luar yang akan hadir nanti masa vivaku nanti. Syukur Ya Allah! Akhirnya aku lulus dengan pembetulan minor selama 6 bulan. Aku memang minta 6 bulan seperti yang disuruh oleh penyeliaku. Memandangkan bulan puasa dan hari raya yang akan menjelma nanti. Takut aku tidak sempat buat pembetulan.

Walau bagaimanapun, ujian datang lagi. Aku tidak ada jurnal seperti yang disyaratkan untuk bergraduasi. Proses membuat jurnal scopus amatlah memeritkan dan mengambil masa yang lama dan panjang. Hampir satu tahun lebih aku menunggu tapi tidak kunjung tiba. Atas nasihat rakan-rakan untuk menyemak keperluan jurnal scopus, rupa-rupanya sekadar jurnal antarabangsa sudah memadai. Masa itu juga Allah Maha Berkuasa, datanglah satu e-mel dalam inbox ku daripada Physical Education and Research Journal (JOPER). Bayaran amat murah kira-kira RM120 sahaja dan keluar dalam Google Scholar. Aku menangis dan sujud syukur kerana Allah hulurkan kasih sayangnya memberiku sedikit bantuan. Terasa semua beban yang kupikul selama ini terlerai dan ringan. Akhirnya aku berjaya menghantar semua dokumenku untuk pengesahan senat sebelum dapat berkonvo pada tahun 2017.

## PESANAN

**Menjaga kesihatan.** Perjalananku menuntut ilmu memerlukan aku memandu kenderaan berseorangan dalam satu perjalanan yang jauh selama lapan hingga sembilan jam perjalanan dari Besut Terengganu ke UKM. Sebelum ini memang aku seorang sihat dan jarang sakit. Namun semasa pengajian aku selalu mendapat sakit gastrik dan sering sakit kepala. Bukan kerana tidak makan tetapi stres yang tinggi dan penat. Makan panadol dan ubat lain macam makan kacang. Alhamdulillah, setelah habis pengajian semua penyakit tersebut hilang. Perlu juga ambil suplemen tambahan seperti vitamin C, garlic, fish oil, Evening primrose oil, olive oil dan ginkgo bilibo yang dapat membantu menyihatkan badan dan fikiran.

**Rancang pembiayaan pengajian.** Pengajian aku cuti bergaji penuh tanpa biasiswa. Oleh itu kewangan perlu dirancang dengan sebaiknya dengan gaji dan simpanan yang ada. Walau bagaimanapun aku tidak membuat sebarang pinjaman untuk menampung pengajianku. Alhamdulillah duit yang ada mencukupi untuk menampung pengajianku tanpa meminta duit suami. Sebelum meninggalkan rumah, aku menyiapkan bahan mentah dan makanan proses cukup di dalam peti sejuk supaya senang anak-anak memasak apabila pulang dari sekolah. Mungkin selama ini apa yang kubuat diniatkan kerana Allah SWT.

**Pengurusan rangka kerja pengajian** adalah amat penting. Niat perlu dibetulkan untuk belajar. Bagi aku, pada hari bekerja aku berada di UKM untuk membuat rujukan dan penulisan tesis. Manakala hari minggu, aku di rumah menyelesaikan kerja-kerja rumah dan keperluan anak-anak dan suami. Rutin itu aku lakukan selama 3 tahun. Tetapi apabila aku tidak pergi ke UKM, aku akan duduk di pusat sumber IPG seperti masa bekerja. Setiap hari perlu membuat penulisan walaupun satu muka.

**Utamakan kebajikan ibu bapa dan keluarga.** Aku biasa mendengar orang belajar PhD fokus kepada pengajian dan tidak akan hadir sebarang aktiviti/majlis ahli keluarga. Bagi aku, kebahagiaan ialah mengutamakan ibu bapa dan keluarga. Ada satu ketika sebaik aku sampai ke rumah ibu bapaku lepas maghrib, ibu bapaku mengajak ke rumah Tok Kie ku di Ampang kerana hipoglisemia. Aku terpaksa pergi walaupun badan begitu penat dengan hati yang lapang.

**Memohon pertolongan, petunjuk dan ilham dari Allah SWT.** Amalan berdoa perlu dilakukan pada setiap masa supaya semua kerja buat kita sentiasa dipermudahkan. Solat jemaah dan solat malam perlu dijaga supaya perjalanan hidup sentiasa diberkati-Nya.

**Banyak bersedekah.** Amalan bersedekah disarankan dengan melakukan apa-apa kebaikan untuk mendapatkan ketenangan fikiran dan emosi. Di samping itu juga dapat melahirkan perasaan tenang dan bahagia. Kesan amalan ini juga secara tidak langsung melatih kita berfikiran positif, adil, melegakan perasaan, meningkatkan sistem imunisasi badan, melahirkan rasa bersyukur dan berterima kasih kepada Allah dengan apa-apa yang telah kita terima. Bersedekahlah walaupun sedikit dengan seikhlasnya. Insha Allah.

Merenung ayat-ayat suci al-Quran, saya teringat mafhum firman Allah bahawa Dia mengangkat darjat orang yang beriman dan yang diberikan ilmu pengetahuan dengan beberapa darjat. Sebuah janji daripada tuhan Rabbil Izzati.

Mengimbuai kembali usia kanak-kanak malah awal remaja, saya bukanlah seorang murid yang pintar dalam pelajaran. Saya ialah kanak-kanak kampung yang sangat kuat bermain. Bendang mana yang tidak saya jejak lumpurnya, padang mana yang tidak dijajahi belakangnya? Saya bermain bola kaki tiga, bola sepak, bola pukul dan entah berapa jenis permainan tradisi lagi.

Apabila memegang ijazah PhD, liku-liku sejarah berkenaan lah yang membentuk sahsiah saya hari ini. Oleh itu, saya amat menghargai insan-insan yang hadir dalam lembaran sejarah kehidupan saya. Saya sangat syukur atas nikmat-nikmat Allah. Suka mahupun duka.

### **MENITI REMAJA**

Entah macam mana, berada di tingkatan dua di sekolah menengah agama aliran Arab, pencarian diri saya yang sebenar akhirnya ternokhtah. Saya mula kenal siapa diri saya, anak siapakah saya, apa status keluarga dan akhirnya apabila besar saya nak jadi apa.

Dari situ, saya mula membina satu moto hidup “Buat Sesuatu Biarlah Dengan Ilmu”. Tujuannya saya hendak jadi orang berguna yang beriman dan berilmu. Bagi saya, biar apa diri saya di dunia ini, apa pandangan orang lain atas diri dan keluarga saya, namun saya tidak ingin kembali kepada Allah dalam keadaan tidak ada satu darjat di sisi-Nya yang menjadi milik saya kerana saya mula mengetahui bahawa Allah mengangkat darjat mereka yang beriman dan berilmu beberapa darjat.

Akhirnya, kemuncak pencapaian akademik saya pada peringkat sekolah apabila mendapat tajaan biasiswa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk melanjutkan pelajaran ke negara Jordan, pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian bahasa Arab. Pulang dengan ijazah kepujian, saya tidak menunggu masa untuk menganggur sebaliknya ditaja lagi oleh KPM untuk sambung Diploma Pendidikan dalam bidang yang sama. Setelah itu, saya terus ditempatkan sebagai guru di sekolah menengah dan lima tahun kemudian ke IPG sebagai pensyarah.

Sejarah pencarian ilmu dan membina personaliti akademik dalam diri saya seakan dipermudahkan. Maka selepas tujuh tahun berkhidmat sebagai pendidik saya ditaja lagi oleh KPM untuk mendapatkan ijazah Sarjana juga dalam bidang pengajian bahasa Arab di UKM. Tidak banyak masalah yang saya hadapi apabila dapat menamatkan kedua-dua semester kerja kursus dengan anugerah Dekan Fakulti Pengajian Islam, ditambah dengan kejayaan menyerah disertasi untuk penilaian sebelum tamat tempoh cuti belajar.

Keterujaan saya untuk terus meningkatkan pencapaian diri dalam bidang akademik terus memuncak. Belum cukup tempoh setahun dianugerahkan ijazah Sarjana, saya sudah mula mengintai ruang biasiswa PhD pula.

Dari sinilah, Allah mula menguji. Tiga tahun berturut-turut memohon, usahkan berjaya malah saya tidak dipanggil pun untuk ditemu duga. Malah cabaran dan rintangan saya dalam meniti dunia akademik ditambah dengan perlantikan saya ke jawatan pentadbiran yang sememangnya saya tiada pengetahuan dan pengalaman langsung.

Pada tahun ketiga memohon tajaan pendidikan melalui Skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) barulah saya mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD). Syukur sangat.

### **BAGAIMANA BERMULA?**

Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, semangat dan fokus saya terhadap PhD telah pudar sedikit demi sedikit bermula dari tahun pertama bergelar sarjana sehinggalah saya menjawat jawatan pentadbiran itu. Apa tidaknya, tiga tahun lebih menunggu untuk ditemu duga merupakan satu penantian yang menyeksa lagi memudahkan semangat.

Oleh itu, apabila berjaya mendapat tawaran cuti belajar saya harus menggali dan menggamit semangat itu semula. Segala memori indah bermula dari tingkatan dua, terpilih duta kecil Kerajaan ke Jordan sebagai seorang pelajar tajaan, berjaya menamatkan pengajian peringkat ijazah pertama dan kedua dalam masa yang ditetapkan di samping anugerah Dekan dan termasuk meraih dua Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sepanjang tempoh 13 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam. Hati tiba-tiba bersemangat, strategi mula disusun dan darah pun mula menghangat. Namun sebelum melaporkan diri sebagai pelajar semula di universiti pilihan, kami dikumpulkan terlebih dahulu oleh pihak tajaan untuk diberikan taklimat, kursus, cadangan plan tindakan dan seumpamanya. Di sinilah semangat yang dari tadi berkobar-kobar menjadi sedikit tercalar dek satu kenyataan yang sangat pahit untuk ditelan.

“Dah dapat tajaan, mesti tamatkan pelajaran dengan jaya. Jika tidak, kamu kena bayar balik semula segala perbelanjaan tajaan”. Sangat tegas bunyinya.

“Kamu semua mesti fokus! Jangan sibukkan diri dengan kenduri kendara, ziarah sana ziarah sini, orang mati, orang sakit, beritau kepada diri sendiri, semua itu lepas tamat PhD, masa tengah PhD ni, kena fokus belajar sahaja”.

Wow!

“Eh, orang buat PhD ni kadang-kadang boleh tinggal isteri di pasar raya tau! Kalau bawa kereta, tiba-tiba tak tau mana dah dia sampai”. Subhanallah.. Ya Allah, berat sungguh cabaran mengejar impian sijil akademik terakhir ini rupanya. Masa tu saya terfikir, apakah saya ini elok-elok kerja, ada rumah tangga, anak-anak yang sedang membesar, hidup agak selesa dengan rutin harian semasa, tiba-tiba sengaja nak susahkan diri seperti apa yang tergambar di fikiran pada saat itu.

Walau bagaimanapun, saya perlu nekad juga. Inilah sahaja peluang bagi saya meneruskan kecemerlangan diri untuk dijadikan inspirasi buat anak-anak kemudian hari. Saat itulah, saya ciptakan “akujanji berani” dalam mengharungi misi akademik terakhir yang berbunyi:

In Sha Allah, aku mulakan langkah dengan niat kerana Allah. Sebagaimana Dia telah memberikan kejayaan demi kejayaan selama ini, Dia juga berkuasa memberikannya sekali lagi. Dan, walaupun aku gagal, maka tidak apalah untuk gagal sekali setelah berkali-kali berjaya sebelum ini. Tidak ada dukacita untuk sebuah ketentuan yang ditetapkan oleh Tuhan. Namun sebelum gagal, sedaya upaya akan aku usahakan agar anak-anak nanti paling kurang boleh menghargai usaha itu dan mencontohinya.

Sungguh! Sesudah melafazkannya, bahu ini bagaikan tidak lagi memikul tekanan. Pada ketika itu, saya amat faham bahawa segalanya sudah tertulis, cuma saya sahaja yang belum mengetahui. Oleh itu, satu-satunya benda yang boleh dibuat adalah berusaha dan terus berusaha. Saya juga faham bahawa perkara paling teruk dan buruk yang akan saya hadapi ialah gagal untuk kali yang pertama setelah berjaya berkali-kali sebelumnya. Saya tidak perlu ada masalah untuk menerima kegagalan sekiranya ditakdirkan.

Memang gila.

Gila sungguhlah, kerana mana ada orang belajar untuk gagal. Saya fikir mungkin jarang atau tidak ada orang yang memasukkan perkataan gagal dalam akujanji misi pelajarannya. Tapi saya buat macam itu kerana saya tidak boleh terima kenyataan bahawa, untuk berjaya PhD saya perlu sisihkan keluarga, tak peduli siapa sakit siapa demam, malah tidak boleh ziarah orang mati pun untuk fokus 24 jam kepada tesis.

Saya tidak dapat menerima hal itu kerana sedar bahawa saya bukan hanya ada tugas PhD dalam hidup tiga tahun mendatang. Saya masih ada mak ayah, mereka selalu sahaja ada temu janji hospital. Saya ada ramai anak, mereka sangat dahagakan kasih sayang saya sebagai ayah. Saya ada isteri, adik beradik serta saudara-mara yang penting dalam hidup berkeluarga. Masing-masing yang saya senaraikan ini ada hak mereka ke atas diri saya di samping tanggungjawab saya kepada mereka semua. Itu juga amanah semasa yang Allah pikulkan kepada saya selain tesis PhD.

Realiti ini sangat pahit untuk ditelan namun saya perlu teruskan juga kerana saya ingin mendapat pahala kerana berusaha. Bukan semata-mata untuk dapatkan sijil atau anugerah. Hakikatnya, semua yang bakal berlaku adalah dalam pengetahuan Allah.

### **LANGKAH PERTAMA**

Sekembalinya saya dari kursus persediaan tajaan cuti belajar yang sangat membekas itu, saya mulakan langkah pencarian penyelia kepada kajian yang akan dikendalikan. Lantas minda saya teringatkan satu susuk tubuh yang menjadi penyuntik inspirasi ketika saya bertungkus lumus menyiapkan disertasi sarjana suatu ketika dahulu.

Saya mula melakukan pencarian di internet berkaitan idola saya itu. Maka didapati dirinya telah mengorak langkah yang lebih cemerlang daripada apa yang saya jangka. Apa tidaknya, ketika saya merujuk tesis sarjananya pada tahun 2009, beliau sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD. Pada masa ini beliau ialah Prof. Madya di Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

Saya juga menumpang kenal susuk tubuh ini daripada hasil pembacaan dan cerita daripada rakan-rakan seperjuangan. Beliau adalah orang yang sangat ikhlas dalam menuntut ilmu. Tidak pernah mencari masalah dengan orang lain menyebabkan laluan pengajian malah kerjayanya dilihat sangat mudah. Walaupun sebenarnya, ia dipermudahkan oleh Allah SWT.

Ramai yang mengenali beliau sebagai seorang siswazah yang sangat komited dengan ajaran agama. Ijazah pertamanya dari Timur Tengah (Arab Saudi). Sungguh, berada di bumi dua tanah suci kita akan merasakan sangat dekat dengan kekasih hati seorang Muslim, iaitu Nabi Muhammad SAW. Saya juga mendapat tahu ketika belajar, beliau tidak pernah tinggal solat sunat Dhuha selain amalan-amalan sunat yang lain.

Patutlah rezeki beliau murah.

Hati kecil saya menjadi tertarik untuk berguru dengan insan mulia ini. Maka saya nekad untuk sambung pengajian ini di UniSZA. Borang permohonan pengajian siswazah diisi dengan nama pensyarah kegemaran saya itu diletakkan dalam ruang cadangan penyelia kajian. Hari melaporkan diri sebagai pelajar siswazah tiba jua. Saya bawa seluruh ahli keluarga, iaitu isteri dan anak-anak bagi menyaksikan peristiwa penting dalam sejarah hidup kami sekeluarga. Begitu anggapan saya.

Perkara pertama yang saya lihat pada borang pendaftaran ialah nama penyelia yang telah ditentukan oleh pihak universiti. Agak terkejut apabila mendapati nama yang dicadangkan dahulu tertera dalam ruangan penyelia bersama, manakala penyelia utama diberikan kepada pensyarah yang tidak pernah saya kenali. Lulusan Universiti Islam Madinah.

Ah! inilah cabaran seterusnya untuk diri saya.

Hakikatnya, Madinah al-Munawwarah mempunyai hubungan rohani yang amat kuat dengan diri saya. Apa tidaknya ibu saya selalu menasihati saya agar belajar pandai-pandai hingga dapat masuk Universiti Islam Madinah. Amanat itu tersimpan rapi dalam diri sehingga ke hari ini.

Sebuah cita-cita bonda yang masih tidak dapat saya tunaikan.

Namun, hati saya berkata-kata “tak dapat belajar Madinah, dapat belajar dengan lulusan Madinah pun ok”.

#### PERJUMPAAN PERTAMA BERSAMA PENYELIA

Soalan pertama yang keluar daripada mulut penyelia (SV) adalah tentang sejauh manakah pengetahuan saya dalam bidang yang akan dikaji atau dijalankan penyelidikan? Berapa banyak buku yang telah saya baca, dan adakah telah meliputi kesemua aspek?

Setelah diberitahu bahawa bidang ini ialah minat dan kecintaan saya, iaitu kajian dalam bidang berkenaan telah dilakukan sebagai latihan ilmiah pada peringkat sarjana muda, kemudian disambung lagi dengan membuat kajian perbandingan pada peringkat sarjana. Saya juga meyakinkan SV bahawa tatabahasa Arab dan al-Quran ialah jiwa saya. SV setuju dan minta saya buat kertas cadangan atau proposal dalam lima muka surat. Seminggu berlalu saya datang dengan kerja yang dipinta.

“Apa yang enta nak buat dengan benda ni, ana rasa enta kena baca tentang apa itu kajian PhD. Ana tak rasa macam kajian enta ni boleh pergi jauh, baik enta balik baca dulu. Enta kena ada justifikasi tentang apa yang hendak dikaji. Kenapa masih nak kaji kitab orang Arab? Boleh tak enta cari tulisan ulama kita, orang Melayu tentang benda ni. Ha, barulah ada orang nak tahu dan pada masa sama enta menyumbang dengan kajian enta tu, kepada body of knowledge”.

Panjang lebar saya kena komen petang itu. Satu sesi penyeliaan yang sangat berkesan. Saya kira begitu. “Cuba enta pergi ke universiti-universiti, jumpa pakar-pakar kat sana, mana tau mereka ada cadangan tentang apa yang enta nak buat ni” Tambah SV saya.

#### NEKAD

Cabaran yang diberikan oleh SV ialah kajian yang akan dilakukan perlu memberi nilai tambah kepada dunia akademik dalam bidang saya, iaitu tatabahasa Arab. Katanya saya perlu menetapkan sekurang-kurangnya lima objektif kajian yang menuju ke arah itu. Kalau sebelum ini kajian tentang tokoh Arab, maka saya perlu buat tentang tokoh Nusantara atau Melayu, atau kajian melibatkan dunia Pondok manakala korpus hendaklah yang segar dan masih dipelajari sehingga kini. Kesemua perkara ini perlu ada justifikasi yang kukuh.

Untuk mencapai hasrat yang belum pernah difikirkan selama ini, saya perlu terus mengorak langkah mencari dan terus mencari. Ingatan kepada kisah ulama silam yang merantau dari satu tempat ke satu tempat mencari ilmu sangat memotivasikan.

#### TINJAUAN AWAL KAJIAN

Menyahut seruan SV, maka saya gagahi langkah ke beberapa buah universiti tempatan bertanyakan pendapat mereka yang saya anggap pakar dalam bidang kajian saya ini. Banyak input yang saya peroleh tidak kurang juga kenyataan yang menggegarkan semangat dan minda bahawa saya tidak boleh pergi jauh dalam bidang yang ingin dikaji ini.

“Apa yang enta nak buat lagi? Further, further benda yang sama. Enta dah buat masa degree, masa master, apa nak buat lagi? PhD ni bukan main nak further further benda sama, lagipun ana rasa benda ni dah fix dah!”

Itulah antara komen mencabar yang saya peroleh. Lemah sangat semangat masa itu. Sebab komentar sebegitu diberikan oleh yang pakar. Saya pula pelajar novice, oleh sebab itu jalan di hadapan sedikit kabur.

Langkah seterusnya, saya sahut lagi cabaran SV untuk mencari sinar di pondok-pondok. Sangat ramai guru pondok yang berkat-berkat yang dijumpai. Ada yang saya minta merka doakan untuk saya, di samping menyampaikan hasrat tentang kajian yang bakal saya lakukan. Seperti yang dijangka, apabila bercakap soal kajian universiti ada guru yang macam merendahkan diri, macam tak tahu apa yang perlu diberitahu kepada saya.

“Ana pun tak pandai ni, tinggi sangat tu” Contoh komen seorang guru.

Walau bagaimanapun, bila berjumpa guru-guru di pusat pengajian pondok, semangat saya langsung tidak menurun malah meningkat. Hal ini disebabkan kerana guru-guru ini, walaupun tidak banyak yang dapat dibantu, maka mereka tidak lupa memanjatkan doa buat saya.

“Ana doa anta jumpa nanti apa yang dicari, in sha Allah!”

Kadang-kadang boleh gugur air mata saya apabila orang mendoakan dengan ikhlas seperti itu. Semangat semakin berkobar-kobar malah saya yakin jalan pilihan ini sudah betul dan akan sampai juga ke destinasi.

Setelah beberapa buah pondok dijelajahi. Malah ada juga pondok sama saya datangi secara berulang kali untuk berjumpa seramai mungkin guru.

Satu hari, langkah saya terhenti di Pondok Moden Yayasan Islam Kelantan di Bachok. Dari sinilah akhirnya saya ditunjukkan kepada korpus yang sesuai untuk kajian yang bakal dijalankan. Perbualan hampir dua jam bersama guru berkenaan sudah sampai ke penghujungnya, malah beliau menghantar saya ke muka pintu biliknya untuk saya beredar. Tiba-tiba:

“Ana teringat, kalau tentang buku karangan ulama Melayu kita yang banyak ayat al-Quran untuk mengajar Nahu ni, ana cadang anta cari kitab Tashil. Kat Jaafar Rawas ada, budak-budak pondok beli situ, lepas tu enta boleh tanya terus jurujual, budak pondok mana yang selalu beli kalau kitab itu bersesuaian

Subhanallah. Seolah-olah darah menyelinap di setiap celah urat nadi saya pada masa itu. Satu perasaan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Syukur, terharu dan teruja hadir pada masa yang sama. Sungguh!



Maka dari titik itulah, SV bersetuju dengan korpus kajian saya, sesi pemerhatian dapat dijalankan, begitu juga temubual. Benar, ia dapat dilakukan di Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu Kelantan. Saat itu juga, semuanya seolah-olah terbentang di hadapan saya tunggu saya jalani sahaja momen kajian hingga selesai. Setahun setengah juga saya berada di Pondok itu demi menitip ilmu anugerah Allah ke dalam sebuah tesis PhD.

### **PROSES-PROSES YANG DILALUI**

Betul sebagaimana yang didengari sebelum ini bahawa PhD ialah proses, bukan semata-mata ilmu. Proses mendapatkan ilmu, menganalisis, melaporkan dan seterusnya mengemukakan jawapan dengan justifikasi yang sesuai dalam beberapa siri peperiksaan lisan.

Saya lalui semuanya dengan keyakinan di hati bahawa semuanya telah ditakdirkan oleh Allah. Saya hanya berusaha, bertawakal dan berdoa. Saya tahu, semuanya ialah ujian sebagaimana hidup ini seluruhnya juga ialah ujian. Saya hadapi proses pembentangan proposal, pembentangan dapatan, pre-viva dan diakhiri dengan viva.

Semuanya bukan sedikit telah mengambil masa, tenaga dan pengorbanan semua pihak di sekeliling saya, terutama keluarga dan juga SV. Akhirnya tanggal 17 November 2018, saya dianugerahkan Doktor Falsafah Pengajian Bahasa Arab oleh Universiti Sultan Zainal Abidin pada majlis konvokesyen kali yang ke-10. Segala puji mutlak bagi Allah Subhanahu wa Taala. Alhamdulillah.

### **PENYUMBANG KEJAYAAN PHD**

#### **1. Solat Dan Doa**

Firman Allah (QS al-Mukminun, 23:1-2) bermaksud “Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Melalui ayat suci al-Quran di atas, Allah SWT telah mengaitkan kejayaan seseorang Muslim mukmin dengan komitmen mengerjakan solat yang khusyuk, iaitu solat yang sempurna rukun, syarat, sunat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti wuduk yang sempurna.

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman (QS al-Baqarah, 2:45) “Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk”.

Melalui ayat ini pula, orang mukmin diajar meminta pertolongan Allah SWT dalam menghadapi apa jua ujian, rintangan dan kepayahan hidup dengan melakukan solat yang khusyuk. Oleh itu, resepi utama kejayaan yang dibongkar oleh al-Quran ialah melalui solat yang khusyuk.

Oleh itu, orang Islam yang mengutamakan sembahyang, in sha Allah akan sentiasa dibantu dan dipermudahkan segala urusannya termasuk kerja-kerja penyelidikan dan penulisan tesis. Kepentingan sembahyang sebagaimana yang dinukilkan daripada Rasulullah SAW tidak dapat disangkal lagi (Hadis al-Tirmizi, 2616) bahawa: “Sembahyang telah diibaratkan oleh Rasulullah sebagai asas utama bagi sesebuah binaan, iaitu tiang”.

Tanpa tiang yang kukuh, masakan sesebuah bangunan dapat dibina dengan jayanya. Begitulah kepentingan sembahyang dalam membina jati diri seorang Muslim yang berjaya. Seorang Muslim yang mempunyai jati diri yang kukuh, akan mampu membina kehidupan yang lebih cemerlang.

## 2. Berbuat Baik Kepada Ibu bapa

Firman Allah dalam surah al-An'am (QS al-An'am, 6:151) "Katakanlah (Wahai Muhammad): Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan Allah dengan sesuatu pun dan hendaklah (kamu) berbuat baik kepada ibu bapa". Melalui ayat suci ini, Allah mengaitkan kebaikan kita kepada dua ibu bapa sebagai salah satu pintu kurniaan rezeki yang melimpah ruah. Malah seruan berbuat baik kepada ibu bapa hadir sebanyak empat kali dalam al-Quran. Perkara ini menandakan bahawa prinsip tersebut sangat ditekankan dalam syariat Islam.

Rasulullah SAW pula turut berpesan agar umatnya sentiasa berbuat baik terhadap kedua orang tuanya. Terdapat banyak hadis masyhur yang menggesa demikian, antaranya jawapan Rasulullah kepada sahabat yang bertanya pintu kebaikan untuk dilakukannya, iaitu melalui perbuatan yang baik kepada dua ibu bapa. Oleh yang demikian, telah menjadi amalan para sahabat, tabien dan orang-orang soleh berbuat baik kepada orang tua. Malah ramai dalam kalangan ulama mengaitkan sikap sedemikian boleh meluaskan rezeki mereka di dunia yang membawa keberkatan di akhirat.

Nabi Muhammad SAW bersabda (Hadis Imam Muslim, 2557 : disahkan oleh al-Albani) "Barang siapa yang suka agar diluaskan rezeki baginya, serta dipanjangkan umurnya, maka hendaklah ia menyambung silaturrahim".

Para ulama menegaskan bahawa berbuat baik kepada ibu bapa merupakan perbuatan menyambung silaturrahim yang paling utama. Selain itu, hadis ini turut menjadi hujah bahawa hubungan kekeluargaan yang baik ialah penyebab kejayaan cemerlang.

## 3. Istighfar Dan Solat Sunat

Firman Allah (QS Hud, 11:3) "Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya; supaya Dia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu (mati)". Melalui ayat suci ini, Allah memberi dua amalan yang boleh menjemput kesenangan hidup manusia di dunia sehinggalah dia meninggal, iaitu Istighfar (mohon ampun), dan taubat (dari dosa).

Selain itu, sebagaimana yang diketahui umum bahawa Rasulullah SAW ialah orang yang paling banyak melakukan istighfar. Orang yang bersih dari dosa dan kesalahan sudah tentu akan beroleh banyak kelebihan dan menikmati hidup yang lebih berjaya.

Apabila diri sudah menjalani proses penyucian, tibalah pula saatnya jiwa dipenuhi dengan solat-solat sunat termasuklah solat hajat. Bacalah surah al-Insyirah dalam rakaat pertama sebagai munajat kepada Allah agar dipermudahkan segala urusan kita. Kemudian titiplah doa dengan sepenuh hati dalam bahasa yang mudah difahami.

## 4. Bersedekah

Firman Allah (QS Surah al-Baqarah, 2:261) "Perumpamaan (sedekah) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai itu terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui". Kelebihan sedekah sememangnya banyak dititipkan oleh para alim ulama dan mereka yang dikurniakan harta serta rezeki yang melimpah ruah serta mereka yang cemerlang di dalam hidup.

Memiliki ijazah Doktor Falsafah bukanlah cita-citaku sedari kecil begitu juga semasa membuat ijazah pertama. Tidak pernah kusangka pada masa ini aku telah bergelar seorang Doktor Falsafah. Perjalanan memiliki segulung ijazah lanjutan ini bermula pada tahun 2009. Pada waktu itu, aku bertugas di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tawau Sabah. Faktor persekitaran iaitu budaya IPG yang mengutamakan pendidikan, telah mendorongku memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bersama rakan-rakan yang lain. Namun begitu, nasib tidak menyebelahiku kerana akulah satu-satunya yang tidak berjaya mendapatkan HLP daripada 8 orang calon dari IPG Tawau yang menghadiri temu duga pada tahun tersebut.

Rahsia Allah, hanya Dia yang tahu. Tak terjangkau oleh akal kita umat manusia akan hikmah-hikmahnya sehinggalah berlaku sesuatu perkara. Terubat kesedihanku dengan menjemputku ke Baitullah untuk menunaikan haji, sebulan kemudian iaitu selepas kesedihan tidak berjaya mendapat HLP. Sepanjang berada di Mekah, aku sentiasa menadah tangan memohon kepada Ilahi agar memberi peluang untuk mendapatkan HLP seandainya dengan bergelarnya seorang Doktor Falsafah, khidmatku terhadap agama dan negara semakin bermanfaat.

Dua tahun berturut-turut aku tidak memikirkan untuk menyambung pengajian berikutan ayahku yang kurang sihat, dikesan penyakit jantung. Sepanjang dua tahun tersebut, aku hanya menghabiskan masa untuk berulang alik dari Sabah ke Kelantan demi ayahanda tercinta. Pada tahun 2011, aku mencuba sekali lagi dan alhamdulillah sekali lagi aku dipanggil untuk menduduki temu duga bersama rakan-rakan yang lain. Kesyukuranku bertambah setelah mendapat keputusan yang positif pada bulan Disember 2012 untuk kemasukan 2013. Rakan-rakan yang turut sama berjaya membuat tinjauan tempat pengajian. Aku nekad untuk menyambung pengajianku di institusi yang berdekatan dengan rumahku. Dan satu-satunya universiti di Kelantan hanyalah Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Ramai rakan yang seangkatan denganku menasihati agar memilih universiti yang telah tersohor seperti UM, UKM, UTM dan seumpamanya. Mereka berpendapat universiti tersohor dan lama mempunyai pensyarah yang lebih pakar. Namun aku teruskan dengan nekadku untuk mendaftarkan diri di UMK kerana aku mempunyai alasan yang tersendiri. Antara alasan kukuhku ialah ingin berada di kampung halaman sepanjang tempoh cuti pengajian berikutan aku telah lama merantau (ke Sabah) dan sangat rindukan kampung halaman.

Di UMK, aku tidak memilih mana-mana penyelia kerana tiada seorang pun yang aku kenali di situ. Pihak universiti telah menetapkan Dr. Mohd Nawi bin Ismail sebagai penyeliaku. Entah macam mana orangnya, detik hatiku. Garangkah orangnya, tegas? Susah nak jumpa atau senang untuk dirujuki berkaitan kajian? Pelbagai persoalan bermain dalam benakku. Setelah mendapatkan nombor telefon penyelia, saya menghubungi beliau dan beliau sedia bertemu dengan saya pada waktu itu.

Subhanaallah, penyeliaku ialah seorang OKU. Kami berkenalan untuk mencari keserasian antara pelajar dan guru. Aku kagum dengan perjalanan hidupnya walaupun berlainan keupayaan. Aku juga termotivasi untuk mengikut jejak langkahnya mendapatkan PhD dengan mengharungi pelbagai rintangan sepanjang belajar. Sepanjang perkenalan tersebut, aku dapat rasakan keserasian dan terserlah ketokohan seorang tok guru.

Aku selesai viva PhD ku dalam tempoh yang ditetapkan oleh KPM iaitu sebelum habis tempoh cuti yang diberikan oleh HLP KPM. Syukur pada-Mu ya Allah dan terima kasih kepada semua insan yang membantuku. Terngiang-ngiang peringatan yang diberikan oleh pihak HLP tentang kesusahan menyelesaikan PhD. Pelbagai pengalaman pahit dikongsi oleh penceramah dalam proses memiliki segulung PhD. Berdebar diriku menunggu peristiwa pahit yang akan berlaku pada diriku sebagai pelajar tua, adakah masalah anak, suami, jiran atau adik beradik yang akan kuhadapi. Hari demi hari kulalui proses pembelajaran tanpa adanya dugaan yang besar. Rintangan dan halangan tetap ada namun dapat diatasi dengan mudah, rintangan tersebut juga terlalu kecil jika dibandingkan dengan rakan-rakan yang lain khususnya yang diuji dengan kesihatan yang tidak stabil.

Aku rasa bersyukur kerana dikelilingi oleh insan-insan yang sangat memahami perjalanan seorang pelajar PhD. Suami yang setia berdiri dibelakangku menjadi tulang belakang yang kuat dengan membantu menjalankan tanggungjawab terhadap anak-anak. Suamiku redha dengan kekurangan perhatian dari seorang isteri, anak-anak turut memberi sokongan dengan tidak membawa sebarang masalah sosial bahkan menumpukan kepada pelajaran sebaik mungkin bahkan dalam masa yang sama anak-anak turut meringankan tugas mengurus rumah, ayah dan bonda pula senantiasa mendoakan dan memberi kata-kata semangat.

Faktor lain yang juga amat penting ialah faktor penyelia. Aku teringat rakan-rakan yang senior pernah bercerita bahawa mereka bermasalah dengan penyelia yang sukar ditemui, susah dibawa berbincang dan kurang membantu. Ada sesetengah rakan yang lain pula berkongsi karehna penyelia yang tidak tetap pendirian, banyak kali menukar tajuk dan kerap kali mengubah pendekatan kajian. Ada juga penyelia yang tidak sefahaman dengan penyelia kedua. Masalah rakan-rakan ini menjadikan aku sangat teliti dalam setiap langkah yang diambil sepanjang menghabiskan PhD. Sekali lagi aku bersyukur segala permasalahan sedemikian tidak menimpa ke atas diriku.

Apa yang pernah aku alami ialah pada semester pertama telah berlaku pertukaran penyelia kerana penyelia asal berpindah ke UUM kerana kenaikan pangkat dan pengganti beliau telah bersetuju untuk meneruskan dengan tajuk sedia ada. Hal sedemikian nampak remeh tetapi impaknya amat besar sekiranya penyelia kedua tidak bersetuju dengan tajuk yang sedia ada, ia melibatkan pembaziran masa, pembaziran wang dan juga mengurangkan motivasi.

Berdasarkan pengalaman, aku berpendapat dalam menyiapkan PhD ini persefahaman antara penyelia dan pelajar hendaklah 100%. Pelajar perlu mengikut kehendak penyelia dari semua sudut selepas membuat perbincangan dan mengambil kata sepakat. Aku teringat seorang rakanku bermula pada tahun 2011 sehingga kini masih belum selesai pengajiannya kerana tidak ada persefahaman antara dia dan penyeliannya.

Selepas lama diberikan laluan yang mudah, kecekalanku diuji selepas viva iaitu pada sesi membuat pembetulan (correction). Allah menguji aku dengan menemukanku dengan seorang panel dalaman yang berlainan pendekatan kajian denganku. Panel tersebut menekankan kaedah pendekatan kualitatif semata-mata manakala kajianku pula lebih tertumpu kepada mix method iaitu merangkumi 80% kuantitatif dan 20% kualitatif. Bersyukur kepada Zat yang maha berkuasa, penyeliaku tidak jemu menolongku dengan cara berbincang dengan ahli panel dalaman tersebut sehingga dapat mencapai kata sepakat antara kedua-dua belah pihak.

Pada bulan oktober 2015 aku mendapat surat yang mencatatkan tarikh untuk viva. Debaran menanti tarikh tersebut hanya Allah yang tahu seperti kata pepatah seberat-berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Tumpuan kepada pengurusan anak-anak serta keluarga telah terganggu kerana memikirkan viva. Di sini sekali lagi suamiku memainkan peranan yang penting dengan memberi semangat dan kata-kata yang menenangkan hati. Terdetik juga difikiranku “Alhamdulillah ya Allah engkau kurniakan seorang pasangan yang tidak berkelulusan PhD tetapi berfikiran seperti memiliki PhD”.

Sehari sebelum viva, aku dikunjungi rakan lama dari Sabah yang akan membuat rawatan tulang di hospital swasta di Kota Bharu. Rumahku menjadi rumah tumpangan beliau. Aku rasa bertanggungjawab untuk menjaganya sepanjang rawatan selama tiga hari di Kelantan. Tidak putus kupanjatkan doa untuk Allah semoga masa yang kuhabiskan melayan tetamu yang sakit dibalas oleh Allah dengan memudahkan proses vivaku.

Untuk makluman rakan-rakan pembaca, senat telah memutuskan agar panel luar untuk tesis aku adalah seramai dua orang dan seorang panel dalam. Seorang pakar tentang kandungan Tamadun Islam manakala seorang lagi pakar tentang pendidikan berikutan tajuk tesisku mempunyai perkataan “pembelajaran”. Panel yang terpilih adalah dari universiti Malaya (UM) untuk kandungan dan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk pendidikan. Bacaan doa tidak lekang dari bibir sepanjang perjalananku dari rumah ke universiti pada pagi kejadian. Aku tiba lebih awal dari sepatutnya untuk menyesuaikan diri serta menghilangkan rasa debaran. Penyeliaku menyusul 10 minit kemudian. Aku melihat beliau juga turut berasa gemuruh berikutan aku ialah pelajar pertama PhD beliau sepanjang beliau bertugas sebagai pensyarah universiti. Aku juga boleh berasakan harapannya yang tinggi terhadapku. Kejayaanku merupakan peristiwa penting dalam kerjayanya.

Selepas tiga jam berhempas pulas membentang, membela diri dan menjawab soalan-soalan panel, akhirnya aku diumumkan lulus dengan pembetulan selama beberapa bulan. Seperti hilangnya batu yang besar dari kepalaku. Itulah yang aku rasa pada detik mendengar keputusan tersebut. Penyelia serta panel-panel dan pengerusi bertali arus mengucapkan tahniah kepadaku. Ucapan mereka kuterima dengan hati yang penuh gembira. Setelah selesai semua urusan, orang pertama yang kuhubungi untuk berkongsi kegembiraan ialah suamiku. Beliau berada di Gua Musang, bertugas di sana sebagai pendidik. Beliau tidak dapat menemaniku untuk sama-sama mengharungi saat-saat yang mendebarkan namun aku redha demi tugasnya terhadap anak didiknya. Beliau turut bersyukur dan turut bergembira dengan kejayaanku. Cukup setakat itu aku kongsi jalan hidupku sepanjang menyiapkan PhD. Berikut akan aku kongsi beberapa nasihat dan tips sebagai panduan rakan-rakan yang akan meneruskan pengajian samada di peringkat master ataupun PhD. Antara pesanan yang boleh dibuat ibrah oleh rakan-rakan ialah :

- i. Pertama, perancangan sebelum, semasa dan selepas menyambung pelajaran perlulah mantap.
- ii. Kedua, bawa berbincang dengan insan-insan yang terlibat secara langsung dalam kehidupan kita seperti pasangan, anak-anak, ibu bapa, mertua, adik beradik serta saudara-mara terdekat.
- iii. Ketiga, mencari kesefahaman antara pelajar dengan penyelia sehingga wujudnya kesepakatan dalam semua hal.
- iv. Keempat, berkawan dengan seramai mungkin dengan pelajar dan pengkaji untuk mendapatkan ilmu dan pengalaman.
- v. Kelima, sentiasa mempunyai sifat rendah diri dan mendalam keinginan mencari ilmu (membuat sorotan literatur).

- vi. Keenam, mendisiplinkan diri menulis sekurang-kurangnya satu muka surat sehari sejourus sahaja mendaftarkan diri sebagai pelajar. Tulislah di mana-mana bahagian di dalam kajian tersebut.
- vii. Manfaatkan setiap saat yang ada tanpa mengikut jadual kehidupan harian kita. sebagai contoh sekiranya idea pada waktu tengah malam, maka bangun dan catatkan terus di dalam komputer. Realitikan “masa itu emas”.
- viii. Jangan kedekut ilmu, kongsi ilmu sebanyak mungkin apabila dirujuki oleh pihak tertentu
- ix. Bersemuka dengan rakan yang bermotivasi dan mempunyai unsur insaniah yang tinggi sekiranya anda berhadapan dengan situasi yang lemah semangat, berputus asa, tiada mood atau terasa down.
- x. Berdoa, bertawakkal kepada Allah dan sematkan dalam diri sekiranya Tuhan takdirkan kita bergelar doktorate maka akan jadilah ia, manakala sekiranya Tuhan tidak menizinkan kita bergelar doktorate maka redhalah dengan ketentuannya.

Pada satu ketika pada tahun 2005, aku dipanggil oleh Timbalan Pengarah untuk membincangkan satu perkara. Sambil menuju ke pejabatnya, pelbagai perkara bermain di minda. Sebaik sahaja sampai kebilikannya, perkataan yang keluar dari mulutnya ialah “mahu ke Jepun?”. Persoalan ini tidak pernah terlintas di fikiran. Timbul pula persoalan dalam diri. “Senang ke nak dapat biasiswa ke Jepun?”. “Mampu ke aku ke sana dengan meninggalkan keluarga dalam tempoh masa yang lama?” Persoalan ini timbul memandangkan aku sudah berkeluarga. Namun begitu, timbul juga perasaan untuk mencari pengalaman di luar negara. Tambahan pula negara Jepun terkenal dengan kemajuan dan kecanggihan teknologinya. *Ikitai!*

Pada mulanya, aku tidak begitu berminat untuk memohon belajar di Jepun kerana tidak begitu yakin akan berjaya. Ini kerana tawaran biasiswa ini menjadi rebutan ramai orang. Perasaan rendah diri dan tidak yakin begitu menguasai diri. Namun, selepas berbincang dengan isteri, aku mendapat semangat baharu. Akhirnya aku membuat keputusan untuk cuba memohon biasiswa *Monbukagakusho*. Isteri sangat menggalakkan serta berjanji untuk turut ke sana jika berjaya mendapat tempat. Alhamdulillah, dengan izin-Nya, selepas melalui ujian dan temuduga yang sungguh mencabar, akhirnya aku berjaya mendapat biasiswa tersebut. *Ureshii!*

Selepas berjaya mendapat biasiswa tajaan Kerajaan Jepun, perasaan bimbang pula menghantui fikiran. Pelbagai persoalan bermain di minda. “Mampukah aku pergi ke sana dengan meninggalkan isteri yang sedang sarat mengandung anak keempat?”. “Mampukah aku ke sana dengan meninggalkan tiga orang anak yang masih kecil?” Mampukah aku bertahan untuk hidup di sana dengan cuaca yang sangat berbeza?” Mampukah aku belajar di sana sedangkan aku tidak menguasai bahasa Jepun?”. Persoalan ini sangat mengganggu dan menghilangkan rasa keterujaan untuk ke sana. Keserabutan itu ditambah pula dengan kata-kata rakan sepejabat yang dengan sinis menanyakan “apa yang kau dapat bila pergi ke sana?”. *Dochiraga ii!*

Namun begitu, dengan tekad dan keazaman, akhirnya aku tiba jua di bumi negara matahari terbit dengan meninggalkan anak dan isteri jauh di tanah air tercinta. Cabaran yang sangat getir dilalui pada peringkat awal di sana. Selepas dua minggu berada di sana, kerinduan terhadap keluarga tidak dapat dibendung lagi. Ditambah pula dengan tekanan yang dialami kerana terpaksa mengikuti kelas intensif Bahasa Jepun. Setiap malam bersengkang mata menyiapkan *shukudai*. Timbul perasaan untuk menarik diri dan pulang sahaja ke Malaysia. Namun dengan kekuatan, keazaman dan sokongan kuat daripada isteri, akhirnya aku berjaya menamatkan program tersebut dengan jayanya bersama seribu kenangan, dugaan dan kesabaran. Kesukaran yang dialami pada peringkat awal, akhirnya membuah hasil yang lumayan. Pulang ke Malaysia dengan membawa segulung diploma dan membawa bersama kenangan manis berkongsi keseronokan tinggal di Jepun bersama keluarga. *Kazoku wa ichiban!*

Pada tahun 2011, selepas beberapa kali gagal, aku berjaya mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD. Rasa teruja untuk menyambung kembali pelajaran setelah 8 tahun memperolehi master. Rasa gembira biar pun hanya mendapat biasiswa dengan mod belajar sambil bekerja ataupun separuh masa. Aku tetap berasa bersyukur kerana berpeluang untuk mengejar cita-citaku mendapatkan PhD dengan bantuan biasiswa daripada kerajaan. *Okane!*

Pada awalnya, perasaan tidak yakin untuk belajar sambil bekerja memang tidak dapat dinafikan. Selama ini, aku tidak pernah melalui pengalaman belajar sambil bekerja. Semasa membuat master dahulu, aku memperoleh biasiswa sepenuh masa. Ketika itu usia muda dan bertenaga. Namun kali ini, keadaan sudah jauh berbeza. Usia sudah menjangkau 40-an dan kekuatan minda juga tidak seperti semasa belajar master dahulu. Bermain di fikiran dengan pelbagai persoalan. “Mampukah aku belajar PhD sambil bekerja?”. “Mampukah aku berulang alik ke universiti untuk berjumpa penyelia dan membuat rujukan?”. “Mampukah aku menyiapkan kerja-kerja di pejabat dengan sempurna sedangkan aku perlu menyiapkan tesis?”. “Mampukah aku berjaga malam untuk menulis tesis sedangkan kekuatan mental dan fizikal tidak sekuat dulu?”. Persoalan ini sedikit sebanyak mengurangkan rasa keyakinan untuk menerima tawaran biasiswa tersebut. *Daijobudesu ka?*

Ketika pelbagai persoalan bersarang di fikiran, terdapat rakan-rakan sepejabat yang menambahkan kekusutan ini. Pelbagai persoalan yang ditimbulkan sangat mengganggu fikiran yang sememangnya sudah berserabut. “Boleh ke kau belajar sambil bekerja?”. Ada juga yang menambah “ramai kawan aku belajar PhD sambil bekerja tapi akhirnya gagal menghabiskan PhD”. “Kau dapat apa dengan PhD?”. “Bukannya naik gaji kalau dapat PhD”. “Ramai orang mendapat pelbagai penyakit semasa buat PhD”. “Nanti kalau dah ada PhD, makin banyak kerja dan jawatan yang akan diberikan”. Segala persoalan dan kenyataan itu sangat menjejaskan keyakinanaku untuk menerima biasiswa yang diperolehi. *Zannen!*

Namun begitu, dengan tekad dan keazaman, aku membuat keputusan untuk menerima tawaran biasiswa tersebut dan melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Jarak yang agak dekat dari rumah menyebabkan aku memilih untuk belajar di UMT walaupun pada masa yang sama aku juga mendapat tawaran belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang sangat jauh dari rumah. Selepas menghabiskan satu semester di UMT, aku masih tidak berjaya mendapatkan idea atau pun tajuk kajian yang sesuai untuk dijadikan kajian ilmiah. Perkara ini berkait rapat dengan bidang kajian di mana aku mengambil bidang Pengajian Matematik iaitu pengkhususan kepada Statistik. Aku dapat berasakan bahawa kecenderungkaku adalah dalam bidang Pendidikan Matematik. Lalu, aku mengambil keputusan drastik untuk meninggalkan UMT dan meneruskan pelajaran di UKM. Bertitik tolak dari keputusan yang cepat ini, akhirnya aku berjaya menggenggam segulung PhD yang menjadi cita-citaku sejak dari kecil. *Kangaite!*

Meneruskan perjuangan di UKM bukan suatu yang mudah. Siang hari sibuk bekerja sebagai seorang Ketua Jabatan. Malam hari aku jarang berbuat seperti orang lain yang dapat bersama keluarga menonton drama korea. Siang hari sebagai ketua, malam hari menghadap komputer merupakan suatu perkara yang menyukarkan. Timbul perasaan yang berbelah bahagi sama ada nak meneruskan tugas sebagai seorang ketua atau meneruskan perjuangan belajar di UKM. Tugas sebagai Ketua Jabatan sangat berat kerana perlu menghadiri banyak mesyuarat, menyelaras aktiviti-aktiviti jabatan, memastikan ahli-ahli jabatan menjalankan tugas dengan baik dan pelbagai tugas lain. Kesibukan ini membuatkan keadaan yang amat sukar untukku meluangkan sedikit masa untuk menulis tesis. Kadang kala tugas di pejabat terpaksa dibawa balik ke rumah. Kesibukan dan keletihan bekerja amat menyukarkanku untuk mendapatkan masa yang berkualiti bagi menulis tesis. *Isogashii!*

Perjuangan mendapatkan PhD merupakan suatu proses yang mencabar. Ia memerlukan masa yang banyak untuk menulis dan membuat rujukan ilmiah. Memang suatu yang sukar jika ingin mengejar PhD tapi tidak berupaya memberikan tumpuan sepenuhnya kepada penulisan dan pembacaan. Jika banyak memberi tumpuan kepada penulisan tesis dan pembacaan, tugas di pejabat kadang kala tidak dapat dibuat dengan cepat dan sempurna. Keadaan ini membuatkan



aku selalu berasakan bahawa kedua-dua tugas berat ini tidak dapat dilakukan dengan sempurna secara serentak. Oleh itu, aku perlu membuat pilihan sama ada meneruskan tugas sebagai ketua jabatan dan menarik diri daripada meneruskan perjuangan mengejar PhD atau sebaliknya. *Shinpai shinai!*

Memberi tumpuan kepada hanya satu perkara yang besar adalah yang terbaik buatku pada ketika itu. Peribahasa “yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran” sangat sesuai dengan situasi yang sedang dihadapi. Mendapatkan PhD merupakan satu impian yang diidamkan selama ini. Oleh itu, aku bertekad untuk meneruskan pembelajaran di UKM dan memberi peluang kepada orang lain menggalas tugas sebagai Ketua Jabatan. Pada ketika itu, sokongan daripada Pengarah terhadap keputusanku adalah suatu yang sangatku hargai. Sokongan dan peluang yang diberikan menjadi dorongan yang sangat hebat kepada diri ini dalam meneruskan perjuangan menggenggam segulung ijazah yang tertinggi. Peluang yang diberikan tidak boleh dipersiapkan. Inilah yang menjadikan ku seorang yang ‘self-motivated’. *Daijobu!*

Perjuangan mendapatkan PhD sering disifatkan sebagai *lonely journey*. Tidak ramai dalam kalangan rakan yang sama-sama belajar dan sama-sama bekerja. Inilah cabaran yang dihadapi jika belajar sambil bekerja. Ketahanan diri merupakan sesuatu yang sangat diperlukan dalam situasi seperti ini. Setiap masa dan ketika perlu diisi dengan sebaik-baiknya. Jika semasa bekerja ada keluangan masa, ia perlu diisi dengan menulis dan membuat rujukan. Perlu kurangkan masa untuk perkara-perkara yang lain. Kadang kala terasa juga keseorangan dalam meneruskan perjuangan ini. Menyendiri di perpustakaan suatu yang perlu dilakukan kerana itu sahaja tempat yang paling sesuai untuk menulis dan membuat rujukan. Jauh dari kebisingan dan gangguan sangat diperlukan bagi mendapatkan masa belajar yang paling berkualiti. Rasa keseorangan ini terpaksa dilalui walaupun ia bukanlah perlu dilakukan pada setiap masa. Bukan mudah untuk menghadapi rasa keseorangan ini namun dengan adanya “selfmotivated”, semua ini dapat diharungi dan diatasi. Dorongan diri untuk mencapai cita-cita menggenggam PhD adalah segala-galanya walaupun rasa keseorangan. *Sabishii!*

Dalam hidup kita, untuk mencapai sesuatu kejayaan perlu ada perancangan yang rapi. Kita perlu ada pelan jangka panjang dan jangka pendek untuk menuju kepada pencapaian matlamat. Dengan mempunyai perancangan yang rapi, kita sentiasa alert dengan kemajuan yang telah dilakukan untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Kita akan sentiasa menilai diri dan segera bertindak jika ia tidak mengikut perancangan yang telah dibuat. Perancangan yang rapi memandu tindakan yang perlu dilakukan supaya matlamat dapat dicapai mengikut garismasa yang ditetapkan. Dalam membuat perancangan, kita meneliti siri tindakan yang perlu dibuat dan menetapkan jangka masa ia perlu disiapkan mengikut kemampuan diri. *Yokukeikakusareta!* Dalam meneruskan perjuangan menggenggam segulung PhD, carta belajar menjadi satu keperluan yang tidak boleh diketepikan. Carta belajar dibuat mengikut minggu, bulan atau tahun.

Carta belajar ini merupakan pelan jangka panjang dan jangka pendek yang memandu tindakan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan ia tidak tersasar daripada matlamat menyiapkan tesis mengikut jadual yang ditetapkan oleh Universiti. Carta belajar sangat penting kerana ia dibuat berdasarkan kemampuan dan ruang masa. Tambahan pula belajar sambil bekerja memerlukan carta belajar yang sentiasa dikemas kini bagi memastikan ia sesuai dengan kesibukan tugas di pejabat. Carta belajar bukan sekadar memastikan kemajuan dilakukan mengikut perancangan, malahan mengurangkan tekanan kerana ia dibuat berdasarkan pertimbangan terhadap pelbagai aspek seperti kesibukan bekerja dan juga aktiviti keluarga. Sibuk mengejar PhD tidak bermakna kita melupakan masa untuk bersama keluarga. Begitulah juga, sibuk menelaah pelajaran tidak

bermakna kita perlu melupakan hobi dan minat kita. Jangan lupa sediakan carta belajar yang merupakan perancangan strategik untuk memastikan PhD dapat digenggam tanpa melupakan minat, hobi dan keluarga tercinta. *Ureshiwa ichiban.*

Selepas menamatkan PhD, aku dapat rasakan bahawa pengalaman semasa belajar di Jepun banyak membantu kejayaan itu. Budaya kerja Jepun adalah berdasarkan disiplin kerja yang kuat. Sepanjang berada di sana, beberapaciriutamabudayakerja orang Jepun yang terkandung dalam *Kaizen* dapat disaksikan dengan mata kepala sendiri. Semasa belajar di sana, dapat disaksikan kesungguhan pelajar bangsa Jepun yang menelaah pelajaran sehingga lewat malam. Sensei atau guru kepada pelajar master dan PhD sentiasa memastikan bilik pelajar sentiasa cerah pada waktu malam. Jika tidak, keesokannya akan ditanya ke mana pergi. Semasa bekerja secara sambilan di sana, dapat disaksikan betapa pekerja di sana sentiasa bekerja keras dan tidak membuang masa. Budaya bento iaitu membawa bekalan makanan ke tempat kerja menggambarkan sikap mereka yang tidak suka membuang masa. *Jikanganai!*

Ciri pertama *kaizen* yang dikenal pasti ialah bekerja keras. Pulang kerja cepat merupakan sesuatu yang agak memalukan bagi orang Jepun. Bagi mereka, pulang kerja cepat menandakan sifat pemalas seseorang. Jika melakukan sesuatu kerja, mereka akan melakukannya secara serius dan hanya berhenti dan bersantai dengan rakan-rakan hanya pada waktu rehat. Di samping itu, orang Jepun juga merupakan bangsa yang sangat mementingkan masa dan janji temu. Mereka biasanya akan sampai 10 minit lebih awal daripada waktu pertemuan yang telah ditetapkan. *Hayaku.*

Budaya bekerja keras dan tidak membuang masa banyak membantuku dalam mencapai matlamat memiliki PhD. Tanpa memiliki sikap seperti ini, sangat sukar bagi aku menuju ke penamatnya. Sebab itulah ramai dalam kalangan pelajar PhD yang gagal dan putus asa di pertengahan jalan. Mereka mungkin tidak mempunyai kekuatan untuk bekerja keras dalam menelaah pelajaran. Mungkin juga mereka tidak berupaya bertahan untuk terus bekerja keras sehingga ke penamatnya. Bekerja keras secara berterusan dalam jangka masa yang panjang merupakan sifat yang perlu ada pada semua pelajar PhD. Terus berusaha bersungguh-sungguh dan berjuang habis-habisan merupakan kunci kejayaan menggenggam ijazah tertinggi. *Ganbatte!*

Ciri kedua *kaizen* yang banyak membantu perjuangan ini ialah perasaan malu. Orang Jepun mempunyai sifat pemalu yang sangat tinggi. Mereka sangat malu jika membua tsesuatu kerja tetapi tidak mencapai kualiti yang diinginkan. Untuk mengelak kan perasaan malu ini, mereka bekerja kuat untuk mencapai tahap kejayaan yang maksimum.

Dengan sifat malu ini, perjuanganku menuju PhD yang sungguh mencabar terus diharungi kerana tidak mahu orang lain melihat diri ini sebagai seorang yang gagal. Perasaan malu ini juga menyebabkankejayaan orang lain memakai topi bulat menjadi pemangkin kepada perjuangan ini. Rasa malu jika sekiranya tidak boleh berjaya seperti mereka. Perasaan malu inilah akhirnya menjadikan diri ini berjaya mengiringi rakan-rakan lain yang terlebih dahulu memakai topi bulat yang diidamkan selama ini. *Yatto!*

Bagaimana keajaiban itu berlaku?

Kehidupan berstatus pelajar phd merupakan fasa perjalanan menuntut ilmu yang amat melelahkan. Untuk melepasi satu-satu tahap perlu melalui pelbagai liku demi liku. Bermula dari pemilihan universiti, penyelia, bidang kajian merangkumi pernyataan masalah, objektif dan persoalan, sampel, sorotan literature, metodologi, dapatan kajian, perbincangan dan entah apa-apa lagi.. Sampai pada fasa menunggu viva, degupan jantung tidak pernah aman. Sesi viva kerap menjadi latar dalam mimpi. Bangun pagi bersarapankan mimpi viva yang masih bersisa di hati. Emosi terkesan sepanjang hari. Begitulah 'hantu' phd sentiasa mengekori diri.

Kata mereka, PhD itu 'permanent head damage'. Bagi yang telah berjaya melepasi "Kalau dibayar RM10K pun belum tentu sanggup nak buat lagi". Ada juga yang berkata "Hanya Allah yang tahu peritnya liku-liku hidup bergelar pelajar PhD". Kalau begitu, Kenapa aku buat PhD? Tidakkah itu menzalimi diri namanya?

Diimbau kembali, aku pernah menyatakan ingin menyambung pelajaran hingga ke peringkat PhD kepada seorang sahabat ketika zaman di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim lagi. Ketika itu usia baharu mencecah 20 tahun. Tiada sebarang maklumat dalam kepala tentang PhD. Tiada juga ahli keluarga yang memiliki PhD. Malah sepanjang pengajian sekitar tahun 1991 hingga 1993 tiada seorang pun pensyarah di MPTI ketika itu yang bergelaran Dr. Adakah aku benar-benar bercita-cita memiliki PhD? Adakah sekadar bualan kosong? Adakah sekadar tidak sengaja terlafaz di bibir dan bukan dari hati? Atau adakah itu suatu doa? Wa'allahua'lam.

Penghujung 2011, melapor diri sebagai pensyarah di Pantai Timur. Akur dengan aliran takdir. Memegang dan menjalankan amanah jawatan baharu. Pasti skop tugas juga baharu. Kusangka pelajar-pelajarku sekadar lepasan SPM. Tidak pernah terfikir, ditugaskan mengajar guru-guru yang terpilih dalam program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR). Setiap kali menjelang cuti sekolah, hati dan minda rasa 'terbeban'. 'Tidak selesa' berhadapan dengan para pelajar PGSR. Sebab kurang ilmu. Sedangkan mereka yang berada di hadapan ku hebat-hebat belaka. Ada yang bergelar Jurulatih Utama dan Guru Cemerlang. Malah mereka jauh lebih berpengalaman berbanding aku. Apatah lagi dari sudut umur, aku lebih muda. Bebanan perasaan ini menjadi pencetus idea untuk aku menyambung pelajaran peringkat PhD. Dengan harapan untuk menambah ilmu. Buat modal mengajar. Di samping nak tingkatkan keyakinan diri.

Dengan izin Allah, aku ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan(HLP). Cuti belajar bergaji penuh dan yuran pengajian sepenuhnya ditanggung oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Berasa sangat teruja kerana dengan hanya sekali mohon telah diterima. Syukur alhamdulillah. Walhal ketika sesi interview, proposalku telah dicampak di atas meja. Tidak semena-mena juga, datang penyakit gagap, gara-gara tidak fasih berbahasa Inggeris.

Memikirkan beberapa masalah, semangat untuk belajar semakin kurang. Kecenderungan ketika itu ialah menolak tawaran HLP. Namun tetap hadir program taklimat pelajar pascasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesuntukan masa menyebabkan aku tidak dapat menguruskan pendaftaran sepenuhnya. Pada sesi petang, pelajar diminta bertemu mata dengan penyelia masing-masing. Petang itu juga aku perlu pulang ke Terengganu. Dalam keadaan fikiran

berserabut, emosi tidak stabil, aku tergesa-gesa menemui penyelia. Dalam resah, aku akur. Dua jam beratur menunggu giliran bertemu penyelia. Tidak disangka-sangka sampai giliran aku; orang yang terakhir, dengan nada suara yang kuat dan tegas penyelia mengatakan tidak mahu bertemu dengan mana-mana pelajar. Puas aku merayu dengan staf bertugas, namun hampa. 'Adakah ini petunjuk? Tak payahlah sambung PhD'. Maka petang itu pulanglah aku ke Terengganu bersama-sama empat orang anak. Berbekalkan harapan yang tidak pasti. Adakah minggu depan akan kembali ke UKM, untuk menghadiri kelas penyelidikan dan pendaftaran? Kita hanya merancang, namun Allah penentu segalanya.

Sekembali dari Bangi, anak sulungku demam panas. Amat panas sehingga seluruh muka dan tubuhnya berwarna merah. Rupa-rupanya positif denggi. Kes dirujuk ke hospital besar. Hampir dua minggu berada di wad. Terlepaslah hajat untuk mendaftar di UKM dan menghadiri kelas penyelidikan. 'Adakah ini petunjuk? Tak payahlah sambung PhD'. Masalah anak, ketiadaan rumah sewa, jika ada, sewa terlalu mahal, keengganan anak-anak berhijrah. Akhirnya aku akur dan tidak mendaftar sebagai pelajar siswazah di mana-mana universiti pada sesi Februari 2014.

*Sorry to say...*aku membuat keputusan untuk menguburkan sahaja tawaran HLP yang diterima. Lagipun aku berasakan tidak berkemampuan untuk menunaikan amanah besar KPM. Serba serbi aku bermasalah: Penguasaan bahasa Inggeris. Penulisan. Metodologi. Mengendalikan komputer. Kepelbagaian fungsi Words dan Excell. Mendeley, Nvivo, atlas T.I. Semuanya asing. September 2014. Tanpa diduga Unisza menawarkan program PhD dengan kerjasama kerajaan negeri Terengganu. Ramai yang pakat mendaftar. Berjemaah ni rasa semangat semula hendak belajar. Termasuklah aku. Lagipun tidak timbul isu perlu berhijrah. Anak-anak juga gembira. Seusai taklimat, bermulalah sesi mencari penyelia. Aku ditemukan dengan penyelia berstatus profesor dan dekan pulak tu. Awalnya aku sangat gembira menjadi anak didiknya. Pertemuan demi pertemuan berlangsung. Namun kajian aku masih di awangan, tidak berjejak di bumi. Cadangan kajian demi kajian tidak diterima. Aku tidak mampu mengikut tahap kegeniusannya. Aku tidak memiliki pakej pelajar PhD yang diidamkannya. Aku bukan genius. Aku guru lepasan SPM.

14 bulan cuti belajar berlalu begitu sahaja. Masaku terisi dengan mencari dan muat turun jurnal. Membaca jurnal. Menghadiri bengkel demi bengkel. Bengkel penulisan. Bengkel metodologi. Semuanya aku sertai. Baik percuma mahupun berbayar. Tapi yang pasti semangatku kian pudar. Kawan-kawan laju mara ke depan. Rasa menyesal sambung belajar menyelubungi diri. Rasa berdosa pada anak-anak. Masaku banyak di depan laptop. Bukan bersama mereka. Aku dihantui kebimbangan dengan denda RM120K yang bakal dikenakan oleh Bahagian Tajaan KPM kepada mereka yang gagal menamatkan pengajian. Aku sangat kecewa. Kecewa dengan diri sendiri. Putus asa. Tekanan semakin menguasai diri. Hingga ke tahap aku ternampak-nampak penyelia di mana-mana sahaja aku berada. Suaranya sering hadir di cuping telinga. Di rumah. Pasar. Seminar. Alam nyata. Alam mimpi. Penyelia sentiasa ada. Ya aku mengalami gangguan. Halusinasi. Aku menerima rawatan di Darul Syifa.

Nekad untuk cuba menghantar cadangan kajian yang terakhir. Jika ditolak, aku akan berhenti belajar. Seperti selalu, penyelia masih tidak bersetuju. Keluar dari bilik penyelia, aku memilih untuk duduk berteduh seorang diri di bawah sebatang pokok yang daunnya boleh di kira dengan jari. Di bawah terik mentari, aku menangis semahu-mahunya. Apa lagi yang boleh aku buat? Kenapa aku memilih untuk sambung belajar? Kenapa Allah rezekikan HLP ini, jika aku tidak mampu? Tidak ada carakah untuk mengatasi masalah ini? Pelbagai doa telah diamalkan. Teringat suatu ketika, anak sulung pernah bertanya.... 'mak dapat tawaran PhD ni rezeki ke ujian?'. Entahlah..

Yakinlah Allah itu Maha Pengasih, Maha Penyayang. Allah Maha Melihat. Maha Mendengar. Allah tidak akan menzalimi kita. Pertolongan Allah itu sentiasa ada. Dari jalan yang tidak disangka-sangka. Bukankah salah sebab yang aku sematkan di hati, buat phd sebab hendak baiki diri.

Gerak hati yang mengubah landskap perjalanan PhD. Tiba-tiba teringat seorang pensyarah yang menitipkan pesan. 'Andai suatu ketika dalam perjalanan belajar ini, anda menghadapi masalah dan tiada telinga untuk mendengar. Saya sudi meminjamkan dua pasang telinga ini. Hubungilah saya'. Kata-kata yang cukup ikhlas dari pemilik air muka yang jernih dan ceria. Cepat-cepat aku mencari nombor telefonnya. Bismillahitawakaltua'lallah.. Ya Allah tiada yang mudah, melainkan Engkau menjadikannya mudah. Berkatilah usahaku ini. Ya Allah bantu aku. Tiada daya upayaku melainkan mengharapkan pertolongan daripadaMu.

Benar, pensyarah ini mengotakan janjinya. Hampir dua jam dia telah meminjamkan sepasang telinganya. Bukan sekadar telinga, tetapi emosi dan mindanya turut juga dipinjamkan kepada aku yang 'nazak' ketika itu. Berkat nasihat dan bimbingan pensyarah inilah, aku menukar laluan perjalanan PhD. Aku bertukar fakulti. Bertukar penyelia. Ajaib. Semua proses dapat dilakukan dalam tempoh tidak sampai tiga jam. Semua VIP yang perlu aku jumpa untuk urusan pertukaran itu berada di universiti dan sangat membantu. Benarlah apabila Allah mengkehendaki sesuatu, maka dengan hanya berkata 'kun' ..maka jadilah. Tiada yang mustahil.

Dengan hanya cuti yang berbaki tidak sampai dua tahun. Aku perlu berusaha keras lebih luar biasa daripada biasa. Alhamdulillah aku direzekikan menjadi anak didik kepada seorang prof yang sangat hebat. Terlalu banyak yang aku belajar daripadanya. Insan yang sangat merendah diri. Walau dirinya penuh ilmu di dada dan berpangkat besar. Sangat beradab dan berakhlak mulia.

Suatu yang sangat terkesan di hati, apabila prof yang berakhlak mulia ini sentiasa menggunakan kata ganti diri kedua sepanjang berguru denganya. "Ini kajian kita". "Ada masalah kita sama-sama fikir dan cari jalan". "Kita sama-sama doa". Prof sering bertanya khabar. Terlalu banyak yang aku belajar daripada insan hebat ini. Sayang, hanya sempat berguru selama dua tahun. Alhamdulillah berkat doa ibu, prof, anak-anak dan rakan-rakan, aku berjaya mengharungi perjalanan getir ini. 28 Dec 2017. Alhamdulillah dengan izin Allah aku telah lulus viva dengan minor correction.

Ada kalanya kita hampir putus ada dalam menghabiskan pengajian phd ini. Tapi percayalah, Allah sentiasa ada bersama-sama dengan kita. Sabar dan solat. Melangkah ke hari-hari terakhir sebelum berakhirnya tempoh cuti belajar, aku berasa sedih. Pasti aku rindu dengan kata-kata nasihat, motivasi dan didikan prof. Air mukanya yang sejuk mata memandang. Kata-katanya penuh tertib. Tingkah lakunya penuh adab sopan. Jam 2 atau 3 pagi prof menghantar pesanan. Prof sedang berjaga menyemak penulisanaku, sedangkan aku tidur lena. Malunya. Pernah aku bertanya, prof tidur pukul berapa? Prof hanya tersenyum. 'Waktu tu je saya ada masa Zanariah. Saya tak nak Zanariah tertunggu-tunggu. Lagipun tempoh cuti Zanariah dah tak lama'. Masya-Allah. Prihatinnya prof. Baiknya prof. Setiap pelajarannya akan dipanggil dengan nama penuh. Tiada istilah 'awak', 'kamu', 'you' atau sebagainya. Setahun lebih je Allah uji aku. Rupa-rupanya Allah nak beri suatu nikmat yang sangat berharga. Nikmat berguru dengan insan hebat. Nikmat apa lagi yang kamu dustakan? Setiap kesulitan pasti ada kemudahan. Setiap kesedihan pasti ada kegembiraan.

Aku rindu pada kawan-kawan yang sama-sama berjuang. Ada yang telah meraih kemenangan. Ada juga yang masih berjuang. Tidak kurang juga ada yang telah tewas dan memutuskan untuk tidak meneruskan perjuangan. Setiap pejuang berbeza latar dan jalan ceritanya. Namun ada banyak perkara yang boleh kita ambil ikhtibar. Persediaan mental sangat perlu diambil perhatian sebelum kita memulakan langkah berjuang dalam dunia phd. Dunia yang penuh cabaran.

Mencabar emosi, mental dan fizikal. Ibarat kita sedang menjalani proses overhaul diri. Jangan impikan segala-galanya mudah kerana *comfort zone is your worst enemy*. Sambung phd ialah fasa tarbiyah diri. Tarbiyah hati. Buat kawan-kawan yang bakal atau sedang berjuang, terimalah sedikit buah tangan tanda ingatan.

### **Pasang niat yang mantap**

Niat akan bertindak sebagai persediaan mental dan pengimbang emosi. Niat juga akan menjadi penawar setiap kali kita berhadapan dengan cabaran. Niatlah yang menjadi teman setia seiring jalan dan akan memandu kita akan kekal berada di jalan lurus menuju matlamat menghabiskan pengajian. Tekadkan niat yang mantap dan positif.

### **Miliki seberapa ramai kawan sepengajian**

Kita adalah makhluk sosial. Jangan biarkan diri keseorangan. Apabila stress carilah kawan untuk menjadi pendengar luahan hati kita. Pada masa yang sama, kita juga perlu bersedia menjadi pendengar apabila diperlukan pula oleh kawan-kawan. Kadang kala kita tak perlu buat apa-apa pun. Cukup sekadar mendengar dan sesekali melontar kata-kata yang menenangkan jiwa. Kawan-kawan juga perlu untuk kita mendapat maklumat tentang bengkel atau seminar yang bakal diadakan dan mencari pakar rujuk bidang.

### **Pause, jangan Stop**

Pastikan research kita tidak ditinggalkan terlalu lama. Menyepi dalam tempoh yang lama akan menyukarkan untuk kita untuk mendapatkan mood semula. Tanpa interaksi dengan research dalam tempoh yang lama menyebabkan kita terlupa beberapa perkara. Namun ada ketika kita perlu pause untuk mengumpul semula semangat dan tenaga. Kalau tak berjaya nak selesaikan sesuatu, cuba dan terus mencuba. Yakin pasti ada jalan keluar yang tidak disangka-sangka. Namun jangan sekali-kali lupa berdoa. Doa itu kan senjata. Walaupun susah bagaimana sekalipun masalah yang kita hadapi, percayalah Allah sudah sediakan jalan keluarnya. Mungkin Allah hantar kawan-kawan yang boleh menolong. Mungkin Allah temukan dengan fakta yang kita cari dalam bengkel atau seminar yang dihadiri. Tugas kita ialah berusaha dan jangan putus asa. Sangka baik dengan Allah.

### **Jangan selesa berada di comfort zone**

Ramai kawan-kawan yang terleka dek kerana perjalanan awal phd mereka sangat selesa. Ada yang selesa kerana penyelia sentiasa memberi komen 'yes'. Ada yang selesa dan kerap melancong ke luar negara. Ada yang selesa tidak mahu menyertai bengkel atau seminar walaupun percuma. Apatah lagi kalau berbayar. Ada yang selesa memilih untuk menyerahkan bahagian-bahagian tertentu seperti analisis data kepada pihak ketiga pada kadar bayaran tertentu. Masa menjadi saksi, dek kerana selesa ramai pelajar phd yang mengambil masa yang lama untuk bergraduat. Ada juga yang akhirnya memilih untuk surrender.

### **Tulislah walau sepatah kata, sebaris ayat.**

Kalau bukan tulis berkaitan *research* kita, tulislah apa-apa sahaja di skrin laptop. Tulislah kata-kata motivasi. Luahan hati. Tulislah tentang keluarga, suami, anak-anak. Tulislah doa-doa. Sekurang-kurangnya sambil menaip, kita juga berdoa. Tulislah apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran. Menulis membuat hidup kita jadi lebih bersemangat. Saat jari-jemari menari-nari di atas keyboard lahir dan mengalir rasa ghairah untuk terus menulis.

Menulis membuat kita rasa bebas dari masalah. Meski kadang kita sendiri tidak tahualur ceritanya. Menulis boleh membuat kita rasa bahagia yang luar biasa. Menyembuhkan pelbagai trauma. Melepaskan yang terbuku di dada. Bersarang di kepala. Menulis sebagai suatu terapi diri. Terapi jiwa. Pendek kata tulislah apa-apa sahaja. Pasti ada nikmatnya.

Ya Allah kurniakanlah pahala kebaikan kepada insan-insan yang berada di sekeliling sepanjang perjalanan hidupku di dunia ini. Mudahkanlah urusan mereka di dunia dan akhirat. Amiin!

“Menyangka sudah berada di paling tingkat paling atas dalam pendakian ilmu ialah fatamorgana”.....

Kita biasa melihat pemandangan yang jauh apabila berada di tempat paling tinggi. Bayangkan anda berada di bangunan Buruj Khalifa, antara bangunan paling tinggi di dunia untuk melihat pemandangan yang hampir menyeluruh. Namun di atas sana, kita tetap dibatasi oleh mata yang gagal menembusi kejauhan. Pendakian ilmu ibarat menyelak daun pintu demi pintu, membuka kunci demi kunci. Lagi banyak pintu dibuka lagi banyak tugas dan keaburan berada di hadapan. Mengatakan tugas mencari ilmu sudah selesai merupakan kepalsuan yang dibaja.

Berjaya tetapi tidak berkongsi kejayaan. Ramai orang berjaya tetapi masih kurang berkongsi pahit manis tangga kejayaan dan susah payah mereka semasa mendaki. Mungkin kita rasa biasa, tetapi bagi sesetengah orang, mereka mendapat inspirasi. Penghargaan kepada PROSPEN yang mengusahakan inisiatif ini. Saya jarang berkongsi saat indah semasa bergelar pelajar siswazah dalam bengkel atau ceramah. Pada pandangan saya masa itu terlalu peribadi untuk dikongsi bersama. Semoga tulisan kerdil ini dapat mengisi ruang-ruang kosong inspirasi. Perkongsian ini lebih kepada manis berbanding pahit. Duka lebih suka disimpan, sambil menyelami makna di sebalik peristiwa. Biasanya suka duka yang berlaku menjadi pengalaman hidup yang berwarna. “Kita pada hari ini, lahir daripada pengalaman berbeza”. Usah dibanding beza, setiap orang mempunyai perjalanan hidup masing-masing.

### **Guru SBP terbaik!**

Perjalanan ini penuh warna-warni dan liku. Angan-angan PhD bermula lebih awal, iaitu semasa berada di bangku sekolah. Namun secara formalnya, perjalanan PhD bermula semasa bertugas di SMS Pasir Puteh, Kelantan. Ayat pertama yang keluar dari mulut Guru Pakar Matematik, “Kita kena buat kajian” beliau memanggil saya ke biliknya, berbincang tentang tugasannya berkaitan kajian tindakan. Malangnya perbincangan itu mati di tengah jalan. Saya faham membimbing guru melakukan kajian bukannya mudah, apatah lagi jika kurang pengalaman dan kepakaran.

Namun makin berputiknya cita-cita bila melihat kalangan guru SBP yang memiliki master dan PhD di sekolah. Gerak geri mereka berbeza, pemikiran juga nampak berbeza, walaupun tidak dinafikan ada sedikit nada kesombongan. Ahh “Pedulikan sahaja, niat kita nak upgrade ilmu, bukan berbangga” mungkin tingkah laku terkesan oleh ilmu atau personaliti guru tersebut, saya tidak mengukurnya. Pengukuran secara pemerhatian bukan sahaja mudah tersasar, namun boleh dipengaruhi bias. Kebiasaannya guru pemegang master dan PhD di sekolah banyak menggunakan terminologi dan istilah ganjil pada pendengaran kami yang masih baharu.

Antara yang kerap didengar kesahan kontruk, systematic literature, data not valid dan pelbagai nama alat pengukuran yang tidak biasa dengar. Walaupun sudah didedahkan pada peringkat sarjana muda di universiti, namun dari segi praktikalnya ia berbeza. Wah! hebat sekali, maklumlah tiada pengalaman bergaul dengan guru bergelar sarjana. Walau bagaimanapun pengalaman sebagai guru data di sekolah sedikit sebanyak membantu saya memahami selok belok asas metodologi dan analisis data.



### **Alang-alang menyeluk pekasam**

Belajar biar mendasar! Jika kita belajar sesuatu perkara maka elakkan belajar sekadar angin lalu. Dasarnya sampai berpijak, baru terasa dalam atau tohonya air. Sekadar melihat permukaan air, tanpa melihat ke dasar laut sahaja, bahkan tanpa menyentuh dan melihat dengan lebih dekat ciri-ciri dan jenis ikan dan apa-apa yang berkaitan di dalam laut, masakan kita menjadi lebih arif dengan sesuatu perkara. Mereka yang hanya bermain-main di atas permukaan ini diibaratkan orang yang malu-malu hendak belajar. Jom terjun! dan capai ilmu yang mendasari itu. Mereka yang terjun tapi melihat dasar dengan bersnorkeling, masih tak capai dasarnya.. Cantik di mata, tapi hakikatnya PhD tetap jauh didasar. Jom kita takluk dasar dengan setangkai bekalan oksigen dan gogle. Sama-sama berada di dasar untuk sama-sama menikmati keindahan alam dan mengkaji dengan lebih mendasar sesuatu disiplin ilmu tersebut. Alang-alang sudah berada di IPG, biar PhD menjadi bukti.

### **Langkah strategik ke PhD**

Peluang menyambung pelajaran peringkat tinggi hadir tepat pada masanya, sebaik sahaja disahkan dalam perkhidmatan sebagai guru DG41/DG3. Menunggu tempoh pengesahan sangat lama, turun-naik di KPM menghantar borang pengesahan dan bermalam dalam kereta yang tayarnya bocor satu kenangan. Namun masih ada halangan, iaitu perlu syarat APC untuk dapat temuduga Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Terpaksa tunggu lagi 3 tahun. Itu pun belum tentu dapat atau tidak. Alhamdulillah berkat doa keluarga dan kawan-kawan dapat juga merasa APC selepas 3 tahun berkhidmat. Peluang ini datang dengan cepat, apabila tahun berikutnya terus dapat temuduga HLP di Putrajaya. Sudah terbayang PhD, Walaupun master pun belum mula. Nampak tuah bukan datang menggolek tetapi hasil usaha rakan yang begitu bersemangat untuk membantu. Pengaruh rakan SBP pada masa itu amat kuat dalam mengeksplorasi mengenai peluang sambung belajar, posting selepas habis belajar, universiti pilihan dan langkah selepas master/PhD.

Di IPG langkah PhD diteruskan, namun kecewa lagi, kena tunggu 3 tahun selepas menamatkan pengajian peringkat master. Mencuba mengisi borang permohonan, malangnya ditolak kerana syarat 3 tahun berkerja selepas mengikuti master/HLP. Tahun 2013 ada sinar, apabila berpeluang untuk ditemuduga di Cyberjaya. Terlalu obses dengan interview menyebabkan sesi temuduga menjadi lama. Kadang-kadang terbalik sesi, apabila saya banyak bertanya tentang kajian yang dilakukan oleh panel (Panel Universiti). Kegembiraan pengalaman semasa interview PhD dikongsi bersama abah dan kami sama-sama ketawa. Namun hayatnya Abah tak lama, dia dijemput lebih awal bertemu pencipta-Nya, sebelum saya mengenggam PhD.

### **Penyelia Oh Penyelia**

Masa berubah, kaedah pun berubah. Tradisi berguru juga berubah. Corak pengajian dalam penyelidikan sudah bertukar mediumnya kepada medium bersifat terbuka. Kehadiran personel seperti Prof Ramayah, Dr. Ain Munirah, Dr OT, Dr Hyrol dan ramai lagi nama besar telah memeriahkan dunia penyelidikan. Penyampaian kandungan, bertambah kritikal dan analitik, dan bukan kepada bersifat satu hala. Ilmu ada di mana-mana, asalkan sanggup berembun mencari. 2014 tahun keramat, bermulanya gelaran sebagai pelajar Post Graduate (PG) di Universiti Malaysia Terengganu di bawah seliaan 2 orang Professor, seorang bergelar Dekan dan seorang Pengarah Pusat Penyelidikan Pantai Timur. Nama besar ini sudah membuatkan kecut perut. Bagi meredakan hati, maklumat rentang Penyelia dicari dan diselidiki. Memang sah orangnya seperti dakwaan senior, "sila berhati-hati, takut tak jumpa pintu keluar".

Sudah tergambar pada masa itu, strategi mengurangkan ketakutan, antaranya ajak rakan untuk menemani. Lagipun tak salah rasanya untuk membantu saya dalam mengingat dan membuat ulang kaji isi-isi perbincangan. Masa itu kurang molek, pada pandangan saya, jika menulis semasa penyelia sedang bercakap. Alhamdulillah, penyelia banyak mendengar daripada bercakap, kadangkala ia mencelah meminta penjelasan. Namun rumusan dan tugas akhir yang selalu mencengkam dada. Antara tugas yang masih dingati, memohon saya menghubungi rakannya di Universiti Malaysia Sabah untuk sesi konsultasi.

Mengambil temu janji untuk berjumpa penyelia merupakan perkara yang sangat sukar. Kalau berjumpa pun tidak lebih 30 minit. Antara ajaran yang terkesan di hati mengenai falsafah dalam setiap langkah dalam melakukan kajian. Bukan langkah dan kilasan kena betul, bukan main suka-suka sahaja. Penyelia menghurai perkara pokok sahaja, lainnya kena cari sendiri. Setiap persoalan kami dihurai secara bersahaja, membuat kami menggaru kepala, memikirkan makna di sebalik kata-kata. Tahun kedua (2015) merupakan tahun kemuncak, kegembiraan berganda apabila anaksulung pertama (artikel) diterbitkan journal terindeks, Scopus. Penyelia ambil inisiatif terbang ke Turki, khas untuk membentangkan hasil kajian yang amat bermakna. Sehingga kini, artikel tersebut masih dibuat rujukan dan mendapat sitasi pada kadar sederhana. Perhubungan dengan penyelia perlu dijaga, tandatangannya ada makna. Permulaan itu membuka hubungan lebih akrab antara kami, sehingga saya mengunjungi rumah kediamannya. Namun tahun tersebut juga merupakan tahun perpisahan; penyelia berpindah ke kampus sebelah, dipisahkan oleh pagar dan sebatang jalan. Tawaran berpindah mengikutinya ke sana, ke Pusat Pengajian baharu telah saya hadam, baik buruk kesan mendatang, keputusan tetap sama, kekal di universiti yang sama. Buku baharu akan dibuka dengan penyelia baharu. Sedang berkira-kira mencari penyelia baharu, dapat lamaran melalui telefon, seorang penyelia terkenal, kerap muncul di dada akhbar dan facebook. Wow!

### **Penubuhan PLS Helper Group**

Turun naik motivasi adalah biasa dalam dunia Pengajian PhD. Ramai mengatakan ia laluan sepi kalau hilang motivasi. Bagaimana nak mengekalkannya lebih kritikal daripada mencarinya. Alhamdulillah berkat sepakat rakan-rakan sefakulti, membawa kepada penubuhan kumpulan sama-sama belajar. Beberapa lama berganding bahu mendalami ilmu Penyelidikan, langkah dihidu penyelia, lantas membuka peluang mengajar rakan-rakan baharu mendaftar. Entah mengapa, permintaan tinggi datang, mereka yang ingin mendalami analisis data generasi kedua; Partial Lease Square (PLS). Tanpa disedari kami bergerak ke sana sini, menuntut ilmu dan mengajar. Maka secara rasmi, kami menamakan PLS Helper Group yang tidak berorientasikan keuntungan perniagaan bagi membantu rakan-rakan yang berminat mendalami PLS-SEM.

### **Dunia Berubah, Pengukuran berubah**

Dunia berubah, alat dan cara mengukur juga berubah. Pengukuran berkaitan dengan ketepatan. Bila hasil itu tepat maka sebarang keputusan yang dibuat berkaitan tidak diragui lagi. Pembuat keputusan perlu kepada data tepat. Maka, usaha ke arah hasil yang tepat perlu digerakkan. Kebiasaannya pengukuran holistik tidak menggambarkan situasi sebenar. Ia bersifat kabur. Sistem penilaian pelajar juga perlu berubah kerana dunia hari ni tidak melihat faktor peperiksaan semata-mata. Faktor bakat perlu diambil kira kerana ia berkait dengan system ekonomi masa hadapan. Pengukuran juga perlu tekal. Melalui pembacaan saya dapati satu prinsip utama laporan kewangan perakaunan dunia ialah mesti ada konsep konsisten (ketekalan). Sebab kalau tak konsisten ia akan memberi maklumat yang salah kepada pengguna penyata kewangan (proses perbandingan) dan akan mudah diubah suai mengikut citarasa pengurusan syarikat. Begitu juga analisis ketekalan dalaman (internal consistency) yang sering kita buat dalam menguji item. Ada range yang perlu diikuti. Saya memilih Nunally, (1970) (0.7- 0.95).

### **Abah dan Umi sumber inspirasi**

Semasa mengambil ijazah di atas pentas, mendengar Dato VC mengucapkan kalimah keramat “Tahniah Dr.” barulah teringat kata-kata gemulah abah... “Abah dan Umi letak nama awak kerana mengambil nama seorang Doktor di Mesir”. Semua doa dan hajat Abah telah terlaksana walaupun tidak dapat bersama-sama meraikannya.

Biasanya Abah tidak memuji di depan kita. Tahu-tahu berita itu sudah merata. Dulu pun begitu, adik bongsu dapat biasiswa ke University Washington pun dia hanya senyum tidak berkata apa-apa. Petuanya jangan mudah kita menilai pada cakap zahariah semata-mata, kadang ia rasa pahit semasa kena, tapi mujarab dan ubat semasa kita berkelana di atas muka bumi ini. Kadang kita kenang ia bermakna, bukan kenang untuk berbangga. Cita-cita ibu bapa kita telah terlaksana, cita-cita kita dalam mendidik, bagaimana? Di depan mata sekarang ada pelajar PhD dan Master yang menjadi tanggungjawab untuk dibimbing. Dapatkah mereka hadam apa yang saya kata?

Dr. Ahmad Shidki b Mat Yusoff bertugas di Jabatan Perancangan, Penyelidikan & Inovasi, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu, boleh dihubungi melalui email [shidki@ipgmksm.edu.my](mailto:shidki@ipgmksm.edu.my) jika anda mempunyai masalah dalam analisis data atau apa-apa isu berkaitan penyelidikan.

**Mengapai impian.**

Menjadi impianku sejak dari bangku sekolah lagi, untuk menjadi seorang pensyarah yang berstatus Dr. Aku tahu bukan sesuatu yang mudah untuk aku mencapai impian aku itu. Apabila aku telah berjaya menjadi seorang guru lepasan maktab perguruan pada masa itu, aku sangat gembira dan seronok dengan kerjayaku. Tidak ada rasa bosan dengan murid-murid dan aku sangat bersemangat ke tempat kerja. Kupastikan kehadiranaku ke sekolah pada awal pagi dan sentiasa mendahului rakan-rakanku yang lain.

Pada tahun 2002, aku berjaya menamatkan pengajianku pada peringkat ijazah pertama di universiti Malaya. Pada masa yang sama, aku berasakan aku masih lagi kekurangan ilmu, jadi dengan keizinan suami aku menyambung lagi pengajianku ke peringkat sarjana di universiti yang sama. Selepas memoleh master dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak, aku berjaya menjadi seorang pensyarah yang menjadi impianku selama ini. Impianku menjadi kenyataan bukan lagi mimpi.

Tuhan telah makbulkan doaku. Aku ingin mencari kelainan dalam hidup. Jika selama 12 tahun aku bersama anak-anak kecil yang berusia 7 hingga 6 tahun. Tibalah kali ini aku beralih arah mengajar anak-anak seusia anak-anakku. Tahun 2006 aku berjaya menjadi seorang pensyarah di IPGKSM dan mengajar bidang prasekolah atau pendidikan awal kanak-kanak.

Cabaran terus datang, aku masih lagi belum puas dalam pencarian ilmu. Setelah berfikir panjang dan atas sebab-sebab tertentu aku memohon untuk menyambung lagi pengajian ke peringkat Doktor Falsafah Pendidikan. Akhirnya aku memilih UNISEL tempat belajarku kali ini. Rezekiku di UNISEL apabila aku mendapat rakan-rakan seperjuangan yang baik dan para pensyarah yang tidak lokek memberi ilmu.

Walaupun pada awalnya aku mendapat biasiswa KPM tetapi apa yang penting aku mahu menghabiskan pengajianku tanpa ada tekanan sebab waktu ini usiaku tidak semuda dulu. Ingatan tidak sehebat dulu, tenaga tidak sekuat dulu, emosi tidak sekental dulu, .lagipun apa yang aku mahu kejar, kata pepatah, biar lambat asal selamat.

**Ranjau sepanjang jalan meredah impian.**

Berbagai cabaran, dugaan, pengalaman pahit, manis, gembira, sedih dan sebagainya merupakan ranjau yang aku lalui dalam mengapai cita-cita ini. Aku perlu sedari bahawa tatkala matahari terbit pada pagi hari, bermulalah kehidupan baharu. Kehidupan yang aku sendiri tidak tahu apakah yang bakal berlaku di sekeliling kita. Yang pastinya hidup perlu diteruskan dengan nyawa yang kita ada.

Bagi sesetengah orang, hari ini merupakan hari yang sangat bahagia, gembira, bertuah dan boleh dikatakan bernasib baik. Kadang-kadang kita cemburu melihat kawan-kawan senang saja untuk berjumpa dengan penyelia dan berurusan tentang hal-hal berkaitan pengajian dan penulisan tesis. Tetapi aku sebaliknya, ada waktu aku terpaksa mengharungi hari-hari dengan sedih, kecewa, pahit dan boleh dikatakan malang bagiku. Walaupun begitu, aku tetap perlu teruskan juga kehidupan dan pengajian ini.

Aku perlu ingat, tidak semua orang bernasib baik dan tidak semua orang yang bernasib malang. Semua yang berlaku adalah ketentuan dari Tuhan yang Maha Mengetahui. Adakah apa yang aku pelajari ini untuk membantu ke arah kemajuan diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara? Kalau ya, aku perlu kuatkan semangat untuk menyiapkan tesis dan memberi impak kepada semua orang. Dengan cara ini juga aku dapat berdakwah ke jalan Allah. Niat perlu ikhlas kerana Allah dan akhirnya semua itu dapatku lalui dan tempuhi. Alhamdulillah.! Kata orang hendak seribu daya, tak nak seribu dalih.

### **Tanggungjawab dan komitmen terhadap keluarga**

Sebelum aku mengambil keputusan untuk melanjutkan pengajian ini. Aku perlu pastikan komitmen terhadap suami dan anak-anak terurus. Kepentingan untuk anak-anak perlu diutamakan. Apabila aku ada kelas pada hujung minggu, aku akan pastikan semua kerja dan urusan makanan anak disediakan. Kita sebagai ibu perlu memikirkan makan minum semasa kita tiada di samping mereka.

Aku terlebih dahulu akan menyediakan barang-barang keperluan dapur dan menyediakan lauk pauk secara frozen dalam peti sejuk. Bahan-bahan sampingan lain seperti buah-buahan, makanan frozen dan sebagainya disimpan selama beberapa hari ketiadaanku. Aku tidak akan terfikir-fikir lagi tentang makanan anak-anak yang mana boleh menyebabkan gangguan pada tumpuan pembelajaran nanti. Syukurlah suami dan anak-anakku memahami. Segala pesanan diberikan untuk anak-anak terutama waktu solat, belajar dan menyiapkan kerja sekolah.

Inilah pesananku kepada semua ibu dan isteri yang mahu meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi. Komitmen kita sangatlah tinggi dan berat. Sebagai seorang isteri, anak dan ibu dan pada waktu yang sama sebagai siswi IPT. Kita kena bijak mengurus waktu dan keperluan mereka supaya emosi dan tingkah laku anak-anak tidak terjejas. Mereka mempunyai waktu yang masih panjang untuk meneruskan kehidupan yang kita tidak tahu penghujungnya.

Aku tidak pentingkan diri dalam mengejar cita-cita kerana aku sedar anak-anak lebih diutamakan lagipun aku terfikir bahawa aku sudah ada kehidupan yang terjamin dan mempunyai kerjaya tetap dan bergaji. Namun anak-anak masih memerlukan perhatian, kasih sayang dan bimbingan kita sebagai ibu dan bapa.

### **Mulakan niat yang betul kerana Allah**

Ilmu ialah cahaya dan cahaya itu dari Allah. Orang yang jauh dari Allah maka cahaya tersebut akan sukar menembusi hatinya. Niatkanlah belajar untuk menyebarkan kebaikan kepada orang sekeliling dan memberi manfaat kepada agama dan masyarakat. Orang yang cita-citanya hanya untuk mengejar sekeping kertas bernama ijazah maka sebenarnya dia ialah orang yang telah gagal dari awal.

Sebab itulah bukan sedikit cerita yang kita dengar hari ini yang ada orang belajar sampai PhD tetapi hidupnya penuh dengan kesombongan, rasuah sini sana dan menjadi kebencian orang lain. Mulalah! betulkan niat dari awal dan Bismillah, mulakanlah langkah! Niat aku tidak tersasar, sebab dari dulu lagi aku belajar ini adalah untuk peningkatan diri, keluarga, agama dan negara.

Bagi aku pembelajaran sepanjang hayat, semakin kita menimba ilmu semakin banyak yang kita tidak tahu. Dalam sujud dan doaku, aku tidak pernah lupa agar Allah memberikan aku kemudahan dalam mencari ilmu yang bermanfaat, berkat dan berupaya menyebarkan kepada yang memerlukan nanti.

### **Tiada istilah putus asa dan jauhi sifat hasad dengki**

Banyak perkara yang aku lalui sangat menyedihkan dan mengecewakan. Kadang-kadang aku tewas jua dengan masalah yang dihadapi. Aku ialah orang yang paling perlu memotivasikan diri aku sendiri. Jika aku jatuh maka diri aku sendirilah yang pertama kali perlu memberitahu diri aku untuk bangkit kembali.

Dalam perjalanan mencari ilmu, pastilah nanti akan ada banyak ujian dan halangan yang akan kita dapat. Maka, ketika itu, ingatkanlah diri kita dengan niat tadi. Tidak ada jalan pintas untuk sebuah kejayaan dan ingatlah janji Allah, setiap kesulitan itu pasti akan datang bersamanya kemudahan yang tidak disangka-sangka.

Dalam menempuh tempuh belajar PhD ini, aku temui berbagai-bagai ragam manusia. Memang begitu banyak dan berbeza antara seorang insan dengan insan yang lain. Prasangka, ramai orang akan bertaut pada ranting ini. Prasangka selalu bertaut di hati insani dek kerana terpendang akan kelebihan yang ada pada insan lain. Ia terkadang mengganggu ketenteraman hati dan memberi kesan pada emosi. Nabi SAW pernah bersabda: Hati-hatilah kalian dari hasad, kerana sesungguhnya hasad itu memakan kebaikan sebagaimana api memakan kayu baka." (Hadith Riwayat Iman Abi Dawud, Hassan Sahih). Hapuskan prasangka yang ada. Jadikan kita insan yang sentiasa berpaut dengan sifat terpuji. Biarkan kelebihan kawan-kawan yang sama belajar menjadikan dorongan untuk kita, jangan kita melakukan sesuatu yang boleh menjatuhkan kawan sehinggakan kawan kita tersungkur.

Biarlah apa yang dibuat secara bersama seperti mencari maklumat, bahan sokongan, bahan rujukan dan sebagainya dikongsi secara adil dan saksama. Ini yang berlaku kepada kawanku yang tersungkur menangis atas sikap kawannya yang sebelum ini dikongsi bersama-sama. Sememangnya ubat mujarab dalam mengubati penyakit hasad adalah bersyukur. Walaupun kita agak lambat dalam menyiapkan penulisan tesis kita, tetapi Allah SWT kurniakan kita rezeki yang sentiasa mudah dan mencukupi dan tidak pernah pula meminta-minta.

### **Kenali sahabat dan kawan**

Belajar peringkat Doktof Falsafah, kita perlu mempunyai ramai kawan, sebab kita tidak mampu belajar seorang diri. Kita perlu berbincang, bertelagah, berhujah dan bersama-sama berbincang dengan rakan-rakan. Semasa belajar, aku temui macam-macam jenis kawan. Di sini aku mulai mengenali dan mengerti apa itu erti sahabat dan kawan. Ada kawan yang ambil kesempatan ke atas kita, ada kawan yang boleh bersusah payah dengan kita dan ada kawan yang hanya pentingkan diri dan ada kawan yang menikam kawan dari belakang. Apa yang penting kita perlukan sahabat sejati dalam kita mengharungi perjalanan dalam mengejar impian ini.

Indahnya hidup andai diri kita sentiasa disayangi. Hidup akan lebih bermakna sekiranya kita dapat menggunakan kesempatan yang singkat untuk membina landasan kasih sayang sesama insan. Seorang kawan belum tentu boleh dikatakan sebagai seorang sahabat, kerana sahabat itu ialah seseorang yang akan terus bersama kita, biar masa dan keadaan berubah kasihnya tetap seperti dulu.

Dia akan tetap menjadi sahabat, teman, dan kawan yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan di saat kita memerlukan. Dia akan sentiasa ada di samping kita, menghulurkan bantuan tanpa dipinta. Dia ialah seorang insan yang dianugerahkan Allah amat memahami dan memiliki keserasian yang amat kuat dengan diri kita. Kasihnya tidak mengharap balasan tetapi lahir dari sebuah keikhlasan.

Dia tidak akan sanggup melukai hati kita, tidak akan bertindak mengambil kesempatan. Dia tidak akan membiarkan kita terus melakukan kesilapan sebaliknya akan sentiasa mengingatkan kita dan memberi teguran tanpa pernah melukai hati kita. Dia akan sentiasa bergembira dengan kejayaan kita dan tatkala kita bersedih dia turut bersimpati, menangis di dalam hati. Tanpa kita ketahui rupa-rupanya ialah sahabat yang sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup kita di dunia dan di akhirat.

### **Hikmah di sebalik ujian**

Mengharungi sebuah kehidupan dalam dunia belajar, kita pasti tidak lari dari ujian dan dugaan. Terasa diri diuji, pasti mendatangkan keperitan, namun hikmah tersembunyi tiada siapa dapat menduga kemanisannya. Apa yang aku alami tesis ditendang berkali-kali, sukar hendak berjumpa dengan penyelia, janji elok-elok terpaksa dibatalkan, hantar tesis berminggu-minggu tetapi tidak disemak langsung. Bila pergi hendak berjumpa, dibalasnya kenapa tidak telefon dulu, saya sangat sibuk.

Oleh itu kita perlu bersikap positif dan banyak bersabar dengan kerenahnya itu, sebab kita semua diuji. Bersabar menghadapi ujian hidup kerana ia sekadar menilai sebuah keimanan dan ketaqwaan. Aku anggap ujian dan dugaan yang mengintai tabir diri kadang kala lebih mematangkan fikiran dan memberi kesediaan hati untuk menempuh kehidupan mendatang. Apabila kita berpegang kata-kata ini, kita akan jadi tenang dan dapat meneruskan pengajian kita dengan redha dan tanpa rasa hendak marah atau kecewa. Pohonlah kebaikan dari-Nya, letakkan kecintaan hanya pada-Nya. Hamparkan sepenuh harapan hanya kerana Allah, mohon diberi kekuatan iman untuk meniti sebuah kehidupan sehingga penghujung saat kita akan kembali kepada Nya.

### **Komunikasi yang Berkesan.**

Komunikasi yang berkesan adalah antara faktor utama kejayaan dalam sesebuah organisasi dan individu. Ini juga merupakan tips yang membawa kepada kejayaan atau mempercepatkan proses menyiapkan pengajian peringkat PhD. Apa yang aku lakukan sepanjang pengajian ini ialah perlu mempunyai komunikasi yang baik dengan penyelia dan semua orang yang terlibat dalam pengajiannya. Mereka akan melayan aku dengan elok bila kita mempunyai teknik komunikasi yang betul dan berkesan.

Ada pelajar dihalau keluar dari bilik penyelia gara-gara cara bercakap yang tidak sopan. Kita perlu merendah diri, menggunakan bahasa yang sopan, tertib dan lembut serta bahasa badan yang sesuai agar apabila orang di hadapan kita mendengar percakapan kita boleh menyebabkan mereka ada rasa hormat dan bertolak ansur kepada percakapan kita. Kita perlu kenali dahulu penyelia atau pensyarah secara luaran apa personalitinya, gaya bercakap dan kehendak atau kesukaannya supaya kita mudah untuk membuat persediaan mental apabila berhadapan dengannya.

Akhirnya 2017, aku berjaya mengenggam segulung ijazah. Apa yang dicatatkan ini, berdasarkan pengalaman peribadi semata-mata. Sedikit perkongsian untuk panduan bersama. Sesungguhnya setiap catatan ini berdasarkan hati yang tulus ikhlas agar perjalanan mengejar PhD pembaca tidak terhenti di pertengahan jalan. Anda perlu terus istiqamah tanpa menyerah kalah dalam mengejar kejayaan.

Sudah empat kali aku menghadiri temu duga Hadiah Latihan Persekutuan Kementerian Pendidikan bagi meneruskan impian untuk belajar peringkat kedoktoran. Empat kali itu juga aku gagal tanpa sebarang penjelasan dan pegangan untuk aku perbaiki, bagi membantu permohonan baharu atau mengikuti temu duga akan datang. Sungguhpun begitu, aku tidak pernah berpatah asa untuk terus memohon HLP. Pada aku, berhak untuk mencuba, yang akan menentukan hanya Tuhan dan nasib. Bagi permohonan kali keempat ini peluang terakhir untuk memohon HLP secara penuh. Selepas ini, aku harus memohon HLP tanpa biasiswa kerana sudah melimpasi syarat umur yang ditetapkan. Aku sudah tidak peduli tentang duit atau biasiswa, apa yang aku inginkan ialah cuti bagi membolehkan aku fokus dalam pengajian yang dipilih. Lantas sebaik sahaja disiarkan iklan HLP, aku terus memohon dengan mengharapkan takdir menyebelahi pada kali ini.

Sebelum ini, aku pernah mengikuti pengajian secara part time di beberapa universiti awam. Namun kerana bebanan kerja dan belajar menjadikan pengajian aku kecundang. Hanya membazir masa duit dan tenaga sahaja. Belajar sambil bekerja merupakan satu cabaran dan bebanan yang sangat besar. Malahan beberapa rakan aku yang belajar secara part time, terpaksa menanggung beban dan lewat untuk lulus. Oleh itu, ada yang belajar sehingga enam dan tujuh tahun. Tidak terkecuali ada yang tidak meneruskan pengajian kerana tidak berupaya menanggung beban kerja dan kajian pengajian. Aku tidak mahu seperti itu, hanya merugikan masa, duit dan tenaga. Pengajian peringkat kedoktoran ini menuntut pengorbanan dan cabaran yang besar.

Pada kesempatan baharu ini, aku bercadang menukar bidang pengajian. Ini kerana bidang yang aku ikuti dahulu rasanya kurang sesuai dengan keupayaan dan kemahiran aku. Oleh itu, aku memohon bidang Kesusasteraan Melayu. Sementelahan pula, bidang ini selari dengan sarjana muda aku. Aku tidak mahu lagi menerima kegagalan dalam temu duga, kerana bidang yang aku mohon dahulu itu tidak melayakkan aku mendapat HLP. Lantas pada kali ini, aku bertekad mengubah kepada bidang sebenar aku. Lagi pun, sebelum itu aku bertanya kepada rakan-rakan dan pensyarah-pensyarah yang sudah mendapat ijazah kedoktoran mengenai bidang yang aku akan mohon. Setelah mendapat nasihat dan pandangan, aku pun membuat keputusan untuk memohon bidang sebenar aku, iaitu sastera dan bahasa Melayu.

Oleh sebab bidang aku ini bidang sastera dan bahasa, tidak ramai rakan atau pensyarah yang mahir untuk membantu aku. Oleh itu, aku telah meminta salinan tesis daripada rakan aku di Muar, Johor sebagai rujukan. Sudah terlalu lama aku tidak mengikuti perkembangan kesusasteraan tanah air kerana aku bukan mengajar subjek kesusasteraan, tetapi subjek pemulihan dan ilmu pendidikan. Aku pun buntu dan ketiadaan idea untuk mengkaji novel, cerpen atau pun puisi. Aku mengumpul buku-buku dari perpustakaan dan kertas-kertas kerja mengenai sastera. Di perpustakaan juga, tidak ada tesis yang membicarakan kesusasteraan kerana kajian banyak berfokus kepada pendidikan. Dalam keadaan terdesak, aku menyediakan cadangan penyelidikan untuk mengkaji karya-karya oleh pengarang generasi baharu. Ini kerana karya-karya pengarang mapan sudah terlalu banyak dikaji oleh pelajar-pelajar peringkat ijazah, sarjana dan kedoktoran. Hampir lima hari aku bertungkus lumus menyiapkan cadangan kajian mengikut format yang ditetapkan. Aku pasrah dan reda sama ada dengan nasib aku pada kali ini. Aku tidak terlalu



mengharap tetapi berdoa agar diberi peluang untuk meneruskan impian seperti rakan-rakan yang sedang belajar dengan HLP. Tidak disangkal, aku sangat cemburu dengan peluang dan kesempatan yang diberikan kepada rakan-rakan.

Setelah hampir tiga bulan menghantar permohonan secara talian, rakan-rakan yang sama memohon memaklumkan sudah keluar keputusan tawaran HLP KPM. Aku meminta sahabat aku menyemaknya dan aku antara yang berjaya. Sahabat aku juga berjaya mendapat HLP penuh. Sementara aku, HLP tanpa biasiswa. Tidak dinafikan terdetik juga rasa iri hati kepada sahabat aku kerana mendapat HLP penuh. Setelah memikirkan syarat, aku akur dengan apa yang aku terima. Aku bersyukur kerana berjaya mendapat HLP walaupun tanpa biasiswa. Sebenarnya, keadaan ini memberi satu cabaran dan peluang kepada aku untuk mendapatkan ijazak kedoktoran. Yang pastinya aku harus berhemah dalam berbelanja kerana perlu menanggung kos pengajian berbanding sahabat aku yang mendapat biasiswa penuh yang tidak perlu membayar yuran pengajian. Malahan mendapat yuran buku, bayaran kos hidup dan keluarga. Semua ini aku pernah terima kerana pengajian peringkat sarjana aku sudah menerima HLP dengan biasiswa.

Sementara menanti keputusan, aku memohon pengajian peringkat kedoktoran di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Universiti-universiti ini ada menawarkan pengajian kesusasteraan peringkat kedoktoran. Setelah beberapa minggu membuat permohonan, aku mendapat panggilan daripada pensyarah dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Aku ditawarkan belajar di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Aku mengharapkan dapat belajar di Fakulti Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia, kerana itu merupakan fakulti semasa aku belajar peringkat ijazah sarjana muda. Tambahan pula, aku sudah mengetahui suasana dan keadaan di Universiti Kebangsaan Malaysia, beranggapan pembelajaran aku lebih mudah berbanding belajar di universiti baharu yang tidak aku kenal pensyarah dan situasinya. Hasrat aku untuk belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia semakin malap, kerana tidak menerima sebarang jawapan, sedangkan tempoh pembukaan belajar sudah hampir.

Dalam perasaan suka dan ragu, aku menerima tawaran belajar di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tambahan pula, ada sahabat aku yang menerima HLP belajar di Fakulti Pendidikan, dan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Ini menguatkan semangat untuk aku belajar. Sebelum memulakan pendaftaran, aku sudah pergi bertemu dengan pensyarah yang bakal menyelia tesis atau penyelidikan yang akan aku lakukan. Pada malam itu, sukar untuk pejamkan mata kerana memikirkan kertas cadangan kajian aku yang agak ringkas dan belum bersedia dengan hujah-hujah sekiranya aku diasak tentang kajian yang akan dijalankan. Aku tidak bercadang membawa cadangan kajian semasa permohonan HLP kerana dilihat tidak sempurna, menarik dan sesuai peringkat kedoktoran. Aku berhasrat untuk membuat kajian yang lain.

Selama tiga hari aku berfikir, berkurung di perpustakaan dan melayari internet untuk mendapatkan idea dan bahan bagi menyediakan cadangan penyelidikan. Aku tidak mahu mengambil cadangan yang digunakan semasa temu duga kerana kajian tersebut dirasakan kurang sesuai. Oleh sebab terlalu berfikir dan mencari idea, tugas aku terganggu. Aku tidak dapat melaksanakan tugas aku dengan baik seperti biasa. Semasa aku melayari internet, lebih kurang pukul 2.00 pagi, tiba-tiba aku tertarik dengan nama seorang pengarang generasi baharu dan belum dikaji secara meluas, iaitu karya-karya Faisal Tehrani. Aku pun mula mencari dan menyelidik tulisan-tulisan berkaitan dengan karya-karya dan dirinya. Aku berasa sangat sesuai untuk mengkaji tentang karya-karya Faisal Tehrani yang agak istimewa dan menarik berdasarkan kajian-kajian lepas, ulasan-ulasan dan kritikan terhadap diri serta karyanya. Oeh itu, tanpa

berfikir panjang aku mengambil keputusan untuk mengkaji karya-karya Faisal Tehrani. Aku meneliti aspek-aspek yang pernah dikaji tentang diri dan karya-karyanya. Aku mendapati masih banyak aspek yang belum dikaji dan boleh dikaji pada peringkat kedoktoran.

Setelah berfikir dan membuat pertimbangan, aku mengambil keputusan untuk meneliti pembangunan modal insan dalam novel-novel Faisal Tehrani. Lantas aku mula mencari dan mengumpul bahan-bahan tulisan dan esei-esei berkaitan dengan pembangunan modal insan oleh pengarang-pengarang lain dalam novel-novel dan cerpen-cerpen. Aku melakukan pengkajian dan penulisan pada waktu malam kerana pada waktu siang perlu bekerja. Selama sehari, aku berjaya menyiapkan cadangan penyelidikan untuk dibawa kepada pensyarah yang bakal menyelia aku. Tiba hari yang dijanjikan, aku akan pergi bersama sahabat aku, iaitu Lan. Kami bertolak ke Kuala Lumpur pada pukul 5.00 pagi. Kami perlu pergi awal untuk mengelakkan kesesakan kerana Universiti Malaya terletak di kawasan pinggir Kuala Lumpur.

Sebaik tiba di UM, aku terus ke Akademi Pengajian Melayu untuk bertemu dengan bakal penyelia pengajian aku. Inilah pertama kali aku ke Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya kerana hanya pergi ke perpustakaan utama Universiti Malaya mencari bahan rujukan. Tepat pada masa yang dijanjikan aku pun bertemu dengan dua orang pensyarah wanita yang agak muda. Mereka menyambut aku dengan baik sekali. Segala perasaan gugup dan cemas beransur-ansur hilang dengan sikap mereka yang peramah dan kesantunan sepanjang tempoh pertemuan. Aku pun menerangkan cadangan kajian yang telah disediakan. Oleh kerana sifat dan sikap bakal penyelia yang terserlah baik dan peramah, menguatkan lagi keinginan aku untuk melanjutkan pengajian di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Awal bulan September, aku mula bercuti setelah menerima HLP yang ditawarkan. Tidak ramai pelajar yang menerima HLP seperti aku. Rata-rata yang datang mendapat HLP penuh. Aku tidak kisah lagi pasal duit kerana aku mahu cuti untuk membolehkan aku belajar dengan tenang, berfokus dan tidak diganggu hal-hal lain. Malahan aku menerima HLP ini sebagai cabaran kepada rakan-rakan yang menerima HLP penuh. Aku perlu fokus kerana terpaksa membiayai pengajian sepanjang pengajian. Oleh itu, aku berjanji untuk menamatkan pengajian mengikut tempoh HLP. Setelah mendaftar di Pusat Pengajian Siswazah, bermulalah secara rasmi pengajian aku di APM, UM. Aku mula merancang perbelanjaan kerana aku tidak menerima biasiswa. Oleh itu, sebahagian duit gaji perlu disimpan untuk perbelanjaan, khasnya untuk membayar yuran semester. Bagi memudahkan pengajian, aku telah menyewa bilik di Kolej Kediaman Ungku Aziz. Sewa bulanan agak mahal, iaitu RM500 sebulan. Namun begitu, setiap bilik akan dihuni dua orang. Aku berkongsi bilik dengan seorang pelajar doktor perubatan bahagian gigi yang sedang belajar peringkat sarjana. Tinggal berdua dalam bilik kecil yang agak kurang selesa, kerana pada usia dewasa ini, mahukan keselesaan serta kebebasan dalam bilik.

Setelah lima semester aku bertungkus lumus menyiapkan kajian dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Kini aku sedar pengajian peringkat kedoktoran ini lebih kepada memperoleh ilmu dan menguasai bidang yang dikaji. Sepanjang pembelajaran, aku perlu berfokus, banyak membaca, menghadiri seminar, menulis jurnal, bersama individu-individu yang pakar dalam bidang yang sama dan sebagainya. Setiap bidang yang dipelajari membawa cabaran dan kesukaran yang berbeza. Baru aku sedar bahawa kesukaran dan kesulitan aku tidak sama dengan rakan-rakan aku yang mengambil bidang lain. Hanya Allah SWT yang mengetahui betapa susah dan sukarnya menempuh pengajian peringkat kedoktoran. Aku bersyukur kerana menerima dua orang penyelia yang sangat membantu bagi memudahkan perjalanan kajian yang dilakukan. Walaupun aku pernah beberapa kali kecewa dalam temu duga, sebenarnya ada rahmat menanti aku di sebalik kekecewaan lalu.

Berkonvolesyen dengan topi bulat dan menggenggam skrol ijazah kedoktoran bukanlah menjadi cita-cita utama saya. Masih terbayang di kotak ingatan saya bagaimana saya mengandung dan bersalin semasa belajar peringkat master, menghadiri peperiksaan dengan perut berbengkung ringkas selepas caesarean anak kedua, berpapah dengan suami dan berjalan perlahan dengan seksanya kerana menjalani peperiksaan empat hari selepas pembedahan. Pada ketika itu saya rasakan cukuplah saya dengan ijazah sarjana yang ada.

Namun kemudiannya Phd menjadi fokus apabila ayah saya meninggal dan saya tidak dapat langsung menatap wajahnya buat kali terakhir. Waktu yang sama suami saya dimasukkan ke dalam wad kerana batu karang dan perutnya terpaksa ditebuk. Memikirkan mayat tidak elok dibiarkan lama, namun saya tidak dapat juga meninggalkan suami yang sedang menjalankan pembedahan, maka saya redha memaklumkan kepada kakak saya supaya tidak menunggu kami lagi. Apabila ibu saya bercerita tentang ayah selepas itu dan impiannya untuk mempunyai anak bergelar doktor falsafah, ditambah pula hasrat ibu yang sama, maka saya bertekad sebelum ibu saya pula meninggalkan kami, saya mesti segera menyambung pembelajaran saya ke peringkat PhD.



Saya bukan pelajar cemerlang dan saya juga bukanlah pelajar yang rajin. Saya gerun juga mendaftar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada September 2011 sebagai pelajar PhD. Sakit belakang pula ketika pendaftaran kerana terpaksa berjalan ke sana sini menguruskan perkara perlu untuk pendaftaran hingga saya terpaksa berhenti duduk sebentar di sebelah sebuah arca. Sakit urat akibat slipped disc yang memang sudah lama saya hidapi kembali menyerang. Sambil memandang tulisan "Ibu Kandung Suluh Budiman" yang tertulis di salah sebuah blok, dengan air mata yang mula meleleh di pipi, saya terfikir...betulkah apa yang aku buat ini? Saya mengurut-urut kaki yang sudah hampir kejang, memandang sekitar mencari sesiapa untuk bertanya sama ada kereta sewa ada masuk waktu pendaftaran tersebut, namun tidak terlihat sesiapa. Hujan pula sudah mula menitik menyebabkan saya bangun meneruskan proses pendaftaran dalam keadaan terdengkot-dengkot. Akibat kisah ini maka suami saya bersetuju membelikan sebuah kereta "buruk" untuk kegunaan dan akan ditinggalkan di asrama luar UPSI yang saya diami. Saya sendiri berulang-alik dari Terengganu ke UPSI menaiki bas.

Di dewan besar kami diberi taklimat pendaftaran pula, setelah kami mendapat taklimat umum dan taklimat daripada fakulti bersama-sama pelajar sarjana. Setelah taklimat saya ke hadapan memperkenalkan diri kepada salah seorang pensyarah, memaklumkan bahawa saya adalah pelajar PhD di bawah seliaannya. Apabila saya menjawab pertanyaan beliau yang saya bekerja di Institut Pendidikan Guru (IPG), teguran beliau memberi tamparan kepada saya, “Ha, pensyarah IPG ni selalu buat alasan sibuk, sebab tu tak datang-datang berjumpa supervisor”. Malu sebenarnya ditempelak begitu, namun saya semakin bertekad untuk membuktikan bahawa tuduhan itu tidak benar.

Sepanjang pengajian, saya cuba memenuhi segala tuntutan pengajian peringkat PhD – hadir kelas wajib, mengikuti bengkel yang perlu untuk kajian saya, malahan bengkel lain pun saya hadiri kerana saya rasa seronok mendapat pengetahuan baharu, mempunyai rakan-rakan yang perbualannya tidak lain – mengenai ilmu. Saya cuba penuhi segala arahan supervisor saya (SV), sehingga perjumpaan kami tidak mengira tempat mengikut kesesuaian masa SV – di pejabat, di perpustakaan, di kedai mamak, di restoran Secret Recipe, malahan di bawah pokok juga ada kerana saya masih ingat sindiran beliau pada hari pendaftaran. Setiap semester saya pastikan laporan kemajuan saya isi dengan KEMAJUAN, sekurang-kurangnya satu langkah ke hadapan. Bersyukur saya memperoleh cuti belajar bergaji penuh tanpa biasiswa (CBBPTB). Terima kasih juga kepada Bahagian Tajaan kerana saya rasakan cuti amat penting untuk pengajian PhD. Dengan cuti yang ada saya dapat ke UPSI pada bila-bila masa, dapat menghadiri seminar, bengkel dan kursus merata Malaysia dan dapat “mengejar” SV untuk berjumpa.

Terdapat tiga pengajaran besar yang saya peroleh semasa pembelajaran PhD saya. Mungkin pengajaran ini tidak sama langsung dengan orang lain tetapi saya yakin dengan anugerah Allah atas pengajaran ini. Bukan harus rajin, bukan harus pandai, bukan harus hebat untuk belajar di peringkat PhD tetapi tiga pengajaran untuk saya ini amat memberi kesan untuk saya menjadi pelajar PhD yang hebat.

Pengajaran yang pertama – menyerahkan diri bulat-bulat kepada Pencipta, Allah Yang Maha Kuasa. Seperti yang saya nyatakan sebelum ini saya berulang-alik ke UPSI menaiki bas. Pada suatu malam seperti biasa saya menaiki Bas Mahligai dengan perjalanan Kuala Terengganu – Greenwood – Hentian Putra – Tanjung Malim. Saya telah membuat janji temu dengan dua orang pakar rujuk di Kuala Lumpur untuk pengesahan instrumen kajian. Selain itu, sememangnya pertemuan dengan SV pasti tidak saya lepaskan untuk membincangkan dapatan kajian. Oleh sebab data mentah yang banyak itu berat untuk saya bawa, ditambah dengan beg komputer dan dua beg kit yang dibina untuk dibawa kepada pakar, maka saya masukkan kesemua data mentah ke dalam beg pakaian dan diletakkan di tempat penyimpanan beg. Saya membawa komputer dan kit bersama saya ke dalam bas.

Kebiasaan apabila menaiki bas, setelah duduk saya akan membetulkan tempat duduk, mengucap, baca ayat Quran dan terus bersedia untuk menutup mata. Ini kerana esok apabila bas sampai pada jam enam pagi, saya perlu terus mencari teksi dan ke asrama untuk terus bersiap untuk kerja-kerja yang dirancang. Tanjung Malim ialah perhentian terakhir, jadi saya biarkan orang lain turun dahulu kerana tidak mahu berebut-rebut. Saya turun dan mencari beg pakaian saya. Hati saya benar-benar berdebar apabila beg saya tiada! Saya mengelilingi bas dan berkejar mendapatkan pemandu bas. Pemandu bas tersebut menyemak tempat simpanan beg. Hanya ada satu sahaja beg pakaian yang bukan kepunyaan saya. Sah, beg pakaian saya sudah tertukar! Saya cuba mengawal diri daripada meraung di situ. Saya ambil sahaja beg tersebut, tinggalkan nombor telefon saya kepada pemandu bas dan berpesan kepadanya supaya menghubungi saya sekiranya ada orang yang ingin menukar beg pakaian.

Saya bergegas ke asrama kerana waktu sudah agak lewat untuk solat subuh memandangkan saya sibuk menguruskan panggilan telefon dan merancang bersama pemandu bas yang baik hati tentang apa yang perlu dilakukan untuk mendapatkan semula beg pakaian saya. Pada ketika itu saya hanya satu sahaja yang saya minta dalam hati – data saya. Saya redha jika semua pakaian hilang tetapi saya amat berharap data mentah saya dijumpai. Jika tidak saya perlu menjalankan kutipan data semula! Saya membuat kajian kuasi-eksperimen, jadi bayangkan jika saya perlu mengulang semula pergi satu demi satu ke 22 TASKA untuk mendapatkan data ujian, pemerhatian dan senarai semak ke atas 150 orang kanak-kanak TASKA!

Saya tiada masa untuk menangis. Saya solat subuh (subuh gajah) dan selepas berwirid serba-sedikit, hari sudah hampir terang. Saya termenung sebentar dan tak semena-mena datang ke fikiran saya bahawa Allah Maha Kuasa. Perasaan mustahil untuk mendapatkan semula beg pakaian saya benamkan dan saya bangun menunaikan solat isyrak, solat dhuha dan benar-benar berdoa untuk Allah temukan saya dengan data kajian saya. Pada ketika itulah saya menangis semahunya, berdoa kepada Allah untuk mengasihani saya. Saya memang amat merasakan “penyerahan” saya kepada Yang Maha Esa, kerana saya tahu tiada manusia lagi yang dapat menolong saya. Usai solat, menyeka air mata saya baca surah al-Waqiah sambil merasa berdosa kerana tidak tekal membaca Quran, sibukkan hal dunia. Habis sahaja saya mengaji, telefon berdering dan saya dengar suara pemandu bas, “Beg puan dah jumpa, ada seorang perempuan telefon Hentian Putra beritahu tertukar beg.” Selesai bercakap, saya terduduk sekali lagi dengan tangisan tiada henti, merasakan betapa kasihnya Allah kepada saya yang banyak berdosa ini.

Saya bergegas bersiap untuk ke Kuala Lumpur semula dengan niat menunggu beg saya di Hentian Putra. Telefon berdering sekali lagi. Kali ini seorang perempuan yang tidak saya kenali berkata beliau ialah orang yang terambil beg saya, dengan meminta maaf berkali-kali kerana beliau telah membuka beg saya dan melihat bahawa beg pakaian itu penuh dengan data berbanding pakaian. Beliau faham betapa pentingnya data itu kepada pemiliknya. Saya juga berkali-kali menyatakan tidak mengapa dan berterima kasih kerana yang penting beliau cukup berbudi berfikir demikian. Saya maklumkan saya akan ke Hentian Putra untuk bertemu dan menukar beg kerana beliau tinggal di Greenwood. Beliau pula beria-ia ingin ke Tanjung Malim untuk memulangkan beg saya kerana beliau rasa bersalah mengambil beg saya. Sekali lagi menitik air mata saya – betapa Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang! Kepada-Nya tempat berserah dan meminta pertolongan!

Pengajaran kedua – adab berguru, walau bagaimana sukar, walau marah atau terkilan, seorang murid perlu menghormati guru. Bukankah sebelum ini saya sudah maklumkan bahawa saya malu disindir pensyarah IPG yang selalu membuat alasan sibuk? Saya juga pernah dimarah oleh SV kerana beliau menyangka saya ingin menukar SV sedangkan beliau sudah menyelia saya selama dua semester. Saya terpaksa naik bas ke UPSI semula walaupun baru sahaja mencecah bumi Terengganu pada siang hari tersebut. semata-mata untuk menjelaskan keadaan sebenar. Maka walau apa pun masalah yang saya hadapi, saya pastikan bahawa saya akan dapat berjumpa SV pada masa yang beliau tetapkan tanpa sebarang penolakan. Maka seperti yang saya sebutkan saya akur juga dengan lokasi pertemuan mengikut keselesaan beliau. Malahan saya pernah menunggu beliau selama dua hari tambahan untuk berjumpa walaupun janji temu sudah dibuat terlebih dahulu. Satu sahaja tekad saya berkaitan ini – jangan sampai SV dapat membuktikan melalui saya yang pensyarah IPG kerap menggunakan alasan sibuk apabila tidak memenuhi keperluan pengajian. Apatah lagi apabila terdapat pelajar lain yang juga di bawah seliaannya menghadapi masalah setelah menukar penyelia kerana enggan mengikut saranan beliau berkaitan kajian yang dilaksanakan. Maka Allah tunjukkan hikmah kepada saya. SV membantu saya menyelamatkan perbelanjaan saya untuk membayar RM17,000.00 apabila

beliau membantu saya mendapatkan pengatur cara program untuk pembangunan kit saya dengan bayaran RM3,000.00 sahaja! Lulusan saya pada masa prajava dan viva mudah. Semuanya kerana SV juga berjaya meyakinkan penilai tentang keupayaan saya menjalankan kajian secara berdikari, memenuhi kesemua syarat pengajian dan dapat mencapai seminar/penerbitan melebihi keperluan pengajian PhD.

Pengajaran ketiga – memberi tanpa mengharap balasan. Saya mempunyai beberapa orang rakan baik yang mengikuti pengajian pascasiswazah sarjana dan PhD di universiti lain. Kami kerap bertukar pandangan dan bahan berkaitan kajian masing-masing. Saya selalu anggap bahawa apabila saya rela berkongsi dengan mereka maka mereka juga akan bantu saya apabila saya dalam keperluan. Saya diuji Allah apabila pada satu ketika saya tidak mendapat bahan yang diperlukan daripada salah seorang rakan saya walaupun saya baru sahaja memberikan soal selidik kajian saya sebagai contoh kepada beliau. Saya rasa sangat terkilan. Menitik juga air mata mengenangkan sikapnya kerana pada ketika itu saya amat perlukan artikel yang beliau ada.

Mula datang fikiran jahat yang saya tidak akan berkongsi lagi apa-apa bahan kajian dengannya. Maka saya pun berdoa kepada Allah untuk memberikan petunjuk tentang cara yang perlu saya lakukan. Saya mengadu kepada Allah tentang sikap sahabat baik saya. Saya nyatakan bahawa saya sangat terkilan dan berkecil hati dengan sikapnya. Rupanya saya lupa bahawa saya masih mengharap kepada manusia. Selepas saya solat hajat dan berdoa, beberapa hari berikutnya ada seorang rakan yang baru saya kenali memberi artikel yang saya perlukan!

Rentetan kejadian itu, saya mula menukar pendirian saya. Apabila memberi sesuatu ilmu, jangan mengharap apa-apa balasan daripada orang yang kita beri. Beri sahaja, kongsi sahaja ilmu yang kita ada. Sebarang kebaikan atau balasan akan datang dari pelbagai arah tanpa kita duga dengan izin Allah. Saya mula menukar doa saya. Saya mula berdoa, “Ya Allah, berilah aku peluang menyebarkan ilmu-Mu, jadikanlah hamba-Mu ini berilmu untuk menyebarkan ilmu. Datangkanlah kebaikan dan pertolonganMu melalui siapa sahaja dan apa sahaja yang baik di sekelilingku. Berbalik kepada pengajaran besar pertama – sembahlah Allah dan mintalah kepada-Nya, Insya-Allah doa yang baik-baik Allah akan makbulkan mengikut masa yang sesuai. Subhanallah, semenjak itu, berbagai-bagai anugerah Allah tunjukkan kepada saya – walau apa masalah yang saya hadapi, ada sahaja makhluk Allah yang baik-baik membantu saya. Tidak semestinya yang saya kenal.

Sebenarnya terdapat berbagai-bagai lagi pengajaran yang saya peroleh melalui pengajian PhD. Tidak mampu saya ceritakan kesemuanya di ruangan yang terhad ini. Sekarang saya faham mengapa seseorang perlu belajar tinggi. Bukan untuk memegang gelaran doktor semata-mata, tetapi proses melaluinya yang amat penting. Saya bersyukur kerana mendapat peluang belajar hingga ke peringkat PhD kerana selain membuatkan ibu bapa gembira, saya juga berpeluang belajar tentang terlalu banyak perkara mengenai ilmu dan kehidupan, yang mungkin tidak akan saya peroleh jika saya tidak belajar ke peringkat ini.

Akhirnya saya dapat rumuskan bahawa pengajian PhD menjadikan saya seorang insan, memberi kesedaran untuk saya berusaha menjadi seorang murabbi dan hamba yang perlu sentiasa merendah diri dengan ilmu yang diperoleh. Seorang scholar PhD patut memberi, bukan menyimpan ilmu hanya untuk diri sendiri; mendapat manfaat untuk dikongsi, bukan untuk membangga diri; patut proaktif dan berfikiran positif, bukan melihat manusia atau sesuatu perkara dengan pandangan negatif.

Prof Dr Hamka pernah berkata....

**“Pengalaman adalah antara jalan untuk memiliki hikmah dan kepandaian dalam kehidupan”**

Perjalanan menyiapkan pengajian di peringkat PhD ibarat pelayaran sebuah kapal di lautan yang luas terbentang. Segala perkara seakan tidak terjangkau walau anda adalah seorang peramal lautan yang terhebat. Apakan tidaknya, tiupan angin akan melanda tanpa memberi amaran terlebih dahulu sebelum kita bersedia untuk menghadapi tiupan ganas tersebut. Ombak juga sesaat sebelum itu sangat mendamaikan dengan pemandangan yang seakan di syurga tetapi dengan sekelip mata keganasan ombak mampu menenggelamkan keegoan sebuah kapal segagah Titanik.

Ketenangan lautan boleh menjadi kawan yang membahagiakan tetapi sesaat kemudian boleh menjadi tsunami yang menakutkan. Bahkan mungkin kemunculan sotong gergasi secara tiba-tiba menyerang kapal seperti dalam filem “Pirates of the Caribbean” apabila kapten Jack Sparrow terpaksa bertungkus lumus kiri kanan depan belakang mempertahankan kapalnya daripada ditelan oleh si sotong gergasi yang laparkan daging untuk dijadikan makanan malam. Atau mungkin kegagalan tiba-tiba enjin kapal yang pasti mengK.Okan segala-galanya ibarat tumbukan K.O dari Mike Tyson kepada Trevor Berbick pada tahun 1986 dalam pusingan ke 2 apabila dia menjuarai kejuaraan WBA pada tahun tersebut... kikiki... peminat mike Tysonlah katakan.

Begitu juga perjalanan mencari pengetahuan PhD yang pastinya penuh dengan pengajaran dan seribu hikmah. Kanvas besar pengalaman tersebut mengajar seribu satu macam pengetahuan bagi dijadikan pedoman dalam menjalani kehidupan yang tidak pernah ada noktahnya seperti penegasan Nabi Muhammad s.a.w dalam hadisNya:

**“Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah SAW memudahkan baginya satu jalan menuju syurga” (Hadis Riwayat muslim)**

Ya Allah, besarnya erti perjalanan bertahun dalam menyiapkan satu perkara yang dipanggil PhD andai ianya dijadikan sebagai ibrah yang bermanfaat untuk diri sendiri mahupun untuk dikongsi kepada yang sudi membaca.

Bayangkan dengan satu jalan sahaja pun Allah SWT akan memudahkan bagi kita jalan ke syurga. Bayangkan juga proses bertahun itu berapa jalan yang telah pernah kita terokai. Bila bercakap pasal jalan semasa buat PhD ni memang tak cukup buku la nak kongsi... kikikiki....

Kadang jalan yang kita pilih bagus sangat. Apa tidaknya setiap yang kita buat semua mudah. Dari awal hingga akhir semua ada ong, tapi pastinya tidak selalu kan? Mesti yang baca coretan aku ni tersengeh-sengeh membayangkan jalan-jalan yang senang masa belajar dulu. kalau ada yang tersenyum tu terima kasih lah sebab bersama merasai pengalaman tersebut.

Pengalaman aku, pada awal pengajian Allah SWT kurniakan banyak kemudahan walau ada juga kepayahan. Antara yang sangat menyenangkan dan mungkin tidak mampu dilupakan ialah kurniaan indah sekumpulan sahabat yang sentiasa bersama ke sini ke sana, ke sana ke sini (hehe..macam PM pulak) bahkan ke depan ke belakang ke kira ke kanan ke atas ke bawah, ang pastinya ke mana-mana sahaja bersama.

Kami sama-sama mendaftar di uni yang sama di tengah-tengah bandar kosmopolitan nadi negara tapiiii grad lain-lain... kikikiki. **UM di hati**. Di sini lah bermula cerita si kancil dengan kura-kura. Terus baca tau sebab kat bawah nanti tu ada sedikit ibrah dari cerita ini... hihihhi.

Sebab itu aku nasihatkan kepada yang nak belajar pada peringkat PhD carilah kawan yang boleh bersama-sama senada sejalan kerana di situ adanya kekuatan. Sebab itu juga agama mengajar kita bila bermusafir jangan berseorangan tapi perlu beriringan kerana berjemaah itu ada kekuatannya. Samalah juga dengan musafir ilmu. Perlu ada kawan supaya kita sentiasa ada mata tambahan untuk memastikan perjalanan kita sentiasa terawas dan berada pada landasan yang betul.

Benarlah kata-kata bagi merasai ertinya sahabat adalah ketika kita melalui waktu sukar. Memang perjalanan PhD ialah saat sukar yang sangat payah untuk dijelmakan dalam sebuah karangan. Bab kata peribahasa “Hanya jauhari mengenal manikam”. Beruntunglah bagi yang bersahabat dan ikatan sahabat itu terus kekal sehingga selesainya perjalanan tersebut.

Kumpulan kami dari latar yang berbeza, dari universiti ada, IPG ada, kementerian dan sekolah. Cabang berbeza tapi dalam kereta yang sama iaitu pendidik. Sebab itu kami belajar dan bertemu di fakulti yang sama iaitu Fakulti Pendidikan UM. Apabila dah berkawan dalam kumpulan pulak tu pasti banyak karenah dan warna-warni persahabatan. Antara yang menyenangkan ialah cerita pasal kura-kura dengan kancil. Cerita dongeng je pun tapi realitinya benar-benar berlaku. Dalam kalangan kami ada yang jadi kancil dan ada yang jadi kura-kura. Kancil macam biasa la, laju bahkan kami lantik si kancil comel tu sebagai ketua kelas kami. Ya Allah, kadang aku sendiri pun takut juga bila nak berlumba dengan si kancil ni. Sebenarnya kalau kalian nak tau si kancil ni muslimat tau.... kehkehkehkeh.... Tapi kami memang hormat dia sebagai ketua kelas kami. Sampai hari ni pun kami masih panggil lagi dia sebagai ketua kelas walau sebenarnya tak ada lantikan rasmi pun.

Cerita bersahabat kancil dan kura-kura ni seronok. Ada ketika kita jatuh, sahabat yang kuat dan setia akan memberi bahu dan tangan untuk kita tidak terus tenggelam. Ada ketika pula kancil juga akan berada pada situasi yang sangat sedih, pada masa itu kura-kura walau nampak lambat dan lemah sedia menghulurkan cengkerangnya yang menyebabkan dia perlahan dalam perlumbaan sebagai perisai bagi kancil yang hilang tempat berkasih. Al-Fatihah (mohon dibaca dan disedekahkan) buat suami tercinta si ketua kelas kami..... sedih.

Aku pula di mana dalam cerita kancil dan kura-kura???..... hahahahah..... kancil pastinya tidak dan kura-kura pun tak. Nantilah suatu ketika aku coretkan pula ibrah kancil dan kura-kura pula ya.... Itu satu contoh je... banyak lagi sebenarnya kemudahan-kemudahan yang ditempuhi sepanjang tempoh belajar. Yang aku sebut itu yang pada aku ianya penyumbang bagaimana aku akhirnya berjaya menamatkan perjalanan ini dengan kehadiran kawan-kawan yang sangat besar nilainya dan luar biasa.

Ada orang kemudahan yang dimunculkan oleh Allah SWT berjumpa dengan orang terpelajar di uni yang mengajar erti nilai sebuah ilmu. Yang ni pun aku dapat juga.

### **ALHAMDULILLAH.... Sungguh yang ini adalah antara kurniaan terbesar bagi ku**

Ada setengah sekumpulan sahabat tersebut mengajar erti bagaimana cara berkawan dan bersahabat. Ada juga yang muncul dan mengajar aku tentang nilai yang tidak perlu diamalkan. Semuanya bercampur menjadi satu pengalaman yang sangat mengajar erti kehidupan dari erti PhD.



Apabila bersama pengalaman indah ini macam raja sehari pulak rasa kan. Ye lah.... semua seakan tersenyum meraikan kita dah lah majlis pulak penuh dengan warna warni. Tambah-tambah lagi sebelah kita pulak ada bidadari yang tak lekang mengukir senyuman di bibir bak delima merekah. Tambah-tambah lagi kalau yang senyum tu DUA orang pulak...Allahu...nikmatnya dunia...hahahaha. Yang tu sebenarnya episod sambungan cerita di bawah. Ngeri...

### **Bab Cerita Ngeri.....**

Namun aku juga sangat pasti banyak juga jalan yang ditempo itu jalan tidak indah tapi ngeri. Pasti jalan yang dipilih itu ialah jalan mati. Mesti kalian ngeri kan apabila terfikir pasal jalan ni? Apa tidaknya semua seakan nasib tidak menyebelahi kita, kadang macam cerita Pak Pandir pulak rasanya. Apa tidaknya semua benda yang dibuat tidak menjadi, buat itu salah, buat ini salah sehingga rasa tak tau nak buat apa lagi . Dalam proses belajar percayalah bila masa ini muncul dia merupakan antara pengalaman yang sangat mengerikan seakan seperti korang sedang bawa kereta menurun cerung yang tinggi dan pada masa tu brek kereta korang tidak berfungsi. Bayang sendirilah sebab aku pun tak tau nak cerita macamana perasaan ketika itu.

### **BAHAGIAN INI MEMANG 'WIN'**

Apa tidaknya jika dibandingkan antara indah dan ngeri dalam cerita aku memang yang ngeri lebih banyak. Masih aku ingat permulaan perjalanan PhD aku rasa aku mampu buat dengan baik dan mampu selesaikannya dalam tempoh yang sepatutnya. Sebenarnya aku ni bolehlah dikatakan agak cemerlang akademiknya bermula dari sekolah rendah dan seterusnya sampai di peringkat master. Pernah aku dapat 4.00 dalam peperiksaan, sebab tu rasanya perjalanan ini dengan pengalaman sebelum ini aku mampu selesaikannya dalam masa yang telah ditetapkan, insyallah.

Realitinya..... ermmtttt.... tidak seindah impian rupanya...

Juga masih segar di ingatan, istilah-istilah pelik, sangat pelik mula mengganggu mimpi indah setiap malam hidup ku. Kalau setakat istilah kualitatif, kuantitatif, min, mode, medium, cross sectional study, dan beberapa istilah lain yang biasa dalam SPSS tu memang kacang dah bagi aku. Tapi..... yang mengganggu hidup aku seperti istilah univariat, multivariat, analisis varians, anova, spanova, ancova, manova, mancova, lower bound, upper bound dan sejuta lagi istilah baru yang mula muncul... bukan setakat muncul tapi sangat mengganggu kehidupan aku, maklumlah sebelum ni belajar agama je aku ni. Tapi apabila terlibat dalam perjalanan di fakulti pendidikan aku mula terganggu... TERGANGGU....

Itu baru satu, apabila dah berada dalam keadaan begitu bagi menyelesaikan masalah ini nak tak nak perlu gagahi dan hadapinya. Caranya aku hadiri workshop... lepas workshop... workshop... workshop lagi tapi cam sama je pergi workshop dengan tak pergi. Dalam workshop pulak asyik kene tembak je... hahahaha... Tak kena tembak camna prof yang mengajar tu sekali tengok muka dia dah tau dah, mamat ni memang tak faham ni, dan memang tidak faham pun, apa-apa entah dia cakap.

Masa ni memang jalan yang sedang ditempo bukan setakat berliku berbukit, segala macam ber lagi tapi rasanya ia akan sampai kepada jalan mati dirasa. Kadang terfikir juga pilihan untuk tutup terus je jalan, hahahaha. Tu baru satu dari beribu kepayahan yang ditempo semasa pelayaran kapal di samudera luas.

Tapi itu lah..... bila fikir balik setiap kesusahan tu akan muncul kesenangan.....

Firman Allah SWT dalam surah al-Insyirah yang bermaksud;

**“Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan, Maka sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan.”**

Dalam ayat di atas Allah SWT mengulang ayat ini sebanyak dua kali sebagai penegasan terhadap realiti bahawa setiap KESUKARAN itu pasti diiringi KEMUDAHAN. Begitu juga dengan aku.... akhirnya walau payah tapi nikmat memahami dan boleh menggunakan apa yang sukar diawalnya adalah nikmat sebenar dari erti KEMUDAHAN. Terima kasih ya Allah atas kurniaan ilmu yang setitik itu. Apabila termenung balik mengingati ibrah perjalanan ini rasanya antara kunci utama dalam menghadapi sesuatu cabaran adalah SABAR. Sambil-sambil termenung tu teringat kembali sejarah juga telah mengajar kita erti kejayaan juga adalah ramuan dari sifat SABAR. Apa tidaknya.....

Nabi Allah Adam menunggu puluhan tahun untuk diketemukan kembali dengan Hawa.

Nabi Ibrahim menunggu puluhan tahun untuk dikurniakan zuriat.

Nabi Nuh bersabar mendakwah umatnya ratusan tahun.

Nabi Yusuf menunggu puluhan tahun untuk dibebaskan dari penjara walaupun tidak bersalah.

Nabi Ayyub bersabar selama puluhan tahun dengan musibah.

Nabi kita juga bersabar begitu lama sebelum digembirakan oleh Allah dengan janji kemenangan Islam.

Oleh itu, tunggu dan bersabarlah jika itu ialah waktu yang telah ditetapkan oleh Allah untuk kita kerana yakinlah bahawa di hujung jalan itu adalah kesenangan dan kebahagiaan. Indah sungguh jika SABAR menjadi pakaian dalam hidup seharian kita seindah mutiara yang menghiasi dasar lautan. Terbukti ianya adalah **SABAR**. Teringat juga kata-kata Buya Hamka yang sangat indah:

**“Hidup terbina antara pahit dan manis. Jikalau selalu saja pahit, hati akan menjadi rawan, dan kalau sentiasa saja manis, hati akan menjadi bosan”**

Itulah hakikat kehidupan, samalah juga dengan perjalanan menghabiskan PhD. Payah dan sukar, indah dan ngeri itu adalah realitinya. Sebab itu Allah s.w.t tidak menjanjikan bahawa langit itu sentiasa biru warnanya, matahari tidak sentiasa memancar sinarnya, bulan tidak selalu mengambang, lautan tidak selalu tenang, bunga tidak selalu mekar.

Namun, Dia juga memberikan pelangi yang indah selepas hujan yang lebat, senyum pada setiap tangisan kebuntuan, berkat pada setiap usaha yang baik dan yang paling berharga jawapan pada setiap doa yang ikhlas. Betul bukan?

Sebab itu indahnya hidup bukan kerana kita mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi tetapi indahnya hidup ialah apabila masalah yang dihadapi mengajar kita ertinya hidup.

Seronok juga menulis pengalaman erti sebuah perjalanan mencari ilmu. Sebab itulah bijak pandai mengatakan bahawa pengalaman itu juga ialah sumber kebijaksanaan manusia. Semoga coretan ini membawa manfaat untuk peringatan diri penulis yang lemah. Juga harapan kepada yang membaca beroleh sedikit ibrah dari musafir ilmu yang dicoretkan oleh penulis dari pengalaman sebenar.

Yang nak dikongsi pun tak banyak juga, satu ibrah je pun., SABAR. Walau satu tetapi aku juga sangat percaya dengan ungkapan,

**“Berusahalah untuk sekurang-kurangnya memperoleh satu perkara daripada seribu perkara yang hanya menjadi impian”**. Percaya aku juga seperti yang dikatakan oleh sufi terkenal iaitu Sufian Uyainah...

**“Sumber ilmu itu antaranya ialah apabila kamu memberi tahu orang lain apa yang kamu ketahui”**. Moga-moga tulisan ini memberi faedah bagi pembacanya, terlebih lagi bagi pengarangnya. Amin.

### Pengenalan

Menempatkan diri sebagai pemegang ijazah kedoktoran bukanlah sesuatu yang mudah. Gelaran Dr. yang disandang juga amat berat untuk dipikul. Berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul. Setelah 4 tahun menggenggam ijazah kedoktoran makin terasa betapa diri ini masih banyak kekurangan dan kerdil dalam perjuangan di medan ilmu. Apabila mengimbuai kembali kenangan semasa belajar banyak pengajaran dan kelemahan diri yang perlu diperbaiki. Walaupun banyak kenangan yang manis namun yang pahit juga tetap ada. Segala kekurangan dan kelemahan adalah datangnya dari diriku sendiri yang sememangnya lemah untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya. Gerakan hati dan naluri atas kurniaan Allah SWT menjadi petunjuk untuk aku gagahi dan turuti demi kejayaan walaupun masih dalam kesamaran.

Coretan kanvas PhDku ini bermula apabila aku telah berada selama lima tahun di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail (IPGKDRI). Melihat pensyarah-pensyarah yang bergelar doctorate memberi sumber inspirasi kepada diriku untuk mencabar diri sendiri. Langkah permulaan untuk diriku berlari di garisan yang lebih jauh adalah dengan memohon belajar secara part time di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Permohonanku telah berjaya dan di sinilah bermulanya detik perjalananku sebagai seorang pelajar, isteri, ibu dan pensyarah.

### Coretan Awal

Hirupan udara di IPGKDRI dan UniSZA telah memberikan satu suntikan semangat untuk aku menggenggam segulung ijazah kedoktoran walaupun beban tugas sentiasa menghambat dan mencemburuiku. Perjalanan awal sebagai pelajar part time amat sukar untuk direalisasikan. Tambahan pula dengan rutin kerja yang amat rencam, sebagai isteri, ibu kepada 4 orang anak yang masih kecil menuntut diriku untuk mengutamakan yang sepatutnya didahulukan. Namun, semangat untuk mendapat ijazah kedoktoran menuntut diri ini untuk meneruskan penulisan dan perjumpaan dengan penyelia untuk satu atau dua kali sahaja dalam setahun. Walaupun begitu, pembacaan dan penulisan tetap diteruskan demi cita-cita yang tersemat dalam sanubari.

Apa yang membanggakan diriku adalah sikapku sendiri yang tidak pernah merasa jemu untuk membaca dan menulis. Sikap ini adalah yang terbaik pernah aku miliki untuk berjaya dalam perjuangan ilmu pada ketika dan saat itu. Tuntutan tugas yang sentiasa menghambat menjadikan aku semakin terbeban untuk membuat langkah yang lebih jauh. Aku perlukan cuti sekiranya ingin menamatkan pengajian dengan jayanya. Bertitik tolak daripada semangat ini kugagahi diri memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Walaupun permohonanku pernah kecundang sebanyak dua kali namun yang ketiga telah memberi satu sinar harapan yang baru. Alhamdulillah, surat menghadiri temu duga aku terima dengan penuh kegembiraan. Aku telah berjaya untuk menghadiri sesi temu duga. Perjalananku ke Putrajaya pada kali ini ditemani oleh adik yang setia menunggu selesainya proses temu duga yang melibatkan calon yang ramai. Sesi temu duga berjalan dengan lancar dan dipermudahkan segala urusan oleh Allah SWT. Begitu juga dengan keputusan yang diperoleh juga cukup bermakna bagi diriku. Ya, aku telah berjaya mendapat cuti belajar bergaji penuh selama 3 tahun. Kegembiraan ini tidak dapat aku gambarkan dengan kata-kata hanya mampu mengucap syukur kehadiran Ilahi kerana memberi peluang kepada diriku untuk lebih berfokus dalam pengajian.

## Coretan Pertengahan

Kenangan pahit tidak mendapat HLP pada permohonan pertama dan kedua telah dilupakan. Hanya kegembiraan yang terpancar pada wajah ku. Cuma, yang menjadi kegusaranku ialah, adakah aku perlu memohon universiti yang lain untuk ku teruskan pengajian atau aku dapat mengekalkan apa yang telah aku mulakan sebelum ini. Alhamdulillah, sesungguhnya Allah Maha Besar dan Maha Penyayang, perjalanan PhDku pada permulaan ini dipermudahkan kerana pada waktu ini HLP telah membuka sedikit perubahan tentang dasar yang membenarkan aku menukar bidang pengajian dan universiti yang dipohon tidak dihadkan kepada mana-mana universiti. Aku meneruskan sahaja pengajianku di Universiti Sultan Zainal Abidin dan menjadi harapan untuk menamatkan PhD dalam tempoh masa 3 tahun.

Jadual rutin harianku telah berubah 360 darjah. Penggunaan masa menjadi sangat penting untuk aku mentelaah bahan-bahan bacaan dan membuat penulisan. Setiap hari aku menggunakan masa bekerja seperti biasa untuk dimanfaatkan bagi penulisan tesis. Masa diperuntukkan daripada jam 8 pagi sehingga 5 petang dan malamnya bermula jam 9 hingga 12 malam. Setiap hari kerjaku menulis, membaca, menulis dan membaca sehinggalah penyelia bersetuju untuk aku membentangkan proposal. Fasa seterusnya untuk aku memantapkan lagi tesis PhD ku sehingga ke garisan penamat. Namun, langit tidak selalunya cerah. Panas yangku sangka hingga ke petang rupanya hujan di tengah hari. Penyeliaku telah tamat kontrak perkhidmatan dan ini merupakan satu bebanan baharu yang perlu aku hadapi.

Menghadapi penyelia baharu memerlukan perubahan pada tesisku ini. Setelah bertungkus lumus dalam tempoh setahun setengah aku menjadi hilang fokus dan 'alignment constructive' menjadi tersasar. Aku tidak dapat memenuhi kehendak penyelia dan masalah ini amat menyeksa diri. Konflik dengan penyelia ini rupanya terjadi kepada diriku sendiri. Aku sudah biasa mendengar cakap-cakap mereka yang belajar ini tentang masalah dengan penyelia. Aku seperti tidak percaya masalah ini berlaku kepada diriku. Sebelum ini bagiku kenapa pelajar-pelajar ini tidak mengikut kata-kata penyelia, kenapa dijadikan masalah kerana kita ingin belajar. Ikut sajalah! Rupanya masalah dengan penyelia ini bukan merupakan sesuatu yang mudah. Masing-masing mempunyai masalah yang nampak lebih kurang sama tetapi berbeza, sukar untuk digambarkan dengan kata-kata. Samalah juga dengan diriku ini masalah dengan penyelia ini menyebabkan diriku 'stress' sehinggakan hal ini sentiasa bermain di benak fikiranku. Bagi diriku, hal ini amat terkesan kerana aku pernah tidak menyedari lampu isyarat berwarna merah di hadapan sekolah rendah. Nasib baik tiada pelajar yang melintas pada waktu itu. Fikiranku sentiasa melayang terhadap masalah yang dihadapi. Bagaimana harus aku menangani masalah ini. Adakah dapat aku mencari jalan penyelesaiannya.

Aku dipertemukan dengan insan-insan yang berhati mulia untuk membantu diriku menangani masalah ini. Aku juga telah kehilangan dua batang gigi geraham disebabkan terlalu memikirkan tesisku ini. Perihal gigiku ini nampak sangat kelakar tetapi itulah realiti yang terpaksa aku hadapi dalam usaha untuk meneruskan perjalanan PhD ku ini. Doktor gigi memaklumkan bahawa gigi gerahamku masih lagi elok tetapi mungkin disebabkan 'stress' yang menyebabkan gigiku sakit dan aku terpaksa menerima kehilangannya walau pun bukan sekali gus. Dua batang gigiku hilang dalam tempoh masa untuk menamatkan pengajian. Aku sendiri tidak pasti betapa besar impak yang terpaksa aku hadapi sehinggakan doktor gigi boleh menyatakan bahawa aku 'stress' pada hal aku ke klinik gigi hanya untuk mencabut gigi yang sakit. Pengalaman ini merupakan salah satu rempah ratus yang terdapat dalam menu pengajianku. Aku tidak pernah menyangka bahawa 'stress' boleh menyebabkan gigi sakit. Tapi itulah hakikat yang perlu aku terima.

Masa berjalan dengan pantas, aku cuma ada setahun setengah sahaja lagi untuk menamatkan pengajian. Keputusan perlu dibuat, sama ada akan melukakan hati orang-orang yang tidak ingin kulukai. Aku nekad untuk menukar penyelia yang baharu walaupun keputusan ini akan menyebabkan tesisku berubah lagi. Proses pertukaran penyelia bukan mudah seperti yang disangka. Aku terpaksa berhadapan dengan insan-insan yang perlu aku yakini agar mereka tidak berprasangka sebaliknya.

Aku juga tidak percaya dengan kekuatan yang ada pada diriku ini untuk aku meluahkan apa yang terpendam selama ini kepada penyeliaku. Komunikasi antara kami berjalan dengan baik. Aku berasakan satu bebanan hidup yang ditanggung selama ini telah dapat dibuang akhirnya. Aku juga tidak pernah meletakkan kesalahan kepada penyeliaku, apa yang pasti kami cuma tiada persefahaman. Ibarat kata 'jodoh tak panjang'. Aku telah melalui proses dua kali penyelia yang berbeza sama seperti permohonan HLPku. Untuk kali ketiga mendapat penyelia yang baharu harapannya sama seperti aku dipermudahkan mendapat HLP setelah membuat permohonan sebanyak tiga kali. Aku mendoakan keputusan yang dibuat ini ialah keputusan yang paling tepat. Aku pasrah.

### **Coretan Akhir**

Perjalananku setelah bertukar penyelia memberi satu sinaran yang baharu. Aku tahu hala tuju untuk menamatkan pengajianku. Penyeliaku yang baharu sangat komited dan amat prihatin dengan pelajar-pelajarnya. Aku amat menghormati dan segan dengan sifat kesungguhan dan kerajinan beliau sendiri dalam menimba ilmu melebihi pelajarannya sendiri. Beliau sanggup bersengkang mata membaca tesis pelajarannya dan bertanya objektif kajianku pada jam 4 pagi. Bayangkan kesungguhan seorang penyelia memperuntukkan masa untuk membantu pelajarannya berjaya. Sehingga ke hari ini bagi diriku amat susah untuk mencari seorang penyelia seperti beliau. Aku amat kagum dengan personaliti yang dimiliki oleh beliau. Disebabkan faktor inilah langkahku menjadi semakin laju untuk menggapai kejayaan.

Dorongan ini dikuatkan lagi dengan adanya suami dan anak-anak menjadi pendorong untuk meneruskan pengajian. Susah senang diriku untuk ke tempat-tempat yang perlu dituju, suami dan anak-anak sebagai peneman di kala cuti. Lain-lain waktu yang ada kekangan, aku gagahi seorang diri dengan penuh semangat dan keyakinan. Di kala inilah aku belajar banyak perkara untuk berdikari dan berazam untuk sampai ke garisan penamat. Alhamdulillah, urusan perjalanan PhDku menampakkan hala tuju yang jelas. Berbaki satu setengah tahun ini jadual harianku semakin padat. Aktiviti perjumpaan dengan penyelia dengan lebih kerap, menyertai berbagai-bagai bengkel, mengumpul data, mendapatkan pengesahan pakar, membuat rujukan dan membentangkan analisis dataku tempuhi sama dengan rakan-rakan lain yang membuat PhD. Semua urusan ini dipermudahkan oleh Allah SWT.

Akhirnya tiba masa untuk aku kembali bekerja pada tahun 2016 setelah 3 tahun aku menjadi pelajar sepenuh masa. Pada akhir cutiku ini aku telah menghantar laporan tesis yang terakhir dan aku kembali bertugas di IPGKDRI. Selama 4 bulan aku menunggu viva akhirnya tibalah saat yang ditunggu apabila surat untuk aku menghadiri viva diterima. Setiap hari hati ku amat berdebar sehingga tibanya ke tarikh berkenaan. Maka saat yang ditunggu itu tiba dan aku cuba melaksanakan proses berkenaan dengan penuh keyakinan. Alhamdulillah aku lulus dengan pembetulan minor selama tiga bulan. Aku cuba menyiapkannya dalam tempoh 2 minggu dan pembetulan aku diterima oleh pemeriksa dalam dengan ucapan yang amat positif. Semua beban yang kutanggung selama ini rasanya telah hilang dengan sekelip mata. Aku cuma perlu menunggu surat senat untuk menghadiri majlis konvokesyen sahaja lagi.

Pada majlis konvokesyen aku ditemani oleh ibu dan adik untuk berada di dalam dewan. Malangnya bapaku tidak dapat melihat kejayaanku kerana telah menghembus nafas yang terakhir semasa aku sedang menunggu viva. Pemergian bapa yang sihat secara tiba-tiba pada jam 1 pagi semasa tidur amat mengejutkan.

Kejayaanku ini merupakan hadiah yang cukup bermakna buat arwah bapa yang sentiasa memenuhi setiap kehendak anaknya dalam menuntut ilmu. Seingatku arwah bapaku tidak pernah mengeluh untuk mengeluarkan wang setiap kali ada kaitan dengan pengajianku bermula dari sekolah rendah sehingga berakhirnya nafas beliau. Air mata mengiringi pipi aku, ibu dan adik tatkala lagu dendangan penyanyi Aisyah 'bonda' dimainkan. Suasana pilu menyelubungi dewan kerana masing-masing mempunyai sejarah dan pengalaman yang tersendiri untuk mencapai apa yang telah dicapai.

Sesungguhnya aku amat berterima kasih kepada penyelia, suami, anak-anak, ibu, adik dan arwah bapa ku yang amat memahami peranan ku sebagai seorang pelajar. Mereka tidak pernah merungut, memberikan sebarang masalah serta tekanan sepanjang aku bergelar pelajar. Juga, rakan-rakan di IPGKDRI dan UniSZA yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan dalam menyiapkan tesis PhD ku ini.

Memori susah senang, gelak tawa, sedih duka bersama tetap bersemadi dalam ingatanku. Perjalanan PhD ku ini penuh dengan ilustrasi warna untuk aku terjemahkan pada kanvas memori yang paling indah. Coretan kanvas PhD ku telah siap dan dipermudahkan oleh Allah SWT Syukur, Syukur, Syukur, Alhamdulillah.

Meniti sebuah perjalanan kehidupan yang dilalui sepanjang pengajian ijazah falsafah kedoktoran yang menjadi impian setiap individu pensyarah. Setiap orang mempunyai cita-cita atau impian dalam kehidupan sementara. Begitu juga dengan diri yang kerdil ini yang sentiasa mendambakan pencapaian tertinggi dalam akademik.

Bermulanya pendidikan di Institusi pengajian tinggi sehingga aku berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa Arab dan kesusasteraan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kemudian aku ditugaskan sebagai seorang guru di jauh perantauan iaitu negeri Sabah. Kedamaian yang kunikmati di negeri Sabah menyebabkan kuterlena dan terasa kekosongan. Kekesongan itu menyebabkan aku terasa sesuatu yang perlu diisi. Atas dorongan dan semangat dari suamiku kami sama-sama menyambung pelajaran ke peringkat ijazah sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia. Berkat usaha, dorongan suami dan juga kerjasama ibu bapa mertua yang banyak berkorban menjaga anak-anak, aku berjaya menamatkan ijazah sarjanaku. Dengan segulung ijazah sarjana yang aku miliki aku cuba memohon jawatan pensyarah Institut Pendidikan Guru.

Tanggal 2006, bermula lah kehidupanku sebagai seorang pensyarah IPG setelah tujuh tahun berkhidmat sebagai guru. Situasi tugas pensyarah yang rencam dan perlukan ramai tenaga yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang membangkitkan semangatku untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Falsafah Kedoktoran. Semangatku makin berkobar-kobar apabila melihat suamiku telah selesai menamatkan pengajian PhDnya. Lantas aku cuba untuk memohon biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia setiap tahun. Setelah beberapa kali mencuba tanpa mengenal erti putus asa, akhirnya aku berjaya mendapat biasiswa HLP dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh dan Biasiswa. Tidak tergambar perasaan gembiranya hatiku pada waktu itu. Syukur pada-Mu ya Allah kerana memberiku rezeki ini. Peluang yang menjadi rebutan setiap individu yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Terima kasih jua yang menitipkan doa buatku.

Satu lagi berita yang menggembirakan hati apabila permohonan berpindah dari IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi ke IPG Kampus Dato` Razali diluluskan oleh pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) setelah beberapa kali naik turun pejabat IPGM membuat rayuan pertukaran. Perpindahan menjadi lumrah bagi seorang isteri mengikut suami yang telah berpindah ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sejak April 2012. Kami tidak lagi berjauhan dan suamiku tidak lagi berulang alik dari Terengganu ke Selangor setiap minggu. Syukur Alhamdulillah.

Aku sangat teruja untuk memulakan kehidupan sebagai mahasiswa dalam usia mencecah 40-an. Aku kuatkan semangat untuk mengharungi perjalanan yang penuh cabaran di samping tugas-tugas utamaku dalam mengurus rumah tangga. Sudah menjadi kewajipanku. Suamiku seorang yang memahami sanggup berkorban membantu menjaga anak-anakku dengan memberi ruang untukku belajar. Tanggal febuari 2013 semua pemegang biasiswa dipanggil untuk menghadiri satu kursus intervensi yang berpusat di Bangunan Teltract IPG Kampus Dato` Razali Ismail.

Selama lebih kurang seminggu para peserta kursus diberi input dan suntikan semangat belajar oleh sifu-sifu, fasilitator-fasilitator yang hebat, antara insan yang kekal dalam ingatan Dr. Rosli, Dr. Yusri dan Dr Maimunah. Sepanjang kursus para peserta diberi pendedahan awal bagi memulakan langkah dalam penulisan tesis. Dalam masa yang sama kami dapat berkongsi ilmu dan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh mereka. Rasa seronok dan bersemangat mendengar ungkapan dan luahan dari para sifu.

Hari demi hari, bulan ke bulan, aku menanti, hampir setengah tahun lebih mencari tempat study dan supervisor. Akhirnya sampai satu surat tawaran dari sebuah universiti. Universiti Sultan Zainal Abidin menjadi pilihan hatiku. Kedudukan kampus yang dekat dan strategik serta mudah bagiku untuk mengurus masa study dan keluargaku. Siapakah supervisor yang menjadi pilihan orang yang mudah dibawa berbincang, memahami situasiku, bersifat terbuka dan supportive.

Mengimbu kembali kata-kata mentor ketika berkursus dulu, penyelia adalah antara faktor penting dalam menggapai impian PhD di samping usaha dan doa dengan ketetapan Allah yang Maha mengetahui naluri hamba-Nya, aku dikurniakan seorang penyelia yang arif, sangat memahami dan supportive. Tanggal September 2013 bermulalah rutin sebagai seorang pelajar Ph.D. Lantasku memulakan langkah pertemuan awal bagi membincangkan tajuk dan isu-isu yang hendak dikaji, kenapa nak kaji? Pada peringkat awal aku masih terkial-kial mencari idea dan tajuk yang sesuai untuk dikaji dan diterokai, setelah berbincang dengan penyelia, beliau bersetuju dan tertarik dengan tajuk “Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Sepanjang Hayat di Masjid.” Dengan semangat yang berkobar-kobar aku terus mengumpulkan bahan-bahan rujukan dari maktabah, internet dan bahan-bahan artikel berkaitan yang boleh dijadikan sumber rujukan. Oleh sebab bahan berkaitan tajuk tesisku agak kurang di maktabah aku memilih untuk mengumpul artikel-artikel jurnal sebagai bahan rujukan.

Antara impian dan pengorbanan., mana satukah pilihanku? Dalam menggapai impian, pastinya ada cabaran, mehnah dan ujian bukan nama belajar kalau tidak ada ujian dan mehnahnya. Untuk menggapai cita-cita perlukan pengorbanan. Sebagai seorang isteri, ibu dan juga pelajar, masihku terbayang kata salah seorang mentorku, “kalau tak sanggup berdepan dengan kesusahan, jangan sambung belajar”. Belajar pasti akan menempuh cabaran yang mendatang. Bukan mudah untuk mengimbangi semua tugas yang dipikul bukan mudah untuk memenuhi kehendak semua orang. Ada kalanya aku terpaksa korbankan masaku bersama keluarga, anak-anak, sanak-saudara demi memburu sebuah impian.

Begitu pantas masa berlalu. Satu semester telah ku tempuhi, terasa bagaikan baru beberapa hari aku mendaftar. Bergerak ke hulu ke hilir mengheret laptop. Pertemuan demi pertemuan bersama penyelia, rakan-rakan seperjuangan, bertukar-tukar idea dan saling membantu antara satu sama lain. Rakan-rakan seperjuangan ialah pembakar semangat untuk terus menyelusuri lautan ilmu. Kadang kala hanyut jika tiada tempat berpaut. Merekalah penguat semangat di kala lemah ditimpa ujian demi ujian. Merekalah tempat berkongsi segala masalah study selain suami tercinta. Antara rakan seperjuanganku ketika itu Dr. Yuslaini dan Dr Asyraf yang juga rakan satu IPG, di bawah penyelia yang sama, dalam satu saf kepimpinan Persatuan Siswazah.

Rutin kehidupan sebagai mahasiswa jauh berbeza untuk menikmati keseronokan dunia, keluarga dan rakan taulan. Sebaliknya kemewahan dan kebahagiaan dengan seribu catatan dalam buku nota mahupun lap-top. Buku nota dan lap-top menjadi teman sejati, teman paling setia dan tidak pernah berenggang. Buat permulaan, aku bersengkang mata, berwaras minda, kuatkan jasmani, penuh yakin, penuh azam dan kesungguhan bermula dari mencari tajuk tesis, mencari permasalahan kajian, teori, literatur kajian, kaedah kajian, dalam bahasa mudah ilmu



penyelidikan mesti mantap dan padat. Lebih enam bulan atau satu semester barulah selesai. Tumpuan kepada menelaah pelbagai bahan rujukan dan sumber. Berulang-alik ke menara gading, gedung ilmu untuk mencari karya, buku dan seumpamanya. Di samping itu, menghadiri seminar, konvensyen, kolokium dan pembentangan kertas kerja, kertas jurnal dan penulisan lain. Mengolah dan menjanakan isi tesis puluhan jam, diulang, diperbetulkan, dipersembahkan kepada penyelia. Begitulah rutin dan proses belajar ke peringkat Ph.D. Menghampiri semester ke tiga baru dapat membentangkan proposal kajiianku.

Selama tiga semester berlalu, proses kutipan data bermula. Aku mula mengatur jadual untuk mengadakan sesi temu bual dan membuat pemerhatian di tiga lokasi kajiianku iaitu Masjid Al Muktafi Billah Ladang, Kuala Terengganu, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam Selangor dan Masjid As Salam Puchong Perdana. Pertemuan ...ke satu pertemuan aku berdepan dengan peserta kajian ...meninjau perjalanan aktiviti perjalan aktiviti Pembelajaran Sepanjang Hayat di Masjid. Makan dan tidurku tidak menentu. Menumpang di rumah kawan, di masjid dan di kampung halaman. Aku terpaksa meninggalkan keluarga, anak-anak yang masih kecil. Anak yang bongsu ketika baru berusia tiga tahun. Alhamdulillah, aku bersyukur kerana suamiku sudi berkorban untuk menggantikan tempatku, mengurus anak-anak ke tempat asuhan dan ke sekolah tanpa pembantu rumah.

Hampir menangis apabila mengenangkan anak-anak ketika itu. Kadang kala memakan masa seminggu ke dua minggu meninggalkan anak-anak, aku serah pada Allah yang menjaga mereka. Aku berulang-alik dari tempat ke satu tempat mengumpulkan data temu bual dan pemerhatian. Ada kalanya aku bermalam dan berkampung di masjid di malam bulan Ramadan bersama jemaah wanita di satu sudut yang disediakan oleh pihak masjid waktu sepuluh malam terakhir. Meninjau dan memerhati suasana bagaimana Jemaah masjid berkampung dan bermalam untuk merebut pahala sepuluh malam terakhir dan malam lailatul qadar, aku sangat kagum dengan keghairahan ahli kariah masjid yang datang dari pelbagai pelusuk kawasan berhampiran masjid semata-mata untuk beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah, khususnya golongan wanita yang membawa anak-anak berkampung di masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam (SSAAS). Satu-satunya masjid yang diimarahkan sepenuhnya di waktu bulan Ramadan, iftar dan bersahur disediakan setiap malam.

Aku tidak berasa takut dan keseorangan pada waktu itu kerana sepanjang malam dipenuhi dengan puluhan dan ratusan manusia yang ingin mendekatkan diri kepada Allah.... pernah di tahun berikutnya aku membawa keluargaku berkampung di Masjid SSAAS ketika dalam perjalanan pulang cuti hari raya puasa bagi merasai suasana seperti itu ...masjid yang tersergam indah.... tenang dan mendamaikan....di samping menjadi instrument kajiianku....aku dapat menghayati sepenuhnya program-program yang dilaksanakan di masjid pada ketika itu..... jam 1.00 pagi majlis ilmu masih berjalan....bacaan al quraan berkumandang di dalam masjid...umat Islam bebas mengikuti aktiviti masing-masing...tidur hanya seketika...sekadar menghilangkan rasa letih.....kemudian bangun berqiamullail dan bersahur..paginya ada yang pulang ke rumah dan ke tempat kerja....begitulah rutin harian ahli jemaah masjid sepuluh terakhir bulan Ramadan.

Beberapa bulan berlalu...ku lalui proses pengumpulan data...diriku diuji sedikit dengan satu peristiwa yang amat mencemaskan....tablet yang ku gunakan untuk mengumpul maklumat data kajian menjadi hang .... belum sempat ku membuat back up data-data yang terkumpul...sebahagian maklumat hasil temu bual dan pemerhatian yang terkumpulan dalam tablet tersebut tidak dapat dibuka...lalu ku bawa ke salah sebuah kedai komputer untuk dibaiki....malang tidak berbau....kedai tersebut telah dimasuki perompak... semua laptop yang ada termasuk tabletku dicuri....tak tergambar perasaanku ketika itu... bagaikan jatuh ditimpa tangga...

Semangatku down seketika.....masa cutiku makin menghampiri penghujungnya....lalu dikuatkan semangatku...bangkit mengulangi proses pengumpulan yang belum selesai...aku membuat permohonan dari pihak bahagian tajaan untuk menyambung cuti satu semester dengan memberi alasan untuk menjalani proses pengumpulan data semula.....setelah naik turun ke pejabat bahagian tajaan....akhirnya permohonanku diterima...Alhamdulillah...bukan mudah untuk mendapat peluang itu pada waktu itu...peraturan semakin ketat....ekonomi semakin merudum.... Aku gunakan peluang itu sepenuhnya...kajian kualitatif tidak sepantas kajian kuantitatif....ia memerlukan masa yang lama untuk melihat proses yang berlaku.....memerlukan masa untuk menganalisis data temu bual...rumit dan memeningkan kepala....bagi memudahkan kerjaku....aku cuba menghadiri seminar-seminar atau workshop analisis data dengan menggunakan N-vivo dan Atlas-ti...beberapa kali aku hadiri untuk memahamkan cara untuk menganalisis dengan mudah...memang kerja menjadi mudah apabila mahir caranya....berkat mempelajari ilmu dari orang-orang yang pakar.. Dr Ani Munirah, Dr. Othman Talib dan Dr. Azza Jauhar...alhamdulillah aku dapat menyiapkan proses itu....ianya sangat membantu. Aku mula mengejar waktu....yang semakin suntuk dan hampir penghujung....menyiapkan laporan tesis semampunya.....tanpa memperincikan dengan lengkap,..kerana akan ada proses pembetulan lagi selepas pembentangan hasil dapatan..lalu ku terus mengisi borang dan menghantar ke fakulti untuk menentukan tarikh pembentangan dapatan dan juga laporan tesis.

Kini....tibalah masa untuk melapor diri...akhir Januari 2017....saat yang paling berat untukku bicarakan....kembali ke IPG bagi memulakan tugas rutin pensyarah yang sekian lama ditinggalkan.....walau bagaimana pun aku bersyukur kerana diterima untuk bertugas di IPG Kampus Dato` Razali Ismail semula. Kini hanya tarikh pembentangan laporan akhir atau pre viva pada 24 Feb. 2017. Sebulan berlalu...tibalah hari pembentangan pre viva ...berdebar-debar rasanya...blum lagi viva yang betul. Setelah selesai pembentangan, tesisku lulus dengan syarat dibuat pembetulan..aku berasa lega selesai satu proses itu.....beberapa bulan berlalu....aku selesai beberapa proses termasuk penghantaran abstrak dan semakan format peringkat fakulti, maka bermula proses penghantaran tesis ke Pusat Pengajian Siswazah. Setelah melalui beberapa proses yang memakan masa hamper satu semester, barulah diminta untuk menghantar tiga Salinan tesis untuk urusan viva. Lima bulan lebih menanti untuk 'viva', dengan kesibukan tugas di IPG, dengan pelbagai aktiviti, tanpa di sedari, tibalah tarikh viva yang dinanti-nanti. Saat yang paling mendebarkan. Tanggal 18 Mac 2018., saat yang menentukan lulus gagalnya pengajian yang ku tempuhi selama tiga tahun setengah dengan pelbagai ujian dan rintangan. Situasi yang mendebarkan itu bertukar menjadi kegembiraan yang tidak tergambar apabila pengerusi panel penilai iaitu Prof. Mohd Fadli Adam mengumumkan bahawa tesisku lulus dengan pembetulan minor. Alhamdulillah, menitis air mata kegembiraanku. Tidak terucap rasa syukurku. Terima kasih sekali lagi buat suami, ibu bapa mertua, sahabat-sahabat yang menitipkan doa untuk kejayaanku. Siapalah diriku tanpa kalian.

Maka bermulalah kehidupanku sebagai ahli akademik dalam dunia penyelidikan. Perjuanganku belum selesai. Proses pembetulan demi pembetulan, pemurnian dan penambahbaikan yang telah disempurnakan dipersembahkan pada PPS sehinggalah ke peringkat penjilidan (hardbound), terubat segala penat lelahku. Alhamdulillah, lahir satu kepuasan buat diriku apabila melihat tesisku terjilid dengan hard cover. Setelah mengharungi pelbagai rintangan, mehnah dan tribulasi, berkat kesabaran dan keimananku serta titipan doa dari ibu dan bapa mertua, suami serta rakan-rakan seperjuangan ..aku dianugerah segulung Ijazah Falsafah Kedoktoran dalam bidang Tamadun Islam pada 23 November 2017 hari yang merupa hari terindah buatku di Majlis Eidul Ilmi Universiti Sultan Zainal Abidin aku panjatkan jutaan kesyukuran padamu Ilahi, mengharap Redha dan keberkatan-Mu sepanjang hayatku.

Aku mendaftar sebagai pelajar PhD di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 10 Dis 2010 sebagai pelajar separuh masa. UKM memang menjadi pilihan utamaku untuk belajar pada peringkat PhD. Aku ingin belajar di Fakulti Pendidikan, UKM sebab pada pandanganku mereka yang belajar di Fakulti Pendidikan, ilmu tentang pedagogi dan penyelidikannya mantap. Sebelum ke UKM untuk mendaftar, aku memohon izin dan restu daripada kedua ibu bapaku. Ayahku pada ketika itu tidak dapat menghantarku ke muka pintu seperti kebiasaannya kerna kakinya bengkok akibat terjatuh. Masih terngiang-ngiang di telinga ini “ayah tak dapat hantar ke depan, hanya dapat doakan moga berjaya dengan cemerlang”. Dari kejauhan, aku melihat ayahku berusaha mengesot ke pintu dapur. Pada ketika ini hatiku sungguh tersentuh kerana inilah pertama kali dalam hidupku, ayahku tidak dapat menghantarku ke muka pintu depan seperti kebiasaan yang dibuatnya sebelum setiap anaknya bermusafir.

Sebelum mendaftar aku telah memikirkan kemungkinan cabaran yang datang dan aku aku kena bersedia menghadapinya berseorangan. Walaupun pada masa itu, belum diwajibkan lagi pelajar PhD hadir kuliah tetapi dengan semangat untuk mencari ilmu aku memilih untuk hadir kuliah penulisan akademik yang diadakan pada setiap hari Khamis jam 8.00 malam. Maka setiap hari Khamis aku akan bergerak ke UKM pada jam 12 tengah hari dan pulang semula ke Kuala Terengganu pada hari Sabtu. Sesuatu yang aku pelajari ialah, amalkan selalu solat musafir sebelum memulakan sebarang perjalanan, insha-Allah perjalanan kita dipermudahkan. Perjalanan yang jauh tidak terasa panjang dan penat, jalan yang sesak masih ada ruang untuk kita bergerak. Kekuatan yang Allah beri ialah aku masih mampu lagi untuk menyambung tugasan walaupun baru sampai dan keesokannya aku harus bekerja.

Semangat untuk belajar sedikit terganggu apabila sebaik sahaja sesi pengajian di IPG bermula, aku mendapat khabar ayahku dimasukkan ke hospital. Aku hanya berkesempatan pulang dua kali sepanjang sahaja sepanjang ayahku berada di hospital. Melihat kepada keadaan kesihatannya yang semakin merosot, aku sentiasa berdoa agar aku diberi peluang dapat bersama ayahku pada saat akhir hanyatnya. Aku percaya, doa orang yang sedang menuntut ilmu mudah dimakbulkan oleh Allah. Pada 22 Jan 2011 ayahku telah kembali ke Rahmatullah. Aku bersyukur Allah memberiku peluang untuk membisikkan kalimah Lailahailallah sebelum beliau menghembus nafas terakhirnya.

Semangat untuk belajar mesti diteruskan walau apa pun yang terjadi. Aku memegang prinsip sekali melangkah mesti terus melangkah. Niat untuk terus belajar mesti diteruskan. Melayani kesedihan hanya menyesak dada, melemahkan jiwa, melunturkan semangat. Aku mencuba sekali lagi memohon cuti belajar tetapi mengikut syarat yang ditetapkan aku hanya layak memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa. Alhamdulillah rezekiku kali ini, permohonanku berjaya. Aku mula bercuti belajar pada 6 September 2011 sehingga tiga tahun. Walaupun aku telah belajar selama satu semester secara separuh masa, banyak perkara yang belum aku kuasai. Aku belum menguasai metodologi penyelidikan, aku belum menguasai bidang pengkhususanku, aku belum boleh berhujah. Semasa taklimat pendaftaran dahulu kami telah dimaklumkan bahawa pelajar siswazah yang lulus daripada Fakulti Pendidikan sepatutnya menguasai metodologi penyelidikan, disiplin ilmu bidang pengkhususan, ilmu tentang pendidikan dan menulis secara ilmiah. Carilah ilmu itu apabila kita ada peluang untuk belajar.

PhD juga membuat aku berasakan diriku semakin bodoh, semakin tidak tahu banyak perkara. Aku berasakan diriku sangat kerdil lebih-lebih lagi apabila mendengar rakan-rakanku petah berbicara dan berbincang tentang banyak perkara dalam penyelidikan. Aku hanya mampu mendengar. Jika sebelum ini aku hanya tahu buku Creswell, mereka berbicara tentang buku Robert Yin, Miles and Hubberman, Strauss and Corbin dan lain-lain lagi. Aku menjadi kurang yakin terhadap diriku sendiri. Menurut penyeliaku, aku tidak tahu lagi hala tuju kajian yang hendak dijalankan. Penyeliaku menyuruhku membaca dan membaca lagi. Setiap kali aku berjumpanya, beliau menyatakan bahawa dia tidak nampak lagi apa yang hendak aku kaji. Seinggakan aku sendiri tertanya-tanya apa yang penyeliaku mahukan sebenarnya. Membina kerangka konseptual pun mengambil masa yang lama. Kerangka konseptual yang kesepuluh baru diterima. Pernah pada suatu hari, aku meluahkan rasa hatiku kepada penyeliaku: Dr, saya rasa saya ni umpama memanjat tembok batu dengan seutas tali, walaupun berkali-kali mencuba saya masih tak dapat melepasi tembok itu. Penyelia saya memandangi saya dan berkata : “Hijrah, awak bukanlah seteruk itu, awak hanya berada dalam terowong gelap dan saya lihat awak sedang berusaha untuk keluar dari terowong itu, awak sebenarnya dah nampak cahaya itu, awak kena berusaha untuk keluar ikut arah cahaya itu”. Walaupun dia tidak banyak berbicara, kata-katanya memberiku semangat. Di mata penyeliaku, aku seorang yang sedang berusaha, aku bukan bodoh seperti yang aku rasakan. Dalam hatiku mula terdetik, belajar PhD ni kena buat banyak analogi rupanya. Aku mula membayangkan aku kena melepasi tembok ini dahulu sebelum dapat pergi ke kaki gunung. Sebenarnya dalam keadaan kita yang penat dan hampir down, kadang-kala sepatah kata-kata positif daripada orang lain dapat membangkitkan motivasi kepada kita. Oleh itu berilah kata yang positif kepada sahabat yang sedang berjuang. Saya juga pernah rasa menyesal buat PhD kerana PhD menyebabkan saya seperti orang bodoh, PhD menyebabkan hidup tidak menentu, masa tidur terganggu, aktiviti bersama keluarga terbatas, aku kecewa apabila banyak yang berlaku tidak seperti yang dirancang. Egonya aku dengan pemilik ilmu. Sekali lagi aku berfikir, aku kena positif, aku kena terbuka, aku kena fleksibel, aku kena sabar, aku kena cecal, aku kena merancang, aku kena bersedia menghadapi segala kemungkinan, aku kena redha, aku kena bertindak. Aku belajar untuk “expect the unexpected” biarpun pada perkara yang kecil. Aku kena buat sesuatu supaya aku tidak terus terjelepek di kaki tembok.

### **Pengalaman berharga ketika PhD**

Setiap orang yang belajar PhD mempunyai pengalaman yang masing-masing. Walaupun bermula pada garisan yang sama, melalui perjalanan berbeza tetapi tetap mempunyai matlamat yang sama. Cabaran dan ujian ialah rencah dalam kehidupan sebagai pelajar post graduate. Walaupun kita berasakan cabaran kita sudah cukup berat tetapi ada lagi orang lain yang lebih hebat ujiannya. Ada sahabat diuji dengan penyakit, ada sahabat yang diuji dengan perkara mistik, ada yang diuji dengan kegagalan rumah tangga, ada yang diuji dengan karenah anak-anak, ada yang diuji dengan kehilangan anggota keluarga, ragam penyelia, sistem, rakan, kewangan dan pelbagai macam cabaran yang terpaksa dihadapi. Apabila diuji akau selalu mengingatkan diri bahawa Allah menguji orang yang mampu. Mungkin ujian ini adalah untuk kekuatan dan kematangan masa depan. Cabaran dan ujian kepada ketika belajar banyak mengajar kita membuat alignment dan balancing dalam hidup. Cabaran yang kita hadapi menjadikan kita lebih dekat kepada-Nya dan sedar siapa diri kita disisi-Nya.

Antara pengalaman berharga ketika belajar ialah aku telah dipilih untuk menjadi Pembantu Penyelidik untuk dua projek penyelidikan bersama pensyarah. Projek pertama ialah mengenai Penilaian Kurikulum Pendidikan pada tahun 2011. Sebaik sahaja projek ini selesai, adikku telah ditakdirkan jatuh sakit dan menyebabkan aku terpaksa menjaga dan menguruskannya di hospital. Setelah dua bulan melawan penyakit kansernya adikku telah menemui Pencipta pada tanggal 22 Februari 2012 iaitu selepas setahun ayahku pergi.

Aku juga membantu adik iparku menguruskan banyak perkara selepas adikku pergi. Ini bermakna selama enam bulan aku tidak dapat memberi fokus sepenuhnya kepada pengajianku. Namun aku yakin, mesti ada hikmah di sebalik apa yang berlaku kerana Allah ialah sebaik-baik perancang.

Selepas sebulan aku menguruskan urusan arwah, aku telah ditawarkan oleh penyelia untuk menjadi pembantu penyelidik kepada Projek Kesepaduan Sosial dengan elaun RM 1800.00 sebulan tetapi dengan syarat aku kena buat tajuk yang berkaitan dengan geran yang ditawarkan. Aku yang tiada biasiswa merasakan ini satu rezeki untukku belajar namun begitu hatiku masih berbelah bahagi. Cabarannya ialah aku kena bersedia untuk buat dua kerja dalam satu masa, satu sebagai pembantu penyelidik dan satu lagi sebagai pelajar PhD. Menjadi pembantu penyelidik memberi peluang untukku berurusan dengan pelbagai pihak, berjumpa dengan ramai orang, mudah untuk akses bahan, akses sumber dan berjumpa dengan pensyarah-pensyarah serta sahabat yang lain. Sepanjang menjadi pembantu penyelidik, aku berpeluang mengajurkan beberapa program Wacana, Bual Bicara Bersama Tun Mahathir dan beberapa bengkel di merata tempat. Kepenatan menguruskan projek penyelidikan memaksa aku untuk menguatkan diri, lebih cekal dan memberi komitmen kepada tugas sebagai pelajar. Walaupun ada bilik sendiri, aku tidak lupa untuk menjengah juga ke bilik siswazah di mana kebanyakan rakanku belajar di situ untuk berbincang, berkongsi idea dan pandangan.

Motivasi dalam belajar merupakan satu perkara yang penting. Apa yang kulakukan untuk meningkatkan motivasi diri ialah menghadiri majlis-majlis ilmu sama ada ilmu bidang yang kita pelajari, ilmu agama atau apa sahaja yang dapat memberi manfaat kepada pembelajaran kita. Selain itu, menulis paper untuk dibentangkan dalam seminar atau persidangan juga merupakan satu motivasi. Raikanlah kejayaan diri sendiri walaupun pada pencapaian yang kecil sahaja. Menghadiri seminar bukan sahaja dapat mencari sahabat baru dan membina networking tetapi membuka minda terhadap pelbagai disiplin ilmu daripada pelbagai perspektif. Semasa belajar kita bukannya perlukan ceramah motivasi sangat, apa yang perlu ialah orang yang dapat memberi idea, pandangan dan penunjuk jalan untuk merungkaikan permasalahan yang sedang kita hadapi. Aku juga bersyukur mendapat tiga penyelia yang sangat dedikasi dan sentiasa menyokong kerja buat saya serta memberi motivasi. Mereka kadang-kadang seolah-olah mengetahui apa yang sedang berkecamuk di fikiran. Itulah kelebihan mendapat penyelia daripada bidang kaunseling dan psikologi.

Semua peringkat penyelidikan ialah cabaran bagiku. Kerja-kerja renyah banyak menguji kesabaran dan dalam banyak-banyak peringkat penyelidikan, menganalisis data adalah paling mencabar bagiku. Data bertimbun untuk dianalisis, penulisan yang tidak kritis, bahasa yang tunggang-langgang, idea yang berulang-ulang menyebabkan aku terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan penulisan. Apabila dihantar kepada penyelia, beliau hanya melihat tesis aku di bahagian bab 4 dan berkata : "your chapter 4 is too long. reorganised your chapter 4." Aku hanya terdiam dan memikirkan bagaimana aku ingin menulis kembali sedangkan kudratku telah dihabiskan untuknya selama beberapa bulan. Jika aku memikirkan tentang kepenatan, aku akan tewas. Aku cuba untuk mendisiplinkan diri untuk menulis setiap hari. Jika sehari satu muka surat lama kelamaan akan siap juga akhirnya. Oleh kerana aku telah mula bertugas, aku kena mengatur jadual kerja semula. Aku cuba untuk masuk tidur awal dan bangun seawal jam 1.00 atau 2.00 pagi agar aku mempunyai kesempatan waktu untuk menulis. Sekurang-kurangnya aku sempat bertahajud dan mempunyai masa 3 jam sebelum subuh untuk menulis. Selepas subuh aku masih punya waktu untuk menulis walaupun setengah jam sebelum pergi kerja. Aku mengambil masa tujuh bulan untuk menulis kembali bab 4. Dalam tempoh ini aku tidak berjumpa pun penyelia sehingga aku dapat menyiapkannya. Kita jangan

cepat putus asa, penulisan tesis memang memaksa kita menulis dan membetulkan banyak kali tentang sesuatu perkara. Aku teringat kepada Firman Allah dalam Surah Al-Insyirah ayat 5 dan 6 bahawa dalam setiap kesulitan akan ada kesenangannya. Kesukaran menyiapkan penulisan terubat apabila proses pengesahan oleh 5 orang pakar mengambil masa dua minggu sahaja untuk selesai, penulisan tesis ku bertambah laju sedikit dan akhirnya pada detik 12.35 pagi pada tarikh 17 Disember 2016 akhirnya siap juga tesisku selama ini. Menitik air mata ini pada ayat terakhir penulisan tesis.

Setelah semakan oleh penyelia dan editing dibuat akhirnya aku berjaya submit tesisku pada 28 Disember 2016 dan pada 10 Mac 2017 aku dipanggil untuk sesi ujian lisan. Alhamdulillah berkat doa semua aku berjaya dalam ujian lisan tersebut. Tiada kata yang paling indah pada hari itu melainkan rasa syukur dan suaraku bergetar apabila diminta membuat ucapan pada akhir sesi viva. Selepas pembetulan, aku akhirnya berjaya mendapat surat senat yang menyatakan bahawa aku telah berjaya menamatkan pengajiannku pada peringkat PhD dengan jayanya.

Majlis pemakaian jubah oleh penyelia diadakan pada 25 Oktober 2017 dan Majlis konkokesyen pada 28 Oktober 2017. Walaupun sudah tiga tahun berlalu memori ini selalu kubawa ke puncak gunung untuk melihat keindahan sepanjang jalan yang dilalui. The best view comes after the hardest climb. Tamatnya pengajian bukan bermakna tamatnya belajar. Banyak perkara lain yang perlu dipelajari. PhD bukan sahaja memberi aku ilmu, malah ia turut memberi iktibar dan pengajaran yang bermakna untuk hidup. PhD bukan pengakhiran segala perjuangan tetapi boleh dijadikan tiket untuk memperjuangkan sesuatu perkara.

“Belajarlh, kita bukan orang kaya, mak ayah tidak ada ilmu nak ajar anak-anak jadi orang bijak pandai, mak ayah hanya tahu mengajar quran ....” (kata-kata ayahanda: tahun 1980)

### **MUKADIMAH**

Alhamdulillah, tanggal 2 November 2019 saya telah menerima ijazah PhD dalam majlis konvokesyen UKM ke-47 bidang kurikulum dan pengajaran. Menggenggam ijazah tertinggi dari universiti pujaan hati pastinya memberi satu nilai kepuasan yang tidak berbelah bagi. Tambahan lagi gelaran PhD berjaya saya kecapai sebagai insan terakhir dalam bilangan adik-beradik. Tahun 2017 kakak saya berjaya memakai topi PhD beliau.

Manakala tahun 2018 adik saya juga turut mengikuti jejak langkah kejayaan yang sama. Tiga daripada lapan adik-beradik berjaya menggenggam ijazah PhD dan 6 daripada lapan adik-beradik berjaya di puncak menara gading pastinya satu anugerah terindah buat ayah dan ibu. Syukur alhamdulillah Ya Allah... Hanya Kau Yang Satu yang Maha Mengetahui siapa dan bagaimana kami di sebalik kejayaan ini. Kami hanya anak tani.

### **PERJALANAN AKADEMIK SAYA**

Sebaik sahaja tamat tingkatan lima tahun 1986 di SMK Panji Alam, Kuala Terengganu saya meneruskan persekolahan ke Tingkatan Enam di sekolah yang sama. Dengan keputusan STPM tahun 1989, saya ditawarkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang ekonomi dan pengurusan. Pada tahun 1993, saya tamat pengajian peringkat ijazah pertama selama setelah menjelajah perjalanan pengajian dari UKM Bangi hingga ke UKM Kampus Sabah. Tidak seperti rakan-rakan sepengajian saya yang kebanyakan berkerjaya di sektor pengurusan sama ada swasta mahu pun kerajaan, saya ditawarkan sebagai guru sandaran tidak terlatih pada tahun 1994. Saya memohon untuk mengikuti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah dan diterima masuk ke Maktab Perguruan Teknik Cheras pada Julai 1994.

Pada Julai 1995 saya berjaya memperoleh Diploma Pendidikan dan ditempatkan mengajar di negeri Johor. Pada tahun yang sama saya melanjutkan pengajian peringkat ijazah Master di Universiti Teknologi Malaysia secara separuh masa selama dua tahun. Alhamdulillah, berbekalkan berkat dan doa ayah ibu serta semua insan yang memahami liku perjalanan pengajian master saya, pada tanggal 21 Ogos 1999 saya menerima Ijazah Sarjana Pendidikan dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling dari UTM Skudai Johor. Hadiah hari lahir saya buat ayah dan ibu yang amat bermakna dalam titian kehidupan pada ketika itu.

### **PERJALANAN PhD SAYA**

Setelah tamat pengajian peringkat master, impian untuk meneruskan pengajian ke peringkat PhD sentiasa mekar dan membajai jiwa sanubari saya. Namun, kekangan dan cabaran tanggungjawab dalam perkhidmatan sebagai guru di sekolah menyebabkan impian tersebut tidak kesampaian. Alhamdulillah, Oktober 2007 saya menerima tawaran arahan penempatan di Institut Pendidikan Guru Batu Rakit Kuala Terengganu, nama ketika itu. Bertugas dalam iklim persekitaran profesional institusi pendidikan berjaya membugarkan semula impian dan cita-cita saya untuk meneruskan pengajian pada peringkat PhD.

“Tatkala kamu berazam, maka bertawakallah kepada ALLAH”. [Ali Imran ayat 159]

Menghayati ayat ini, saya memulakan langkah untuk menyambung pengajian ke peringkat PhD dengan menghadiri temu duga bersama rakan-rakan sekerja bagi memperoleh tajaan Hadiah Latihan Persekutuan tahun 2011. Alhamdulillah, kami seramai tujuh orang yang menghadiri temu duga berkenaan berjaya mendapat tajaan secara separuh masa selama 5 tahun bermula sesi pengajian September 2011/2012. Setelah meminta ‘pandangan’ Rabbul Jalil dan keazaman yang ada, sokongan suami, ahli keluarga, sahabat sejati serta ketua jabatan ketika itu, saya membuat keputusan untuk meneruskan pengajian PhD ke UKM di Fakulti Pendidikan dalam bidang kurikulum dan pengajaran.

Berbekalkan doa suami, ayah dan ibu saya memulakan langkah pengajian di UKM dengan menyusuri lebuhraya pantai timur yang masih dalam pembinaan pada ketika itu. Perjalanan ke UKM kadang kala bertemankan suami, ahli keluarga atau rakan-rakan seperjuangan. Kadang kala bersendirian, hanya bertemankan azam dan tawakal. Penjelajahan selama 7 tahun, Kuala Nerus Terengganu – UKM Bangi Selangor dengan cara memandu sendiri atau dibantu oleh suami pastinya menambah warna warni riwayat PhD saya.

Liku-liku rentasan pendakian PhD saya bermula. Melaksanakan pengajian secara separuh masa sememangnya amat memerlukan komitmen dan disiplin sendiri yang sangat tinggi.

### **Keluarga Tetap No 1**

Takdir Allah, pasti yang terbaik. Dalam tempoh pengajian saya ditakdirkan menguruskan kesihatan ayah mertua, ibu mertua dan adik. Alhamdulillah, segala amanah yang dipertanggungjawabkan saya terima dengan redha. Prinsip saya, keluarga tetap nombor satu. Keselesaan dan kebahagiaan keluarga ialah kebahagiaan saya. Namun, janji Allah itu pasti. Ayah mertua dan ibu mertua dipanggil kembali kepada Ilahi. Pemergian ibu mertua secara mengejut memberi tamparan psikologi yang sangat hebat kepada suami saya.

Menguruskan emosi suami yang terjejas merupakan satu cabaran yang sangat besar buat diri saya. Di samping itu, status kesihatan adik saya yang berubah secara drastik dalam proses menyiapkan pengajian tesis PhD beliau juga mengundang satu cabaran yang amat getir dalam keluarga kami.

Berbekalkan doa dan ketekalan jiwa, saya hadapi dengan sabar satu persatu. Hanya Allah Yang Satu. Alhamdulillah, segala-galanya Allah permudahkan. Satu persatu keluarga saya uruskan bersama komitmen ahli keluarga yang lain. Menguruskan emosi ahli keluarga terdekat, berserta menguruskan diri untuk PhD merupakan satu situasi yang amat memerlukan ketahanan jiwa kental yang tinggi. Berdasarkan prinsip kita tolong orang, Allah tolong kita, maka saya mendahulukan segala keperluan keluarga dalam apa jua situasi ketika itu.

### **Konvo dengan MQA**

Belajar sambil bekerja sangat istimewa. Pelbagai rintangan dan cabaran dihadapi dengan pahit manis situasi ditempuhi. Selain berhadapan dengan pengurusan emosi ahli keluarga, tugas dan tanggungjawab di tempat kerja juga saya hadapi dengan tabah dan redha. Menerima tugas sebagai penyelaras untuk proses akreditasi MQA bagi tiga program utama menyebabkan saya mendapat gelaran ratu folder. Malah ada rakan setugas yang berkata saya hanya akan dapat konvo dengan MQA. Kesibukan menguruskan segala dokumen untuk keperluan akreditasi MQA menyebabkan rakan-rakan di IPG tidak nampak fokus yang saya berikan untuk pengajian PhD saya.



## **Bertongkat Nesan**

Istilah bertongkat nesan diberikan oleh salah seorang pensyarah dari universiti tempatan yang saya sering ikuti proses pembelajaran PhD terutama dari segi penulisan dan statistik terkini. Kata-kata ini memberi makna dan cabaran yang mendalam buat diri saya kerana dengan kata-kata ini saya dikenali dalam kalangan rakan seperjuangan sebagai seorang pelajar veteran.

Alhamdulillah, kata-kata ini sebenarnya banyak membantu saya dan memudahkan kerja buat saya. Rakan-rakan seperjuangan dari pelbagai institusi sekitar memberikan panduan, bimbingan, dorongan dan galakan yang amat baik buat diri saya.

Malahan segala bengkel yang saya anjurkan juga mendapat sambutan dan komitmen yang sangat baik daripada mereka. Terima kasih buat Dr berkenaan yang memberikan gelaran ini kepada saya.

## **INI CARA PEMBELAJARAN SAYA**

Apabila saya diumumkan lulus ujian viva PhD, soalan yang paling banyak saya terima ialah “bila masa buat tesis”? Kerja sangat banyak di pejabat, mereka tidak pernah nampak atau dengar saya berbicara tentang PhD semasa di pejabat.

Dengan senyum saya maklumkan, “saya buat tesis dengan pertolongan Allah Yang Satu”. Saya sendiri pun tidak perasan dan tanpa menyedari bahawa tesis saya telah siap dan boleh dicetak. Perkataan daripada supervisor “tesis awak ini telah boleh cetak, hantar untuk viva.” merupakan satu kejutan buat diri saya sendiri. Ini kerana saya menjangkakan tesis saya masih banyak lagi ruang kelemahan yang perlu diperbaiki.

Apa yang boleh saya kongsi di sini adalah untuk saya menyiapkan tesis, disiplin diri amat penting. Saya mempunyai komitmen yang sangat tinggi terhadap keluarga dan profesion. Masa bagi saya amat berharga. Sekiranya saya telah menetapkan untuk menyiapkan penulisan tesis saya, dalam apa jua keadaan saya mesti melakukannya.

Ini kerana saya tidak mempunyai banyak ruang masa lapang. Disiplin masa amat penting buat saya. Tidak ada kerja yang tertangguh. Semua kerja saya perlu siap mengikut tempoh yang ditetapkan supaya beban tugas saya tidak bertambah.

Dengan keadaan pengurusan masa yang sangat berdisiplin ini, saya dapat menghabiskan juga PhD saya walaupun mengambil masa sehingga 7 tahun.

Alhamdulillah, saya amat berpuas hati kerana dalam tempoh tersebut saya amat yakin saya telah memberi banyak ruang masa pengorbanan untuk insan-insan yang saya sayang. Kejayaan memiliki ijazah Phd ini bagi saya ialah satu bonus dalam titian sejarah kehidupan saya. Pasti lebih membahagiakan andai kedua-dua ibu bapa saya juga turut sama dapat meraikan kejayaan ini. Kembalinya ayah ibu saya kepada Pencipta mengukuhkan ikatan kami adik-beradik yang ada.

Roh kekuatan, keberkatan ayah dan ibu bersama-sama dalam jiwa kami adik-beradik yang ada memberikan satu kekuatan yang utuh dan padu. Alhamdulillah... kami hanya satu keluarga. Kejayaan kami, kejayaan semua, kegembiraan dan kebahagiaan kami untuk semua.

## **Penghujung**

Sabar, sabar, sabar, sikit lagi. Semoga Allah permudahkan.

Ya, alhamdulillah, Allah permudahkan segala-galanya. Hanya Kau Yang Satu.

Penyeliaan supervisor, mudah

Temu janji berjumpa supervisor, mudah

Perjalanan sepanjang semester pengajian, mudah

Menyertai seminar peringkat kebangsaan, antarabangsa, mudah

Menyertai sebarang bengkel sepanjang pengajian, mudah

Mengendalikan sebarang bengkel bersama rakan-rakan UKM, IPG, UniSZa, UM, UMT, mudah

Menyiapkan penulisan tesis, mudah

Perjalanan viva, mudah

Menyiapkan pembetulan tesis, mudah

Melengkapkan percetakan tesis, mudah.

Menghadiri majlis pemakaian jubah, mudah

Menghadiri majlis konvokesyen, mudah

Permudahkan kerja orang, Allah permudahkan kerja kita. Kita tolong orang, Allah tolong kita. Kata-kata yang sering kita dengar, selalu kita jumpa. Semoga kita sama-sama terus amalkan.

Alhamdulillah, syukur atas segala nikmat dan kurniaan Allah untuk saya menamatkan pengajian PhD. Hanya Kau Yang Satu, Ya Allah. Syukur atas segala-galanya. Terima kasih.

“Bara yang digenggam biar jadi arang”. Sewaktu Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-38 pada 18 September 2004, saya antara 319 orang pelajar Master Sains yang diraikan pada majlis tersebut. Namun apakan daya, dugaan dan kesukaran yang dihadapi, tidak memungkinkan saya hadir ke majlis tersebut. Sayu dan sebak hati ini. Namun insan tersayang memberi kata-kata semangat.. “tak pe ada satu lagi majlis konvokesyen yang boleh dihadiri”. Saya pasti keluarga pasti berasa bangga dengan kejayaan ini memandangkan saya orang pertama dalam keluarga, memperoleh Master Sains Pendidikan Matematik. Insya-Allah, akan saya hadir majlis konvokesyen peringkat Phd. Peluang memperoleh biasiswa bergaji penuh semasa pengajian peringkat ini, saya gunakan sepenuhnya untuk belajar. Semasa berada semester satu, peluang menjadi pembantu penyelidik kepada penyelia, Prof Madya Dr Rohani binti Ahmad Tarmizi merupakan suatu yang amat berharga. Mod pengajian peperiksaan dan projek, menyebabkan saya sibuk menimba ilmu. Peluang menghadiri bengkel dan seminar bersama pakar-pakar Matematik dalam dan luar negara adalah kurniaan yang tidak terhingga. Kuliah dihadiri sehingga semester tiga kerana banyak kursus yang diambil dan kebanyakan masa dihabiskan di UPM untuk mentelaah. Alhamdulillah, pengajian ini habis mengikut ketetapan tempoh biasiswa yang diperolehi. Rezeki yang dikurniakan lebih daripada apa yang diimpikan iaitu lahirnya seorang cahaya mata sebelum tamat pengajian. Input-input yang saya peroleh pada peringkat Master, sangat membantu dalam penulisan tesis peringkat Phd.

“Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”. Masa saling berganti, sehinggalah pada 2011 seorang rakan memberitahu iklan biasiswa HLP Separuh Masa telah tiba. Saya dinasihati oleh arwah ibu..”isi aje .. manalah tahu dapat”. Saya mengambil peluang ini dan Alhamdulillah berkat doa keluarga, saya pun dipanggil untuk ditemuduga biasiswa tersebut di IPG Kampus Kota Bharu. Sebagai calon yang pertama dipanggil untuk ditemuduga, saya kuatkan semangat dan mencuba sebaik mungkin. Memandangkan proposal kajian ditulis dalam bahasa Inggeris, maka terdapat satu slot temuduga yang saya perlu menjawab dalam bahasa Inggeris. Mungkin inilah rezeki yang tidak disangka, saya antara calon yang berjaya memperoleh biasiswa ini. Timbul dugaan baharu, saya belum mendaftar di mana-mana universiti. Saya perlu mendapatkan tempat pengajian sebelum berakhir tempoh yang ditetapkan iaitu selama dua minggu. Akhirnya tepat pada 10 Oktober 2011, saya telah mendaftar sebagai pelajar Phd dalam bidang pendidikan Matematik di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sebelum bersua muka dengan penilai, saya telah memperoleh maklumat tentang penyelia kajian menerusi internet. Pembacaan tentang artikel dan pencapaian penyelia telah dilakukan untuk memperoleh bahan untuk perbincangan kelak. Untungnya internet memberi paparan maklumat yang sangat berguna. Penyelia kajian sangat hebat orangnya dalam pendidikan matematik.

“Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air”. Pada tanggal tersebut, saya bersua muka dengan penyelia kajian pertama, Prof Madya Dr Nor' Ain binti Mohd Tajuddin dan penyelia kajian kedua, Dr Faizal Nizam Lee bin Abdullah buat kali pertama. Seminggu sebelum itu, saya telah meneroka maklumat tentang mereka berdua. Kedua-dua ini tokoh hebat dalam bidang Matematik. Saya juga luangkan masa membaca tesis Phd penyelia kajian sebelum kami bertemu. Dunia ini kecil rupanya, penyelia kajian saya semasa Master dahulu adalah penyelia kajian bagi Dr Nor' Ain sewaktu beliau melanjutkan pelajaran peringkat Phd. Hasil perbincangan kami, ketetapan dan panduan telah diberikan dengan eksplisit. Saya perlu berusaha bersungguh –sungguh untuk

menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Nasihat yang diberikan, saya semat dalam dada. Semoga perjalanan ini diberkati. Antara kata-kata perangsang yang diberikan ialah “jangan tinggalkan penulisan lebih dari tiga hari..saya nak pencen ni, kena siap cepat ya”. Hubungan dengan penyelia kajian perlu dijaga. Sebagai pakar rujuk utama, saya nasihatkan kepada semua pelajar, pastikan hubungan yang positif dengan penyelia. Tips untuk memelihara hubungan yang positif dengan penyelia:

- i. saling hormat-menghormati.
- ii. berterus terang dan jujur.
- iii. komunikasi bersemuka, sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- iv. komunikasi tidak bersemuka perlu lebih kerap dengan menggunakan aplikasi whatsapp atau e-mel.
- v. berkongsi masalah pembelajaran dengan penyelia.
- vi. sayangi penyelia.

“Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian”.Pengalaman manis dan pahit-getir yang dialami sejak memulakan perjalanan Phd hanya Allah yang tahu. Namun, saya yakin Allah menguji hambanya sebatas kemampuan yang ada. Saya perlu menganalisis kekurangan dan kelemahan diri. Jangan malu untuk mengakui kekurangan yang ada pada diri. Namun kita perlu memikirkan alternatif yang ada jika menghadapi sesuatu isu atau masalah. Pengaplikasian Model Polya banyak membantu saya dalam mengatasi masalah yang dihadapi.

Langkah-langkah yang dicadangkan dalam Model Penyelesaian Masalah Polya (1945):

- i) Memahami masalah
- ii) Mengenal pasti strategi – strategi penyelesaian masalah
- iii) Melaksanakan strategi
- iv) Menyemak semula

“Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang”. Perancangan perjalanan Phd perlu difikirkan dengan jelas dan logikal. Pastikan pelan perancangan ini mendapat persetujuan penyelia kajian. Tempoh yang diberikan selama lima tahun perlu dirancang dengan teliti. Setiap akhir semester, refleksi sendiri perlu dilaksanakan untuk memastikan output yang diperoleh setara dengan keupayaan kita. Tuntutan keluarga, pekerjaan dan pembelajaran perlu diseimbangkan. Perancangan ini saya catat dalam buku jurnal. Rakan baik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), berkongsi pengalaman beliau yang sentiasa membuat catatan jurnal apabila berjumpa dengan penyelia kajian atau pakar yang dirujuk. Nasihat beliau saya turuti, akhirkan 10 buah buku jurnal catatan sepanjang Phd. Penyelia kajian juga membantu dengan memperkenalkan saya kepada rakan-rakan sealiran di UPSI.

Walaupun ada yang menyatakan “ Phd is a lonely journey” namun kita perlukan rakan untuk berbincang atau memberi pandangan tentang sesuatu isu. Perancangan masa di pejabat dirancang dengan baik agar kerja yang diamanah tidak terjejas. Sepanjang tempoh lima tahun ini, semasa waktu pagi, saya fokuskan kepada urusan pekerjaan sementara masa sebelah petang, saya luangkan untuk membaca atau mencari bahan. Tempoh masa bekerja 7.30 hingga 4.30 petang perlu dirancang dengan baik. Jika tidak, pekerjaan dan pembelajaran saya menjadi huru-hara. Masa untuk berehat secukupnya pada waktu malam perlu dimaksimumkan. Sebelah malam saya hanya peruntukan tempoh masa dua jam sahaja untuk kajian saya. Tugas-tugas yang diamanah, perlu dilaksanakan dengan baik. Janganlah menggunakan alasan belajar untuk mengelak daripada tugas-tugas rasmi ini.

“Usaha tangga kejayaan”...perancangan 10 semester ini perlu dirancang dengan dengan teliti:

- i. Semester 1 : menetapkan objektif kajian, soalan kajian dan fokus kajian.
- ii. Semester 2 : penulisan bab 1, bab 2 dan menghadiri kursus atau bengkel yang difikirkan perlu untuk kajian. Jangan sekali-kali mengikut rakan. Kos perbengkelan ini agak mahal.
- iii. Semester 3 : Penulisan bab 3 dan menyediakan modul.
- iv. Semester 4 : Pemurnian bab 1, 2 dan 3 serta menyediakan modul.
- v. Semester 5 : Pembentangan proposal kajian dan memantapkan modul.
- vi. Semester 6 : Penulisan bab 4 dan memantapkan modul
- vii. Semester 7 : Penulisan bab 5 dan memantapkan modul.
- viii. Semester 8 : Penghantaran hasil kajian dan menunggu tempoh viva.
- ix. Semester 9 : Viva dan bergraduasi.

Oleh sebab kajian saya memerlukan sembilan orang pakar untuk mengesahkan modul yang dihasilkan, masa yang diambil ini agak lama iaitu hampir setahun untuk mendapatkan kelulusan daripada pakar. Perkara ini adalah di luar kawalan maka hanya mampu berdoa. Sementara menunggu kelulusan pakar, saya melakukan pemantapan penulisan tesis. Kata kunci di sini ialah “bekerjalah dengan sistematik and time waits for no man”. Sebelum tamat tempoh yang ditetapkan oleh biasiswa, saya telah berjaya bergraduasi. Saya yakin perancangan yang rapi dengan izin Allah akan membuahakan kejayaan.

“Ukur baju di badan sendiri”, saya menyedari perjalanan Phd ini adalah sukar dan memeritkan jiwa dan raga. Oleh itu, sesuatu perlu dilakukan untuk merehatkan minda dan menyihatkan badan. Hampir setiap pagi jumaat, saya bersama anakanda akan menghadiri kelas renang. Selain mengeratkan hubungan bersama keluarga, saya dapat melepaskan tekanan yang dihadapi. Sepanjang perjalanan Phd ini juga, saya mengisi aktiviti khas untuk keluarga agar saya mempunyai lebih masa untuk menyiapkan kajian saya. Sebagai contoh, saya juga menghantar anak ke kelas piano, dan saya akan menunggu beliau sambil menyiapkan kerja.

Perasaan risau tidak dapat melayan anakanda, saya gantikan dengan aktiviti rekreasi. Bak kata pepatah “sambil menyelam minum air”. Saya juga mengalami kesukaran untuk memandu pada jarak jauh. Oleh itu, setelah mempertimbangkan alternatif yang ada, bas ialah pengangkutan yang paling sesuai dan menjimatkan untuk saya ke UPSI. Pernah sekali pakcik pemandu bas berkata “ masa muda tak belajar, dah tua baru nak ya”. Saya hanya tersenyum mendengar nasihat pakcik. Sepanjang masa berada di sana, saya akan menggunakan masa semaksimum mungkin untuk berjumpa penyelia kajian dan mencari bahan yang sesuai. Masa dan tenaga yang dikeluarkan perlu diseimbangkan dengan hasil yang positif. Saya akan menyewa bilik yang murah untuk menjimatkan perbelanjaan dan kos. Pada kebiasaan, roti, susu dan coklat ialah makanan utama jika dalam perjalanan. Untungnya UPSI menyediakan bas untuk pergerakan pelajar ke fakulti. Kemudahan yang disediakan perlu digunakan sepenuhnya. Kebanyakan bahan rujukan penyelidikan berada di universiti lain seperti Universiti Malaya (UM) dan UKM. Sekiranya, saya dikehendaki bermesyuarat di Kuala Lumpur, saya akan mencari ruang sebelum bermesyuarat untuk berada di perpustakaan UM atau UKM. Sebagai pelajar, jangan malu untuk bertanya dan menguruskan masa sebaik mungkin.

“Bagai Aur dengan tebing”, mempunyai rakan-rakan yang sama-sama berstatus pelajar amat saya syukuri. Kami bergerak bersama menghadiri bengkel atau seminar. Saling menasihati dan mengingatkan serta saling mendoakan kejayaan bersama merupakan hadiah yang tidak terhingga harganya. Pernah sekali insiden bas rosak dalam perjalanan pulang dari Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu. Kami menunggu sehingga bas lain datang mengambil. Rakan bukan sahaja akan memberi nasihat, namun mereka ialah pendengar yang setia. Terima kasih temanku atas

persahabatan ini. Di samping itu, rebutlah peluang untuk mencari rakan baharu jika menghadiri seminar terutama yang mempunyai bidang yang sama dengan kita. Ini akan dapat membantu dalam perjalanan ini. Saya yakin jika kita memudahkan atau membantu orang lain, maka urusan kita akan dipermudahkan. Sebelum mendaftar menjadi pelajar Phd, saya menasihati agar menghadiri bengkel untuk menyiapkan diri dengan keperluan asas seperti Bengkel Document Map, Mendeley dan sebagainya. Dan terdapat juga “Phd Support Group” di Facebook yang menyediakan platform untuk berkongsi pengalaman dan idea.

“Bagai kaca terhempas ke batu”, pada 12 April 2016, tatkala tesis saya telah siap dan menunggu tarikh viva, ibu tersayang telah meninggal dunia. Ya Allah, selama ini, ibulah penguat semangat dan pendorong kejayaan, namun apakan daya. Syukur keluarga terus memberi semangat untuk menghadapi viva. Saya perlu meneruskan perjalanan ini untuk memecahkan tradisi keluarga lagi, belum ada dalam keluarga besar yang memperoleh ijazah Phd.

“Hendak seribu daya”, Belajar sambil bekerja merupakan perkara yang sukar untuk dilaksanakan. Kekangan tugas mengajar dan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan memerlukan perancangan yang tepat. Perancangan ini perlu disediakan pada awal pengajian bagi memastikan kajian dapat dituntaskan dalam masa yang telah ditetapkan. Perancangan yang dibuat selama tiga tahun setengah hendaklah dilaksanakan dengan disiplin yang tinggi. Ramai yang berkata ianya sukar, namaun yakinlah pertolongan Allah akan memudahkan perjalanan Phd ini. Tugas di pejabat hendaklah dilaksanakan dengan sebaiknya. Dan begitu juga dengan menyiapkan kajian ini. Pengurusan masa yang berkesan, menyediakan jadual belajar dan sentiasa refleksi diri adalah kunci untuk memastikan kejayaan dapat dikecapi. Janganlah memberi alasan faktor belajar untuk menolak tugas. Sebaliknya, seimbangkan tugas-tugas seharian dengan urusan belajar. Cabaran kerja dan belajar hendaklah ditangani secara positif. Rakan-rakan yang sama-sama belajar sangat membantu dalam proses ini.

“Kata dikota”...pada 28 September 2016, saya menghadiri majlis konvokesyen UPSI kali ke-16 bersama keluarga. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin semangat buat ahli keluarga. Apabila dikenang semula catatan perjalanan, ini ialah harapan dan impian saya. Perasaan gembira kerana berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah sebelum tamat tempoh biasiswa merupakan satu perasaan yang terindah. Tambah manisnya, ganjaran wang yang diberikan oleh Bahagian Biasiswa Kementerian Pelajaran Malaysia kerana kejayaan tamat belajar dan bergraduasi sebelum tamatnya tempoh belajar yang masih berbaki setahun. Syukur Ya Allah kerana memudahkan urusan pembelajaran ini.

Perjalanan PhD adalah sebuah perjalanan yang penuh dengan onak dan duri, penuh dengan liku-liku, suka duka, tangisan, air mata di mana pelbagai ujian yang perlu dilalui. Namun setiap orang melalui dengan berbeza ujian, cabaran dan dugaannya. Bagi saya PhD adalah medan tarbiyyah Allah yang perlu dilalui dengan semangat yang luar biasa. Selama bertahun-tahun saya lalui dengan ujian air mata, menangis dan bangun semula dengan kekuatan yang luar biasa. Apabila kita serah semuanya pada Dia Yang Maha Esa, Allah beri sesuatu yang sangat indah pada penghujungnya. Namun begitu, sepahit manapun, seberat manapun ujian tersebut laluilah dengan dengan senyuman supaya orang tidak nampak keperitan dan derita yang kita tanggung. Kadang-kadang apa yang kita dirancang pada mulanya, disangkakan akan berakhir dengan baik. Walau bagaimanapun, perancangan Allah itu lebih hebat, aturan Allah itu sangat indah dan kita sebagai manusia perlu redha dengan apa yang Allah aturkan dan tentukan untuk kita. Perjalanan PhD saya agak panjang, walaupun saya rancang possible to me to graduate around three years. Namun, Allah Maha Mengetahui kenapa semua ini terjadi...*so don't give up ! Sometimes the strongest people are the ones who love beyond all faults, cry behind closed door and fight battles that nobody knows about. Learning is like rowing upstream, not to advance till drop it, my co-supervisor said.*

Perkongsian perjalanan PhD saya bermula pada detik ini. Selepas tamat pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda, saya berjaya dianugerahi dua Ijazah Sarjana Muda pada usia 21 tahun dan usia 23 tahun dalam bidang yang berbeza. Setelah tamat pengajian saya telah ditawarkan pengajian ke luar negara dalam bidang Master dan PhD (Multimedia) sebagai pemegang scholarship JPA/USM (Universiti Sains Malaysia) di University Of Birmingham, United Kingdom selama lima tahun. Apabila tamat pengajian, saya bakal ditempatkan di Universiti Sains Malaysia sebagai pensyarah di fakulti universiti tersebut. Saya lalui semua prosedur untuk ke UK termasuk mengambil peperiksaan IELTS dan berjaya mendapat band 7.0, menguruskan penginapan di universiti sana dan banyak lagi. Masa ini saya antara insan yang paling gembira, bagi saya inilah hadiah paling terindah buat mama dan arwah abah untuk meneruskan pengajian ke luar negara. Namun, tidak semua yang dirancang itu indah, segala-galanya milik Allah. Ditakdirkan setahun kemudian, dikirimkan perkhabaran yang sangat mendukacitakan, keadaan ekonomi Malaysia meleset dan kami di bawah program skim pensyarah muda tidak boleh ke luar negara. Perkhabaran tersebut membuatkan saya sangat down, mematikan semangat saya dan saya terlalu kecewa kerana bukan mudah untuk mendapat JPA scholarship dengan melalui seisi dua fasa interview yang sangat sukar. Perancangan saya mendapat PhD sebelum umur 30 tahun, ia adalah impian saya sejak saya memulakan langkah saya ke universiti. Saya hanya insan yang biasa-biasa sahaja, tiada keistimewaan pada diri saya berbanding dengan orang lain yang lebih hebat dan berjaya. Saya berusaha demi membalas jasa mama dan arwah abah dengan menghadihkan sebuah kejayaan. Kejayaan ialah hadiah terindah buat mereka insan yang paling saya sayang dan penting dalam hidup saya iaitu mama dan arwah abah dan adik-adik saya.

Akhirnya saya bertekad untuk menyambungkan pengajian di Malaysia tanpa biasiswa. Mungkin saya terlalu kecewa dan saya ke *next plan, plan B*. Dua tahun juga saya pending untuk sambung sebab saya perlu bina kekuatan dan semangat. Pada usia 26 tahun baru saya meneruskan pengajian dalam bidang Master di Universiti Sains Malaysia dan pada usia 29 tahun bermulalah perjalanan PhD yang penuh dengan perjalanan air mata. Ujian yang saya lalui, kadang-kadang

tidak bertanggung. Setiap orang mempunyai perjalanan PhD yang berbeza, kita semua tidak akan sama. Mungkin bagi saya, ujian yang saya lalui amat berat bagi saya. Walau bagaimanapun, saya sanggup korbakan apa saja demi hadiah terindah buat mama dan arwah abah saya.

Bermulalah perjalanan PhD saya dengan seorang Prof, bagi saya *incredible* tok guru yang saya sangat hormati, sebagai pelajar separuh masa. Selama tiga tahun saya perlu membaca, saya akur dengan supervisor saya, setiap hari saya akan membaca 30 journals dan selama tiga tahun juga saya read and write. Bukan senang menjadi pelajar separuh masa, bekerja sambil belajar. Setiap hujung minggu, waktu cuti saya akan menghabiskan masa di *library*, bermula library buka hingga tutup pada malamnya. Perjumpaan dengan supervisor sebulan dua kali, sekurang-kurang 5 jam sekali perjumpaan. Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana mendapat supervisor yang memberi guidance, motivasi dan kekuatan semangat sepanjang perjalanan PhD saya. Walaupun bekerja dengan jarak perjalanan yang terlalu jauh dari rumah ke tempat bekerja, ia tidak mematahkan semangat saya dalam perjuangan PhD. Saya akan tidur awal dan memulakan pembacaan dan penulisan saya pada pukul 1.00 pagi. Pada pukul 6.30 pagi saya akan memulakan perjalanan saya ke tempat kerja. Itulah rutin harian saya sepanjang PhD. Setelah cukup tiga tahun saya berjaya menyiapkan tiga bab yang sentiasa diubah berkali-kali dan penambahbaikan untuk proposal defend.

Bermula perjalanan PhD ini juga, ujian pertama saya ialah arwah abah saya. Arwah abah saya disahkan masalah buah pinggang, masalah jantung dan kencing manis yang serius dan perlu mencuci buah pinggang sebanyak tiga kali seminggu. Setahun demi setahun penyakit abah makin serius dan tumpuan saya untuk belajar agak terganggu kerana terlalu risaukan abah. Namun begitu, saya sentiasa pujuk hati, *be strong, keep strong and keep going...never..never give up!* Ini ujian, demi hadiah untuk abah dan mama kena kuat dan sesekali jangan mengalah.

Abah yang sentiasa beri motivasi pada saya, pada tahun pertama bermulanya perjalanan PhD saya, abah tidak mampu lagi menguatkan semangat saya dan mendengar segala luahan masalah saya. Saya sangat rapat dengan arwah abah, abah derita dengan penyakitnya selama lima tahun hingga satu tahap kakinya dipotong dan kami adik beradik mencari pakar yang terbaik buat abah. Saya jadi serba salah pada masa tersebut, mama pula masalah tiroid dan badan mama mula susut kerana mama memberi tumpuan pada abah sepenuhnya. Namun, lima tahun kemudian, abah meninggal dunia dan menghembuskan nafas terakhir di hadapan saya, mama dan adik-adik, saat abah melafazkan *Laillahaillah* di depan kami... itu saya rasa segala-galanya telah hilang dalam kehidupan saya. Kehilangan insan yang tersayang dalam hidup saya, membuatkan saya hampir putus asa. Hari-hari menangis, mencari kekuatan, akhirnya demi mama yang saya sayang saya bangun semula, walaupun jangka masa yang agak lama untuk saya bangkit dan teruskan perjuangan PhD saya.

Tiga tahun sebelum arwah abah pergi selama-lamanya, saya telah mengambil *unpaid leave* selama 7 bulan yang akan membuatkan saya akan hilang seniority dalam kerjaya saya. Tujuan saya adalah supaya saya dapat fokus pada pengajian saya. Saya sanggup berkorban karier saya demi PhD saya. Sepanjang cuti tanpa gaji, saya ulang alik dari universiti dari tempat tinggal saya sejauh 250 km pergi dan balik dan berada di perpustakaan selama 12 jam dan pukul 1 pagi baru sampai di rumah. Inilah rutin harian saya selama 7 bulan, *I like crazy forcing myself during my PhD's*. Sebelum membuat keputusan cuti tanpa gaji, saya meminta pendapat dan persetujuan supervisor kerana saya hampir menyiapkan tesis saya pada masa tersebut. Dijangkakan dalam tahun keempat saya boleh tamatkan pengajian. Namun perancangan Allah itu sangat hebat. Saya redha dengan ujian-Nya dan saya tetap yakin dengan aturan Allah. Saya perlu kuatkan semangat dan jangan sesekali putus asa. Setelah tamat cuti selama 7 bulan tersebut, saya jatuh sakit



buat pertama kalinya. Saya menghadapi masalah saraf dan slip disc (tulang belakang). Hampir setahun lebih, saya perlu rehat untuk pulih sepenuhnya. Mungkin saya tidak rehat secukupnya, duduk terlalu lama untuk membaca dan menulis, pemanduan jarak jauh dan belajar sambil bekerja. Saya pernah menghadapi micro-sleep dan nyaris terbabas semasa memandu beberapa kali, kerana tidur tidak mencukupi dan letih yang terlampau. Di saat saya cuti tanpa gaji ini, dua perkara yang dilakukan pertama fokus pada PhD dan kedua waktu cuti fokus pada arwah abah. Permintaan mama dan arwah abah, fokus pada PhD sampai berjaya.

Dalam masa tiga tahun pula, sebelum berakhirnya perjalanan PhD saya: kepala sangat sakit, berdenyut-denyut dan berpusing-pusing (inbalance), penglihatan makin kabur, dua kali saya warded di hospital dan saya menjalani rawatan dari pakar neurologi. Saya menghadapi severe hardcore/critical migraine (final stage) yang *due to brain cancer*. Hanya boleh bertahan, dan sangat sukar untuk lega. Masa ini....detik ini...*no words to describe... one more step to brain cancer*. Hanya Allah saja yang tahu apa perasaan saya pada waktu tersebut.

Ada perkara yang sangat dahsyat terjadi dalam hidup saya dalam masa dua tahun tersebut sehingga saya menghadapi stress dan depression, masa ini, 15 kg berat badan saya turun. PhD tidak pernah memberi tekanan dalam hidup saya, *I'm very happy and excited with my PhD...* namun cabaran dan dugaan lain yang membuat saya menghadapi tekanan yang tidak terluah lagi dengan kata-kata. Hanya Allah sahaja yang tahu apa perasaan yang saya hadapi pada saat itu. Tiga tahun saya menanggung derita dengan ujian yang paling dashyat dalam hidup saya, saya jatuh tersungkur dan nyaris menyerah kalah dalam perjuangan PhD saya.

Dalam jangka masa tiga tahun berakhir ini jugalah, supervisor saya telah bersara dan saya perlu new supervisor replacement. Pada masa tersebut rasa dunia macam gelap gelita kerana bukan mudah untuk mendapatkan penyelia yang baru. Saya memohon petunjuk dari Allah, istikharah memohon berikan yang terbaik untuk saya berjaya menamatkan PhD saya. Allahuakbar, dengan izin Allah, Allah makbulkan doa saya. Penyelia baru saya same as my previous Prof, incredible person too.

*My grace period so closed on that time, I don't have enough time anymore. I just hope for the miracles will happens.* Saya sangat risau, macam-macam perkara bermain di kotak fikiran saya. Supervisor saya membaca tesis 600 muka surat saya sebanyak 25 kali dan dengan pembetulan yang saya perbaikinya tanpa mengeluh kerana beliau ialah guru saya, ilmunya tiada tolok bandingan dan saya wajib jaga adab saya dengan guru saya kerana saya takut hilang keberkatan ilmu, kerna ilmu tanpa adab, berkat hidupmu lesap. Saya paling risau jika tiada kesalahan pada setiap penulisan tesis saya, pelik tetapi benar, inilah saya dalam perjuangan PhD.

Kekuatan saya sangat luar biasa dalam keadaan saya bertahan dengan penyakit yang saya alami, saya dianugerahkan new supervisor yang sangat baik, memahami dan sentiasa memberi motivasi kepada saya pada saat saya di penghujung perjuangan PhD saya. Kekuatan dari ibu saya, arwah abah, bakal suami saya yang akhirnya saya kehilangan dia selama-lamanya setelah saya berjaya, sahabat-sahabat baik saya, adik-adik saya, dan pensyarah-pensyarah saya di USM dan UiTM yang memberi semangat dan motivasi sepanjang perjuangan PhD saya.

Pada hari saya viva, saya minta mama doakan saya sepanjang viva. "Mama, nanti viva dah mula mama solat, zikir dan doa kakak supaya dipermudahkan semuanya dan doa yang terbaik dari mama. Mama duduk atas sejadah sampai kakak habis viva."

Allahuakbar, betul dan benar, doa ibu, restu ibu dan redha ibu, semua *miracles*. Perjalanan viva saya, sangat tenang walaupun dalam hati *quite nervous*. Subhanaallah selama satu jam 30 minit seisi viva saya. *The miracles*, pembentangan terbaik, tesis terbaik dan saya telah menjawab soalan-soalan *external examiner* sebelum soalan itu ditanya dalam pembentangan saya. Ada points tambahan yang saya tambah yang saya rasa (*my instincts*) itu persoalan-persoalan yang akan disoal oleh *examiner* dalam tiga jam sebelum viva bermula (*last minute* ilham dari Allah swt). MasyaAllah Tabarakallah. Subhanaallah, Alhamdulillah, Allahuakbar. Semua kerana Allah.

Syukur sujud kerana kejayaan ini. Kisah sedih lagi, apabila saya mendapat perkhabaran yang amat menyedihkan, *external examiner* saya dari universiti luar meninggal dunia selepas dua minggu tarikh saya viva dan ketika beliau membaca tesis saya beliau sedang berjuang dengan penyakit kronik yang dialaminya, beliau meminta lima bulan untuk membacanya kerana beliau excited dengan penulisan tesis saya dan beliau menyatakan tesis saya ialah tesis terbaik. Allahuakbar, semua dari Allah, ucapan saya hanya terima kasih Allah. Bertahun lamanya dengan pelbagai ujian, akhirnya Allah beri pelangi di hujungnya. Menangislah tapi bangun semula dengan kekuatan dan semangat luarbiasa. Semoga Allah kurniakan kita kesabaran, dengan kesabaran yang cantik. Fasbir Sobran Jamiila.

Kesimpulannya, apa yang saya pelajari sepanjang perjuangan PhD saya, PhD ialah medan tarbiyyah Allah supaya kita dekat dengan-Nya, kebergantungan pada Allah sememangnya tinggi. dan saya redha dengan ujianNya. Walaupun perjalanan yang saya lalui penuh dengan airmata, namun setiap perjalanan saya banyak keajaiban yang Allah anugerah kepada saya. Sujud syukur di atas ujian yang Allah berikan kepada saya. Hanya Allah yang tahu rahsia dan hikmah di sebalik ujian ini. Kita sebagai insan di milik Allah, *never judge anyone else, you don't have the whole story*. Dalam doa saya, setiap solat, setiap sebelum tidur, mohon ditunjukkan kebenaran. Di sepertiga akhir malam bangunlah bertahajjud hidupkan malam, baca al-Quran jangan ditinggalkan, dekati Allah Tuhan sekalian alam. Ujian yang datang membuatkan kita lagi dekat dengan Allah. *When the going gets tough, the tough get going, never give up!*

“La yukallifullahu nafsan illa wus’aha” yang bermaksud “Allah tidak akan membebankan seseorang hamba itu melainkan dengan apa yang terdaya olehnya” (Quran Surah Al-Baqarah, ayat 286). Benar, kita rasa penat, sempit, rasa susah dan lain-lain, tetapi yakinlah bahawa apa yang kita hadapi sekarang ini pasti kita mampu harungi, sebab Allah telah berjanji bahawa Dia tidak akan beri kita sesuatu yang kita tak mampu tanggung. Oleh itu, usahalah dengan sebaiknya, banyakkkan berdoa, dan teruskan bersabar kerana sesungguhnya Allah bersama-sama orang yang sabar, “Innallaha ma’assobirin”,(Quran Surah Al-Baqarah, ayat 153).

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian alam, segala rahmat dan inayah daripada-Nya yang memudahkan perjalanan dan urusan pengembaraan PhD ini menjadi mudah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW keluarga baginda, para sahabat dan juga para pejuang agama-Nya. Pengalaman yang ditempuh sepanjang meneroka dunia penyelidikan ini memberi peluang kepada saya untuk mengutip mutiara-mutiara ilmu dan hikmah yang melaut luasnya.

Anugerah PhD ilah anugerah yang terindah dalam hidup saya, mudah-mudahan dengan anugerah ini mampu mendidik diri saya menjadi manusia yang lebih baik dunia dan akhirat. Anugerah ini merupakan amanah Allah yang sangat besar untuk saya pikul demi agama, bangsa dan negara tercinta. Semoga segala perkara yang dilakukan akan dicatatkan ganjaran pahala di sisi Allah dan semoga kita semua dimasukkan ke dalam golongan hamba-hamba-Nya yang bertakwa.

Tanggal Jun 2011, kawan saya Dr. Saidah Haris mempelawa saya untuk sama-sama mengisi borang bagi melanjutkan pelajaran pada peringkat PhD. Saya agak keberatan pada mulanya memandangkan saya masih baru lagi bertugas sebagai pensyarah di IPG. Namun Dr. Saidah meyakinkan saya supaya mencuba nasib dan menimba pengalaman baharu. Saya meminta izin daripada suami untuk menyambung pelajaran pada peringkat PhD dan beliau sangat menyokong permintaan saya. Selepas itu saya mencuba nasib dan mula membuat persediaan proposal, mengemas kini dokumen dan membuat bacaan yang berkaitan dengan tajuk kajian saya. Teringat lagi kenangan manis bersama Dr. Saidah Haris bertungkus lumus menyediakan segala keperluan dan membuat persediaan untuk memohon bisiswa cuti belajar, semua itu masih terpahat dalam kenangan yang tidak mungkin saya lupakan dan masih segar dalam ingatan sebagai memori indah semasa di Perlis.

Setelah selesai menyediakan dokumen untuk memohon bisiswa, kami telah menghantar ke Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada September 2011, saya dan Dr. Saidah telah dipanggil untuk temu duga di Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya rasa sangat teruja dengan temu duga tersebut, namun saya masih tidak yakin dengan persediaan yang dibuat memandangkan proposal yang saya hasilkan masih belum mantap. Selang tiga bulan dari tempoh kami dipanggil temu duga, keputusan untuk biasiswa PhD diumumkan dan saya gagal untuk mendapat biasiswa tersebut. Namun Dr. Saidah telah berjaya dalam temu duga tersebut dan beliau menasihatkan saya supaya mencuba lagi pada tahun hadapan.

Pada Jun 2012, saya mencuba nasib sekali lagi dan kali ini saya bersendirian mengisi borang permohonan kerana rakan-rakan satu jabatan semuanya masih belum berminat untuk meneruskan pengajian. Saya cekalkan hati menyediakan dokumen untuk memohon biasiswa PhD walaupun terpaksa menghadapinya seorang diri. Sekali lagi saya dipanggil untuk temu duga, suami setia mengiringi perjuangan saya dan sentiasa memastikan keperluan dan persediaan temu duga saya berjalan lancar. Saya tidak menaruh sebarang harapan pada temu duga kali kedua.

Sekali lagi, saya membuka laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia dan mendapati saya diterima untuk melanjutkan pelajaran dengan tawaran cuti bergaji penuh dengan biasiswa selama tiga tahun. Saya sekali lagi berasa sangat terkejut dengan anugerah Allah yang sangat bernilai buat kami sekeluarga. Ini kerana suami saya telah berpindah kerja di off shore Terengganu menyebabkan beliau sentiasa berulang-alik dari Terengganu ke Perlis setiap dua minggu. Apabila saya ditawarkan cuti belajar, saya bercadang untuk pindah ke Terengganu dan menetap di sana. Pada mulanya saya bercadang untuk menyambung PhD di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi memandangkan saya telah pun mendaftar pada tahun 2010 dan telah membuat persiapan untuk belajar di sana.

Saya mengambil peluang untuk mengintai-intai belajar di UniSZA dan saya bertemu dengan kawan lama semasa di Kusza dan Al-Azhar dulu iaitu Dr.Norsalimah binti Mansor. Beliau memaklumkan pada saya beliau sangat mengagumi dengan keperibadian dan ketelitian seorang pensyarah UniSZA yang sangat fokus dalam penyelidikan. Saya membuat janji temu dengan beliau untuk membentangkan proposal saya dan berhajat untuk menyambung pengajian PhD dengan beliau. Individu yang saya maksudkan ialah Prof Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh yang sudi membimbing saya meneruskan perjuangan PhD saya. Saya membentangkan proposal semasa perjumpaan dengan Prof. Dr. Kamarul Shukri, proposal saya ditolak dan beliau menyarankan agar saya meneliti tajuk-tajuk lain yang lebih memberi impak kepada masyarakat. Saya beranggapan inilah ujian PhD saya yang pertama iaitu “tajuk kajian PhD yang kurang sesuai”. Prof Dr. Kamarul Shukri menasihati saya untuk membuat pembacaan dan memberi masa kepada saya untuk berfikir. Selama sebulan saya membaca pelbagai jurnal, artikel dan buku-buku, akhirnya saya bercadang untuk menjalankan kajian berkaitan gaya pembelajaran. Saya menyiapkan proposal dan menyerahkan pada Prof Dr. Kamarul dan akhirnya beliau bersetuju dengan proposal kajian yang dibentangkan. Bermulalah secara rasmi saya bergelar pelajar PHD di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu pada tanggal April 2013. Kami berpindah dari Perlis ke Kuala Terengganu dan menetap di Seberang Takir. Sejak itu, suami tidak lagi perlu berulang-alik dari Kuala Terengganu ke Perlis untuk balik menjeguk kami sekeluarga.

Saya sangat bersyukur kerana mendapat anugerah sekali lagi, iaitu Allah memberi anugerah penyelia yang sangat membantu, memahami pelajar dan sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam penyeliaan tesis PhD saya. Prof Dr. Kamarul Shukri sangat menekankan sikap rajin, disiplin dan proaktif. Setelah proposal baru saya diterima, saya mula membuat pembacaan dan rujukan berkaitan dengan tajuk gaya pembelajaran. Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bab satu, dua dan tiga saya siap dan dapat membuat pembentangan secepat mungkin. Saya berjaya membentangkan proposal pada peringkat jabatan dengan sedikit penambahbaikan. Selepas pembentangan proposal, saya menyiapkan instrumen soal selidik untuk diedarkan kepada responden yang terlibat dalam kajian saya.

Penulisan bab empat merupakan cabaran baharu bagi saya, ini kerana saya masih belum mahir menganalisis data dan membuat penulisan untuk statistik deskriptif dan inferensi. Saya mula belajar untuk menganalisis data dan mengikuti pelbagai kelas untuk menganalisis data. Selesai menganalisis data untuk bab empat, saya menyerahkan dapatan saya kepada Prof Dr. Kamarul Shukri. Setelah beliau membaca penulisan bab empat, saya dipanggil untuk membuat pembetulan. Kenangan yang tak dapat dilupakan, sesi konsultasi untuk bab empat berjalan selama dua jam dan terlalu banyak perkara yang memerlukan pembetulan berkaitan dapatan kajian. Saya membuat pembetulan dan menghantar semula kepada Prof Dr. Kamarul. Semasa konsultasi kedua, saya menangis di depan Prof Dr. Kamarul apabila berasa sangat tertekan dengan proses yang terlalu lama untuk menyiapkan bab empat. Saya mula rasa bosan dengan pengajian PhD dan berasa ingin berhenti belajar.

Akhirnya segala masalah semasa pengembaraan PhD berjaya diatasi dengan jayanya apabila saya berjaya menyelesaikan semua penulisan bab empat dan lima, membuat pembentangan dan berjaya viva dengan minor correction. Anugerah yang terindah sekali lagi saya kecapai iaitu saya berjaya memperoleh Anugerah GOT (Graduation OnTime) UniSZA setelah berjaya menamatkan pembelajaran dalam tempoh tiga tahun setengah (tujuh semester). Saya merasa sangat bertuah kerana dapat menghadiri majlis konvokesyen pada September 2016. Allah telah memudahkan pengembaraan PhD saya setelah diuji dengan pelbagai dugaan dan cabaran.

Penghargaan khusus saya lakarkan buat suami tercinta, Abdul Hakim bin Abdul Majid yang sentiasa memahami dan berkorban sepanjang penyelidikan PHD ini disiapkan serta anak-anak tersayang Anis Fariyah, Anas Farihin, Anis Sofea, Afiq Shauqi dan Abdul Azim yang menjadi sumber inspirasi. Tidak dilupakan sekalung penghargaan buat almarhum ayahanda Hj. Aziz bin Yaacob dan bonda Hjh. Wan Lijah binti Wan Omar yang telah banyak berkorban ketika mendidik dan membesarkan saya, serta tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya, serta almarhum bapa mertua Hj. Abdul Majid bin Yaacob dan ibu mertua yang dikasihi Hjh. Che Maimunah binti Abdul Kadir, adik-beradik serta semua ahli keluarga yang lain. Semoga Allah merahmati kalian semua atas doa yang mengiringi perjalanan penyelidikan saya.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia yang dikagumi Prof Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh kerana memberi peluang untuk saya menimba ilmu sepanjang pengembaraan PHD. Terima kasih tak terhingga kepada pihak UniSZA dan Institut Pendidikan Guru Malaysia kerana memberi peluang untuk saya menyambung pelajaran ke peringkat PHD. Tidak lupa juga kepada pihak perpustakaan al-Mukhtar yang banyak membantu bagi mendapatkan bahan-bahan rujukan kajian. Ucapan terima kasih kepada para pensyarah bahasa Arab daripada Jabatan Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis kerana terlibat secara langsung dalam proses memungut data kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada sahabat-sahabat yang tidak lokek memberi sumbangan idea dan buah fikiran.

Akhir sekali, setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang terlibat dengan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung kerana tanpa bantuan dan kerjasama daripada semua pihak, pengembaraan PhD ini tidak mungkin dapat direalisasikan. Saranan saya kepada semua pencinta ilmu, hargailah setiap peluang yang Allah anugerahkan kepada kita, cekalkan hati dalam melakukan segala pekerjaan, sentiasa bersabar dalam menghadapi setiap ujian yang Allah datangkan kepada kita, nescaya akan ada sinar kebahagiaan pada noktah yang terakhir.

My PhD journey started in September 2011 when my three friends and I decided to join the PhD programme at MARA University of Technology (UiTM). We chose UiTM because we wanted to do PhD in education and UMT and UNISZA didn't offer that programme at that time. Since we were ex-students of UiTM (M.ED TESL), so we chose to do it there. We decided to do it together at the same university so that we would not be doing it alone and at least have friends to commute to the university from Terengganu where we live and work. Even though we started at the same time, each one of us finished at different time. Like others who embarked on their PhD journey, each of us faced different experiences and challenges along the way.

The first challenge that I faced was doing my study as a part-time student. When I started my journey, I was 43 years old and when I finally completed my PhD I was 51. It took me almost eight years to complete it. Being a part-time student was not easy as I had to juggle between work and study. Studying didn't give us any privilege when it came to work especially when our department was understaffed. Compared to other departments in this IPG, our department had the least lecturers, and we had the most classes, which means we also had more hours to teach. On top of that, I was also not excluded from the administrative work assigned by the IPG. I had to prioritise my work before I could sit down and concentrate on my study. Most of the time, I did not have much time to look at it during office hours. So, as a part-time student it was very important for me to manage my time well. I had no choice but to do my PhD work either at night or during weekends and long breaks. The time to work at night was very limited as I could not stay up late lest I would be sleepy the next day. Thus, long breaks were very much waited for. However, that also meant that I could not join a lot of my family and friends' activities during weekends and holidays. There were times when I felt like giving up because I felt so tired and stressed out. With encouragement from friends and thinking of how much money I had spent, and my dream, I toughened myself. Sometimes, I couldn't do my work for months and I lost my momentum when I wanted to start over.

The second challenge was travelling. As I chose to study at UiTM, I had to travel from Kuala Terengganu to UiTM every time I wanted to see my supervisor. At the beginning, the campus for post-graduate education students was in Section 17 Shah Alam, then the faculty was moved to Puncak Alam campus. When I started my study, I always went to Shah Alam with my other three friends, especially when UiTM organised some events for the post-graduate students. We spent so much on buying flight tickets and staying at budget hotels. Sometimes the four of us would be cramped together in one hotel room to minimise our spending. Driving was too tiring for us due to the long distance, plus we were not used to driving through such heavy traffic and along unfamiliar routes. At some other times we went to the library to find our resources. As we were traveling and staying at hotels, we had to carry our trolley bags all the way to seminar rooms or to the library. It must be kind of weird when the undergraduate students saw some 'makcik' with their trolley bags going to the library or moving around in the campus. Besides going to UiTM, sometimes I also went to other universities such as IIUM, UPM and UKM to read some thesis in the area of my study. I also attended some courses to equip myself with the necessary skills and knowledge to help me with my study.

As the weekends for the East Coast and West Coast are not the same, we usually went to see our supervisors on Friday. That was the only day we could see them without taking leave from work. At the beginning, we were allowed to take 30-day unrecorded leave a year to go for courses or even to see our supervisors during workday. However, later we were not allowed to use our unrecorded leave to see our supervisors anymore. So, we had no choice but to set our appointments only on Friday or, if not we had to use up our 7-day yearly leave (Cuti Rehat Khas). I wished that we could use the unrecorded leave as we really needed it as part-time students who were not free to go and see our supervisors any time we wanted because we had to work.

Family and friends' support were very important along the journey. I was lucky and thankful that my husband and two girls were very supportive. Without their support I would not finish my PhD. When I had to meet my supervisor without my friends, I had to ask my husband to drive me to Shah Alam or Puncak Alam. My husband sacrificed his time, money and energy for me so that I could finish my study. My two daughters were also very understanding and supportive. Friends – some were supportive and were willing to help ease my work, but some were not quite understanding.

Sometimes, when I tried to find some free time to do my work, some of them really annoyed me when they kept bothering me with some trivial matters as if there was nobody else they could disturb. I could just find some place quiet to do my work, but it would mean carrying all my stuff with me. Some were quite understanding and didn't bother me when they saw that I was concentrating on my work.

I believe the most important factor in completing a PhD is a supervisor. Without supervisor's guidance and approval, we cannot proceed with our study, except maybe only for some exceptional people in some exceptional cases. But most of us needed our supervisors to guide us. Some people are lucky to have a very supportive and cooperative supervisor or supervisors. For others, supervisors really give them nightmares. Some are lucky that they can choose the supervisors they want. My friends and I didn't have that privilege. We were assigned to our supervisors by the university and we just accepted because we didn't know any of them for us to choose. I was given two lady lecturers as my supervisors, one as my main and the other as co-supervisor. My main supervisor was a Malay while my co-supervisor was a Punjabi. To me, my biggest PhD challenge was my supervisor.

After registering for our course, the first thing that we were required to do was to complete our research methodology courses. We had a module to complete, which meant that we had to attend a series of lectures at the venues planned by the university. I found that the courses were really helpful as it helped to clarify what kind of methodology I would choose. I had the course before when I did my masters, but it wasn't enough. I thought I would only meet my supervisor after I finished the course so I would be clearer with what I wanted to do. However, a month after registering, I received a warning letter from my main supervisor, warning me to meet her. I was shocked. None of my friends had met their supervisors either but they didn't get any warning letter from their respective lecturers. Since I got the warning letter, all the four of us decided it was time for us to meet our respective supervisors. I set up my appointment to see my supervisor.

The first meeting with my main supervisor was not very pleasant. She was a little bit younger than me. As an adult student I found that she was quite harsh with her students. When I went to see her, she was consulting a male student a few years older than me. She asked me to be in her room while she consulted that student. I was surprised to see and hear how he was scolded

like an undergraduate student. I was scared. When it was my turn, I explained why I didn't see her earlier and I was scolded too. I thought it was ok because it was partly my fault. So, we discussed my study a little bit and decided how she was going to supervise me. I asked whether I was supposed to see my co-supervisor too, but she didn't see any need for it and she felt that it was not necessary. So, I didn't meet my co-supervisor as she seemed to be unhappy about sharing the supervision.

At the beginning of my study my supervisor invited me and another student of hers to go to York, in the United Kingdom with her as she was taking her sabbatical leave. She planned to introduce us to a lecturer at York University who would be a potential external examiner for our studies. So, my new friend and I agreed to go there and spent our own money on flight tickets and expenses. We went there for 12 days. We spent the first few days visiting the city, her friend's house and the university. I had the opportunity to meet the aforementioned lecturer and his wife, together with a few PhD students from the Arab and African countries. I also had the opportunity to join a seminar held at the university. We didn't discuss our studies until a few days before we were going home. She gave me some suggestions on what I should be doing to start off my study. I observed that she was very moody and hot-tempered.

Once we started seeing our supervisors, my friends and I were going our separate ways because we couldn't get to see our supervisors at the same time and place. Sometimes we were lucky to go together but at other time, we were on our own. When I had to see my supervisor alone, I had to ask my husband to drive me to UiTM because it would be difficult for me to go there alone. I made sure every time I went to see my supervisor, I would spend some time at the library. My husband was very supportive and patient. I would usually leave for Shah Alam on Thursday afternoon after work and put up the night at a hotel before meeting my supervisor the next day. It was quite disappointing sometimes when you think about the hours you spent travelling from Terengganu to Shah Alam and you could only see your supervisor for only 30 minutes, one hour the most. There was a time when I already told her that I planned to see her but when I arrived, she said that she was going to school (it was Friday, and almost afternoon) and asked me to see the co-supervisor instead. So, I went to see the co-supervisor who was actually the post-graduate coordinator. She was quite upset when I told her what happened because she was not told earlier about the meeting and she had another appointment with her other students. Just imagine how disappointed I was, going all the way just not being able to discuss my study.

For two years my study went nowhere. I was clear what I wanted to do in my study, but I wasn't sure how to go about it. My supervisor didn't seem to understand what I wanted to do and gave me a lot of suggestions that made me very confused. She had many ideas, but they were not what I wanted to do. However, since she was my supervisor, I just listened and followed what she wanted me to do. She was very enthusiastic sometimes and when she was, she spoke very fast and I couldn't catch up. Sometimes, I had to interrupt because I didn't understand or couldn't catch up with her but I would be scolded harshly for interrupting. It made me feel like a small kid. Later I decided to record everything that she said and waited until she finished to ask her questions. Finally, she gave me a suggestion on how to do my research and I was to go for my defense of research proposal (DRP). By then I already had three different methodologies suggested by her. Before I went for my DRP, I presented my proposal at a PROSPEN seminar. Everyone on the panel said that it was not the right methodology and later I told my supervisor. But she asked me to continue. So, I proceeded with my DRP and I got similar feedback from the panel. She was not present during my defense and she didn't even manage to inform me. So, I had to redo my DRP.



After my DRP, I went to see her again to discuss what I would do according to what was suggested by the panel of DRP. Before I could explain much, she started scolding me and we met for only about half an hour in her new office (she was promoted). Before I could see her, I had to wait for 1 hour for her to finish her meeting. Feeling so frustrated, I wrote an email to my co-supervisor. She then suggested that I asked for a new main supervisor. In order for that to happen, I had to fill in a form and ask that supervisor to sign it. It was a very big decision. Only Allah knows how difficult it was and how scared I was to face her and asked her to sign the form. Luckily, she was in a good mood. She was unwilling to let me go at first and asked me to reconsider, asking me for reasons why I didn't want to work with her anymore. What could I say? I just told her that I didn't think I could work well with her.

Then, I was assigned a new supervisor, a very gentle and soft-spoken Chinese lady. It took some time for me to get a new supervisor because it had to be decided and approved in a meeting before the letter was sent to me. Right after I got my new supervisor, I went to see her. My main supervisor always made sure that we met together with my co-supervisor. Actually, my co-supervisor was the expert in methodology. Only after one meeting with them, I knew and understood exactly what I had to do. Then, I was ready for my second DRP and I passed it. My research began right away. I started collecting my data and did my analysis during the long breaks. My supervisor was very meticulous. I was very pleased to work with her. However, in the middle of my data analysis, she had to opt for early retirement due to her knee problem. My co-supervisor also retired, and she was already working as a contract lecturer for a few years.

Then I had to get a new supervisor again and I had to wait for the letter before I could see my new supervisor. This time, I was assigned a Math lecturer as my supervisor, a petite Chinese lady. She was also a nice lady and she was good at analysis, especially when it came to numbers. Actually, I was her first and only PhD student as not many Math students pursue their PhD. I had no problem with that because by that time my PhD was almost complete. With the help of my third and last supervisor, I finally completed my PhD. Maybe my journey was not as arduous as others' but it feels good to share the experiences.

I am glad that despite all the hurdles that I faced along my journey, I managed to finish it, even though it took me 7 1/2 years. The journey has taught me patience, tolerance and perseverance in the face of challenges, and it has made me a stronger person. I hope that the knowledge and experience that I gained throughout this journey will make me a better academician and a better supervisor to my students. I also hope that I can share my knowledge and expertise with those who have just started their PhD journey.

Beberapa persoalan timbul sebelum aku memulakan pengajian pada peringkat PhD. Antara yang menyentuh hati ialah persoalan 'Nak buat apa kalau ada PhD, bukan naik gaji pun? Pada masa itu terlintas juga dua pesanan arwah ayahandaku sewaktu beliau menghantar aku ke salah sebuah sekolah berasrama penuh pada tahun 1985 supaya suatu hari nanti aku terus belajar hingga ke peringkat tertinggi. Pesanan itu tidak pernah aku lupa sehingga ke hari ini dan menjadi pencetus semangat untuk terus belajar.

Setelah tamat pengajian pada peringkat Ijazah Pertama, aku telah bercita-cita untuk meneruskan pengajian sehingga peringkat PhD suatu hari nanti bagi memenuhi cita-cita dan amanah arwah ayah bondaku. Semenjak tahun 2008 hingga 2010 aku telah mula memohon HLP bagi melanjutkan pengajian pada peringkat PhD secara sepenuh masa. Namun begitu, aku tidak berjaya setiap kali permohonan dibuat. Adakalanya aku berasa sangat kecewa, namun redha dengan ketentuan Ilahi. Semangat untuk meneruskan pengajian tetap diteruskan dan pada tahun 2011 aku telah ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di bawah Program Persarjanaan Pensyarah IPG secara separuh masa. Program ini sedikit sebanyak memudahkan aku untuk mencapai cita-cita menggenggam segulung Ijazah Kedoktoran suatu masa nanti kerana pihak KPM akan menanggung sepenuhnya yuran pengajian selama 5 tahun. Namun aku perlu akur untuk membahagikan masa antara kerja dan PhD kerana belajar juga memerlukan komitmen yang sangat tinggi. Pada awal tahun 2012, bermulalah episod hidupku sebagai seorang mahasiswa yang mengikuti pengajian secara separuh masa di UKM dalam bidang yang ditawarkan oleh pihak KPM. Aku beberapa kali memikirkan, adakah aku telah membuat keputusan yang tepat untuk belajar secara separuh masa di universiti yang terletak jauh dari tempat kerja dan bolehkah aku menamatkan pengajian di peringkat ini? Semua persoalan itu lenyap sebaik sahaja mengingat semula amanah arwah ayah bondaku dan cita-citaku selama ini.

Pada permulaan pengajian, aku telah diuji dengan ujian yang cukup getir apabila kesihatan bondaku semakin merosot. Aku hampir tidak dapat memberi komitmen yang sepenuhnya antara PhD, kerja dan keluarga. Walaupun begitu, aku tetap membaca jurnal penyelidikan, mencari idea dan datang ke UKM untuk berjumpa penyelia. Apabila berjumpa dengan penyelia, beliau minta aku menyiapkan proposal kajian dengan segera. Aku telah beberapa kali menghantar draf proposal kajian, namun semuanya tidak diterima oleh penyelia kerana kajian berkenaan tidak terkini. Dari situ timbul perasaan, baik aku berhenti sahaja dari meneruskan pengajian PhD ini dan menjaga bondaku yang sakit. Apalah sangat jika ada PhD, semuanya berlegar difikiranku ketika itu.

Pada tahun 2013, aku diberi peluang untuk menerima pemangkuan PC 52 dan mulai saat itu aku mulai sedar bahawa perancangan Allah sangat hebat berbanding perancangan manusia. Allah menghendaki aku mendapat kenaikan gred pada umur yang lebih muda berbanding kawan-kawanku yang sama posting. Ini antara sebab kenapa setiap kali permohonanku untuk melanjutkan pengajian pada peringkat PhD secara sepenuh masa sentiasa gagal. Aku juga terfikir mungkin ini keberkatan pengorbanan seorang anak dan doa seorang ibu yang tidak pernah putus untuk melihat kejayaan anakandanya. Pada masa itu, kesihatan bondaku semakin merosot dan bondaku sempat meninggalkan pesanan kepadaku untuk terus belajar sampai habis, walaupun apa yang belaku. Bondaku telah pergi buat selama-lamanya pada hujung tahun 2014 dan tidak

sempat melihat kejayaanku menamatkan pengajian pada peringkat PhD. Perasaan aku amat sedih kerana pada masa itu tiada lagi doa seorang bonda yang penuh keberkatan semasa aku meneruskan pengajian ini. Dengan pesanan arwah bonda, aku mengutip kembali semangat untuk terus belajar dan berulang-alik ke UKM untuk berjumpa penyelia dan menghadiri Seminar Siswazah. Setiap kali aku menghadiri Seminar Siswazah, semangat dalam diriku semakin kuat untuk menghabiskan kembara PhD ini kerana aku sentiasa bertemu dengan rakan-rakan yang sama dalam kumpulan penyeliaku. Apabila pulang sahaja dari Seminar Siswazah, aku terus memberi fokus untuk menyiapkan proposal penyelidikan PhD dan akhirnya pada September 2015 aku lulus pembentangan proposal kajian berkenaan. Mulai saat itu aku berjanji akan memberi tumpuan penuh terhadap PhD dan penyelia sentiasa memberi suntikan semangat kepadaku meneruskan pengajian ini.

Walaupun telah lulus peringkat proposal dengan penambahbaikan, aku juga mengalami satu pengalaman yang amat mengerunkan dalam kembara PhD ini, iaitu sewaktu berjumpa dengan pemeriksa dalam (internal examiner) bagi mendapatkan semula proposal untuk dibetulkan. Ketika itulah aku berasakan betapa besarnya cabaran yang aku hadapi ini. Hatiku merasa tenang sedikit kerana selepas ini aku boleh memulakan kajian dan membuat pembetulan serta penambahbaikan terhadap kajianku. Namun begitu, sekali lagi aku menerima tamparan yang cukup hebat apabila pemeriksa dalam membelek sehelai demi sehelai proposalku dan memberi pelbagai komen dan antara yang masih aku ingat dialog yang diucapkan oleh beliau “Awak tahu tak, proposal ini tidak layak untuk penyelidikan pada peringkat PhD, kajian tidak sesuai, persoalan kajian tidak menepati objektif kajian, apa yang awak nak buat sebenarnya” dan bermacam-macam lagi komen yang diberikan oleh beliau. Apa yang menyedihkan lagi, proposal ini dikatakan layak diletakkan dalam bangkul sampah sahaja. Sekali lagi semangatku untuk meneruskan pengajian semakin menurun setelah keluar dari bilik beliau. Kuatnya ujian-Mu ya Allah ketika itu, bagi aku yang belajar secara separuh masa ini. Perasaan yang kecewa ini aku bawa balik ke rumah dan tidak memaklumkan kepada sesiapa melainkan isteriku ketika itu. Dorongan kuat isteri yang memahami cita-citaku ketika itu menyebabkan aku masih meneruskan pengajian. Aku seterusnya bercerita pengalaman yang pedih ini kepada penyelia dan mujurlah penyeliaku berjanji akan menukarkan pemeriksa dalam peringkat seterusnya nanti. Alhamdulillah penyeliaku percaya aku mampu membuktikan kajian yang dibuat ini dapat memberi impak yang cukup besar kepadaku dan sempat memberi beberapa tips semasa belajar separuh masa. Antaranya jangan banyak berbicara tentang apa yang kita buat semasa belajar dengan mereka yang selalu negatif terhadap orang yang sambung belajar. Katanya lagi, bukan semua orang setuju dengan kita dan jangan pegang jawatan-jawatan penting dalam pengurusan kerana masa kita amat terhad. “Setelah tamat nanti baharulah kita terima apa sahaja jawatan yang diberi”. Oleh itu, aku memohon kepada pihak pengurusan untuk tidak lagi memegang jawatan SU MPPP yang aku pegang semenjak Jun 2011 kerana ingin menumpukan kepada pengajianku pada peringkat PhD dan sekiranya aku gagal menamatkan pengajian, aku akan dikenakan bayaran denda sebanyak RM40.

Penyelidikan yang aku laksanakan ialah penyelidikan berbentuk DDR (Design, Development Research) dan memerlukan aku mereka bentuk sesuatu bahan yang sesuai untuk digunakan dalam pendidikan semasa. Maka aku sentiasa mencari ruang dan peluang untuk berbincang dengan rakan sewaktu menghadiri seminar, meneliti projek DDR yang dilaksanakan oleh pelajar sebelum ini dan mencari rakan-rakan di universiti lain untuk membantu aku menyiapkan fasal pembangunan bahan berkenaan. Akhirnya bahan yang dibangunkan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2016 dan melalui beberapa proses penambahbaikan dari semasa ke semasa. Aku kemudiannya membentangkan kepada penyelia tentang bahan yang dihasilkan dan nampaknya penyelia sangat berpuas hati. Beliau mencadangkan kepada aku supaya mula

menyertai pertandingan inovasi bagi bahan yang dihasilkan. Pertama kali aku menyertai inovasi ialah pada Hari Inovasi Fakulti Pendidikan 2016 dan Alhamdulillah projekku mendapat pingat emas bagi Pertandingan Anugerah Inovasi Penyelidikan (Kategori Pelajar) pada ketika itu. penyeliaku cukup gembira kerana aku telah membuktikan bahawa kita boleh berjaya sekiranya rajin dan terus berusaha. Semenjak dari itu aku telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta berjaya memenangi 6 pingat emas dan satu pingat perak.

Apa yang tidak dapat dilupakan pada tahun 2017, aku telah dianugerahkan sebagai Pensyarah Inovatif IPGM sempena perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Terengganu Ke-46 dan memenangi Pingat Emas di International University Carnival On E-Learning 2017. Pernah juga belaku sewaktu menyertai Pertandingan Inovasi, isteriku bersalin tanpa kehadiranku, namun isteriku redha dengan ketentuan-Nya.

Dalam bidang penulisan sebanyak empat kertas kerja telah diterbitkan di dalam jurnal dan 11 dalam prosiding. Aku juga pernah memenangi 'best paper award' dan kertas kerjaku telah dipilih untuk diterbitkan dalam Jurnal. Dalam aspek pembentangan kertas kerja dalam seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa aku telah berjaya membentang sebanyak 11 kali. Pengalaman yang paling manis ialah apabila mewakili Fakulti Pendidikan untuk membentangkan kertas kerja dalam seminar antarabangsa bagi pelajar pascasiswazah pada tahun 2017. Bak kata orang kalau tak pecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Itulah pengorbanan yang aku lalui semasa pengajian walaupun sokongan sesetengah pihak terhadapku untuk menamatkan pengajian ketika itu sangat mengecewakan.

Masih kuat dalam ingatanku kata-kata "itu kerja PhD dia tiada kaitan dengan IPG". Kata-kata itu tidak mampu mematahkan semangat aku untuk menamatkan pengajian pada peringkat PhD. Mulai saat itu aku tidak menoleh ke belakang lagi dan tidak menghiraukan apa yang diucapkan oleh orang kepadaku tentang usahaku untuk menamatkan pengajian pada peringkat ini. Setiap hari aku melihat satu kertas yang aku tampal di atas meja yang bertajuk Resepi Kejayaan. Semangat aku terus kuat untuk meneruskan pengajian ini. Ada 6 perkara yang aku catat dalam Resepi Kejayaan iaitu disiplin, pengurusan masa, usaha, fokus, komitmen dan doa. Kesemua perkara ini telah sehati dalam jiwaku ketika itu dan aku mampu pulang ke rumah pada jam 6.30 petang setiap hari semata-mata untuk menyiapkan penulisan tesis ketika itu.

Akhirnya setelah selesai pemantapan, aku terus menulis dan menulis sehinggakan aku mampu menyerahkan tesis untuk pemeriksaan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh fakulti. Dua minggu sebelum hari raya, aku dimaklumkan bahawa aku dikehendaki viva pada hari Jumaat seminggu sebelum hari raya. Pada saat itu hanya kepada-Mu Allah kupanjatkan doa semoga berjaya dengan cemerlang dalam viva nanati.

Akhirnya pada hari viva berkenaan, segalanya berjalan lancar dan berpeluh juga untuk menjawab soalan yang dikemukakan semasa viva terutamanya daripada external examiner. Selepas sesi soal jawab selama 30 minit, aku diminta menunggu di luar bilik viva dengan hati yang berdebar-debar untuk menerima keputusan viva nanti. Selepas 20 minit, aku diminta semula untuk masuk ke Bilik Viva dan keputusan dibaca oleh pengerusi viva iaitu Tahniah Dr, anda berjaya dan lulus dalam ujian lisan ini (viva) dengan pembetulan minor iaitu 3 bulan sahaja. Penyeliaku juga mengucapkan tahniah kepadaku ketika itu. Aku sangat terharu dan hampir sebak ketika itu dan tiada yang dapatku ucapkan ketika itu hanyalah kesyukuran tidak terhingga kepadaMu Ya Allah. Terima kasih kepada semua pihak termasuk penyelia, isteri dan keluarga yang selama ini banyak mendoakan kejayaan ini.

Walaupun telah selesai viva, aku tidak boleh terus meraikan sepenuh kejayaan ini lagi kerana masih belum selesai binding hardcover dan menyerahkan tesis kepada pihak fakulti dalam tempoh yang ditetapkan. Selepas hari raya aku terus gagahkan diri untuk membetulkan segala cadangan yang diberikan oleh kedua-dua pemeriksa tesis dan segera menghantarnya kepada pihak fakulti. Alhamdulillah, akhirnya tesis itu diterima dan diminta dibetulkan sedikit lagi format tesis supaya mematuhi Gaya UKM.

Setelah selesai menyerahkan tesis kepada penyelia dan pihak fakulti, hati aku lebih rasa tenang kerana segala-galanya sudah hampir selesai. Pada 17 Oktober 2018, penyeliaku menghantar whatsapp kepadaku dan mengucapkan tahniah kerana lulus dalam Mesyuarat Senat dan layak dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Sumber & Teknologi Maklumat) pada Konvokesyen UKM Ke-46. Akhirnya pada tanggal 10 November 2018, merupakan hari yang cukup bersejarah kepadaku kerana hari ini aku berada di Pentas Konvokesyen UKM Ke-46 pada umur 46 dan kebetulan tarikh lahirku juga adalah 46.

Syukur kepada-Mu atas kurniaan ini dan masih banyak ilmu yang perlu kuterokai dan terima kasih kepada SV, isteri dan anak-anak yang sangat memahami cita-cita ini, keluarga dan rakan-rakan seperjuangan. Aku bersyukur kerana hasrat dan amanah yang aku galas selama ini dapat dilaksanakan dengan jayanya walaupun aku sedar kedua ibu bapakku tidak sempat melihatnya. Segala tanggungjawabku terhadap amanah ini telah kulaksanakan dan aku sangat memahami semakin tinggi aku terbang semakin kuatnya angin yang akan aku hadapi.

Each of us has different stories to tell when it comes to our PhD journey. Different strokes for different folks. Holding a PhD scroll is never incidental. Well at least not in my case. It was a decision made almost half a decade prior to me embarking on the journey. It was decision for reasons no other than the pure joy of learning. Grace to the Almighty for granting me this zest throughout the seven long years. May this last a lifetime, as there are more things I wish to learn.

### **Sacrifice**

Pursuing a PhD degree entails sacrifices in every imaginable aspects of one's life. What more if you do it part time like me and my comrades in the English department at IPG Kampus Dato' Razali Ismail. One's freedom is striped in a blink of an eye. Casual stroll along the pristine beaches in Terengganu, island hopping, shopping, chitchatting, watching movies, lazing around on weekends are luxuries one reluctantly traded in for a PhD. I used to spend time watching prime time news and movies. Nevertheless, since then, nighttime was too precious to be wasted on movies. Weekends meant longer hours for study, too sacred to be wasted on couch or pasar minggu. I took no vacations during those years. Taking a break simply means going back to kampong visiting parents once a month or attending courses or job-related workshops. That was all. Yes, life was dull but that was the price I had to pay. How I envy people who were granted full scholarship. They could focus better on their studies. They could spend long hours at libraries. They could attend numerous workshops without having to juggle between work and studies. How I envy them.

### **Accountability**

The PhD journey taught me to take charge of life. I remembered that at the earlier stage of my study, I decided to do employ SPSS for my data analysis as I had used it before during my masters degree. Somehow, as I joined workshops on Structural Equation Model (SEM) I was convinced that I should use a more sophisticated up-to-date statistical tool to analyse data. Well, half way through it I was stuck. I felt so hopeless as I needed to learn more, but I didn't have the time. I started to doubt my decision opting for SEM. I must have been out of my mind as I called my supervisor and spilled my heart out to her. I expressed my worries. My supervisor patiently listened to me and at the end of it, she wrapped it up by saying, "It is up to you to proceed with SEM or revert to SPSS. I am fine with whatever you decide". It struck me later that it was my study. I would chart the course of my dissertation. Me and me. Since then, there was no more turning back. Whenever I had problem with SEM, I knew where to seek help. I am forever indebted to my supervisor. She always listened and guided but never dictated things. Her style of supervision fitted me well. Alhamdulillah.

### **Networking**

One should build a network of friends while studying. I started the journey together with three more department mates as mentioned earlier. Gradually, as we attended workshops, seminar and presentations, we made acquaintances with other PhD students from other universities. Not only that, we have also established professional contacts with academicians in various disciplines. These are important, as one would certainly need to communicate issues and worries about the study from time to time. Sometimes we met up at cafes and warungs to

clarify doubts, to get opinions and advice. Shying away from the academic community not only doesn't help one solve problems well, it could worsen the situation as one might take a wrong decision and put his or her studies at risk. Hence, make friends. Trust me, they can help you academically as well as morally as they understand you better. Remember, "No man is an island".

### **Perks**

I have had people asking me, "What will you get after obtaining your PhD? An increment in pay? A promotion? Sorry to disappoint them all, none of these was promised to us. "Then why do you need to pursue this PhD?" "Haven't you had enough?" I was a DG52 at the age of 40. Blessed me! Unfortunately, I did not have an answer for them. I just wanted to do it. I felt it was a cool thing to do. I believed it was fun going to lectures again at this matured age. I supposed I have always been blessed with fulfilling and exciting learning experience all the while. The whole experience influenced me to take up this decision, I guess.

I kept going that positivity throughout the studies. You see, one should have a clear reason for pursuing it. You don't do your PhD because you are bored at work and you needed a break. You don't do your PhD because it is a stepping-stone to certain positions. You don't do your PhD because you hate your current workplace. You don't use PhD as an excuse. Why? Because the Lord will grant you your wishes but may not grant you the PhD because it wasn't your genuine motive! Don't worry about whether or not you are getting any perks after obtaining the PhD. I always believe what Almighty has written for you, it WILL find you.

### **Angels**

I have met wonderful people throughout the journey. They have taught me compassion despite not knowing me. My study on lecturers' efficacy and competency in implementing Project-Based Learning at the IPG required me to develop my own research instrument. Hence, I had to look for content experts. Through readings, I came across several big names in the field: Markham (PhD), Mergendoller (PhD) and Ravitz (PhD). The three of them are based in the United States of America. I wasted no time and contacted them via emails. To my delight, they responded promptly.

My instruments were reviewed and commented a couple of times. The comments were very detailed and constructive. My correspondence with them lasted one whole semester and the instrument won their approvals.

Another encounter was with Dr Zuli Jaafar, a thesis-formatting guru. I had attended his workshop. Oh yes, his workshop is a must-attend-thesis-writing preparation. I tried to absorb as much as possible. I followed his Facebook and his YouTube videos for trouble shootings. Alhamdulillah, I was able to solve a number of problems pertaining to my thesis formatting as well as helping close friends.

On a fateful day, however, the formatted thesis went erratic. At that time, I was racing against time to submit my thesis for viva. God knows how frantic I was. I couldn't sleep well and woke up early working on the thesis format. Despite trying every possible way known to me to solve the problem, it didn't work out. Hesitantly, I Whatsapped Dr Zuli. It was about 7.00 am. A Saturday morning. After texting him, I stared emptily at my lappy not knowing what else to do. At approximately 7.30 am, my cellphone rang. Dr. Zuli called! I picked up the phone and apologised repeatedly for texting early morning and I remembered saying that he could just texted me. I could hear that he was having breakfast with his family. He said, "Is your lappy

switched on? It is in front of you. I replied, "Yes". For the next thirty minutes, he patiently guided me step by step until the format was rectified. I had no words to express my gratitude. He was god-sent! All these made me realised that your paper qualifications may raise your status professionally but it is your attitude that outshines all the rest.

### **The Final Words**

Whenever I reflect on the journey, I feel very blessed. I couldn't have done the journey alone without the support of my parents, my big baby, siblings, and friends. The convocation was momentous for me as that was my one and only convocation attended by both of my aging parents as well as big baby, a moment cherished for life.



Masihku ingat 28 tahun yang lalu, masih segar dalam ingatan. Semasa penempatan pertamaku sebagai seorang guru baharu di Sekolah Menengah Kerajaan Meradong, Bintangor, Sarawak (SMK. Meradong), aku diamanahkan untuk mengajar Bahasa Melayu tingkatan lima dan enam. Alhamdulillah, alangkah seronoknya aku kerana dapat mengajar subjek yang menjadi major pengajianku semasa ijazah pertama di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan diploma pendidikan di Maktab Perguruan Kuala Terengganu (MPKT- sekarang dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail). Aku berazam untuk menjadi guru cemerlang dan terbaik di mata murid-muridku sesuai dengan anugerah yang aku raih sebagai pelajar terbaik keseluruhan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) 1991/92, pelajar terbaik kursus Pengajian Melayu KPLI 1991/92 dan pelajar terbaik praktikum KPLI 1991/92. Masih kuingat dan masih terngiang-ngiang dielingaku, pada hari aku direntas cemerlang praktikum oleh Tuan Pengetua MPKT, Tn. Hj. Abd. Wahab bin Hashim, "Rosli, bukan senang untuk saya memberikan markah cemerlang 97% kepada pelajar yang saya rentas untuk cemerlang. Awak sememangnya layak mendapat markah cemerlang. Saya ingin awak membuktikan bahawa cemerlang yang saya berikan kepada awak pada hari ini, awak terus cemerlang bukan sahaja pada hari ini tetapi sampai bila-bila pun awak tetap cemerlang".

Travelog pencarian ilmuku ke peringkat Ph.D bermula pada minggu pertama aku mengajar di SMK. Meradong. Di hadapan murid-muridku tingkatan enam, aku menyatakan ikrarku kepada mereka bahawa aku tidak akan menjadi guru biasa-biasa sahaja sampai aku bersara tetapi aku akan belajar hingga ke peringkat Ph.D. Aku akan mencabar keupayaan diriku sendiri kerana aku berpegang kepada prinsip "man jadda wajada" ( sesiapa yang giat berusaha, dia akan mendapat apa yang diusahakannya). Ikrarku disambut dengan tepukan gemuruh oleh murid-muridku. Tepukan gemuruh tersebut menyemarakkan lagi keazamanku untuk menggapai ijazah Ph.D.

Apabila kukenangkan kembali travelog pencarian ilmuku hingga ke peringkat Ph.D, aku selayaknya bersujud syukur kepada Yang Maha Esa kerana mempermudah travelog pencarian ilmuku. Bermula daripada ijazah sarjana muda di Universiti Malaya, aku berjaya dan terpilih dalam kalangan lapan orang sahaja sebagai penerima biasisiwa Kementerian Pendidikan Malaysia di Universiti Malaya daripada ratusan calon yang memohon biasisiwa tersebut. Pada peringkat sarjana pula, aku juga berjaya mendapat Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Malah, pada peringkat Ph.D juga, aku sekali lagi terpilih sebagai penerima HLP daripada 36 calon Ph.D yang ditemu duga bagi subjek Pengajian Bahasa Melayu. "Fa bi ayyi a laa irrabikkuma tukkazibban" (Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?). Masih tergambar dalam mindaku, pada hari aku menghadiri temu duga HLP untuk Ph.D. Temu dugaku berlangsung di Bahagian Tajaan Biasiswa, Putrajaya. Aku telah membuat persiapan rapi untuk menghadapi temu duga tersebut setahun sebelum tarikh tersebut. Hal ini disebabkan aku menurut pedoman dan tips yang diberikan oleh Tuan Hj. Dr. Akbar bin Ibrahim, mantan Timbalan Pengetua Maktab Perguruan Sains Bintulu, Sarawak. Beliau telah memberikan pelbagai tips yang sangat membantuku untuk mencipta "wow factor" di hadapan panel temu duga. Segala sijil, surat penghargaan, modul, pamflet kursus, buku, jurnal, dan sebagainya kusun dengan rapi untuk menghadapi temu duga HLP. Aku menjaga penampilan diriku agar menjadi calon yang terbaik dalam kalangan yang terbaik. Aku yakin akan berjaya dalam temuduga tersebut. Kubersujud di hadapan Allah dalam solat hajat, memohon dipermudah urusan temu dugaku.

Pada hari temu duga, aku sampai awal di tempat temu duga. Kuheret satu beg troli yang mengandungi semua sijil, surat penghargaan, modul, pamflet kursus, buku, jurnal, dan sebagainya. Calon-calun Ph.D yang ada di ruang menunggu terkesima melihat persediaan yang kulakukan untuk menghadapi temu duga tersebut. Malah, ada dalam kalangan mereka yang mengusik aku sambil berseloroh dengan menyatakan bahawa tahun ini giliran aku yang akan mendapat biasiswa tersebut kerana hanya dua orang calon sahaja yang diperlukan untuk mengisi HLP bagi subjek Bahasa Melayu. Kata mereka, “Nampak gayanya kami terpaksa datang lagi untuk menghadiri temu duga pada tahun hadapan”. Aku hanya tersenyum dengan usikan nakal tersebut tetapi pada masa yang sama aku berazam untuk membuktikan usikan tersebut menjadi kenyataan.

Apabila tiba giliranku dipanggil masuk ke bilik temu duga, aku melangkah dengan yakin. Kuheret beg troliku sambil diperhatikan oleh calon-calun HLP yang sedang menunggu giliran mereka. Pembantu panel temu duga tersenyum kepadaku kerana aku membawa bahan bukti yang sangat banyak. Setelah mengetuk pintu bilik temu duga, aku menyampaikan salam kepada panel temu duga. Kusun semua fail sijil, surat penghargaan, modul, pamflet kursus, buku, jurnal, dan sebagainya. Apabila panel temu duga mengemukakan soalan, kujawab dengan fasih dan yakin. Kutunjukkan segala bukti pelibatanku dalam dunia akademik. Sijil-sijil pembentangan peringkat kebangsaan, surat-surat penghargaan penglibatanku dalam pelbagai jawatankuasa, modul-modul, buku-buku dan jurnal kuhulurkan kepada panel temuduga sebagai bukti penglibatanku dalam dunia akademik. Kubentangkan kertas cadangan penyelidikanku yang telah dimurni dan dimantapkan oleh rakan-rakanku. Alhamdulillah, sesi temudugaku berjalan dengan lancar.

Beberapa bulan kemudian, aku menerima makluman rasmi yang menyatakan aku terpilih mendapat HLP. “Ya, Allah...aku bersyukur kepada-Mu.” Benarlah firman Allah, “Fa bi ayyi a laa irrabikkuma tukkazibban” (Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?). Aku berazam untuk menamatkan pengajian Ph.D sebelum tempoh tiga tahun. Kuanggap perjuanganku untuk menamatkan Ph.D sebagai perjuangan maruah yang perlu kupikul dengan penuh tanggungjawab. Aku akan buktikan bahawa tiada jalan pintas untuk melakar sejarah kejayaan tetapi tiada mustahil untuk menggapai kejayaan sekiranya kita berusaha dengan tekun, tabah dan berperancangan rapi.

Disember 2006, bermulalah perjalananku dalam travelog pencarian ilmu, menuju ke menara gading. Aku melangkah bergaya ke Fakulti Bahasa-bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (FBMK UPM) memulakan pengajianku ke peringkat Ph.D. Alangkah terperanjatnya aku, rupa-rupanya semasa sesi suai kenal dengan pensyarah di Fakulti Bahasa-bahasa Moden dan Komunikasi, hanya aku seorang sahaja calon Ph.D yang mendaftar untuk belajar pada peringkat Ph.D semasa sesi tersebut.

Kulalui semester satu dan dua dengan yakin. Kuhadiri kelas subjek wajib dengan penuh keyakinan. Alhamdulillah, aku bersyukur ke hadrat Allah kerana berjaya meraih mata gred terkumpul 3.98 daripada 4.0 mata penuh dalam sepanjang dua semester kuliah wajib dan peperiksaan yang kuhadiri. Malah, aku berjaya mendapat A dalam sesi pembentangan proposal kajianku. Ya Allah, “Fa bi ayyi a laa irrabikkuma tukkazibban” (Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?). Kejayaan tersebut meningkatkan lagi keyakinanku untuk menyiapkan tesis Ph.D sebelum tempoh tiga tahun.

Travelog pencarian ilmu ke peringkat Ph.D menjadi semakin berliku kerana aku perlu menyiapkan tesis Ph.D dalam ruang masa dua tahun sahaja dan perlu membentangkan kertas kajian atau menulis dalam jurnal peringkat antarabangsa sekurang-kurangnya dua kertas kajian sebagai

prasyarat untuk bergraduat. Setiap minggu aku mengatur temujanji dengan ketiga-tiga penyelia tesis Ph.D. Terima kasih Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood bin Musanif, Prof. Dr. Normaliza bt Abd. Rahim dan Prof. Madya Dr. Zaitul Akma Zainon bt Hamzah yang sabar melayan karenahku sebagai pelajar Ph.D. Perkongsian ilmu dan pengalaman mereka menjadi azimat berharga untuk aku melakar kejayaan. Titipan berharga daripada mereka menjadi pedomanku malah membakar semangatku untuk melakar kejayaan kerana aku berpegang kepada prinsip, 'agi idup agi ngelaban' (selagi hidup, selagi berjuang).

Travelog pencarian ilmuku ke peringkat Ph.D melalui denai yang berliku. Pengalaman manis bak madu dan pahit bak hempedu tetapku simpan rapi dalam memori terindah hidupku. Hanya kesabaran yang menjadi bekal sepanjang travelog pencarian ilmuku.

Banyak pengalaman manis bak madu yang aku lalui. Pengalaman berguru kepalang ajar dengan pensyarah bertaraf profesor bukan calang-calang pengalaman bagi setiap insan. Pengalaman mencipta kejayaan mendapat mata gred terkumpul 3.98 dalam peperiksaan sepanjang dua semester dan A dalam ujian pembentangan kertas cadangan Ph.D juga pasti menjadi kenangan terindah dalam hidupku. Malah, kejayaanku menembusi pembentangan kajian di peringkat antarabangsa turut menjadi antara nostalgia terindah sepanjang hayatku.

Dua kertas kajianku yang berjudul *Language Events and Virtual Communication from the Aspect of Ethnography Communication* dan *The Comparison of Language Events between SMS and Virtual Communication from the Aspect of Ethnography Communication* telah berjaya dibentangkan secara virtual di *Ubiquitous Learning: An International Conference*, University of Illinois, USA pada tahun 2008 dan diterbitkan ke dalam *Ubiquitous Learning: An International Journal*, volume 1, number 4 pada tahun 2009. Satu kajianku yang bertajuk, *Peristiwa Bahasa dalam Bahasa Melayu SMS dari Segi Etnografi Komunikasi* juga telah berjaya dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu, UPM pada tahun 2008. Hal ini bermakna, aku berjaya bukan sekadar melunaskan sekurang-kurangnya dua pembentangan kajian di peringkat antarabangsa tetapi berjaya menghasilkan tiga kajian di peringkat antarabangsa. Malah, aku juga telah berjaya terpilih sebagai editor untuk *Ubiquitous Learning: An International Journal*, volume 1, number 4 pada tahun 2009. "Alhamdulillah, aku bersyukur kepada-Mu Ya Allah."

Dalam himpunan kemanisan bak madu, Allah juga telah mengujiku dengan pelbagai cabaran sepanjang tiga tahun pengajian Ph.D. Ujian pertama kepadaku berlaku pada semester pertama pengajianku. Anak sulungku yang kuhantar ke Pondok Tahfiz Yayasan Islam Kelantan, Tiang Candi, Pasir Mas untuk menghafaz al-Quran sepanjang cuti akhir tahun tingkatan tiga, telah dimasukkan ke hospital Jerneh kerana disyaki demam denggi. Aku telah menjaga anakku sepanjang dia dimasukkan ke wad. Namun, disebabkan pada hujung minggu tersebut, aku perlu menduduki peperiksaan pada semester pertama, aku terpaksa meninggalkan anakku keseorangan di wad kerana isteriku terpaksa menjaga empat lagi anakku yang masih kecil. Sepanjang lapan jam perjalanan ke Kuala Lumpur dengan menaiki bas, emosiku berperang hebat. "Adakah aku mementingkan diri sendiri kerana meninggalkan anak sendirian di wad? Zalim sangatkah aku? Teruk sangatkah aku kerana bertindak sedemikian?"

Ujian keduaku menjengah semasa semester dua, apabila ayahku terpaksa dimasukkan ke wad CCU, Hospital Permaisuri Zainab, Kota Bharu kerana tidak dapat membuang air besar, usus tersumbat. Perutnya membesar. Kesakitan ayah dapatku rasai. Selaku anak lelaki yang rapat dengan ayah, aku menawarkan diri untuk menjaga ayah di wad CCU. Kebetulan, peperiksaan semester dua akan berlangsung pada hujung minggu tersebut. Sambil menjaga ayah di wad, aku

membaca nota-nota sebagai persiapan untuk menduduki peperiksaan sehinggalah jururawat yang bertugas menyapaku, “Rajinnya awak membaca. Mengajarkah?” Alhamdulillah, berkat kesungguhanku, aku berjaya mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan tersebut.

Ujian ketigaku bagaikan badai besar yang melanda hidupku. Semasa semester empat, aku mendapat panggilan telefon daripada adikku yang memberitahu bahawa ibu kesayanganku telah menghembuskan nafasnya yang terakhir. “Ya Allah, ujian apakah yang melanda ini? Mampukah aku meneruskan keceriaan hidupku tanpa wanita yang banyak berkorban untuk kejayaan diriku?” Aku menangis sepuas hati. Aku berasa “down”. Semangatku luntur. Daya juangku hancur dalam sekelip mata. Ya Allah...

Ujian keempatku hadir sepanjang tempoh pengajian selama tiga tahun. Oleh sebab aku ke Kuala Lumpur setiap hujung minggu, aku tidak dapat membawa anak dan isteriku bersiar-siar dan berkelah di tepi pantai seperti yang biasa kami lakukan sebelum aku menyambung pengajian Ph.D. “Aku mohon maaf wahai anak dan isteriku. Aku berjanji keadaan ini akan pulih kembali setelah abahmu berjaya mengenggam ijazah Ph.D. Inilah mahalnyanya harga sebuah pengorbanan wahai anak dan isteriku. Abahmu berjanji akan membanggakan kalian dengan hadiah ijazah Ph.D.

Berkat daya tahan yang kental, berkat disiplin yang tinggi, dan berkat kesabaran yang tidak pernah luntur, akhirnya dalam tempoh dua tahun setengah sahaja, aku berjaya menyiapkan tesis Ph.D. “Ya Allah, aku bersyukur kepada-Mu kerana mempermudah urusan travelog pencarian ilmuku. Sesi viva voiceku berlangsung dengan sangat mudah. Apatah lagi pada malam sebelum viva, aku banyak melakukan solat sunat hajat memohon Allah mempermudah urusan sesi viva voiceku.

Alhamdulillah, keajaiban berlaku kepada diriku kerana selepas solat Isya’, apabila aku membuka lap topku untuk membuat sedikit persediaan akhir sebelum viva voice, aku mendapat ilham daripada Allah. Terngiang-ngiang di telingaku suara orang berbisik tentang soalan-soalan yang akan ditanya pada sesi viva voice tersebut. Aku menyediakan slaid power point bagi jawapan kepada soalan yang bakal ditanya oleh panel nanti.

Saat yang dinanti-nantikan tiba. Jantungku berdebar kencang kerana aku tidak tahu siapakah external examiner dan internal examiner yang bakal bersoal-jawab denganku dalam sesi viva voice nanti. Sesi viva voice bermula. Aku membentangkan slaid power pointku dengan penuh keyakinan kerana aku telah bersedia untuk tujuan tersebut beberapa bulan yang lalu. Alhamdulillah, dalam tempoh masa 40 minit sahaja, sesi viva voiceku berakhir. Allah mempermudah sesi pembentangan viva voiceku. Semua soalan yang dikemukakan dapat kujawab dengan fasih dan yakin kerana soalan yang terngiang-ngiang di telingaku pada malam sebelum viva voice sememangnya dikemukakan oleh panel penilai.

Setelah selesai sesi viva voice, aku dan penyelia pertamaku, Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood bin Musanif dimohon beredar keluar daripada bilik viva voice untuk memberikan peluang kepada panel penilai bermesyuarat untuk membuat keputusan. Di luar bilik tersebut, penyeliaku bertanya, “Rosli, u dah tahu soalan bocor ke?” Aku bertanya kepada penyelia pertamaku, “Mengapa Prof berkata sedemikian?” Penyelia pertamaku menerangkan, “Saya tengok awak menjawab soalan yang ditanya oleh panel siap dengan slaid power point lagi. Susunan soalan jawapan pun tertib mengikut soalan yang ditanya oleh panel.” Aku senyum sahaja. Sengaja aku tidak ingin menceritakan kisah keajaiban yang berlaku kepada penyelia pertama tesisku pada malam sebelum viva voice.

Lima belas minit berlalu. Aku dan penyelia pertamaku dipanggil semula masuk ke bilik viva voice. Keputusan dibacakan oleh pengerusi sesi viva voice. Alhamdulillah, aku lulus dengan hanya sedikit pembetulan sahaja. External examiner berkata kepadaku, “Awak kena buat sedikit pembetulan sahaja. Dua hari pun boleh siap.” “Ya Allah... Bermimpikah aku?” Usai sesi viva voice, aku bersalaman dengan semua examiner yang terlibat sambil mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka. Semasa berjabat tangan dengan pengerusi sesi viva voice, sempat beliau memberitahu kepadaku, “Rosli, tahniah! Sehingga tarikh ini pada tahun ini, pembentangan tesis Ph.D di jabatan ini, awaklah yang terbaik.”

Ibuku, kurakamkan kisah travelog pencarian ilmu ini meskipun kau tidak sempat menyaksikan aku naik ke pentas untuk menerima ijazah Ph.Dku. Namun, aku pasti kau berbangga dengan kejayaan anak lelakimu ini. Al fatihah untukmu. Semoga kau tenang bersemadi di alam sana. Ayahku, kekuatan dan semangatmu mengalir dalam darah anak lelakimu. Kau lambang dan inspirasi untuk aku terus melakar kejayaan. Biar pun dalam usia 85 tahun kini, dalam penat susahmu, aku pasti kau berbangga dapat melihat aku berjaya mengenggam ijazah Ph.D meskipun kau hanya berpeluang belajar sehingga darjah enam sahaja. Kejayaanku merupakan kejayaanmu juga wahai ayahku. Isteriku, kurakamkan kisah travelog pencarian ilmu ini juga untuk menghargai betapa besarnya pengorbananmu dalam memastikan aku berjaya menggapai kejayaan ini. Tiada ucapan yang mampu kuzahirkan untukmu. Selagi hayat dikandung badan, kau terlalu istimewa di mataku. Terima kasih atas segalanya. Anakku, kurakamkan kisah ini agar menjadi inspirasi kepadamu dalam meniti hari-hari mendatang. Tiada kejayaan tanpa kepahitan. Semoga dikau tabah menghadapi cubaan dalam hidup ini. Semoga engkau berbangga dengan usaha dan kejayaan abahmu ini. Untuk teman-temanku, berjuanglah untuk kejayaan kerana manisnya kejayaan bak madu yang sukar untuk digambarkan kepadamu. Setelah beroleh kejayaan, bersedialah untuk membimbing teman-temanmu yang lain agar jejak kejayaanmu dapat membakar semangat mereka. Untuk IPGM, tanpamu siapalah aku? Aku berjanji kepadamu, aku akan menabur baktiku selagi hayat dikandung badan. Jasamu tidak ternilai. Semoga kau terus mekar mewangi mewarnai dunia pendidikan kini dan masa depan.

Philosophy Doktor singkatannya (Phd) namun *permanent head damage, permanent heart damage, permanent hair damage* merupakan istilah-istilah yang biasa diberikan kepada akronim (Phd) telah memberi kekusaran kepada diri saya untuk meneruskan pengajian di peringkat ijazah kedoktoran. Tambahan pula, kedengaran hanya orang yang genius sahaja boleh memegang segulung ijazah kedoktoran telah meningkatkan lagi kekusaran saya untuk menyambung ijazah kedoktoran selepas gagal dua kali. Peluang pertama pada tahun 2000 selepas tamat pengajian di peringkat ijazah sarjana secara separuh masa dalam tiga semester dengan keputusan cemerlang memberi peluang untuk menyambung pengajian di peringkat phd pada tahun. Namun azam itu menjadi hampa selepas saya terlibat dengan satu kemalangan jalan raya. Berlaku sedikit kecacatan pada pergerakan diri dan memerlukan rawatan susulan menyebabkan hasratnya terpaksa ditangguhkan. Nasihat doktor perlu mengambil rehat yang secukup sebelum boleh meneruskan pengajian Perlu mengurangkan pergerakan diri dan tidak dibenarkan membuat kerja-kerja berat. Rehat yang lama menyebabkan semangat menyambung phd terus luntur. Dalam pada itu, tiada pengiktirafan terhadap kelulusan master merupakan penyebab tambahan kehilangan motivasi.

Kehilangan semangat dan motivasi menyebabkan tumpuan berpindah ke arah lain seperti melibatkan diri dalam program-program kemasyarakatan seperti rukun tetangga, khidmat masyarakat, motivasi pelajar, persatuan penduduk, jurulatih Program Latihan Khidmat Negara, jurulatih Biro Tatanegara dan sebagainya. Penglibatan diri secara aktif dalam pelbagai program kemasyarakatan serta pengalaman sebagai pendidik di beberapa buah sekolah menyebabkan ingin mencuba satu perubahan baharu dalam kerjaya diri. Pada tahun 2007 mendapat dua tawaran iaitu penolong pengarah di Bahagian Buku Teks dan pensyarah IPG. Disebabkan minat lebih terhadap jawatan pensyarah lalu jawatan yang disandang sebagai penolong pengarah untuk beberapa bulan terpaksa ditolak dan menjadi pensyarah di IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur. Selepas menjadi pensyarah, persekitaran tempat bekerja meniupkan semangat untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi. Jawatan pensyarah memberi peluang untuk berkawan dengan para doktor falsafah bukan sahaja menyuntik semangat meneruskan pengajian malah desakan daripada ketua jabatan membuka minda untuk membuat phd. Sokongan daripada pelbagai pihak seperti ketua jabatan, rakan pensyarah, ahli keluarga dan rakan sebaya terus membuka minda dalam hal ini. Justeru, pada tahun 2009 membuat permohonan untuk sambung belajar secara sepenuh masa dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) tetapi permohonan tidak berjaya namun permohonan cuti sabbatical selama tiga bulan untuk mengikuti program persediaan phd di IPG Kampus Perlis berjaya. Kursus selama tiga bulan digunakan dengan sebaiknya sehingga mendapat keputusan cemerlang di akhir kursus telah meningkatkan semangat untuk meneruskan pengajian di peringkat Phd.

Pada pertengahan tahun 2010 saya mendapat tawaran kali kedua belajar Phd separuh masa di UKM. Supervisor yang dipilih bersedia membimbing selepas melihat komitmen, motivasi dan semangat saya yang sangat tinggi. Sungguhpun demikian, sekali lagi kesihatan saya tidak mengizinkan untuk meneruskan pengajian. Pada kali ini mengalami 'slip disc' akibat kemalangan yang berlaku pada tahun 1999. Saya terlantar di hospital Asunta, KL selama sebulan dikuti rawatan tradisional 'ayurvedic' di Seremban. Kesemua halangan ini terus melunturkan semangat untuk meneruskan Phd pada kali kedua. Tambahan pula kesakitan yang berterusan bukan

sahaja menghalang pergerakan malah memerlukan rehat yang banyak menyebabkan bukan sahaja kehilangan semangat untuk membuat Phd malah mengalami kemurungan. Keadaan ini menyebabkan hubungan sosial dan aktiviti luaran terus berkurangan. Nasib baik, ahli keluarga memahami masalah saya dan sentiasa memberi sokongan moral. Sungguhpun demikian, dalam proses menjalani rawatan susulan, tiba-tiba mendapat berita saya ditukarkan ke IPG Kampus Ipoh dari IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, KL atas alasan naik gred. Saya dalam konflik sama ada menerima atau menolak tawaran tersebut. Walaupun dalam keadaan sakit dan lemah, saya berusaha membuat rayuan supaya tidak dipindahkan. Segala usaha dan rayuan tidak berjaya. Saya terpaksa melaporkan diri di IPG Kampus Ipoh (IPGKI) pada hujung tahun 2011. Jarak tempat bekerja baharu dan UKM agak jauh serta kesihatan diri yang masih tidak pulih sepenuhnya terus memaksa diri untuk melupakan azam bergelar doktor pendidikan.

Semasa berada di IPGKI, saya mendapat berita ramai pensyarah di sini menyambung belajar Phd secara separuh masa. Perbincangan dengan mereka memutik balik semangat meneruskan pengajian dan ingin bergelar doktor. Namun keadaan kesihatan diri dan ahli keluarga yang tinggal jauh menghalang saya memirikan perkara ini. Setiap kali kawan-kawan berbincang dan memujuk saya untuk menyambung balik pengajian, saya akan cuba mengalih perhatian atau meninggalkan tempat itu dengan segera. Namun pada tahun 2014 peluang meneruskan pengajian dengan pelbagai insentif datang lagi. Pada kali ini saya mendapat tawaran di OUM, Perak dalam bidang Doktor Pendidikan (EdD). Bermakna saya tidak perlu memikirkan jarak jauh untuk berulang alik dan tidak perlu tergesa-gesa menyediakan proposal pengajian kerana dua tahun pertama hanya diminta menyiapkan tugas kursus yang diambil. Tambahan pula saya diberi diskaun sebanyak 40% sebagai tutor senior di OUM. Namun syarat program ini seperti pelajar perlu menghadiri tutorial pada hari Ahad memberi sedikit tekanan kepada diri kerana tidak dapat balik pada hujung minggu untuk bersama keluarga yang berada di Bandar Baru Bangi, Selangor. Namun isteri dan anak-anak bersedia memahami dan bersedia berkorban demi kejayaan ayah menyebabkan saya dapat memberi fokus terhadap pengajian dengan baik. Sungguhpun demikian fikiran saya sentiasa tidak tenteram kerana tanggungjawab sebagai ayah tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Saya faham bahawa dalam jangka masa panjang kehidupan seperti ini tidak begitu baik untuk kesejahteraan dan keharmonian keluarga lalu minta mereka berpindah ke Ipoh. Perpindahan mereka pada hujung tahun 2014 memberi semangat baharu untuk meneruskan pengajian namun kadang-kala kesihatan diri tidak mengizinkan untuk memberi tumpuan sepenuhnya. Dalam dua tahun pengajian, beberapa kali masuk ke hospital kerana masalah penyakit slip disc dan penyakit berkaitan. Menurut doktor pakar saya perlu menjaga kesihatan diri dan tidak boleh memberi tekanan terhadap diri. Berita sedih ini menyebabkan saya terfikir dalam hati sama ada untuk meneruskan pengajian atau berhenti. Memandangkan kesemua kursus wajib yang menjadi pra syarat kepada pengajian EdD berjaya dihabiskan dengan cemerlang dan tepat pada masanya serta mendapat tawaran biasiswa MyBrain 15 telah menguatkan motivasi intrinsik untuk meneruskan pengajian. Dalam pada itu sokongan ahli keluarga yang tinggal bersama dan anak-anak yang masih belajar meningkatkan motivasi diri. Kertas konsep berjaya disiapkan dalam dua semester dan bersiap sedia untuk dibentangkan. Dalam proses untuk membentangkan kertas konsep, tiba-tiba menimpa satu peristiwa yang sangat sedih dalam keluarga saya. Kali ini isteri kesayangan yang merupakan tulang belakang keluarga dan proaktif (*motivator*) dengan pengajian saya menghidap satu penyakit unik. Hanya dalam masa dua hari dia lupa ingatan 100% sehingga tidak mengenal lagi ahli keluarga tersayang. Menurut doktor pakar, beliau memerlukan rawatan rapi dan perlu dibawa ke hospital yang memiliki peralatan moden. Hanya tuhan sahaja boleh memahami betapa peritnya kehidupan kami pada masa itu.

Dalam seminggu anak bongsu akan berhadapan dengan UPSR. Anak ketiga sedang menjalani peperiksaan percubaan SPM. Manakala anak pertama berhadapan dengan peperiksaan di UPM. Anak kedua membuat persediaan terbang ke Jepun untuk meneruskan pengajian di bidang ijazah kejuruteraan. Saya pula perlu membuat pembentangan kertas konsep dalam beberapa hari lagi. Saya terus terpaksa, pemikiran buntu dan pasrah dengan kehidupan saya. Pelbagai masalah di sekeliling pinggang menjadikan diri saya lemah dan tidak tahu bagaimana hendak meneruskan perjuangan hidup. Nasib baik pihak majikan dan ahli keluarga memahami masalah saya dan sudi menghulurkan bantuan dan sokongan moral. Isteri terpaksa dibawa ke Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan rapi di sebuah hospital swasta. Oleh kerana pihak insuran tidak dapat menanggung kos perubatan yang sangat tinggi menyebabkan beliau terpaksa dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk diberi rawatan rapi. Disebabkan kertas konsep sudah disiapkan terlebih awal menyebabkan saya tidak perlu risau banyak namun keadaan diri yang tidak stabil menyebabkan tajuk kertas konsep berkaitan kecerdasan emosi tidak dapat dibentang dengan sebaiknya. Semasa pembentangan air mata terus mengalir (berlinangan) di kedua-dua pipi. Penilai cuba mententeramkan diri saya namun tidak berjaya. Walaupun berjaya membentang namun banyak komen munasabah yang diberikan untuk membuat penambahbaikan. Lampu hijau boleh meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya iaitu menulis proposal tesis meningkatkan motivasi.

Dalam menguruskan pelbagai hal keluarga bertambah satu lagi cabaran iaitu mencari tajuk kajian yang spesifik dan penyelia tesis. Menurut kawan-kawan yang berpengalaman menamatkan pengajian Phd, bukan mudah mencari penyelia yang boleh memahami masalah diri kita dan bersedia untuk membimbing apatah lagi saya merupakan kohot pertama membuat EdD di OUM, Perak. Semua perkara ini menghantui diri saya, mampukah saya menghabiskan pengajian dalam masa empat tahun. Saya perlu mencari seorang penyelia yang mampu memahami masalah, bersedia membimbing, komited dan mengekalkan motivasi diri saya. Saya bukannya seorang genius tetapi mempunyai beberapa ciri positif seperti disiplin diri yang tinggi, berkomitmen, pengurusan masa yang baik, boleh mengorbankan apa sahaja aktiviti hiburan demi kejayaan diri dalam pendidikan memotivasikan diri dan keyakinan untuk mencari seorang penyelia. Dalam pada itu saya juga mencabar diri bahawa percubaan kali ketiga tidak boleh memberi sebarang alasan dalam usaha mencari segulung ijazah kedoktoran dalam masa empat tahun. Saya berjaya mencari seorang penyelia yang sangat berdisiplin dan dianggap memenuhi harapan saya. Penyelia saya Dr Lee bukan sahaja memahami segala masalah saya malah memberi terbaik kepada diri saya walaupun pertama kali beliau menjadi penyelia kepada pelajar ijazah kedoktoran. Oleh kerana Dr Lee pernah mengajar saya di OUM lalu beliau mengenali kemampuan, kebolehan, minat, motivasi, semangat dan komitmen saya. Justeru, beliau bukan sahaja bersedia membantu malah sentiasa proaktif dalam menjalankan tugas sebagai penyelia secara profesional. Dengan bimbingan beliau secara sistematik saya berjaya membuat pembentangan 'proposal defence' dalam masa yang ditetapkan. Apa yang ingin berkongsi disini ialah bahawa saya merupakan orang pertama dalam kohot pertama berjaya berbuat demikian. Saya berasa amat bangga dengan diri saya kerana boleh berjaya berbuat demikian walaupun kehidupan penuh dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang tidak terputus-putus.

Seterusnya dalam usaha menyiapkan 'proposal defence', pelbagai cabaran terus menguji kesabaran, kestabilan emosi dan kekuatan diri saya. Kini berhadapan satu lagi pengujian besar, ibu kesayangan menjaga isteri saya yang sakit, diisytiharkan menghidap penyakit barah tulang peringkat ketiga dan memerlukan rawatan rapi. Masalah kesihatan kritikal kedua-dua insan penting dalam kehidupan saya menjadi satu tamparan besar kepada kehidupan saya. Oleh kerana ibu tidak dapat lagi menjaga isteri menyebabkan saya terpaksa mencari jalan alternatif iaitu membawa balik isteri ke rumah. Walaupun bukan mudah hendak menguruskan kehidupan seharian isteri



yang mengalami sakit misteri namun dengan bantuan, sokongan dan prihatin pelbagai pihak yang baik hati, saya masih dapat meneruskan kehidupan seharian. Keperluan membawa isteri ke HKL untuk rawatan susulan dan menziarah ibu yang sakti tenat di Seremban memberi satu lagi tamparan kepada diri saya untuk mencapai cita-cita bergelar doktor pendidikan. Walaupun letih, kekurangan masa namun saya berjanji kepada diri saya bahawa walau apa sahaja masalah menimpa diri, saya tidak boleh berundur dari impian untuk menamatkan pengajian dalam empat tahun. Saya sentiasa memotivasikan diri, “jika kita merasakan diri kita susah, percayalah bahawa ada orang lebih susah dari kita”. Liku-liku kehidupan ini memberi pengajaran bahawa walaupun kehidupan ini penuh dengan pancaroba, kita harus tabahkan diri dalam menangani segala cabaran.

Memandangkan kehidupan diri saya penuh dengan onak dan duri maka ahli keluarga meminta saya melupakan hasrat untuk bergelar doktor pendidikan. Oleh kerana prinsip hidup yang kuat memaksa diri menangani segala cabaran dan berusaha menamatkan pengajian sebelum ibu menghembus nafas terakhir. Dalam persediaan untuk membuat pembentangan ‘VIVA’ pada bulan Disember 2017, kesihatan ibu menjadi lebih kritikal. Sungguhpun kesihatan ibu berada dalam keadaan kritikal namun beliau mahukan saya menghabiskan pengajian dan mahu melihat majlis konvokesyen. Kata-kata itu menjadi perangsang dan mahu membuat terbaik menyebabkan berjaya membuat pembentangan ‘VIVA’ tepat pada masanya. Saya juga berjaya menyiapkan pembetulan kajian penyelidikan dalam masa tiga bulan walaupun diberi masa enam bulan memandangkan masalah kehidupan saya. Saya berjaya berbuat demikian kerana mahu menunjukkan hasil kajian akhir kepada ibu kesayangan yang sentiasa menjadi insan motivasi dalam hidup. Namun apakah daya orang biasa, kita hanya merancang tuhan yang menentukan. Walaupun saya berjaya mengambil naskah keras (hard copy) pada 3 Mac 2018 untuk ditunjukkan (semadikan) kepada ibu pada keesokan hari tetapi semuanya menjadi hampa. Sebelum saya ke Seremban dari Ipoh beliau telah menghembuskan nafas terakhir. Ibu kesayangan bukan sahaja tidak sempat melihat hasil akhir malah sudah pasti tidak dapat menghadiri majlis konvokesyen saya.

Dalam suasana setiap ahli keluarga sedih dengan kehilangan ibu kesayangan, kedengaran satu lagi berita buruk dalam keluarga. Abang kesayangan yang bekerja sebagai pengurus ladang di Indonesia dijangkiti penyakit kritikal dan dimaklumkan tidak akan hidup lama. Tepat sebulan selepas ibu meninggal, kini abang kesayangan pula meninggalkan kami. Keperluan ulang alik ke Seremban dari Ipoh dengan ditemani isteri yang masih sakit menyebabkan sakit pinggang (slip disc) saya sudah mula memberikan masalah. Kadang-kadang kesakitan menjadi sangat kritikal (tenat). Satu demi satu masalah menyebabkan saya berasa seolah-olah hidup saya ini tidak bermakna lagi. Sungguhpun banyak kenangan pahit dalam bergelar doktor pendidikan namun surat senat bertarikh 26 Julai 2018 memberi satu nafas baharu. Berita ini menjadikan hidup saya lebih bermakna. Saya merupakan pelajar tunggal dari OUM Perak berjaya menamatkan pengajian. Majlis konvokesyen telah ditetapkan pada 22 September 2018 di PWTC, KL. Semua ahli keluarga sangat gembira mendengar berita baik ini dan bersiap sedia untuk meraikan secara besar-besaran kerana saya merupakan orang pertama dalam keluarga berjaya ke tahap ini. Sekali lagi nasib tidak menyebelahi lagi. Penyakit slip disc menjadi sangat teruk menyebabkan saya terpaksa terlantar di hospital dan perlu menjalani proses pembedahan (Nucleoplasty). Nasihat doktor tidak boleh pergi ke majlis konvokesyen. Pihak OUM berusaha sedaya upaya mahukan saya ke majlis konvokesyen disebabkan saya merupakan pelajar tunggal EdD dari Perak. Namun kesihatan diri tidak mengizinkan. Saya terpaksa melupakan majlis konvokesyen yang dianggap sangat penting dan bermakna dalam hidup.

Sungguhpun pelbagai dugaan, cabaran, halangan namun kesemua perkara ini tidak mematahkan semangat saya untuk bergelar doktor pendidikan. Semoga penulisan ini menjadi satu sumber inspirasi kepada pembaca lain. Saya juga bersyukur kepada tuhan yang maha esa kerana memberi kekuatan diri untuk berjaya bergelar doktor pendidikan (EdD) dalam masa empat tahun. Saya percaya bahawa setiap orang tidak dapat melarikan diri daripada pelbagai cabaran, dugaan, halangan dalam kehidupan seharian namun setiap masalah perlu ditangani secara profesional dan sistematik. Pastikan hidup kita ini mempunyai matlamat yang jelas dan usaha yang murni. Semangat jati diri perlu kuat dan jangan cepat berputus asa dalam perjalanan hidup jika ingin melihat kejayaan yang diingini. Dalam usaha mencapai kejayaan yang diimpikan, kita tidak boleh mudah mengaku kalah malah sentiasa mencari jalan penyelesaian dan bukan mencari alasan bagi setiap masalah. Percayalah diri sendiri.

Alhamdulillah, 27 Oktober 2017 saya telah lulus PhD dalam bidang Strategi Pengajaran di Universiti Sains Malaysia. Saya ingin berkongsi sedikit perjalanan dan pengalaman saya sepanjang menyiapkan PhD.

Saya, seorang guru yang mempunyai sijil Sarjana Pendidikan Reka Bentuk Instruksional dan Teknologi, sudah tentulah mempunyai hasrat untuk bergelar Doktor Falsafah, PhD. Namun begitu, tanggungjawab di sekolah amatlah banyak, dari pagi hingga ke petang terutamanya mengajar dan juga aktiviti kokurikulum dalam sukan Ultimate Frisbee dan unit beruniform Kadet Remaja Sekolah.

Pada tahun 2011, saya memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) secara dalam talian melalui iklan pada Bahagian Tajaan KPM. Selang beberapa bulan, permohonan saya telah diterima, dan rasa sangat bersyukur kerana bukan mudah untuk mendapatkan temuduga HLP ini.

Menjadi calon pertama dalam temuduga, sangatlah menggentarkan, kerana saya melihat calon-calon lain sangat bergaya dengan blazer dan membawa fail yang tebal-tebal. Berkat doa ibu dan izin Allah, saya telah berjaya lulus dalam temuduga tersebut.

Sebelum mendapatkan tempat di mana-mana universiti tempatan, Bahagian Tajaan telah meminta semua calon untuk menghadiri kursus awal di Kuala Lumpur. Pada masa itu, pengisian yang diberikan sepanjang tiga hari kursus adalah sangat baik, berkaitan cara-cara membuat proposal. Kesemuanya itu membantu saya mengingat semula cara-cara menulis kerana sudah tiga tahun tidak menulis kajian selepas 2008 saya tamat belajar Sarjana Pendidikan di UPSI.

Terasa bersemangat selepas tamat kursus tersebut, dan pada masa itulah saya berkenalan dengan beberapa orang penuntut yang lain dalam bidang yang berlainan bagi tujuan berkolaborasi pada masa akan datang.

Saya telah mendaftar di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada Ogos 2011 di Pusat Teknologi dan Pengajaran Multimedia di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Zarina binti Samsudin dan Prof. Madya Dr. Wan Jaafar bin Wan Yahaya. Kedua-dua penyelia saya sangat membantu dan bertimbang rasa serta memahami keadaan siswa PhD mereka.

Perjalanan PhD adalah kehendak diri sendiri. Pemikiran yang positif amatlah diperlukan dalam perjalanan yang mengambil masa tiga tahun untuk menyelesaikannya. Antara perkara yang saya ingin kongsi adalah tips-tips dalam menghadapi PhD dari mula hingga akhirnya sepanjang pengalaman saya.

Antaranya adalah, hubungan yang baik perlu diwujudkan antara siswa dan penyelia. Ini adalah kerana kita perlu berjumpa dan berbincang dengan penyelia, terutama jika telah buntu untuk menulis, ataupun tidak memahami sesuatu perkara. Pendapat penyelia adalah sangat penting, walaupun hanya berjumpa selama 10 minit sahaja. Catatan atau rakaman segala perbincangan bersama penyelia saya lakukan untuk memudahkan membuat pembetulan dalam penulisan.

Tajuk tesis yang perlu difikirkan mestilah terkini, bukan tajuk yang sudah lapuk. Cara untuk mendapatkan tajuk yang menarik dan terkini, kita perlulah membuat pembacaan jurnal-jurnal terkini berkaitan minat juga permasalahan terkini berkaitan pendidikan. Tajuk kajian saya iaitu, “Kesan Strategi Kolaboratif Dalam Persekitaran Laman Sosial Terhadap Pencapaian Kognitif, Kemahiran Menganalisis Dan Pemikiran Kritis Geografi Tingkatan Dua”. Ini pun sudah beberapa kali saya menukar tajuk.

Pernyataan masalah dan latar belakang masalah? Perkara ini perlu jelas, dan khusus. Saya perlu menggunakan 5W (why, what, who, where, when) dalam penulisan pernyataan masalah, juga perlu menjalankan preliminary test untuk menulis dalam latar belakang masalah.

Proposal merangkumi tiga bab iaitu Bab 1 (Pengenalan), Bab 2 (Tinjauan Literatur) dan Bab 3 (Metodologi Kajian). Bab 1 dan Bab 2 adalah bahagian penulisan yang berat bagi saya. Bab 1 perlu jelas, khusus, sekali dibaca oleh orang lain, orang akan tahu apa yang ingin saya kaji. Tidak perlu ayat berpusing-pusing untuk mencapai apa yang ingin disampaikan. Kerangka teori dan kerangka kajian perlu dijelaskan dengan baik.

Bab 2 adalah bahagian yang melibatkan teori dan pembacaan yang lebih banyak. Bahagian ini saya rasakan paling sukar dan paling akhir saya buat. Saya selesaikan Bab 1 dan 3, seterusnya Bab 2. Bahagian ini lebih kurang 50 muka surat yang telah saya tulis. Bab 3 adalah antara bahagian kegemaran saya, iaitu melibatkan responden, spss, analisis kajian dan jenis kajian.

Jenis kajian kuantitatif atau kualitatif atau gabungan perlulah dilakukan oleh siswa PhD. Tahap PhD digalakkan memasukkan elemen kualitatif untuk menampakkan kematangan dalam penulisan tesis. Bahagian ini memerlukan kemahiran analisis data yang cekap dan baik. Saya menulis kajian berbentuk kuantitatif, namun kajian ini disokong oleh dapatan kualitatif. Penggunaan perisian seperti SPSS dan Nvivo diperlukan dalam kajian ini. Perisian ini boleh didapati secara berlesen melalui pihak universiti. Saya menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM berkaitan analisis data menggunakan perisian tersebut. Ini sangat perlu untuk kita gunakan semasa analisis data. Saya mencatat dan membuat rakaman audio penceramah, supaya kita dapat memahami semula jika terlupa.

Hubungan dengan pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri perlu ada bagi membantu penyelidik menjalankannya di sekolah, atau mendapatkan responden melibatkan sekolah. Saya menjalankan kajian di empat buah sekolah di negeri Perak. Alhamdulillah, guru dan murid memberikan kerjasama yang sangat baik, kerana saya menggunakan laman sosial Facebook dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penggunaan makmal komputer, masa PdP, guru, bahan pengajaran, Internet, akaun Facebook dan lembaran kerja perlu digunakan semasa PdP. Keadaan ini sangat sukar dan mencabar, namun, hubungan dan kerjasama yang baik telah memberikan hasil yang sangat baik kepada saya.

Hasil penulisan yang lengkap, perlu ada pembaca kedua untuk melihat secara keseluruhan, mungkin kesalahan ejaan dan ayat yang berulang, atau ayat terlalu panjang. Ini adalah kerana, kita sebagai penulis sudah tidak sedar jika ada kesalahan kerana kita telah membaca banyak kali ayat tersebut. Pembaca kedua mungkin terdiri daripada rakan-rakan sepejuangan, atau bahagian-bahagian tertentu di universiti, misalnya Jabatan Bahasa. Pembaca kedua tesis saya adalah rakan saya sendiri, iaitu seorang guru dan tugas beliau adalah membaca dan membetulkan kesalahan ejaan, jika ada ayat yang kurang menarik, beliau akan menukarkan warna tulisan kepada merah untuk memudahkan saya mengenal pasti tempat yang perlu dibaiki.

Masa untuk proposal defend, saat yang paling digeruni oleh calon PhD. Setelah berbincang dan dipersetujui oleh Penyelia pertama dan kedua, saya menyediakan persembahan power point sebanyak 12 slaid sahaja, kerana pembentangan hanyalah 20 minit di samping penerangan. Saya tandakan dengan kertas berwarna pada setiap muka surat yang telah dibaca. Andaikan soalan-soalan yang tidak difahami oleh pihak panel nanti, dan sediakan jawapannya. Biasanya proposal defend memakan masa selama satu jam keseluruhannya. Dan, terimalah kenyataan jika apa yang kita tulis adalah tidak menepati, dan perlu buat pembedulan.

Biasanya, proposal defend mesti ada pembedulan, kita jangan sombong dan ingin menegakkan juga yang kita adalah benar. Perjelaskanlah sebaiknya dalam pembentangan ini supaya panel dan para hadirin yang ada jelas dengan apa yang ingin kita kaji. Proposal defend adalah sangat baik kerana ia membantu penyelidik membaiki kelemahan yang ada, dan mengekalkan kekuatan yang ada.

Jangan buang masa untuk membuat senarai pembedulan kepada Penyelia, dan setelah disahkan, jalankan kajian seterusnya kerana kita tidak tahu perkara-perkara yang akan menghalanginya kemudian hari.

Bab 4 dan 5 seterusnya perlu diselesaikan oleh penyelidik. Semasa menjalankan penulisan bab 4, gunakan kemahiran yang ada sepenuhnya dengan nombor-nombor dan bukti-bukti yang ada bagi menjawab hipotesis dan persoalan kajian. Dari sini, saya sudah dapat melihat jangkaan bahawa kajian saya ada mendapat hasil dapatan yang baharu. Menarik bukan? Dalam bab 5, teruskan dengan menulis hasil dapatan berserta dengan sokongan pendapat. Jika ada dapatan yang baharu, buktikan bahawa ianya memang terjadi. Jika dapatan menolak hipotesis juga, perlu dilaporkan. Penyelidik tidak boleh bias.

Bersedia untuk sesi viva, dengan persembahan power point, jawapan-jawapan dan jangkaan soalan daripada panel. Panel saya terdiri daripada dua pensyarah daripada USM Profesor Dr. Wan Mohd Fawzy Wan Ismail dan Prof. Madya Dr. Balakrishnan Muniandy dan seorang daripada Universiti Teknologi Malaysia, iaitu Prof. Madya Dr. Nooraffandy bin Yahaya. Yakin bahawa kajian ini adalah hasil kajian yang dijalankan melalui prosedur yang betul, hasil dapatan juga diperoleh melalui hasil analisis. InsyaAllah, panel-panel akan membantu kita.

Alhamdulillah, ayat yang paling manis saya dengari pada akhir sesi viva “Tahniah, Dr. Hamdiah binti Jailani, anda telah berjaya dan lulus dalam sesi viva dan diberikan masa selama tiga bulan untuk membuat pembedulan. Kami mengucapkan syabas dan semoga Dr. Hamdiah boleh konvokesyen secepat mungkin.” Perasaan pada masa ini, sangatlah bersyukur kepada Allah SWT. Bukan mudah untuk mendapat segulung PhD, namun ianya bukanlah mustahil, dengan keizinan Allah dan berkat doa ibunda dan keluarga tercinta.

Antara cabaran yang saya hadapi semasa menjalankan PhD ini adalah pemergian ibunda tercinta semasa saya menulis Bab 4. Terasa semangat patah, dan dari situlah penulisan saya menjadi perlahan sedikit. Selain daripada itu, cabaran untuk mendapatkan sekolah yang mempunyai makmal komputer yang lengkap dengan Internet juga sukar. Saya perlu menyediakan portable Internet ketika menjalankan kajian tersebut.

Peringkat PhD adalah peringkat kita menjalani pendidikan lebih kepada perseorangan, jadi kadang kala idea yang datang juga kurang, dan kadang kala stress juga hadir dalam pemikiran saya. Nasihat saya agar jangan kita layani perkara-perkara negatif ini, dan perlu dihadapi untuk menyaipkan penulisan hingga ke penghujungnya.

Tulis dan terus menulis. Disiplinkan diri dan bekerja keras serta bijak dalam menjalankan penyelidikan. Sentiasalah menjaga hubungan dengan Allah SWT dengan berbanyakkan berdoa kepada-Nya. Bantu juga rakan-rakan yang menghadapi masalah-masalah dalam penulisan. Saya juga membantu Penyelia saya dengan menjadi Pembantu Penyelidik bahagian analisis data kepada beliau.

Disamping itu, saya juga menghasilkan beberapa jurnal dan dibentangkan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Jurnal-jurnal yang dihasilkan juga adalah sebahagian analisis data daripada tajuk tesis penulisan saya.

Pada akhir kalam ini, saya akui memiliki kelemahan sebagai insan biasa. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada pembaca semua, kerana saya bukanlah yang terbaik. Kini saya bertugas di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh sebagai Pensyarah Akademik di Jabatan Ilmu Pendidikan. Terasa pahit, namun akan manis jua akhirnya.

Allah berfirman dalam Surah al-Talaq (3) yang bermaksud: Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sebagai pelajar PhD, saya telah berusaha sebaik mungkin, bersabar dan berdoa, akhirnya aku serahkan segalanya kepada Allah.

Alhamdulillah, Viva PhD saya berjalan selama 45 minit untuk lulus. Pada hari tersebut, saya bertawakal sepenuhnya kepada Allah. Inilah momen yang paling indah sepanjang perjalanan PhD saya, iaitu apabila lulus Viva. Peristiwa bersejarah ini berlaku pada hari Selasa, tanggal 9 Mac 2017 jam 2.30 petang. Penilai utama Viva ialah Profesor Dr. Zuria Mahmud dari UKM. Sebelum dipanggil masuk ke Bilik Viva Al-Farabi, saya sempat menghubungi dan meminta insan-insan yang menyayangi mendoakan saya. “Ya Allah, jika ada perbuatan baik aku, permudahkan urusan viva aku ini”. Aamiin...., “Mariah ni....dia relaks je masa viva. Tenang saja menjawab soalan-soalan panel dengan baik. Lepas lulus viva baru dia takut”, bunyinya agak lucu, tapi itulah komen penyelia saya, Prof. Dr. Mohamad Aziz Shah bin Mohamed Arip. Bertuah saya memilih beliau sebagai supervisor, beliau sangat mengambil berat dan sangat positif dalam membimbing pelajar. Terima kasih Prof. Mas.

Sebenarnya, saya memulakan perjalanan PhD saya pada tahun 2013 dengan sikap dan pemikiran yang penuh dengan keraguan untuk selesaikannya. Namun sebagai kaunselor saya membuat refleksi dan cuba menggunakan kesemua pengetahuan dan kemahiran yang ada untuk membina dan melaksanakan strategi pembelajaran saya secara sistematik dan terancang. Saya berjaya membuang pemikiran negatif dan menggantikan dengan semangat, keyakinan dan tindakan yang tepat bagi merealisasikan PhD di genggaman saya secara rasminya pada majlis konvokesyen UPSI kali ke-19 pada tanggal 24 Oktober 2017. Saya bukan terbaik, namun izinkan saya menceritakan beberapa langkah yang saya ambil dan ianya berjaya memudahkan perjalanan PhD saya. Semoga perkongsian yang tidak seberapa ini membantu atau memberi motivasi kepada para pembaca budiman. Berikut adalah beberapa langkah yang saya amalkan.

Pertama. Berdoa dan berusaha. Doa adalah kekuatan kita. Mungkin bukan doa kita yang tuhan makbulkan tapi doa insan-insan yang mengasihi kita. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada suami, Dr. Mohamed Jefferi bin Hj. Mat Lazim, anak-anak, adik beradik, saudara mara serta sahabat yang mendoakan kejayaan saya. Selain berdoa, usaha sedaya upaya untuk berjaya adalah sangat penting.

Kedua. Saya hapuskan mitos-mitos palsu tentang PhD. Ada mitos mengatakan perjalanan PhD penuh getir. Hanya genius mampu memiliki PhD. Hapuskan mitos-mitos ini dengan fakta yang betul. Mitos perlu dilenyapkan supaya kita dapat membina pemikiran, sikap, emosi, strategi dan keyakinan diri untuk memulakan dan menamatkan PhD dengan jayanya. Fakta yang benar tentang PhD adalah kita kena kreatif dan kritis. Terdapat pelbagai cara atau alternatif untuk kita berjaya. Kajian peringkat PhD yang kita buat bukanlah sampai tahap mengubah dunia. Kita hanya ingin menjalankan kajian dan lulus PhD. Kajian kita pula hanya menyumbang kepada pengetahuan atau kemahiran baharu. Jangan ada yang mengalami tekanan sepanjang perjalanan PhD. Saya mengambil apa yang ditekankan oleh Albert Ellis, kepercayaan tidak rasional pada diri individu yang menyebabkan berlaku permasalahan kepada emosi dan perlakuan. Berfikir secara rasional

kerana akan membawa kepada keberkesanan, kebahagiaan dan kecekapan dalam apa yang kita lakukan. Tanamkan keyakinan bahawa kita mampu menggenggam segulung PhD dan perkara itu tidak mustahil. Berapa ramai yang telah berjaya kenapa tidak diri kita.

Saya telah melaluinya dan perjalanan PhD saya tidak segelintir dalam mitosnya. Saya menikmati setiap perjalanan PhD saya sebagai satu kenangan manis dan saat bahagia apabila berjaya diiktiraf melalui gelaran Dr. Sebenarnya saya menyambung pengajian PhD ini bermatlamat untuk menambah ilmu, mencari kepuasan dan untuk mengetahui potensi diri.

Ketiga. Pelajar PhD perlu ada matlamat yang jelas dan strategi pembelajaran yang tepat. Banyak cara untuk berjaya. Letakkan matlamat jangka pendek dan jangka panjang bagi kajian yang dijalankan dan mengikut tempoh masa yang kita tetapkan. Rancang dan siapkan kerja dari awal, jangan bertangguh. Matlamat ini akan memacu usaha dan pencapaian kita.

Di samping itu tingkatkan ilmu, pengetahuan dan kemahiran dalam menguasai strategi melaksanakan kajian peringkat PhD supaya permulaan dan pengakhiran pengajian kita dilaksanakan dengan betul. Saya ingin ingatkan, tidak ada jalan singkat untuk menggenggam PhD. Kesabaran sangat perlu.

Keempat. Buat kajian berdasarkan bidang yang diminati. Minat akan merangsang keinginan dan menjadi pendorong yang sangat kuat untuk menjayakan matlamat. Pada peringkat sarjana dan PhD saya fokus kepada kajian modul. Pengetahuan dan kemahiran sedia ada sewaktu pengajian peringkat sarjana memudahkan proses pengajian PhD saya. Seorang pelajar PhD perlu kuasai kemahiran menulis tesis secara berkesan, cekap, pantas di samping berkemahiran dalam pelbagai aplikasi terkini.

Selain itu, pemilihan penyelia yang sesuai dengan bidang kajian sangat penting. Supervisor saya memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan sesuai dengan bidang yang saya kaji. Pemilihan supervisor yang tepat adalah sangat signifikan dengan kejayaan kita. Ingat, pilihlah dengan bijak.

Kelima. Menghargai pasangan dan keluarga. Jangan abaikan tanggungjawab dan peranan kita terhadap keluarga. Jangan jauhkan orang yang paling hampir dengan kita atas sebab kita adalah pelajar PhD. Keluarga adalah keutamaan saya. Tanpa sokongan suami dan anak-anak saya tidak mampu menggenggam ijazah kedoktoran ini. Di samping kita belajar kita perlu membina keluarga yang bahagia dan ceria.

Keenam. Kita perlu memiliki rakan dan sahabat dalam menyusuri berjalan PhD yang panjang. Jangan belajar seorang diri. Sepanjang permulaan dan pengakhiran pengajian PhD, saya temui ramai orang yang menjadi rakan dan sahabat saya. Mereka telah memberi sedikit sebanyak sumbangan terhadap pencapaian saya. Ini kerana kita tidak sempurna, kita bukan mahir dalam semua ilmu atau bidang. Sebenarnya, banyak ilmu dan kemahiran ada dalam kalangan rakan dan sahabat di sekeliling kita.

Ketujuh. Hadapi setiap cabaran dengan tenang dan sabar. Saya yakin setiap pelajar PhD ada skrip perjalanan masing-masing. Ada suka dan duka. Sepanjang pengajian PhD saya, saya dipilih untuk berbakti menjaga adik, ayah dan ibu yang sakit pada masa yang berbeza. Saya dapat melaluinya dengan hati terbuka. Dan mungkin kerana itu juga saya dipermudahkan dari awal hingga akhir perjalanan PhD saya.



Sebelum berakhir, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG) KPM yang menaja tiket perjalanan pengajian Sarjana Sains Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pengajian Doktor Falsafah Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Semoga BPG, KPM terus memacu cemerlang pendidikan negara. Terima kasih juga kepada supervisor saya, pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGKI), suami, anak-anak, adik beradik, saudara mara serta sahabat handai yang mewarnai perjalanan PhD saya dengan sangat indah.

Ini sahaja secebis kisah perjalanan saya dalam melengkapkan pengajian PhD. Semoga anda yang membaca coretan ini beroleh kejayaan dan dipermudahkan segala urusan pengajian anda. Sekian.

“Adik, dah besar nanti nak jadi apa?” Tanya Abang Zi.

“Nak jadi Profesor !” Jawab budak kecil berusia empat tahun itu kepada abangnya sambil menggelongsor turun pada bahagian pemegang tepi tangga, bukan menuruni ikut anak tangga.

“Adik tau ke kerja Profesor tu apa?” Tanya Abang Zi menduga.

“Entah,” Adik menggeleng.

“Habis tu macam mana Adik tau perkataan Profesor tu?”

“Adik baca dari buku la, dia orang pandai tapi kerja macam mana Adik tak tau” jujur Adik berterus terang.

Abang Zi ketawa. Dia tahu adiknya rajin membaca tidak kira buku dan majalah serta komik sejak mula pandai membaca pada usia tiga tahun lagi.

Tersentak daripada lamunan. Layangan perasaan dan fikiran tadi mengimbau kenangan 47 tahun yang lalu. Budak kecil yang tak mengerti perkataan “Profesor” itu adalah saya, Dr. Mohamed Jefferi bin Haji Mat Lazim. Terpahat bait-bait butir bicara saya dengan arwah abang, Allahyarham Mohamad Fakhharurazi bin Haji Mal Lazim, seolah-olah baru sebentar tadi kami bergurau tentang hal tersebut.

Allah hu akbar...Allah Maha Besar...Subhanallah...Maha Suci Allah...

Abang, adik belum bergelar Profesor, tapi adik telah memahami erti perkataan tersebut, dan adik telah menggenggam Ijazah Doktor Falsafah yang melayakkan adik bergelar Doktor. Kenangan indah ini antara secalit warna dorongan daripada puluhan warna-warna dorongan yang lain di atas kanvas lukisan contengan coretan saya dalam Latisan Menggapai Bianglala....

Sebelum saya meneruskan ribuan jumlah abjad atau huruf dalam usaha berkongsi coretan pengalaman yang tidak seberapa ini, izinkan saya menghuraikan sedikit mengapa saya memilih tajuk Latisan Menggapai Bianglala.

Latisan bermaksud jalan. Menggapai bererti mencapai dan maksud Bianglala ialah pelangi. Jadi keseluruhannya bermaksud Jalan Mencapai Pelangi. Tentunya untuk mendapatkan keindahan warna-warna pelangi itu sesuatu yang bukan mudah. Inilah yang tersirat cuba saya ungkapkan dalam mendakap segulung Ijazah PhD.

Dalam usaha menghabiskan pengajian peringkat PhD, saya percaya seseorang itu amat memerlukan ketekunan dan motivasi yang tinggi dalam pelbagai aspek. Motivasi diri dan persekitaran memainkan peranan penting untuk seseorang terus fokus menyiapkan tesisnya. Saya percaya setiap individu yang melanjutkan pengajian di peringkat PhD ini mempunyai pengalaman yang berbeza dari mula beliau mendaftar sehinggalah berjaya menyerahkan tesisnya dan konvokesyen sebagai tanda tamat pengajian. Di sinilah saya dengan rendah diri berkongsi sedikit pengalaman bagaimana saya beroleh PhD.

Saya ingin berkongsi cabaran perjalanan PhD saya, bermula bagaimana saya mengharungi peringkat Sarjana dalam bidang Sains Politik (Political Science) pada tahun 2002, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), secara separuh masa. Saya kira pengalaman ini perlu dikongsi kerana sifat cekal dan tidak mudah putus asa akan membawa kejayaan. Belajar separuh masa bererti saya belajar sambil bekerja. Saya berulang-alik dari Kuarters Guru Sekolah Menengah Lui Barat (Felda) (sekolah tempat isteri bertugas), Jempol Negeri Sembilan ke UKM lebih kurang 3 jam perjalanan pergi dan 3 jam juga untuk balik. Saya ketika itu mengajar di Sekolah Menengah Bandar Baru Serting, Bandar Baru Serting, Jempol Negeri Sembilan (kini ditukar kepada Felda

Raja Alias, Bandar Seri Jempol). Segar lagi dalam ingatan, setiap hari Khamis, waktu mengajar saya bermula 7.30 pagi sehinggalah waktu rehat bermula jam 10.10 pagi. Sebaik sahaja tamat kelas pada jam 10.10 pagi saya bergegas memandu menuju ke UKM bagi mengikuti kelas yang bermula jam 2.30 petang hingga 5.30 petang. Sebelah malamnya pula kelas bermula jam 8.00 sehingga 10.00 malam. Ada ketikanya berlarutan sehingga jam 11.30 malam. Selepas tamat kelas, saya balik ke Lui Barat. Oleh kerana penat ada kalanya saya sampai ke rumah jam 3 atau 4 pagi Jumaat. Tidur sebentar, 6.30 pagi bangun siap untuk pergi mengajar. Seperti semalam (Khamis) selesai sahaja mengajar jam 10.10 pagi saya memandu semula ke UKM untuk kuliah jam 3.00 hingga 5.00 petang. Sebaik tamat kuliah, solat dan makan, saya bergerak balik ke Lui Barat, dan tiba di rumah jam 10 atau 11 malam. Jika penat saya berhenti melelapkan mata di mana sahaja rasa mengantuk, dalam kereta saya merehatkan badan. Terima kasih kepada Pengetua Sekolah Menengah Bandar Baru Serting ketika itu membenarkan saya belajar dan Penolong Kanan yang menyusun jadual mengajar saya setiap hari Khamis dan Jumaat tamat jam 10.10 pagi bagi membolehkan saya menghadiri kuliah. Begitulah selama 3 tahun setengah saya berulang-alik daripada Lui Barat, Negeri Sembilan ke UKM, Bangi sehingga tamat pengajian dan konvokesyen Sarjana saya pada tahun 2006. Ketika ini saya telah memiliki dua orang cahaya mata, Nurul Atirah dan Mohamad Azim Shah. Tahun 2003 isteri saya juga memulakan pengajian peringkat Sarjananya di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan tamat pada tahun 2007. Adakalanya kami sama-sama ke Kuala Lumpur. Saya menghantar dia ke UPM dan kemudiannya saya ke UKM. Kadang-kadang kami terpaksa meninggalkan kedua-dua cahaya mata kami yang masih kecil kepada pengasuh sampai dua hingga tiga hari seminggu. Tangisan mereka berdua ketika menghantar ke rumah pengasuh amat memilukan namun keazaman mengatasi segala-galanya. Ada masanya isteri saya terpaksa memandu seorang diri ke UPM dan saya menjaga anak-anak. Apabila balik malam saya membawa anak-anak menunggu isteri di Kuala Pilah. Bila isteri saya sampai, saya akan memandu mengekorinya dari belakang sehinggalah sampai ke rumah. Ini kerana jalan dari Kuala Pilah ke Lui Barat adalah hutan tebal serta melalui ladang kelapa sawit dan getah yang begitu gelap tanpa lampu jalan di kiri dan kanannya.

Sebaik sahaja tamat pengajian peringkat Sarjana, saya telah berpindah ke Perak dan ditempatkan di Sekolah Menengah Dato Haji Mohd Taib, Chemor pada tahun 2005. Saya ingin meneruskan pengajian pada peringkat PhD dalam bidang Sains Politik. Oleh kerana bidang ini tidak ditawarkan tajaan oleh Kementerian Pendidikan sama ada biasiswa ataupun cuti belajar sepenuh masa, saya tidak terus mendaftar sebagai pelajar PhD. Sebaliknya saya mengumpulkan sebanyak mungkin bahan-bahan untuk tajuk tesis saya nanti. Saya telah memilih tajuk berkaitan Masyarakat Sivill. Walaupun saya belum mendaftar sebagai pelajar, tetapi saya telah mendapatkan Supervisor saya, seorang pensyarah bidang Sains Politik di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Saya telah berbincang dengannya beberapa kali bagi menentukan hala tuju tesis saya nanti. Alasan saya tidak mendaftar terlebih dahulu adalah bagi menjimatkan masa dan wang. Saya berpendapat setelah saya lengkap mendapatkan bahan-bahan untuk penulisan tesis saya, saya akan mula menulis. Apabila hampir separuh atau lebih saya menulis barulah saya akan mendaftar. Saya faham peringkat PhD bukanlah mudah. Lebih sukar kerana saya tidak mendapat cuti, tentulah sukar saya mendapatkan bahan. Namun tidak lama kemudian saya terpaksa juga mendaftar segera kerana USM ketika itu akan di naik taraf sebagai Universiti Apex dan jumlah yurannya naik 100 peratus. Jika saya tidak mendaftar selepas diiktiraf, saya terpaksa membayar yuran yang sangat mahal.

Setelah saya melalui dua semester sebagai pelajar bidang Sains Politik di USM, isteri saya menasihati saya supaya memohon cuti belajar. Beliau berpendapat adalah sukar bagi saya mengharungi pengajian tanpa cuti memandangkan terpaksa berulang alik dari Ipoh ke Pulau Pinang, memandangkan usia semakin meningkat. Di sini saya menghadapi dilema di mana saya

sangat meminati bidang politik, sebaliknya jika saya memohon cuti belajar, bidang Sains Politik tidak ditaja. Akhirnya saya cuba memohon bidang sejarah dengan tajuk berkisar kepada sejarah politik Malaysia. Setelah 4 kali memohon (setiap tahun) akhirnya pada 2013 permohonan cuti belajar saya diluluskan oleh Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan dalam kategori Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) kerana usia pada tahun tersebut 42 tahun. Polisi kementerian pada tahun itu, bagi sesiapa yang umur lebih 40 tahun tidak diberi biasiswa (saya memohon setiap tahun sejak usia 39 tidak lulus...ha..ha..). Tanpa biasiswa bererti saya diberi cuti selama tiga tahun tetapi perlu bayar sendiri yuran pengajian dan apabila tamat pengajian, tesis yang dihantar tidak akan dibayar sugu hati oleh Kementerian). Namun saya tetap bersyukur dan berterima kasih diberi peluang cuti belajar untuk pengajian PhD saya.

1 Mac 2013 saya mula bercuti. Namun sebelum cuti saya diluluskan, saya telah pun mendaftar di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan telah melalui semester dua di bawah seliaan Prof. Dr Ishak Saat dan penyelia bersama Prof. Madya Dr Khairi Ariffin. Bermula tahun ini juga kesihatan ayahanda saya mula merosot akibat buah pinggang. Ayahanda dan bonda tinggal dengan saya sejak kesihatannya kurang baik. Oleh kerana kesihatannya semakin merosot adik saya meminta untuk menjaga orang tua saya kerana faham keadaan saya. Walaupun cuti tetapi perlu menulis dan mencari bahan tesis. Adik saya seorang pensyarah bidang kimia di UKM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azwani Shah, tinggal di Bangi. Apabila orang tua saya tinggal dengan adik, saya kerap ke Bangi menziarahi orang tua saya di samping mengumpul bahan dari Arkib Negara. Ketika ini juga ayahanda saya kerap keluar masuk hospital sama ada Hospital Serdang atau Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Sama kerap juga saya menemani ayahanda setiap kali beliau masuk hospital. Sehingga tahun 2016 ayahanda saya tidak mampu bangun, terbaring dan makanan pun hanyalah susu yang disalurkan melalui hidung. Sebagai anak yang begitu rapat dengan ayahanda dan bonda perasaan saya amat sedih dengan keadaan ini. Saya terpaksa mendahulukan keperluan ayahanda saya dengan membantu adik saya menguruskannya. Di sinilah saya mengurangkan sedikit tumpuan saya kepada pengajian. Bukan kerana ayahanda saya, tetapi saya yang rasa “down” dengan keadaan ayahanda yang amat menyedihkan. Sehingga tamat tempoh cuti belajar saya, saya pada 28 Mei 2016, saya belum dapat melengkapkan penulisan tesis saya. Dalam pada kebimbangan saya terhadap ayahanda saya, tanpa diduga abang saya yang baru pencen setahun sebagai anggota polis meninggal dunia pada tanggal 24.4.2016. Memang sangat menyedihkan dengan perginya abang yang disayangi secara mengejut.

Tanggal 17.6.2018 hari ketiga hari raya Aidil Fitri sekitar jam 3 pagi ayahanda tersayang telah pergi buat selama-lamanya dalam tidur. Hal ini benar-benar memberi kesan kepada saya. Pada ketika ini saya dalam fasa untuk menghantar draf terakhir tesis saya. Selesai urusan berkaitan pengebumian ayahanda, saya bertekad menghantar tesis saya di mana saya sedang menyemak berkaitan teknikal penulisan. Akhirnya genap seminggu ayahanda pergi, saya selesai menghantar tesis dan menunggu tarikh viva. Selepas selesai viva pada 12.10.2018, saya membuat pembetulan dan pada bulan Mei 2019 saya telah berjaya menghantar tesis lengkap untuk kelulusan akhir pihak Senat UPSI.

Di peringkat ini, hanya ketepatan Abstrak sangat dipentingkan oleh Senat. Akhirnya Senat telah bersidang pada 13 Ogos 2019 dan Alhamdulillah, tesis saya telah diluluskan oleh Senat dan saya layak bergraduasi sebagai mahasiswa PhD. Subhanallah....Segala ujian bagi Mu ya Allah, segala cabaran dan liku-liku menggenggam Ijazah Kedoktoran telah berjaya saya peroleh. Tarikh 19 November 2019 saya berada di atas pentas utama pada sesi pertama menerima ‘scroll’ daripada Yang Teramat Mulia Raja Permaisuri Perak, Tunku Zara Salim selaku Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, disaksikan oleh keluarga tersayang.

Biarpun ayahanda dan abang tidak dapat menyaksikan kejayaan ini, namun saya tahu mereka sentiasa mendoakan kejayaan saya semasa hayat mereka. Sesungguhnya ketekunan, kecekalan dan sokongan orang di sekeliling seperti keluarga sangat perlu dalam menuju kejayaan. Secara peribadi, tulang belakang dan semangat kekuatan saya adalah isteri saya, Dr. Mariah Kamaruddin yang tidak terhitung pengorbanannya kepada saya. Anak-anak juga menjadi sumber inspirasi kerana sentiasa memahami dan terpaksa melalui sama saat-saat kesukaran mempunyai ibu bapa yang menyambung pengajian. Adakalanya mereka terpaksa mengorbankan keriangian tidak seperti kanak-kanak atau remaja-remaja lain yang seusia dengan mereka.

Selain itu, kekuatan dalam diri sendiri juga amat penting dengan berdoa bersungguh-sungguh ke hadrat Ilahi agar memudahkan segala urusan. Semoga Latisan Menggapai Bianglala saya memberi manfaat kepada sesiapa yang membacanya dan semoga Allah menerima coretan ini sebagai ibadah di sisi Nya. Kepada Allah jua saya memohon keampunan....

The moment I had decided to register for my doctorate program in University of Education Sultan Idris, I knew that I had to anticipate a very long, stressful and difficult journey. My mental preparation was there and I always prayed that I would be able to persevere and remain resilient in this tough journey. I knew I had to cope between office work, housework and writing my thesis. The first hurdle which I needed to overcome was my time management. Juggling between office work and house work was not easy at all. Official work starts when I clock in at 8 a.m. and ends when I clock out at 5 p.m. After 5 p.m., I had to begin my household chores which starts immediately after I reach home after work. I had to prepare dinner every night, coach my son and daughter in their homework or studies as well as doing other household chores that needs to be attended to everyday.

Whatever it was, I held on to my principle that I will not neglect my family despite the need to complete my PhD. Many people often asked how I am able find the time to read and write my thesis. With this, I shall elaborate on how I had managed my time.

Well, to complete the PhD on a part-time basis, it is really not easy. I had to come out with a few rules and regulations on myself in which I had to follow closely. I had to be really disciplined and to always stick closely to the targeted dateline which I had set to complete a certain task. If I were to tell myself that I had to read up five articles or journals in two weeks' time means that I must do it! There was certainly no room for procrastination. All the reading that I need to do was done during my free time in college (at work).

After completing my college task, I will immediately do my reading up with the extra time that I have during the day. As most of my teaching hours were quite well spread out, reading articles and making notes were usually done in between free time, and also in the afternoon. Putting effort and discipline into action was hard but it is something not to be compromised. I had to be extremely disciplined in this matter.

Another wonderful task that really helped me was the ability to access the digital library. With the advancement in ICT, the digital library saved me a great deal of time. I didn't need to literally hop from one university library to another library searching for reading materials which I had done during my Master's program. It was really time consuming and costly. I really thank God that the digital library came in handy for me at the right time. Everything was downloaded for later reading. I also preferred to read articles in soft copy as I could enlarge its font...What to do? Age is catching up. Of course, at the same time, I also had selected some print out articles to read too. There would always be one or two articles that I had printed out and put into my hand bag or even a book in my car as standby. When I was stuck in traffic waiting for my children school dismissal, I would read those articles that I have put in my bag. This is one of my ways to find extra time to do my reading and to fulfil the targeted dateline which I have set to finish. No reading for me during night time, as I would always be totally worn out after dinner and my eyes could hardly open to do anything. I always need a good sleep of at least 7 hours as my day starts early as 5.30 a.m. since my children need to move out from home to school by 6.30 a.m. Sticking to time and schedule set is a very important factor.

Accessing to international articles and journals opens up my mind and not confine it in a small cocoon. This is one of the insights which I have gained when I started to read and explore what others have done in the world concerning the research that I was doing. It was such a mind opening experience and it indirectly helped me to improve my command of the English language. I had to check through the dictionary most of the time. I was born in the era of where 'Communication English' was introduced to me in my school curriculum. Through this learning experience, I would always advise my students that they need to be able to read articles in English as there is a wide and big dimension of knowledge that they needed to explore and investigate. We cannot have a close-minded thinking that many people out there who are not doing certain things just because we are ignorant about it. Reading widely had also helped me in searching for the knowledge gap which is needed in research.

Another thing which I am grateful for is to have a supervisor who is pushy. He had his own schedule for me and he would always make sure that I will meet him at the proposed date that had been set. Of course, I have my own scheduled time too, but being human and multi-tasking too many things at one time, I did slack once a while. He would call on me whenever he felt I was lacking and would give me a gentle reminder to push me back on track. So, you can just imagine how I felt whenever I heard my supervisor's ringing tone on my hand phone. It sends me chills all over my spine when I heard the tune "Uptown Girl" ringing. That was the ringing tune I had purposely set on my phone for his number.

Writing out each chapter was also an agonising experience. Every step that I took required me to read up more before I could even proceed with anything else. It was not just any ordinary reading about my research topic but about everything else that comes along with the topic. These are the following questions that came along while writing such as "How to write your bibliography correctly following the APA style?", "How do you write research questions correctly?", "What is the difference between theoretical framework and conceptual framework?", "What is quantitative research and how do I analyse data?" and so much more. To write out a whole chapter, I have to read up that much just to be able to write a small paragraph of the chapter in order to make sense. I had no choice but to read up the whole book pertaining to "Research in Education" in order to write a chapter related to it. Not forgetting too, doing my data analysis required SPSS skills. For that, I had to read up on how to use the SPSS programme first before I could even start to analyse my data. Reading it is one thing, understanding whatever I had read was another problem. Sometimes, I had to read a few books just to understand a concept. That was really tough for me as some knowledge was not easy to compute. Once again, I was very lucky and thankful that my good friend was there to help me out whenever I desperately needed some guidance in my research. She just came back from England with a doctorate degree and she was the right person to enlighten me on how to analyse my data. The moral here is you cannot stop reading, comprehending knowledge, thinking and processing information. The whole thing would seem like infinity until you have finally completed your thesis. There is no easy way out, it is through hard work, discipline and non-stop reading. You should also not feel embarrassed to ask anything especially if it is something you are not sure about.

Maximising my study leave (I was entitled to apply for a 30 days study leave) was also another important factor for me as I seriously needed it. With the approved holiday, I could do quite a good sum of writing up for my thesis when I do not have to attend to office work. By disciplining myself to wake up the same time as working days, after sending my children to school, I could start working on my writing and reading up. In the 8 hours that I have at home, there was a lot of catching up in writing and reading.

Lastly, besides working hard, I had also prayed hard so that I could meet the right people who could facilitate me in completing my PhD. People of knowledge and all those who were willing to help and motivate were the people I had always hoped to encounter. Crossing paths with people that like to condemn, demotivate or love to scold unnecessarily while not contributing the right guidance were those people I totally tried to avoid. Oh yes, there were also many uncontrollable factors throughout the process of completing PhD. For example, the selection of examiners for the viva, the time taken for examiners to read your thesis, the date to meet up with the dean of the faculty and etc. These things may even take up more than a year for the whole process to go through smoothly. Hence, the waiting time is agonising and the key point to this whole thing boils down to one word: patience, patience and patience! These were all external factors and there was nothing much I could do but to just adhere to the system and wait.

Finally, when everything is over, I have learnt that there is so much more to learn and learning is really a lifelong process. The knowledge that I had acquired is just part of the learning process which I need to step further on. The moral is not to think that getting a PhD means you already know everything. No! There is still just so much more knowledge out there where you need to explore continuously, just about everything. Whatever it is, you must have the passion to read more, just keep reading and reading....endure a life time learning process in knowledge seeking.



I often wish that I could say that I was motivated to pursue my doctorate degree because it was a lifelong ambition or I had a thirst for knowledge that I had to quench. The truth was that I needed a change, something to enhance my current 8.00 to 5.00 job. So when a colleague and good friend asked me to start my doctorate studies with her on a part time basis while working full time, I naturally agreed. The plan was to motivate each other on the journey and graduate in four years. Until today, I am grateful to her for pulling me along because, if left to my own devices, I am quite sure I would not have pursued my studies or graduated.

The emotion that constantly plagued me on this journey was guilt. It would shroud me whenever I did anything remotely fun like watching television, going for a movie, joining family and friends on a holiday. There was always a voice at the back of my mind telling me that my free time should be used to read articles, analyze data and write up my thesis. I must say that on most occasions, I successfully yanked the 'feeling of guilt' out of my mind and carried on with these activities. However, 'guilt' would not easily release its hold and I would relent and carry my articles and my notebook with me on all outings and holidays.

I signed up for my doctorate in 2011 under an experienced and very philosophical supervisor. From my first meeting with him, I realized that my knowledge was neither deep nor current. During our conversations, I can honestly say that I understood only 40% of what he talked about. He insisted I read articles and other research materials for more than 6 months before I narrow down my research focus. By the time I had pinned down my research focus, I was quite informed on the subject matter and could carry out a decent conversation with my supervisor.

My friend and I would usually make our appointment to meet our supervisors on the same day. Our journey to the university would take almost 2 hours. In order to calm our selves (the calm before the storm) it was our custom to talk about family, work and everything and anything else other than our research and thesis. The trip back from the university was the exact opposite. On the drive back after my indoctrination session with my supervisor, I was usually motivated and full of resolve to put more effort and time into completing my thesis. However, as we cross the state border and reach closer to home, the reality of work, chores and family would hit and the zest for research and the timelines that I had set as I drove away from the faculty building would begin to fade.

My journey took another unexpected turn when after two years into my research, my supervisor abruptly told me that he was leaving the university. Although I was screaming inside and visualizing getting on my knees and pleading with him not to leave me alone to face the task of doing my PhD, I had to act professionally and wish him all the best in his new appointment. It was the worst time to be without supervision as I was about to present my proposal and had already put into place my plans for collecting data. He assured me that he would suggest that he be replaced by another lecturer who was currently completing his own PhD in UK. I now had a valid reason to procrastinate and decided to put my studies on hold. At that time, I too was facing a family health crisis.

One semester passed, then another and finally in 2014 my new supervisor returned from UK. I must have either been very convincing in my grasp of the research matter or he took pity on my plight but what so ever the reason, he did not suggest major changes in my research plans and confidently asked me to present my proposal. I wish I could say the rest of it was smooth sailing but my journey had actually just begun. I struggled through data collection and writing. The process started and stopped many times. When I had to carry out supervision of my own degree students, my own PhD work took a back seat and my time was spend on reading their work and having discussions with them. I was determined that my work in the institute would not be affected as I pursued my studies. In fact, most of my students had no idea that I was juggling so many things during that period.

Another side effect of pursuing my PhD was weight gain. Due to my late night snacks and constant nibbling, I found that as the number of pages of my thesis increased, so did my weight. I tried to find time to exercise, but found it difficult to do so. I took it in my stride and to accommodate my increased weight and lengthy thesis, I let out the side seams of my cloths and requested permission from the university to allow for the additional pages in my thesis as I had exceeded the limit set by the university. This came with its own problems. Due to the length of my thesis, I was unsuccessful in finding someone to proof read my thesis. So in mid 2016, I reluctantly and with very little confidence submitted it to my faculty for my mock viva. Fortunately my supervisor and a lecturer on my mock viva panel read through my entire thesis and made valuable suggestions on what should be edited out. The remaining stages which included the submit ion of the thesis to the external and internal examiners and the 'viva voce' process made me realize that aggressively defending my ideas and the validity of my research is not easy and I lack the aggressiveness and conviction that the panel was looking for.

Completing my PhD has given me a deep sense of relief, achievement and most importantly satisfaction that my pursuit of self development did not affect my ability to carry out my job as a lecturer and supervisor of my own degree students. The experience has humbled me and enhanced my skills in supervising my own students more systematically and emphatically. I wouldn't say that that it has sparked a lifelong interest in research and publishing but every now and then, an interesting issue in the field of education will entice me to dig a little deeper.

Apabila berbincang tentang hal pembelajaran PhD, seolah-olah perkara ini baharu berlalu. Walaupun sebenarnya sudah selesai hampir 13 tahun. Walau bagaimanapun, detik-detik pahit, masam, manis, suka dan duka masih kekal dalam ingatan selama-lamanya.

Oleh kerana saya seorang mengikuti pengajian kedoktoran secara sambilan, jadi saya selalu mengingatkan diri kena lebih rajin dan selalu bangun tengah malam pukul tiga pagi untuk menelaah dan membuat kajian literatur yang lepas. Di samping, kena bekerja setiap hari selama lapan jam sebagai kaunselor sepenuh masa di sekolah menengah pada masa itu. Peranan saya masa itu terbahagi kepada tiga: a) sebagai seorang kaunselor pelajar, b) sebagai seorang ibu kepada anak yang baharu dilahirkan selama dua bulan serta c) peranan sebagai seorang pelajar PhD secara sambilan selama 3-4 tahun (Julai 2004- Mei 2008). Justeru itu, “masa ibarat emas” bagi saya pada masa tersebut. Saya perlu mengagihkan masa dengan baik setiap hari antara bekerja (8 jam), belajar (seboleh-bolehnya 4-7 jam) serta menjaga anak dan rehat (9-12 jam). Masa itu dengan bimbingan penyelia yang tekun, saya terpaksa berjumpa dengan penyelia setiap minggu untuk hantar laporan bacaan kajian literatur yang lepas selama setahun yang pertama.

Justeru, selepas bekerja setiap hari sampai pukul empat petang, akan kelihatan kereta Myvi saya bergerak pantas laju menuju ke arah Universiti Sains Malaysia dalam tempoh masa sepuluh minit tanpa rehat atau makan. Saya guna masa setiap hari dalam lingkungan 2 jam untuk belajar, membaca dan mencatat kajian literatur yang lepas dalam perpustakaan 1 dan 2 USM yang sejuk dan dingin sebelum ianya ditutup. Kebiasaan saya seorang diri yang dalam bilik “Red Spot” untuk membaca. Masa terus berlalu begitu selama setahun tetapi hati saya penuh dengan tangisan dan tekanan. Tanya diri, sudah jadi cikgu kaunselor sekolah menengah, mengapa masih perlu bersusah payah mengejar segulung ijazah kedoktoran secara sambilan. Masa itu juga mendapat kritikan, pandangan berlainan, iri hati daripada sebilangan rakan sejawat. Masa itu tertekan, stres sehingga hendak berputus asa dan berhenti terutamanya dalam permulaan perjalanan sehingga tahun ketiga, semester keenam. Masa depan tidak tentu arah sama ada berjaya melepasi VIVA, konvokesyen atau tidak sebab menggaji secara keseorangan. Dengan hati yang tabah, usia yang agak muda (33 tahun, jadi tidak dapat biasiswa untuk belajar PhD secara sepenuh masa), pecutan yang baik, selepas belajar sarjana muda dan sarjana tanpa berhenti selama lima tahun serta dorongan dan sokongan penyelia saya yang juga seorang pensyarah kanan di USM yang juga belajar secara sambilan sebelum ini, saya berjaya memecah rekod penyelia saya yang belajar selama lima tahun untuk peringkat kedoktoran. Rekod saya kurang setahun berbanding penyelia saya.

Dalam proses pengajian tersebut, saya mendapati tiga perkara utama yang perlu diambil perhatian dalam perjalanan PhD yang sunyi. Pertama, menjaga hubungan keakraban yang baik dengan penyelia amat penting.

Disebabkan tanpa sokongan dan persetujuan penyelia, kita tidak akan berjaya sampai ke garisan penamat dengan baik. Masa itu, banyak kes hubungan renggang antara pelajar dengan penyelia selalu kedengaran. Pergaduhan sehingga tukar penyelia pun kadang kala terdengar atau hubungan dingin dengan penyelia menyebabkan proses penulisan bab-bab serta maklum

balas, kebenaran penyelia untuk melangkah ke peringkat seterusnya seperti membenteng proposal, mengumpul data, atau ke peringkat penulisan bab empat analisis data serta bab lima perbincangan dan kesimpulan terjejas. Justeru, hubungan antara penyelia dengan pelajar itu sangat-sangat penting dan perlu dikekalkan. Kini penyelia sudah jadi kawan baik saya dan saya selalu berkongsi maklumat, penulisan buku terkini saya dengan beliau walaupun beliau kini hampir bersara.

Perkara yang kedua adalah pengurusan diri dan masa itu sangat-sangat dipentingkan khasnya bagi mereka yang belajar secara sambilan. Selalunya waktu kerja dan kesibukan kerja akan menjadi alasan untuk tangguh proses pembelajaran atau penulisan kita. Justeru, mengadakan jadual waktu belajar secara peribadi itu sangat penting. Saya masih teringat hari pertama perjumpaan saya dengan penyelia, penyelia minta saya membuat jangkaan tempoh pengajian saya supaya beliau lebih faham gaya dan keinginan belajar pelajarinya. Kesimpulan, kami masing-masing menetapkan selama tiga setengah tahun untuk proses belajar peringkat kedoktoran ini sebagai garis panduan dan sasaran dorongan objektif pembelajaran saya. Walaupun masa itu saya juga agak ragu-ragu sama ada saya boleh melengkapkan proses pembelajaran PhD dalam masa tiga setengah tahun atau tidak. Walau bagaimanapun, saya tetap berani bertarung dalam pembelajaran tersebut!

Di samping itu, saya agak bertuah kerana mendapat bantuan dan sokongan ibu bapa serta suami untuk menggalakkan saya meneruskan perjuangan PhD ini. Selalunya suami dan ibu tolong menyusu, memandikan anak serta bermain dengan Grace (anak tunggal saya) sewaktu saya tengah bertarung tenaga dan masa dalam perpustakaan USM setiap hari. Setiap perjuangan mesti ada kelebihan dan kekurangannya. Kelebihannya berbanding dengan kawan-kawan lain yang juga belajar, saya dapat berfokus lebih baik dalam pembelajaran dan pekerjaan dalam masa tiga tahun itu. Walau bagaimanapun, kerugian atau kekurangan adalah hubungan saya dengan anak kurang akrab ketika usianya di bawah tiga tahun. Dengan kesedaran kekurangan bahagian keluarga hubungan dengan anak, peringkat pembelajaran tahun ketiga apabila siap penulisan bab lima saya telah mengambil keputusan untuk membawa anak balik tinggal bersama dengan saya setiap hari demi mendekati Grace. Nasib baik, masa itu Grace masih kecil tiada masalah untuk membina semula hubungan akrab dengannya sehingga hari ini.

Dari aspek pelajar wanita yang perlu menjaga keluarga, anak dan suami saya rasa amat bertuah bahawa proses pengajian tersebut tidak memberi apa-apa halangan kepada keluarga. Masa pengajian saya, berlaku juga kawan wanita seperjuangan PhD mengalami proses bercerai dengan suami apabila pihak suami tidak menyokong atau kurang memahami tekanan dan stres semasa pengajian PhD.

Perkara ketiga yang utama tidak lain daripada proses menimba ilmu yang setanding dengan peringkat ijazah kedoktoran. Biasanya peranan penyelia lebih kepada memeriksa format penulisan tesis PhD, perbincangan dan memberikan idea. Manakala proses mencari isi kandungan ilmu pengetahuan bergantung kepada diri sendiri. Maklumlah perjalanan PhD adalah sesuatu tempoh perjalanan yang sunyi dan keseorangan. Masa itu saya belajar memberanikan diri mengejar ilmu bidang saya bergerak dari USM Pulau Pinang, ke UPM dan UKM di kota negara serta ke UTM di selatan Semenanjung Malaysia. Pengalaman tidur dalam bas persiaran waktu malam atau bermalam di hostel/hotel demi keesokan hari mengejar ilmu, mencari tesis yang berkaitan serta muat turun maklumat dengan percuma di universiti-universiti tempatan kerap berlaku. Di samping itu, saya juga membelanjakan beribu-ribu sehingga berpuluh-puluh ribu ringgit Malaysia demi menghadiri kursus-kursus pendek, panjang daripada pakar-pakar dari Amerika Syarikat, Kanada, Hong Kong dan Singapura. Di samping itu, pembelian berpuluh-

puluh buku-buku daripada Amerika Syarikat dan modul juga merupakan suatu perbelanjaan yang perlu dikorbankan demi ilmu yang mulia. Masa itu juga memberanikan saya berkawan secara e-mel dengan profesor-profesor ternama serta pelajar-pelajar PhD di Amerika Syarikat supaya mendapat sumber buku dan maklumat 'first hand'. Mereka semua ini sangat baik, sanggup menolong saya dengan mengiriskan banyak buku, tesis dan modul secara hardcopy dan softcopy kepada saya. Sampai saat ini, masih teringat hutang budi kepada mereka yang pernah menolong saya sepanjang proses pengajian PhD.

Saya berjaya menyiapkan tesis draf pertama dalam masa dua tahun dan tujuh bulan. Disebabkan pengajian secara sambilan, tempoh kematangan pengajian adalah tiga setengah tahun. Jadi, proses memperbaiki tesis selama enam puluh tujuh kali dekat setahun telah diwajibkan oleh penyelia. Walaupun agak cemas dan stres tapi saya mengakui sahaja kehendak tersebut tanpa 'bising' dengan penyelia. Sewaktu penghantaran sepuluh naskhah draf tesis di kaunter pengajian, kegembiraan mula terukir di bibir saya (sebelum ini saya agak stres dan kurus). Tambahan lagi, dengan penyerahan tiga jilid kulit tebal tesis selepas VIVA menandakan proses perjuangan saya "Permanent Head Damage"(PhD) sudah tamat. Saat-saat itu baharu saya berpeluang menikmati hidup yang biasa, mula melancong selepas empat tahun berkurung diri dalam rumah antara kerja dan belajar sahaja. Saya ternampak langit yang biru sedang melambai-lambaikan tangan hendak mendapak saya. Dunia ini masih cantik, segar dan wangi seperti sebelum proses PhD. Saya mengucapkan ribuan syukur dan berterima kasih kepada penyelia yang disanjung tinggi iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Hashim, dekan Prof Dr. Rashid serta ahli keluarga yang banyak membantu saya.

Konvokesyen saya diadakan pada tahun berikutnya bulan Mac (kali pertama USM Apec mengadakan konvokesyen dua kali setahun) dan disusuli dengan kenduri kesyukuran keluarga saya, kebetulan konvokesyen saya juga merupakan ulang tahun hari jadi Grace. Usia anak saya masa itu selalu melambangkan waktu pengajian kedoktoran saya, maklum saya mulakan pengajian selepas dua bulan habis pantang kerana melahirkan Grace.

PhD, anda mampu mengatasinya sekiranya anda mula dengan minat, "*passion*" yang tinggi, niat yang betul, kerajinan yang berterusan, sokongan daripada penyelia, ahli keluarga, pasti anda akan berjaya dalam pengajian anda. Gelaran "PhD" pasti dalam genggam tangan anda suatu hari nanti.

Saya memulakan perjalanan PhD pada September 2012 dan mendapat ijazah saya pada bulan Mac 2018. Lima tahun setengah, satu tempoh yang agak panjang. Pelbagai rintangan dan dugaan telah saya mengharungi dalam lima tahun setengah. Namun demikian, saya telah berjaya mengharunginya dengan hati yang tabah. Akhirnya berjaya juga saya sampai ke destinasi yang diidam-idamkan.

Sebagai seorang pelajar PhD separuh masa mod penyelidikan, apa yang saya rasai adalah kesunyian dan stres, tidak tahu bila akan sampai ke destinasi. Tidak perlu masuk kelas, Selain itu, sepanjang perjalanan, ternampak pelajar yang “give up”, terdapat pelajar yang sampai lebih awal dan terdapat juga pelajar yang tidak sampai-sampai ke destinasi. Kehidupan hanya tinggal proposal, tesis, buku, supervisor, artikel dan pembentangan. Setelah tiba di destinasi, imbas kembali, baru rasa perjalanan ini adalah amat mencabar tetapi indah, penuh dengan kenangan yang manis, masam dan pahit.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk berkongsi keindahan ini dengan harapan dapat memotivasikan mereka yang sedang atau berinisiatif untuk memulakan perjalanan ini.

### **Cabaran 1: Kerjaya vs PhD, mana satu penting?**

Di permulaan pengajian, saya merupakan seorang guru sekolah rendah. Pada tahun yang sama, iaitu Disember 2012, saya telah ditawarkan jawatan pensyarah di IPG. Satu perubahan yang amat mendadak bagi saya. Semasa melapor diri di IPG, saya telah diberitahu bahawa saya ditempatkan di Unit Pengajian Cina atas sebab kekurangan pensyarah. Pada masa itu, waktu pengajaran dan bilangan pelajar praktikum yang diselia oleh pensyarah Unit Pengajian Cina adalah paling tinggi dalam kalangan pensyarah. Begitu juga dengan saya. Semester pertama di IPG, waktu pengajaran saya adalah 9 jam seminggu. Bilangan pelajar praktikum adalah seramai 8 orang. Saya perlu belajar dengan tekun supaya PdPc dapat berjalan lancar. Waktu tidur hanya tinggal 4 hingga 5 jam setiap hari. Dalam keadaan begini, mana ada masa untuk menulis proposal.

Kerjaya dan PhD, mana satu lebih penting? Sudah tentu kerjaya dan gaji. Pada masa itu, saya masih belum mendapat biasiswa. Tanpa gaji, macam mana dengan perbelanjaan harian? Bagaimana pula dengan pembayaran yuran pengajian? Oleh itu, perkembangan PhD amat “slow” pada masa itu. Tidak ada masa untuk saya menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak universiti. Tidak ada masa untuk saya mengetahui apa yang saya perlu buat sepanjang pengajian saya. Saya langsung tidak tahu yang saya perlu membenteng sebanyak 4 kali iaitu Prospectus, Proposal Defence, Pra viva dan Viva voce sehingga diberitahu oleh supervisor yang saya boleh buat pembentangan Prospectus. Semasa membenteng Prospectus, saya tidak tahu yang saya perlu menyediakan Power point. Pembentangan saya pada pukul 11 pagi. Awal pagi itu, rakan sekerja bertanya kepada saya sama ada sudah siap menyediakan Power point untuk pembentangan. Pada saat itu baru saya sedar yang saya perlu buat Power point. Saya menggunakan 1 jam untuk menyiapkan Power point.

Kesibukan di tempat kerja telah mengakibatkan saya mengambil masa 3 tahun untuk “merangkak” ke peringkat Proposal Defence. Nasib baik, setelah beberapa tahun mengajar di IPG, saya telah menguasai ilmu dan teknik yang perlu supaya dapat menjalankan PdPc dengan lancar. Bagi saya, kerjaya dan PhD, kedua-dua juga penting. Sekiranya anda tidak dapat mengubah persekitaran, lebih baik anda mengubah diri anda. Dengan itu, selepas Proposal Defence, saya telah mengubah jadual waktu pembelajaran saya.

### **Cabaran 2: Jangan ambil “cuti” semasa PhD**

Pengurusan masa merupakan salah satu faktor utama kejayaan PhD. Tiga tahun pertama, saya menggunakan kesempatan berikut untuk menyediakan tesis: minggu ulang kaji, minggu peperiksaan dan cuti semester IPG. Dari minggu ulang kaji hingga tamat cuti semester adalah lebih kurang 6 hingga 9 minggu. Walaupun nampak panjang, tapi masa berlalu dengan cepat. Masa berlalu semasa saya sibuk mencari bahan rujukan, sibuk membaca artikel dan buku serta sibuk menulis tesis. Sekelip mata cuti sudah habis. Terpaksa menghentikan semua yang berkaitan dengan PhD dan mula sibuk dengan PdPc di IPG. “Terpaksa” itu adalah disebabkan oleh malas dan letih. Ini merupakan satu alasan untuk ambil “cuti”.

Pada masa ini, PhD “cuti” pula. Cuti untuk PhD adalah lebih kurang 15 minggu. Kaedah penyediaan PhD ini telah menimbulkan masalah iaitu sukar untuk mengingat semula apa yang telah saya tulis pada 15 minggu yang lalu. Pada tahun keempat baru saya “sedar” yang kaedah ini tidak berkesan. Saya telah mengubah jadual waktu pembelajaran. Saya meluangkan sekurang-kurangnya satu jam setiap hari iaitu selepas makan malam untuk PhD. Cara ini amat berkesan. Pembacaan dan penulisan sekurang-kurangnya satu jam setiap hari telah memberi impak yang besar dalam persiapan PhD. Ingat, jangan ambil “cuti” semasa pengajian PhD.

### **Cabaran 3: Masa itu emas!**

Faktor yang mempengaruhi motivasi saya untuk menyiapkan tesis dalam masa lima tahun adalah yuran pengajian. Yuran pengajian saya adalah lebih kurang tiga ribu per semester. Ini bermakna semakin lama saya mengaji, semakin banyak yuran pengajian yang perlu saya bayar. Jangka masa tajaan biasiswa saya adalah 5 tahun. Pada mulanya, saya berasa 5 tahun itu cukup untuk saya siapkan PhD. Saya anggap awal tiga tahun adalah honeymoon year. Namun, mulai tahun keempat, saya mulai cemas. Hanya tinggal dua tahun, saya baru habis bentang proposal. Hanya tinggal dua tahun untuk saya kutip data, analisis data dan buat laporan. Adakah dua tahun ini cukup untuk saya siapkan semua ini?

Masa itu emas. Saya berjanji kepada diri sendiri agar dapat menyiapkan tesis dalam masa lima tahun. Kalau saya dapat siap dalam masa lima tahun, saya akan memberi ganjaran kepada diri saya sendiri. Saya beritahu supervisor saya bahawa masa untuk menyiapkan tesis saya tinggal 2 tahun, saya perlu cepat. Kalau tidak, saya kena bayar yuran pengajian. Yuran memang merupakan faktor yang paling memotivasikan saya. Akhirnya saya berjaya membenteng Viva-voce pada 23 Oktober 2017. Saya berjaya menyelesaikan tesis saya dalam masa 5 tahun.

### **Keindahan 1: Di sebalik kejayaan seorang perempuan, ada juga lelaki di belakangnya**

Saya merupakan ibu kepada 4 orang anak. Semasa mulakan PhD, anak sulung saya berumur 10 tahun dan anak bongsu baru berumur 1 tahun. Cuba bayangkan tahap kesibukan yang telah saya alami. Bangun pagi, menyediakan sarapan, hantar anak ke sekolah dan ke pusat jagaan, bekerja, balik ke rumah untuk menyediakan makanan, cuci baju, mop lantai. Aduhai, mana ada masa untuk tulis proposal. Keluarga dan PhD, mana satu penting?

Mulai tahun ke-4, saya telah memberi tumpuan sepenuhnya semua tenaga saya untuk menyiapkan tesis. Saya berasa amat bertuah kerana mempunyai seorang suami yang sanggup memberi sokongan sepenuhnya kepada saya. Walaupun kami berdua berasa letih selepas

kerja, beliau akan menyuruh saya pergi menulis tesis. Semua urusan rumah tangga termasuk menjaga anak akan diuruskan oleh beliau. Setelah sehari tidak bersama ibu, anak bongsu saya yang berumur lima tahun ingin bermanja dengan saya. Suami saya terpaksa pujuk dia supaya saya mempunyai masa untuk meneruskan pengajian saya.

Orang kata di sebalik kejayaan seorang lelaki, mesti ada wanita di belakangnya. Bagi saya, di sebalik kejayaan seorang wanita, ada juga lelaki di belakangnya. Dengan adanya pemahaman, sokongan dan dorongan beliau, barulah dapat saya menyiapkan tesis.

### **Keindahan 2: Supervisor yang profesional**

Tidak dapat dinafikan bahawa supervisor memainkan peranan penting dalam pengajian PhD. Contohnya kepakaran, sejarah penyeliaan (berapa pelajar yang telah habis pengajian), sejarah penerbitan dan sebagainya. Namun, yang paling penting adalah sikap penyelia. Setelah habis pengajian, saya cuba menyenaraikan beberapa ciri penting yang saya rasa akan mempengaruhi kejayaan anda dalam pengajian.

Pertama, hubungan yang baik antara supervisor dan pelajar akan memudahkan proses kajian. Contohnya, supervisor saya adalah penyelia peringkat Master saya. Dengan dorongan beliau, saya telah memulakan pengajian PhD saya. Oleh kerana telah kenal beliau, proses pengajian adalah lebih mudah. Kedua, supervisor perlu mudah dihubungi. Supervisor saya merupakan seorang penyelia yang mudah dihubungi. Walaupun beliau dalam cuti sabatikal, beliau juga akan melaksanakan tugas beliau termasuk menyemak hasil penulisan saya, menjawab pertanyaan saya dan membuat laporan penilaian on time atau lebih awal. Kadang-kadang saya menghubungi beliau, beliau akan beritahu yang beliau ada di negara XXX. Saya pun sangka beliau tidak akan memberi maklum balas dengan cepat. Pada hakikatnya, tidak sampai sehari, beliau telah memberi maklum balas.

Ketiga, supervisor yang berperikemanusiaan. Berperikemanusiaan di sini termasuklah suka menolong, bertimbang rasa dan suka memberi galakan kepada pelajar. Contohnya, walaupun hasil penulisan saya tidak memuaskan, beliau tetap memberi galakan yang positif seperti “bagus, bagus...tapi masih boleh improve lagi”, “great improvement”. Beliau bukan setakat berkongsi ilmu dengan pelajar, malah sanggup meminjamkan apa yang pelajar perlu seperti buku, nota, recorder dan sebagainya. Bila ada pelajar sampai ke peringkat Viva-voce, beliau akan menjemput pelajar lain untuk menyertai pra viva supaya mendapat pengalaman.

Seorang supervisor yang baik bukan setakat mempunyai ilmu, malah perlu mempunyai sikap yang memuji. Sokongan daripada supervisor adalah amat penting terutamanya dalam perjalanan ini. Saya berasa syukur kerana mempunyai seorang supervisor yang profesional walaupun beliau memegang jawatan pengurusan tinggi universiti.

### **Keindahan 3: Setiap langkah adalah pengajaran dan pengalaman**

Kebaikan menyambung pengajian di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM adalah seorang pelajar PhD perlu melalui empat pembentangan. Setiap pembentangan akan memberi maklum balas dan tuju hala kepada pelajar. Panel pemeriksa banyak memberi input kepada pelajar. Ia telah membolehkan pelajar membuat refleksi tentang kekuatan dan kelemahan diri, “Am I at the right track?”, “Apa yang perlu saya tambah?”, “Apa yang perlu saya ubah?” dan sebagainya. Ada pelajar yang mungkin merasakan diri tidak cukup dan enggan melangkah ke depan seperti saya. Saya telah menggunakan masa yang agak panjang untuk menyediakan proposal. Saya risau penulisan dan pembacaan saya tidak mencukupi, saya takut masih ada kekurangan dalam penulisan saya, saya takut pembentangan dan saya juga takut saya tidak dapat menjawab



persoalan yang dikemukakan oleh panel pemeriksa. Kerisauan ini telah menjadi halangan untuk saya melangkah ke depan.

Namun demikian, perjalanan ke PhD telah memberi peluang kepada saya untuk belajar dan mengatasi kelemahan diri, bak kata pepatah “jauh perjalanan, luas pengalaman”. Pengalaman yang sukar dilupai adalah komputer down semasa Viva-voce. Pada masa itu amat cemas. Apa yang perlu saya buat? Supervisor cuba menenangkan saya. Nasib baik ada plan B. Saya berjaya mengatasi kecemasan dan menghabiskan pembentangan dengan baik. Setiap pembentangan dan perbincangan dengan supervisor dan setiap langkah merupakan satu pengajaran dan pengalaman bagi saya. Semua ini merupakan keindahan di sepanjang perjalanan.

### **Kesimpulan: perjalanan PhD, perjalanan yang indah**

PhD bukan setakat menimba ilmu yang diperolehi dari buku dan artikel, tetapi merupakan satu proses. Proses mendidik kita supaya lebih matang dan berdikari. Dugaan yang dihadapi adalah pelbagai, dari keluarga, dari tempat kerja, dari supervisor dan juga diri sendiri. Perjalanan PhD merupakan perjalanan untuk mendidik kita supaya lebih bersistematik dalam setiap tugas yang diamanahkan, lebih matang dalam mengemukakan hujah, lebih kritis dan kreatif dalam penyelesaian masalah. Walaupun perjalanan PhD penuh dengan dugaan dan kesunyian, tetapi pandangan di sepanjang jalan amat indah dan menyentuh.

Tamat perjalanan sarjana tahun 2004, aku terus bertekad untuk menyambung pengajian peringkat PhD. Namun kekalutan di sekolah membuatkan hasrat aku tertangguh..... sehingga tahun 2007 apabila dapat masuk ke IPG, aku mula memohon biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) biasiswa yang diidamkan oleh kebanyakan pendidik cuti bergaji penuh dengan biasiswa.

**Wowww!!!!...menarik bunyinya.**

Tapi bunyi yang menarik tu bukan mudah untuk digenggam. Aku melalui detik kekecewaan untuk beberapa tahun. Permohonan aku sepi tanpa jawapan. Mencari di mana silap bagi mengubat kekecewaan dan antara jawapan yang aku peroleh adalah ungkapan;

**“Awak masih muda.....masih banyak peluang....  
HLP diberikan kepada mereka yang border line”...**

Aku akur andai itu ketentuan-Nya. Jangan pernah mengalah Hashima.

Akhirnya tahun 2013 bertekad mendaftar dan membayar yuran sendiri di salah sebuah universiti bagi memenuhi tuntutan hati yang tidak mampu lagi dibawa berbincang. Ayah insan pertama yang tersenyum bila surat tawaran menyambung belajar aku ajukan. Tanpa kasih ibu, aku berkongsi segala suka duka bersama ayah sejak 19 tahun lalu. Alhamdulillah, bahagia dan rezeki dalam pelbagai bentuk. Terima kasih ayah.

Aku mendapat supevisor (SV) yang super senior dalam bidang aku dan aku namakan sebagai Profesor J. Tujur katanya, bait komennya, sentuhan contengannya cukup memberi kesan. Walaupun setiap kali berjumpa degup jantung aku sangat kencang tapi hasilnya alhamdulillah. Aku melepasi fasa proposal dalam tempoh enam bulan. Aku sangat bangga menuturkan nama SV bila ada yang mempersoalkan tempoh yang singkat itu....terima kasih Prof. Nama Prof. terpahat dalam doa aku saban waktu.

Momentum enam bulan pertama seperti terhenti tanpa isyarat. Aku mendapat perkhabaran duka, bahawa Prof J tidak dapat menyambung kontrak perkhidmatan di universiti berkenaan. Bagaimana harus aku telan rasa ini, sedih....kecewa...putus asa? Prof juga sangat kecewa memaklumkan perkhabaran itu, kerana firasatnya kontrak boleh dipanjangkan dan dapat membimbing aku sehingga selesai. Tetapi perancangan Allah sebaliknya. Aku ditinggalkan dan perlu mencari dahan lain tempat berpaut. Tika kesedihan itu lah aku dilamar oleh pensyarah muda yang bercita-cita besar. Janjinya "saya akan bimbing awak, jangan sedih, setiap minggu kena datang jumpa saya tau!!". Dr. muda ini aku namakan Dr. M. Beliau meminta aku memasukkan namanya sebagai penyelia utama bagi menggantikan Prof J. Namun berdasarkan perbincangan terakhir aku dengan Prof J, Dr. M belum layak untuk membimbing pelajar PhD kerana dia perlu menjadi penyelia kedua terlebih dahulu. Berlaku sedikit konflik apabila aku terus diasak oleh Dr. M. Tahun 2014, Dr. M mempelawa aku bersama beberapa pelajar lain mengikutinya dalam sebuah seminar di luar negara. Yuran seminar ditaja oleh universiti. Alhamdulillah, bumi Amsterdam dan Frankfurt aku jejak. Goethe University menjadi saksi keberadaan aku di sana. Terima kasih pada Dr M yang memberi peluang untuk aku sampai sejauh ini. Jauh perjalanan luas pemandangan.

Selepas pulang dari luar negara, aku mendapat berita yang telah lama aku doakan iaitu permohonan HLP 2014 aku berjaya. Cuti bergaji penuh 3 tahun dengan biasiswa. Ya Allah, hati berbunga riang. Berkat doa ayahanda aku. Aku sujud syukur dan menangis terasa ingin peluk ayah tetapi apakan daya ayah jauh di pulau.

Detik itu bermulalah episod baharu dalam hidup aku. Tak perlu bangun pagi bergegas ke tempat kerja, tetapi tetap kena bangun pagi, keluar rumah mencari tempat untuk menulis dan mengkaji. Aku kerap berjumpa Dr. M tetapi hasilnya seperti hanya berlari setempat. Sepi aku rasa. Setiap kali aku menjengah ke biliknya hanya perbualan kosong dan berjanji itu dan ini. Aku mula bimbang tetapi aku tetap berbaik sangka bahawa penyelia aku masih baharu. Keadaan ini berlanjutan sehingga enam bulan lamanya.

Aku perlu bertindak, bantu aku Ya, Allah!. Aku berjumpa dekan dan jelaskan kemelut ini. Ternyata dekan mengungkapkan perkara yang sama, Dr. M hanya boleh menjadi penyelia kedua atas alasan yang pernah dinyatakan oleh Prof J dahulu. Maka aku berganti SV baharu lagi untuk kali yang ketiga yang aku namakan Dr. S. Konflik belum berakhir apabila aku mendapat mesej daripada Dr. M dengan bahasa yang kurang profesional. Aku dituduh tidak memilih dia sebagai penyelia utama dan dia tidak berminat untuk menjadi penyelia kedua aku. Ya Allah, aku perlu kuat hadapi semua ini. Oleh kerana Dr. M tidak berminat menjadi penyelia kedua, maka aku perlu akur. Aku tidak lagi berjumpa dengannya. Aku cuba mengelak untuk bertembung Dr. M kerana tidak mahu kata-kata kurang sedap didengar singgah di telinga. Begitulah rencam orang belajar seperti mentimun menggolek rosak, kena golek binasa. Tempoh masa belajar aku menginjak ke tahun yang kedua tahun 2015 tanpa banyak perkembangan selain konflik dengan SV.

Dr. S berusaha membantu aku dengan membaca semula kajian aku daripada awal. Aku seperti melihat ada cahaya di hujung terowong. Namun ujian Allah datang dan pergi. Kali ini aku diuji lagi. Dr. S pula mendapat tawaran sabbatical di luar negara dan hakikatnya aku perlu ditinggalkan. Cahaya yang aku pandang di hujung terowong rupanya hanya fatamorgana. Allah menguji setiap hamba sesuai dengan kemampuannya. Aku sangat yakin itu, aku boleh menghadapi semua ini. Aku dan Dr. S berhubung melalui e-mel. Alhamdulillah, hubungan kami sangat baik biarpun jauh. Aku menghabiskan masa menulis dan mengkaji di perpustakaan. Syukur Allah kirimkan sahabat terbaik yang boleh ke mana-mana bersama. Suami yang sentiasa positif menyokong dan membantu memudahkan segala urusan. Alhamdulillah perjuangan aku diteruskan kerana sewaktu tandatangan borang HLP dulu, aku berjanji akan memanfaatkan setiap sen daripada biasiswa dan cuti yang aku peroleh dengan sebaik-baiknya. Itu amanah yang perlu ditunaikan.

Saban hari aku bertapa di perpustakaan. Akhirnya dua tahun sembilan bulan aku berjaya menghantar 10 salinan tesis untuk proses viva. Tarikh keramat viva aku lalui pada 09 Mei 2017. Lulus dengan minor correction. Alhamdulillah, berkat doa ayah, suami dan semua ahli keluarga. Allah telah memberikan nikmatnya daripada sebuah kesabaran. Rezeki Allah datang dalam pelbagai bentuk. Jangan pernah berburuk sangka dengan ujian Allah. Kadang-kadang Allah memberikan yang lebih baik daripada apa yang kita minta. Pembetulan tesis akhir aku disiapkan ditemani haruman baby comel. Anugerah Allah yang tidak pernah aku jangkakan. Segalanya telah tertulis, dalam bahagia ada derita. Ayah dijemput Allah pada 26 Julai 2017, membawa pergi seluruh jiwa raga aku. Tetapi dalam masa yang sama Allah kirimkan anak comel sebagai pengganti. Aku terima penuh kesyukuran.

28 Oktober 2017, misi selesai. Aku bahagia. Terima kasih Allah atas segala warna kehidupan yang telah kau susun untuk hamba-Mu ini.

Sememangnya menjadi cita-cita diri aku untuk menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD). Pada tahun 2009 aku pernah memohon cuti belajar bergaji penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Aku lalui temu duga dengan baik namun mungkin rezeki tidak menyebelahi aku. Seterusnya, pada tahun 2011 sekali lagi aku mencuba nasib. Itu pun setelah didesak oleh kawan rapat, seorang pensyarah di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Kebetulan beliau datang ke Pulau Pinang kerana ada pembentangan dalam sebuah seminar pendidikan. Setelah bertemu beliau pada malam tersebut, aku segera mengisi borong permohonan. Tarikh akhir menghantar borang permohonan berbaki tiga hari sahaja lagi. Kesempatan itu aku gunakan sebaik mungkin. Aku pergi berjumpa Dr. Razak untuk mendapatkan bimbingan berkaitan penyediaan proposal. Tidak cukup di rumah, aku pergi pula ke rumah beliau bagi memastikan proposal aku baik dan menepati kehendak serta syarat-syarat yang ditetapkan.

Syukur kepada Ilahi kerana dengan izin-Nya jua aku dipanggil temu duga. Kali ini aku benar-benar bersedia. Proposal kajian ditambah baik. Selain mendapatkan tip-tip menghadapi temu duga aku telah mendapatkan surat sokongan daripada penyelia tesis aku di peringkat sarjana dahulu. Isi kandungan surat menyatakan kesediaan beliau menyelia aku di peringkat PhD. Tiba tarikh yang dinantikan aku melangkah dengan penuh yakin. Dua fail sijil penuh dengan maklumat diri aku bawa. Selain itu, beberapa hasil kajian dan pembentangan aku bawa bersama sebagai bukti. Temu duga berjalan lancar dan aku berjaya menjawab semua soalan dengan yakin. Satu soalan terakhir yang aku masih ingat berbunyi "In English, tell us why you are entitle to get this scholarship?. Antara jawapan aku adalah "I am a workaholic, hardworking, always commit with my work. I had finished my master within two years with a good result although I was a part-time student. So I confident that I can accomplish my study within three year". Setelah selesai sesi temu duga aku keluar dengan yakin namun pasrah kepada Ilahi. Sejak dari itu, aku mula berfikir tentang tajuk yang sesuai, universiti pilihan, responden dan pelbagai isu yang lain.

Pada awal bulan Julai aku mendapat puluhan ucapan tahniah daripada rakan, keluarga dan pihak pentadbir. Alhamdulillah doa aku, isteri dan kedua ibu bapa diperkenankan Allah SWT. Aku mendapat tawaran pengajian dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Setelah berfikir panjang dari segi jarak, keluarga dan perbelanjaan aku memilih USM. Pada 1 Oktober 2011 aku mendaftar sebagai pelajar pasca siswazah dan dari saat itu bermula kehidupan baru aku sebagai seorang pelajar sepenuh masa.

Syukur sekali lagi kepada Ilahi kerana aku mendapat seorang penyelia yang sangat memahami, sedia membantu dan mudah berunding. Beberapa cadangan tajuk telah aku kemukakan kepada beliau. Namun dengan lembut beliau meminta supaya aku terus membaca, mendapatkan bahan dari buku, jurnal, majalah dan sumber-sumber lain sebelum menentukan tajuk. Justeru, ilmu berkaitan cara mendapatkan bahan dari perpustakaan, meminjam buku dari universiti luar, ilmu memuat turun bahan dari internet menggunakan aplikasi-aplikasi yang disediakan oleh universiti sangat penting bagi diri aku. Lantaran itu, aku cepat-cepat mendaftarkan diri untuk mengikuti kursus-kursus berkaitan pemerolehan maklumat dari perpustakaan universiti secara dalam talian. Selain itu, aku mula mengikuti kursus-kursus berkaitan penyediaan proposal yang baik, penulisan jurnal, bentuk-bentuk kajian sama ada kualitatif, kuantitatif mahu pun kaedah

campuran yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kemanusiaan, USM. Ringkasnya, sepanjang dua bulan yang pertama masa aku lebih banyak dihabiskan pada hal-hal berkaitan pengurusan maklumat, pengurusan diri dan penyesuaian diri sebagai pelajar baharu.

Antara kursus-kursus tersebut, kursus bertajuk “Graduate on Time” (GOT) sangat terkesan di hatiku. Pensyarah tersebut berkongsi pengalaman tentang pengurusan masa yang baik dan keperluan pelajar mempunyai komitmen yang tinggi sepanjang tempoh cuti belajar. Beliau mengingatkan bahawa pelajar menanggung amanah dan berdosa sekiranya mengabaikan amanah tersebut. Beliau juga memberikan beberapa contoh pelajar pasca siswazah yang gagal GOT. Malahan terdapat pensyarah universiti yang pulang dari luar negara tanpa segulung ijazah PhD kerana leka dan seronok melancang. Menurut beliau ada juga pelajar yang berniaga dan mencari pendapatan luar sepanjang tempoh pengajian. Kata-kata beliau mengingatkan aku pada kata-kata nasihat biras aku, seorang pensyarah UIA “ Belajar peringkat Phd bukan diukur pada cerdik pandainya calon tetapi pada komitmen kerana semua pelajar yang terpilih cerdik tapi tak semua memberi komitmen yang tinggi”.

Lantaran menyedari kepentingan jadual perancangan pembelajaran, aku segera merangka jadual tersebut sesuai dengan keupayaan diri. Jadual tersebut aku tampal di atas meja belajar (Rujuk lampiran 1). Ruang pembelajaran juga telah aku ‘set-up’ sebaik mungkin supaya wujud suasana pembelajaran yang menarik, tidak ada gangguan dari televisyen dan anak-anakku yang sedang membesar dan meningkat remaja. Selepas itu aku mula membaca tesis-tesis lepas yang dimuat turun, mencari dan terus mencari pelbagai bahan dari internet. Pada ketika tersebut pelbagai isu pendidikan, isu guru dan pelajar bermain di minda sehingga ada ketika membawa ke tidur.

Walau bagaimanapun rezeki aku agak murah kerana Dr. Hailan telah memberikan aku satu salinan tesisnya bertajuk Kepimpinan Rabbani. Istilah tarbiah, ta’lim, tadris, ta’dib dan irsyad menarik perhatian aku untuk membaca penulisan-penulisan yang berkaitan. Penulisan Dr. Halim Tamuri berkaitan konsep 5M (muallim, mudarris, muaddib, murabbi dan mursyid) dan tesis Dr. Kamarul Azmi Jasmi berkaitan guru cemerlang menjadi sandaran buat diriku untuk terus meneroka berkaitan isu-isu keguruan, kepimpinan guru dan isu pengajaran dan pembelajaran guru. Setelah lama berfikir aku dapati bahawa masih terdapat ruang dan peluang serta kelompangan kajian berkaitan isu kepimpinan guru dalam memupuk adab terhadap pelajar. Justeru, aku mula menulis dan memberi perhatian secara khusus kepada istilah kepimpinan guru, adab dan ta’dib. Syukur kerana penyelia aku bersetuju dengan tajuk “ Kepimpinan Ta’dib dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam”. Kami mula melakar objektif kajian, persoalan kajian dan metodologi kajian. Karya al-Ghazali, al-Attas, Ibnu Taimiyyah, Hasan Langgulung, Abdullah Nasih Ulwan, Abdul Fattah Guddah, Kamal Hassan menjadi bacaan penting. Isi-isi penting dikeluarkan dan dikelompokkan mengikut sub-sub tema yang aku bentuk. Idea dan gagasan mereka berkaitan guru dan keperluan memupuk adab terhadap pelajar aku salin, masukkan dalam komputer peribadi walaupun tidak pasti pada bab mana hendak diletakkan.

Setelah empat bulan berlalu, penyelia aku meminta supaya aku menulis artikel dan membentangkan kerangka konsep berkaitan kepimpinan ta’dib dalam satu seminar peringkat antarabangsa anjuran Universiti Malaya. Setelah bertungkus lumus belajar menulis artikel dan melalui beberapa kali proses pembetulan, artikel aku dihantar dan berjaya dimasukkan dalam prosiding seminar. Rupanya kehadiran aku ke seminar tersebut mengandungi hikmah yang besar. Di sana aku berpeluang mengenali rakan-rakan pelajar pasca siswazah dari universiti lain. Perkenalan aku dengan mereka sangat membantu kerana mereka tidak lokek ilmu. Sebagai contoh, Ustazah Zahiah (Dr.) telah berkongsi dengan aku bahan-bahan berkaitan surat-surat

permohonan dan kebenaran mengadakan temu bual dengan pihak-pihak berkepentingan seperti EPRD, JPN dan sekolah. Semasa di Universiti Malaya juga aku sempat menjengah perpustakaan universiti dan sebelum pulang aku singgah pula di perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sekembali dari seminar aku mendapat semangat baharu. Proposal aku siap dan berjaya dibentangkan dengan sedikit pembetulan pada bulan ke lapan pengajian. Jutaan syukur aku panjatkan ke hadrat Illahi. Walau bagaimanapun rentak pembelajaran aku sedikit terganggu selepas itu. Mungkin juga kerana perasaan aku bahawa masa pembelajaran masih panjang menjadikan aku mulai leka. Di kampung terdapat tanah kosong milik ayah aku yang sesuai untuk menternak ikan darat. Aku keluarkan sedikit modal untuk menggali dua buah kolam ikan. Sebanyak 30,000 benih ikan keli dibeli dan diternak. Pada sebelah petang aku pulang ke kampung untuk menjengah ibu aku yang sakit dan pada masa yang sama membeli dan memberi makanan kepada ikan ternakan. Walau bagaimanapun, selepas sebulan ikan keli tersebut tidak cukup besar seperti yang diharapkan. Akhirnya aku jual semua ikan tersebut kepada seorang pengusaha kolam ikan keli di daerah Kepala Batas.

Syukur kerana Allah menyedarkan aku supaya kembali fokus setelah hampir sebulan aku kurang memberi tumpuan kepada pembacaan buku. Pada bulan Ogos tahun 2012 aku mendapat surat jemputan sebagai tetamu Allah bagi mengerjakan haji. Ribuan syukur aku panjatkan ke hadrat Illahi. Sebelum bertolak ke tanah suci aku berusaha menulis dan melengkapkan penulisan bagi bab kajian literatur untuk dibaiki oleh penyelia. Sementara semasa di kota suci Mekah aku tidak lupa untuk berdoa agar Allah SWT mempermudah perjalanan pengajian PhD aku. Apa yang menarik selepas selesai mengerjakan ibadah haji dan umrah, aku sering ke perpustakaan yang terdapat di Masjidil Haram dan perpustakaan yang terdapat di Masjid Nabawi. Di sana aku mendapat beberapa bahan ilmiah yang sesuai. Aku juga sempat membeli beberapa kitab rujukan dalam bahasa Arab untuk dibawa pulang.

Selepas dua minggu balik dari Mekah, aku memberi perhatian semula kepada pembelajaran. Aku mula membina instrumen kajian dan melaksanakan kajian rintis kepada pelajar-pelajar j-Qaf yang mengikuti kursus dalam cuti di IPGK Tuanku Bainun. Ilmu analisis data menggunakan aplikasi SPSS aku pelajari dengan lebih mendalam. Berdasarkan data kuantitatif yang diperoleh aku laksanakan pula temu bual rintis dengan seorang guru pendidikan Islam. Bagi tujuan menganalisis data aku pelajari pula Nvivo dan Atlas Ti. Seterusnya, pada bulan Mac 2013 aku berpeluang hadir satu seminar pendidikan di UKM. Aku membawa instrumen kajian untuk verifikasi dan disahkan oleh pakar-pakar pendidikan. Rezeki aku memang murah kerana beberapa orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam terlibat sebagai pembentang atau peserta seminar. Sebagai contoh ketika sedang duduk mendengar perasmian seminar, tiba-tiba datang seorang peserta duduk di sebelah aku. Aku bertanya khabar dengan beliau dan tanpa diduga beliau adalah Dr. Kamarul Azmi Jasmi yang aku cari untuk mengesahkan instrumen. Beliau tanpa sebarang protokol sudi untuk membetulkan borang soal selidik yang aku hulus dan mengesahkannya.

Setelah mendapat kebenaran dari EPRD dan JPN negeri Pulau Pinang, pada pertengahan bulan Mei 2013 aku mula mengedarkan borang soal selidik. Dalam masa yang sama temu bual dilaksanakan. Ilmu pengetahuan berkaitan cara menganalisis data kualitatif dan data kuantitatif sangat banyak membantu. Ketika buntu tanpa segan silu aku pergi berguru dengan rakan dan beberapa pakar SPSS dan Nvivo di IPGKTB. Ringkas kata, komunikasi dan hubungan akrab aku dengan kawan-kawan di IPG, JPN, dan sekolah memudahkan aku untuk mengumpulkan data dan melaksanakan temu bual, pemerhatian pengajaran dan pembelajaran guru serta memperoleh dokumen-dokumen sokongan.

Pada bulan November 2013 aku mula menulis bab empat berkaitan laporan kajian dan seterusnya diikuti dengan bab lima berkaitan perbincangan. Komunikasi aku dengan penyelia pada waktu ini berlaku secara dalam talian sahaja kerana beliau bercuti sabatikal di luar negara. Syukur kerana beliau masih sudi membimbing walaupun secara maya. Alhamdulillah pada bulan Jun 2014 aku berjaya menyiapkan penulisan tesis aku walaupun masih terdapat banyak kesalahan teknikal dan tatabahasa. Bagi tujuan pembetulan aku berjumpa dengan Dr. Razak dan Dr. Hailan serta meminta pandangan mereka. Setelah penyelia aku pulang dari cuti sabatikal pada bulan Jun 2014, aku serah pula tesis tersebut untuk bacaan dan pembetulan daripada beliau.

Alhamdulillah, pembelajaran aku berjalan lancar. Pada penghujung September 2014 aku berjaya melengkapkan penulisan dan seterusnya menyerahkan salinan tesis untuk penilaian viva. Pada 1 Oktober aku kembali bertugas sebagai pensyarah di IPGKTB setelah cuti belajar selama tiga tahun bergaji penuh dengan biasiswa berakhir. Viva aku diadakan pada bulan Mac 2015 dengan sedikit pembetulan dan alhamdulillah aku berjaya bergraduasi pada bulan Ogos 2015. Selain itu, aku juga berjaya membentang sebanyak sembilan kertas kerja yang ada kaitan dengan tajuk tesis dalam beberapa seminar, satu penulisan dalam jurnal al-Afkar, terbitan Universiti Malaya, tiga penulisan dalam Jurnal Paradigm terbitan IPGKTB dan yang lebih manis pada tahun ini (2020) buku berjudul “Kepimpinan Guru Berteraskan Ta’dib: Perspektif Baharu Kepimpinan Guru Abad ke-21” telah diterbitkan oleh penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) untuk bacaan umum.

Kesimpulannya, biasiswa hadiah latihan persekutuan yang aku terima merupakan nikmat Ilahi yang tidak terucap dan tidak ternilai. Bagi rakan-rakan yang sedang belajar aku mohon supaya kalian fokus, rajin, istiqamah, bina rapo dan jangan lupa memohon pada Ilahi. Insya-Allah ada sinar yang menanti di sebalik ranjau dan duri. Amin.



Aku bertekad, sebaik aku menamatkan pengajian peringkat sarjana aku ingin melanjutkan pengajian pada peringkat yang lebih tinggi lagi. Aku ingin tunjukkan pada suami juga anak-anak yang sedang membesar bahawa mama mereka sanggup tempuhi apa sahaja untuk menggapai impiannya. Lebih-lebih lagi untuk membanggakan kedua-dua orang tua aku yang selama ini mendambakan kejayaan kepada setiap anak-anak mereka. Seorang demi seorang anak-anak mereka telah menempa pelbagai bentuk kejayaan, mengapa aku tidak? Aku juga boleh.

Hendak dijadikan cerita, sebaik menamatkan pengajian, aku telah mengikuti kursus bestari di sebuah IPGK yang terletak di zon utara. Pendedahan tentang pendekatan pembelajaran berasaskan projek telah sedikit sebanyak menyentuh jiwa aku. Semangat yang berkobar-kobar untuk aku laksanakan kepada anak didik aku yang akan menduduki peperiksaan SPM kelak. Dengan harapan suatu hari nanti mereka akan menjadi insan berguna yang dapat harungi liku-liku kehidupan sebenar. Di sinilah bermulanya perjalanan PhDku. Aku ingin mendalami lebih lagi pendekatan ini sebab telah diuar-uarkan dalam banyak kertas penyelidikan bahawa pendekatan sebegini beri banyak manfaat kepada anak-anak didik. Malahan, aku ingin berkongsi amalan tersebut dengan para pendidik yang lain.

Selama dua tahun, aku mengumpul dan membaca artikel-artikel yang berkaitan dengan pendekatan pembelajaran berasaskan projek. Ku lawati laman-laman web dan blog-blog yang banyak membincangkan tentang pendekatan tersebut. Hampir seluruh waktu senggang aku di sekolah, aku habiskan dengan meneliti artikel-artikel tersebut. Mencari-cari cara bagaimana untuk aku laksanakan dalam bilik darjah sendiri. Akhirnya, aku menemukan satu laman web khusus berkaitan dengan pendekatan pembelajaran berasaskan projek. Mulalah aku membuat perbandingan antara input yang aku dapat daripada kursus bestari dengan input yang aku peroleh daripada laman web berkenaan.

Tanpa ragu-ragu, aku ambil peluang mengisi borang permohonan bahagian tajaan, KPM. Hendak dijadikan cerita, dengan sekali cubaan permohonan aku telah berjaya biarpun sekadar cuti belajar bergaji penuh. Aku sedar, kos yang harus aku bayar dan kos melepas yang harus aku tanggung. Secara mental aku telah mempersiapkan diri, tambahan pula mendapat sokongan yang sangat baik daripada suami tercinta dan ayah bonda tersayang. Aku bulatkan hati untuk teruskan cita-cita aku biarpun aku sedari perjalanan yang akan dilalui nanti di atas bara api dan penuh dengan onak yang berduri. Semoga Allah mempermudah perjalanan aku ini. Aku percaya, itu jugalah doa yang dipanjatkan oleh suami dan juga orang tuaku. Harapan aku cuma satu, kejayaan aku kelak tidak akan merubah diriku. Aku tetap aku walaupun setelah berjaya nanti.

Bermulalah langkah aku menuju ke dewan pendaftaran, itulah pilihan yang aku sendiri buat. Sememangnya tiada sesiapa pun yang pernah memaksa aku berbuat demikian. Aku sendiri mulai meragui keupayaan diriku sendiri. Mampukah aku? Kegilaan apakah ini? Biar betul. Jika diikuti pengalaman rakan-rakan lain yang telah dan sedang mengikuti pengajian peringkat doktor falsafah ini, seakan tiada satu pun cerita suka, kebanyakannya penuh dengan duka lara. Malahan ada juga yang berhenti di pertengahan jalan. Terlalu banyak dugaan dan halangan. Ada yang suami sakit, ada yang anak sakit, ada yang ibu bapa sakit dan tidak kurang juga diri



sendiri yang diduga dengan penyakit. Namun, aku cuba sedaya upaya aku untuk ketepikan semua cerita lara itu. Aku harus pandang terus ke hadapan kerana aku percaya bahawa di luar sana ramai yang telah mengecapi kejayaan masing-masing. Aku mahu percaya yang aku boleh buat, sekali aku genggam bara biarlah sehingga menjadi api.

Alhamdulillah, doa aku agar dipermudahkan perjalanan ini mendapat perhatian dari Allah SWT. Setiap minggu aku gagahi dan beranikan diri memandu sendirian selama dua ke tiga jam menempuh perjalanan ke pusat pengajian. Hotel Bunga Raya menjadi penginapan rasmi aku setiap minggu selama tiga tahun itu. Ibu mentua akulah yang banyak membantu menguruskan anak-anakku terutama ketika aku tiada di rumah.

Perjuangan fi sabilillah harus diteruskan dan perlu ditamatkan. Bak kata pepatah 'alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan'. Jika tidak, sia-sia pengorbanan yang telah dicurahkan oleh orang-orang tersayang. Siapalah aku tanpa mereka. Mustahil untuk aku tempuh onak dan duri sendirian.

Sepanjang menjayakan misi pengajian aku iaitu untuk tamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan aku perlu buat sesuatu. Aku perlu patuh pada penanda aras yang aku sendiri telah tetapkan. Semester 1 pengajian, aku telah tetapkan untuk buat pembentangan proposal. Alhamdulillah, aku berjaya laksanakan pembentangan seperti yang dirancang. Penyelia sangat berbangga dengan prestasi aku, beliau sentiasa memotivasikan aku agar kekalkan momentum yang ada, malah jika boleh harus dilipat gandakan lagi usaha tersebut.

Pada semester dua pengajian, aku mula jalankan kajian rintis di sekolah lama aku. Alhamdulillah, berkat semangat kesetiakawanan rakan-rakan di sekolah lama aku, segala urusan aku dipermudahkan sepanjang menjalankan kajian rintis. Kerjasama yang diberikan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran, para guru dan pelajar amat bermakna buat aku. Tanpa kebaikan daripada mereka, mustahil boleh aku selesaikan kajian rintis tersebut. Sekali lagi, ku panjatkan penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana mengurniakan nikmat itu kepada aku. Aku terus dan terus bermunajat kepada Allah agar memberikan aku kekuatan, ketabahan dan semangat dalam menempuh kejayaan.

Aku sangat percaya bahawa aku perlu mempunyai semangat yang kuat untuk teruskan perjalanan ini. Aku sentiasa ingatkan diriku, bertaballah kerana ini adalah pilihan aku sendiri. Pilihan ini aku anggap bagai penyakit dan perlu diubati dengan usaha aku sendiri. Tidak mungkin akan ada yang boleh membantu. Apa yang aku mulakan, aku jugalah yang perlu tamatkan.

Kadang kala aku sendiri tidak sedar yang aku bercakap sendirian, membebel kepada diri sendiri, tanyakan macam-macam soalan dalam diri. Mengapa dan kenapa memilih jalan ini? Bukankah aku sudah selesa sekarang ini? Buat apalah menyusahkan diri sendiri. Pelbagai persoalan timbul dalam benak ini, jawapannya aku perlu cari sendiri. Tidak pernah ada jawapan yang pasti. Tetapi apa yang aku pasti ialah aku kena tamatkan segera. Hanya itu sahaja yang dapat mengurangkan bebanan di kepala ini.

Pada ketika dan saat ini, aku sangat merasakan yang tiada seorang pun yang dapat memahami segala beban yang aku tanggung. Aku tidak tahu kepada siapakah harus aku luahkan segala ketidaktentuan perasaan ini. Kadang-kadang rasa penuh dengan kekesalan kerana memilih jalan ini. Setiap pandangan aku rasakan kabur, tidak pasti apa yang aku perhatikan. Setiap bunyi yang didengari tidak dapat aku pastikan biji butirnya. Kegilaan apakah ini? Terbeban sungguh rasanya. Bagaimana ingin penuhi masa yang berkualiti dengan orang tersayang. Apatah lagi

penuhi undangan rakan dan taulan. Adakah mereka benar-benar memahami apakah yang sedang aku lalui atau sekadar mengungkapkan kata-kata ihsan bagi menyedapkan hati dan perasaan aku semata. Namun, yang jelas hanya aku sendiri yang mampu memujuk hati dan perasaan ini.

Aku belajar dari semasa ke semasa bagaimana untuk menangani apa jua isu yang berbangkit. Mahu dalam kehidupan berumah tangga, anak-anak, ibu bapa, ibu bapa mentua, rakan taulan ataupun jiran tetangga. Pedulikan apa mereka kata, yang penting seboleh mungkin akan ku penuhi undangan mereka tanpa boleh banyak berbicara kerana di fikiran aku hanya memikirkan tesis sahaja. Aku bagaikan seseorang yang lain berubah daripada seorang yang ceria kepada orang yang kurang berbicara, semuanya dek impian yang tidak ada kepastiannya.

Akhirnya aku sendiri memutuskan untuk menjalani kehidupan ini seperti semula. Aku cuba kembali seperti dahulu iaitu menikmati saat-saat indah bersama suami tercinta dan anak-anak tersayang. Tiada salahnya jika ingin mencapai impian asalkan kembalikan semula warna-warna kehidupan seperti sedia kala. Ketika ini, baharulah hati aku tenang.

Benarlah bahawa penyelidikan dan kehidupan itu perlu bergerak seiring, tiada satu pun antara keduanya dibenarkan berlebihan. Aku sedar bahawa untuk mengecapi kejayaan, aku tidak akan sama sekali boleh mengorbankan kebahagiaan yang selama ini telah aku bina dan kecap. Andai diminta beri pilihan, aku lebih rela melepaskan impian berbanding mengorbankan kebahagiaan.

Namun, syukur Alhamdulillah akhirnya aku bisa menempuh segala onak duri dan mengharungi ombak badai yang melanda dengan sokongan kuat daripada suami tercinta, anak-anak dan keluarga tersayang serta penyelia yang amat bertimbang rasa dan sentiasa memberikan inspirasi. Mereka inilah yang bertanggungjawab membimbing aku kembali seperti diri aku sebelumnya. Aku berjaya harungi dari satu semester ke semester berikutnya.

Saat yang paling menggembirakan apabila pada penghujung semester empat aku telah berjaya menghantar tesis penuh ke institut pengajian siswazah (IPS). Hati aku berasa begitu lega untuk seketika, bolehlah aku menarik nafas lega. Selang beberapa minggu, pihak IPS memaklumkan telah menerima penetapan dua orang pemeriksa luar (seorang dari USM dan seorang lagi dari UTM) dan dua orang pemeriksa dalam. Aku pun mula berdoa agar mereka ini dilembutkan hati mereka dan memudahkan segala urusan aku nanti.

Ku sangka panas hingga ke petang rupanya hujan di tengah hari. Aku menerima berita perkhabaran seorang daripada pemeriksa dalam yang dilantik perlu menjalani pembedahan mata. Aku diminta membuat keputusan sama ada menunggu pemeriksa tersebut ataupun menukarnya dengan seseorang yang lain. Aku bermunajat kepada Allah mohon diberi petunjuk dalam menyelesaikan kemelut ini.

Akhirnya aku memutuskan untuk meneruskan dengan pemeriksa tersebut sebab aku percaya semua ini ada hikmah di sebaliknya biarpun akan mengambil masa.

Beberapa bulan berlalu, akhirnya aku menerima perkhabaran bahawa tarikh viva aku telah ditetapkan dan aku telah bersedia sepenuhnya untuk menghadapinya. Terasa bagaikan gugur jantung ini apabila memikirkan tarikh keramat itu. Bila sampai saat getir itu, aku berjaya mengharunginya dalam tempoh kurang 30 minit.

Segala persoalan yang diajukan dapat aku tangani dengan baik itu pun atas keizinan Allah. Resepinya doa, yakin dan perlu menguasai sepenuhnya kajian yang dibuat supaya dapat menyuluh kegelapan dan merungkaikan semua persoalan.

Segala pengorbanan selama ini amat berbaloi apabila aku dianugerahkan *Graduate on Time* (GoT). Aku mengambil keputusan untuk menamatkan cuti belajar seminggu lebih awal daripada tarikh sebenar yang sepatutnya. Benarlah seperti yang diucapkan awal pengajian iaitu 'Genggam bara api, biar sampai jadi arang'. Akhirnya, aku telah penuhi hampir seluruh hasrat aku selama ini iaitu 10 tahun pengalaman sebagai guru di sekolah rendah, 10 tahun sebagai guru di sekolah menengah dan sisa-sisa perkhidmatan ini akan ku habiskan sebagai pensyarah di IPG. Insya-Allah, jika kita membuat sesuatu perkara haruslah bersungguh-sungguh sehingga boleh mencapai kejayaan.

“Puan, saya pensyarah IPGK Perempuan Melayu Melaka, sangat berminat untuk mendalami tesis sarjana puan, saya berhasrat untuk fotostat tesis puan, boleh saya datang ke rumah puan? Aku mempersilakan dia datang ke rumah. Dia datang dan menyatakan bahawa tesis aku sangat serasi dengan kajiannya dan dia mohon izin untuk fotostat tesis aku. Dia menganjurkan supaya aku sambung belajar ke peringkat kedoktoran dengan biasiswa. Sungguh itu kali pertama aku mendengar tentang Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Bermula hari itu aku mula tertunggu-tunggu tawaran biasiswa di Portal Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Aku mohon izin suami dan suami benarkan. Jadi aku memohon HLP tahun 2007 dalam usia aku 34 tahun.

Alhamdulillah aku dipanggil untuk temu duga di bangunan KPM Putrajaya. Berada di ruangan temu duga aku lihat kebanyakannya pensyarah IPG dan Kolej Matrikulasi. Guru hanya beberapa orang sahaja. Aku lihat kebanyakan mereka adalah golongan yang berusia hampir 40an. Kali pertama melangkah ke bilik temu duga aku rasa seperti berada di hadapan hakim. Rasa menggeletar tubuh badan dan jantung berdegup kencang. Seorang panel cuba menenangkan aku. Dia bertanya dari sekolah mana? Aku sebutkan nama sekolah aku. Dia ketawa dan katanya budak-budak sekolah itu suka lompat pagar sekolah ponteng kelas. Aku bertanya, “Eh tahu mana? Mungkin dia hanya meneka untuk tenangkan aku atau memang dia tahu. Panel berkata aku masih terlalu muda dan antara calon yang termuda untuk calon PhD. Panel menyatakan peluang patut diberi kepada calon yang berumur kerana mereka tiada masa lagi untuk memohon HLP. Sedangkan aku boleh mohon 6 kali lagi. Jiwa aku memberontak dan aku katakan tidak adil sekiranya umur menjadi kayu ukur untuk diterima sebagai calon HLP PhD. Rasa sangat sakit hati hanya kerana umur aku yang muda aku dinafikan biasiswa ini. Aku keluar dari bilik temu duga dengan linangan air mata. Aku menangis kecewa dan rasa menyampah untuk mohon HLP lagi. Geram betul aku.

Tahun berganti tahun, bila hilang rasa menyampah dan geram, maka pada tahun 2009, sekali lagi aku memohon HLP. Kebetulan aku berpindah sekolah ke Johor. Di sini pentadbir sangat memberi kepercayaan tinggi kepada aku. Aku diberi peluang berceramah, menghasilkan modul, menulis rencana di ruangan agama di akhbar dan sebagainya. Persekitaran sekolah sangat positif dan banyak ruang dan peluang terbuka untuk aku terokai. Ini menambah ilmu, pengalaman dan keyakinan aku. Sekali lagi aku melangkah ke bilik temu duga di bangunan KPM, Putrajaya. Rasa gentar dan gelabah menyelubungi diri. Aku kuatkan semangat dan memerhati sekeliling. Aku terlihat dua kelibat jasad yang aku kenal seorang ustaz senior Universiti Malaya (UM) dan seorang ustazah junior UM. Apabila senior aku keluar dari bilik temu duga, Junior aku pula masuk. Aku sempat bertanya apa soalan yang ditanya. Dia cakap, “Sila terjemahkan tajuk anda kepada Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris”. Apa lagi cepat-cepat aku capai telefon talian hayat aku bertanya teman baik di sekolah supaya terjemahkan tajuk aku dalam Bahasa Arab. Alhamdulillah sempat aku dapatkan jawapan dalam dwibahasa. Junior aku masuk agak lama selepas 45 minit dia keluar dan dia menangis bersungguh-sungguh. Katanya tidak dapat menjawab terjemahan tesis kepada Bahasa Arab dan beberapa soalan lain yang ditanya dalam Bahasa Arab. Tiba giliran aku, aku masuk dengan penuh yakin kerana jawapan sudah aku hafal. Aku diminta memperkenalkan diri dalam Bahasa Inggeris kemudian seorang panel dari UIA meminta aku berikan tajuk kajian aku dalam Bahasa Arab dan beberapa lagi soalan lain. Kemudian panel ketiga bertanya tentang proposal aku. Ternyata panel amat tertarik dengan

tajuk aku kerana katanya tajuk aku ini jarang dikaji. Aku keluar dengan sedikit yakin dan aku tidak putus berdoa semoga inilah peluang yang terbaik untuk aku sambung belajar. Aku pulang ke sekolah dan terlupa terus tentang temu duga.

Suatu hari aku menerima surat tawaran pensyarah baharu di UiTM, Segamat. Sudah lama aku tunggu tawaran ini. Aku tekad untuk menerima tawaran itu. Keesokan harinya pula keputusan tawaran biasiswa HLP pula keluar. Para peserta temu duga diminta untuk semak portal KPM dan alhamdulillah aku mendapat tawaran tersebut. Rasa seronok sangat. Terima kasih ya Allah. Tiba-tiba aku terfikir tawaran mana satu yang akan aku pilih. Kedua-duanya adalah impian aku. Aku lakukan sujud syukur dan solat istikharah selama beberapa hari. Suami aku akhirnya bersuara apabila aku masih belum beri satu jawapan yang pasti kepada UiTM dan Bahagian Tajaan. Suami aku menyarankan supaya menerima tawaran HLP kerana jika aku terima tawaran pensyarah UiTM, aku pasti akan mohon sambung pengajian juga. Jalan pintas ada di depan, jadi aku terima tawaran HLP. Sungguh hebat Allah yang memberikan aku rezeki yang hebat pada masa yang sama. Aku dikehendaki mengikuti kursus intervensi HLP selama seminggu di Port Dickson. Satu lagi masalah berat terpaksa aku hadapi. Ini kerana anakku yang kelima (bongsu pada ketika itu) baru berusia 6 bulan yang masih menyusu, mana mungkin ditinggalkan seminggu walaupun bekalan susu ibu penuh di dalam peti ais. Bagaimana pula dengan 4 orang anakku lagi memandangkan mereka juga masih kecil. Anak yang sulung baru berusia 12 tahun, diikuti 8 tahun, 7 tahun, 5 tahun dan 6 bulan. Suami meminta aku berbincang dengan baby sitter di nursery untuk dibawa bersama dengan anakku yang masih kecil. Anak-anak lain suami aku sanggup untuk menjaga mereka. Selesai kursus didapati dalam bidang Pendidikan Islam seluruh Malaysia hanya kami berempat sahaja yang merupakan guru yang mendapat tawaran ini. Bakinya adalah pensyarah IPG dan Kolej Matrikulasi. Sungguh aku terasa amat kerdil dan sangat bersyukur.

Aku mula mengintai-intai universiti pilihan hati iaitu UM, UKM dan USM. Pemurahnya Allah, aku direzekikan tawaran pengajian dari ketiga-tiga universiti hebat ini. Solat istikharah menemani aku setiap malam. Alhamdulillah pilihan muktamad, USM dalam bidang tamadun Islam yang masih dalam ruang lingkup Pendidikan Islam. Ya Allah sungguh indah susunan takdir-Mu untuk aku Ya Allah.

Aku mendapat sambung belajar pada tahun 2009 ketika usia aku 36 tahun. Waktu itu aku mempunyai 5 orang anak. Masya-Allah, aku tahu, aku menumpang rezeki anak-anak jadi aku tidak boleh abaikan mereka. Suami aku pula memberi sepenuh kepercayaan dan kebenaran untuk aku sambung belajar jadi aku perlu selesaikan janji dan biarlah dia rasa berbaloi membiarkan aku sambung belajar. Aku membuat kajian, menelaah setelah anak-anak tidur. Pada waktu mereka jaga, sepenuhnya tumpuan aku terhadap mereka. Langsung tidak pernah aku menyentuh laptop ketika bersama-sama mereka. Aku tidur bersama anak-anak dan apabila mereka nyenyak tidur aku bangun jam 12 tengah malam sehingga ke waktu subuh. Itu rutin pengajian aku di rumah.

Aku mulakan hidup sebagai penuntut ilmu dan suri rumah sepenuh masa untuk tiga tahun ini. Mula-mula aku hilang pedoman tidak tahu hendak buat apa kerana aku adalah orang yang workholic. Masa yang panjang Allah beri menjadikan aku manusia yang merefleksi diri dan bermuhasabah kerana aku terlalu pentingkan kerjaya aku sehingga ke malam kerana masih ada program di sekolah kerana pelajar tinggal di asrama. Aku berjanji tiga tahun ini aku ingin menjadi ibu sepenuh masa buat anak-anak dan isteri sepenuh masa untuk suami. Ini peluang hebat yang Allah berikan untuk aku. Ke mana sahaja suami berkursus aku dan anak-anak mengikut. Bulan pertama aku hilang arah. Aku ingatkan diri sendiri bahawa biasiswa ini adalah amanah

ummah untuk aku habiskan pengajian aku. Aku tetapkan jadual dalam bentuk carta gantt dan aku perlu ikut garis masa yang ditetapkan oleh aku sendiri. Setiap hari aku disiplinkan diri untuk membaca dan menulis paling kurang tiga jam sehari. Jika sehari tidak dapat aku perlu gantikan hari seterusnya menjadi enam jam.

Tiada siapa yang marah jika aku culas tapi aku tahu Allah sedang melihat aku. Aku mesti patuh kerana aku terikat dengan amanah yang ummah berikan biasiswa dan cuti untuk tiga tahun. Mana hendak dapat cuti itu. Aku disiplinkan juga perbelanjaan aku duit biasiswa aku simpan dan hanya digunakan untuk urusan pengajian sahaja. Kerana itu adalah amanah. Selama tiga tahun itu aku banyak menyimpan dan alhamdulillah bakinya aku tukarkan dalam bentuk emas bar. Aku sering mengikuti teman sama kursus intervensi untuk mengikuti kursus metodologi memandangkan aku tiada kuliah metodologi yang wajib dihadiri. Aku berjumpa dengan ramai tokoh Pendidikan dan pensyarah untuk add value bagi penulisan aku. Alhamdulillah perjalanan ku dalam menghasilkan tesis ini sangat lancar hasil doa orang tersayang seperti suami, ibu bapa dan anak-anak. Aku tidak diuji seperti orang lain kematian orang tersayang, orang tersayang sakit dan meninggal, perceraian dan sebagainya. Alhamdulillah juga aku mendapat supervisor yang sangat baik dan melepaskan aku bebas. Aku takut aku bebas dan akhirnya terbabas. Tapi prinsipnya aku sudah matang aku boleh menulis, mengkaji dan berjumpa dengan sesiapa sahaja, mengikuti kursus apa saja selagi mana tesis aku tidak terabai dan aku siap pada masanya.

Sepanjang menghabiskan pengajian, aku mempunyai banyak masa untuk melihat pendidikan anak-anak, Mereka sering mendapat tempat pertama dalam kelas malah dalam apa jua pertandingan. Aku dapat memerhati dengan teliti perkembangan anak-anak. Dan yang paling membahagiakan ialah anak bongsu aku yang berusia 6 bulan dibesarkan sendiri tanpa perlu dihantar ke taska atau nursery. Ke perpustakaan aku bawa anak. Tapi aku tidak dapat menelaah seperti rakan-rakan pengajian yang lain. Sangat terbatas pergerakan aku. Aku banyak berada di bahagian dapur rumah kerana aku masak setiap hari, mencari bahan basah untuk memasak bersama-sama anak kecil yang selalu bermain di kaki aku. Anak yang bongsu sangat gemar bergayut di kaki aku. Bermain baby-baby dengan dua betis aku. Bagaimana aku ingin ikuti kursus seperti rakan-rakan lain? Bagaimana cara aku ingin menyertai mereka membentang *paper* di sana di sini malah di *oversea*?

Aku tidak mampu dan tidak dapat selincah mereka. Aku ibu anak lima. Anak-anakku masih kecil perlukan aku dan aku tidak pernah ke mana-mana tanpa suami dan anak-anak. Jika ingin ke perpustakaan UM dan UKM aku terpaksa meminta suami temankan supaya dia dapat menjaga anak-anak di homestay sementara aku menelaah contoh-contoh tesis yang ada di perpustakaan. Pada masa itu, internet masih belum laju seperti sekarang, banyak perkara tidak dapat diakses melalui internet. Aku seperti hilang upaya, tidak seperti rakan sepengajian yang lain yang dapat mengikuti segala jenis kursus. Tapi Allah beri rezeki kepada aku dengan memudahkan perjalanan PhD aku. Apabila tiba masa untuk aku menganalisis dapatan kuantitatif aku, Allah rezekikan aku bertemu dengan seorang pakar statistik yang sudi mengajar menganalisis secara persendirian. Aku serahkan data mentah padanya dan dia mengajar aku satu persatu dan analisis data aku dengan percuma tanpa sebarang bayaran. Ya Allah yang Maha Memudahkan, aku siap analisis data kuantitatif aku dalam masa dua jam sahaja. Kemudian aku pening untuk analisis data kualitatif aku. Tiba-tiba aku mendapat panggilan dari rakan satu kursus intervensi yang mengajak aku mengikuti kursus NVivo untuk analisis data kualitatif. Ya Allah ya Tuhan yang Maha Mendengar, kau permudahkan lagi urusan aku ibu anak lima ni. Dengan bantuan suami aku ke UKM mengikuti kursus ni selama sehari. Kebetulan yang memberi kursus ini seorang bekas pelajar PHD yang baru menamatkan pengajiannya dan belum konvokesyen lagi. Aku dapat ikut langkah-langkah yang diajar dan alhamdulillah siap analisis untuk bab 4. Bila siap analisis sama seperti siap tesis. Aku cepat-cepat siapkan penulisan tesis dan alhamdulillah dalam tempoh dua

tahun aku sudah siap semua penulisan tesis. Aku ingin hantar dan submit kepada USM. Tetapi supervisor aku meminta aku menunggu dulu sebab tempoh tesis matang adalah dua tahun setengah. Apa aku hendak buat ni, semua sudah siap dan nak sangat cepat-cepat hantar sebab rasa dah muak tengok tesis sendiri.

Aku mula mengubah minat, tiba-tiba rasa ingin menjahit. Aku langsung tidak tahu menjahit. Jika nak menjahit aku hanya jahit tangan, jahit menggunakan mesin adalah kelemahan aku kerana aku bukan orang teknikal dan tidak suka untuk menguruskan benang yang tersangkut dan sebagainya. Aku suarakan hasrat aku untuk membeli mesin jahit dan ingin belajar menjahit kepada suami. Suami menoleh dan merenung aku, biar betul. Aku bukan seorang yang suka menjahit. Aku yakinkan dia aku ingin belajar bukan main-main. Mungkin aku ingin mengubah haluan kerana asyik berkepit dengan tesis sahaja sepanjang dua tahun itu. Suami benarkan aku ikuti kelas menjahit yang diadakan di KEMAS Segamat. Aku menyamar sebagai suri rumah. Siapa pun tidak tahu aku sedang cuti untuk menyambung pengajian, seronok juga menyelami hati-hati suri rumah ini. Pada hari raya tahun 2011 aku diizinkan Allah untuk menjahit sendiri baju Melayu untuk suami, dua pasang untuk anak lelaki, ayah dan ayah mentua. Aku berjaya menyiapkan sehelai baju kurung dan sehelai baju kebaya untuk setiap tiga orang anak perempuan malah untuk mak dan mak mentua. Alhamdulillah aku rasa satu kepuasan yang amat sangat.

Semakin hari, aku merasakan badan aku semakin berat adakah aku semakin gemuk? Aku mengajak suami untuk berjumpa doktor takut juga bila mendengar cerita penyakit di sebalik menyiapkan PhD ni. Rupa-rupanya aku sedang mengandung anak ke 6. Masya-Allah, hebat sungguh perjalanan PhD aku kerana di akhirnya diberi zuriat lagi, kata orang anak PhD. Aku menunggu sehingga berbaki 6 bulan lagi untuk tamatkan cuti untuk semakan terakhir kajian aku. Aku bimbang aku syok sendiri, bimbang ada salah atau kesilapan yang boleh menjerat aku lulus PhD nanti. Setelah berpuas hati aku maklumkan kepada sv aku ingin hantar tesis. Sv pun berpuas hati dengan tesis aku dan dia dengan senang hati menandatangani borang yang perlu dikepulkan bersama. Aku yang sarat berbadan dua dengan anak yang masih dikelek berusia tiga tahun aku bawa bersama-sama dengan menaiki bas ekspres dari Segamat ke stesen Nibung Tebal dan menaiki rapid bas dari Nibong Tebal ke USM. Bas berhenti agak jauh di jejantas, aku menapak masuk kuatkan semangat aku ya Allah, jauh juga rupanya. Supervisor mengucapkan tahniah pada aku kerana berjaya menyiapkan tesis dalam tempohnya dan dalam keadaan aku seorang ibu lima anak dan seorang yang bakal dilahirkan. Allah yang berikan aku kekuatan ketabahan dan ilham untuk menyiapkan tugas dan amanah ini. Jika aku fikirkan kembali aku yang zero ini mustahil dapat siapkan kesemuanya tanpa pertolongan daripada Allah. Masya-Allah...Terima kasih ya Allah.

Ya, aku memang sudah merasa memakai topi segi empat di atas pentas dengan penuh bergaya sambil menerima skrol berharga sebelum ini. Tapi itu kenangan manis yang berlaku lama dulu, sewaktu tamat pengajian peringkat sijil guru, ijazah sarjana muda dan seterusnya peringkat sarjana. Sering kali aku memasang angan-angan menerawang langit untuk sekali lagi berada di pentas itu. Jauh di sudut hati, aku menyimpan seribu satu impian untuk menyambung pelajaran peringkat PhD pula. Asyik memangku tangan, mati dalam angan-angan. Sering kali hasrat hati bertukar ragu-ragu lantas berkubur begitu sahaja kerana kkuatir aku tidak mampu bertahan apabila dihempas badai, dilambung gelombang dalam menyiapkan PhD kelak.

Syukur! Aku akhirnya mendapat tawaran biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi pengajian peringkat kedoktoran pada tahun 2015 dalam bidang Pendidikan Biologi. Aku mendapat kelulusan cuti belajar tiga tahun mulai September 2015. Ayah dan maklah insan paling gembira selain suami dan anak-anak tercinta. Tanpa berfikir panjang, dengan semangat berkobar-kobar aku terus membuat keputusan untuk menyambung pengajian PhD aku di UPSI, Perak. Ini kerana aku selesa dan telah biasa dengan universiti yang berada dalam negeri kelahiran aku itu memandangkan pengajian ijazah pertama dan sarjana juga diperoleh dari situ. Walaupun aku tinggal di Lunas, Kedah dan berkhidmat di IPGK Tuanku Bainun namun semuanya tampak begitu mudah sekali pada ketika itu.

Tanggal 10 September 2015, masih ku ingat betapa terujanya aku sewaktu hari pendaftaran pelajar pasca siswazah di UPSI. Taklimat dan program orientasi pelajar baharu yang aku lalui menambahkan lagi keazaman untuk menggenggam ijazah kedoktoran. Selesai program pendaftaran aku mengambil peluang melawat ayah dan mak di kampung bagi melepaskan rindu. Ayah yang ketika itu semakin merosot kesihatannya aku lihat tersenyum bangga di samping mak tersayang apabila mendengar celoteh aku tentang peristiwa yang berlaku hari itu.

Sesungguhnya, perjalanan PhD adalah perjalanan panjang yang dipenuhi duri dan pancaroba. Hari ini aku terlalu faham akan hakikat itu. Pada awal-awal bulan pertama aku kerap berulang alik ke UPSI untuk berjumpa penyelia, berbincang dengan rakan-rakan seperjuangan serta menyertai kursus dan bengkel berkaitan bagi mendapatkan ilmu PhD yang sangat luas. Aku mengambil masa kira-kira 4 jam memandu ke UPSI yang jaraknya hampir 285km dari rumah aku di Lunas, Kedah. Tempoh masa memandu yang begitu panjang untuk sampai ke UPSI menyebabkan aku sering keletihan dan dicengkam kebimbangan dengan risiko terdedah kepada sebarang masalah keselamatan sepanjang perjalanan. Mahu tidak mahu, aku terpaksa menyewa rumah di Tanjung Malim. Tambahan pula, aku perlu berada di sana sekurang-kurangnya tiga hari sebelum pulang semula ke rumah di Lunas.

Begitulah rutin mingguan aku sejak menjadi pelajar PhD UPSI. Setiap kali ke UPSI, aku akan meninggalkan keluarga untuk beberapa hari bagi memenuhi tuntutan keperluan pengajian. Masalah pengurusan keluarga pula timbul setiap kali aku ke sana. Ini kerana anak-anakku masih kecil dan tidak mampu menguruskan diri sendiri. Mereka yang sedang belajar di sekolah rendah amat memerlukan perhatian seorang ibu terutama dalam hal ehwal sekolah.



Sepanjang ketiadaan aku, suamilah yang terpaksa menguruskan makan pakai dan persekolahan anak-anak. Anak bongsu aku pula sangat manja dan tidak boleh berenggang dengan aku. Sering kali dia menangis pada waktu malam kerana terlalu rindu.

Tekanan kian berganda setiap kali suami aku perlu keluar bekerja di luar kawasan selama beberapa hari atas tuntutan tugas. Setiap kali suami out-station dan aku perlu ke UPSI, kami terpaksa mencari pengasuh yang sanggup menjaga anak kami sepanjang tempoh masa tersebut. Kami akan mengupah orang luar untuk menjaga anak-anak memandangkan kami tidak mempunyai saudara mara yang tinggal berdekatan. Urusan persekolahan anak-anak seperti hantar dan ambil sekolah, menyiapkan kerja rumah, makan pakai dan lain-lain terpaksa diserahkan kepada pengasuh. Tuhan sahaja yang tahu betapa tekanan situasi ini sangat meruntun jiwa aku. Aku kini terbeban dengan rasa bersalah.

Sejak memulakan pengajian PhD di UPSI, dapat aku rasakan kos sara hidup semakin meningkat. Biarpun mendapat biasiswa, banyak wang bukan dihabiskan untuk pengajian sebaliknya wang ditaburkan kepada keperluan lain disebabkan faktor jarak yang jauh. Banyak duit aku habiskan untuk membayar tol, minyak, makan, penyelenggaraan kereta, sewa rumah, upah mengasuh anak bahkan kos perbelanjaan aku sepanjang tinggal di Tanjung Malim. Selain itu, aku juga perlu berbelanja untuk pengajian PhD dengan membeli buku-buku, bayaran yuran bengkel, kursus, konferensi, seminar dan lain-lain. Dapat aku rasakan perbelanjaan hidup aku semakin bertambah sejak menyambung pengajian di UPSI.

Perjuangan mengejar PhD bukan jalan yang mudah. Ia memerlukan perhatian dan komitmen yang sangat tinggi untuk melaluinya. Aku sepatutnya kerap berjumpa penyelia, membuat perbincangan dengan rakan-rakan seperjuangan seterusnya bertukar-tukar pendapat bagi mengembangkan idea. Namun aku sering terlepas peluang itu kerana perlu pulang ke Lunas sebelum hujung minggu kerana ketika itu suami aku merupakan pelajar PJJ di UUM. Suami aku yang menjalani pengajian peringkat sarjana secara mod kerja kursus perlu menghadiri kelas setiap Sabtu. Masalah ini membuatkan aku sering tertinggal perbincangan-perbincangan penting.

Benarlah perjuangan PhD penuh ranjau berduri. Kesihatan ayah yang ketika itu berumur 76 tahun kian merosot. Pada awal tahun pertama pengajian aku di UPSI, ayah telah jatuh sakit dan dimasukkan ke hospital. Sebagai anak sulung dan sedang cuti belajar, aku telah menjaga ayah di hospital selama hampir sebulan. Sepanjang masa tersebut, aku langsung tidak pergi ke UPSI dan melupakan seketika PhD. Biarlah, bagi aku khidmat bakti kepada ayah lebih utama dari segala-galanya. Syukur ayah telah pulih namun perlu kerap berulang alik ke hospital untuk pemeriksaan berkala.

Aku kemudiannya diduga sekali lagi apabila suami aku mengalami kemalangan motosikal tidak lama selepas itu. Dia yang mengalami kecederaan teruk dan patah tangan telah mendapat cuti sakit selama 3 bulan dan terlantar di rumah. Aku terpaksa menguruskan rumah tangga dan anak-anak di saat suami tidak berdaya untuk membantu.

Malangnya, masalah-masalah yang aku hadapi telah menjejaskan prestasi pembelajaran kerana ia menyebabkan aku menjadi tidak fokus dan berasa tertekan. Aku sering dibebani rasa bersalah kerana tidak menjadi ibu yang baik kepada anak-anak, isteri yang baik kepada suami, anak yang baik kepada ayah dan pelajar yang baik kepada penyelia. Tumpuan yang tidak konsisten kepada pengajian menyebabkan prestasi aku menjadi teruk sehinggakan tiada kemajuan dalam menyiapkan proposal kajian. Aku kini diburu sesal kerana telah tersalah langkah dalam membuat

pilihan tempat pengajian. Aku buntu dan mencari-cari jalan terbaik demi masa depan PhD aku. Aku tidak mahu impian ini berkubur kerana kesilapan sendiri. Setiap masalah mendatang, pasti ada jalan keluar yang terbaik.

Mei 2016, aku akhirnya nekad membuat rayuan kepada Bahagian Tajaan, KPM dan UPSI memohon pertukaran universiti demi masa depan PhD dan keluarga tercinta. Aku memohon untuk bertukar ke USM yang sangat hampir dengan rumah aku. Alhamdulillah, masalah aku mendapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya daripada pihak Bahagian Tajaan dan UPSI. Permohonan aku untuk bertukar universiti telah diluluskan. Segalanya telah dipermudahkannya. Aku akhirnya telah mendaftar sebagai pelajar PhD USM pada 26 Ogos 2016. Pada hari itu, aku nekad untuk tidak menoleh ke belakang lagi dan terus mengejar impian. 'Genggam bara api biar sampai jadi arang'.

Peluang yang telah diberikan ternyata tidak aku sia-sia begitu sahaja. Walaupun bertukar tajuk kajian yang baharu dan bermula dari zero tetapi aku tetap gigih menyiapkan penyelidikan PhD. Jarak yang dekat dari rumah ke USM memudahkan aku berulang alik dan memberi fokus seimbang antara PhD dan rumah tangga. Masa siang aku habiskan di USM untuk berjumpa penyelia, rakan seperjuangan mahu pun bertapa di perpustakaan. Manakala malam hari ku peruntukan untuk keluarga tersayang dan menyambung study PhD. Semuanya menjadi lancar walaupun aku hanya tidur lima jam sehari demi menyiapkan kajian PhD aku.

Dalam pada aku begitu bersemangat menyiapkan PhD di menara gading yang baharu, tanggal 12.2.2018 aku diuji sekali lagi dengan pemergian abadi ayahanda tercinta penyokong terkuat aku selama ini. Dunia aku rasakan begitu gelap dan berhenti berputar. Terasa semangat aku bagaikan hilang bersama-sama pemergian ayah. Aku begitu sedih dan berasa kehilangan yang amat sangat. Sememangnya aku amat rapat dengan ayah yang menjadi sumber kekuatan dan inspirasi aku selama ini. Semoga roh ayah ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman. Amin. Dalam kepayahan aku bangkit dan mencari arah tuju semula. Harapan arwah ayah, mak dan keluarga tidak akan sia-sia. Aku kemudiannya berjaya membenteng proposal kajian pada 13 September 2018.

Cuti belajar aku selama tiga tahun akhirnya telah tamat dan aku ditempatkan semula bertugas di IPGKTB mulai 30 Ogos 2018. Terasa begitu cepat masa berlalu. Aku berazam untuk terus berusaha menyiapkan pengajian PhD sedaya mungkin agar mematuhi tempoh masa yang ditetapkan. Aku diberi masa setahun dari tarikh bertugas semula bagi mengelakkan sebarang tindakan. Bermulalah episod perjuangan PhD untuk menyiapkan tesis sambil bekerja. Kali ini cabaran berbeza pula yang aku tempuhi. Manakan tidak, aku perlu bijak menguruskan masa antara tugas hakiki dengan study. Berkat kerajinan dan usaha, semuanya berjalan lancar sehingga aku berjaya membenteng pre-Viva diikuti penghantaran tesis yang telah siap ke Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM pada 15 Ogos 2019 bagi tujuan VIVA.

Aku kemudiannya mendapat e-mel yang aku sambut dengan penuh gembira bercampur gementar memaklumkan tarikh pembentangan VIVA. Aku mendapat sokongan dan doa restu sepenuhnya daripada suami, anak-anak dan rakan-rakan. Tanggal 13 November 2019 yang penuh keramat, selepas 2 jam lebih pembentangan dan soal jawab akhirnya aku lulus ujian ini. Aku lulus dengan minor correction. Hanya Allah sahaja yang tahu perasaan aku kala itu. Sebak bercampur gembira yang tidak terungkap dengan kata-kata. Selepas Viva berakhir, barulah aku tersedar birunya langit, hijau dedaunan dan merahnya kuntuman bunga yang mekar. Keletihan dan keperitan yang aku tempuhi selama ini terasa lenyap sama sekali.

Tanggal 15 Mei 2020 sekali lagi aku mengalirkan air mata kesyukuran kepada Maha Pencipta sebaik menerima surat kelulusan mesyuarat senat USM bahawasanya aku telah tamat belajar peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Perjuangan mendapatkan PhD aku rasakan begitu sukar umpama pertempuran di medan peperangan yang begitu panjang. Biarpun impian aku untuk memakai topi bulat di atas pentas konvokesyen graduan PhD masih belum tercapai akibat penularan virus COVID-19 kini, namun aku telah berjaya menamatkan ceritera PhD.

Harapan dan impian aku untuk naik ke persada pentas dengan memakai topi bulat kini terbentang di depan mata dan ternyata jelas terukir kini. Laluan perjuangan PhD tak ubah umpama kita berdiri di atas satu papan permainan berwajahkan dugaan. Aku bagaikan seorang pendatang yang dijemput untuk berada dalam permainan dam ular dan tangga. Sepanjang permainan itu aku telah menempuh tangga pendek dan panjang sebelum sampai ke destinasi akhir iaitu petak ke-100. Dalam keseronokan melangkah ke atas, aku kadang kala terlupa akan ujian yang hadir dengan kemunculan pelbagai jenis ular. Terkadang tatkala aku begitu gembira menongkah tangga sekonyong-konyong aku tersungkur ke bawah semula tanpa diduga. Biar apa terjadi, dadu usaha perlu dilontar dengan penuh reda. Ular besar dan kecil, pendek dan panjang muncul silih berganti tanpa henti. Semua halangan ini menjadikan aku lebih cekal berdiri dengan iringan doa orang tersayang lantas terus nekad untuk tiba di petak ke-100 secepat mungkin tanpa mengabaikan kualiti. Bukan gelaran yang dikejar tetapi kepuasan dan kemenangan dalam perjuangan. Setiap yang berusaha pasti berjaya. Akhirnya, aku menang dalam pertempuran topi bulat. Alhamdulillah!

***Artikel ini saya dedikasi khas untuk arwah ayahanda tersayang dan bonda tercinta yang sentiasa memberikan semangat dan doa tanpa henti. Aku persembahkan juga istimewa buat insan-insan yang selalu menyokong dan memberi inspirasi.***

*‘Hiduplah seolah-olah engkau akan mati esok. Belajarlah seolah-olah engkau akan hidup selamanya.’*

Kalimah inilah yang menguatkan semangat aku untuk menyambung pengajian di peringkat PhD....ini bukan mimpi tapi realiti demi segulung Ijazah yang kini menjadi milik aku. Syukur kepada yang Maha Kuasa. Itulah pengakhiran PhD aku. Yang bertambah manisnya adalah aku dan anak sulung bersama-sama konvokesyen pada tahun 2017.

Setiap perjalanan pengajian PhD adalah berbeza-beza bagi setiap orang. Jalannya pasti berliku, ada pahit dan ada pula yang manis, tidak kurang juga yang menempuh onak dan duri. Mereka yang pernah melalui, pasti tahu apa perasaannya. Perjuangan itu memerlukan pengorbanan dan istiqamah di jalan kebaikan dalam mencari ilmu. Mengenal mazmumah diri yang menjadikan aku rasa terlalu kerdil untuk mengharunginya.

Namun kekuatan tetap ada bila dua orang anakanda bersama-sama belajar di bawah bumbung institusi pengajian tinggi yang sama pada ketika itu. Emak mengaji PhD, anak sulung tahun terakhir dan anak kedua di tahun pertama di peringkat ijazah. Kadang-kadang bila mengantuk di library aku akan set appointment dengan dua anak teruna kesayangan untuk makan di Café... kadang-kadang tu rasa geli hati bila kawan-kawan mereka agak musykil bila mereka bertanya “Adoi, itu mak aku la, bukan awek tua.”

PhD ku adalah dalam mod cuti bergaji penuh sepenuh masa. Hanya dengan sekali pengalaman melalui temu duga Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), akhirnya aku berjaya mendapat biasiswa HLP. Alhamdulillah, rezeki buat aku. Kredit juga buat mentor di tempat kerja yang kini sudah pergi jauh meninggalkan kami. Beliau banyak memberi kata-kata motivasi buat kami untuk meneruskan pengajian. Beliau jugalah orang yang paling gembira bila mendapat tahu kami berjaya. Al-Fatihah buat mentor aku. Tidak pernah kami lupa sehingga kini segala jasa yang telah arwah lakukan.

Namun tidak semua yang kita impikan akan kita peroleh dengan mudah. Itu lumrah untuk menguji kekuatan dan kecekalan diri kita. Bermulalah liku-liku pengajian aku. Biasalah cari bahan banyak, duduk terperap di library hampir setiap hari bersama-sama Shima, sahabat terbaik aku sehingga kini. Mencari bahan, berjumpa Supervisor yang sangat sibuk ketika tu, Co Supervisor pun banyak memberi idea dan pendapat dan kadang-kadang bercanggah juga dengan Supervisor aku. Kita sedang belajar, ikut saja apa yang tok guru hendak, kalau tidak betul ubah. Tapi bab mengubah ni rasanya berpuluh-puluh kali. Sebenarnya semua ini untuk memantapkan pengajian kita. Betul tak?

Dalam melayari kehidupan sebagai seorang student mujurlah ada sahabat baik aku ini yang sama-sama saling mengingatkan perihal nak bentang, nak hantar bab 1,2 dan 3 serta tarikh-tarikh penting yang perlu kami tahu. Syukur sangat ada sahabat terbaik yang sama-sama di saat susah dan senang aku. Namun aku juga bertuah, ada juga sahabat lain yang menasihati, yang membimbing, yang berkongsi kisah, yang menjadi sumber inspirasi dan motivasi serta ada juga yang macam tidak reti bahasa. Cerita pi library dan mencari bahan itu aku tidak hendak share

sangat sebab lebih kurang sama semua. Ya, yang aku nak share cerita ni pun tidak lah drama-drama sangat tapi adalah macam sitkom televisyen. Harap maklum. Al kisah nya *Kes Hilang Tesis Kawan*. Rasanya ini kenangan yang aku paling ingat sampai sekarang. Dalam aku cuba untuk tidak menggores hati sesiapa namun ada juga terpalit kisah. Kisahnya begini apabila ada seorang kawan yang pada awal pengajian cuba berbaik-baik dengan aku. Aku pun suka sebab memang aku bab berkawan memang seikhlas hati, tapi apa nak buat. Orang tua-tua cakap dah nak jadi cerita.

Ceritanya bermula begini, aku pernah meminjam tesis seorang kawan yang dah grad untuk buat rujukan. Satu hari aku memulangkan tesis tu kepada kawan A yang meminjam dari pemilik tesis iaitu kawan B (aku dah maklum pada kawan B untuk pinjam dan maklum juga untuk pulangkan pada kawan A). Nak jadi cerita, semasa makan di rumah kawan C, aku pulangkan tesis tu kepada kawan A. Tiba-tiba kawan D yang berada di depan kami minta nak pinjam. Jadi kawan A memberi tesis tersebut kepada kawan D dan terus menghubungi kawan B (pemilik tesis). Akan tetapi setelah dua minggu kawan A meminta tesis daripada kawan D. Di sinilah kemuncaknya bermula...jeng jeng jeng..tiba-tiba kawan D memberitahu yang dia sudah memberi tesis itu kepada aku. Kawan A menghubungi aku dan meminta tesis tersebut. Aku dengan melopong terkedu kerana aku dah lama pulangkan kepadanya di rumah kawan C. Kawan D memberitahu kawan A kononnya dia dah pulangkan kepada aku tesis tu dan dia bermati-matian mengatakan yang dia masih ingat dia telah memberi semula tesis (dalam plastik merah) tu kepada aku semasa aku menumpang nya ke library. Aku dalam keadaan keliru pulang mencari di setiap pelosok rumah aku namun hampa. Si kawan D tu pula, siang malam pagi petang asyik menelefon aku menyuruh aku terus mencari dan dia tetap dengan pendiriannya yang mengatakan bahawa tesis tu diberikannya kepada ku (dalam plastik merah...yang aku tak tahan kepada semua orang dia cerita macam itu untuk menguatkan hujahnya). Keesokan harinya semasa aku sibuk belajar navigation pane dengan sahabat terbaik aku di library tingkat 3, D datang menegur dengan muka yang marah dan tidak berpuas hati. Katanya dia sampai tidak boleh tidur memikirkan tesis tersebut dan kelihatan sangat tidak puas hati melihat aku di library seperti tidak menghiraukan tesis yang hilang itu. Aku sangat-sangat sedih dan tidak boleh memberi fokus kepada study ku seperti biasa. Pelbagai perasaan menimpa ketika itu. Setelah dimarahi aku mengajak sahabat baik pulang ke rumah sebab mood belajar sudah hilang. Begitulah juga apa yang sahabat baik aku rasa ketika itu. Dia sangat bersimpati kepada aku.

Sampailah seminggu selepas itu tiba-tiba kawan E memulangkan tesis kepada kawan D. Barulah kawan D teringat yang sebetulnya dia telah berikan tesis tu kepada kawan Z dan bukanlah kepada aku (ini kes aniaya bunyinya kan). Namun sehingga sudah aku tidak mendengar lagi ucapan maaf daripadanya. Sehingga sekarang jugalah dia sudah tidak seperti dulu, nampak sering mengelak daripada aku apatah lagi hendak menegur aku. Mungkin inilah satu-satunya pengalaman belajar aku yang membuatkan aku sangat down kerana orang-orang yang tidak mengetahui cerita benar di sebaliknya telah menganggap aku seorang yang pentingkan diri sendiri dan sebagainya. Benar-benar menguji aku walaupun aku sebenarnya tidak langsung terlibat dalam kes kehilangan tesis itu. Semoga Allah mengampunkan mereka. Aamiin.

Namun kita mesti tahu apa yang paling penting adalah restu keluarga kerana sentiasa memahami. Bukan kita sahaja yang perlu melakukan pengorbanan. Mereka juga perlu berkorban masa dan duit ringgit demi kejayaan kita. Jadi aku buat keputusan untuk terus positif, dan meneruskan pengajian aku. Akhirnya dalam masa 2 tahun 7 bulan aku berjaya menamatkannya. Syukur... Segulung ijazah telah aku terima...kini mengharap redha Ilahi. Semoga ilmu ini diberkati. Aamiin.

Sekian.

Tahniah! Tahniah! Dr. Hajah Rohaya bt Ahmad, ungkapan keramat itu tidak semudah yang kita dengar. Sesungguhnya pengalaman seorang pemegang gelaran Doktor Falsafah (Ph.D), amatlah berbeza antara setiap orang, namun kepahitan atau kemanisannya hanya individu itu yang merasa. Tahun 2012, mula mendaftar sebagai pelajar PhD dengan tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) belajar secara sambilan. Bermulanya susah payah pahit getir bergelar pelajar. Setelah tiga tahun menjadi pelajar, tajuk, artikel, penulisan pun belum siap lagi sedangkan HLP hanya diberi tempoh selama lima tahun sahaja. Mungkin kerana tajuk yang tidak sesuai atau kurang bertemu dengan penyelia. Susah payah berulang alik ke Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang masih belum ada jalan penyudahnya.

Akhirnya selepas tiga tahun saya bertermu dengan penyelia yang baru, yang sesuai dengan tajuk kajian yang baharu, dan dari saat itu saya rasa saya “hidup” semula sebagai pelajar PhD. Satu ketika dulu macam nak serah diri juga namun memikirkan penalti dari bahagian tajaan jika tidak selesai, maka saya gagahi juga. Kadang-kadang keterpaksaan itu perlahan-lahan akan menjadi kerelaan jika kita berkemahuan untuk berjaya. Mempunyai seorang penyelia yang sangat bagus dalam bidang kajian dan berminat menyelia pelajarannya adalah satu anugerah Allah yang hebat. Sebab ada juga saya mendengar rintihan kawan-kawan yang dapat penyelia mengagalkan pelajar, tidak banyak membimbing dan membantu pelajar, ego, keras hati, pilih kasih, sibuk dengan urusan peribadi serta pelbagai sifat dan sikap negatif telah digambarkan. Namun begitu saya sangat bersyukur kerana Allah temukan saya sorang penyelia yang sangat prihatin dengan pelajar-pelajarnya walaupun setelah tiga tahun bertukar penyelia. Selalu penyelia berpesan hidup sebagai pelajar PhD bukan masanya untuk kita bersenang-lenang. Kadang-kadang dalam hati tetap berkata tidak ada PhD pun ok ja bukan naik gaji atau naik pangkat, tapi hakikatnya bila mengakhiri sebagai pelajar PhD, nikmat ilmu itu yang paling indah. Dalam berkira-kira menjadi pelajar PhD, apa yang penting adalah persetujuan bersama pasangan masing-masing, kerana sokongan, dorongan dan doa mereka jua memudahkan perjalanan saya bergelar pelajar PhD, pensyarah serta seorang suri rumah. Tiada orang tiada masalah, semua orang punya masalah. Mustahil jika dia tiada masalah, cuma kadang-kadang dizahirkan atau tidak sahaja. Satu aspek yang penting untuk calon PhD, pada saya adalah memahami setiap pasangan dengan tugas dan tanggungjawab pada bidang kerja dan pelajar.

Saya amat bertuah kerana mempunyai seorang penyelia yang sangat memahami kekurangan saya, saya lahir dari keluarga yang miskin dan tidak begitu pandai, cuma kekuatan saya rajin dan tidak putus asa. Perhubungan dua hala antara saya dan penyelia sangat baik sehingga kini seperti keluarga angkat, semasa ibu penyelia masih ada sering kali saya menziarahi dan seperti pengganti kepada ibu saya yang telah tiada, hubungan baik ini kekal sehingga kini. Allhamdulillah. Bagi individu yang tiada pengalaman menulis seperti saya, perkara ini sangat memerlukan komitmen dan nilai sabar yang tinggi daripada saya. Syarat lima tahun untuk menyiapkan tesis PhD lebih memberi tekanan kepada saya. Oleh kerana saya sedia maklum bahawa saya amat lemah terutama dalam memahami bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Inggeris, saya berusaha sedaya upaya dengan mengupah pelajar-pelajar dari kumpulan TESL di IPG saya, walaupun perlu berkorban wang ringgit namun saya rasa amat berbaloi dengan usaha saya ini.

Namun begitu, keadaan tidak begitu indah seperti impian kita inginkan, selepas pembentangan proposal saya burn out selama tiga bulan, tidak tahu hendak mula yang mana dahulu membuat pembetulan? Namun bersemangat semula apabila mendapat dorongan dan bimbingan daripada suami, keluarga kawan-kawan dan yang paling penting penyelia. Bina keyakinan dalam diri kita terlebih dahulu. Jika tidak, mana mungkin orang lain boleh yakin dengan kita. Selesai proses proposal, kutipan data dan siap menganalisis data dan menunggu untuk pembentangan pre-viva, terjadi pula kejutan lain, penyelia jatuh sakit. Terkedu seketika memikirkan keadaan penyelia, berdoa kepada Allah supaya Allah memberi kesihatan yang baik kepada beliau dan dapat menyelia semula semua pelajar-pelajar PhDnya. Setelah hampir enam bulan terkapai-kapai dengan usaha sendiri membuat penulisan dan pembetulan, allhamdulillah penyelia kembali sembuh. Saya bersyukur kepada Allah, maka pembentangan Pre-viva diteruskan. Akhir sekali pembentangan viva, allhamdulillah selesai. Syukur.

Sepanjang menulis dan mencari ilmu PhD, bukan sahaja semangat, cita-cita, azam malah sentiasa terasa diri dekat dengan Allah, apa tidaknya... hendak cari subtopik penyelesaian masalah pun sehingga berbulan-bulan menangis merayu minta tolong pada Allah supaya Allah permudahkan. Teringat lagi satu hari termenung di perpustakaan berlinang air mata kerana sub topik penyelesaian masalah masih lagi tidak diterima oleh penyelia. Tiba-tiba Allah kirimkan rakan-rakan yang baik yang sudi membantu. Ya Allah besarnya nikmat-Mu. Selain itu PhD juga telah menjanjikan saya seorang hamba yang hidup ini tidak hanya bergantung pada usaha yang gigih namun bantuan dan pertolongan daripada-Nya lebih hebat. Kehidupan sebagai pelajar PhD sambil bukanlah satu perkara mudah, apatah lagi kekangan kelas, tugas pelajar, kertas peperiksaan pelajar, semuanya perlu didahulukan daripada penulisan tesis PhD. Mencuri masa rehat, tidur dan hujung minggu untuk menulis adalah biasa pada saya dan mungkin sebahagian pelajar-pelajar PhD yang lain. Bila menyentuh tentang masa, sudah tentulah yang membantu kita adalah pengurusan masa. Hidup kita mesti ada sistem pengurusan masa yang baik, bak kata perputih "Masa Ibarat Emas". Perlu buktikan kepada mereka di luar sana bahawa kita juga mampu sebenarnya, walau apapun ujian dan musibah, ingatlah bahawa Allah sentiasa bersama-sama kita.

Walau apapun anugerah yang kita memiliki, namun semuanya dari Dia, memiliki segulung PhD ini juga rezeki dari-Nya. Oleh itu, kita tidak boleh lari daripada sentiasa terus menghambakan diri meminta rahmat dan kasih sayangNya. Untuk capai kejayaan kita bukan sahaja perlu lakukan pengorbanan tetapi mungkin ada yang terkorban dan mungkin juga ada orang lain yang berkorban untuk kita juga. Bertabah dalam setiap dugaan yang mendatang. bersyukur dalam apa jua halangan, kerana dengan nikmat syukur InsyaAllah kita pasti memperolehi jalan yang terbaik. Doa saya semoga rakan-rakan yang sedang berjuang mencapai kejayaan yang cemerlang dalam menyiapkan tesis PhD mereka....Amiinn.

Ph.D is the most glorifying achievement for all academia but to pursue the passion one needs to envisage the strenuous climb of resilience and perseverance. Accomplished individuals have been through great number of challenges, even though their lives might look effortless from other's perspectives. Decidedly, through the virtue of mindfulness and persistent this journey is all set to begin.

My journey started in the year 1998 at University of Malaya as I pursued Diploma in Bahasa Malaysia at the Faculty of Languages and Linguistics, University of Malaya. I continued my studies at the same faculty as a Bachelor of Language and Linguistics in Tamil studies. As soon as I graduated, my journey in school continued as a teacher in Methodist Girls School Klang. I returned to the University of Malaya to continue my master's studies in Linguistics. I obtained my master's degree in 2007 in Socio-Linguistics, which marked as an official year my pursuit of Ph.D began.

At that time, I met Professor Dr. Krishanan Maniam who was my supervisor. Amidst of applying for Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) in 2009 and 2010 respectively I spent months to find the right scope for my research. My supervisor Professor Dr. Krishanan Maniam later suggested The Theory of Subaltern. After years of applying for the scholarship I successfully enrolled myself as a postgraduate student in Social Science in year 2011.

As a Ph.D student the primary agenda was consulting our supervisor. The frequent meetings with our supervisor was essential to organise practical details and improvement of the thesis. My meetings with the supervisor, particularly once in every three weeks, required a lot of travelling. Boarding busses from Kedah to University Malaya, carrying luggage and exchanging in between trains. I did experience extreme fatigue mentally and physically throughout the journey. Never once I thought about quitting. I found the strength in Albert Einstein's saying that "in the middle of difficulty lies opportunity".

The fundamental aspect of my Ph.D was not the journey nor the destination but the company. For students with family commitments like mine, their presence was needed at home and their spouse and children will often demand their undivided attention. However, rather than wanting my attention, my family understood my struggles and despair.

Having a strong support system at home is crucial for Ph.D candidates at my age. My family always had my back through trials and tribulations. They established a conducive environment for me in order to pursue my postgraduate study with peace of mind. I feel fortunate to work with my family. There is always an instant camaraderie. A quick compliment can go a long way. If you establish guidelines from the start, working with family members can be a rewarding experience. That is how my journey eventually became our journey. But just as I thought my Ph.D was soaring towards the right direction, grief and hard times escalated. Losing my dearest mother forever took all my strength away. Concurrently, my father was debilitated by illness and bedridden for almost four years before he left us. That left me a lifetime agony and void that can never be filled by anything but hopeful amount of time and healing. The loss of both my parents left me feeling like an orphan.



However, the love from my wife and children saved me from drowning all into the sorrows. Within a few years, I was diagnosed with severe hernia and had to undergo surgery. I had gone through a lot of medical complications throughout this journey. I tried to bear in mind that life don't really happens the way we have planned. Nevertheless, faithfulness and love of family gave me the essence of life to fight any battle. I know that it can be hard to bounce back when you make it to the bottom, but anything is possible through the desire of our soul.

This journey holds a very special place in my heart as this is a volume of the unspoken Marginal Indians in Malaya before 1957. My Ph.D study is about the Indian society in Malaya during the British and Japanese colonial times. As a Malaysian, I have a responsibility to tell the true history to young people about the life of the Indian community before Malaysia gained official independence. I have to show the life of the rubber plantation community which is full of oppression and tyranny of British and Japanese power.

I need to reveal the grief felt by the ancestors of the children of the Indian community who came from the Indian subcontinent as labours to work in the rubber plantations belonging to the British capitalists to develop Malaya in the economic field. I have a responsibility to describe the hardships and sufferings experienced by the Indian community in Malaya during the Japanese occupation.

Marching towards the end of the line and successfully presented my Ph.D findings back in 2017 gave me a feeling of self-fulfilment. This journey had led me to fulfil the passion of writing, researching and exploring. Throughout the journey, there is one principle that I followed which is to never look back no matter what happens. The 'don't give up' mindset kept me passionate about my work. Always remember every journey is meant to be experienced through the valley of pain and pleasure. Never think about quitting and train your mind to focus on continuing to work even when it's hard. Every sincere effort will bring you fruitful success.

My sincere advice for upcoming postgraduates with family commitments is if you want to be mentally prepared to swim against the tide, remember to allocate time to engage in some fun to balance the stress of the Ph.D. Spend time with your family and make them understand the journey ahead of you. From the very beginning Ph.D's life revolves around your thesis so staying focus is very important. Family will ultimately be a significant aspect of a postgraduate student. With the right atmosphere everything is possible and so will your Ph.D journey.

Setiap perjalanan PhD tu ada cerita dan babakny.....

### Babak 1 :

Usai pendaftaran dan taklimat pelajar PhD dan sarjana, aku melangkah sambil tidak putus-putus berdoa dalam hati: Ya Allah, Kau permudahkanlah perjalanan PhD aku ini..... Amin Ya Robb.... Tiba-tiba aku disapa seseorang.

“ Ustaz Hamizul kan ni.”

“ Ya, saya,” jawab aku sambil menoleh dan sedikit teruja. Rupa-rupanya sosok tubuh itu aku kenali. “Ustazah Hanani rupanya.” Tak sangka sungguh kecil dunia ini. Sahabat satu pengajian dan juga satu batch semasa menyambung master dulu sedang berdiri di hadapan aku saat ini. Kami sama-sama satu batch dan banyak kelas pengajian kami yang sama pada ketika itu. Masa ibarat diputar semula. Memang aku kenali ustazah Hanani sebagai seorang yang rajin, komited dan sentiasa membantu rakan-rakan seperjuangan. Selesai pengajian sarjana, masing-masing kembali ke daerah dan negeri masing-masing, bertugas semula sama ada di tempat yang baru atau lama. Sepi dari perkhabaran kawan-kawan. Aku sendiri kembali bertugas di sekolah lama aku.

“Sambung PhD juga ka ni?” tanya aku. Dia mengangguk tanda mengiakan. Aku lantas bertanya, “ Ustazah sambung bidang apa?” “Pendidikan Islam.” Jawabnya. Er, ustaz ada ikut mana-mana group tak untuk PhD ni? Tanya dia lagi.

“ Setakat ini tidak ada lagi. Cuma SV pesan untuk hadir ikut group yang SV wujudkan dengan semua pelajar PhD di bawahnya,” jawab aku dengan penuh jujur.

“ Ustaz nak tak kalau join group kami? Buat PhD ni tidak boleh duduk sorang-sorang. Kena ada group. Baru semangat,” katanya lagi.

“ Betul, betul tu Ustazah. Sebab itu ada orang kata PhD ni satu perjalanan yang sunyi sebab duduk sorang-sorang tidak bersosial dengan orang. Mesti la saya hendak join group tu Ustazah. Boleh ka?”

“Boleh, macam ni. Group ni diterajui oleh tok guru kita juga dulu Prof Dato HT. Kami selalu buat perjumpaan seminggu sekali di Bilik Gerakan PIM dekat Jalan Reko. Dalam perjumpaan selalunya ada pembentangan daripada pelajar-pelajar PhD tentang progress tesis mereka. Ada juga pembentangan untuk proposal, mock viva dan sebagainya. Prof Dato sebagai chair person akan sentiasa memberikan tambah nilai dalam pembentangan-pembentangan tersebut. Nanti minggu depan ustaz datanglah, nanti saya masukkan ustaz dalam group whatsApps.

“Menarik ni ustazah. Peluang yang tidak boleh dilepaskan ni. Nanti saya akan join minggu depan. Terima kasih banyak-banyak ustazah, **andalah manusia kiriman Tuhan.**

Sejak itu, aku mengikuti group tersebut rapat-rapat. Setiap kali perjumpaan diadakan, aku tidak pernah ketinggalan. Banyak input yang aku pelajari dan dapat. Sesi perkongsian oleh rakan-rakan dalam group, berkaitan kajian, metodologi, instrumen, dan lain-lain banyak yang aku kenali sejak menganggotai group ini. Sesi pembentangan pelajar dalam group ini juga sangat-sangat mencabar minda. Dato Prof selalunya akan mengajukan soalan provokasi demi provokasi kepada pembentang. Ini membuatkan para pembentang perlu bersedia fizikal dan mental bagi menjustifikasikan soalan-soalan yang ditanya dengan hujah dan fakta yang padu. Secara tidak langsung juga Prof Dato mengajar kami untuk menjadi berani dan kritikal dalam pembentangan dan ini merupakan latihan-latihan yang amat berbaloi bila berhadapan dengan audien dan panel penilai viva nanti.

## Babak 2 :

Petang itu berlangsung sesi perkongsian seorang rakan pengajian PhD yang baru sahaja aku kenali sebelum menyertai sesi tersebut. Sesi hands-on yang membincangkan cara mudah menstrukturkan dan mengorganisasikan tesis dengan sistematik dan teratur itu (juga dikenali dengan document maps dalam microsoft words) aku cuba sedaya upaya memberikan perhatian sebaik mungkin kerana agak teknikal. Perlu learning by doing untuk memahami dan menguasainya. Itulah nama perkongsian ilmu berkaitan Documents map sesi petang itu. Usai sesi aku berborak-borak dengan Irwan. “Irwan ni... orang mana?... Utara ka?” tanya aku.. Sepanjang sesi perkongsian itu, aku mendengar bait-bait cakupnya itu macam orang-orang yang berasal dari utara. Sebab itulah aku meneka sedemikian.

“Ketara sangat ka bang saya cakap utara tadi?... ha ha.... Tanya dia sambil tergelak.... Belum sempat aku menjawab, dia menambah, “ Saya orang Kedah bang, Kampung di Pokok Sena.”

Terasa diri sudah berumur sebenarnya. Bila ramai dalam kalangan rakan pengajian PhD ini ramai yang muda-muda. Irwan salah seorang rakan yang aku kira muda. Masih umur sekitar 30-an sedangkan aku dah pun berumur 40-an. Kadang-kadang rasa lambat pick-up dan slow learner la plak. Bila melihat rakan-rakan yang cergas dan aktif seperti Irwan ni, dapat tumpang semangat mereka pun dah dikira bernasib baik sangat.

“Ooo... Ya ka.....Patut pekat juga loghat utara tadi... Habis tu, Irwan sambung belajar ni under sapa? Bidang apa?” Tanya aku lagi.

“ Saya attach dengan UTHM bang. Bidang TVET. Lepas habis mengaji ni pi mengajar UTHM la balik.” ujarnya.

“Oooo... Macam tu rupanya..... Saya dok agak dah mesti Irwan attach dengan U punya..Betoi la tekaan saya. Saya nak tumpang semangat Irwan dan kawan-kawan lain lah untuk buat PhD ini. Nanti kalau ada yang saya tidak faham saya tanya Irwan lah na...”

“ No problem bang. Boleh aja.... yang mana saya boleh tolong, saya tolong..... Buat PhD ni bukan boleh duduk sorang-sorang. Kena berkawan, bersosial. Kena rajin “hemoi” orang Kedah kata. Baru la kita rasa seronok belajar. Lagi satu kita nak buat PhD ni bukan hendak ubah satu dunia. Kita buat tajuk yang mudah dan boleh habis mengaji sudah la.... Tak payah dok fikir teruk-teruk sampai sakit-sakit masuk hospital. Tidak ada sapa suruh buat macam itu pun.”

Kata-katanya dah macam sesi ceramah dan nasihat lah pula kepada aku. Kebetulan aku pun tengah buntu dengan tajuk-tajuk cadangan untuk proposal yang hendak aku bentangkan di hadapan SV tidak lama lagi.

Sejak perkenalan dengan Irwan, aku mula rapat dengan dia dan dia pun senang berkawan dengan aku. Segala macam persoalan berkaitan tesis aku banyak merujuk dengan dia. Kebetulan pula kaedah kajian tesisnya sama dengan kaedah kajian tesis aku. Selain daripada SV aku yang banyak membantu dalam penulisan tesis, Irwan menjadi SV aku yang tidak rasmi. Irwan juga tidak lokek ilmu untuk membantu aku dalam penulisan tesis.

“ Abang cuba baca cara penulisan saya dalam bab sekian, sekian ni.. Kot-kot boleh bantu abang untuk menulis dan memberi idea untuk mengembangkan penulisan,” katanya.

“ Abang cuba baca tentang ni. Jom kita pi cari buku research method kat kedai buku jom.”

“ Abang, jom kita masuk bengkel bina item instrumen tu, kot-kot boleh bantu untuk kita buat instrumen soal selidik yang baik.”

Begitulah di antara bait-bait katanya yang menjadikan diriku sentiasa bersemangat untuk teruskan pengajian PhD ini. Namun, ditakdirkan Irwan telah selesai menyiapkan tesis PhDnya awal sedangkan aku masih terkial-kial dalam penulisan tesis. Aku merasakan perjalanan aku semakin lambat dan perlahan bila ketiadaan Irwan.

Namun, Irwan tetap seorang Irwan. Setiap minggu dia akan menelefon aku dan menanyakan khabar perkembangan penulisan tesis aku. Setiap kali dia akan memberikan kata-kata nasihat dan motivasi untuk aku teruskan perjalanan ini.

“Alah, sikit ja lagi tu bang. Bukan banyak mana dah pun... Kalau abang pulun bab tu, dua minggu pun boleh siap dah.”

“Abang tersekat dekat mana lagi ni? Mai hantar kepada saya melalui e-mel, bagi saya tengok.” Begitulah di antara respons dia bila menghubungi aku. Motivasi, kata semangat, nasihat dan pelbagai bantuan yang diberikan bagi melihat aku berjaya seperti dia yang telah sampai ke garisan penamat.

Satu lagi kata-katanya yang aku tidak boleh lupa:

“Abang jangan dok pi banding-banding dengan orang lain yang boleh GOT ka, yang dah habis ka. Abang ada perjalanan abang sendiri. Tidak sama dengan orang lain. Tidak payah dok berkisah dengan orang lain. Abang berkisah dengan diri abang, tesis abang saja. Ingat nak perabis saja. Insyallah kalau abang buat boleh habis. Kalau ada masalah lagi telefon saya.”

Begitulah baiknya seorang sahabat bernama Irwan. Dia tidak melepaskan aku sehingga aku juga berjaya seperti dia. Mungkin dia jugalah **Manusia kiriman Tuhan** yang dihantar bagi membantu aku sehingga berjaya menamatkan perjalanan aku ke garisan penamat sehingga berjaya memakai topi bulat di kepala.

### **Babak 3 : Penutup**

Usai pembentangan dan sesi soal jawab viva voce, aku dan SV dipersilakan keluar dari bilik viva tersebut kerana panel akan berbincang dan membuat keputusan bagi mencapai kata sepakat menentukan sama ada aku lulus atau gagal dalam pengajian PhD aku ini. Jantung aku mula berdegup kencang semasa meninggalkan bilik viva tersebut. Luluskah aku? Gagalkah aku? Persoalan-persoalan ini mula bermain di minda aku. Kalau lulus, Alhamdulillah. Kalau gagal macam mana pula? getus hati aku. Kalau lulus, berbaloilah perjalanan yang mengambil tempoh yang lama dalam PhD aku. Segala pengorbanan yang tersayang, mak, ayah, isteri, anak-anak akan betul-betul berbaloi. Tapi bagaimana pula kalau aku gagal? Kecewa dan lain-lain perasaan yang tidak boleh digambarkan mungkin akan terjadi. Apa yang ingin aku jawab kepada penyumbang biasiswa aku? Apa yang aku hendak jawab kepada rakyat yang telah aku gunakan wang mereka melalui biasiswa yang aku terima? Apa perasaan mak, ayah, isteri dan anak-anakku kalau mereka tahu aku gagal? seribu satu macam persoalan yang berkecamuk berpusing-pusing di minda aku. Sebaik sahaja aku dan SV keluar dari bilik viva tersebut, tiba-tiba dengan tidak semena-mena SV datang rapat kepada aku dan terus memeluk sambil berkata : “Tahniah Hamizul, Tahniah.... Aku terima dan membalas pelukan SV aku sambil masih kehairanan dengan kata-kata SV. Benarkah apa yang aku dengari dari SV bahawa dia mengucapkan tahniah kepada aku? Apakah ini tanda husnul khatimah? Aku segera mahukan penjelasan dari SV.

“Tapi Dr. Nik, panel masih bersidang dan keputusan viva tidak dicapai lagi. Bagaimana boleh Dr. ucapkan tahniah kepada ana?”

“Insyallah, kalau ikut pengalaman ana, bila anta sudah habis bentang dan selesai sesi soal jawab sudah boleh tahu keputusannya macam mana. Tahniah, sekali lagi,” ujar SV aku.

Ternyata firasat SV aku benar sekali. Apabila aku dan SV dijemput semula ke dalam bilik viva dan pengerusi panel mengumumkan dengan kata-kata “anda lulus dengan pembetulan”, aku terus sebak. Seakan tidak percaya, tetapi itulah hakikatnya. Aku lulus PHD akhirnya. Syukur pada-Mu Ya Allah...

*“Maka dengan nikmat Tuhanmu yang manakah yang mahu kau dustakan”*

Ya Allah, jadikanlah hamba-hamba-Mu yang senantiasa bersyukur atas Nikmat-Mu. Amin.

Why I pursue PhD? What really motivated me when I first started was the gap that I felt I need to fill in developing my professional life. I felt the need to move from my comfort zone and challenge myself a bit. 'A bit' is really an understatement! The pursuit could be overwhelming sometimes. Only those who had been through it could understand the pressure and demands one faced when doing PhD. After gathering enough courage and information on what to research on, I submitted my application to University Science of Malaysia (USM) in Penang. That was in 2011. USM was my alma mater and I love Penang since I was born there. I completed both my first degree and master there. Trying to be proactive, I sought a professor who supervised me during my master study and asked if she could supervise my PhD as well. Unfortunately, she could no longer renew her contract in USM and recommended another lecturer. She also put in a good word for me and because of that I was accepted. When I met my new supervisor for the first time, he seemed like a strict person. Throughout the years, I realized he is a good kind-hearted man despite the serious façade.

I then became a part-time student juggling between my studies, work and taking care of an ailing spouse. It was a mighty challenge, but one would never know one's true potential until being tested near the breaking point. Only then one would discover one's true potential and strength. My progress was slow since I could only focus on my studies during breaks and school holidays. Nonetheless, I was able to publish one article in a USM publication called "Diges Pendidik" and presented at one local conference at IPG Penang and two international conferences in UPM Serdang and in Penang. These were achieved between giving lectures, marking assignments and changing adult diapers among other things. These accomplishments gave me great personal satisfaction knowing that I still could function as a post-grad student despite the challenges I faced in life at that time.

I got my first break in October 2012 when a senior lecturer from a prestigious university in Wellington, New Zealand offered his help as a co-supervisor. He was interested in my area of research. Prior to this, we had been working closely together for many years in a twinning programme between his university and my institute. He is one of the leading scholars in the field. He was a godsend to ease my journey. My supervisors in USM, an expert from NZ and me made a great team. This was a good turning point in my study. I felt highly motivated at that time. There was clarity in the direction of my study. I could visualize the process that I had to go through in completing it.

However, disaster struck again when my husband suffered a second major stroke attack in November 2012. Apart from being totally bedridden, he could not be fed orally anymore. He had lost his ability to swallow and could only take liquid food fed using syringe into the feeding tube installed through his nose. This had to be done once in every four hours. I got new routines of giving sponge bath and changing dirty bed sheet every morning among other things. I was not complaining and took it in my stride. I believed I was being tested and all I could do was to be patient and accepted my fate. I also needed to put a brave front more for my sake than others and get on with life.

In August 2013, I got another great opportunity. I got the interview for the government scholarship. I was not confident that I would secure it. I brought the wrong proposal with me and not the latest one! In fact, to tell the truth, I cried after the interview thinking that I blew it because I was so careless. I got no one to blame other than myself. Come December 2013, with trembling heart, I checked the result online. To my utmost happiness, I got it! I guessed I did something right after all during the interview. I could not thank Allah enough for all the blessings sent to me. I have tears in my eyes when writing this. I was thinking that I could kill two birds with one stone; studying without having to go to work (I got study leave as well) and taking care of my other half on my own without relying on maids. I had no maid at that time because of the ban imposed by the Indonesian government.

A new chapter began. At the end of January 2014, I began my life as a full-time student cum nurse. I started preparing for my prospectus presentation. The prospectus consists of the first chapter of the thesis. The presentation did not go well. I did not receive good feedback. I was feeling down for a few days after that. At this juncture, I realized that as a post-grad student, one must be able to get up again after a fall and be open to criticism. Same thing goes in other areas of life. Based on the feedback given, I rectified and amended the proposal. I received good guidance and support from my supervisors. My main supervisor understood that I could not see him very often because of my husband's condition. I needed to hire private nurses if I was not home with him and this was not cheap. At that time, I kept pushing myself, telling myself that I could not give up despite everything that was thrown to me in life.

Every cloud has a silver lining. A good news came. I was elated when my NZ supervisor told me that our abstract for presentation had been accepted. We would be presenting in Brisbane, Australia! This was the first conference that I attended overseas and it was in August 2014. It was a great opportunity to present in front of a roomful of native speakers who shared the same interest with me. I co-presented with my NZ supervisor. The first morning in Brisbane, I woke up around 5 am and still feeling a bit jet lag. I rehearsed the script for my presentation. I was a bit anxious. What if, I went blank during the presentation. It would be a real embarrassment. I did not want to let my supervisor down since he believed in me enough to invite me to be his co-presenter. My presentation was at 9.00 am that morning. Gosh! The room was full mostly with native speakers of English. But then, I realized they were interested to know about education development in Malaysia (my part) and Vietnam (my supervisor's part). I gathered my courage and mustered as much confidence as I could. To both our relief, the presentation went well. We got positive feedback and constructive questions that added clarity to my study. We were approached by a few interested people in the audience asking for more information about the research. I also got to know one Malay Muslim couple who are permanent residents of Australia. They lived in Sydney and they invited me to their home. I went to Sydney after the conference and they took me around Sydney. To me, this completed my visit to Australia. The week I was in Aussie, my husband was being taken care by private nurses. I called every day to check on him. My parents were with him too. I am lucky to have such supportive parents and siblings. When I reached home, I was devastated because I saw there were few spots of bed sore on my husband's back. I knew that the nurses were not doing their job properly. They were not there when I entrusted him into their care. I gave them a piece of my mind and determined not to hire the nurses from that company ever again.

Study wise, my spirit was high after coming back from Australia. I eagerly prepared my proposal for defense. My proposal was accepted. Alhamdulillah! All praises to Allah! I started going to school to observe teachers. If my brother or my parents were at home with my husband, I did not hire the expensive private nurses. I just had to make sure I went to school for not more than

four hours or else no one would be able to feed my husband by injecting liquid food through the feeding tube at his nostril. He had to be fed every four hours and I was the only one in the family who was trained to do this. That was how I managed the 24 observations conducted in four schools. In addition to that, I also interviewed eight teachers. On average I spent 80 hours observing and interviewing. While doing these, I was always thinking about home and how my ailing husband was doing. It was not easy. Trying hard to focus on the tasks at hand and worrying about him. And again, Alhamdulillah, everything went on smoothly. I was accepted well by the headmasters and teachers of the schools I visited. They gave their full cooperation in accommodating me doing research in their schools. I could not thank them enough for letting me into their sphere.

Being cooped up at home most of the time, I started transcribing the observations and interviews recordings. I took months to do this. It was a real hard work. I produced almost 500 pages of transcriptions. At first, I wanted to use the latest NVivo version. So, I went to a few workshops to learn about it. However, in the end, I decided to analyse the data manually because “I feel closer to the data” (Only those who had done this understood this expression). I did a few rounds of analyses using both methods, NVivo and did it manually. This was at the end of 2014. I would be presenting at a conference in Belgium in September 2015, so I needed to have my data and analysis ready by then.

On 20th April 2015, I noticed my ailing husband’s unusual breathing pattern. He seemed to like having shortness of breath. I consulted the doctor who attended him on regular basis. The doctor suggested that I took him to the hospital. I called my brother who lived nearby but he was away on a business trip. So, I called my sister in-law instead. She came with her little daughter, my niece. I called the ambulance too. My husband was admitted, and the doctor informed me that he was in critical condition. I cried my heart out and asked the doctor to do what she could to make him better. I called his siblings and informed them about my husband’s condition. I was by his side all the time, changing diapers, making sure he was comfortable and reciting Yassin. I was not ready to let him go. In the early morning of 24th April 2015, at around 12.15 am, was the moment I dreaded the most. My husband drew his last breath in front of me. I was alone with him reciting Yassin when this happened. I felt the world around me crumbled. I went through the funeral proceeding in a blur. I did not touch my thesis for months after that. I was in iddah and my parents stayed with me to keep me company and to make sure that I was okay. I felt so lost and empty. I had been taking care of my ailing husband around the clock for eight years and suddenly he was gone.

When I was still mourning the loss of my husband, I received an e-mail from my sponsor informing me that they will cover the expenses for my trip to Belgium. I could not thank Allah enough. That was a wake-up call. I needed to rise again and to start working on my research study. The trip was after my iddah. So, I could make the trip. I managed to put up a brave front. I presented and received valuable feedbacks from the audience. I also attended presentations by other fellow presenters. I was captivated by one new concept during one of the presentations I attended, the concept of ‘translanguaging’. Other than that, it was also a great valuable experience meeting and listening to the leading scholars in my field. I read their books and journal articles in the process of doing my research and there they were in front of me. I even had the opportunity to talk to a few of them during breaks at the conference. This was like once in a lifetime opportunity for me. Coming back from Belgium, I started to explore about translanguaging. I did some extensive reading and wrote one article about it, presented it at a national conference and published it in a local academic journal.

My spirit was lifted again when my supervisor told that our abstract was accepted and we would be presenting in Florida USA. We were to co-present the paper. I got mixed feeling. I wanted to visit that great nation but at the same time I was scared of my safety travelling alone amidst the rise of Islamophobia. I am an identifiable Muslim because of my hijab. This was in 2016. I researched the internet quite extensively. Then, to my relief, my friends, the young Malay couple from Aussie also wanted to go for a road trip at about the same time as the conference. They invited me to join them and we shared the expenses. After some consideration, I agreed. We planned to go for the road trip after the conference. They were the ones who did the booking of all the BnB accommodations throughout our road trip that covered more than 11,000 miles across the country. They also studied the route that we were going to take including Route 66. I was elated. So, I would only travel alone from my entry airport in the US to the conference venue in Orlando, Florida.

En route to Los Angeles (LA), I transited for 8 hours in Narita, Tokyo, Japan. 8 hours would be excruciatingly a long wait. Fortunately, I got to know about Narita Transit Program when I did my internet search. Free tour guides could take you to local attractions in Narita. I decided to go for it once I landed in Narita. The finesse in the Japanese behaviour and mannerism made me feel ashamed with the negative behaviours of some people in my home country. It took me another day to reach LA. I landed around noon. I waited for four hours for my connecting flight to Orlando, Florida. I finally checked into my room at around 11 pm local time. I was relieved that I made it to my destination safely. I had a terrible jet lag that night. Luckily, my paper presentation was on the last day of the conference. So, I could rest a bit.

The presentation went well. It just that it was frustrating when the hall was not full. There were about 20 people in the audience. It was the last day of the conference and many had left. We put in a lot of effort and travelled halfway across the world to be there. I was hoping for a lot more audience. After the three-day conference, my friends from Aussie came and we travelled across USA from coast to coast by MPV. I was happy. Throughout the journey, me and my Aussie Muslim friends were not harassed or discriminated because of our skin colour and faith. I was used to men opening doors for me and making way for me which I seldom experienced back home. I am thankful that I had the opportunity to visit USA and I know why it is a great nation. I have checked one box in my bucket list.

My viva presentation was at the end of February 2017. I passed the viva presentation and was given a few months to submit my dissertation. Finally, in October 2018, I got my doctorate degree after all the sweat and tears shed. Luckily, I did not have an emotional breakdown on the stage when I received the scroll during the much awaited convocation after all the trials and tribulations I faced during this journey. All praises to Allah for this triumph and I always pray that the knowledge and experiences that I gained will be shared and will benefit as many people as possible. May Allah bless and grant my prayer. Amin...



Sejarah perjalanan PhD saya jika diimbas kembali memang rumit tetapi telah memberikan satu kepuasan yang tidak terhingga. Kajian lapangan yang bermula dari Semenanjung hingga ke Sarawak merupakan pengalaman berharga yang tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Ia merupakan satu legasi peninggalan saya kepada dunia pendidikan seni arca tanah air.

#### **Kisah Bermula.....**

Hasrat yang lama terpendam tetapi hanya menjadi kenyataan pada tahun 2013 apabila saya diterima sebagai pelajar PhD di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif. Tiada sebarang bentuk biasiswa ditawarkan tetapi semangat untuk menyambung pengajian tidak pernah pudar. Sepanjang hujung minggu perlu hadir kuliah untuk semester pertama. Dari Sungai Petani ke Tanjung Malim memakan masa 4 jam menaiki kereta api. Hanya awal pagi Ahad baru sampai ke rumah. Hari Ahad pula merupakan hari kerja di negeri Kedah. Ia merupakan rutin hujung minggu yang tidak pernah ditinggalkan.

#### **Persoalan kajian.....**

Seperti pelajar-pelajar PhD yang lain proposal kajian perlu disiapkan. Masa itu saya buntu. Fikirkan tajuk apa yang perlu dikaji. Ingin meneroka sesuatu yang penuh dengan cabaran. Secara kebetulan terserempak dengan klirieng (tiang kematian) dan motif ukirannya di perkarangan muzium negara. Minat untuk mengkaji objek berkenaan semakin menebal walaupun melibatkan pelbagai etnik, budaya dan kepercayaan. Hasrat saya ini tidak pernah di bantah oleh supervisor saya yang bernama Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Husain malah menggalakkan dan pujian diberikan untuk meneruskan kajian berkenaan.



Klirieng, Salong dan Lijeng yang dianalisis di Daerah Belaga

#### **Bagaikan mimpi buruk.....**

Selepas kajian ke atas klirieng dimulakan baharu saya sedar akan kerumitannya. Kerja lapangan perlu dijalankan di Sarawak iaitu tempat asal pembinaan klirieng, salong dan lijeng. Kebanyakan klirieng yang dikenal pasti pula terletak di kawasan pedalaman Sarawak iaitu di Daerah Belaga. Tidak semudah yang disangka untuk tiba ke kawasan-kawasan ini. Sungai Rajang merupakan laluan utama. Sungai yang penuh dengan jeram-jeram yang membahayakan. Pengalaman banjir dan hanyut di sungai merupakan mimpi yang mengerikan. Setiap kali membuat kerja lapangan isteri dan anak-anak kecil yang berumur empat dan tiga tahun terpaksa ditinggalkan untuk beberapa minggu.

Makanan dan pakaian tidak pernah terurus. Tambahan pula kajian ini dilakukan dengan kos perbelanjaan ditanggung sendiri.



Perjalanan ke lokasi klirieng yang mengambil masa beberapa jam



Bantuan Penduduk tempatan semasa banjir kilat

Tiang-tiang klirieng di Daerah Belaga yang dijadikan subjek kajian sebenarnya berusia ratusan tahun tetapi masih berdiri dengan megahnya. Rekod-rekod yang sah berkenaan klirieng berkenaan susah untuk diperolehi. Klirieng juga kepunyaan pelbagai etnik dan setiap klirieng berkenaan mempunyai sejarah yang tersendiri.

Komunikasi dengan masyarakat setempat menjadi sukar. Rumah Panjang menjadi tempat penginapan. Setiap kali perlu mengalaskan perut dengan makanan tempatan yang sukar ditelan.



Di rumah panjang bersama wanita Orang Ulu yang bercuping telinga panjang

Semakin dicari semakin banyak fakta yang diperoleh. Klirieng kini ada yang sudah pupus. Tiada pengukir-pengukir baru. Saya mengambil masa yang panjang untuk mencari responden-responden kajian. Akhirnya saya ditemukan dengan Senator Ding Seling Pegawai Pengkaji di Majlis Adat Istiadat Orang Ulu di Sarawak yang banyak memberikan maklumat dan pertolongan dalam menyiapkan kajian PhD saya. Hanya tuhan yang dapat membalas jasa beliau. Selama menjalankan kajian ini, saya telah menghadapi pelbagai rintangan. Pertanyaan yang sering diutarakan adalah kepentingan membuat kajian di Sarawak dan kenapa perlu etnik berlainan yang asing dengan identiti saya. Ramai yang mengatakan bahawa untuk mendapat segulung ijazah PhD tidak perlu terlampau susah dan tidak perlu membuang duit yang begitu banyak. Bagi saya kajian ini adalah penerokaan baharu saya. Saya ingin menghasilkan sesuatu yang lain daripada yang lain.

#### **Viva.....**

Masa yang amat mendebarkan saya. Perasaan yang tidak dapat dihuraikan dengan kata-kata. Hanya seorang kawan yang bernama En. Zulpaimin bin Hamid yang menjadi peneman pada waktu itu. Dua orang panel viva telah mengutarakan pelbagai soalan selama 2 jam. Segala soalan yang dikemukakan saya jawab dengan penuh keyakinan dan tenang. Saranan penambahbaikan juga telah dikemukakan dan saya terima kesemuanya dengan hati yang terbuka. Akhirnya saya telah mendapat hasil kepada usaha saya selama ini. Kajian saya telah diluluskan dengan pembetulan dan penambahbaikan.

#### **Konvo.....**

Pada tanggal November 2018 saya telah dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Seni Halus. Satu impian yang telah pun menjadi kenyataan. Kejayaan yang memberikan kepuasan yang tidak terhingga. Penghargaan yang diterima dari pihak-pihak di Sarawak merupakan hadiah yang tidak terhingga nilainya pada saya. Mimpi menjadi kenyataan.

Melalui pengajian PhD ini banyak pengalaman yang telah saya peroleh. Sepanjang enam tahun saya berjaya mengenal etnik, budaya dan kepercayaan yang begitu asing bagi saya. Satu penerokaan baharu dalam hidup saya. Kejayaan ini menjadikan saya manusia yang lebih tabah dan tekun serta mampu menghormati kebudayaan orang lain. Selain itu kajian ini menjadikan saya seorang insan yang dapat menghargai ukiran tradisional masyarakat Sarawak dan diharapkan motif ukiran yang didokumentasikan melalui kajian ini bermanfaat kepada generasi akan datang.

Niat di hati sememangnya telah terpendam sekian lama. Namun untuk memulakan langkah, masih penuh kerisauan dan pelbagai perkara yang bermain di fikiran, dengan situasi kesibukan sebagai penjawat awam, menguruskan anak-anak yang masih kecil, menyantuni bonda yang sedang sakit, semuanya memerlukan perhatian yang khusus dan tersendiri. Maka, niat berkobar-kobar tentang perkara yang satu ini saya simpan kemas di sudut hati.

Keinginan ini juga bukan atas keperluan perjawatan, mahu pun dorongan untuk beralih arah pekerjaan. Namun sama ada ianya khayalan, atau menjadi kenyataan, saya melalui jalan yang ditakdirkan oleh Ilahi dengan penuh rasa yakin bahawa, orang yang ingin menggali khazanah ilmu-Nya yang maha luas ini pasti ada laluan yang tersendiri.

November 2009, bermulalah perjalanan musafir kami sekeluarga ke bumi empat musim, mengiringi suami yang ditawarkan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah kedoktoran. Dengan mengambil cuti tanpa gaji, saya memulakan kehidupan sebagai suri rumah sepenuh masa menguruskan keluarga tercinta dengan pelbagai aktiviti baharu di Lampeter, United Kingdom.

“Ah, seronoknya!” biarpun tiada pendapatan bulanan seperti sebelumnya, terasa bahagia yang luar biasa apabila ruang masa bersama keluarga dapat dinikmati sepenuhnya sejak dilantik sebagai penjawat awam sejak 13 tahun yang lalu.

Setahun berlalu, masing-masing sibuk dengan jadual yang tersendiri. Suami saya sedang rancak dengan tugas dan penyelidikan di universiti, manakala puteri berlima saya telah semakin dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu yang semakin menyeronokkan. Manakala saya pula setia dengan rutin baharu ini dengan gembira. Pada suatu hari, suami menimbulkan isu dan memberi cadangan yang tersimpan lama di hati saya.

“Mulakan dulu, insya-Allah ada jalannya nanti.” suami memberi semangat. Saya hanya mendiamkan diri. Di dalam hati masih cenderung untuk menolak.

“Biarlah begini, selesa dan tiada perkara yang memenatkan.” saya bermonolog, memberi alasan sendiri untuk menolak cadangan suami. Hati masih penuh keraguan, lebih banyak berfikir buruk berbanding baiknya yang akan berlaku.

Risau tiada rakan seperjuangan. Risau tiada tempat rujukan. Berbagai-bagai perasaan bercampur-baur memenatkan fikiran saya untuk mencari titik keindahan dalam perjalanan menuntut ilmu ini. Yang pasti, saya terpaksa bergerak daripada zon selesa yang ada!

“Bukankah ini yang aku mahu sekian lama. Inilah masanya. Kalau ditunggu waktu untuk bersedia, pasti alasan akan sentiasa ada. Ambil peluang ini!” bisikan halus bergema mengetuk rasa hati saya yang sedang berbolak-balik, berusaha menguatkan keyakinan yang masih samar.

“Susun masa baik-baik. Nanti kita boleh sama-sama cari bahan di perpustakaan universiti,” tanpa putus asa seolah-olah memahami apa yang tersirat, kata-kata suami mula membangkit

semangat saya yang suam-suam kuku. Sedikit demi sedikit mula terbayang keseronokan berada antara rak-rak buku universiti yang sentiasa terbuka untuk orang awam itu. Allahu Akbar. Sangat teruja.

### **Bermulanya Langkah**

Julai 2010, saya memberanikan diri mendaftar secara jarak jauh dengan UKM. Alhamdulillah, benarlah jalan sentiasa disediakan oleh Allah kepada mereka yang berkehendakkan kebaikan. Dalam tempoh tiga semester, dalam bulan Ramadhan yang penuh barakah, pembentangan usulan berjaya diselesaikan secara maya. Setinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT atas kelancaran ini. Pencarian ilmu diteruskan demi menggali khazanah-Nya yang luas tidak bertepi.

Januari 2013, tibalah masa untuk kembali ke Malaysia. Alhamdulillah, pengajian suami sudah di peringkat akhir. Bermulalah pula cabaran besar saya sebagai isteri, ibu, pekerja dan pelajar. Semuanya bergerak serentak, dengan cabaran terbesar menenangkan anak-anak puteri berlima ini yang berhadapan dengan suasana baharu di tanah air. Terasa kehidupan sangat terumbang ambing, lebih-lebih lagi suami mula sibuk dengan tugas yang baharu diamanahkan menyebabkan waktu dengan keluarga menjadi sangat terbatas.

Tinggallah saya menguruskan keperluan persekolahan dan emosi anak-anak.

“Allah Akbar, ampuni hamba-Mu ini.” Sering kali saya menjerit di dalam hati. Kehidupan menjadi sangat kucar-kacir. Pada masa yang sama saya berusaha juga menggagahkan diri memikul tugas sebagai pekerja dan pelajar. Semuanya sangat mencabar.

Akhirnya saya terpaksa mengalah. Salah satu terpaksa digugurkan, antara tanggungjawab terhadap keluarga, organisasi dan pelajaran. Pasti yang pertama dan kedua tidak mampu diabaikan.

Secara perlahan tanpa sedar, saya mula menyepikan diri daripada perhimpunan bulanan Nadi PhD, kelab yang banyak memberi sokongan dalam pencarian ilmu ini. Setiap semester berlalu dengan bayaran tanpa adanya peningkatan.

Saya juga sering kali mengelakkan diri daripada bertemu penyelia. Semua mesej daripada beliau saya abaikan. Fikiran saya menjadi sangat keliru terutama dalam membuat keputusan yang semuanya memberi impak besar terhadap diri saya. Saya benar-benar buntu.

### **Sinar Baharu**

Mei 2014, terasa seperti ada sinar dalam kesuraman, sungguh aturan ilahi tiada yang mampu memahami. Tawaran melanjutkan pelajaran tanpa biasiswa yang saya isi sekadarnya sahaja setelah diajak oleh rakan akhirnya membuahkan hasil. Hasrat menyambung pengajian yang saya kuburkan, mula berbunga kembali. Kali ini saya cuba bangkit dengan hasrat dan cita-cita yang lebih segar dan baharu. ‘Tahniah! Tahniah!’ Kebahagiaan ini turut dikongsi oleh sahabat seperjuangan.

Terasa seperti mimpi, tidak pernah terbayang rezeki Allah SWT itu sungguh luas untuk saya dalam urusan pencarian ilmu ini. Di kala saya sudah patah semangat, hampir memadamkan hasrat untuk meneruskan perjalanan, ada cahaya baharu yang menyinarkan harapan, menyuluh jalan dan menggerakkan kembali emosi positif dan yakin diri bahawa langkah yang dimulakan ini perlu dinoktahkan.

Alhamdulillah, Februari 2015, tawaran melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah kedoktoran Cuti Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa disambut dengan penuh syukur dan azam baharu. Setelah menerima tawaran, saya bercadang untuk berhenti daripada pengajian yang terdahulu dan mendaftar sebagai pelajar baharu, namun setelah dinasihati oleh penyelia dan perbincangan dengan pihak tajaan dan universiti, akhirnya pengajian yang hampir terbengkalai disuburkan kembali dengan tempoh yang sangat terhad.

Meskipun banyak cabaran, suka duka pelbagai peristiwa terisi sepanjang tempoh tiga tahun itu, Allah mempermudah segalanya dengan rahmat dan kasih sayang-Nya.

### **Noktah Untuk Satu Permulaan**

Sungguh panjang perjalanan ini. Ada benarnya kata-kata yang terngiang di telinga, perjalanan ini adalah perjalanan sepi yang ada ceritanya yang tersendiri. Ianya memberi makna dalam kehidupan dalam mencari kekuatan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang di luar susun atur perancangan manusia yang punya kemampuan yang amat terbatas.

Alhamdulillah, Mac 2018, proses viva berjalan dengan lancar dan Jun 2018 surat daripada pihak universiti mengesahkan saya dianugerahkan Ijazah Kedoktoran. Sungguh benar, tiada bahasa yang dapat mengungkapkan rasa syukur yang tidak terhingga ini. Sangat kecil pengorbanan dan usaha saya berbanding luas dan besarnya rahmat dan kasih sayang-Nya. Di sini noktahnya cabaran perjalanan ilmu untuk permulaan perjalanan yang akan datang. Semoga sentiasa diberkati pada amalan yang lalu, kini dan mendatang.

Alhamdulillah atas segala kurnia-Mu Ya Allah.

Bermulanya perjalanan PhD aku pada tahun 2015, aku telah mengemas barangan untuk berpindah ke Kuala Lumpur dari negeri paling selatan di semenanjung iaitu Johor. Setelah beberapa tahun berkhidmat di Johor, aku telah diberikan cuti belajar untuk menyambung pengajian di peringkat kedoktoran oleh Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Tempoh cuti belajar sepatutnya bermula pada bulan kedua pada tahun berkenaan. Walau bagaimanapun, aku mengambil keputusan untuk memulakan pengajian aku pada bulan kesembilan mengikut kalendar akademik universiti. Sebelum menamatkan perkhidmatan di sana, aku mengucapkan selamat tinggal kepada pihak pentadbir, rakan sejawat dan rakan karib untuk aku meneruskan perjalanan pengajian aku seterusnya.

Terdapat beberapa universiti yang bersesuaian di ibu negara. Aku telah memilih sebuah universiti di Selangor. Aku telah berjumpa dengan penyelia, Profesor X. Beliau dan aku mulai mengenali sesama kami. Aku mula berbincang dengan penyelia. Profesor X memutuskan bahawa aku perlu terus membaca, mencari maklumat berkaitan, selalu pergi ke pusat sumber fakulti, universiti dan kementerian. Beliau menggalakkan aku agar sering mengambil bahagian dalam seminar dan kolokium untuk mencari perkembangan terkini dalam bidang pengajian dan menjalinkan perhubungan profesional yang barang kali dapat membantu aku dalam penyelidikan dan laluan profesional seterusnya. Walaupun Profesor X selalu berkunjung ke luar negara atas tugas rasmi, beliau dan aku sering kali saling berhubung dalam talian.

Perjalanan pengajian aku di universiti bermula dengan pendaftaran subjek A dan subjek B. Kedua-dua subjek ini adalah subjek berstatus audit dan wajib diambil pada awal pengajian. Subjek A berjalan dalam bilik kuliah yang standard tetapi bilangan pelajarinya menjejak angka ratusan orang. Subjek A ini adalah tentang kaedah penyelidikan berasaskan nombor. Subjek B pula adalah mengenai kaedah penyelidikan berasaskan perkataan dan huruf. Kelas ini dijalankan dalam Bahasa Inggeris. Hanya lapan orang pelajar dalam kelas ini, iaitu dua orang pelajar dari Afrika, satu orang dari Brunei, satu orang dari Palestin dan bakinya ialah pelajar Malaysia. Selepas memasuki kedua-dua kelas ini, aku mendapat gambaran awal tentang kaedah penyelidikan yang perlu aku gunakan. Semester pertama aku berakhir dengan tamatnya dua subjek ini. Usulan telah aku sediakan.

Memasuki semester kedua, aku terus membaca artikel jurnal, tesis, prosiding, laporan kajian lapangan, buku ilmiah dan terus mencari artikel terkini. Aku terus membaca dan membaca semula maklumat yang aku catatkan. Bersyukur kerana akses internet yang mudah dan muat turun artikel yang kebanyakannya percuma. Keadaan ini sememangnya menyelesaikan masalah ataupun kekangan dari segi lokasi dan kewangan. Teringat aku nasihat seorang pensyarah kanan aku.....300 set pelbagai rujukan sebelum sesuatu usulan yang mantap dapat dihasilkan....

Memasuki semester ketiga, perjalanan aku masih lancar rasanya. Aku rasa sudah banyak membaca, banyak menulis dan banyak menghabiskan dakwat mesin pencetak. Aku tidak teringat kekerapan melawat pusat sumber universiti, fakulti dan kementerian. Profesor X menasihati aku agar terus membaca dan memperbaiki usulan. Beliau turut mencadangkan supaya Profesor Y dilantik menjadi penyelia kedua aku. Aku menerima cadangan ini secara terbuka dan terus berusaha lagi. Pada penghujung semester ketiga, Profesor X telah meminta aku menghantar

borang pembentangan peringkat usulan sebelum beliau berkunjung ke Rusia. Selepas beliau pulang ke tanah air, tarikh pembentangan usulan aku telah ditetapkan.

Pada hari pembentangan usulan, aku berasa resah. Padahal sehari sebelumnya, aku berkeyakinan tinggi. Rupa-rupanya pemeriksa dalaman aku ialah Dekan Fakulti. Beliau ialah seorang yang pakar dalam bidang penyelidikan aku. Selepas aku membentangkan usulan, Dekan terus bertanya soalan. Aku dapat menjawabnya. Dekan turut mencadangkan beberapa penambahbaikan yang membina. Akhirnya, aku tamat sesi usulan dengan sedikit pembedulan. Aku berasa sangat lega.

Memasuki semester keempat, aku terus membaca untuk memperoleh maklumat terkini. Aku terus menyediakan pelbagai dokumen dan maklumat personel yang berkaitan untuk memulakan kajian lapangan. Selepas dokumen-dokumen dihantar ke unit-unit yang berkenaan secara pos, aku perlu bersabar dengan maklum balas daripada pihak kementerian, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah. Proses ini mengambil masa lebih kurang empat bulan secara puratanya. Akhirnya, aku telah mengenal pasti sekolah-sekolah di empat negeri yang akan menjadi lokasi kajian aku. Pada penghujung kajian, hanya tiga negeri yang menjadi lokasi kajian sebenar. Akhirnya, aku telah bersedia untuk memulakan kajian di lapangan.

Memasuki semester kelima, aku mengumpul dapatan kajian rintis semula di negeri yang pernah kaya dengan bijian timah pada suatu masa ketika dahulu. Aku berasa bersyukur kerana guru-guru dan pelajar-pelajar amat memberi sokongan yang padu. Walaupun terdapat kekangan masa dan kekangan lokasi serta kewangan, aku berjaya mengharunginya. Aku meneruskan kajian sebenar di dua buah negeri yang lain.

Perjalanan ini lebih mencabar. Pelbagai cabaran telah aku lalui dengan tabah disebabkan faktor pentadbiran sekolah, faktor individu tertentu, faktor infrastruktur dan faktor ketiadaan akses dalam talian yang laju serta faktor-faktor lain. Aku cuba menyelesaikannya satu per satu dengan nasihat kedua-dua penyelia. Pada masa yang sama, aku telah mengambil bahagian dalam seminar di Port Dickson dan aku juga telah mula menulis draf artikel sejak semester pertama lagi.

Menjelang semester keenam, aku berjaya mengumpulkan semua data yang diperlukan untuk analisis data pada minggu kelima. Seperti kebiasaannya, aku terus mempelajari kaedah-kaedah analisis data. Kadang kala aku perlu menghadiri pelbagai bengkel dan kursus pengayaan tentang penyelidikan. Seterusnya, aku terus mengejar masa yang tidak akan menunggu aku. Aku telah melepasi tahap pembentangan peringkat kemajuan dalam semester kelima yang lepas. Dalam semester ini, aku perlu melepasi tahap pemantapan tesis. Berbekalkan disiplin dan kecekalan, aku berjaya mengharunginya sekali lagi. Aku berjaya menyediakan draf tesis akhir dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sekali lagi, aku berjaya melepasi tahap pemantapan dengan status kelulusan tetapi dengan sedikit pembedulan.

Memandangkan tinggalnya dua bulan sahaja sebelum tempoh pengajian tamat, aku memulakan perancangan dengan secepat mungkin. Aku perlu bertindak dengan pantas dalam proses pembedulan draf tesis. Seandainya keadaan ini tidak berlaku, aku mungkin tidak sempat menghantar tesis untuk tahap peperiksaan Viva Voce dalam tempoh masa yang ditetapkan. Aku meminta nasihat kedua-dua penyelia. Mereka telah bekerjasama secara rapat dengan aku. Aku amat bersyukur kerana aku sempat menghantar tesis draf akhir dan pelbagai dokumen untuk persediaan peperiksaan terakhir. Aku berasa amat lega. Selepas itu, aku pun kembali bertugas.



Selepas empat bulan menunggu, kesabaran aku telah terjawab dengan kehadiran sepucuk surat dari pihak universiti dengan tarikh Viva Voce aku. Aku mula membuat persediaan rapi sehingga tarikh tersebut tiba. Aku telah mengharunginya dengan pelbagai dugaan dan bercampur dengan pelbagai perasaan. Ini merupakan saat-saat yang amat genting untuk aku. Aku berharap masa itu cepat-cepat berlalu. Detik saat-saat menunggu keputusan terakhir memang mencabar. Apabila saat-saat itu tiba, pengerusi meminta aku dan kedua-dua penyelia untuk masuk semula ke dalam bilik peperiksaan. Di hadapan lapan orang panel pemeriksa, pengerusi telah mengumumkan keputusannya. Aku telah lulus Viva Voce dengan sedikit pembedulan. Aku berasa amat gembira dan amat lega. Aku juga berasa amat letih kerana sesi Viva Voce berlanjutan sehingga empat jam dan tamat pada pukul 5.30 petang.

Aku tidak berhenti di situ sahaja. Aku terus berjumpa dengan penyelia-penyelia dan pihak pentadbiran fakulti dan pusat siswazah selepas seminggu. Aku diminta membuat pembedulan dalam tesis aku. Aku telah berjaya membetulkan segala kesilapan dalam jangka masa seminggu dengan bantuan dan sokongan penyelia-penyelia aku. Selepas lima bulan seterusnya, aku menerima sepucuk surat senat daripada pusat siswazah. Dengan rasminya, aku telah berjaya menamatkan pengajian kedoktoran aku dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pada penghujung tahun tersebut, aku telah menghadiri sesi konvokesyen secara bersemuka sebelum wabak Covid-19 menyerang manusia pada bulan Januari 2020. Aku berasa amat bersyukur.

“Menjelang 2020, guru-guru sekolah rendah mesti mempunyai kelayakan pendidikan sekurang-kurangnya sarjana muda sementara 60 peratus daripada mereka adalah pemegang ijazah sarjana. Inilah tanggungjawab kita untuk melaksanakan Latihan kepada guru-guru kita dan dalam masa yang sama memastikan hasrat kerajaan dalam PIPP 2006 2010 tercapai”. Begitulah antara kata-kata Pengarah yang masih terngiang-ngiang dicuping telinga ku dan dalam masa yang sama telah membakar semangat ku untuk meneruskan cita-cita untuk menggenggam ijazah kedoktoran semakin kuat di dalam sanubari ku.

Malam itu aku meminta izin dari suami ku untuk memohon melanjutkan pelajaran. Alhamdulillah suamiku mengizinkan dengan syarat ambil di universiti terdekat dengan kediaman kami. Aku terima syarat suamiku walaupun sebenarnya aku bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran di sebuah universiti ternama di Kuala Lumpur. Alasan suamiku senang je, “universiti dekat mudah...kalau ada apa-apa yang urgent senang, nak jumpa supervisor pon senang boleh ulang alik dari ofis” katanya...aku akur. Semoga dengan ketaatanku itu akan memudahkan perjalanan pengajian Phd ku nanti.

\*\*\*\*\*

Pagi ini aku akan mendaftar sebagai pelajar siswazah di Pusat Pengajian Siswazah, dengan itu rasmilah aku sebagai calon pelajar Phd di universiti ku. “Tugas utama pelajar semester satu adalah untuk melepasi imtihan syamil peringkat fakulti dan melayakkan diri sebagai pelajar Phd. Alhamdulillah berkat ketekunan dan dengan izin Allah aku telah berjaya melepasi imtihan syamil yang ditetapkan oleh fakulti. Selepas detik itu, hidupku benar-benar telah ku upayakan untuk mendapatkan segulung ijazah iaitu Phd. Jadual harian ku adalah berulang alik ke perpustakaan dan fakulti. Waktu-waktu malam pula aku mesti menghadap komputer dan menyambung penulisan tesis ku.

Sepanjang pengajian ini hampir tiada waktu-waktu untuk ku bersuka-ria. Inilah pengorbanan yang perlu aku lakukan untuk memastikan pengajian ku berjaya hingga ke destinasi terakhir. Benar....perjalanan seorang penuntut Phd adalah perjalanan yang sunyi dan sepi. Namun kejayaan yang akan muncul nanti adalah suatu keindahan yang abadi, kebahagiaan yang sejati dan hanya kita yang dapat rasai dan mengerti.

\*\*\*\*\*

Hari ini hari bahagia ku. Pagi-pagi lagi aku dan suami serta anak-anak ku dah bersiap-siap untuk ke majlis pemakaian jubah yang akan diadakan di dewan utama fakulti kami. Tepat pukul 10 pagi majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran, dikuti dengan ucapan tahniah dari Dekan Fakulti dan pengumuman calon-calon pelajar cemerlang bersama penyelia masing-masing. Sampai giliran ku untuk disarungkan jubah oleh penyelia utama dan penyelia bersama. Rasa begitu gementar dan berdebar-debar. Amat kurasai tanggungjawab untuk menyebarkan ilmu begitu tinggi. Ya Allah permudahkanlah segala urusan ku doaku dalam hati. Semasa acara pemakaian jubah itu aku mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua penyeliaku. “Terima kasih Prof”, ucap ku. Jasa kalian, hanya Allah yang layak membalasanya.

Setelah majlis pemakaian jubah berakhir, Akan ku ingati waktu ini hingga bila-bila selagi hayat dikandung badan. Esok adalah hari konvo kesyehen. Namun bondaku tak dapat hadir bersama kerana keuzuran. Bondaku sudah terlalu tua untuk menyertai majlis gilang gemilang ini.

In shaa Allah, selepas majlis konvo kesyehen nanti aku akan pulang ke kampung untuk menyarungkan jubah konvo ku kepada bonda tercinta, Berkat doa bondalah aku berjaya hingga ke tahap ini “Terima kasih Mak” getusku. Kepada suami dan anak-anak terima kasih atas doa dan kefahaman kalian. Kepada rakan-rakan terima kasih semua.

Be patient.....Everything comes to you at the right moment.

- Buddha

### Reflection.....

Before I started my PhD journey, it was like a dream that never was in my mind. But given a chance, it really tested my patience through out the years until I completed. This Buddha's quote was my holy principle which got me through.....! What a journey it was.....Oh boy....it was really challenging and I have to survive with the flow of the sail. There were times that I felt too bad about it and wish to back off from everything.... but I couldn't because I really excelled in all my studies earlier and .... the inner engineer didn't let me do so.

### At the beginning.....

Getting a place in a varsity was too difficult because the offer came to me late and all the varsities entry dates were past due.....finally I got one by chance....UPSI...! I was so happy because I will be going back to my university which I did my undergraduate. I really had a good time when I was there earlier. Now, I'm back here with full of old memories and lots of expectations.....!

### The experience.....

As a student, a lot of things need to be set back again but it was not a barrier for achieving the dream. The late Prof Madya Dr. Jabar Johari was appointed as my supervisor who was my favourite lecturer once upon time and he was an expert in the field of physical fitness. The field that I am good at and close to my heart. At first, when I started, I tend to be lost and couldn't find my way back. As time passed, I managed to learn the process which was totally different from the one earlier. It was a long and lone ranger path where it had to be taken in a positive stride. A year passed... I was ready to defend my proposal with the guidance of my supervisor. My field of study kept my supervisor excited because I was generating a new routine of exercises to enhance physical fitness among school children. The joy of my research didn't last long due to unexpected problem that arose. My supervisor got his transfer to another varsity which was a big shock for me at that moment. How was I going to survive without him? Only God knows .....! This situation made me to think a lot and I could not find a solution until I received a letter from the postgraduate department of UPSI. A new appointment letter.....a new supervisor whom I never heard of.....! Even though I had not come out from the dilemma that I was going through, I still had to meet my new supervisor to discuss about my research. With a heavy heart, I met him for the first time. My new supervisor was not a physical fitness person and he requested me to change the area of study. He suggested me to explore about pedagogy in physical education which was currently needed to be revised and implemented in schools. Throughout my PhD journey, I confronted with many situations, and this would be a turning point of my research. A new area of study needed to be explored so I had to take ample of time to think about the new proposal. Time stops for no one, and if I allow my self to focus on the negative, I might miss out on some really amazing things that this journey offers. Now, I was starting back again on my journey with more focus, discipline and faith.....a new chapter of my study. The presence of people in our path is unknown but there is a reason behind it and they may leave some kind of remarks that we may never forget. Truth to be told, I never imagined that every time I was down there will be an angel sent by God to motivate me to be stronger and overcome the obstacles easily.

### **The process.....**

This long and lonely survival had taught me to be more introspective, courageous and determined in pursuing the journey that I had started. I can't remember the countless times that I read and re-read articles, books and literature reviews, journals and trying to digest the cues that can be related to my area of research. Finally, the three-year study leave that was given by the Ministry of Education came to an end and I need to submit my thesis for viva. I managed to finish my thesis and was waiting for my supervisor to give the green light.....! Again came another big shock of my life, my supervisor disapproved my submission saying "You haven't reach the standard". Without realizing, tears rolled down my cheeks leaving me in frustration and disappointment. I took back my thesis and went straight home without saying a word. When I reached home, I was puzzled about my supervisor's attitude and reaction. At this point, I made a vow to myself to let time heal everything and divert my concentration on work. I learnt a lesson that everything that we plan does not happen according to our wish, but it happens by chance and it is true in my studies.....!

### **The change.....**

Doing one thing at a time mostly less burdened but now I was going into a new phase where I had to continue my studies part time. Time constraint was my major issue here because I needed to divide my time for work and study. A new work place .....many things were unclear and yet I fought hard with myself to find precious time to consistently ensure that I worked on my thesis each day. After a long break, my supervisor contacted me to find out about my progress. Even though his earlier response was so frustrating, but I still respected him and made arrangements to meet him. I accepted the fact that until the battle is over, I had to cross many hurdles with patience. Some say that patience is the powerful weapon for all the problems, and I don't deny that because I underwent it countless time. Rise and fall of an individual depend on the level of patience, tolerance and acceptance that person can inhale. This discovery of mine had made my latter journey of PhD easier to be manoeuvred. One more thing that really got me through was my prayers to God. There are no words to describe the Almighty's guidance in my path because each and every time I'm stuck somewhere, He always appears by sending a hand to help.

### **And finally.....**

My thesis was approved with minor corrections after a two hour of viva voce. I felt drained but satisfied and happy because I gave my best in defending my work. I am grateful to a few people who had made a difference in this pursuit, they were the well-wishers on my road to PhD...without them I'm nothing. The joy that embarked me after receiving the scroll was not the matter that captured my heart, but it was the journey... a lifelong learning process which made the difference. It was a six year battle with full of mental and physical preparation and I knew that slowly and surely I will arrive at my destination, which makes me who I am today.

Sepanjang perjalanan kehidupan yang dianugerahkan Allah SWT pelbagai kenangan sukar digambar, seterusnya menjadi memori yang tersimpul mati. Perjalanan mendaki ilmu merupakan sebahagian kenangan yang mewarnai kehidupan. Hasrat menyambung pengajian sentiasa tersemam indah dalam hati.

Pada peringkat awal amat terasa jerih perih dengan pendapatan yang seciput bersama-sama dengan suami menyambung pengajian tanpa apa-apa tajaan. Syukur kepada-Nya apabila pada tahun 2001 pembelajaran Sarjana Persuratan Melayu dapat diselesaikan secara sambilan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada ketika itu semangat menyambung pengajian masih membara, walaupun pahitnya tetap ada. Kekentalan motivasi dan ilmu yang dikutip daripada seliaan Dr Shafie Abu Bakar sangat bermakna, memberi panduan dalam memilih hala tuju kehidupan. Berbekal azam disertai doa restu suami dan keluarga, semangat dan cita-cita baharu ingin digapai. Dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut, borang permohonan biasiswa dari Kementerian Pendidikan Malaysia diisi dengan teliti.

Alhamdulillah selang beberapa bulan kemudian dipanggil untuk proses temuduga. Gembira yang tidak terkata, pelbagai persediaan dilaksanakan, antaranya merujuk kepada rakan-rakan yang telah berjaya menyambung pengajian. Penambahbaikan kertas cadangan dan pelbagai usaha demi memastikan hasrat hati tercapai. Kegembiraan lebih memuncak apabila mendapat sokongan sepenuhnya daripada Pengetua sekolah. Encik Yeong Soo Kang sebagai Pengetua, begitu positif dan berbesar hati memberi sokongan kepada guru yang berhasrat menyambung pengajian. Realitinya apa-apa yang dikata dikotakan, hal ini terbukti pada lapan orang guru dari sekolah tersebut tersenarai untuk proses temuduga.

Hari yang ditunggu tiba... Semangat dan doa dikumpul bersama-sama. Alhamdulillah dalam lif bertemu seorang guru sekolah lama, kami sama-sama mengajar di SMK Dengkil, Sepang, Selangor. Puan Hamsiah seorang guru yang cemerlang, berdedikasi dan baik hati. Selama empat tahun duduk disebelahannya, bagaikan berada dalam kota ilmu. Pelbagai pengajaran dan bimbingan sentiasa dititipkan, secara lisan, tulisan dan perkataan. Suatu rezeki yang tidak disangka-sangka, merupakan anugerah istimewa darinya-Nya yang Maha Esa. Dalam tempoh tersebut terpapar kegembiraan pada wajahnya melaksanakan tugas seorang guru, ceria dan mendamaikan. Hari demi hari saya mengumpul semangat untuk menjejaki tersebut, menjadi guru yang terbaik. Bersama-sama azimat dan motivasi yang mantap agar tugas kami adalah ladang pahala yang dapat dituai di akhirat kelak.

Di sinilah berputik semangat menyambung sarjana sehingga berjaya. Pada hari temuduga tersebut usia Pn Hamzah mencecah 42 tahun, beza usia antara kami empat tahun. Pn Hamsiah tidak banyak berubah seperti kelaziman sebelum ini, beliau sempat memberi motivasi dan peringatan agar terus menyambung pengajian seandainya permohonan kali ini tidak berjaya. Kami berpisah mengikut lokasi tempat temuduga dengan doa semoga berjumpa lagi dalam suasana yang lebih cemerlang.

Selesai temuduga, terkenang kembali pesanan yang telah dititipkan oleh Pn Hasiah. Dalam kepala timbul seribu satu persoalan, apakah beliau juga pernah mengalami pengalaman yang sama, apakah itu satu prosedur atau hanya satu kebetulan??? Keputusan temuduga yang pastinya sepi dan hampa, keputusan yang sudah dijangkakan. Sukar digambarkan peristiwa dalam bilik temuduga, terlalu pahit untuk dikongisikan. Suatu peristiwa yang mematikan terus semangat untuk sambung belajar dengan permohonan tajaan. Jika semangat itu masih berbaki, gunalah biayai sendiri sebagaimana pengajian sarjana dahulu. Masa terus berlalu bersama-sama semangat yang kian kabur dan terus menghilang tanpa disengajakan.

Tuntutan keperluan semasa berada di Institut Perguruan Guru, menjentik kembali hasrat yang telah terkubur. Berkat sokongan suami, keluarga dan rakan di IPG bermulalah dunia baru bergelar mahasiswa tua. Dalam usia yang sememang sudah tua dengan tujuh orang anak pada saat tersebut, perlahan-lahan perahu Ph.D didayung.

Bersama-sama kapasiti yang terhad, susah senang, pahit dan manis dilalui dengan jayanya. Ujian getir tanpa diundang tiba berlabuh, pada detik proses viva selesai dihadiri. Tempoh pembetulan tesis telah dirancang dengan sebaik-baiknya agar tidak mengganggu tugas hakiki seorang pensyarah. Manusia hanya mampu merancang, Allah SWT yang menentukan segala-galanya.

Tanpa diduga, suami mendapat serangan jantung yang sangat serius, kes yang sangat abnormal dapat diselamatkan, hal ini terbukti dengan pernyataan doktor yang merumuskan satu dalam seribu kes seperti itu dapat diselamatkan. Pernyataan yang tersemat rapi dalam kepala selama suami di Nilai Medical Centre, Hospital Serdang, dan di Insitut Jantung Negara (IJN). Serentak dengan masa yang berlalu, tempoh untuk pembetulan semakin sedikit. Situasi dan kesihatan suami tidak banyak berubah setelah menjalani pembedahan bypass, minggu-minggu awal itu dihabiskan memulihkan ingatan dan semangatnya. Pada tempoh ini suami hanya bertutur menggunakan bahasa Arab dan bahasa Inggeris sahaja.

Masa berlalu, ingatannya beransur baik tetapi kembali pada zaman kanaka-kanak, rindunya memuncak kepada keluarga di kampung dan adik-beradiknya sahaja. Kami sekeluarga perlu gigih dan mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Doktor Zulkifli agar mampu memulihkan ingatan dan kesihatan suami sepenuhnya. Dalam tempoh ini masa dan tugas pembetulan tesis bukan lagi menjadi perkara utama.

Persoalan pembetulan tesis akhirnya perlu diambil perhatian apabila satu panggilan telefon daripada Pusat Siswazah Universiti Putra Malaysia, perbincangan bersama-sama Penyelia dan Ketua Pemeriksa perlu dilaksanakan. Persoalan utama yang akan dilontarkan adakah status Profesor Madya yang dianugerahkan kepada Penyelia saya akan terjejas, seandainya saya gagal dalam pengajian. Tugas sebagai anak sulung Ph.D kepada seorang Penyelia begitu berat sekali rupa-rupanya, sesuatu yang pihak pernah difikirkan selama ini. Setelah mendapat jawapan yang jelas, mahu atau tidak pembetulan tesis perlu diteruskan, namun begitu matlamatnya kini telah bertambah dan berubah.

Bermulalah misi baru menyiapkan pembetulan tesis demi semata-mata menyelamatkan status Penyelia, semoga perjuangan ini dipermudahkan Allah SWT. Bermula dengan perancangan yang lebih rapi dan sistematik, demi memastikan semua pihak mendapat perhatian yang adil. Tiga minggu pertama pembetulan tesis dilaksanakan seperti yang digariskan semasa viva, akhirnya dapat dihantar untuk dinilai Ketua Pemeriksa. Dalam masa yang sama keadaan kesihatan suami kembali tidak stabil. Episod berulang-alik ke IJN kembali menjadi rutin harian.

Dalam kekalutan itu draf pemetulan pertama diambil, dengan komen lisan yang sangat sadis. “Lebih mudah memahami tesis yang terdahulu, daripada draf pembetulan yang sekarang, ada beberapa bahagian yang perlukan huraian lebih lanjut.” Suaranya lembut, jelas dan menyusuk ke kalbu. Helaian demi helaian diselak bersama-sama contengan yang perlu dibetulkan. Sedihnya tidak berkata tatkala berhadapan situasi ini, hasrat memakai topi bulat kian hilang. Namun begitu, harapan mengekalkan status penyelia masih melambai-lambai. Berbekalkan harapan itulah tugas ini perlu terus digalas.

Alhamdulillah, berkat bimbingan Penyelia, Ketua Pemeriksa, Rakan Sama Penyelia dan keluarga tugas ini dapat diselesaikan. Berseri-seri muka Ketua Pemeriksa semasa menandatangani borang penyerahan tesis yang dihulurkan. Dalam senyuman itu, dia menjelaskan; “Maaf sangat kerana menipu fakta... Sebenarnya status Profesor Madya Dr Kamariah tidak akan terjejas. Saya terpaksa berkata begitu untuk memastikan pembetulan ini diselesaikan,” Terkedu seketika, mengumpul kekuatan sebak dan geram. “Betul, terima kasih. Jika saya tahu fakta sebenar, mungkin tesis tidak siap,” sejujurnya meluahkan apa-apa yang tersimpan dalam hati selama ini.

Proses penyerahan tesis dan segala prosedur diuruskan dengan sebaiknya, dalam saat-saat genting begitu pelbagai tangan hadir memudahkan urusan. Dalam tempoh yang tidak dijangka turut tersenarai untuk sama-sama menghadiri Konvokesyen UPM ke - 41 pada tarikh 4-8 November 2017. Segala jerih-perih bagaikan terbang bersama-sama deretan siswa mengatur langkah menuju ke pentas. Riu-rendah tepukan kaum keluarga memadamkan parut-parut luka yang pernah bernanah. Sesungguhnya tempoh yang terlalu mencabar, bersulam pahit manis yang mematangkan kehidupan. Ngeri mengenangkan kembali detik-detik yang memerangkap ramai insan, yang mana akhirnya tumbang dan tidak mampu untuk bangun. Detik yang membawa diri dan hati agar lebih dekat kepada Pencipta, kerana hanya Dia yang akan memberi kekuatan dan ketenangan dalam apa-apa jua kemungkinan. Segulung ijazah digenggam sebagai bukti berjaya mengatasi cabaran bukannya ukuran kebijaksanaan dan kehebatan. Selebihnya suntikan semangat kepada keluarga dan semua pencinta ilmu agar meneruskan perjuangan ke garisan penamat. Sungai sempit atau perahu kecil bukan alasan terus berdayung dalam perahu Ph.D, bara yang digenggam biar sampai jadi arang.



Perkongsi ini adalah sedikit tinta untuk menyatakan perjuangan untuk PHD ini bukan satu perjalanan yang biasa tetapi adalah satu rombongan penghijrahan yang sarat dengan suka duka sehingga ia sampai di garis akhir. Bukan sedikit air mata yang telah mengalir, tidak ternilai masa yang dikorbankan bersama keluarga yang tersayang dan tidak terbalas budi keluarga dan rakan-rakan demi perjalanan untuk meraih PhD ini. Segugus pengalaman yang sangat berharga telah menjadi satu bingkisan untuk dikongsi bersama walaupun ianya sangat berat untuk dinukilkan tetapi keindahan yang terkandung sepanjang perjalanan ini sangat bermakna untuk dikongsi bersama. Sesungguhnya, jauh dilubuk hati saya, tersimpan perasan yang tidak dapat dihuraikan dan kepuasan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata kerana hingga ke saat ini masih belum mempercayai sepenuhnya bahawa dengan keupayaan yang ada ini saya mampu mengharungi segala onak dan duri untuk sampai ke titik kejayaan yang dihajati.

Saya pasrah kerana gagal dalam temuduga HLP buat kedua kalinya. Gagal mendapat biasiswa bukan alasan untuk tidak meneruskan pengajian. Sebagai seorang pelajar separuh masa dan sambil berkerja, sudah pasti pengalaman ini sedikit berbeza dengan pelajar PhD yang lain. Walau terkadang rasa agak duka lara juga bila mendengar perbualan para sahabat yang mendapat tajaan penuh, tapi itu semua dibuang jauh-jauh. Apa yang paling utama adalah bagaimana saya mewarnai liku-liku perjalanan ini untuk bergelar 'Doktor'.

Bermula sebagai seorang pelajar PhD yang sangat bersemangat dan pada tahun itu juga saya berhijrah dari Kota Bharu ke Bandar Baru Bangi untuk duduk berdekatan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia. Suami ketika itu masih berkhidmat di Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Pasir Mas. Walau ketika itu terpaksa berjauhan dengan suami dan mengurus anak-anak bersendirian tetapi itu menjadi satu kekuatan. Sungguhpun begitu, pelbagai masalah pasti ada dan lebih memeritkan adalah tempat kerja sangat jauh dari rumah iaitu di SMK Bandar Baru Ampang. Melihat kepada kekalutan rutin harian, saya menyusun jadual dengan begitu berhati-hati dan sangat teliti. Malam adalah waktu yang sangat ditunggu. Inilah waktu yang terbaik untuk melihat proposal dan sebagainya. Tiga jam tidur sudah sangat nikmat rasanya kerana seawal jam 5 pagi saya perlu bangun dan menyediakan makan tengahari untuk anak-anak. Sangat paling menyedihkan apabila seawal jam 6.10 pagi saya perlu menghantar anak ke tadika dan kadangkala terpaksa menunggu di luar dalam kesejukan kerana cikgunya terlupa untuk membuka kunci pintu. Selepas waktu persekolahan saya akan bergegas pulang dengan mengharung kesesakan lalulintas dan terus melangkah ke Perpustakaan Tun Sri Lanang untuk membuat rujukan.

Fokus merupakan kunci utama terutama pelajar separuh masa seperti saya. Masa yang sedikit itu umpama emas dan disiplin diri adalah paling penting. Sedaya upaya cuba elakkan daripada terlibat dengan perkara-perkara lain yang boleh mengganggu fokus kita pada study seperti penglibatan kita dalam MLM atau seumpamanya. Semasa berjumpa penyelia, saya akan pastikan semua persoalan yang saya senaraikan telah terjawab. Penyelia saya pasti akan memahrahi saya sekiranya saya berjumpa dengannya tanpa ada apa-apa perkembangan yang positif. Kesungguhan beliau dalam membimbing saya memang tak dapat disangkal lagi. Dalam masa yang sama fokus terhadap keluarga menjadi keutamaan. Saya selalu bermuhasabah diri, iaitu saya perlu tumpukan perhatian pada keluarga terutama anak-anak saya yang masih bersekolah.

Terkadang timbul perasaan serba salah kerana seolah-olah mereka terabai. Bagi memastikan perkara ini tidak berlaku, saya akan pastikan setiap kali hujung minggu segala keperluan mereka tersedia. Pada masa yang sama ayah dan emak di kampung juga memerlukan perhatian kita. Pelbagai situasi duka lara telah saya tempuh dan pastinya ibu saya akan mendoakan saya setiap kali tibanya masa saya berkolokium, viva dan sebagainya.

Keluarga adalah sangat penting yang akan menentukan kejayaan atau sebaliknya dalam perjuangan ini. Bagi saya, keutamaan adalah kepada ibu bapa, suami dan anak-anak saya. Saya sentiasa berdoa agar perjuangan ini diberkati Allah dengan tidak mengabaikan tanggungjawab saya terhadap mereka. Episod sedih apabila ayah saya meninggal dunia pada 15.10.2010 tanpa sempat melihat kejayaan saya. Saya sempat menjaga ayah, memandikannya, melayannya sehingga akhir hayat beliau. Alhamdulillah suami saya dapat bertukar ke MARA Ibu Pejabat, Kuala Lumpur dan sangat menyokong perjuangan saya. Saya berpendapat sekiranya kita tidak mendapat sokongan dari suami, agak sukar perjalanan untuk PhD. Suami saya banyak membantu kejayaan saya. Dia membantu saya dari pelbagai sudut dan yang pastinya saya mendapat restu setiap kali hari pendaftaran semester.

Beliau juga telah membiayai segala yuran saya dan tidak pernah sedikit pun merungut untuk menjaga anak-anak semasa saya sibuk dengan pengajian. Alhamdulillah anak-anak saya juga sangat memahami dan tidak pernah merungut apabila saya tidak dapat menyediakan masakan yang mereka gemari setiap hari. Syukur kepada Allah kerana mereka kini juga berjaya hingga ke menara gading dan ada yang telah bekerja. Walau bagaimanapun setiap kali cuti sekolah saya pasti akan memperuntukan masa untuk bercuti bersama-sama mereka.

Bercerita tentang penyelia, beliau adalah individu yang penting dan yang akan membantu kita. Kita mesti mempunyai hubungan yang akrab dengan penyelia. Maksudnya penyelia perlu tahu situasi kita dan memahami kehidupan kita. Pada mulanya, saya memang berasa sangat takut dengannya. Dengar sahaja suaranya, umpama bagai runtuh langit membelah bumi. Alhamdulillah saya sentiasa cuba memahaminya dan sentiasa menunjukkan kesungguhan dalam belajar. Saya selalu berjumpa dengannya dan tidak jemu bertanya, akhirnya beliau sangat sabar membantu saya. Penyelia saya memegang jawatan penting di fakulti dan sudah pasti masa beliau sangat padat. Saya redah sahaja. Saya sering dimarahi dan adakalanya saya berbeza pendapat dengannya, tetapi saya menganggap segala teguran itu adalah untuk kebaikan saya. Saya sentiasa bertanya khabar dan sering memberikannya kuih muih kegemarannya setiap kali berjumpa dengannya. Saya bukan sahaja menganggap beliau sebagai guru saya tapi juga sebahagian daripada keluarga saya. Saya belajar memahami emosi beliau dan tahu apakah kehendaknya.

Bercerita mengenai belajar sambil bekerja memang ngeri untuk diimbangi lagi. Saya telah memujuk diri agar tidak menjadikan PhD sebagai alasan untuk saya mengelak kerja yang diarahkan oleh ketua unit saya. Malahan ada rakan sekerja saya yang tidak tahu yang saya sedang membuat PhD. Saya hanya akan membuat tesis saya selepas jam 5.00 petang dan sering pulang ke rumah lewat petang. Untuk memudahkan urusan, saya, membeli toner yang sama dengan printer yang ada di pejabat untuk memudahkan saya dalam urusan mencetak tesis saya.

Saya telah berpindah ke Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam pada Mei 2011 sebagai Jurulatih Kokurikulum. Tugas sebagai jurulatih telah menyebabkan saya sangat sibuk. Setiap kali Bina Insan Guru (BIG), saya akan berkhemah di hutan. Penyelia sentiasa bertanya khabar. Kerisauan beliau sangat ketara kerana saya langsung tidak berjumpa dengan beliau seperti selalu. Alhamdulillah saya mendapat sokongan daripada Ketua Unit saya pada masa itu.

Semasa berkayak ditengah lautan, berada di puncak Gunung Segadas, ingatan saya terhadap PhD sentiasa segar. Adakalanya dalam sebulan hanya satu minggu saya di pejabat, selebihnya berkhemah di hutan. Semua ini menuntut kesabaran yang sangat tinggi.

Perjalanan untuk PhD ini memerlukan pengorbanan yang sangat besar. Kita mesti bersedia untuk menempuh pelbagai cabaran dan onak ranjau yang ada kalanya kita tak mampu untuk mengharunginya. Kita mesti mempunyai fikiran yang sangat positif. Banyak tragedi yang telah saya lalui dan adakalanya semuanya menerbitkan kepiluan dan kesedihan yang teramat. Dalam tempoh pengajian ini saya kehilangan ayah kandung dan juga ayah mertua. Arwah ayah saya sakit lama dan pada masa itu saya berulang alik setiap minggu balik ke kampung untuk menguruskan ayah. Arwah ayah saya sakit tua. Setiap hujung minggu saya akan memandikannya, menyisir rambutnya dan menyuapkannya.

Pada hari pemergiannya iaitu subuh Jumaat, rasa semangat saya pergi bersamanya. Sebulan juga saya gagal untuk memberikan fokus dalam kajian. Dugaan datang lagi apabila saya terlibat dalam kemalangan di Kuala Selangor, komputer saya rosak teruk dan kesihatan tidak mengizinkan. Selama 3 bulan saya tidak mampu bergerak ke mana-mana. Dugaan tiba lagi apabila saya terlibat dalam kemalangan di Kuala Lipis, Pahang semasa pulang dari membuat data kualitatif di Kota Bharu. Kereta yang saya naiki hancur dan data-data kualitatif serta komputer saya musnah. Syukur pada Allah saya dan suami selamat dalam kemalangan tersebut. Hilang semangat saya pada waktu itu. Saya terpaksa mengutip data temubual kali kedua terhadap subjek di Kota Bharu. Tuhan sahaja yang tahu bagaimana perasaan saya ketika itu. Dugaan terus melanda apabila rumah saya dipecah masuk dan pencuri telah mengambil 3 biji komputer saya dan telah membawa bersamanya semua data-data kualitatif saya sekali lagi. Kali ini saya memang mengalami trauma yang sangat teruk. Saya bingung dan berasa perjuangan PhD ini hingga ketitik itu sahaja. Alhamdulillah, Allah telah memberikan pertolongan. Pada waktu itu penyelia saya banyak memberikan saya semangat dan sokongan untuk saya meneruskan perjuangan ini. Sambil menangis saya taip satu-satu proposal saya, data-data kemajuan saya. Saya susun semula dan buat transkrip semula. Saya rasakan perjuangan ini akan berakhir, tetapi sebaliknya telah berlaku.

Saya pasrah dengan ketentuan dan sentiasa berdoa pada Allah agar saya diberikan sesuatu keajaiban. Tanpa diduga, saya telah disahkan mengandung setelah 12 tahun saya menunggu. Alhamdulillah dan syukur yang tidak terhingga. Pada mulanya penyelia saya risau kesihatan saya tetapi sebaliknya saya dapat menghabiskan analisis data dan membuat pembentangan di tahap kemajuan. Alhamdulillah saya dikurniakan seorang puteri iaitu Iris Khadeeja yang banyak merubah rentak pengajian saya. Saya berasakan dengan kehadirannya Allah telah memberikan saya lorong perjalanan yang lurus dan lancar sehingga saya dapat menyiapkan Bab 4.

Saya bersama suami pergi menunaikan umrah dan semasa di sana saya dengan sepenuh hati telah memohon pada Allah agar memudahkan perjalanan ini. Di depan Kaabah saya berdoa kepada Allah untuk memberikan pertolongan kepada saya. Alhamdulillah sepulangnya saya dari umrah, Allah memberikan ruang yang luas untuk saya memberikan fokus kepada saya untuk menyiapkan tesis PhD saya. Selain itu, anak-anak saya juga dapat melanjutkan pengajian dalam dan luar negara dan ia menjadi kebanggaan kepada saya.

Kesabaran saya dalam mengharung onak dan duri ini telah membuahkan hasil. Saya mendapat bantuan yang penuh dari penyelia saya. Beliau sangat bertanggungjawab dan banyak memberikan tunjuk ajar. Saya sangat terhutang budi kepada beliau. Satu persatu hasil penulisan saya beliau semak, waima setiap kesalahan ejaan beliau betulkan. Saya berasa sangat bangga

dan bertuah mendapat penyelia yang sebegini hebat. Walaupun dia selalu memarahi saya kerana sering lewat berjumpa dengannya, namun semuanya itu sangat manis untuk dikenang. Saya juga mendapat pembaca dalaman yang sangat memahami dan banyak memberikan pandangan yang terbaik. Saya dapati penghujung perjalanan saya untuk mendapat PhD ini sangat manis dan menyeronokkan. Walaupun semasa viva saya terpaksa mengharung 3 jam soal jawab dan mempertahankan hasil dapatan kajian ini. Pelbagai persoalan satu persatu saya jawab dengan penuh yakin. Saya dapat pertahankan dengan tenang dan yakin setiap soalan dari lima orang pensyarah ketika itu. Saya dapat lihat penyelia saya berpuashati dan beliau pasti sangat berbangga dengan saya sebagai pelajar yang pada mulanya melalui pelbagai episod duka.

Alhamdulillah pengakhiran perjalanan saya ini sangat indah untuk dikongsi bersama. Perkongsian ini diharapkan dapat memberikan sedikit panduan dalam mengharung PhD sebagai pelajar separuh masa tanpa biasiswa seperti saya. Suka duka yang saya alami secara tidak sedar telah diberikan imbalan oleh Allah dengan kejayaan saya dan dianugerahkan dengan sebuah keluarga yang sangat bahagia.

SEKIAN

Kata orang mimpi itu mainan tidur. Kata orang lagi, mimpi itu bunga-bunga ketika mata dilelapkan untuk beradu. Tetapi, bagiku mimpi itu petanda. Bagiku, mimpi itu gelodak jiwa yang perlu ditenangkan. Ada yang kata mimpi itu akan berakhir setelah celiknya mata. Ada yang kata, mimpi itu akan pergi ketika berpisahanya kepala dan badan daripada baringan. Tetapi bagiku, ketika bermimpi tubuh badanku ikut respon sesuai dengan mimpiku. Mimpiku? Bukan mimpi-mimpi? Ya. Mimpiku. Satu mimpi. Bukan banyak mimpi. Mimpi yang sama berulang-ulang. Kata pakar psikologi, mimpi berulang bermakna simbol atau petanda sedang dihantar oleh minda kita tentang perkara yang perlu dibuat dan dilaksanakan.

Apa mimpi itu? Apa mimpi yang berulang-ulang menjenguk lenaku ketika matakku terpejam. Apa kaitan mimpiku dengan sebuah topi bulat yang dipakaikan oleh penyeliaku pada tanggal 31 Oktober 2014? Dan bagaimana aku memberi makna kepada petanda yang dihantar oleh mindaku setiap kali matakku terlenu?

Hampir setiap malam, ataupun paling kurang seminggu sekali aku akan bermimpi berjalan turun dari bukit Kamsis F aka Kamsis Rahim Kajai Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menjadi tempat kediamanku sewaktu mengaji peringkat sarjana muda untuk ke dewan kuliah. Mimpi ini terhenti seketika setelah aku selesai pengajian peringkat sarjana pada tahun 2004.

Mimpi sama yang berulang-ulang seperti sebelum pengajian peringkat sarjanaku telah membawa kaki ini sekali lagi melangkah ke UKM untuk mendaftar sebagai mahasiswa peringkat kedoktoran pada penghujung tahun 2006. Usia bukan penghalang. Kegagalan mendapat tajaan atas faktor usia juga bukan penghalang. Kerjaya tidak dapat memisahkan aku dengan pengajian ini. Lebih-lebih lagi pengajianku menjurus kepada bidang pendidikan yang menjadi tumpuan pada abad ke 21. Keluarga sentiasa berada di samping walau apapun yang aku lakukan. Rakan-rakanku sentiasa menyokong walaupun ada segelintir yang iri dengan kegigihanku.

Melakukan lebih daripada satu perkara dalam satu masa bukan perkara yang mudah. Tugas sebagai isteri, ibu, anak, pendidik, ahli masyarakat dan sebagainya bukan sedikit menuntut masa dan perhatianku. Onak dan ranjau sepanjang sembilan semester pengajianku bukannya sedikit. Bukan sekali mata kasarku melihat onak dan ranjau itu datangnya daripada pihak luar seperti penyelia, pembaca, pengurusan fakulti dan sebagainya.

Namun, pada ketika-ketika akal warasku berfungsi, aku sering mengatakan kepada diriku bahawa onak dan ranjau itu sebenarnya banyak datang dari dalam diri sendiri. Onak dan duri dari luar itu aku lihat sebagai penggalak untuk aku menjadi lebih tabah. Untuk lebih mengajar aku menjadi lebih kuat mengharung kehidupan seorang mahasiswa yang tidak punya banyak rakan. Peringkat pengajian ini padaku lebih memerlukan masa untuk diri melakukan refleksi dan koreksi diri.

Suami paling banyak membantu. Rakan yang paling memahami. Kadang-kadang menjadi dian tatkala laluan tiba-tiba menjadi gelap-gelita. Ibu tuaku sentiasa bersama. Walaupun dia tidak mengerti apa-apa. Yang dia tahu, setiap kali tamat sesuatu peringkat pengajian sama ada diriku ataupun anak-anakku – kami akan ke kedai gambar untuk mengambil potret kenangan sambil

tangan mengenggam segulung kertas keras. Kemudian, dia akan menghulurkan beberapa keping wang kertas berwarna merah kepada suamiku untuk disedekahkan di masjid-masjid sebagai tanda syukur kepadaNya. Anak-anakku – insan kecil yang turut bergelumang dengan pengajian sangat memahami. Tiada bantahan. Tiada rungutan. Kesian mereka. Namun, alhamdulillah tugas sebagai ibu tidak pernah aku abaikan. Hak mereka sehabis baik aku laksanakan.

Sesungguhnya kembaraku ke menara gading memang telah dicatur olehNya. Didatangi dugaan dan dihadirkan jua bantuan. Tika waktu aku memerlukan, hadir sang insan berhati mulia. Tanpa berbasa-basi, tanpa mengenali diri bakti ditaburi. Kembara yang panjang menjadi begitu singkat dengan bantuan yang sangat professional. Terima kasih insan mulia. Itulah jiwa pendidik. Detik pembentangan viva kulalui dengan getar di hati tapi sangat manis untuk diingati.

Alhamdulillah, lulus dengan pembedulan dua bulan menjadi hadiah paling berharga untuk aku dan insan di sekelilingku yang saling menyokong. Ya, betul. Sungguh, benar. Aku telah berjaya menamatkan kembaraku. Adakah mimpiku akan berulang lagi? Tahun 2020, setelah enam tahun majlis pengijazahan berlalu – mimpi itu tidak pernah muncul lagi. Kini aku sedang meniti dunia realiti dengan gelaran dianugerahi. Siapa sangka mimpi menjadi pelonjak pencapaian diri. Alhamdulillah.

**INTRODUCTION**

My name is Dr. Tan Tong Hock and I am a mathematics lecturer currently serving at Institute of Teacher Education, Technical Education Campus, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. I received my Basic Teaching Certificate in Chinese Studies from Mohd Khalid Teachers' College, Johor Bahru, Johor in 1992. After that, I served as a primary school teacher at SJK (C) Malayan, Air Hitam, Batu Pahat, Johor. The subjects I taught in schools included Chinese, Science and Mathematics. In addition to teaching, I held the administration positions- senior co-curriculum assistant principal (5 years), senior administrative assistant principal (4 years), ICT teacher, discipline teacher, computer lab coordinator and also worked as the Chief Invigilator of the UPSR Examination for 10 years. I continued my studies at UKM and obtained a Bachelor of Science Degree with honors in Mathematics in 2002. I also received my Excellent Service Award in 2000 and 2007.

In 2009, I was offered a scholarship which was the "Federal Training Scholarship" (Hadiah Latihan Persekutuan) sponsored by the Scholarship Department, Ministry of Education Malaysia to do my Master's Degree. As a UTM student graduate, I was awarded the Best Student Award in Mathematics Education in the year 2011. After graduation, I served at the Institute of Teacher Education, Tun Hussein Onn Campus. I received the Quality Award in the production of article writing in 2012. Not to forget, while serving at Tun Hussein Onn Campus, many colleagues asked, "Why not continue your PhD journey?". Since I was close to 44 years old, the opportunity to apply for study leave was only in the current year. So, I started to register and fill out my PhD study application forms.

I still remember the morning hour during my PhD scholarship interview. Many teachers and lecturers attended. At that moment, we all had fast heartbeats while preparing to face the interviewers to give our best performance. We were told that only 10% of the applicants will be successful in getting a scholarship. This meant that, in every section, out of 10 interviewees only one person will succeed.

Before the interview, I was invited to queue up and sit beside the interview room. I found that the interviewee before me took about an hour to present and talk about her proposal. I felt anxious and worried, especially when the interviewee showed me a thumbs-up sign after completing her section. I thought the opportunity for me was really limited because my section only took less than 20 minutes. In fact, I did not think I would get the opportunity for a "Full Paid Study Leave Without Scholarship" (CBBPTB) offer because the interviewers did not ask me anything. When I was told I had managed to get an offer, I could not believe it and I thanked God for giving me this offer.

During the PhD Preparation Course (Kursus Intervensi) organized by the Ministry of Education Malaysia, I knew that the selection was based on self-confidence during the presentation of proposals and self commitment to complete the study within three years. Furthermore, no questions asked meant that I had convinced the interviewers with my proposal presentation. Actually, I found that my proposal was quite complete as I kept asking for opinions from other PhD holder regarding the mathematics field, languages and science. I even asked the lecturer

from the religious field because I wanted to know whether they could or could not understand my proposal before my real interview. This was one way to prove that what I had planned was on the right track.

I was pursuing a doctorate at Universiti Putra Malaysia (UPM) in the field of Mathematics Education at Institute of Mathematical Research as well. During the three-year study leave, I promised myself that I would work hard to complete my studies within the allotted time. I remembered one of my previous colleagues who joked with me saying not to return to the institute if I did not graduate. Therefore, I made a Gantt chart for my three years of study so that the promise could be fulfilled. Even though it was just a joke, I took it seriously in my mind.

UPM provided a special room for PhD candidates to be used as their respective office and hoped that all the candidates can graduate on time. I felt lucky to have had a supervisor who was so experienced and kind and willing to help me in my research. She was Prof. Dr. Aida Suraya Md. Yunus and my co-supervisors were Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd. Ayub, an expert in statistics and Prof. Madya dr. Rohani Bt Ahmad Tarmizi who was an expert in methodology. To succeed in my PhD journey, I had discussed with family members that I would focus on my studies. I remember when I met my supervisor for the first time, and she was very busy in a meeting. I saw that she had jotted on the whiteboard the dates and days of her program and meeting as she was the Director of Center for Academic Development (CADE) Universiti Putra Malaysia at that time. She was very busy and had no time to meet me. To show my perseverance and readiness for my study, I promised myself to meet her every week with my proposal in hand. After many times of meeting her, then, she realised how serious I was in my studies. The chapter one of my proposal was returned 18 times after being submitted before being accepted by my supervisor. After 18 times of being submitted, my supervisor asked me to hold a committee meeting so that the supervisor and co-supervisors could discuss to agree and approve my title and content of my research.

While I was studying for my PhD, I received a lot of opinions and views from other PhD holders who included my masters degree supervisor, Prof Dr Mohd Saleh bin Abu. For my PhD research I had to create a module in the field of Geometry for the subject of Mathematics. I sent the draft of my modules to the validator at UTM during my second semester. I still remembered one of the validators, Prof. Madya dr. Abdul Halim Bin Abdullah who was surprised with my modules because he found that if I could produce my modules during the second semester, it meant that I could graduate early.

I managed to publish my modules and successfully applied for four copyrights. In addition, I managed to get the Research Writing Award at the Institute of Mathematical Research (INSPERM UPM) in the fourth semester. In the effort to do my research, I also experienced headaches while focusing on my lessons because my study hours were from seven in the morning to eight at night in UPM campus and five days in a row weekly. I also experienced vertigo while I was studying. I experience the world turning around while I was sick, and I thought I would not be able to finish my PhD studies. One of the worst things that happened was, I fainted on the floor in the parking lot in front of the HLP building for about 15 minutes and no one noticed. I woke up on my own and there were traces of blood and sand strewn on my lips. When I sent the progress report to the HLP department, the officer there asked me why my lips were bleeding. For about two months I was dizzy and visited a general practitioner, a specialist and traditional doctor. I was very lucky to be able to recover after two months and at that time I felt the need to finish my studies while the pressure was so great on me. Another thing I will never forget is the loss of data and information I created for four months that I had stored on my computer's hard



drive. I felt doomsday had arrived for me at that time. Eventually, I found a computer expert to recover the lost data. Even though, it was at a high cost and took a long time which was around RM1500 and about a month to repair it, I managed to recover only up to 70% of the data.

I managed to send my final report to the internal assessors and external evaluator at the National University of Singapore within two and a half years after starting my PhD. I attended my viva successfully within the given time after waiting for two months. My convocation was in 2016 and I was given the University Prize Winner UPM during the Convocation Ceremony Academic Session 2015/2016 (MTDC Annual Book Prize). This is a special award only for Masters and PhD candidates. A press conference was held before the convocation date. In addition, I was lucky to receive an award from the Sultan of Selangor on the first day of the convocation. A huge picture of me was shown on the screen on the convocation stage and I stood on stage for the MC to announce my academic achievements before I received the award. The pictures were printed in the convocation book. I was able to go on the stage twice within two days of my PhD convocation. My supervisors were very proud with me. I feel lucky and happy that I was able to graduate as promised. Articles that I have published include the Eurasian Journal of Mathematics, Science and Educational Technology (EJMSET), IEEE Scopus and Procedia- Social and Behavioral Sciences, both of which are high-impact journals (Q3).

## **CONCLUSION**

For me, I feel there are various factors that influence a person's success to graduate within a set period of time. However, the most important factor in building my success are self-factors that involve passion, self-motivation, efficient time management and perseverance. The second factor is related to one's own ability in dealing with the issue of university bureaucracy, especially those related to the character of research supervisors. Interpersonal ability and creativity in designing efficient strategies related to university management are crucial in ensuring that postgraduate students are always sensitive in order to address each issue positively. Positive thinking and a strong spirit can help oneself always to be motivated to complete any research.

Currently, I am gaining experience as a co-supervisor of scientific studies at the Faculty of Education UTM 2017-2018 and an expert reference module validator for research students from various universities. I am also a member of the Coordinating Programme for Scholarship Programme (PROSPEN) of the Institute of Teacher Education, Technical Education Campus to help candidates who want to further their studies to the doctoral level.

Bermula sebagai guru pertukangan atau lebih sinonim sebagai guru vokasional di dua buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) tidak mematahkan semangat untuk mengorak langkah demi langkah bagi menggenggam segulung kertas yang dinamakan Ijazah Doktor Falsafah atau lebih di kenali sebagai PhD. Kerjaya sebagai guru vokasional tidak seindah yang disangkakan, kerana terpaksa menghadapi pelbagai karenah pelajar vokasional yang sedia nakal dan agak lemah dari segi pencapaian akademik. Kerjaya sebagai seorang guru vokasional bermula pada tarikh pada 1.12.1995 apabila ditempatkan di Sekolah Menengah Vokasional Kerian, Bagan Serai, Perak. Di situ kerjaya sebagai seorang guru bermula setelah menamatkan latihan perguruan di Maktab Perguruan Teknik (MPT), Cheras.

Setelah melapor diri dan bertemu pengetua di SMV Kerian, saya ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Fabrikasi Logam dan Teknologi Kimpalan. Di bengkel kimpalan saya bertemu dengan rakan-rakan sejawat. Ada yang telah mengajar 10 tahun, ada yang telah mengajar 27 tahun dan ada yang baru mengajar selama 3 tahun setengah. Kesemua rakan-rakan guru tersebut mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang kimpalan serta banyak memberi tunjuk ajar. Persahabatan dengan rakan guru seperti adik beradik kerana masing-masing datang dari jauh dan menjadi perantau di SMV Kerian. Saya mula menyesuaikan diri dengan iklim sekolah dan rakan-rakan guru disitu. Diringkaskan cerita, tahun demi tahun saya mengajar di SMV Kerian, dan pada tahun 1999 saya telah dapat berpindah ke Sekolah Menengah Vokasional Ampangan (SMV Ampangan),

Seremban bermula pada 1.1.2000. Di SMV Ampangan saya telah minta oleh pengetua untuk bertugas sebagai warden asrama. Di situ sekali lagi saya mendapat pengalaman dan belajar mengurus pelajar. Jika di SMV Kerian saya belajar mengurus diri manakala di SMV Ampangan saya belajar mengurus pelajar dan mengurus bengkel.

Pada 2.8.2008, saya mula mengorak langkah dan berpindah ke Sektor Pendidikan Teknik dan Vokasional (SPTV), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM Putrajaya. Di situ saya belajar menggubal kurikulum, membuat modul, menganjurkan mesyuarat penggubalan kurikulum, memantau kurikulum dan mengurus kewangan serta pengalaman memimpin dan mengurus. Walaupun berulang alik dari Seremban ke Putrajaya selama 1 jam lebih tapi saya tidak kisah demi menambah pengalaman dalam kerjaya sebagai seorang pemimpin walaupun bukan pemimpin besar tetapi sekurang-kurangnya saya telah dapat memimpin diri sendiri dalam kerjaya. Semasa bertugas di BPK semangat untuk menyambung pengajian peringkat sarjana secara sambilan telah mula berkobar-kobar dan menyelesaikan pengajian peringkat sarjana pada tahun 2010.

Setelah 4 tahun di BPK saya berpindah lagi, pada kali ini berpindah pula ke dalam sistem latihan perguruan iaitu Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Cyberjaya. Disini saya ditempatkan di Jabatan Pengurusan Kualiti dan Keutuhan (JPKK). Dalam tahun 2012, saya juga telah mendaftar sebagai pelajar Ijazah Doktor Falsafah (Phd) secara sambilan dan dalam masa yang sama saya diberi kepercayaan untuk menguruskan MQA. Disini sekali lagi saya berasa begitu kekok. Setelah bertahun-tahun terdedah dengan bidang teknikal khususnya kimpalan, tetapi pada kali ini saya diminta untuk melakukan kerja berkaitan kualiti iaitu mengurus MQA. Selama setahun saya di situ alhamdulillah, dengan ketekunan dan bantuan Ketua Jabatan saya dapat menguruskan

kerja berkaitan MQA sehinggalah mendapat akreditasi penuh program Pendidikan Pemulihan. Di IPGM perjalanan pengajian PhD berjalan terlalu perlahan disebabkan kekangan tugas.

Perjalanan ke tempat kerja semakin dekat, apabila saya bertukar ke Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT), Bandar Enstek, Nilai. Saya melapor diri di IPGKPT pada 1.2.2013 dan ditempatkan di unit khidmat pengurusan (UKP). Di UKP saya diminta melakukan kerja mengurus perolehan, pengurusan aset dan pembangunan. Fokus untuk menyiapkan tesis PhD semasa di IPGKPT sedikit terbantut kerana kekangan tugas di IPGKPT pada masa itu ditambah dengan kampus baru dibuka dengan skop tugas yang perlu mengurus aset dan melengkapkan prasarana yang kurang dari segi pembangunan tetapi saya tetap redha. Alhamdulillah atas arahan pengarah pada masa itu dan dengan sedikit idea yang ada saya dapat menyiapkan mercu tanda buku dan jangka lukis yang terletak di bulatan pinta masuk IPGKPT. Perjalanan pengajian PhD sedikit terbantut pada masa itu. Saya mengambil keputusan menangguhkan pengajian PhD selama setahun disebabkan kekangan tugas.

Setelah setahun di UKP saya masuk pula ke Jabatan PTV yang sekarang dikenali sebagai Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Semasa berada di JKM saya mengajar dan bermulalah kerjaya sebagai seorang pensyarah pula. Pada ketika ini, saya mula dapat memfokuskan pengajian PhD serta rancak menulis tesis. Pada tahun 2014, saya mula mengorak langkah dengan berjumpa pensyarah penyelia atau supervisor saya iaitu Profesor Noraishah bt Buang. Prof. Aishah pada masa itu adalah Timbalan Dekan di Fakulti Pendidikan UKM. Kesibukan Prof. Aishah sebagai Timbalan Dekan membataskan perjumpaa saya dengan beliau. Pernah satu ketika semasa saya sampai di UKM Prof. Aishah tidak menjawab panggilan telefon dan saya dengan sabar menunggu dari jam 2.00 petang sehingga jam 5.00 petang. Setelah merasakan Prof. Aishah tidak ada dan saya mengambil keputusan untuk pulang ke rumah dengan perasaan hampa kerana tidak dapat berjumpa Prof. Aishah untuk berbincang tentang proposal kajian. Setelah sampai di highway sebelum susur masuk ke Plaza Tol Seremban, tiba-tiba Prof. Aishah menghubungi saya, pada masa itu jam menunjukkan sekitar 6.00 petang. Saya dengan pantas berpatah balik ke UKM untuk berjumpa Prof. Aishah, sampai semula ke UKM sekitar jam 7.00 petang. Setelah perbincangan selesai sekitar jam 7.30 malam saya pulang semula ke rumah dan sampai sekitar jam 8.30 malam.

Perbincangan bersama Prof. Aishah pada hari tersebut hanya berkisar tentang Kerangka Konseptual Kajian dan Penyataan Masalah. Saya masih teringat kata kata Prof. Aishah, “Romy jika penyataan masalah dan kerangka konseptual jelas nanti semasa viva pasti kamu akan dapat menjawab dengan lancar apabila di soal”.

Tahun 2015, setelah proposal kajian Bab 1 hingga Bab 3 dapat disiapkan maka saya telah menyerahkan proposal berkenaan kepada Pejabat Fakulti Pendidikan UKM untuk dibentang dalam kolokium yang dipanggil “usulan”. Semasa usulan, Pemeriksa Dalaman saya Prof. Madya Dr. Sattar Rasul banyak memberikan komen yang membina. Pada hari tersebut juga setelah selesai usulan saya mula membetulkan tesis kajian berdasarkan komen Prof. Madya Dr. Sattar Rasul. Apabila proposal kajian bab 1 hingga bab 3 telah dibetulkan, maka sekitar Jun 2015 saya mula mengutip data kajian. Pendekatan kajian yang saya gunakan adalah kualitatif dan rekabentuk kajian adalah kajian kes. Rekabentuk kajian kes pendekatan kualitatif mengambil masa yang sangat panjang untuk disiapkan kerana setelah temubual dengan responden, temubual tersebut perlu dibuat transkrip. Analisis data bagi kaedah temubual yang digunakan adalah mengguna Nvivo yang mana setiap perkataan perlu diteliti supaya boleh dijadikan kategori serta tema.

PhD tetap teruskan pada masa itu sehinggalah saya mula fokus pada tahun 2016. Ilmu PhD banyak saya pelajari daripada rakan-rakan sejawat iaitu Dr. Yee Sye Foong, Dr. Nik Aida Suria, Dr. Wan Noradzmin dan ramai lagi rakan-rakan lain yang sudi membantu di mana nama mereka tidak dapat saya sebutkan satu persatu. Sekitar bulan Disember tahun 2017, saya mula berkira-kira untuk membentangkan data kajian dalam kolokium yang dinamakan “kemajuan”. Pembentangan kemajuan mengambil masa sekitar 45 minit dan alhamdulillah data saya diterima. Setelah pembentangan kemajuan selesai, saya terus meningkatkan momentum untuk menyiapkan tesis PhD saya.

Untuk menyiapkan tesis PhD rekabentuk kajian kes pendekatan kualitatif memang memenatkan kerana perlu banyak menulis dan menghasilkan tema, saya hilang fokus pula semasa memandu dan saya kemalangan akibat “micro sleep”. Disebabkan terlalu fokus dan berjaga sehingga lewat malam untuk menyiapkan tesis PhD saya ditimpa kemalangan sebanyak 2 kali dalam tahun 2017 dalam tempoh seminggu. Saya hampir putus asa pada masa itu. Sekali lagi semangat mula luntur untuk menyiapkan tesis PhD. Berkat dorongan dan semangat yang diberikan oleh Dr. Nik Aida Suria saya teruskan juga sambil menulis dengan tangan berbalut di siku.

Tahun 2018 tesis PhD saya semakin menampakkan kemajuan tetapi dalam pada saya berhati-hati dalam pemanduan saya ditimpa kemalangan jalan raya sekali lagi untuk kali yang ketiga. Pada kali ini disebabkan pitam pula, angkara berjaga malam demi menyiapkan tesis PhD. Pelbagai cabaran dan rintangan yang ditempuhi dalam menyiapkan tesis ini adalah asam garam. Tanpa asam dan garam sesuatu masakan tidak akan terasa dan tidak akan enak. Akhirnya, pada 4 April 2019 saya menjalani fasa akhir dalam pengajian PhD. Pada tarikh tersebut aku diuji secara lisan ataupun viva dalam tempoh masa selama 3 jam. Alhamdulillah saya lulus dan menitiskan air mata. Syukur, Ya Allah kerana perjuangan dalam menyiapkan tesis PhD selesai akhirnya. Itulah coretan ringkas saya dalam mengharungi kerjaya sebagai seorang pendidik di sekolah, BPK, IPGM dan IPG serta sebagai pelajar sambilan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

As I am writing this article, it brings back many memories of my dream come true. Getting the scholarship to pursue my studies is definitely a dream come true. My dream to pursue my studies to the highest level aka Doctorate in Philosophy of Education (PhD) was implanted in me by my parents. Mom and Dad had always wanted a doctorate holder in our family. Their dream became my dream too. I applied for the scholarship almost nine times before finally obtaining it in Year 2015.

My journey to PhD started officially upon receiving the scholarship...the journey that was much awaited by me...the journey to a new venture in my life...my life journey on pursuit to quench the thirst for knowledge...the quest to unfold the unknown path or the "Road Not Taken" as the famous song by Joe Diffie...the journey that taught me many invaluable lessons of life...the journey that was full of joys, sorrows, emptiness, loneliness, excitements, accomplishments, adventures...I could go on and on. In a nutshell the three years was full of wonders (sometimes I do wish to go again on the same journey).

I must say, I was one heck of an enthusiastic 'student', who was so excited to go back to varsity life after a very long time...similar to a Year One child's excitement on the First Day of school. Though often times I was mistaken for a parent of an undergraduate student enrolling her offspring or as a lecturer of the university...Yet that did not deter my spirit and determination to start my journey to make my dream come true.

Going to the library in the first semester (as I started in the short semester so no classes) and to classes (compulsory courses and auditing courses by choice) in the second semester became my routine during the early part of my journey to PhD. Despite being a mom and wife, who had to ensure that meals are prepared for my family, house is cleaned and 'in order', transporting my son to and from classes; which I quite enjoyed, to be honest and in fact enjoyed the most in this journey...and it did make me feel many times as a full-time housewife (my neighbours too had the same impression). I also had time for fitness...time for me to go for early morning brisk walks in the park; the time I actually enjoyed being close to nature – It's the 'ME TIME'...I treasure these moments a lot; it actually was the time for me to not only de-stress myself from the routine (home commitments and my studies) but also time to do a lot of reflection (the past, present and future). Many a times during this morning walks sparks of ideas regarding my research...answers to questions that I could not find initially unfolded. It was during these walks that I combined my chanting too (thankful to the Almighty and counting my blessings as well as praying for the universe and mankind). I also made many acquaintances during these morning walks of mine – people from all walks of life, just a simple greetings or gesture sometimes made me feel so good and ready to face the day with full of energy, occasionally short chats about life / nature / or just nothing/anything under the sky (laugh out loud).

Of course, I am not saying that all was rosy and nice in my journey to make my dream come true. There were many times that I kept pointing finger at myself and asking myself "Do I need this? Who asked you to do PhD? You wanted right, so serve you right!....and the list of questions could go on and on; these would pop up whenever I was stuck in my journey...be it during the writing process, reading and comprehending thesis or journal articles, discussing with other

post-graduates, discussing with my colleagues; and ESPECIALLY it would keep popping up like the thinking/speech bubbles that pop up in cartoons when the cartoon character gets hit by another cartoon character, WHENEVER I met my SUPERVISOR (HAHAHA! Now I can afford to laugh at it but not at that point of time, during and immediately after meeting my supervisor... hmmm).

Every time I meet my supervisor I will have a lot of editing and corrections to be done. Initially I used to feel so let down, feel unappreciated, feel like a really stupid person, feel very small, feel demotivated, feel a lost of self-dignity...but I pulled myself up again and tuned my thinking to be POSITIVE and kept reminding myself that it is a journey I chose and no one forced me into it, it is a journey that I had always dreamt about, it is one chance for me to also prove to myself that I CAN DO IT! I am thankful to God that I have family members, good friends and buddies that I can count on every time I fall, they would lift me up with inspiring words that gives me courage to pursue my dream.

Along the way I realised the genuine intentions of my supervisor was not to undermine me or my knowledge, but it was only to make me stronger and 100% sure of what I was doing – confident in presenting my research. She was actually moulding me to be well prepared for my Viva, to make sure not to leave any stones unturned in my research journey – she was preparing me right from the beginning so I could see the light at the end of the tunnel and not left to grope in the dark. God bless her always and I am very thankful to her for her guidance throughout my PhD journey to make my dream come true. And YES! my Viva was smooth sailing indeed! I had very minor corrections (to be exact one typo and one graphic organiser in the summary of Chapter 1 to be deleted). I managed to do the corrections the same day and ‘Waallaahhhhhh!!!’

I would say that I managed to graduate within the period given in my scholarship – 3 years (GOT- Graduate-On-Time) is also partly due to the KPI’s or Target Setting that has become a habituation during my dream come true journey. I ensure I set my goals in a very realistic manner that I am able to attain it at the end of the day. My goals are broken into short-term and long-term goals – my reading goals, writing goals, meetings and sending drafts to my supervisor goals, presentation and publishing goals etc. etc. And of course, I never forget to reward myself whenever I accomplish my target or goal. Rewarding yourself is something all of us should do, if we do not appreciate ourselves who else would and begin within yourself first before reaching out to others – I hold on to this principle of life and I belief strongly of it too, because it really acts as a boost to my self-respect / dignity.

My way of rewarding myself is by going for a movie with my boys, cooking my favourite meal, eating out with my buddies, just not doing anything, and travelling. Now, travelling is something I enjoyed the most and I must say that I had been to many places during my dream come true journey – I have been to China (twice: Beijing and Guilin), India (numerous times, various destinations), Sri Lanka, Cambodia, Vietnam and locally (all over Malaysia). My travels were with my family (as a way of appreciating their support to me) and sometimes with my friends. And the highlight of my reward was my trip to Europe and Turkey after completing my PhD – A Dream Come True indeed!

This dream of mine came true in the Year 2018 when I received the senate letter from my university saying I have passed my Viva and when I walked up the stage to receive my scroll – that euphoric moment which cannot be explained by words, it has to be experienced/felt. Though I was a little sad that my parents were no longer around to witness that moment of truth, but, they will always remain in my heart and I know they were there witnessing it from

the Heaven. This dream of mine would not be possible without their (my parents) blessings and the Almighty's blessings. Not forgetting the support of my family, friends and the guidance of my supervisor and above all the opportunity given to me by the Ministry of Education, Malaysia (Scholarship Division) in laying the foundation to make my dream come true by sanctioning the scholarship...KUDOS!!! to everyone who made MY DREAM COME THRU'!

Kebiasaannya bila saya membaca tentang kisah perjalanan PhD seseorang mereka banyak menceritakan tentang gambaran perjalanan yang sukar, sedih, penuh onak dan duri, sunyi, banyak dugaan dan cubaan. Ada yang menghadapi situasi senang pada peringkat awal dan susah diperingkat akhir, ada yang susah peringkat awal dan senang peringkat akhir dan ada yang diperingkat awal dan akhir senang dan dipermudahkan oleh Allah. Justeru, kali ini saya cuba berkongsi perjalanan PhD saya yang penuh dengan warna-warni dan semoga ia dapat memberi inspirasi kepada orang lain.

### **Pertama: Membina fikiran agar sentiasa positif**

Saya merupakan guru Pendidikan Islam namun mendapat tawaran Pendidikan Khas. Pada mulanya saya kecewa dan sedih kerana mendapat bidang yang berlainan namun saya cuba memujuk hati diperingkat awal lagi dan menganggap Allah ingin memberikan sesuatu yang istimewa kepada saya nanti. Justeru saya mula berjinak dengan dunia baharu dengan membaca dan mencari bahan berkaitan. Bidang baharu ini telah membuka mata saya tentang perkara yang saya tidak ketahui iaitu tentang dunia pendidikan khas, terma-terma seperti autisme, hiperaktif, inklusif dan lain-lain.

Bidang baharu ini telah mendedahkan saya untuk bergaul dengan guru-guru pendidikan khas, buku-buku tentang pendidikan khas, bahan-bahan serta kajian yang berkaitan. Saya juga baru mengetahui terdapat Persatuan Pendidikan Khas Kebangsaan, jurnal-jurnal pendidikan khas dan sebagainya. Hal ini merupakan perkara baharu yang menyeronokkan. Oleh kerana ia berkaitan tentang kanak-kanak istimewa ia telah sedikit sebanyak mendidik hati saya bersyukur dan sangat menyayangi kanak-kanak istimewa dan bersyukur dikurniakan anak yang normal.

Masalah pertama yang dihadapi semasa peringkat pertama PhD ialah menyediakan proposal. Peringkat ini menyebabkan saya terkial-kial mencari sesuatu yang berkaitan dengan pendidikan khas tetapi masih berkaitan dengan bidang saya Pendidikan Islam. Pada hujung minggu saya telah berkunjung ke sekolah menengah di Bandar Tawau ketika itu terdapat Program Pendidikan Khas Integrasi. Selepas bertanyakan arah daripada pengawal keselamatan saya berjalan menuju ke hujung bangunan mencari bangunan tersebut. Sayup-sayup kedengaran bunyi alunan bacaan indah al-Quran dialunkan menyebabkan langkah saya semakin cepat menderap ke hadapan. Ya Allah syahdunya dan tenangnya bacaan tersebut dari sekumpulan anak-anak dari pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan para kaum ibu yang setia bersama anak-anak mereka. Saya tidak mahu mengganggu mereka pada ketika itu, saya berdiri di luar sehingga bacaan mereka habis dan kemudian, baru saya memberi salam. Mata saya memerhati wajah-wajah suci dan menenangkan. Saya kemudiannya bersalaman dengan guru terlibat dan bertanya sedikit sebanyak aktiviti mereka yang mereka lakukan tadi. Guru tersebut menceritakan dengan panjang lebar.

Sekarang tajuk untuk menyediakan proposal peringkat pertama sudah ada. Syukur ya Allah tugas kedua saya pula ialah cuba mencari literatur kajian yang berkaitan di dalam dan luar negara. Kesimpulannya kesan dari itu, ia telah mendidik saya supaya sentiasa bersikap positif terhadap apa jua masalah yang datang. Jadikan masalah sebagai peluang untuk memperbaiki diri.



## **Kedua: Masa**

Saya mendapat cuti bergaji penuh tanpa biasiswa. Walaupun tidak diberi rezeki dalam bentuk biasiswa saya tetap bersyukur. Masa adalah sesuatu perkara yang sangat diperlukan bagi seorang 'postgraduate' (PG). Inilah keseronokan yang sangat istimewa. Kita bebas berada di perpustakaan dari pagi hingga ke malam. Kita bebas untuk bergerak dari perpustakaan universiti ke perpustakaan universiti yang lain tanpa masalah dengan kesuntukan masa. Saya selalu mengingatkan diri masa yang diberi perlu diperuntukkan untuk belajar. Jarang saya menghabiskan masa melepak tanpa tujuan. Perasaan bersalah akan menghantui. Saya mempunyai masa yang panjang selama 3 tahun. Justeru itu saya cuba membuat timeline supaya tidak tersasar dikepulkan bersama dengan proposal kepada penyelia atau supervisor (SV). Di samping itu, timeline ini saya tampal di meja study di office dan di rumah supaya saya dapat mengikutinya. Saya juga telah membuat jadual belajar yang bermula dari pukul 8.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang. Justeru, saya akan ke kampus seawal 7.30 pagi seperti bekerja.

Oleh kerana rumah saya dengan universiti tempat saya belajar dekat maka tiada masalah untuk melakukannya. Oleh kerana saya berasal dari bidang Pendidikan Islam saya diwajibkan mengambil kursus Pendidikan Khas pada semester 1 dan semester 2. Kelas itu pula diadakan di sebelah petang dan ada juga di sebelah malam. Jadi penyelidikan saya mula bermula secara sepenuhnya pada semester ketiga. Saya menggunakan masa yang diberi untuk mencari bahan, menulis, mengikuti bengkel metodologi dan statistik, berbincang dengan rakan serta berjumpa SV. Saya bersyukur SV telah memberi kebenaran untuk menggunakan officenya berbincang. Semua pelajar di bawah seliaannya juga dibenarkan untuk berbincang disitu. Selama 3 tahun inilah rutin saya setiap hari berada di universiti. Jika orang lain selesa berada di rumah untuk menelaah tetapi saya selesa berada di universiti setiap hari.

## **Ketiga: Mengenali pakar-pakar dalam bidang berkaitan**

Sepanjang perjalanan mencari ilmu keperluan untuk mendalami kajian membolehkan saya mengenali ramai pakar-pakar dalam bidang yang dikaji melalui temubual secara bersemuka, menghadiri ceramah bengkel, konferen, inovasi dan sebagainya. Antara kebbaikannya ialah selain dari mendapat input-input yang berguna, kita juga berpeluang bersemuka dan bertanya dari dekat kerana sebelum ini hanya mengenali melalui media sahaja. Dari situ juga kita dapat berkolaborasi melalui perkongsian Doctorate Support Group (DSG), Research Gate, Facebook (FB) dan lain-lain, so kita boleh follow mereka. Di sinilah sebenarnya medium yang secara tidak langsung kita dapat input yang terkini dari semasa ke semasa. Selain dari itu, saya juga berpeluang mengenali guru-guru, penolong kanan dan guru besar di tempat kajian di sekolah. Hubungan mesra terjalin hingga kini.

## **Keempat: Mendidik jiwa agar tidak putus asa dan merasa sangat dekat kepada Allah.**

PhD merupakan peringkat terakhir dalam kelulusan pendidikan. Ia bukan seperti pengajian di peringkat Ijazah Dasar. Semua memerlukan seorang PG berdikari, bijak menguruskan masa serta matang dalam membuat keputusan berdasarkan justifikasi. Oleh itu, jika mereka menghadapi kesukaran atau masalah mereka perlu keluar dan menguruskan setiap masalah sendiri. Saya terbaca ramai diuji semasa mereka dalam proses menyiapkan penyelidikan mereka. Masalah sebenarnya ada dimana-mana. Sebagai umat Islam saya percaya setiap masalah yang datang adalah untuk mengajar kita bijak dalam menguruskannya. Saya merasakan saya lebih banyak masa berdialog dengan Allah ketika dalam proses belajar. Masa tersebut saya gunakan ketika solat tahajud dan solat hajat.

Sememangnya setiap orang akan berdepan dengan masalah. Selepas melakukan solat saya rasa lebih tenang dan yakin. Kadangkala kita berdoa jika ada masalah selepas itu Allah hantar

seseorang untuk membantu kita secara langsung atau tidak langsung. Saya juga percaya kepada doa seorang ibu yang sangat mustajab. Saya selalu mengingatkan ibu saya supaya selalu mendoakan ketika saya mengalami saat sukar seperti ketika proposal defense, seminar 2, viva alhamdulillah semuanya berjalan lancar. Saya juga mengamalkan sedekah. Sedekah akan memudahkan urusan. Saya masih ingat setiap Jumaat saya akan mengirimkan duit untuk dimasukkan di tabung masjid, begitu juga membeli telekung untuk dihadiahkan kepada sebilangan orang supaya mereka mendoakan supaya urusan PhD saya dipermudahkan. Saya juga meminta jemaah masjid melakukan solat hajat ketika sebelum saya viva. Alhamdulillah viva saya berjalan lancar dan sangat mudah. Ramai rakan saya berkunjung ke Mekah untuk berdoa. Oleh kerana saya mempunyai pelbagai kekangan untuk ke sana pada waktu tersebut saya hanya mampu meminta ibu saya berdoa. Alhamdulillah banyak urusan saya dipermudahkan. Selain itu saya suka berkongsi maklumat, membantu rakan-rakan yang berdepan dengan masalah. Alhamdulillah semakin saya kongsi semakin ramai orang membantu saya dan urusan saya dipermudahkan.

### **Kelima: Memahami keberkatan ilmu daripada guru**

Saya bersyukur dan percaya antara salah satu faktor kejayaan saya dapat menghabiskan PhD adalah berkat daripada doa SV saya. Saya diberi rezeki oleh Allah mendapat SV yang sangat baik dan sangat membantu. Pada peringkat awal saya sebenarnya merancang untuk memilih SV lain yang mempunyai reputasi yang lebih bagus. Namun Allah telah menemukan saya dengan SV secara tidak sengaja. Allah telah memberi rezeki dengan sebab dan musabab. Kedua, SV saya baik yang pertama atau kedua telah menjalankan tugas sebagai SV dengan baik sekali. Malahan mereka menganggap saya sebagai rakan sejawat, kawan, sahabat, PG dan lain-lain. Urusan saya banyak dipermudahkan. Saya bebas berbincang, berjumpa dan sebagainya. Saya juga menawarkan bantuan kepada kedua SV dengan membantu mereka dalam urusan-urusan berkaitan dengan akademik seperti mengedit manuskrip, membantu memberi coaching kepada pelajar master berkaitan metodologi penyelidikan membantu menganjurkan bengkel-bengkel metodologi di fakulti dan pada di hujung minggu. Hubungan yang baik memberi kebaikan kepada saya juga. Inilah antara satu faktor saya dapat menghabiskan PhD saya dalam jangka masa yang ditetapkan.

Sebelum saya mengakhiri catatan saya ingin menitipkan kepada mereka yang akan melanjutkan PhD perkara seperti berikut:

Pertama - niat belajar kerana Allah bukan sebab sebab lain, Insya-Allah niat yang baik akan dipermudahkan oleh Allah dan berkat.

Kedua- menghormati guru (SV). Sentiasa bersangka baik kepada guru, mendengar arahnya, membantunya jika beliau memerlukan bantuan mendoakannya agar beliau dilimpahkan kesihatan yang baik, tidak sesekali menyakitinya dengan kata-kata atau perbuatan.

Ketiga - memohon ibu dan bapa mendoakan supaya dipermudahkan urusan pengajian. Doa seorang ibu terbukti sangat mustajab.

Keempat- banyakkkan bersedekah kerana sedekah akan melancarkan banyak urusan tergendala dan menyelesaikan masalah.

Kelima - membantu kawan atau sesiapa yang memerlukan bantuan semampunya. Mungkin dengan cara berkongsi bahan di group-group atau sebagainya. Jangan sesekali kedekut ilmu.

Keenam - sentiasa berada di majlis ilmu seperti bengkel, konferen dan sebagainya kerana kita tidak tahu disana akan berjumpa mereka yang dapat membantu atau melalui perbincangan akan dapat menyelesaikan perkara yang kita stuck selama ini. Ramahkan diri dengan bertegur sapa dan bertukar-tukar pendapat. Bina rangkaian dengan pelbagai rakan dari pelbagai universiti dengan cara join WhatsApp group dan telegram. Jangan kedekut melabur duit untuk ilmu. Banyakkan membeli buku dan menghadiri bengkel. Kuasai statistik di peringkat awal pengajian supaya kita tidak terkial-kial ketika menganalisis.

Ketujuh - sentiasa membaca al-Quran kerana ia akan menajamkan lagi akal fikiran, sentiasa mengambil makanan sunnah seperti madu, kurma, minyak zaitun, badam serta bersenam ketika waktu petang. Di hujung minggu habiskan masa bersama keluarga atau melakukan aktiviti yang disukai bagi menghilangkan stress. Ia ibarat reward kepada diri sendiri setelah 5 hari belajar dengan tekun.

Kelapan - meskipun sibuk dan memerlukan banyak masa namun pastikan tidur perlu mencukupi. Tidur yang cukup mampu merehatkan otak dan membantu untuk berfikir dan menjana idea. Bijak mengendalikan waktu, peruntukkan masa yang sesuai untuk belajar bermula awal pagi iaitu 4.00 pagi hingga petang dan awal malam sahaja supaya masa dengan anak-anak dan keluarga tidak terkesan.

Kesembilan - sentiasa berfikiran positif dan berbaik-sangka dengan Allah. Sentiasa ceria dan gembira dan menganggap belajar adalah ibadah. Kesan dari itu kita akan lebih bersemangat.

Kesepuluh - berdoa dan terus berdoa tidak putus-putus. Carilah ketika waktu waktu mustajab berdoa semoga Allah memudahkan urusan pengajian. Doa ini sangat ajaib ia akan makbul apabila sudah sampai masanya. Wallahuaklam.

### Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)

Permohonan untuk menyambung pengajian di peringkat kedoktoran bermula pada tahun 2006. Ketika itu permohonan secara dalam talian dengan kesukaran untuk mendapat internet. Penghantaran permohonan tidak berjaya. Cuba lagi pada tahun 2007, alhamdulillah dipanggil temuduga HLP untuk peringkat kedoktoran. Walau bagaimanapun tidak berjaya kerana pada ketika itu suami juga memohon dan beliau berjaya. Tidak mengapa memberi peluang kepada suami terlebih dahulu. Ada hikmah di sebaliknya. Pada tahun 2008 pula ketika berada di IPG Kampus Ilmu Khas, cuba memohon lagi HLP, alhamdulillah dipanggil temuduga di Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Alhamdulillah berjaya mendapat HLP untuk kali ketiga permohonan.

### Pengajian Bermula

Pengajian saya bermula setahun sebelum mendapat cuti belajar bergaji penuh. Oleh kerana kesibukan mengajar pada ketika itu, saya hanya sempat mencari buku dan artikel berkaitan tajuk sahaja. Apabila bermula cuti bergaji penuh, maka langkah untuk meneruskan pengajian perlu digandakan. Alhamdulillah dapat membentangkan proposal kajian dan diterima oleh penilai dari kalangan pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Sempat penyelia pertama saya, almarhum Profesor Dr. Abdul Halim Mat Diah mendengar proposal saya buat kali pertama dan terakhir.

### Penyelia Pertama Menemui Maha Pencipta

Saya dan suami menyambung pengajian dengan penyelia yang sama. Seminggu sebelum beliau meninggal dunia, beliau menjemput suami saya untuk menghadiri kenduri kesyukuran anak beliau kerana dapat menyambung pengajian dalam bidang perubatan di bumi Anbiya' (Mesir). Penyelia kami sangat baik orangnya, anak murid dan rakan sekerja dijemput dengan menghubungi secara peribadi untuk ke majlis kesyukuran tersebut. Wajah beliau sangat bersih dan ceria pada hari kenduri tersebut melayani tetamu yang hadir. Kami tidak menyangka pertemuan itu merupakan pertemuan terakhir kami semua dengan beliau. Lusa selepas kenduri tersebut, kami mendapat perkhabaran beliau pergi buat selamanya.

### Perpustakaan Universiti Malaya

Semua pelajar baharu diberi emel untuk membuat temujanji mengikuti kelas cara mencari bahan di perpustakaan Universiti Malaya. Saya tidak melepaskan peluang ini untuk belajar mencari bahan yang berkaitan kajian yang akan dijalankan. Taklimat ini saya ikuti dua kali supaya faham caranya. Ramai juga rakan-rakan yang tidak mengikuti taklimat ini apabila dimaklumkan oleh pihak perpustakaan. Perpustakaan adalah tempat utama untuk mencari sumber. Sebenarnya banyak perkhidmatan yang perpustakaan sediakan kepada kita untuk mendapatkan jurnal atau buku dari luar negara. Di perpustakaan juga dapat memberi motivasi kepada kita untuk belajar kerana ramai pelajar luar negara yang tekun menyiapkan kajian mereka dari pukul 8 pagi hingga 10 malam. Sebab itulah ramai pelajar luar negara yang dapat menyiapkan pengajian mereka dalam tempoh yang singkat. Sekiranya dalam tempoh pengajian kita memberi fokus dan disiplin yang tinggi insya-Allah pengajian dapat disiapkan. Itulah harapan saya juga.

### **Jaringan dengan Rakan dari Pelbagai Universiti**

Alhamdulillah saya mendapat sahabat yang baik dari pelbagai universiti. Sahabat saya di Universiti Kebangsaan Malaysia banyak memberi informasi tentang kelas berkaitan metodologi. Saya dan suami juga menyertai kelas yang diadakan di UKM.

Antara kelas yang kami ikuti ialah Cara Menulis Tesis, SPSS, Nvivo, kaedah kualitatif dan lain-lain. Saya bersama beberapa orang rakan dalam bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, kami jemput senior PhD yang pakar dalam Nvivo mengajar kami langkah demi langkah untuk membuat analisis hasil temubual menggunakan software Nvivo. Alhamdulillah banyak membantu. Semoga Allah SWT memberkati sahabat-sahabat saya semuanya. Amin

### **Lapangan di lima buah IPG Kampus di Zon Utara**

Tiga kali saya menjalankan kajian di lima buah IPG Kampus di Zon Utara. Alhamdulillah saya mendapat banyak bantuan, kerjasama dan sokongan dalam menjalankan kajian. Saya menjalankan kajian dengan mengedarkan soal selidik kepada 638 guru pelatih Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) pelbagai bidang daripada lima buah IPG Kampus di Zon Utara. Temu bual juga dijalankan dengan pelajar dan pensyarah yang mengajar Pendidikan Islam.

Semasa menjalankan kajian ini, banyak yang saya belajar erti kehidupan. Bukan senang untuk mendapatkan kerjasama. Ada yang menolak tidak mahu ditemu bual apatah lagi untuk dilihat pengajaran di dalam kelas. Walau bagaimanapun, saya patuhi etika kajian yang tidak boleh memaksa peserta kajian. Alhamdulillah dengan izin Allah SWT, berjaya juga saya mendapatkan data yang dikehendaki bantuan pelajar dan pensyarah yang sudi ditemu bual dan memberi dokumen berkaitan. Semoga Allah merahmati kalian semua, amin.

### **Viva dalam Bulan Ramadan**

Saya menjalani viva pada 18 Ramadan. Dalam majlis viva tersebut dihadiri oleh lima orang pada ketika itu. Saya diberi tempoh 20 minit untuk membentangkan kajian saya berbantuan Microsoft PowerPoint.

Sebelum membentangkan kajian saya, pengerusi meminta saya duduk semasa pembentangan kerana menghormati saya berpuasa. Setelah membentangkan saya diajukan beberapa soalan, alhamdulillah saya dapat menjawabnya dengan izin Allah. Kemudian saya diminta untuk keluar daripada bilik tersebut buat seketika untuk perbincangan tentang keputusan viva saya. Selepas beberapa minit kemudian saya dipanggil semula masuk ke dalam. Pengerusi viva mengumumkan “ Ustazah, alhamdulillah berjaya dianugerahkan ijazah kedoktoran dengan pembedaan minor. Ustazah boleh ‘submit’ selepas dua minggu pembedaan. Pada ketika itu saya sebak kegembiraan. Pengerusi meminta saya memberi sedikit ucapan kepada semua panel. Dalam keadaan perasaan gembira bercampur sebak saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana berpuashati dengan kajian saya dan diberi lulus dengan sedikit pembedaan.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dengan kejayaan ini yang amat berharga dalam hidup saya. Semoga kejayaan ini menjadi titik permulaan saya meneruskan usaha berkongsi ilmu dengan anak didik, sahabat dan masyarakat yang memerlukan. Saya tidak lupa mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua atas kejayaan ini. Semoga kejayaan ini menjadikan saya seorang yang rendah diri dengan sedikit ilmu yang diperolehi. Amin ya Rabbal A'lamin.

**Tips kejayaan:**

- Selalu bermunajat dan berdoa kepada Allah SWT.
- Mempunyai dan mematuhi perancangan, target dan time line untuk menyempurnakan tesis.
- Menjalinkan hubungan pembelajaran dengan rakan-rakan yang sedang menyambung pelajaran ijazah kedoktoran untuk berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman.
- Sentiasa berjumpa dengan penyelia untuk mendapatkan pandangan dan motivasi untuk meneruskan kajian dan penulisan tesis.
- Sentiasa bersangka baik dan tidak mudah putus asa.
- Disiplin diri menyiapkan penulisan tesis mengikut waktu pejabat.
- Usaha, doa dan tawakkal dijadikan prinsip.
- Mohon orang terdekat dan tersayang memohon doa untuk mendapat kejayaan.

Saya sedang mengikuti Kursus Penyelidikan selama 12 minggu anjuran Institut Pendidikan Guru pada tahun tersebut. Sepanjang kursus tersebut, banyak pendedahan tentang kaedah-kaedah penyelidikan yang telah diberikan kepada para peserta. Saya merasakan sangat kerdil kerana tidak pernah terdedah dengan kaedah penyelidikan khususnya pendekatan kuantitatif. Saya terkial-kial mempelajari tentang kaedah penyelidikan yang saya rasakan sangat asing buat saya. Tiba-tiba saya dikejutkan dengan mendapat keputusan diterima sebagai penerima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Cuti Belajar Bergaji Penuh. Pada waktu itu saya baru berusia 31 tahun, menjadikan saya sebagai penerima biasiswa HLP paling muda pada tahun tersebut. Ini memberikan saya satu semangat berkobar-kobar untuk melangkah ke alam PhD yang serba mencabar. Pelbagai cerita dan pengalaman didengar daripada para penceramah kursus penyelidikan tentang onak dan ranjau PhD, terasa sedikit gentar untuk melangkah masuk, datang dalam fikiran, bagaimana untuk belajar dalam keadaan 4 orang anak yang masih kecil, ditambah pula sang suami turut mendapat tawaran yang sama untuk menyambung pelajaran ke peringkat PhD juga. Tetapi dalam masa yang sama, tekad saya terus berkobar untuk menggapai kejayaan pada peringkat ini. Semoga menjadi perangsang kepada anak-anak berempat dan akan datang untuk menjadi penuntut ilmu Allah dan penerus perjuangan.

Pada 22 Disember 2008, saya telah melapor diri sebagai pelajar PhD di Fakulti Pengajian Islam UKM, saya dikehendaki melepasi 3 fasa untuk membolehkan saya meneruskan fasa penyelidikan Doktor Falsafah. Fasa pertama, saya perlu mengikuti Kursus Bahasa Arab dan Kursus Metodologi Penyelidikan selama 1 semester bagi melengkapkan keperluan pengijazahan Doktor Falsafah di Fakulti berkenaan. Alhamdulillah, saya melepasi fasa ini dengan baik. Saya memperolehi pelbagai ilmu baru sepanjang pengajian pada fasa ini. Fasa kedua seterusnya saya perlu melalui Imtihan Syamil. Fasa ini memerlukan kepada saya untuk menduduki satu peperiksaan bagi menguji kelayakan saya sebagai calon PhD. Ujian kepada saya bermula, saya tidak melepasi fasa ini dan dikehendaki menduduki semula Imtihan tersebut. Kesedihan yang amat meruntun perasaan pada waktu itu, hanya kepada-Nya tempat mengadu. Walau bagaimana pun, saya kuatkan hati untuk memperbaiki keputusan tersebut, saya mengikuti semula kelas-kelas pengajian secara tidak formal sehingga akhirnya saya melepasi fasa kedua ini.

Seterusnya fasa ketiga yang perlu dilalui ialah fasa pembentangan proposal, saya telah berusaha sedaya mungkin untuk menghasilkan proposal yang terbaik pada pandangan saya, walaupun masih mempunyai pelbagai kelemahan. Dalam masa yang sama, saya disahkan mengalami Placenta Previa Type 4, yang menyebabkan saya perlu berada di hospital selama lebih kurang 2 bulan sebelum tarikh pembentangan proposal. Saya menghabiskan waktu menyemak dan membaiki proposal di dalam wad, dengan kawalan doktor supaya tidak melakukan pergerakan yang banyak, bagi mengelakkan berlakunya pendarahan. Saya terpaksa memohon kebenaran daripada pihak hospital untuk ke Fakulti bagi melalui fasa pembentangan proposal. Seusai sesi pembentangan proposal, saya dimaklumkan bahawa Fakulti tidak dapat menerima proposal saya disebabkan tiada pakar yang dapat membimbing kajian tersebut. Fakulti mencadangkan agar saya menukar kajian kepada bentuk 'content', sedangkan proposal kajian saya adalah tentang bidang Pendidikan, memandangkan tawaran yang saya terima adalah sebagai penerima HLP dalam bidang Pendidikan. Saya berada dalam keadaan dilema, jika saya menukar bidang kajian, perkara ini bertentangan dengan tawaran yang diberikan, jika saya ingin meneruskan

pengajian, tiada pembimbing yang dapat membimbing untuk meneruskan kajian. Justeru, dengan tekad saya terus mara dan membuat keputusan, setelah menghabiskan 2 semester di Fakulti tersebut, saya memohon untuk bertukar ke Fakulti Pendidikan bagi meneruskan tawaran yang telah diberikan. Alhamdulillah permohonan pertukaran saya ke Fakulti Pendidikan UKM telah diterima.

Saya meneruskan pengajian dalam keadaan Cuti Belajar saya telah berada pada semester 3, saya memulakan semula sebagai pelajar PhD Semester 1 di Fakulti Pendidikan. Alhamdulillah Allah s.w.t. memudahkan perjalanan saya, dipertemukan dengan supervisor (SV) yang sangat membantu. Saya bercadang untuk membentangkan proposal di Fakulti baharu ini pada penghujung Semester 1, tetapi panas tidak sampai ke petang, tiba-tiba saya mendapat berita bahawa SV saya akan bercuti kerana menyambung pengajian peringkat Post Doctorate. Berlaku pertukaran SV, saya mendapat SV yang baharu. Alhamdulillah SV baharu juga sangat-sangat membantu, tetapi saya perlu membuat agak banyak pembedulan dan juga mengubah hampir keseluruhan proposal yang telah disiapkan. Saya berlapang dada dengan keadaan tersebut, mungkin persediaan saya masih belum mencukupi, setelah bertungkus lumus memperbaiki proposal, akhirnya saya berjaya membentangkan proposal pada akhir Semester 2. Walau bagaimanapun, keputusan pembentangan tidak begitu memuaskan, keputusannya kelulusan ditangguhkan setelah pembedulan dibuat. Penangguhan ini telah menghilangkan semangat untuk meneruskan pengajian. Walau bagaimanapun, sokongan dan dorongan SV, para sahabat dan juga ahli keluarga yang tercinta telah membangkitkan semula semangat untuk saya meneruskan kajian ke peringkat seterusnya.

Perjalanan PhD merupakan proses memberikan pengalaman yang banyak kepada saya, Allah kurniakan pelbagai anugerah kepada saya sepanjang PhD, angka 2 yang sinonim dengan saya, 2 anugerah cahaya mata sepanjang menyiapkan PhD, suami menjalani 2 kali operation yang menggerunkan, Allah memilih saya sebagai tetamu-Nya menziarahi BaitulLaah al-Haram sebanyak 2 kali dalam tempoh PhD. Di sebalik kurniaan-kurniaan tersebut, Allah s.w.t juga tetap mengurniakan ujian untuk meningkatkan keimanan yang menguji ketaqwaan agar saya menjadi seorang hamba yang benar-benar bergantung kepada-Nya. 2 fakulti dalam PhD, pertukaran fakulti amat memeritkan. 4 penyelia sepanjang tempoh PhD, pertukaran penyelia, penambahan penyelia baharu pada pertengahan proses penyelidikan sedikit sebanyak merencatkan semangat untuk meneruskan pengajian, saya diuji lagi pada peringkat akhir PhD, apabila panel membuat keputusan viva, saya perlu resubmit dan reviva, satu dentuman yang sangat-sangat meruntuhkan semua semangat saya. Saya jatuh terduduk. Terasa seperti tidak ingin mengulangi proses tersebut lagi, pelbagai tekanan perasaan dihadapi, biarlah PhD berlalu begitu sahaja, tetapi sokongan padu daripada SV dan sang suami yang bersungguh-sungguh memberikan kata nasihat dan semangat, serta bantuan sahabat-sahabat seperjuangan sehingga saya bangkit semula untuk meneruskan perjalanan PhD dan melangkah ke garisan penamat. 2 kali submit dan 2 kali viva.

Saya diuji lagi pada saat-saat paling akhir selepas menghantar pembedulan untuk viva kali kedua. Pembedulan yang dibuat masih tidak diterima, dan saya perlu membuat pembedulan kedua. 2 kali penghantaran pembedulan selepas viva. Satu perkara yang cukup menghiris semangat dan keinginan untuk menamatkan pengajian, tapi apa yang datang dalam fikiran saya, "Aku sudah hampir sampai ke garisan penamat, ayuh, teruskan langkahmu". Perjalanan mesti ditamatkan dengan jayanya. Maka dengan bantuan yang tidak putus daripada para SV, para sahabat dan juga sokongan padu ahli keluarga, akhirnya saya berjaya menggenggam PhD dengan jayanya. Segala kesyukuran dipanjatkan kepada-Nya, kerana dengan pertolongan dan bantuan-Nya jua, saya mampu sampai ke garisan penamat dengan kemenangan, tidak berhenti di pertengahan



jalan. Allah berikan kekuatan untuk terus melangkah. Angka 2 yang sinonim dalam hidupku. Allah sentiasa memberikan ruang untuk memperbaiki kelemahan diri ini.

Proses perjalanan PhD menjadikan saya seorang yang tabah, menjadikan saya seorang yang akan sentiasa berusaha menjadi pemudah cara kepada insan-insan lain, juga mengajar saya bahawa dalam kehidupan ini, tiada yang mudah untuk dicapai, tetapi kemanisan akan diperolehi dengan kesungguhan, kesabaran dan ketekunan. PhD juga mengajar saya agar membina rantaian dengan pelbagai individu. Saya bukanlah orang yang bijak pandai, bukanlah orang yang mempunyai pelbagai keistimewaan kemahiran komunikasi dan sebagainya, tetapi PhD mengajar saya beberapa perkara. PhD bukanlah untuk orang yang bijak dan pandai, mempunyai pelbagai kemahiran dan keistimewaan, tetapi PhD adalah untuk orang yang mempunyai kesungguhan, ketekunan, kesabaran, tidak berputus asa, tidak mudah mengalah serta bergantung harap dan memohon sepenuhnya bantuan Allah s.w.t. Sekiranya kau merasakan dirimu telah mencapai tahap kebijaksanaan, maka pada waktu itu, dikaulah orang yang paling bodoh dalam dunia ini.

Saya telusuri firman Allah s.w.t dalam surah Luqman, ayat 22 yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan ”

Saya akhiri dengan terjemahan ayat 269, surah al-Baqarah sebagai panduan:

“Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-oang yang menggunakan akal fikirannya ”

Semoga catatan PhD ini menjadi pendorong untuk anak-anak semua, ‘ Ammar Hudhaifi, ‘Ulya Mashkuri, ‘Ubayd ‘Abqariy, ‘Ubayd Mumtazi, Faqihah al-Imtiyaz, Wahbah Faqih, Mufid Muslih dan Sabirah Muhadhdhabah terus menjadi pengejar ilmu-ilmu Allah yang luas di muka bumi ini. Indahnyalah menjadi penuntut ilmu, walau ranjaunya memeritkan, namun hikmahnya menggunung tinggi.

“YOU ARE BEAUTY WITHOUT BRAIN!” hahahaha.... semua ketawa termasuk diriku. Walaupun kata-kata rakanku itu dianggap gurauan baginya, tetapi dalam diam menusuk ke jantungku. Dalam hatiku pula berlawanan dengan kata-kata “who needs a brain when you have beauty?” hahahaha.... itu jawapan masa zaman umur 20-an dan masih kurang kesedaran laa. Lepas masa berlalu aku rasa aku perlu membuktikan bahawa kata-kata rakanku itu tidak relevan dengan diriku. Bukan aku tak cerdik, tapi sebab aku rasa aku takde la cantik pun hahaha... Lagipun sudah-sudah la aku asyik kena buli, dari zaman kanak-kanak lagi, aku ni jenis yang pendiam tapi bila start bercakap memang orang tak percaya itu karakter asal aku. Aku cakap bila rasa nak cakap, bila datang malas, memang aku tak layan... Masa sekolah rendah memang asyik dok kena buli saja, masa naik sekolah menengah aku up sikit perangai, dah kurang pendiam, jadi boleh tahan la nakalnya. Pastu masa masuk buat first degree, semakin pandai tapi blurr, suci dalam debu la gitue...

Tapi yang bagusnya aku ni jenis kuat kerja, kalau aku tak terlibat dalam sesuatu, aku memang tak ambil ‘pot’ tentangnya, tapi bila dah start buat, sampai habis aku pulun. Jadi aku antara yang dapat grad on time masa first degree walaupun ramai kawan-kawan aku yang sangkut. Walaupun aku ni takde la pandai sangat, tapi sebab aku ni jenis yang bersemangat wajar, independent dan kuat bekerja. Bila lecturer bagi sesuatu untuk study, aku pulun sampai hancur buku. Bila orang bagi aku buat sesuatu, aku tak suka orang kata aku tak boleh buat, jadi aku ni jenis suka sahut cabaran la gitu. Aku pun tak suka buang masa, kecuali tidur, ooppsss... kaki tidur juga aku ni sebenarnya. Kesimpulannya, sekiranya aku dah tahu aku tak boleh buat, aku tak akan ambil tanggungjawab itu, tetapi kalau aku pasti, baru aku menjebakkan diri.

Masa buat master dulu aku beranak tiga, bila habis belajar tu memang aku ingat nak stop je. Aku nekat tak nak sambung belajar lagi sebab rasa serik, liku-liku yang aku lalui masa tu sangat mencabar, maklumlah dengan anak-anak yang masih kecil tambahan dalam pantang pun aku kena siapkan proposal bagi... walaupun banyak pembolehubah-pembolehubah yang boleh menggagalkan, namun aku tidak menjadikan itu sebagai alasan, sampai boleh kata hampir meroyan juga la masa dalam pantang kena siapkan tesis, tapi nasib la aku ni yang jenis kuat semangat, jadi aku siapkan juga la tesis master aku masa tu.

Masa sambung PhD, segala-galanya menjadi mudah, mungkin dah banyak ranjau dan duri kutempuhi, maka aku dah jadi sangat kebal la gitu. Sampai dalam kelas pembentangan proposal aku pulak yang lebih-lebih bagi komen kepada rakan-rakan pembentang, bukannya lecturer, sebab aku tahu mana yang silap dan mana yang betul. Sampai pensyarah aku setuju je apa yang aku cakap, sebab mungkin dia percayakan aku. Jadi aku rasa macam pandai kejap la pada masa tu. Apa-apa pun aku bersyukur, dan yang penting aku nak capaian impian dan hasrat arwah abah aku yang sememangnya dari dulu nak aku jadi doktor, tapi masa tu maksud abah aku ialah untuk jadi doktor perubahan la, tapi aku dapat doktor PhD pun kira ok la kan. Sebab arwah juga yang hantar aku belajar muzik main keyboard masa muda-muda dulu. Aku ingat lagi masa buat persembahan keyboard aku kena ketawa je. Masa first degree pun masa buat persembahan nyanyian dan main keyboard aku sering memalukan diri sendiri. Masalah aku ialah gemuruh yang tak dapat dibendung bila berdepan dengan audian. Aku pulak masa tu boleh kata tak matang sangat dan tak tau macam mana nak mengatasi masalah gementar tu.

Tapi bila dah tua-tua ni aku banyak improve sebab dah banyak belajar dari kesilapan. Jadi nasib aku dikira bertuah la bila mohon biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) KPM untuk sambung PhD tu, sekali mohon je dah dapat. Masa buat master dulu pun gitu juga, sekali mohon dah dapat. Kalau banding dengan kawan-kawan aku yang lain tu ada yang berkali-kali mohon. Jadi aku anggap itu perjalanan hidupku yang telah ditentukan Ilahi, rezeki manusia takde siapa yang tahu, maka bertitik tolak dari situ jugalah membuatkan aku pasang niat yang aku mesti Graduate on Time!

Masa buat PhD, aku seronok gila maklumla cuti sambil belajar, siapa nak senang-senang bagi kan... Jadi bila dah dapat, aku mesti guna sebaiknya. Bila buat kerja ikut masa sendiri, kena pandai-pandailah bahagi masa. Masa tu anak aku dah masuk lima orang, ada yang dah besar ada yang kecil lagi. Sebelum tu aku pernah pakai pembantu rumah, dari anak pertama sampailah ke anak yang ke lima, jadi dalam 15 tahun juga la aku guna pembantu rumah. Tapi bila aku dapat cuti sepenuhnya buat PhD, suami aku cadangkan tak payah lagi guna khidmat pembantu. Pembantu pun ketika itu semakin mahal dan dengan perangai yang macam-macam, ada masa tu pening juga nak selesaikan masalah diorang ni. Jadi masa buat PhD tu aku full time belajar sambil jadi suri rumah tangga sepenuh masa, kira dasyat la tu kan... anak lima kot! hahaha... Tapi iaya la, dengan bantuan suami dan kefahaman anak-anak juga la aku boleh meneruskan ke garisan penamat to win the race. Sebab suami dan anak-anak pun kategori ringan tulang, jadi bolehlah aku lari ke sana, ke sini, ke sana, ke sini sampailah siap kesemua tugas.

Masa buat PhD aku kurang ambil kelas, sebab ada kursus-kursus tertentu yang aku rasa dah faham sesangat. Mungkin sebab masa buat master dulu aku banyak membaca sampai naik tepu otak aku, jadi impaknya masa buat PhD aku jadi cerdik gile hahaha... Memang aku percaya otak kita bila dilatih berfikir akan menjadi kuat, sebab tu la juga aku dapat Anugerah Pelajar Cemerlang masa buat KPLI dulu. Aku rasa otak aku masa buat KPLI asyik kena brain wash membuatkan memori aku menjadi power, hingga tahap bila aku baca satu buku, pastu bila tutup buku pun aku boleh cerita semua kandungan dalam buku tu. Masa tu kawan aku terkejut, aku sendiri pun terkezutt! sebab setahu aku asalnya dulu aku bukanlah cerdik sangat. Tak sangka pandai juga aku rupanya xoxoxo... jadi takde la harapkan muka saje kan :)

Dari cerita aku tu, kejam aku blurr, kejam aku no brain, kejam aku cerdik dan sangat power, pastu komen orang dalam kelas la bla, bla, bla... Tapi bila sampai proses aku sendiri menulis kajian PhD aku, mak aiiii... sebenarnya menangissss.... lebih-lebih lagi masa dah tinggal lima bulan sebelum masuk kerja. Aku pulun bagai nak gile... Rasa banyaknya lagi benda-benda yang aku kena murnikan. Kajian aku tu susah juga la sebab 'Kajian Kes' kualitatif. Melibatkan subjek-subjek yang duduk jauh lepas tu ramai juga la yang terlibat walaupun itu kajian kes. Sebelum dapat jumpa subjek kajian pula, satu semester aku kena tunggu, punya la lama untuk tunggu approval agar dapat ke lapangan dan cerewet prosesnya. Tapi aku gunakan masa tu untuk siapkan bab-bab yang sebelumnya, murnikan penulisan aku yang carca marba asalnya.

Bila semua data dah terkumpul, saat paling sakit aku rasa ialah masa buat analisis data. Mereeng juga la kepala nak siapkan transkripsi temu bual sebab banyak gile... Tapi aku push diri aku up to the max. Tiba time Viva aku bentang dengan yakin sebab dah prepared macam nak berperang. Kini aku telah capai impian untuk G.O.T, Allhamdulillah semuanya atas izin-NYA. Aku bersyukur dapat banggakan keluarga aku, lebih-lebih lagi untuk sampaikan hasrat arwah abah untuk lihat aku jadi doktor, akhir sekali untuk capaikan impian aku sendiri dan membuktikan yang "Beauty Without Brains" bukanlah satu ketentuan tetapi merupakan pilihan!

Terinspirasi untuk melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah kerana saya berjaya menamatkan pengajian peringkat Sarjana Pendidikan pada tahun 2002 dengan sangat cemerlang dengan PNGK 3.90. Alhamdulillah Allah memudahkan sepanjang pengajian di peringkat Sarjana itu dengan rezeki berbekalkan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan diakhiri dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang hasil dari penilaian prestasi oleh penyelia yang sangat membimbing. Beliau tidak lain adalah seorang Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada masa itu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang pendidikan. Tahun 2002 juga bermulalah kerjaya saya sebagai pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, atas persetujuan penempatan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, KPM pada Ogos 2002.

Tahun 2004, rezeki saya bertemu jodoh pada usia 36 tahun dengan jejak pilihan yang dikenali semasa saya aktif sebagai Pegawai Sukarelawan Tentera di Kem Kementah. Maka berubahlah kehidupan saya sebagai seorang isteri dan pensyarah IPG. Pada tahun 2005, Allah kurniakan rezeki lagi kerana permohonan dan temuduga HLP berjaya dengan CBBP. Tanpa lengah, saya membuat permohonan pengajian peringkat Doktor Falsafah di UKM dan membuat keputusan untuk tidak aktif aktiviti ketenteraan. Alhamdulillah, permohonan saya ke UKM berjaya dibawah bimbingan penyelia utama yang sama semasa peringkat sarjana. Walaupun bertugas sebagai pensyarah kontrak selepas bersara, penyelia utama masih kekal dengan sifat keibuan, toleransi dan membimbing. Penyelia kedua adalah seorang pensyarah yang dikenali dengan karakter yang jauh berbeza dengan penyelia utama. Saya aturkan pertemuan masa yang sesuai sebaiknya supaya kami dapat bersama-sama berjumpa untuk percambahan fikiran berkenaan cadangan tajuk kajian dan penulisan.

Disiplin diri melalui pengurusan masa yang bijak serta fokus kepada pengajian merupakan amalan yang sangat membantu saya sepanjang pengajian. Semenjak selepas mendaftar sebagai pelajar UKM peringkat PhD, setiap hari saya peruntukan masa dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang berulang alik dari Gombak ke perpustakaan Fakulti Pendidikan atau perpustakaan Utama Tun Sri Lanang UKM atau perbincangan bersama rakan di bilik pasca graduat fakulti. Tambahan lagi, saya tidak boleh belajar sendirian di rumah ibu mertua kerana kurang selesa. Saya tetap keluar rumah mengikut masa pejabat walaupun kadangkala bukan untuk belajar tetapi berjalan-jalan mencuci mata menghilangkan tekanan belajar di kompleks-kompleks membeli belah sekitar Kuala Lumpur dan Bangi. Saya pernah mengalami tekanan yang sangat tinggi kerana sukar untuk membuat pilihan metodologi yang sesuai. Input dan nasihat dari rakan-rakan berkaitan pilihan sama ada pendekatan kualitatif dan kuantitatif telah menambahkan lagi tekanan sehingga saya menangis yang teramat sangat di dalam kereta secara sendirian kerana masih gagal untuk membuat keputusan. Sesungguhnya air mata merupakan cara terbaik saya untuk melepaskan tekanan yang dialami disamping memohon daripada Allah untuk satu keputusan yang terbaik. Allah menggerakkan saya membuat pilihan kajian kes berdasarkan justifikasi kemampuan diri dan cadangan lokasi kajian.

Amalan mendisiplin diri mengurus masa belajar telah membolehkan saya membenteng usulan pada akhir semester 1. Pada awal tahun 2006, saya berada di semester 2 dan saya disahkan mengandung. Bermulalah episod cabaran 3 bulan pertama kandungan saya sentiasa muntah-

muntah. Pada masa yang sama juga saya perlu ke sekolah-sekolah sekitar Kuala Lumpur bagi tujuan pengumpulan data. Kadang kala saya muntah yang banyak di dalam kereta sebelum memandu ke lokasi kajian. Disebabkan azam dan fokus kepada pengajian, saya terus melaksanakan pengumpulan data secara pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual subjek kajian sehingga bulan september seperti yang saya tetapkan. Pada bulan September itu juga saya berehat selama 2 bulan kerana bersalin dan berpantang di rumah ibu mertua dan rumah ibu kandung di Johor. Pengalaman mempunyai anak sulung semasa cuti belajar sangat membahagiakan kerana tidak tertekan dengan tugas-tugas pejabat membolehkan saya fokus kepada pengajian. Alhamdulillah sekali lagi urusan menjaga anak dipermudahkan kerana jiran ibu mertua sudi untuk menjaga sepanjang saya keluar untuk menganalisis data di perpustakaan Hospital UKM, Cheras.

Saya memilih untuk menganalisis data kualitatif di situ kerana lebih dekat berbanding ke Bangi dan saya dibenarkan kerana mempunyai kad matrik pelajar UKM. Mendengar rakaman temu bual, dan menulis transkripsi temu bual di situ secara disiplin telah memudahkan saya menghasilkan menulis dapatan dengan tenang tanpa tekanan. Tambahan lagi, perpustakaan tersebut dikunjungi oleh doktor-doktor pelatih yang rajin mentelaah pelajaran sesuai dengan bidang kerjaya profesional mereka. Akhirnya saya berjaya membenteng kemajuan penyelidikan pada semester 5.

Semasa saya di semester 6, anak telah berusia setahun yang terserlah perkembangan diri yang sangat baik. Keletah anak sentiasa mengganggu ingatan saya semasa belajar. Maka saya membuat keputusan untuk menulis bab terakhir di perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) kerana lebih hampir dengan rumah. Masih mengekalkan amalan disiplin diri mengurus masa, saya berjaya menyiapkan keseluruhan penulisan. Tambahan lagi, banyak rujukan dengan bidang pengajian saya ada di perpustakaan UIA memudahkan saya menulis perbincangan dan rumusan di situ. Di kala saya dalam proses untuk membenteng pementapan penyelidikan, penyelia utama telah dijemput untuk menjadi pensyarah pelawat di sebuah universiti di luar negara selama 3 bulan. Pada masa ketiadaan beliau itu, sekali lagi saya mengalami tekanan kerana berurusan dengan penyelia kedua yang kurang membantu. Sekembali penyelia utama ke tanah air, beliau merasa kecewa kerana sikap penyelia kedua yang sepatutnya boleh membantu saya untuk semakan terakhir sebelum viva.

Semester 7 merupakan semester akhir saya kerana proses semakan penulisan keseluruhan tesis oleh penyelia utama berjalan dengan lancar. Beliau juga telah mencadangkan pembaca dalam dan luar yang dikenalnya. Sepanjang proses menunggu hari viva, saya masih berjumpa dengan penyelia utama untuk membincangkan soalan-soalan yang mungkin akan diutarakan oleh panel-panel viva. Saya juga kadang kala membantu mengambil alih kelas pelajar sarjana beliau apabila diminta. Saya juga sempat membenteng penyelidikan saya di Seminar Antarabangsa di Brunei sebelum viva. Pembentengannya itu merupakan satu usaha yang mungkin akan ditanya semasa viva.

Januari tahun 2009, saya membuat keputusan untuk menamatkan CBBP kerana telah bosan untuk menunggu hari viva yang memakan masa lebih dua bulan. Sekembalinya bertugas semula di IPGKIK, rutin kehidupan saya jauh berubah dengan kesibukan tugas di tempat kerja. Alhamdulillah, saya dapat membuat pembetulan minor selepas viva dengan mudah. Akhirnya, surat pengesahan senat UKM meluluskan pengajian PhD diterima pada bulan Ogos tahun 2009. Maka berakhirilah perjalanan pengajian PhD saya selama 3 ½ tahun pada usia 40 tahun dengan kenangan yang tidak boleh dilupakan selamanya.

Everyone who pursuit a PhD has his or her own story. Here is my ‘story’. It was my dream to get a PhD before I reached 40. So, I first started pursuing my PhD journey at the age of 35, shortly after I completed my master’s degree from UKM. I tried to apply Hadiyah Latihan Persekutuan (HLP) Scholarship. To my disappointment, I failed, I didn’t even be called for an interview. The following year, I tried, again I failed. Then I tried for the third time, again I failed. Then I gave up. So, I started doing my PhD part time. It was a big challenge for me as I had to balance my career as a lecturer, a mother of four, a wife and a daughter. Again, I failed. I told myself that perhaps PhD is not my ‘thing’, I should focus on something else. However, Allah is the best planner. In 2012, the HLP scholarship was advertised, I was not interested at all. My best friend told me about it and encouraged me to try again for the fourth time. I told my husband, “I have tried applying for the scholarship to do my PhD in local universities, for this time around can I try for overseas university?”. My husband said yes which was a big surprise for me as he was not keen to let me do my PhD overseas. At the same time the late Dr Aziz Jantan, the lecturer from Jabatan Pendidikan Khas played a very significant role in motivating me to do my PhD overseas. I was drawn to his PhD experience and silently, I have to admit that he was my inspiration. So, I tried applying for the HLP for the fourth time. Alhamdulillah, I was called for the interview. To me it was one of the greatest achievements. When I went for the interview, I was 7 months pregnant with my youngest son. I still remembered stepping into the interview room, it was one of the scariest experiences. It went well but I would not forget one of the questions the interviewer asked me, “You are heavily pregnant, how can you manage your study when you have a baby?”. I was stunned by the question and really thanked God for not being able to speak out because sometimes “silence is golden”. Deep in my heart I was a little bit hurt by the question. How could a person who did not really know me questioned on my capacity to work within my own circumstances? However, I took this as a challenge. I promised myself to prove that as a mother of five I can still do PhD.

Alhamdulillah, in December 2012, during my confinement, I received the news that I got the scholarship to pursuit my PhD overseas. That was the real beginning of my PhD journey at the age of 40 as what Allah plans for me. The power of continuous dua and patience which I learnt from this experience. My whole life changed after I agreed to the terms and conditions of the HLP. When I was still in confinement, I had to go through a 3-week induction course in Port Dickson. I had to bring my baby and 4-year old daughter to the hotel. I must thank my dad for allowing my mom to be by my side to take care of the children for three weeks and of course my room mate too. It was a challenge for me as I must ensure I had sufficient milk for my baby. Sometimes during the break, I had to go back to the room to breastfeed my baby. Of course, there were times, I questioned myself “Why did I do this to my baby and family?”. But my mom always gives me the “pill” which was her words. She said, “finish what you have started, don’t worry about the kids, I am here”. That made me strong!!

During the induction courses, I learnt so many things from the facilitators’ experiences including Dr Jamilah, Dr Bushro, Dr Norliza to name a few. I remembered what Dr Norliza told us, “no matter how hard the journey is, don’t forget to smell the roses along the way.” Those words were like a therapy to me as I tend to be overwhelmed with PhD work that sometimes I forgot to take a deep breath and be aware of my surroundings. Then came the next challenge, which

was applying for the universities. It was not easy. Each university in the United Kingdom has their own system particularly in applying for the courses. I ended up applying more than 10 universities. Luckily, I did not have to pay for the application forms. I also had to go through seven skype interviews and got rejected from few universities. I was panicking as I was running a little late. I was supposed to fly in September or October, thus in August, I was still lost! I wanted to go to Nottingham University but because of so many things happened, I had to decline the offer. Then, Leeds University offered me a place, it was a blessing and I had to prepare applying for the Visa, NHS, passport for the whole family within a short period of time. At the same time, my second son had to do his UPSR exams, I had to prepare the clothes to bring, to sell the car, to clear the house and to settle my work before flying to Leeds. It was hectic and chaotic, my life was a mess!

When we arrived in the UK, everything was new especially to my children in terms of the weather, food, language, culture etc. They were excited at first but then they started to miss their friends, schools, routines, food, and everything else. For the first two weeks in Leeds, we were 'homeless', we had to depend on one of the students' residents and public transportation which was a bit difficult for us as we were a big family. I was famous for "Kak Liza and Abang Moktar, anak ramai tu...". It was funny really. Alhamdulillah, the Malaysians and the student's community in Leeds helped us in coping with the situation. After two weeks, we managed to get a house which was a bit far from the university, but we were thankful for that. The children had to get used to the school culture there and to make new friends. I know it was not easy for them. My third son became quiet because he was not able to adapt with his new surrounding, not as fast as his brother and sister. He struggled with the language. My daughter Alisha became too clingy and always like to cry. Nawfal, my youngest always had his runny nose. However, the school there was wonderful as they offered support for children who just arrived in the UK and who had limited access to the language. I had to start my PhD journey with all these in my wagon. Alhamdulillah I was not alone, I have my husband who really helped me to go through all of these challenges.

My first year was a bit of a challenge as I had to change my supervisors. I felt a little bit lost, but I managed to find ways. Within nine months (upon my registration) I had to go through the process which was called the "upgrade". Even though I passed my "upgrade", I had three-months correction because the examiners said that my proposal was not "ripe" yet that it needed a lot of work to be scrutinized for. It was so difficult as I had to change my framework as well as I had to search and add some of the suitable models and theories to support my study. So, I ended up combining ecological theory with model of attitude. For me, it was scary as I was a newbie in the academia world. Should the expert challenge my work, would I be able to defend for what I believe. But I persevered and was resilient as I had the support from my supervisors who believed in what I was doing. That was enough to keep me going. It was worth it as I had to breastfeed the baby in front of my laptop while preparing for my proposal. Alhamdulillah.

The second year was yet another challenge. After getting my ethical clearance, I was able to go back to Malaysia to collect my data. I was given only three months to complete my data collection, both quantitative and qualitative. I had to bring along my baby as he was still breastfeeding. I wasted four weeks waiting to get my respondents and because of that I had to change my data collection from sequential design to parallel design. I had to decide as quickly as I can because I was fighting against time. I remembered emailing to both of my supervisors crying for help. Alhamdulillah, they supported my decision and asked me to include a mini chapter about the process that I went through. They really appreciated on what had happened to me as they said it was my learning process. After the crucial decision, I managed to get both my quantitative and qualitative data simultaneously. Alhamdulillah.

The third year I faced another challenge in analysing the data. It took me almost a year to analyse both quantitative and qualitative data. Throughout the process, I went through many series of courses for Nvivo and using SPSS which I took physical and MOOC classes called “Statistics for Dummies” like me. It was fun though as I enjoyed every bit of the lessons. I was too overwhelmed with processing the data that I forgot to smell the roses along the way. My supervisors were so worried about me, so they asked me to take a break. They said, “Liza, go on holidays, don’t come to Uni”. I was banned to come to the university by my own supervisors!! There must be something serious. Coffee after coffee, chocolates, junk food that one of my office mates commented, “Liza, your table looks like a supermarket!!”. Then I realised that I also had neglected my family. I paused for a while and focused on my family as my husband had to undergo minor surgery to remove stones in his gallbladder. It was like a slap on my face. For the first time, I felt lost, alone and numb. He was hospitalised for two weeks. After he recovered, I decided to go for a holiday and spent time with my family. It was the best decision I had ever made. I felt so relieved and refreshed.

The fourth year was one of the greatest challenges that I had to endure. I had only a few months to submit the thesis because my target was to have my viva before flying back for good. I put the pressure on myself, yet I had not realised that it had taken a toll on my health. I noticed I had rashes on my skin, I thought I was allergic to pollen, but it wasn’t. It was because the hormonal changes where my body reacted to it by developing rashes all over my body. I started gaining weight as I could not control my diet. I worked from 8 a.m. till 10 p.m. (luckily it was summer) everyday, seven days a week, non-stop. Finally, I managed to get the whole thesis ready to be sent to both of my supervisors. They took almost two months to read my thesis and I was running late! When I got back the thesis, I was so shocked to read the comments and feedbacks. It was massive!! They even proofread my writing. I cried for two days because I was not sure if I could attend to all comments and feedbacks within a short period of time. My supervisor even came to my office to check on me because she knew I would be upset. I nearly gave up. I was tired, mentally, physically and emotionally. After crying non-stop for two days, I bounced back. My office mates and my husband kept supporting me to pick up the pieces and move on. So, I did.

I was so happy as the school managed to schedule my viva. It was supposed to be on my final week in the UK. For me, the timing was perfect. I was mentally and emotionally prepared. However, Allah had another plan for me. My external examiner had to undergo an operation on the same day as my viva date and they had to reschedule my viva. It was on the 5th of December 2017 the same date as Nawfal’s birthday, my PhD baby. So, I went back to Malaysia and posted to IPGKIK. I flew back to UK three days before my viva. Alhamdulillah, it went well and smooth. I went into the viva room (actually it was the Head of School of Education’s room) together with my supervisor. The viva process was like a process of getting more understanding after scrutinising the thesis. It was more on academic discussions rather than the feeling of defending myself. I felt like it was more on giving clarifications on my work. I really enjoyed my viva as both internal and external examiners were trying their best to put me on ease. After the viva, I was asked to leave the room. It was the longest 20 minutes of my life. Then both of the examiners came with the Head of School of Education with their big smile on their faces. I was still nervous, and I could even hear my heart pounding and beating so fast. Then they announced that I passed my viva with minor corrections. Alhamdulillah. My best friend, office mates, school mates and both of my supervisors were cheering for me. I could feel tears of happiness coming down, yet I still could not comprehend as it happened too fast. It was the end of my journey. All I could hear was “Congratulations Dr Liza”!!!



How I wished for my husband and my children to be with me at that moment because this journey was not only my PhD journey, but it was also their journey. PhD is beyond the process of getting knowledge, but it is a school of LIFE!! I was glad that I was able to smell the roses throughout my PhD journey. I am very grateful for the opportunity to attend University of Leeds as the university provided facilities and fulfilled every postgraduate dream to have an office, a desktop with built in SPSS, Nvivo, unlimited free access to references and journals, facilities to work from home, printers, papers, expanses for attending or presenting conferences around UK and European countries and many others.

Yes, at the age of 45, this mother of five, a wife, a daughter finally has achieved her dream. Alhamdulillah. Allah is the greatest planner!

Setelah aku menghabiskan pengajian peringkat sarjana pada tahun 2015, hati masih mencari arah sama ada untuk meneruskan pengajian peringkat PhD atau pun tidak. Ini kerana, aku tidak yakin dengan kemampuan kalau-kalau aku bakal kecundang di tengah jalan. Rata-rata kisah yang aku baca dan dengar menceritakan perjalanan PhD suatu perjalanan yang sunyi dan penuh pancaroba. Namun, ku gagahi jua setelah berbicara pada sang suami dan beliau menyatakan persetujuan dengan tekadku ini.

September 2016

Aku mendaftarkan diri sebagai pelajar PhD di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang selama ini tidak pernah terlintas di fikiranku. Sebagai pelajar separuh masa dengan biaya sendiri aku tanamkan dalam diri, aku perlu menghabiskan pengajianku dengan target waktu yang telah ditetapkan. Walaupun ku rasakan ia tidak semudah pelajar PhD yang mendapat cuti belajar sepenuh masa kerana aku perlu membahagikan pengajian dengan komitmen kerja, aku tetap yakin dengan izin Allah aku mampu mencapai impianku ini. Aku bertemu dengan rakan-rakan baharu yang semuanya mendapat cuti belajar sepenuh masa dan menjadikan mereka sebagai pendamping supaya semangat dan kekuatan mereka dapatku tanamkan dalam jiwa.

27 Januari 2018

Setelah melalui beberapa fasa dalam penulisan tiba masanya aku gagahkan diri untuk menghantar penulisan tesis bab 1, 2 dan 3 sebagai persediaan untuk proses usulan. Bulan Januari 2018 menjadi saksi pertama kali aku membentangkan kajianku kepada pembaca dan juga rakan-rakan. Alhamdulillah aku mendapat feedback yang positif dengan beberapa penambahbaikan daripada pembaca. Kini aura semangat itu terus membara dan meluap-luap, tanpa membuang masa aku terus turun kelapangan bagi sesi pengutipan data. Walaupun terasa perit kerana sekolah-sekolah yang dipilih asing dan jauh bagiku tapi aku kuatkan diri dan jadikan proses pengutipan dataku sebagai suatu proses yang menyeronokan, maka ia dapat diselesaikan dengan mudah.

26 Januari 2019

Setelah selesai proses mendapatkan data dan selesai penulisan bab 4, tanpa membuang masa serta dengan persetujuan kedua-dua penyeliaku, aku terus menghantar borang untuk proses selanjutnya iaitu proses kemajuan. Tujuan kemajuan diadakan adalah untuk memberi peluang pelajar melaporkan hasil penemuan dapatan kajian mereka. Justeru bulan Januari menjadi saksi bulan aku membentangkan hasil kajian kepada umum dalam seminar yang diadakan.

27 Julai 2019

Ia merupakan tarikh aku membentangkan keseluruhan tesisku iaitu bab 1 sehingga bab 5 semasa peringkat 4. Semasa peringkat ini aku terasa aura yang mendebarkan kerana pembacaku iaitu Dr. Azizi telah hadir dalam sesi pembentanganku ini. Malahan pada pagi itu juga ramai rakan-rakan hadir untuk mendengar pembentangan hasil kajian ku secara keseluruhan. Namun, aku perlu kuat dan yakin bahawa ini merupakan hasil kajian asliku dan perlu membentangkan dengan sebaiknya. Alhamdulillah dengan izin dari-Nya, pembentangan aku pada hari tersebut berjalan dengan lancar dengan beberapa sesi soal jawab dengan pembaca juga rakan-rakan. Ia menaikkan lagi semangatku kerana tidak banyak teguran yang ku terima justeru aku perlu

menyempurnakan tesis ku dengan secepatnya untuk proses VIVA.

Januari 2020

Bulan ini merupakan bulan yang paling indah dalam hidupku. Bulan ini menjadi saksi di mana sebuah pengorbanan, air mata dan keringat yang aku curahkan sepanjang pengajianku ini menjadi senyuman atau mimpi ngeri buatku. Bulan ini aku akan menghadapi peperiksaan lisan atau dalam erti kata lain proses VIVA yang akan menjadi penentu kejayaan atau kegagalan kepada penulisan tesisku.

21 Januari 2020, 8.30 pagi

Sesi aku bermula, aku membentangkan kajianku di hadapan pembaca dalam dan luar, pengerusi, beberapa wakil fakulti serta penyelia. Masa yang ku ambil sekitar 45 minit untuk mempertahankan tesis dengan beberapa soal jawab dapat ku sempurnakan dengan sebaiknya. Kemudian aku perlu keluar dari bilik VIVA sebentar bersama dengan penyelia bagi memberi ruang kepada ahli panel untuk membuat keputusan sama ada aku berjaya atau tidak. Setelah itu mereka memanggilku kembali dan keputusannya aku LULUS dengan MINOR CORRECTIONS selama tiga bulan. Alhamdulillah dengan izin dari-Nya...doa daripada sang suami, kedua-dua penyelia, keluarga dan rakan-rakan aku berjaya mengapai cita-citaku.

22 April 2020

Akhirnya surat yang ku tunggu-tunggu telah tiba iaitu surat senat daripada pihak UKM dan aku telah dianugerahkan gelaran Dr. ketika usia ku 35 tahun sepertimana target yang telah ku tetapkan, malahan aku dapat menghabiskan pengajianku kurang daripada tarikh yang ditetapkan oleh fakulti sebagai pelajar separuh masa.

Terima kasih buat suami tersayang En. Nasrun Ahmad, ibu ku Pn Khadijah, keluarga mertua, kedua-dua penyelia kesayanganku Dr. Isa dan Dr. Khadijah, mentorku Dr. Zahiah Haris, rakan-rakan kesayanganku Dr. Fariahah, Dr. Fatahiyah, Dr. Sri Andayani dan Salmah Salleh atas segala bantuan yang telah diberikan. Terima kasih kerana kehadiran kalian telah memberi sejuta kegembiraan buat diri ini.

Dr. (PhD) gelaran bagai mimpi. Tidak pernah berangan, jauh sekali menjadi sebuah impian yang ingin digapai, namun segalanya berubah setelah aku menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Sosiologi Pendidikan di Universiti Malaya pada tahun 2003. Aku ditempatkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) (dikenali sebagai maktab perguruan pada waktu itu) apabila permohonan ku untuk kembali ke sekolah ditolak oleh Bahagian Penempatan setelah tamat cuti belajar, dengan alasan aku pemegang biasiswa Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Maka bermula tugas ku sebagai seorang pensyarah di IPG. Aku dimasukkan ke Jabatan Ilmu Pendidikan, sesuai dengan bidang Sosiologi Pendidikan yang ku sandang. Mengajar kursus Sosiologi Pendidikan pelajar-pelajar yang mengikuti program berkembar dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) selama tiga tahun membuat aku berasa kerdil di hadapan profesor-profesor universiti tersebut setiap kali tiba waktu menggubal soalan peperiksaan dan ketika penyelarasan skema pemarkahan. Walau pun soalan-soalan dan skema markah yang dibuat diterima tanpa banyak pembetulan. Prof. Datin Dr. Sharifah Md Nor (UPM) dan Prof. Dr. Noraini (UIA), dua nama besar dalam bidang Sosiologi yang menjadi partner ku mengajar, merangkap sifu dan tempat rujukanku. Tugasku ini membuat aku mencabar diri untuk belajar di peringkat PhD dan dengan azam ingin menambah ilmu dan meningkatkan kualiti akademik pensyarah IPG, aku memohon biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di peringkat PhD dalam bidang Sosiologi Pendidikan dan Alhamdulillah pada 2008 aku diterima masuk ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan biasiswa penuh KPM, maka bermulalah PhD journey ku...

Pada minggu pertama setelah mendaftar, aku membuat temu janji dengan pensyarah penyelia utama Prof. Puan Seri Dr. Faridah Karim (moga Allah sentiasa merahmati beliau), nama besar dalam bidang Sosiologi di UKM. Setelah berjumpa dan berbincang, beliau meminta aku untuk memilih teori-teori yang berkaitan dengan kajian aku dan membuat justifikasi pada setiap teori yang dipilih, tempoh masa sebulan diberi sebelum aku diminta untuk membenteng di hadapan beliau. Begitulah seterusnya aku dibimbing secara berkala untuk menyiapkan proposal ku. Dalam perancangan aku, proposal perlu dibenteng pada Semester 2. Ketika aku berada di penghujung Semester ke 2 (sedang kalut menyiapkan proposal), handphone aku berdering, nombor yang tiada dalam simpananku tertera di skrin. Setelah memperkenalkan diri dari pihak Tabung Haji, pertanyaan dari pegawai Tabung Haji tersebut seolah-olah membuat jantung aku terhenti seketika, terkejut, gembira, teruja, takut semua bercampur baur "Puan, nak pergi ke kalau naik penerbangan awal?" Tanpa berfikir panjang aku jawab, "Ya, saya nak pergi walaupun penerbangan yang pertama." jawabku spontan. Aku telah dijemput sebagai tetamu Allah untuk menunaikan fardu haji bersama almarhumah ibu, (moga Allah menempatkan almarhumah ibu tercinta bersama orang-orang beriman- al-Fatihah). Subhanallah tempat yang selalu menjadi impianku. Aku terus berjumpa dengan supervisor (SV) untuk memohon restu dan memaklumkan bahawa aku akan berangkat ke Mekah menunaikan fardhu haji selama 48 hari dan aku tidak dapat berhubung dengan beliau dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh hanya seminggu aku mempersiapkan diri untuk ke Tanah Suci Mekah, proposal aku terpaksa lupakan buat seketika, dan aku berada di Mekah menunaikan ibadah tanpa gangguan dengan tesis ku. Dua hari balik setelah pulang dari menunaikan haji, aku menyambung penulisan ku yang terhenti hampir 2 bulan. Alhamdulillah dalam tempoh dua minggu aku berjaya menghantar proposal untuk dibenteng.

Awal semester ketiga, aku membenteng proposal aku dan diterima tanpa banyak pindaan, syukur pada Allah. Pengesahan instrumen aku perolehi daripada Prof. Datin Dr. Sharifah Md Nor, UPM (sifu ku), almarhum Prof. Dato' Dr. Mohammad Raduan bin Mohd Arif, UM (Moga Allah mencucuri rahmat ke atas roh beliau), Prof. Dr. Kamarul Syukri bin Mat Teh, UniSZA (Sekarang TNC Akademik dan Antarabangsa UniSZA) dan PM Dr. Zaharah binti Husin, UM. Insan-insan hebat ini telah membantuku dengan sangat baik walau tanpa upah satu sen pun, dan maklum balas mereka juga sangat cepat walau masing-masing aku pasti sangat sibuk dengan tugas harian mereka. Dalam masa kurang lebih dua minggu semua komen dan maklum balas aku terima sama ada melalui emel atau aku sendiri berjumpa di pejabat mereka, moga segala keringat mereka diterima sebagai amal ibadah yang berpanjangan.

Setelah pembedulan dibuat dan pengesahan semua item soal selidik, aku terus bergerak untuk mengutip data (kajian aku kuantitatif sepenuhnya) di sekolah-sekolah FELDA negeri Johor. Ketika mengutip data ini memang agak mencabar, ini adalah disebabkan sekolah-sekolah FELDA (sebahagian besar) terletak di kawasan yang agak pedalaman. Mujur datang sekali lagi, aku mendapat kerjasama yang sangat baik dari pengetua, PK HEM dan kaunselor yang banyak membantu untuk mengedarkan soal selidik kepada pelajar.

Aku mengambil masa lebih kurang dua bulan untuk mengedar dan mengutip data kajian. Dua hari penuh aku key in data membuat analisis. Banyak juga liku-liku yang aku hadapi ketika key in dan analisis data, dengan laptop yang terus padam, data yang telah dianalisis hilang, terpaksa buat semula dan lain-lain, tapi masih boleh diurus, aku anggap ini adalah perkara biasa dalam journey ini. Cabaran aku yang paling besar bermula bila SV utama ku telah tamat kontrak secara tiba-tiba, sewaktu aku datang untuk tunjukkan hasil analisis, beliau memaklumkan bahawa kontraknya akan tamat dalam tempoh sebulan lagi, Ya Allah, aku bertanya sama ada SV kedua ku yang akan menggantikan beliau, katanya tidak. Bahu aku terasa berat tiba-tiba, kepala berdenyut serta merta, mata aku rasa berpasir. "Tak per Wan, siapkan penulisan Bab 4, sempat saya tandatangan borang untuk hantar peringkat kemajuan" katanya memujuk ku. Tanpa alasan, aku berkata "Insya-Allah Prof., saya cuba siapkan". Tanpa berlengah aku menulis Bab 4-Dapatan Kajian dalam tempoh masa kurang sebulan, mengisi borang kemajuan untuk diperaku oleh SV sebelum beliau pencen dua hari kemudian. Semasa aku mendaftar di semester 5, tertera nama baharu seorang pensyarah Prof. Madya sebagai SV utama ku dan nama SV kedua tak muncul sebagai SV.

Aku meneruskan pembentangan di peringkat kemajuan dan diterima untuk meneruskan pengajian. Selepas pembentangan, aku bertemu dengan SV baharuku dan memaklumkan progress tesisku serta menerangkan secara ringkas bidang kajian ku, Alhamdulillah beliau menerima tanpa bantahan, katanya, teruskan apa yang dah dibuat. Aku meneruskan penulisan Bab 5, tanpa sedar semester 5 berlalu dan ketika mendaftar untuk Semester 6, sekali lagi SV utama ku berubah nama, Subhanallah, ketika aku berjumpa dengan SV baharu dan menerangkan tentang kajian ku, beliau meminta aku untuk menambah data kualitatif, Ya Allah, aku dah menulis Bab 5, dan diminta untuk kembali memungut data lagi, dugaan apa yang aku harus hadapi. Aku membantah (walau pun tak patut melawan guru) dengan menyatakan bahawa aku telah pun benteng peringkat kemajuan dan telah diterima.

Aku meneruskan penulisan Bab 5 dengan bantuan mantan SV ku yang telah pencen (terima kasih Prof. Pn. Sri... jasamu tidak terbalas). Alhamdulillah, aku menyiapkan penulisan tesisku sebulan sebelum cutiku tamat. Sebulan sebelum mendaftar aku pulang ke kampung untuk bersama ibu yang kurang sihat, sempat menjaga beliau, dan itulah kali terakhir aku menatap wajah ibu, yang kembali mengadap pencipta (moga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan

ditempatkan dalam kalangan orang beriman) dua hari sebelum aku kembali bekerja. Selepas itu bermulalah waktu aku menunggu perakuan dan pengesahan dari SV untuk aku menghantar tesis peringkat pematapan. 9 bulan aku menunggu, umpama orang mengandung dan melahirkan. Aku terpaksa memohon pelanjutan 6 bulan ke Bahagian Biasiswa, dan diterima. Begitulah seterusnya, waktu aku banyak dihabiskan dengan menunggu. Menunggu untuk pengesahan pematapan, menunggu untuk dipanggil viva. Aku kembali bertugas pada 27 November 2011, dengan rasa sedih baru kehilangan ibu, sibuk dengan tugas-tugas harian, di tambah dengan waktu kerja sehingga 4.30 petang (Sebelum belajar waktu kerja ialah sehingga 1.30 petang) membuat aku terlupa bahawa journey PhD ku belum berakhir. Setelah 9 bulan menunggu, aku menghantar tesis untuk pematapan tanpa maklum balas dari SV dan aku meminta beliau untuk tanda tangan walaupun nampak macam tidak sopan. Aku terus menunggu, biasanya dalam 3 bulan atau kurang akan dipanggil untuk pematapan, tapi tidak berlaku padaku, sehingga suatu hari aku dikejutkan oleh rakan baik ku di jabatan, “Wan, dah lama ni, cuba call pihak UKM, bila boleh bentang.”. Memang betul kata sahabatku, dua minggu selepas aku call pihak UKM, aku dipanggil untuk pematapan, dan 6 bulan selepas itu akhirnya aku melepasi viva pada 2013 dengan 3 bulan pembedahan.

Kita merancang, Allah juga merancang, dan Allah adalah sebaik-baik perancang (Surah Ali Imran: 54). Begitulah perjalanan aku ketika menyiapkan PhD. Jadual belajar yang sistematik, motivasi diri yang tinggi, disiplin, penyelia yang sangat membimbing dan membantu, kesihatan yang baik semua ini bukan jaminan untuk menyiapkan PhD dalam tempoh masa yang ditetapkan kerana kita bukanlah sesiapa...Kita sering mendengar “Allah tidak memberi apa yang kita harapkan, tapi Dia memberi apa yang kita perlukan. Kadang-kadang kita rasa kecewa, sedih, dan terluka. Tapi jauh di atas sana Dia sedang mengatur yang terbaik untuk kita”. Walaupun pelbagai cabaran yang dilalui, jika masa berputar kembali, jika ditanya, adakah aku akan mengikuti pengajian PhD? jawapannya tetap “ya” kerana ia merupakan perjalanan yang sangat banyak memberi manfaat dan juga mengujakan, aku gembira dan tidak pernah menyesal memilih jalan ini. Journey ini menjadikan aku lebih tabah, sabar, menghargai setiap apa yang ada dan orang-orang di sekelilingku, sentiasa ada rasa ingin membantu dan lebih optimis terhadap masa depan.

Sepanjang journey PhD ini, banyak pelajaran dan pengajaran yang telah diriku peroleh, walaupun ada kalanya terdapat liku-liku dan halangan yang tidak kita jangka, dan ini juga yang membuat kita lebih sabar, tenang dan bersungguh-sungguh. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dan memberi sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang journey ini. Pengajaran besar yang aku perolehi ketika aku menyiapkan PhD adalah “kita bukan sesiapa...” tanpa bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak mana mungkin tesis PhD ini akan terhasil dan mana mungkin gelaran Dr. aku perolehi. Sehingga kini perasaan itu kekal dan terus menebal walaupun setelah 7 tahun, bahawa kita juga bukan sesiapa, perlu ada insan-insan yang membantu kita melaksanakan tugas-tugas dalam kehidupan kita sehingga nyawa terpisah dari jasad juga kita memerlukan insan lain yang mengurus diri kita untuk ke tempat yang abadi. Moga waktu singkat yang masih tersisa memberi ruang dan masa untuk aku membantu insan lain walaupun tidak sebanyak dan sehebat insan-insan mulia yang telah membantu ku untuk sampai ke garisan penamat perjalanan PhD ku.

Terima kasih semua.

We are not truly aware of our own abilities unless we are put in a situation that test us. This is very true in my case as I embarked on my three-year Ph.D study in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in the field of Teaching of English as a Second language (TESL) with the aid of a scholarship from the Ministry of Education, Malaysia. I was a year behind my husband who had also obtained a scholarship to do his Ph.D study in Special Education at the same university. I moved with my two children and settled in Bandar Baru Bangi for the duration of my study.

A paradigm shift in the way I looked at myself was required. I was no longer a lecturer in IPG but was a student now depending on others to help me in finding my way through piles of materials to read, understand, digest and come up with a worthwhile thesis accepted by my supervisor, internal and external examiners as well as the university. Even though it took me some time to adjust to this new role that I had taken on, I realised that the role of a student was something that I enjoyed myself. It fitted my nature as someone who is inquisitive and wanting and willing to learn and try new things.

My student days became a routine with getting up early to send my children to school first before heading to the library in UKM. The main library in UKM, Tun Sri Lanang Library, which was founded in 1970 is 220,000 square feet, red-bricked, grey wall building which has five levels and is well stocked with more than three million reading materials in various medium especially for TESL. I tried to spend as much time there as I could as we also had the use of the library at the Education Faculty. In addition, we had a comfortable air-conditioned room specially for post-graduate students for discussion and ample spaces for writing our thesis. This was especially beneficial as one who is doing his or her post-graduate studies is not alone in the educational journey. The opportunity to discuss with fellow post-graduate students was invaluable as the sharing of knowledge, experience, materials as well as moral and emotional support was a gift from heaven as a PhD journey comes with its ups and downs.

A PhD supervisor plays an important role in helping a student complete his or her thesis on time. Some are fortunate to get helpful supervisors and some may be less fortunate. I had the good fortune of getting an expert on reading as my supervisor which matched well with the area of study that I wanted to research on. She was blunt and critical but was a person with a heart of gold. She had more faith in my abilities than I on myself especially when I had doubts about completing my thesis. I guess she saw something in me that was worth saving and made sure

I completed my thesis no matter how long it took. I discovered that relationships change over time, what started as supervisor-student relationship between us evolved over the course of my post-graduate study into a friendship that I truly value and will always cherish to the extent that I still keep in touch with her and meet up with her whenever the opportunity permits.

I enjoyed myself during my days of post-graduate study in UKM. The programme there is tailored well to help students graduate whereby not only were there regular consultations with experienced supervisors, but we get the opportunity to see our progress through a structured programme. We shared our progress through three phases of presentation which included the

proposal presentation, the development or kemajuan phase as well as the pemantapan phase prior to sending our thesis for external reading. During all these phases of presentation, assigned internal examiners in the university as well as the supervisors sit in the presentations and not only provided a written report of their examination of our progress but also oral comments and suggestions to help the students to revise their work. I found this form of guidance other than that given by the supervisors very helpful for novice researchers like me. Aside from the fact that the internal examiners were carrying out their professional responsibilities, the care and academic concern shown by the internal examiners is much appreciated and deserves to be mentioned here.

A PhD student not only relies on the supervisor but more importantly on himself or herself especially as the majority of the learning responsibility undertaken lies on his or her shoulders. I discovered a lot about myself during my years of study, my tenacity, perseverance and the spirit of not giving up on things. I did my Form Six in Sekolah Tinggi Bukit Mertajam or commonly known as BM High School, which at that time had co-education only for Form Six classes. This school's motto 'Accomplish or Do Not Begin' became my mantra during my PhD study. Whenever I had my moments of doubt, I would fall back on this motto. It motivated me to continue and persevere. I believe in the concept of follow-up and follow-through in whatever I do. This was especially true in completing my post-graduate study. I wanted to complete it not for anyone, not so that people can call me 'Dr', but for myself even though it took me some time to complete it. Completing my Ph.D study was a journey for me, not a destination, a journey of self-discovery. I discovered if we set our minds and hearts on accomplishing something, with God's grace and faith in our own abilities, we can do so.

My PhD journey had its ups and downs as success in completing something usually does not come easily. I discovered that time and tide wait for no man. Thus, the three years given for the study should be managed well. One needs to be self-disciplined and go the library or rooms provided for post-graduate students diligently as if going to work from 8.00 in the morning to 5.00 in the evening. This does not mean there is no rest time for us. I believe that 'All work and no play make Jack a dull boy' is true in this matter. What is important is one needs to schedule, manage and prioritise their time well.

One unforgettable incident during my PhD days was when our home was burgled one night in Bandar Baru Bangi. In this unfortunate incident, both my husband and I lost our laptops that contained all our work done thus far as well as valuables. No arrest was made, anyway we did not expect the police to capture the culprit or culprits. We were feeling down for some time, but we picked ourselves up to redo all our work again. What I learnt from this bad experience is whenever we are undertaking any study be it short term or long term, we need to store our work in a numbers of places be it in a pen drive or better still email it to our own email addresses to ensure we can retrieve them after any unwanted incidents like this.

As all good things come to an end, so did my PhD learning journey. It is an experience I will always cherish. I built new relationships but more importantly discovered my own self-worth as an individual. It helped me further enhance my character as a human being. I discovered I am tenacious, had perseverance and will follow through things until it is completed. As the title indicates, my PhD journey was truly as journey of self-discovery.



**Cabaran Awal**

“Saya tak mahu tengok proposal kamu, balik dan baca dahulu sekurang-kurangnya 30 artikel yang berkaitan dengan bidang kajian kamu”. Dengan wajah selamba, penyelia menolak kertas cadangan kajian yang aku bukakan di hadapannya. Aku terkedu, semangat dan kekuatan yang aku kumpulkan berhari-hari sebelum bertemu dengan penyelia tiba-tiba sirna. Sejak semester satu, kata-kata yang sama aku dengar setiap kali berjumpa dengan penyelia. Kini masuk pertengahan semester ketiga. Seingat aku, aku telah membaca hampir 50 artikel seperti yang diarahkan namun aku tidak dapat menulis sesuatu yang bermakna, selagi penyelia tidak bersetuju dengan cadangan kajianku.

Terasa longlai seluruh tubuhku. Saat menapak keluar dari pejabat penyelia, air mata wanita yang ku tahan-tahan akhirnya menitis jua. Aku bergegas masuk ke dalam kereta, ku biarkan air mata jatuh semahunya sambil berdoa bersungguh-sungguh memohon kekuatan dan pertolongan daripada Yang Maha Esa. Aku benar-benar buntu. Aku telah melewati dua setengah semester pengajian ku tanpa sebarang kemajuan yang bermakna. Aku adalah penerima Hadiah Latihan Persekutuan Separuh Masa (HLPS) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Ambilan September 2014 dan ditaja selama lima tahun. Detik demi detik berlalu, sisa tempoh pengajian ku hanya tinggal tiga tahun setengah.

Dalam dua semester setengah ini, aku melihat rakan-rakan seperjuangan ku ada yang terus maju dengan kajian masing-masing. Tidak kurang juga rakan-rakan yang sama seperti ku, seakan-akan terombang-ambing tanpa hala tuju, tenggalam timbul sendirian di lautan ilmu. Kebimbangan, kerisauan dan tekanan kemungkinan aku terpaksa membayar ganti rugi pecah kontrak HLPS mulai menghantuiku. Dalam keadaan yang terdesak, aku mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk daripada pihak Bahagian Tajaan (BT) KPM melalui satu dialog antara BT dengan pelajar tajaan yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Tidak dinafikan penyeliaku seorang yang berpengalaman dalam Pendidikan Prasekolah serta pakar dalam reka bentuk kajian kualitatif.

Walau bagaimanapun dengan rasa hati yang amat berat, akhirnya aku membuat keputusan untuk mengantikan penyelia sedia ada dan beliau sendiri menyarankan untuk ku mencari penyelia lain selepas aku menerangkan cadangan reka bentuk kajianku. Syukur kepada Tuhan, telah mempermudah langkah pertamaku untuk menyusun semula strategi pengajianku yang ‘terbengkalai’ selama ini.

**Bermulanya Perjuangan Sebenar**

Tanggal 15 Mac 2016, aku membentangkan cadangan kajianku untuk pertama kalinya di pejabat Prof. Dr. Vincent Pang, penyelia utama bersama dengan PM Dr. Ferlis bin Hj. Bullare, penyelia bersama. Kajianku masih samar-samar, namun aku beranikan diri untuk membentangkannya di hadapan kedua-dua penyelia baharuku. Tidak peduli, aku bermandikan keringat dingin, dengan bersungguh-sungguh aku menjelaskan kajian ku untuk membangunkan modul membaca prasekolah menggunakan lagu. Biarlah mereka melihat ‘kebodohanku’ sebagai calon PhD di saat ini. Aku hanya benar-benar ingin meyakinkan kedua-dua penyeliaku bahawa inilah kajian yang ingin ku lakukan.

“Kajian yang menarik. Kamu boleh gunakan Model ADDIE.” Penyelia utama bersuara, selesai pembentanganku.

“Maaf, model apa Prof., kurang dengar?” dalam keterujaan, tersipu-sipu aku berusaha menutupi kebodohanku.

“Model ADDIE. A, D, D, I, E.” Prof. Dr. Vincent Pang mengejakan nama model dengan wajah bersahaja.

Aku berusaha mencatat pada buku catatan saiz A4 yang sentiasa ku bawa. Aku masih tercengang-cengang, hampir tak percaya. Semudah itukah penyelia baharu bersetuju dengan cadangan kajiaku. Sebelum balik ke Keningau pada petang itu, PM Dr. Ferlis telah mengajak aku ke pejabatnya, di pejabat Ketua Unit Fakulti Psikologi dan Kaunseling. Dia menunjukkan beberapa contoh modul yang telah dibangunkan oleh pengkaji lain sebelum itu.

“Membangun modul bererti kamu menghasilkan sesuatu yang belum ada di dunia ini, namun tidak bermakna mustahil untuk kamu bangunkan.” Dr. Ferlis meyakinkan aku sambil berseloroh, beliau menunjukkan 3 buah buku yang harus dibaca sebelum memulakan pembangunan modul.

“Pinjamlah dahulu buku-buku ini. Kembalikan apabila kamu sudah membeli buku kamu sendiri.” Sekali lagi penyelia memberikan tawaran bantuan yang tidak ku duga sama sekali. Aku tidak dapat menyembunyikan genangan air mata keharuan. Aku sekali lagi mengucapkan syukur, Tuhan bukan sekadar mengabulkan doaku untuk mendapatkan penyelia yang baik, tetapi juga telah membuka jalan mempermudah permulaan sebenar sebuah kembara PhD ku. Betapa agungnya jalan-Mu ya Tuhanku.

### **Pencarian Ilmu**

Jun 2016, cuti semester. Bagi pelajar PhD separuh masa seperti ku, cuti semester di IPG bermakna peluang belajar sepenuh masa. Masalah kekurangan rujukan kajian pembangunan modul di UMS, memaksa ku untuk mencari alternatif. Setelah berbincang bersama suami tercinta, dia mencadangkan untuk aku pergi mencari bahan-bahan rujukan di UM, UKM dan UPM sepanjang cuti semester selama 2 minggu. Suami bersedia menguruskan anak-anak selama ketiadaanku di rumah. Beberapa hari pada minggu pertama aku menghabiskan masa berkampung di Perpustakaan Abdul Samad, UPM dan di perpustakaan utama UM. Akhirnya, dengan bantuan rakan sekerja yang sedang cuti belajar sepenuh masa di UKM, akhirnya aku menginap di kolej Zaba selama lebih seminggu. Menjalani kehidupan di kampus bersama-sama pelajar undergraduate. Seawal jam 8.00 pagi aku ke perpustakaan utama atau ke Pusat Sumber Fakulti Pendidikan sehinggalah jam 4.30 petang. Selepas jam 4.30 petang aku pulang ke kolej kediaman dan aku lanjutkan lagi kegiatanku membaca, menulis, membaca dan menulis. Berbekalkan biskut kering dan air mineral, aku berjaga sehingga subuh. Waktu ini, tidak terasa masa berlalu cepat daripada hari-hari biasa.

Sepanjang tahun 2016 sehingga sehingga awal 2018 terutama ketika fasa membangunkan modul serta menulis bab 1 hingga 3, kehidupanku sebagai pelajar PhD hanyalah berkisar di tempat kerja, balik ke rumah selepas masa bekerja namun tetap menghadap laptop. Hampir setiap hujung minggu dan cuti semester aku akan ke UMS. Biasanya aku menginap di rumah kawan bujang tapi ada kalanya aku menginap di apartmen pelajar. Aku menghabiskan seharian suntuk di perpustakaan dan hanya akan keluar dari perpustakaan apabila pengumuman masa penamatan perkhidmatan perpustakaan kedengaran sekitar jam 8.30 malam. Waktu benar-benar mencemburuiku ketika ini.

Dalam tempoh ini, aku berusaha merebut peluang untuk menyertai pelbagai bengkel, seminar dan kolokium untuk memantapkan ilmu di dada. Wang ringgit, masa dan hiburan adalah pertaruhan yang terpaksa ku korbankan demi impian mengapai PhD. Kadangkala terasa iri juga,

melihat rakan-rakan kongsi gambar-gambar percutian bersama keluarga dan pelbagai lagi kegiatan lain. Namun terlebih lagi rasa bersalah terhadap anak-anak, yang sebelum ini selalu dibawa bercuti kini hanya memerap di rumah. Walaupun mereka amat memahami, namun jauh di sudut hati perasaan bersalah masih bertakta. Mampukah aku menebus waktu indah bersama mereka suatu ketika nanti?

### **Kehilangan-Jangan Pernah Menyerah**

Seawal tahun 2014, aku telah memohon restu dari ayah untuk melanjutkan pelajaran di peringkat PhD. Dialah orang pertama yang ku khabarkan berita ini selepas suami dan anak-anak. Ayah berasa sangat teruja, kerana aku satu-satunya anak kelahiran di kampung yang berjaya hingga ke peringkat PhD. Namun satu tamparan hebat apabila ayah jatuh sakit diserang angin ahmar pada akhir tahun 2014. Ayah menjadi lumpuh separuh badan dan tidak dapat lagi berbicara. Dalam kesibukan bekerja dan menimba ilmu, aku mencuri-curi masa untuk menjenguk dan menjaga ayah di kampung halaman di Ranau. Walaupun tidak dapat berbicara, mata ayah sentiasa bersinar-sinar setiap kali aku bercerita tentang pengajianku. Akhir tahun 2016, keadaan kesihatan ayah semakin merosot.

Dalam kesibukanku, aku tak abaikan tanggungjawab bergilir dengan adik-beradik lain untuk menjaga dan merawat ayah di kampung. Akhirnya pada 11 Mac 2017, ayah pergi meninggalkan kami, enam tahun selepas pemergian ibu. Betapa sakitnya rasa kehilangan orang tua yang membesarkan dan selalu memberikan semangat terutamanya dalam melanjutkan pengajian. Beberapa minggu, aku kehilangan daya dan semangat. “Insya-Allah, kamu pasti kuat. Ada masa kita perlu sedih, tak salah. Menangislah bila perlu dan kamu akan kuat semula.” Kata-kata motivasi daripada penyelia memberi ku kekuatan untuk meneruskan perjuangan ku.

### **Perjuangan Harus Diteruskan**

Selesai pembentangan usul pada 27 April 2018, satu demi satu urusan pengajian ku semakin cepat. Pada peringkat ini, sekali lagi aku memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana segala urusan untuk pelaksanaan kajian kuasi eksperimen di sekolah dipermudahkan. Walaupun banyak cabaran terpaksa ditempuhi namun aku bersyukur kerana sentiasa diberi kekuatan. Pernah sekali, aku terpaksa dikejarkan ke unit kecemasan Hospital Keningau kerana tiba-tiba pitam, yang kemudiannya didiagnos sebagai simptom panic attack. Syukur aku cepat pulih dari keadaan itu.

Pada fasa akhir pengajianku, tumpuan terhadap kajian bertambah dua kali ganda. Ada kalanya aku hanya tidur selama 2 jam sehari. Kehadiran suami sebagai pembantu, pemberi motivasi bahkan sentiasa meminjamkan bahu untuk ku menangis melepaskan tekanan amat ku hargai. Aku sangat bersyukur kerana diberikan suami yang amat setia menemani sepanjang masa dan memahami setiap cabaran yang dihadapi. Benarlah kata pujangga bahawa di sebalik kejayaan seseorang isteri, ada suami yang menjadi penopang di sisinya dan sebaliknya.

### **Hari Kemenangan**

21 Januari 2020. “Tahniah, anda lulus dengan pembetulan kecil.” Pengumuman pengerusi sidang Viva selepas mesyuarat panel masih jelas dalam ingatan. Aku diberikan tempoh selama tiga bulan untuk membuat pembetulan. Namun ketika aku menghubungi BT, aku mempunyai masa lebih kurang satu bulan untuk membolehkan aku mendapat GOT dengan tambahan tempoh enam bulan selepas tempoh lima tahun pengajian. Pegawai daripada BT memaklumkan bahawa salinan keras tesis dan CD harus sampai ke BT sebelum 27 Februari 2020 untuk mengelakkan aku dikenakan tindakan kerana pecah kontrak serta memenuhi syarat kelayakan menerima elaun tesis. Sebulan terakhir ini, aku telah mengambil cuti rehat tahunan

beberapa hari. Seluruh tenaga, kudrat dan masa aku kerahkan seratus peratus untuk memperbaiki tesis. Aku terpaksa berkampung beberapa hari di UMS dan tinggal di hotel yang berdekatan untuk memudahkan urusan-urusan di UMS. Aku sangat-sangat bersyukur kerana semua urusan pembetulan, percetakan, penjilidan dan pengiriman salinan keras tesis dapat diselesaikan dan diterima oleh BT sehari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan. Hanya Tuhan yang maha mengetahui, betapa dahsyatnya cabaran demi cabaran pada saat-saat terakhir.

**28 April 2020.** “CONGRATULATIONS”. Ucapan khusus daripada kedua-dua penyelia yang amat dikasihi. Aku menerima surat Mesyuarat Senat Pengesahan tamat pengajian dan layak dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah.

Aku mengucapkan syukur atas segala anugerah-Nya. Dengan rendah hati, aku menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua penyeliaku, Prof. Dr. Vincent Pang dan PM Dr. Ferlis bin Hj. Bulare yang membimbing dan menunjuk ajarku dengan sabar, kepada suami tercinta Justin Gopog, anak-anak tersayang Rhoda Mirna, Ruth Miranda, Ronald Mark dan Ron Matthew yang sentiasa memahami dan menemani saat susah dan senang serta ahli keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan semangat untuk meneruskan perjuangan. Akhirnya, aku berharap agar kejayaan yang dicapai setelah melalui waktu yang panjang serta cabaran demi cabaran ini dapat menjadi inspirasi dan dorongan yang kuat buat anak-anak serta rakan-rakan lain untuk terus berusaha mencapai kejayaan pada masa hadapan. Syukur atas nikmat-Nya.

Tekad menyambung pelajaran sampai ke tahap “kemuncak” dalam arena pendidikan tersemam pada hati ini apabila saya tamat pengajian Ijazah Sarjana Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2012. Oleh kerana Pengajian Sarjana Pendidikan saya adalah di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Sepenuh Masa, maka saya perlu menunggu sekurang-kurangnya dua tahun selepas saya tamat pengajian sarjana. Selepas menghitung hari demi hari selama dua tahun, saya memohon biasiswa HLP Sepenuh Masa untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 2015. Bersyukur saya berjaya mendapat biasiswa HLP Sepenuh Masa sekali lagi. Hanya mampu ucapkan dengan penuh kesyukuran atas pengurniaan Tuhan yang Maha Esa dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Bahagian Tajaan KPM atas peluang yang diberikan.

Rakan bertanya, “Kenapa kamu boleh dapat dua kali HLP Sepenuh Masa berturut-turut? Kedua-dua kali dapat HLP pun adalah kali pertama kamu memohon. Saya dah tiga kali memohon HLP pun tidak berjaya. Memang luar biasa! Apa rahsia?” Secara peribadi, berdasarkan pengalaman saya, rahsia mendapat HLP Sepenuh Masa ialah tajuk kajian mesti menarik, ada keperluan untuk dikaji dan boleh memanfaatkan pelbagai pihak terutamanya sasaran kajian kita. Sudah pastinya proposal mesti ditulis dengan lengkap dan jelas terutamanya dari segi permasalahan kajian dan metodologi kajian. Semasa ditemu duga untuk mendapatkan biasiswa HLP, calon mesti berkeyakinan tinggi, menunjukkan semangat tinggi, berjaya menunjukkan kepentingan kajian, serta memberi impak positif yang boleh memanfaatkan terutamanya dalam bidang pendidikan.

Genap pada 27 Ogos 2015, saya mendaftar sebagai pelajar PhD mod sepenuh masa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mengikut peraturan-peraturan pelajar pascasiswazah, pelajar wajib mengikuti dan lulus dua kursus iaitu Penyelidikan Kuantitatif dan Penyelidikan Kualitatif sebelum dibenarkan untuk membentangkan proposal kajian yang dinamakan Peringkat Usulan. Dengan hati dan semangat yang berkobar-kobar, saya mula membuat pencarian maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) pada setiap hari dari jam 8 pagi hingga 7 malam selama satu semester kecuali waktu menghadiri kelas bagi kedua-dua kursus wajib itu. PTSL seumpama “rumah kedua” selain tempat tinggal di Kolej Kediaman UKM. Pengajian PhD merupakan lonely journey kerana tiada rakan yang sama bidang dengan saya. Saya berbisik pada diri saya, “I need to be strong and work it out independently!”

Pada semester pertama, saya telah menyertai pelbagai kursus, serta bengkel yang berkaitan dengan pengumpulan dan analisis data dengan menggunakan perisian seperti SPSS, EndNote, NVivo, dan lain-lain lagi anjuran perpustakaan dan Fakulti Pendidikan UKM dengan bayaran yang murah. Saya mengaplikasikan pembelajaran penggunaan perisian itu ke dalam objektif dan persoalan kajian. Pelbagai persoalan saya kemukakan semasa mengikuti kursus/bengkel itu supaya jelas dan faham tentang penggunaan perisian itu di samping membuat persediaan rapi dalam penulisan metodologi kajian yang dinyatakan dalam proposal. Pilihan jenis pengumpulan dan analisis data mesti tepat dengan objektif dan persoalan kajian sebab ia melibatkan dalam proses membina instrumen kajian yang melibatkan jenis pengukuran pembolehubah. Selain itu, saya juga telah menyertai seminar fakulti untuk mengetahui bagaimana cara pembentangan peringkat Usulan (Proposal Kajian), Kemajuan dan Pemantapan.

Salah satu sokongan pembelajaran utama kepada pengajian saya ialah kemudahan perpustakaan yang disediakan oleh UKM. Kelebihan di PTSL adalah di situ mempunyai ruang pembelajaran yang sangat selesa, kemudahan mengakses internet yang sangat laju, banyak buku rujukan dan jurnal bercetak yang berkaitan dengan skop kajian saya, pustakawan yang mesra dan sudi membantu, terdapat kemudahan mengisi air minuman mineral di dalam perpustakaan serta minuman kopi panas yang sangat murah (satu cawan kecil) dan dibeli melalui mesin di luar PTSL. Minuman kopi panas adalah pilihan utama kerana saya tidak akan mengantuk dan boleh meneruskan pencarian dan penulisan proposal dan draf tesis. Pelbagai ilham penulisan tercetus hasil minum kopi mujarab itu!

Pernah pada suatu ketika dahulu, saya berhasrat untuk mendapatkan suatu jurnal berimpak tinggi yang berkaitan dengan bidang skop kajian saya iaitu deaf learner. Akan tetapi, artikel jurnal ini perlu dibeli dengan harga yang tinggi. Saya tidak mampu. Dengan bantuan pustakawan, saya berjaya mendapatkannya secara percuma setelah menempahnya dalam sistem online PTSL. Pengalaman kedua ialah mendapat pinjaman buku dari perpustakaan universiti luar negara melalui bantuan pustakawan. Walau bagaimanapun, tempoh pinjaman buku itu hanya sah dalam seminggu dan perlu dikembalikan kepada perpustakaan di luar negara melalui pustakawan. Pada waktu itu, saya berfikir, "Alangkah bagusny kalau saya pun dapat publish artikel macam ini peringkat antarabangsa!" Kepada yang sedang melanjutkan pelajaran, bolehlah berhubung dengan pustakawan di universiti anda untuk mendapat kemudahan ini.

Dalam ingatan saya, ada seorang pustakawan yang bertugas di meja informasi sangat baik dan mesra. Beliau selalu bertanyakan khabar pada setiap kali saya masuk ke PTSL, "Hai, apa khabar orang Sabah? Sihat? Rajin kamu ke situ hari-hari!" Padahal saya orang Pahang. Mungkin sudah terpengaruh oleh budaya orang Sabah dan tinggal di Sabah lebih sepuluh tahun. Cara pertuturan saya pun macam Sabahan kata pustakawan. Saya menganggap ucapan beliau adalah satu caring dan sokongan kepada saya dalam menelaah ilmu.

Sokongan moral dan padu daripada penyelia amat membantu saya. Beliau merupakan seorang yang sporting. Walaupun kata beliau hanya sepatah dua, "Liong boleh buat! Tahniah Liong!", tapi kata-kata sebegitu cukup memberi semangat tinggi untuk saya meneruskan pengajian. Beliau mewajibkan saya menyertai pelbagai persidangan dan penerbitan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penerbitan artikel pertama kami diterbit dalam jurnal antarabangsa pada tahun 2016. Tercapai juga impian saya untuk menerbitkan artikel dalam jurnal antarabangsa. Banyak jemputan sebagai reviewer manuscript daripada pihak penerbitan peringkat antarabangsa. Terasa diberi pengiktirafan tinggi apabila menerima sijil-sijil penghargaan daripada penerbitan jurnal. Pernah juga membantu penyelia untuk menyemak, menterjemahkan artikel ke bahasa Inggeris dan menghantar artikel untuk penerbitan. Saya menganggap semua ini bukan suatu bebanan, sebaliknya suatu pembelajaran yang bermakna kerana banyak ilmu saya peroleh. Bimbingan dan didikan penyelia sepanjang pengajian juga banyak membantu saya dalam menamatkan pengajian PhD.

Pada semester kedua tahun 2016, saya tidak lagi menginap di Kolej Kediaman UKM atas sebab tanggungjawab saya sebagai ibu kepada empat anak yang umur dari 4 hingga 10 tahun yang memerlukan bimbingan pelajaran dan pembentukan sahsiah. Hati dengan kesyukuran kerana pada tahun yang sama (tahun 2016), suami mendapat biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan Sambilan (HLPS). Beliau tidak mendapat HLP Sepenuh Masa kerana faktor umur yang telah melepasi syarat permohonan HLP ini. Maka, saya terpaksa meneruskan pengajian secara jarak jauh. Kembali ke Sabah untuk membantu suami menjaga, menghantar dan mengambil anak-anak yang belajar di tadika swasta dan sekolah.

Penyertaan aktif anak-anak dalam pelbagai aktiviti termasuk pertandingan akademik atau bukan akademik membuatkan saya terlalu sibuk. Kebanyakan masa diluahkan untuk mereka. Tidak sampai hati saya untuk menghalang mereka menyertai apa jua aktiviti yang membantu perkembangan rohani dan akademik. Saya tidak boleh meletakkan alasan bahawa pengajian saya perlu diutamakan dan mengetepikan perkara yang lain. Walau bagaimanapun, saya tetap 'mencuri' masa untuk menyiapkan proposal. Saya telah memastikan ada penulisan pada setiap hari walaupun satu dua perenggan. Jika tidak dapat melakukan pada hari itu, maka saya akan menggantikannya pada hari lain.

Dua perkara yang selalu dibuat pada saban hari. Pertama, selalu mengingatkan kepada diri sendiri bahawa "Saya pasti boleh buat. Saya tidak akan sia-siakan peluang melanjutkan pelajaran dengan biasiswa HLP Sepenuh Masa yang diberikan oleh KPM. Bukan semua orang mendapat peluang ini. Saya nak merealisasikan impian saya iaitu pemegang Ijazah Kedoktoran Falsafah." Selalu berdoa dan minta campur tangan Tuhan sepanjang pengajian adalah pemangkin kepada semangat saya untuk menamatkan pengajian.

Usaha gigih membuah kejayaan menghasilkan proposal dengan lengkap. Tidak sampai setahun, tanggal 23 Julai 2016, saya berjaya membenteng usulan kajian dan diluluskan oleh pembaca dalaman untuk terus menjalankan kajian. Setelah menyiapkan pembetulan pada 19 November 2016, saya kembali ke UKM untuk urusan permohonan kelulusan menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). Kebetulan pada masa itu, Perayaan Pesta Tanglung Ke-37 dilangsungkan pada 22 November 2016 bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), UKM. Tanpa berfikir panjang, saya terus menyertainya dengan niat hendak menonton perkembangan persembahan perayaan pesta tanglung kerana saya pernah menjadi AJK perayaan itu ketika di peringkat pengajian ijazah sarjana muda pada 1994 hingga 1998. Setelah menyaksikan persembahan, saya berbisik kepada diri saya, "Saya akan menjejaki ke DEKTAR ini untuk menghadiri Majlis Konvokesyen Graduan PhD dengan segulung Ijazah Kedoktoran Falsafah!"

Oleh kerana kajian saya melibatkan seluruh negara, maka mengambil masa hampir setahun untuk mengumpul dan menganalisis data termasuk kajian rintis. Ini kerana reka bentuk kajian saya adalah mix-method yang melibatkan dua fasa iaitu fasa pertama pengumpulan data kuantitatif dan diikuti fasa kedua pengumpulan data kualitatif. Tempoh masa menganalisis data sungguh memematkan, misalnya perlu mematuhi syarat kenormalan data kuantitatif sebelum menggunakan ujian statistik berkenaan. Analisis tematik melalui transkripsi temu bual juga telah memakan masa yang agak lama kerana prosesnya yang banyak perlu dipatuhi. Walau bagaimanapun, sempat juga benteng peringkat Kemajuan pada 25 November 2017 dan Pemantapan pada 24 Mac 2018. Peringkat Kemajuan lebih berfokus kepada Bab 4 yang melaporkan dapatan kajian manakala Peringkat Pemantapan tumpu pada keseluruhan Bab 1 hingga Bab 5 (Perbincangan Dapatan Kajian).

Tarikh yang tidak dapat dilupakan ialah pada 2 November 2018, saat berdebar-debar dan berpeluh dingin, saya menghadiri viva (peperiksaan lisan). Penyelia saya datang awal dan memberi kata semangat kepada saya sebelum pengerusi tiba di Bilik Telesidang (tempat viva). Gemuruh hati terus terkawal dan tenang. Berdoa sebelum masuk ke Bilik Telesidang dan kata pada diri, "Believe in yourself. You can do it!" Setelah sejam selesai pembentangan dan soal jawab, saya disuruh keluar untuk menunggu hasil keputusan panel pemeriksa. Di situ, perasaan cemas dan risau datang lagi. Bimbang jika tidak lulus. Tidak mengapa, yakin boleh sahaja. Itu sahaja fikiran saya pada waktu penantian keputusan!

Sekembali ke Bilik Telesidang, saya terus mendapat kata-kata pengiktirafan daripada pengerusi, “Syabas dan tahniah! Anda telah lulus dengan pembetulan dalam tempoh enam bulan.”

Segala penat lelah dan usaha gigih akhirnya terbayar! Sampai saya tidak dapat berkata apa-apa apabila diberi peluang untuk mengucapkan sepatah dua patah setelah diumumkan keputusan lulus viva. Hanya kesyukuran tersemat dalam hati ini.

Hari istimewa buat diri ini, saya berjaya menghantar Tesis jilid hardcopy kepada Fakulti Pendidikan UKM dan BPPDP pada Hari Guru 16 Mei 2019. Setahun setelah viva, 2 November 2019, saya diberikan Anugerah Ijazah Kedoktoran di Majlis Konvokesyen UKM Kali-47 pada sesi pertama bagi Graduan PhD bertempat di DECTAR. Janji kepada diri saya telah tertunai. Saya kembali ke DECTAR untuk menerima segulung Ijazah Kedoktoran!

Kesimpulannya, tekad merupakan kunci utama untuk memperoleh sebuah kejayaan di samping mendapat sokongan padu penyelia dan ahli keluarga tersayang.



8 Ogos 2009 merupakan tarikh keramat untuk bergelar pelajar Ed.D UNISEL dengan tajaan sendiri. Saya sendiri pun lupa mengapakah UNISEL yang kami pilih, mengikut pilihan kawan atau sebagainya. Sebelum itu niat perlu dibetulkan, belajar untuk ilmu disamping ingin membantu organisasi sendiri yang kekurangan pemegang sarjana tertinggi. Bermula dari lima orang rakan sekerja yang berjaya menerima surat tawaran dan bersama-sama mendaftar di UNISEL Selangor, akhirnya hanya dua orang yang berjaya meniti hingga keakhirnya.

Kos pengajian EdD pada masa itu masih di tahap kemampuan kami kerana ianya adalah berbentuk kerja kursus dan projek berbanding dengan kos pengajian yang sama pada masa sekarang. Jam kredit bagi kerja kursus dan projek sepuluh tahun dahulu juga telah banyak berbeza. Walau bagaimanapun kos bertambah apabila kami menggunakan kenderaan udara dan kos hotel bagi menghadiri kelas bersemuka.

Kelas bersemuka biasanya diadakan di UNISEL Shah Alam. Meninggalkan anak kecil dengan tangis mereka ingin mengikut bersama-sama berjalan, serasa perjalanan ilmu ini penuh dengan keringat dan air mata yang amat berharga. Dengan tugas pentadbiran di Institut Pendidikan Guru (IPG) sebagai ketua jabatan, auditor dan segala tugas rutin akademik, memerlukan kudrat yang tinggi dan kuat. Semangat sahaja yang membawa kami menyeberangi laut China Selatan, mengharungi banjaran Crocker dan semuanya menjadi saksi kepada perjalanan musafir ilmu ini.

Biasanya saya dan kawan akan keluar awal petang dari pejabat pada hari Jumaat menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan sampai ke Kuala Lumpur International Airport (KLIA) menggunakan penerbangan tambang murah Air Asia pada malam hari. Kami terpaksa menempuhi perjalanan berbukit-bukau dari Keningau ke Kota Kinabalu menggunakan teksi hampir dua jam dan kembali ke Keningau pada petang Ahad dan selalunya akan sampai pada tengah malam. Maka bergilirlah suami kami menjemput kami di lapangan Terbang Kota Kinabalu atau menggunakan teksi mengharungi bukit-bukau dan jalan berkabus di tengah malam. Kredit untuk suami kami berdua yang telah kembali kepada Sang Pencipta dan telah sama berkorban memberikan sokongan moral selama beberapa tahun.

Kelas bersemuka di lalui berselang dua minggu sekali atau berdasarkan keperluan. Setiap subjek perlu dibayar dan banyak lah kewangan dibelanjakan kearah itu. Kami cuba mengambil semester pendek untuk sama-sama menghabiskan subjek. Peristiwa sedih ialah apabila saya terpaksa hadir kuliah pada hari pertama puasa, saya menyangkakan semua yang muslim akan hadir pada hari itu, tetapi sangkaan tersebut meleset. Hari pertama sepatutnya bersahur dan berbuka puasa bersama keluarga tetapi saya dan kawan masih berjuang mencari ilmu.

Alhamdulillah kami dapat menghabiskan subjek bersama walaupun gred saya tidak lah setinggi dan secemerlang kawan, sehingga kawan saya di tawarkan menjadi pensyarah di UNISEL. Kami berdua mengharungi perjalanan menuju jaya bersama, laluan LRT, teksi, lapangan terbang telah menjadi lali kepada kami berdua. Di atas kecerdikan kawan tersebut maka dia telah menamatkan pengajian lebih awal memandangkan dia juga akan pencen beberapa tahun selepas itu.

Pengalaman mengikuti kuliah bagi seusia ini adalah amat menjengkelkan. Mata mudah mengantuk apatah lagi apabila pensyarah hanya mengajar sambil duduk kerana kekangan usia mereka. Telah lama tidak mendengar kuliah, serasa seronok dan ilmu asing yang baru, olahan penyampaian yang berbeza dari pensyarah IPG kerana usia mereka yang berbeza. Beberapa orang pensyarah kami adalah yang telah melalui tempoh bersara tetapi masih gigih lagi membantu program EdD di UNISEL. Setiap kali kelas kami akan diberikan tugas untuk di bawa balik, apabila siap kami dikehendaki menghantar menggunakan pos atau hantar sendiri. Bagi kami yang berada di Sabah kami cuba menyiapkan tugas dan pos dengan segera bagi mengejar tarikh akhir hantar. Maka banyak lah sampul surat pos laju dan kadang-kadang setem yang belum terpakai masih berada dalam simpanan saya. Serasa sayu melihat sampul-sampul pos laju dan setem yang masih belum digunakan setelah tamat pengajian kerana semuanya menjadi bukti kegigihan kami. Para pensyarah akan menggunakan pos juga mengembalikan kerja kursus dan menanda dengan teliti beserta dengan komen-komen. Memang otai-otai lah para pensyarah yang pernah mengajar kami dahulu walaupun usia telah menjangkau 70an masih mampu membaca tulisan-tulisan kami yang entah apa kualitasnya. Rakan sekelas bukan calang-calang orang, ada yang terdiri dari Mufti negeri, pegawai politik, peniaga dan pelbagai lagi. Kami amat hormat kepada kawan sekelas yang berusia dan sanggup menghadiri kelas dengan idea idea mereka yang berbeza kerana dari latarbelakang kerjaya dan pengalaman yang berbeza. Kebanyakan mereka berkumpul untuk belajar dikelas, maka kami dari Sabah sahaja yang hanya berdua. Tiga orang lagi kawan dari IPG sama tidak konsisten menyiapkan kerja kursus dan halangan dari segi kos perjalanan pergi dan balik ke UNISEL Shah Alam.

Saya meneruskan projek sendirian dan inilah yang memakan masa hampir lima tahun. Cadangan kajian berubah beberapa kali atas nasihat supervisor. Datang ke UNISEL dari Sabah hanya untuk berjumpa supervisor beberapa jam adalah amat pahit. Berjumpa supervisor dengan air mata bertakung tetapi malu untuk jatuh apabila di komen oleh supervisor sudah menjadi igauan setiap kali berjumpa. Keinginan untuk menukar supervisor direalisasikan kerana telah menulis surat rasmi kepada UNISEL, ketika itulah telefon berdering panggilan dari Dean Postgraduate siap dengan rakaman suara lagi bagi saya mengakui mengapa ingin menukar supervisor. Oleh kerana universiti ini adalah separa swasta, imej universiti perlu dijaga bagi menjaga pelanggan dan keperluan MQA. Tetapi akhirnya saya meneruskan juga dengan supervisor yang sama, dan bersegera bertungkus lumus menyiapkan projek agar tidak terbengkalai lagi. Masalah mencari bahan kajian timbul apabila saya berusaha untuk pergi ke perpustakaan BPPDP KPM, di Putrajaya dan UMS, dan ini juga memakan masa yang lama kerana jauh dari tempat kediaman.

Kawan-kawan senior di IPG banyak memberi sokongan, mereka menyatakan sedikit lagi untuk habis kerana saya telah menyiapkan semua kerja kursus. Kredit kepada mereka yang telah memberi semangat dan telah juga kembali kepada Sang Pencipta dan tidak dapat melihat kejayaan anak didik mereka bersama-sama. Setiap hari berselisih bahu, mereka akan bertanya soalan yang sama. Sehingga timbul keazaman yang kuat bahawa saya mesti menyelesaikan tugas projek dengan jayanya.

Pembentangan proposal dilalui dengan jayanya walaupun terdapat pembetulan major. Semasa proposal, rakan semasa proposal membawa projek yang begitu tebal kerana ianya berbentuk kuantitatif, sedangkan saya hanya projek yang nipis. Namun begitu projek tebal itulah yang dinilai begitu lama oleh penilai proposal semasa penilaian. Projek saya adalah berbentuk kualitatif, maka perlunya temubual dengan menggunakan triangulasi. Proses menemu bual guru-guru al-Quran di masjid-masjid dan surau bagi mendapatkan maklumat, memerhati cara mereka mengajar adalah suatu pengalaman baru dan menyeronokkan kerana anak murid mereka yang terdiri pelajar-pelajar dewasa belajar tanpa sukatan yang formal. Mengkagumi

para pelajar dewasa yang telah kelu lidah untuk menyebut kembali huruf-huruf al-Quran dan Iqra', terasa insaf dan syukur bahawa Tuhan masih memberi kesempatan bagi mereka untuk mendalami al-Quran dalam seusia lanjut. Alhamdulillah proses itu tidak mengambil masa yang panjang, tetapi saya terpaksa mengupah pelajar untuk mentranskripsi perbualan kepada dokumen. Supervisor menyatakan bahawa hasil kajian kualitatif bukan sahaja mencari yang tersurat, tetapi menggali yang tersirat adalah amat penting. Itulah kata-kata keramat yang saya perlu ingat sampai bila-bila. Sehingga kini saya rasa masih kekurangan ilmu mengenai kajian kualitatif kerana tidak menggunakan perisian Nvivo atau Cohen Kappa. Bermulalah keazaman yang kuat walaupun mengambil masa setahun untuk membaikinya. Supervisor menyatakan simpati kerana saya telah hampir tujuh tahun belum menghabiskan pengajian ini sedangkan kawan-kawan lain telah tamat atau berhenti. Bagi saya biar lambat asal selesai.

Begitulah kisahnya, kalau berani mengenggam bara, biar melecur tangan, sakit bagaimanapun teruskan menjadi arang agar berguna untuk kegunaan lain. Tempoh pembelajaran EdD adalah dari enam hingga tujuh semester seperti di dalam surat tawaran tetapi saya menamatkannya lebih dari tempoh yang ditetapkan iaitu hampir 12 semester, walau bagaimanapun saya tetap memastikan setiap semester status saya di dalam sistem adalah aktif dengan bayaran RM250 per semester. Malu juga rasanya kepada para pensyarah dan pelajar lain yang lebih cerdik dan rajin. Ah...tidak apa kini kita semua sama, bukan dilihat dari kepandaian tetapi dilihat dari kerajinan. Entah keberapa kali saya terpaksa memohon ke IPGM untuk sambungan kebenaran belajar secara rasmi. Tetapi semua saya lakukan agar tidak melangkaui prosedur IPGM. Kepuasan tidak terhingga apabila dapat menghadiri konvokesyen pada November 2017 bersama anak sulung. Kekangan kewangan tidak dapat membawa kesemua keluarga hadir bersama pada hari bersejarah ini.

Walau bagaimanapun anak sulung dapat menyaksikan dan sebagai saksi bahawa emak mereka pernah berjuang di bidang akademik tertinggi dan semoga ianya menjadi inspirasi yang jitu kepada semua anak yang kini telah kehilangan bapa. Terima kasih kepada Dr. Kamaladevy yang menjadi teman seperjuangan saya sepanjang pengajian yang sentiasa memberi semangat agar terus berjaya.

Pada mulanya aku tidak pernah terbayang dapat menyambung pengajian sehingga ke peringkat doktor falsafah kerana faktor umur. Jika ingin memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Bahagian Biasiswa KPM, had kelayakan umur adalah 40 tahun. Tetapi apabila had kelayakan umur dinaikkan ke 45 tahun, Allah bukakan semula pintu hatiku untuk kembali belajar. Aku terus ambil peluang untuk mengisi borang permohonan HLP pada tahun 2015 dan umurku pada waktu itu adalah 44 tahun.

Saat yang aku tidak boleh lupa adalah keputusan HLP diketahui pada waktu sedang menantikan waktu berbuka puasa. Sepuluh minit sebelum berbuka puasa, seorang rakan menelefon bertanyakan adakah aku sudah melihat keputusan HLP tersebut. Aku menyatakan belum bersedia untuk melihat keputusan sebelum berbuka. Tetapi kawan aku mendesak supaya aku membuka portal dengan segera. Dengan tangan menggigil, aku menaip nombor kad pengenalan aku untuk melihat keputusan sama ada aku berjaya atau tidak. Ya Allah, aku berjaya. Dengan linangan air mata di pipi, aku segera memeluk dan mencium suamiku. Semua anak-anakku juga turut gembira mendengar berita tersebut. Berita ini juga aku kongsi dengan ayahku. Berkat bulan Ramadhan. Alhamdulillah.

Pada 9 September 2016, bermulalah aku menjadi pelajar sepenuh masa di Universiti Malaya (UM). Pada mulanya aku takut untuk belajar di UM. Aku pernah mendengar belajar di UM susah hendak lulus dan ada yang gagal menghabiskan pengajian. Namun aku bukan memilih universiti mana yang akan aku belajar tetapi aku memilih penyelia yang bakal membimbing aku sepanjang proses pembelajaran. Aku mengenali penyelia bermula awal tahun 2015. Sepanjang aku bekolaboratif dengan penyelia, aku dapat merasakan keserasian antara kami berdua. Hubungan yang erat dengan penyelia amat membantu aku dalam mengharungi suka duka dalam mencari ilmu.

Rutin harian aku setiap hari adalah belajar di perpustakaan UM dari jam 8:00 pagi hingga 4:00 petang. Aku bertolak seawal 6:45 pagi dari rumah ke UM setiap hari bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas. Aku akan bersarapan dahulu dengan penyelia sebelum aku ke perpustakaan. Pada awal pengajian, aku tidak pandai mencari artikel atau jurnal yang bersesuaian dengan tajuk atau bidang kajian. Aku menghadiri bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh perpustakaan UM bagi mencari maklumat berkaitan tajuk. Di samping itu juga, aku mula mencari bengkel-bengkel luar yang dikendalikan oleh pakar-pakar bagi menambah ilmu, pengetahuan dan kemahiran.

Aku dikehendaki menghadiri satu kelas Metodologi Penyelidikan sama ada kelas kuantitatif atau kualitatif. Pada masa itu, kajian aku bertumpu kepada kajian kuantitatif jadi aku pun memilih kelas kuantitatif pada semester satu. Setiap hari Khamis pukul 3:00 hingga 6:00 petang aku akan menghadiri kelas tersebut. Banyak ilmu yang dapat aku peroleh daripada pensyarah dan rakan-rakan sekelas.

Masuk semester dua, aku diduga dengan ombak-ombak kecil antara penyelia pertama dan penyelia kedua. Situasi ini menjadikan aku sedikit tertekan. Jika sebelum ini aku mendengar kisah-kisah seperti ini, aku tidak menyangka kisah ini juga berlaku kepada aku. Ya Allah, apa yang harus aku lakukan?. Perlukah aku mengikut keputusan salah seorang daripada mereka

berdua. Air mata aku mengalir deras bila aku berdoa kepada-Mu ya Allah. Aku serahkan kepada-Mu apa yang terbaik untuk diriku yang daif ini.

Cabaran ini telah menjadikan aku kuat dalam meneruskan perjuangan dalam pengajian ini. Alhamdulillah aku berjaya dalam pembentangan seminar satu (proposal defense) pada 6 September 2017. Bertitik tolak daripada itu, aku terus melangkah tanpa menoleh ke belakang. Aku dapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) KPM. Selepas aku berjaya mendapat kelulusan tersebut, aku terus memohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Alhamdulillah, Allah memudahkan urusan aku, walaupun aku tiada kenalan di kedua-dua Jabatan Negeri tersebut.

Aku membuat temu janji dengan tujuh orang pakar dalam fasa pertama kajian aku. Fasa temu bual ini menguji aku untuk berani berkomunikasi dengan pakar-pakar. Pakar-pakar yang aku jumpa amat membantu aku dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan. Proses ini mengambil masa juga kerana aku perlu mengikut masa mereka untuk ditemu bual. Bantuan yang diberikan amat aku hargai. Pakar-pakar ini memang mempunyai kepakaran dalam bahasa Melayu. Cabaran bermula apabila aku mula mentranskripsi rakaman temu bual dalam bentuk penulisan. Aku mengambil masa yang agak lama dalam proses ini menjadikan aku hampir putus asa. Bagi memastikan aku memahami proses ini, aku telah mendaftar dalam bengkel kualitatif. Aku percaya dengan ilmu yang aku dapat ini akan memudahkan proses aku dalam memastikan fasa satu aku dapat disiapkan mengikut perancangan yang aku telah tetapkan.

Pada Fasa kedua, aku melaksanakan kaedah Fuzzy Delphi. Bagi memastikan kesemua proses dalam fasa ini aku fahami, aku menghadiri dua kali bengkel Fuzzy Delphi. Ternyata usaha aku menghadiri bengkel ini banyak membantu aku menganalisis dapatan kajian aku. Kesepakatan kesemua pakar menjadikan fasa ini dapat disiapkan dalam masa yang lebih singkat. Pada saat ini aku amat bersyukur kerana perjalanan pengajian aku sudah sampai ke garisan penamat. Fasa ketiga kajian, aku diuji dengan demam yang agak teruk. Berat badan aku turun mendadak disebabkan aku hilang selera makan. Aku gagahkan diri juga untuk ke Kuala Terengganu untuk berjumpa dengan kawan bagi membantu aku menganalisis menggunakan perisian **Structural Equation Modeling** (SEM) Amos. Aku dapat merasakan jauhnya perjalanan aku pada kali ini dalam kembara mencari ilmu. Pencarian ini amat membahagiakan aku kerana aku bersama-sama penyelia dapat bercuti ke Kuala Terengganu. Aku percaya sokongan yang diberikan oleh penyelia dapat memotivasikan aku untuk menghabiskan pengajian seperti yang kami mahukan.

Aku telah berjaya menyiapkan penulisan bab 1 hingga bab 5 dalam awal bulan November 2018. Pada awal bulan Disember 2018 aku berjaya lulus dalam Seminar Dua. Alhamdulillah aku bersyukur kerana aku semakin dekat dengan penghujung pengajian. Setelah semua pembetulan tambah baik aku lakukan, akhirnya aku mengisi borang untuk notis tiga bulan. Aku diuji lagi sekali apabila pembaca luar aku bertukar banyak kali disebabkan penyelia perlu mencari pembaca luar yang boleh memahami dan mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Melayu. Proses ini memakan masa selama enam bulan menyebabkan aku menangis dalam doaku kepada Allah.

Dalam menunggu tarikh untuk viva, suami aku dimasukkan ke hospital kerana sakit. Aku terpaksa menguruskan semua urusan persekolahan anak-anak dan berulang alik ke hospital. Pada masa ini tarikh untuk viva diperoleh iaitu pada 26 Ogos 2019. Dugaan terbesar berlaku dalam hidupku apabila ayahanda kesayangan telah menghembuskan nafas terakhir pada 21 Ogos 2019, lima hari sebelum aku menghadapi viva voce. Berita ini menjadikan aku lemah dan hilang semangat. Ujian ini amat perit untuk aku. Percaya atau tidak aku memang tiada semangat

lagi untuk menghadiri viva. Pada masa ini sokongan yang sangat padu daripada keluarga dan penyelia amat aku perlukan. Aku perlukan masa untuk membuat persiapan menghadapi viva. Aku percaya Allah adalah perancang terbaik dan aku pasti mampu menghadapi setiap dugaan yang berlaku.

Tarikh 26 Ogos 2019 tiba jua. Aku berdoa agar aku diberikan kekuatan, kelancaran lidah dan idea-idea yang bernas dalam proses viva voce ini. Suasana dalam bilik yang sejuk seakan menikam hatiku. Terasa susah untuk aku bernafas. Tangan aku mula sejuk dan gigit. Debaran dalam hati tiada siapa yang tahu. Tempoh masa selama satu jam disoal bagaikan terasa terlalu lama. Walaupun kadang kala jawapan aku bagaikan tidak menepati soalan panel tapi aku cuba menjawab sebaik mungkin. Alhamdulillah, aku lulus. Aku menangis teresak-esak sebaik sahaja pengerusi memaklumkan aku lulus. Aku tahu kejayaan aku tiada serinya tanpa ayahanda di sisi. Namun aku percaya, kalau ayahanda masih ada dia amat berbangga dengan anaknya ini. Impiannya telah aku jadikan kenyataan. Terima kasih suami dan anak-anak mama yang berkorban masa dan tenaga demi melihat kejayaan aku.

Sekalung penghargaan juga kepada almarhum ayahanda dan almarhumah bonda yang melahirkan aku ke dunia ini. Begitu juga penghargaan aku kalungkan kepada kedua-dua penyelia atas tunjuk ajar yang diberikan sepanjang aku bergelar pelajar. Gelaran Doktor Falsafah jadi kenyataan.

**Prolog Perjalanan hamba Daif**

*Sebelum...*

*Kembara ini ku jelajahi*

*Di tanah haram ku panjatkan doa kepada Illahi*

*Andai darmawisata ini yang terbaik buat insan kerdil seperti ku*

*Ku pohon keizinan dari-Mu, juga insan-insan kesayangan*

*Untukku memulakan pemusafiran*

*Perjalanan hamba Daif ini*

*Menuju ke bumi ratu*

*Ketika...*

*Ku melangkah keluar beribu batu*

*Menongkah arus dalam berjuang di medan ilmu*

*Lima kesatria menemani ku*

*Mereka menjadi benteng pertahanan*

*Untukku tempuhi hijrah Perjalanan hamba Daif ini*

*Dengan penuh kekuatan*

*Saat dan Ketika aku jatuh*

*Hanya kepada Ya Rabb aku bergantung dan memohon pertolongan*

*Betapa ku rasakan kedaifan ilmu yang ku gendong ini*

*Tidak tergalas oleh diri yang kerdil ini*

*Saat dan Ketika aku bangkit*

*Kepada As-Syakur ku panjatkan kesyukuran*

*Baruku mengerti*

*Ilmu yang diagungkan olehmu*

*Hanya setitis dilautan luas ciptaan Al-Khaaliq*

\* \* \* \* \*

**Perjalanan I: Mengorak Langkah ke Bumi Ratu**

Berbekalkan doa restu ayah bonda serta keluarga tersayang, ku melangkah masuk menuju ke perut pesawat Malaysian Airlines bersama-sama suami dan hero-heroku yang empat orang itu. Perjalanan dari Kuala Lumpur selama 13 jam ke bumi Inggeris ku rasakan begitu pantas. Rezeki kami sekeluarga menaiki penerbangan ini dengan business class buat kesekian kalinya. Kali pertama, semasa diriku mendapat peluang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di Kota Paris dengan tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga. Keselesaan berada di ruang business class ini membuatkan hero-heroku nyenyak tidur sebaik sahaja kapal terbang ini mengorakkan sayapnya membelah langit malam.

Kami transit sebentar di lapangan terbang London Heathrow. Seterusnya kami menaiki British Airways untuk ke destinasi seterusnya, Leeds. Terpukau diri ini melihatkan keindahan dedaun kuning merah ketika awal musim luruh ini. Ketibaan kami disambut mesra oleh beberapa kenalan baharu di Leeds-Bradford Airport. Mereka merupakan AJK *Malaysian Students and Community*

of Leeds (MSCL), persatuan pelajar dan komuniti Malaysia di Leeds. Sebelum menjejakkan kaki ke sini segala persiapan untuk tinggal di tempat yang asing ini banyak dibantu oleh mereka. Betapa daif ku rasakan diri ini melihat kesungguhan mereka membantu kami sekeluarga pada ketika itu.

### **Perjalanan II: Perjalanan Kehidupan bersama-sama MSCL**

Kehidupan kami di Leeds banyak berkisar sekitar MSCL. Sesungguhnya aku amat kagum dengan bantuan yang diberikan oleh MSCL untuk memudahkan urusan kami setibanya di Leeds. Hampir dua minggu urusan untuk mendapatkan kediaman selesai. Alhamdulillah, rezeki kami mendapat tuan rumah yang baik budi pekerti. Perkara pertama yang masih ku simpan erat hingga kini, “You’re a muslim and I’m a muslim too. I trust you” semasa kami bertanyakan tentang dokumen-dokumen yang diperlukan dalam Perjanjian Rumah Sewa. Disini konsep trust amat-amat dijaga.

Hanya setelah beberapa bulan kami di Leeds, penasihat MSCL memberikan kepercayaan kepada suamiku untuk menerajui MSCL sebagai penghulu. Aku merasakan tanggung jawab ini bukan sahaja besar untuk dipikul oleh suamiku, malah aku juga. Segala kebajikan pelajar-pelajar perlu dijaga, terdapat kes kecurian, kes pasangan hampir bercerai, isteri pelajar PhD yang meninggal dunia, perkahwinan bukan sahaja pelajar, malah komuniti Malaysia di Leeds dan pelbagai perkara perlu diselesaikan oleh suamiku bersama-sama AJK serta penasihat MSCL. Majlis-majlis usrah, lawatan daripada VIP-VIP, acara keraian dan macam-macam lagi. Biasanya MSCL juga akan memastikan adanya ‘host family’ yang akan menumpangkan pelajar baharu bersama-sama keluarga yang baru tiba sehingga selesai urusan perpindahan ke rumah sewa. Alhamdulillah, kami juga telah menjadi host lebih kurang kepada 4-5 buah keluarga sepanjang 4 tahun kami di sana.

Bagi kaum hawa, kami juga ada kelas-kelas kraftangan, coffee morning, dan program tadarus semasa bulan Ramadan. Kadang-kala program ini sangat-sangat diperlukan oleh kami bagi meredakan ‘jiwa pelajar yang kacau’. Ada kala diselitkan permasalahan kami dalam menggalas pelbagai tanggung-jawab sebagai pelajar, isteri, ibu dan anak. Sesi luahan dari hati ke hati, titisan air mata, gelak tawa jadi penawar duka semasa kami berjauhan dari keluarga. Bersama-sama keluarga kecil MSCL inilah kami harungi segala liku-liku kehidupan berada di perantauan. Ahhh...titisan air jernih mengalir lembut membasahi pipi mengenangkan saat-saat bersama... terasa diri ini amat daif pabila saat jatuh berhadapan ilmu menggunung, ujian yang mendatang dibantu sahabat-sahabat MSCL dahulu.

\* \* \* \* \*

### **Perjalanan III: Martin & Simon**

Dr Martin Wedell dan Dr. Simon Green, penyelia pertama dan keduaku. Aku pasti kalian tahu, budaya disini gelaran ‘Dr’ itu menjadi lelucon jika didengari. Simon, penyeliaku yang kedua juga berkata demikian. Beberapa bulan pertama bukan sesuatu yang mudah untuk mengadaptasi diri menjalani kehidupan sebagai pelajar, menjalankan tanggungjawab sebagai isteri, ibu, anak dan rakan sekeliling. Kertas cadangan asal terpaksa diubah berkali-kali, topik terakhir yang diluluskan mengambil masa selama tiga bulan. Sesi tiga bulan yang pertama ini, hanya baca, baca dan terus membaca. Mesyuarat bersama-sama penyelia dijalankan dua minggu sekali. Setelah topik yang dipersetujui bersama kedua-dua penyeliaku, mesyuarat dijalankan sebulan sekali. Setiap mesyuarat berlangsung selama satu jam. Setiap perjumpaan akan disediakan laporan perbincangan dan langkah seterusnya yang perlu ku ambil. Setelah hampir genap setahun, ‘bersilat gayung’ dengan pelbagai bahan bacaan, serta pilot study dengan bantuan bekas pelajarku di Malaysia, harinya telah tiba bagi ‘Proposal Defense’.



Alhamdulillah, ku berjaya 'mempertahankan' cadangan kajianku tanpa pembetulan. Kedegaran seperti mudah, namun seperti ku katakan bukan mudah menggalas pelbagai tanggungjawab sekali gus.

#### **Perjalanan IV: Perjalanan Anak Syurga Kami**

Perjalanan PhD ini, bukan hanya berkisar tentang diriku menokah arus menimba ilmu. Syukur ke hadrat Ilahi segala proses, pendaftaran ke universiti, pendaftaran sekolah anak-anak juga berjalan dengan lancar. Namun, tidak bagi sulungku. Zahid anak syurga kami yang terpaksa menunggu hampir beberapa bulan untuk sesi persekolahannya. Dokumen lengkap perubatan daripada pihak hospital di Malaysia, diteliti oleh pihak Leeds City Council yang bertanggungjawab menguruskan persekolahan anak-anak disini.

Terdapat unit khas, *Special Education Needs* (SEN) di Leeds City Council. Walaupun tiada rezeki bersekolah di daerah Leeds ini, anak sulungku di tawarkan menikmati pembelajaran inklusif di Wakefield yang terletak lebih kurang satu jam dari Leeds. Syukur rezeki Ilahi, Zahid dapat meneruskan persekolahan dan seminggu sekali beliau ke Leeds College of Building, bagi mempelajari pelbagai kemahiran pertukangan dan seminggu sekali juga beliau akan dibawa oleh pihak sekolah ke bandar bagi memahirkan diri untuk berdikari. Zahid diajar untuk ke kedai membeli barang-barang sendiri dan kemahiran-kemahiran lain untuk membantu Zahid dan rakan-rakan sepertinya berdiri di atas kaki sendiri.

Rutin anak-anak kami setiap hari, setelah pulang dari sekolah dan setelah beristirahat, Zahid dan adik-adiknya akan ke Makki Mosque, madrasah yang terletak hanya 5-10 minit perjalanan dari rumah kami untuk mengaji Al-Quran.

Diantara ujian terhebat kami, pada tahun 2015 ketika diriku berada di Malaysia bagi kutipan data. Usai solat Subuh, ku terima panggilan daripada suami yang jauh beribu-ribu kilometer. Kedegaran sayup-sayup dicorong telefon bertanyakan khabarku dan kutipan dataku. Nadanya juga bersahaja seolah-olah tiada apa yang berlaku. "Sayang, Zahid accident", lembut benar tutur kata suamiku menyampaikan berita. Tiada metafora, mahupun hiperbola yang dapat menggambarkan perasaanku sebarang seorang ibu ketika itu. Terus terduduk diriku. Pelbagai perkara bermain diminda. Kutipan data perlu diteruskan, bukan mudah hendak membuat perancangan bagi mengumpul data, perlu masa yang sesuai untuk aku ke sekolah menjalankan kajian. Namun hati semakin resah, perasaanku tidak keruan. Si bongso, yang mengikut ku pulang bersama-sama, baru sahaja beberapa hari disunatkan. Bagaimana nanti jika kami pulang terus ke Leeds? Setelah timbang tara ku buat, ku terus menulis e-mel kepada Penyelia dan Bahagian Tajaan menceritakan tentang apa yang terjadi. Penyeliaku melahirkan kebimbangan sekiranya data ku tidak mencukupi.

Malam itu juga aku berangkat pulang ke Leeds bersama-sama si bongso. Dengan berkain pelekat memandangkan dia masih dalam tempoh selepas bersunat, petugas MAS menawarkan kerusi roda untuk keselesaiannya sementara menunggu untuk kami masuk ke pesawat. Flight delay, kami dimaklumkan. Amat berat ku rasakan, entah apa khabarnya anak syurgaku disana.

Setibanya di Leeds General Infirmary, ku tatap laporan hospital kemalangan yang menimpa Zahid. Beliau melintas jalan mahu menuju ke madrasah bersama-sama adik dan kawannya yang lain. Kereta meluncur laju menuruni bukit tanpa sempat menekan brek, pemandu tersebut terlanggar anakanda kami. Mengikut laporan, Zahid melambung tinggi dan hasil hentakan kereta tersebut, tulang bahu kanannya retak. Allahuakbar...Berjujukan air mata ini. Urusan pembedahan dibuat untuk memasukkan skru di bahagian yang retak tersebut. Sejujurnya

semakin daif ku rasakan diri ini...aku sujud kepada Al-Khaaliq merintih merayu kepada-Nya, moga Zahid segera sembuh.

\* \* \* \* \*

### **Perjalanan V: Suka duka LG19 Hillary Place**

LG19 Hillary Place, ruang kerja kami pelajar Postgraduate (PGR) di School of Education, University of Leeds. Disitu kami berenam semuanya. Hanya empat daripada kami berada di Tahun PhD yang sama. Taguhi, sahabatku dari Armenia, Loreto, sahabat yang sama-sama berkongsi penyelia dari Chile dan Liza, sahabat sebaya, sePhD dan kami merupakan kenalan sejak zaman undergrad lagi bagi Program Berkembar MPIK-UK. Liza ke Plymouth dan aku ke Bognor Regis, West Sussex. Ramai sering mengeluh dan berkata, "*Phd is a lonely journey*". Mungkin tidak pada kami berempat.

Rutin kami setiap hari Isnin-Jumaat, kami akan berada di LG19, membaca, bertukar-tukar pendapat tentang kajian kami, sekali-sekala bercerita tentang keluarga dan hal-hal lain juga. Kami seringkali berusaha untuk membentangkan kajian kami. Di setiap fasa PhD kami, pembentangan proposal sehingga sebelum viva, kami berusaha membentangkan kajian kami di peringkat school kami, fakulti kami (Education, Law and Social Sciences), di universiti-universiti dalam dan luar United Kingdom. Kami pernah juga mencabar diri dan berjaya membuat pembentangan di universiti terkemuka, University of Oxford dan University of Cambridge bagi mendapatkan pengalaman yang sangat berharga.

Sesungguhnya banyak juga suka duka dikongsi bersama-sama di LG19. Berita kemalangan Zahid ku kongsi bersama. Masing-masing turut bersimpati dengan apa yang terjadi dan memberikan kata-kata semangat. Pertemuan pertama dengan penyeliaku sekembalinya semula ke Leeds setelah kemalangan Zahid. "Zuraidah, may be your son's accident is a blessing in disguise for your research". Tergamam daku mendengarkannya. Kami berbincang untuk memberikan ruang dan masa bagi peserta kajiaku tanpa proses pemerhatian bilik darjah buat seketika. Aku pula perlu menganalisa data yang sedia ada sementara menantikan masa untuk aku menyambung semula kutipan dataku. Dari data sedia-ada, tema-tema hasil dapatan dapat ku jadikan soalan-soalan temubual bagi kutipan dasa fasa kedua bagi kaedah pemerhatian bilik darjah dan temu bual ku nanti. Setelah sebulan lebih berlalu, aku kembali ke Malaysia untuk meneruskan kutipan dataku. Berbulan-bulan juga ku menganalisis data menggunakan perisian Nvivo dan secara manual. Hatiku melompat girang melihat hasil dapatan data tersebut. Tidak sabar untuk aku membuat temubual terakhir melalui Skype bersama-sama peserta kajian ku. Betul kata penyeliaku, ada hikmah disebalik apa yang berlaku.

Kutipan data bagi kajian PhD ini mengambil masa setahun juga, sejajar dengan bentuk penyelidikan jangka panjang (longitudinal study) ku untuk mengkaji perubahan 'beliefs' terhadap pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bagi guru-guru permulaan. Andai kata aku meneruskan kajian lapangan selama tiga bulan sahaja, tanpa pulang ke Leeds semasa kemalangan Zahid, dapatan kajian tidak akan 'secantik' dapatan kali ini. Terima kasih, Ya Allah. Sesungguhnya diri-Mu sebaik-baik perancang. Sekali lagi ku merasakan diri ini kerdil lagi daif...

Pelbagai dugaan datang dan pergi. Glaucomaku datang kembali saatku memulakan penulisan. Rawatan demi rawatan di hospital ku terima. Ku gagahkan juga untuk menulis. Saat diri ini masih bergelut dengan penulisan, berita ibu mertuakan sakit tenat kami terima. Kebetulan

pada waktu itu Easter Break akan bermula, maka kami mengambil keputusan untuk pulang ke Malaysia menziarahi ibu mertuaku. Syukur Alhamdulillah kami sekeluarga sempat bertemu dengannya. Suamiku sentiasa berada disisi ibunda kesayangan, menemani di saat-saat terakhir. Hanya setelah beberapa hari kami di Batu Pahat, ibunda mertua dijemput Ilahi. Al-Fatihah buat arwah, HjH Fatonah binti Abdul Rahman. Moga rohnyanya ditempatkan dikalangan orang beriman dan beramal-soleh.

\* \* \* \* \*

### **Perjalanan VI: Au Revoir**

*“The evolution of newly qualified English teachers’ cognition in Malaysian primary schools”*, Begitulah tajuk tesis ku yang telah berjaya dihantar, hanya menantikan tarikh viva ~ 21 Disember 2017. Tesis lengkap telah ku hantar beberapa hari sebelum kepulanganku ke tanahair bagi melapor diri untuk bertugas kerana cuti belajarku telah tamat tempoh. Ku kembali semula ke Leeds pada pertengahan November memandangkan cuti semester telah bermula. Alhamdulillah ada masa dan ruang untuk aku menelaah dan membuat persediaan. Martin mempelawa diriku untuk membuat mock-viva bersama-samanya. Agak santai...kami bermock-viva di Café Nero berhadapan Hillary Place. Berulang-kali Martin menyatakan viva disini lebih kepada perbincangan dan perkongsian ilmu di antara ahli-ahli akademik. *“You’re the expert, Zuraidah!”*, Martin beberapa kali menyakinkan diri ini. Hari yang dinanti telah tiba. Sekali lagi dia mempelawaku ke Café Nero sebelum ke bilik Simon seterusnya ke bilik viva yang terletak di staff common room, Hillary Place. Syukur Alhamdulillah, ‘perbincangan’ singkat semasa viva berjaya ku tempuhi.

Setelah selesai, rupa-rupanya ramai yang menanti di luar bilik tersebut. Suamiku, yang merupakan tulang belakang perjuangan ini setia menanti, sahabat-sahabat Hillary Place dan sahabat-sahabat MSCL juga telah menanti untuk bersama-sama meraikan. Hari tersebut merupakan hari terakhir semester sebelum cuti musim sejuk bermula. Setelah keputusan viva ku diumumkan, staf-staf akademik dan bukan akademik yang sedang meraikan hari terakhir semester, sekaligus turut meraikan kejayaan keputusan viva ku-*Minor corrections - three months*.

Keesokan harinya, e-mel ini ku terima:

“Dear Doc,

You did really well in the viva...showed yourself to be the expert that you are!  
I hope that you had a good celebration yesterday, and that the preparations for going home and the challenges that lie ahead are not too exhausting.

Judith has sent the corrections- feel free to get in touch with Simon or me if you need any clarification.

All the best for 2018 and beyond.

Martin”

PhD...perjalanannya bukan mudah, sentiasaku rasakan semakin tinggi ilmu didada, semakin daif kurasa diri ini kerana aku bukan sesiapa...Ku titipkan epilog ini buat mereka yang baru hendak memulakan perjalanan hamba daif (PhD) ini. Semoga berjaya dan dipermudahkan urusan semua.

\* \* \* \* \*

### **Epilog Perjalanan hamba Daif**

Pesananku buat musafir ilmu:

Ceritera Perjalanan hamba Daif ini

Hanya mampu dimengerti

Oleh dirimu dan diriku yang akur untuk tunduk pada ketentuan-Nya

Harus ku ingatkan

Perjalanan hamba Daif ini bukanlah sesuatu yang mudah

Peliharalah Hablum Minallah ~ Hubungan dengan Allah

Jagalah Hablum Minannas ~ Hubungan sesama manusia

Restu ayah bonda, suami tercinta usah dilupa

Terbanglah setinggi mana dirimu mahu terbang

Namun usah pernah merasakan dirimu hebat

Hatta memandang rendah kemampuan insan lain

Permudahkan urusan mereka yang memerlukan

Nescaya urusanmu dipermudahkan jua oleh Al-Bassith

Dalam menempuh bahtera yang sarat dengan ilmu

Tingkatkan usahamu

Tawakkallah kepada Al-Waliy

Sabar dan solat kunci kejayaanLakukan semua ini

Sebelum, semasa dan sesudah PhD

Bak kata pujangga

Walau ilmu setinggi bintang dilangit

Rendahkan hatimu serendah mutiara dilautan

Selagi dirimu belum melangkah ke dunia kembara ilmu ini

Amat payah untuk dirimu memahami

Apa erti sebenar P.h.D

Mencoret kenangan menggenggam Ijazah Doktor Falsafah sudah menjadi lumrah kepada graduan kedoktoran. Kenangan suka duka sewaktu bergelar pelajar ijazah kedoktoran terlakar kemas dalam mana-mana penerbitan. Harapannya agar coretan kembara PhD dapat menjadi pemangkin semangat kepada calon PhD yang sedang belajar. Untuk kesekian kalinya, aku diminta untuk menulis pengalaman mengembara demi segulung ijazah kedoktoran. Entah apa yang hendak ditulis lagi, tidak ku pasti. Terlintas di fikiran, idea yang kurang mantap, namun boleh diketengahkan untuk bacaan bersama. Maka, lahirlah coretan yang tidak sepertinya ini, 'Jangan Pandang Belakang'. Penuh konotasi tajuk coretan ini. Tajuk ini boleh menjadi positif atau negatif bergantung kepada persepsi pembaca. Mengapa Jangan Pandang Belakang? Ada sebabnya.

Jangan Pandang Belakang boleh membawa konotasi yang negatif. Aku kaitkan idea ini dengan isu penulisan tesis. Sukar untuk maju apabila kita pandang belakang. Apabila membuka laptop untuk menulis tesis, petuanya jangan pandang apa yang kita tulis sebelumnya. Jika kita rajin pandang belakang, melihat kembali tesis yang ditulis sebelum itu, maka sukar untuk kita beralih ke perenggan penulisan yang lain. Itulah masalah yang aku alami selama bertahun-tahun menulis tesis untuk lulus ijazah doktor falsafah. Aku tergolong dalam kalangan manusia yang cerewet.

Dalam menulis juga, aku terbawa-bawa akan sikap kecerewetan itu. Setiap kali membuka laptop untuk menulis tesis, aku pasti membelek kembali ayat-ayat yang kutulis dalam perenggan sebelumnya. Akhirnya, penulisan tesisku jarang berganjak maju. Pernah dalam sehari, aku membetulkan perenggan yang sama. Akhirnya aku tertekan dengan kelembapan aku menulis. Apabila emosi tertekan, penulisan tesis akan bermasalah. Kadang kala dalam sehari hanya berupaya menulis sebaris ayat dalam satu perenggan.

Sesungguhnya kajian kualitatif memerlukan ketajaman idea untuk menulis secara kritis. Hal ini menyebabkan aku selalu pandang belakang. Melihat kembali perenggan yang telah kutulis. Masalah yang sama berlaku berulang kali. Oleh itu, pesananku agar yakin pada hasil penulisan sendiri. Usah dikhuatiri akan berlaku kesilapan dalam ayat-ayat yang ditulis. Kesilapan ialah satu proses pembelajaran. Dalam proses penulisan tesis tidak akan berlaku kesempurnaan. Kekurangan pasti menjelma. Sebaik manapun ayat yang ditulis, fakta yang dicari, pasti akan berlaku pembetulan apabila penulisan bahan itu disemak oleh penyelia. Oleh itu, jangan pandang belakang apabila menulis tesis dari semasa ke semasa.

Masalah tidak yakin pada hasil penulisan sendiri membuatkan aku mendapat pelbagai penyakit yang tidak pernah dialami sebelum bergelar pelajar ijazah kedoktoran. Disebabkan tertekan, aku alami vertigo hingga kurasakan dunia berputar tanpa henti. Pernafasan tidak terkawal gara-gara vertigo, angin berputar ligat seluruh badan. Nasihat doktor agar aku ubah cara berfikir. Usah terlalu cerewet. Nasihat doktor hanya ku ikuti beberapa bulan. Apabila aku kembali sihat, kecerewetanku berulang lagi. Hinggalah suatu ketika aku ditegur oleh seseorang akan kecerewetanku. Katanya jangan diusik lagi perenggan yang telah ditulis. Terus maju ke depan apabila memulakan penulisan pada hari berikutnya. Besar jasa temanku ini. Tegurannya walau nampak remeh tetapi berjaya menyedarkan aku. Mulai saat itu, cara fikirku berubah.

Perubahan sikapku, rupa-rupanya begitu menyenangkan diriku akhirnya. Nasihat temanku terngiang-ngiang di telingaku setiap kali memulakan penulisan pada hari yang baharu. Aku pasti akan ingatkan diriku, 'Jangan Pandang Belakang'. Maka, walau seteruk manapun ayat yang kutulis, aku pasti terus berganjak ke depan, berfikir untuk menulis perenggan baharu. Kaedah ini berkesan pada diriku. Analisis data kualitatif yang bersifat deskriptif berjaya kusudahkan akhirnya walau kusedar telah banyak masa yang terbuang. Begitulah petuanya, antara cara ingin menyiapkan tesis dengan cepat, 'Jangan Pandang Belakang'.

Frasa 'Jangan Pandang Belakang' juga membawa konotasi yang positif kepada diriku. Disebabkan masalah kecerewetan yang kualami sewaktu menulis tesis, aku tidak berupaya menyiapkan penulisan tesis dalam tempoh tiga tahun sewaktu cuti belajar. Umpama tiada beban, batu digalas, aku kembali bertugas dengan keserabutan tesis yang tidak siap. Namun sebesar manapun beban kurasakan, aku harus memikul tanggungjawab hakiki sebagai kakitangan awam setelah kembali bertugas. Tiada alasan apatah lagi belas ikhsan. Segalanya perlu kutanggung. Tugas hakiki dan penulisan tesis begitu menyesakkan fikiran. Kedua-duanya merupakan tanggungjawab yang perlu ku langsaikan tanpa alasan. Hakikatnya, tanggungjawab hakiki tidak boleh kukesampingkan. Kesannya, penulisan tesis menjadi tugas sampinganku. Kadangkala makin jauh dengan diriku.

Namun, berbekalkan petua 'Jangan Pandang Belakang', aku kuatkan semangat. Bak kata orang tua-tua, andai pandai menjahit, pandailah menggungtingnya. Begitulah ibaratnya kembara PhD aku. Walau sesukar manapun ku rasakan untuk menyiapkan penulisan tesis setelah kembali bertugas, aku pasti menyudahkannya hanya kerana aku telah memulakannya. Itulah yang aku pasakkan di minda saat terasa getir menangani cabaran tugas hakiki dan penulisan tesis. Acap kali ku bisikkan di hati dan ku pasakkan di minda agar 'Jangan Pandang Belakang'. Walau apapun cabaran dan dugaan, langkahku perlu terus maju ke depan. Pandang ke belakang, sama sekali tidak akan ku lakukan.

Ketika itu, aku tidak mungkin dapat menolak sindiran teman-teman dan sanak saudara dengan pertanyaan, "Tak habis-habis belajar lagi?" Soalan keramat yang sering menikam benakku. Secara zahirnya, dayaku tidak mampu mengatasi cabaran bekerja sambil menyiapkan tesis memandangkan tugas hakikiku terlalu banyak dan memerlukan aku ke luar daerah. Masa senggang jauh sekali untuk kumiliki. Saat orang lain berliburan pada hujung minggu, aku keseorangan berhempas pulas menyiapkan tesis. Aku sedar, aku perlu bertanggungjawab atas kealpaanku sendiri. Tiga tahun cuti belajarku tidak dimanfaatkan secara maksimum. Sebabnya, tidak mampu kucoretkan di sini. Adakah kerana silapku atau sudah suratannya begitu, tidak dapat kupastikan. Namun yang pasti, aku perlu terus berdiri dan berlari tanpa menoleh ke belakang. Petua 'Jangan Pandang Belakang' yang menjadi peganganku, akhirnya membuah hasil yang kuhajatkan. Ijazah Doktor Falsafah menjadi milikku jua walau kembara PhD aku mengambil masa yang panjang.

Pesanku di sini, apapun cabaran yang kita hadapi sewaktu bergelar pelajar PhD, pandang belakang, jangan sekali. Mesej yang ingin ku sampaikan ialah usah kita mengalah sebelum kalah. Andai kita menoleh ke belakang sewaktu menghadapi kegetiran, pasti kerugian yang kita miliki. Pandanglah jauh ke depan kerana di depan kita terlalu banyak laluan yang terbentang luas untuk kita menggapai impian. Hakikat yang perlu kita yakini, setiap cabaran, pasti ada penyelesaian. Oleh itu 'Jangan Pandang Belakang' andai kita ingin mencari kekuatan diri sewaktu bergelar pelajar PhD. Harapanku, walau sebesar zarah idea coretanku ini, moga bermanfaatlah ia sebagai satu suntikan rasa kepada pembaca.

### **Pengenalan**

Artikel ini menceritakan pengalaman penulis melalui liku-liku perjalanan sebagai seorang pelajar Program Kedoktoran (PhD) dalam bidang Pendidikan Matematik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Program tersebut telah disempurnakan dalam tempoh tiga tahun lima bulan. Penulis telah melalui pengalaman penglibatan secara intensif dan profesional dalam bidang yang dikaji. Bermula dengan minat yang mendalam dalam penyelidikan, niat untuk melanjutkan pelajaran dilakukan dengan berbekalkan motivasi dan kesungguhan agar sedikit sumbangan dapat diberikan dalam bidang pendidikan. Justeru, motivasi merupakan tonggak kekuatan dan membangkitkan keinginan untuk meneroka fenomena yang dikaji. Fenomena tersebut adalah fenomena pengintegrasian disiplin Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Penerokaannya merangkumi pelbagai aspek sama ada teoretikal dan praktikal dalam pendekatan integrasi STEM (Chesky & Wolfmeyer 2015; Hacker 2016). Data yang diteroka pula adalah data yang berakar-umbi (Glaser & Strauss 1967) dalam diri beberapa orang saintis di beberapa buah Universiti di Malaysia.

Oleh yang demikian, motivasi yang ada dalam diri (Feibelman 2011) penulis adalah antara elemen yang membawa kejayaan menyempurnakan perjalanan PhDnya. Antara beberapa gambaran terhadap motivasi penulis adalah sebagaimana yang dilaporkan oleh penyelia dan rakan seperjuangan. Mereka menggambarkan penulis sebagai seorang yang sangat rajin dan bersemangat dalam menyempurnakan tesis beliau. Sebagai contoh penulis dilaporkan oleh penyelia sebagai seorang yang tidak pernah tidak hadir dalam pembentangan seminar yang dijalankan pada setiap dua bulan, yang mana seminar tersebut merupakan suatu platform bagi setiap pelajar PhD di ULM untuk membentangkan tahap penyelidikan masing-masing. Melalui program PhD yang dilalui, penulis telah mempelajari banyak perkara berkaitan proses penyelidikan (Petre & Rugg 2004). Ia berfokus kepada skop yang dikaji iaitu berkaitan pengintegrasian disiplin STEM dalam konteks Saintis di Malaysia. Walaupun penulis mempunyai pengalaman selama sembilan tahun sebagai guru akademik dan sebelas tahun sebagai jurutera reka bentuk mekanikal di sebuah syarikat di Singapura, namun begitu pengalaman kembali semula menjadi seorang pelajar dirasakan seperti bermulanya alam pembelajaran dari awal lagi. Ia menjelaskan perkaitan antara pengalaman secara praktik yang telah dilalui dengan teori yang dipelajari secara formal (Morley Leonard & David 2002). Namun begitu, berkat kesungguhan dan dorongan darirakan dan keluarga, akhirnya menjelang akhir perjalanan PhD, penulis berhenti seketika untuk membuat refleksi terhadap perjalanan yang telah dilalui sepanjang menjalani tempoh pembelajaran.

Sebagaimana yang dijelaskan dalam kebanyakan literatur, pelajar PhD sering menghadapi dilema yang berkisar antara keupayaan untuk mengadaptasi, tekad dalam diri untuk menghadapi ujian, dan kesukaran untuk mencapai matlamat sesuatu penyelidikan (Petre & Rugg 2004). Atas dasar ini, ini penulis berpandangan bahawa kerangka konsep (Klein 2008) yang melibatkan perjalanan penyelidikan pada peringkat PhD bukan sahaja telah melibatkan proses penyelidikan, tetapi ia juga melibatkan keupayaan untuk mengembangkan kemahiran penyelidikan untuk melengkapkan diri menjadi seorang penyelidik professional (Petre & Rugg 2004). Penulis melihat kemahiran penyelidikan sebagai satu aspek penting untuk dipelajari terlebih dahulu. Hal ini adalah kerana pengajian peringkat PhD secara sepenuh masa atau

mana-mana sekalipun penyelidik di peringkat PhD dalam bidang sains sosial melibatkan proses yang rumit (Feibelman 2011). Ia melibatkan banyak peralihan dari orientasi latihan ke arah yang lebih kritikal dan reflektif. Penulis pada awalnya berpandangan bahawa sorotan penulisan yang mantap terhadap sesuatu kaedah kajian perlu dilakukan. Hal ini pada awalnya membimbing penulis dalam usaha melakukan penyelidikan pada peringkat PhD. Pada suatu tahap, penulis mendapati bahawa literatur terhadap sesuatu kaedah kebanyakannya telah dikembangkan oleh mereka yang pakar serta mempunyai pengetahuan dan keyakinan terhadap penguasaan kaedah penyelidikan.

Namun ia perlu disesuaikan dengan orientasi penyelidikan (Bazeley 2010) yang dijalankan. Antara aspek penting yang dikenal pasti oleh penulis adalah pentingnya menjalankan penyelidikan mengikut langkah-langkah yang telah ditentukan mengikut fasa yang disusun secara logik mengikut urutan (Creswell 2012) yang boleh dijustifikasikan. Selain dari itu juga beberapa literature mencadangkan proses penyelidikan dalam sains sosial perlulah sekurang-kurangnya boleh diramal akan hasil yang bakal diperoleh.

Justeru, menjalankan penyelidikan pada peringkat PhD bukanlah satu acara atau projek tunggal yang boleh diselesaikan secara singkat (Petre & Rugg 2004). Ia adalah suatu perjalanan panjang yang penuh dengan liku-liku yang mana hanya sedikit petunjuk dalam bentuk papan tanda yang akan ditemui. Oleh demikian keperluan untuk sentiasa menyesuaikan diri dengan perkara-perkara luar jangka perlulah diadaptasi dengan baik. Ini adalah sebagaimana dijelaskan Feibelman (2011) sebagai kedahsyatan utama kajian kualitatif (Willig 2008) ialah ianya sukar untuk diramal pada permulaan dan di mana pula ia akan berakhir.

### **Cabaran Merangka Penyelidikan Peringkat PhD**

Ketika penulis merangka pelan penyelidikannya, beliau mendapati bahawa fokus sesuatu penyelidikan sains sosial adalah didorong oleh pengalaman praktik pengkaji. Hal ini menjelaskan bahawa, merancang sesuatu penyelidikan untuk mencari jawapan kepada persoalan yang timbul dari praktik merupakan suatu amalan yang sangat penting (Bazeley 2013). Namun, penulis mendapati bahawa kecenderungan untuk tidak membuat kajian secara teliti terhadap persoalan kajian serta pendekatan kaedah yang sesuai sebagai satu teknologi dalam penyelidikan boleh menyebabkan kajian yang dijalankan tidak mendapat penjelasan yang komprehensif terhadap permasalahan yang dihadapi. Hal ini disokong oleh literatur yang menyatakan bahawa dalam kebanyakan kajian sains sosial aspek yang melibatkan persoalan kajian serta metodologi boleh memakan masa yang agak lama dan agak rumit (Bazeley 2013; Adom & Yeboah 2016; Siti Soraya 2019). Ia pula kadang kala tidak semestinya relevan dengan apa yang ingin kita cari pada peringkat awal dan kadangkala pada tahap tertentu pelajar PhD mula merasakan kepentingan menghargai sumbangan yang ingin dihasilkan melalui pendekatan yang tegas dan beretika amat perlu dititikberatkan.

Oleh itu, pengkaji pada dasarnya berpandangan bahawa kajian sains sosial sangat sesuai dengan kaedah penyelidikan kualitatif. Fokus kajian sains sosial yang berasaskan sesuatu fenomena mempunyai peranan penting untuk memenuhi keperluan dalam memberikan gambaran sebenar terhadap sesuatu fenomena. Oleh demikian hasilnya boleh dijadikan sebagai model yang dijadikan panduan kepada orang lain. Dari perspektif penyelidikan kualitatif, hal ini dapat diperhatikan terutamanya melalui memahami aspek pendekatan yang digunakan dalam kaedah kualitatif dalam memahami sesuatu fenomena secara holistik (Denzin & Lincoln 2005). Atas dasar itu, pengamal kajian sains sosial yang menggunakan pendekatan kualitatif seharusnya mampu untuk meneroka sesuatu fenomena dan pengalaman sebenar dalam sistem yang.



Peranan teori yang mendasari sesuatu kajian adalah sangat penting. Walaupun penulis mendapati bahawa kajian kualitatif adalah kajian yang lebih bersifat penerokaan dan tidak memerlukan dasar sesuatu teori, namun sebagai pengkaji novis pengkaji merasakan bahawa perlunya suatu dasar teori yang dapat menjamin bahawa kajian yang akan dijalankan mempunyai asas-asas penerokaannya (Ravasi & van Rekom 2003). Pengkaji sedar bahawa walaupun hasilnya nanti sudah pastinya mempunyai penjelasan dari dasar teori asal, namun dalam konteks sistem sosial yang berbeza sudah pasti teori dasar tersebut dapat dikembangkan sebagai suatu teori substantial. Hal ini inilah sebenarnya yang ingin dibangunkan dalam kalangan pelajar PhD, iaitu menghasilkan sesuatu sumbangan yang berbeza dari badan ilmu yang asal walaupun masih tidak mencapai tahap Nobel.

Sebelum pengkaji beralih kepada pertimbangan metodologi, timbul suatu aspek penting yang perlu dipertimbangkan adalah kerangka kerja menyeluruh bagi kajian yang hendak dijalankan (Creswell 2012). Aspek ini akan mempengaruhi pandangan seseorang pengkaji tentang dunia dan cara di mana pengkaji bekerja untuk menjalankan penyelidikannya. Pada tahap yang sangat luas, penulis merasakan bahawa terdapat persoalan mengenai pembinaan jati diri dan sejauh mana kepakaran dan sejauh mana penerokaan yang akan dilakukan oleh penulis. Justeru, adalah penting penulis kembali kepada objektif yang ingin dicapai. Dengan cara tersebut penulis dapat melepaskan diri tersasar dari penerokaan yang tidak berarah dengan memfokuskan data hanya kepada objektif terhadap fenomena yang dikaji (Husserl 1990).

### **Mencari Keserasian bersama Penyelia**

Sudah menjadi amalan universiti di kebanyakan negara yang mana penyelidikan pada peringkat PhD melibatkan dua pihak utama, iaitu pelajar dan penyelia. Tidak dapat dinafikan bahawa penyelia juga sebenarnya mengalami kebimbangan sebagaimana pelajar PhD. Hal ini dapat dilihat pada peringkat pemeriksaan lisan atau viva-voce (Petre & Rugg 2004).

Perkara ini berlaku disebabkan kualiti tesis pelajar PhD yang dihasilkan sebenarnya mencerminkan kewibawaan penyelia dalam membimbing pelajar di bawah seliaannya (Feibelman 2011). Atas dasar inilah penulis berpandangan bahawa membina hubungan baik antara pelajar PhD dengan penyelia sangat penting dalam memastikan kualiti tesis yang dihasilkan nanti benar-benar memenuhi kehendak aras pembelajaran peringkat kedoktoran.

Bagi penulis hubungan ini dibina peringkat demi peringkat. Perselisihan pendapat dalam menentukan isu, fokus, permasalahan kajian, kaedah kajian sehinggalah kepada penulisan lengkap tesis sentiasa berlaku, namun ia berlaku dalam suasana yang positif dan membina. Pada peringkat awal penulis dan penyelia agak sukar dalam mencapai persefahaman terhadap isu dan permasalahan kajian, berkat ketabahan mempertahankan isu dan permasalahan kajian yang ingin diketengahkan, penyelia akhirnya bersetuju untuk menerima isu dan permasalahan yang melibatkan penerokaan integrasi disiplin STEM melalui perspektif Pemodelan Matematik (Araujo & McElwain 2004) dalam konteks saintis di universiti awam Malaysia.

### **Mengekalkan Semangat Belajar dalam Perjalanan PhD**

Tidak dapat dinafikan bahawa mengekalkan semangat belajar dalam perjalanan PhD ini adalah cabaran besar yang perlu dihadapi. Ia menjadi antara inti pati dari apa yang dibina oleh pelajar PhD sebagaimana yang dinyatakan oleh (Feldt 2012). Hal ini adalah kerana kerja-kerja penyelidikan peringkat PhD dalam sains sosial biasanya dilakukan oleh penyelidik tunggal (Bazeley 2013) yang tidak bekerja secara kolaboratif di makmal. Ini bermaksud bahawa tidak ada orang lain yang berkongsi topik yang dikaji dan tidak ada orang lain yang benar-benar menguasai kajian yang dijalankan. Malah berdasarkan pengalaman penulis, tidak ada suatu pun buku teks yang

benar-benar membicarakan secara khusus masalah kajian yang dijalankan secara terperinci. Segalanya bermula dengan idea (Kamarul Zaman 2010) yang memberi inspirasi dan semangat yang berterusan. Namun harus diingatkan bahawa antara perangkap dalam perjalanan ini adalah kelekaan dan ketaasuban dalam meneroka maklumat dan bahan yang ada di alam siber. Sebagai manusia biasa penulis juga tidak terlepas dari perangkap ini, namun jalan terbaik untuk berada dalam landasan yang betul adalah terus berfokus kepada idea asal (Crismond 2001) yang telah dipersetujui antara pengkaji dan penyelia. Dengan cara tersebut maklumat yang bersesuaian dengan kajian akan muncul seiring dengan proses penerokaan.

Antara aspek lain yang signifikan dalam cabaran untuk mempertahankan semangat adalah aspek berkaitan komitmen dalam menyiapkan tesis PhD (Kamarul Zaman 2010). Komitmen dalam melengkapkan tesis PhD amat berbeza dengan komitmen dalam pengajian pada tahap-tahap yang lain (Petre & Rugg 2004). Dari berada dalam kelas-kelas atau dewan kuliah yang memberi ruang untuk kerjasama dan kepelbagaian idea serta pandangan, proses melengkapkan PhD lebih kepada membina idea dan pandangan secara sendiri dan seterusnya mengenal pasti bagaimanakah caranya untuk orang lain menerima idea dan pandangan yang berbeza yang dihasilkan. Bagi pengkaji ianya dibina secara konstruktif peringkat demi peringkat yang mana ia akhirnya menyumbang kepada terbentuknya suatu ruang untuk perbincangan terhadap isu, dilema dan permasalahan yang dikaji. Ia berlaku sama ada secara informal bersama dua atau tiga orang rakan seperjuangan dan sudah pastinya secara formal dalam seminar-seminar yang disertai.

### **Cabaran Mendapatkan Akses Data**

Antara aspek penting kepada kejayaan sesuatu kajian adalah mendapatkan akses kepada data. Proses ini melibatkan merundingkan akses penyelidik kepada organisasi tertentu. Oleh yang demikian elemen penting kepada kejayaannya aspek ini adalah kebolehan menjalin hubungan yang berkesan antara penyelidik dengan peserta kajian. Sekiranya ia gagal dicapai, kemungkinan untuk peserta menarik diri dari kajian yang sedang dijalankan akan memberi kesan kepada kelancaran proses pengumpulan data (Alan Pritchard 2010).

Realitinya kajian peringkat PhD adalah satu proses yang panjang dan kompleks (Bazeley 2013), dan proses untuk mendapatkan akses kepada data dari sesebuah organisasi juga akan memakan masa yang agak panjang. Walaupun sesuatu organisasi itu sebenarnya mengalukan penyelidik untuk melakukan penyelidikan, namun perlu diingat untuk mendapatkan data yang benar-benar autentik dan berintegriti, ia melibatkan proses yang boleh dipercayai (Daniel 2019). Kadangkala menjadi ahli dalam sesebuah organisasi di mana penyelidik melakukan proses pengutipan data sebenarnya belum menjamin kepada akses kepada data yang berintegriti dan autentik.

### **Menyelesaikan Perjalanan PhD**

Penulis merasakan bahawa mengikuti perjalanan PhD adalah suatu anugerah yang amat disyukuri. Hal ini adalah kerana hanya sebilangan kecil dari populasi masyarakat Malaysia yang memiliki kelulusan pada tahap PhD. Justeru adalah sangat penting untuk beringat bahawa tanggungjawab untuk menyelesaikan perjalanan PhD ini perlu disempurnakan dengan sebaiknya. Pada tahap ini penulis berpandangan bahawa melengkapkan tesis merupakan perkara yang perlu dilakukan pada masa yang telah ditetapkan oleh pihak penaja berbanding melayan kehanyutan dalam lautan data dan pelbagai analisis yang kompleks.

Jika dibandingkan beberapa fasa dalam menyempurnakan perjalanan PhD, proses merancang merupakan aspek yang amat menarik (Creswell 2012) manakala proses melaporkan data dalam

bentuk yang boleh diterima oleh pelbagai aras pengetahuan masyarakat merupakan aspek yang amat mencabar dan menguji kewibawaan (Petre & Rugg 2004) sebagai pelajar PhD. Ia diikuti dengan proses untuk bagaimana sesuatu hasil kajian itu dapat dipersembahkan dan dapat disebar luaskan dalam kalangan masyarakat. Hal ini adalah kerana tidak ada gunanya melakukan penyelidikan jika penemuan tersebut tidak dapat dikongsi bersama (Padgett 2016).

Antara persoalan yang perlu dipertimbangkan oleh penulis di saat-saat akhir perjalanan PhD nya adalah adakah draf tesis yang telah dihasilkan benar-benar telah memenuhi standard yang penganugerahan pada aras pendidikan kedoktoran?. Hal ini telah menyebabkan penulis melakukan draf tesis berulang-ulang kali, sehinggalah pada suatu tahap penulis berpandangan bahawa suatu keputusan yang lebih pragmatik dan tegas perlu diambil.

Bagi menyelesaikan masalah ini, penulis dan penyelia sama-sama melakukan proses penyemakan dan pembetulan berulang-ulang kali. Namun begitu kekhuatiran terhadap misteri tentang apa yang akan berlaku dalam peperiksaan lisan masih menyelubungi kedua-dua penyelia dan pelajar PhD sebagaimana dinyatakan oleh (Petre & Rugg 2004). Menurut (Dunleavy 2003; Morley et al. 2002) sesuatu pemeriksaan tesis amat bergantung kepada apa yang disukai oleh pemeriksa dan tidak ada suatu kriteria yang jelas tentang bagaimana seseorang pemeriksa membuat keputusan terhadap penghasilan sesuatu tesis. Namun begitu antara aspek yang dinyatakan oleh Morley et al. (2002) ialah sejauh mana tinjauan literature terhadap fokus kajian yang dilakukan telah dijalankan. Ia sesungguhnya menjelaskan tentang bagaimana pelajar PhD benar-benar memahami topik kajian yang dilakukan. Sesungguhnya pengalaman mengikuti perjalanan PhD merupakan atribut penanda aras yang bagi seseorang yang akan bergelar Dr.

### **Kesimpulan**

Bagi penulis, suatu kajian dalam perjalanan pengajian peringkat PhD amat berkait rapat dengan usaha untuk meneliti sesuatu isu yang timbul secara langsung dari praktik dan fenomena yang berlaku. Dalam konteks ini penulis mempunyai idea yang jelas tentang apa yang ingin diteroka dan siapa yang boleh dipilih menjadi peserta kajian.

Dengan asas-asas dari literatur yang kukuh, suatu kerangka penerokaan dibina untuk menjelaskan praktik sebenar terhadap fenomena yang berlaku. Penulis mempertimbangkan secara khusus dan terperinci terhadap paradigma serta kaedah yang bersesuaian (Cohen Manion & Morrison 2007) dengan isu yang dikaji. Disebabkan pengajian peringkat PhD kebiasaannya adalah suatu proses pembelajaran secara sendiri, maka dengan itu motivasi dalam melaksanakan penyelidikan dan seterusnya melengkapkan sebuah tesis seharusnya dipertingkatkan momentumnya (Petre & Rugg 2004) dari hari ke hari.

Selain itu juga asas penyelidikan sains sosial yang kukuh juga membolehkan penulis menghadapi pelbagai hujan dan perdebatan tentang apakah intervensi yang benar-benar boleh digunakan oleh sistem sosial yang terlibat dalam isu yang dikaji.

Penulis mendapati bahawa titik permulaan yang berguna untuk penerokaan secara praktik dalam penyelidikan adalah untuk memperhatikan pandangan bahawa pakar bahawa dalam kehidupan seharian kita perlu sentiasa mencari perkara yang boleh membawa kejayaan (Feibelman 2011). Maka sudah semestinya dapat dilihat bahawa kehidupan seharian kita amat berkait dengan hasil dari apa yang dikaji. Secara ringkasnya hasil kajian kita seharusnya mampu memberi kesan kepada sistem sosial yang dikaji.

## Rujukan

- Adom, D. & Yeboah, A. 2016. Constructivism Philosophical Paradigm : Implication for Research ., *Global Journal of Arts Humanities and Social Sciences*, 4(10), 1–9.
- Alan Pritchard, J. W. 2010. *Psychology for the Classroom: Constructivism and Social*. Routledge, hlm. Vol. 1. New York: Routledge.
- Araujo, R. P. & McElwain, D. L. S. 2004. A history of the study of solid tumour growth: The contribution of mathematical modelling. *Bulletin of Mathematical Biology*, 66(5), 1039–1091.
- Bazeley, P. 2010. Conceptualising research performance. *Studies in Higher Education*, 35(8), 889–903.
- Bazeley, P. 2013. *Qualitative Data Analysis*. California: Sage Publication.
- Chesky, N. Z. & Wolfmeyer, M. R. 2015. *Philosophy of STEM Education*. *Philosophy of STEM Education*,. New York: Palgrave Macmillan.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2007. *Research Methods in Education*. *Education*, hlm. Vol. 55.
- Creswell, J. W. 2012. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. *Educational Research*, hlm. 4th Edisi . New York: Pearson.
- Crismond, D. 2001. Learning and using science ideas when doing investigate-and-redesign tasks: A study of naive, novice, and expert designers doing constrained and scaffolded design work. *Journal of Research in Science Teaching*, 38(7), 2001.
- Daniel, B. K. 2019. Big Data and data science : A critical review of issues for educational research. *British Journal of Educational Technology*, 50(1), 101–113.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. Y. S. Y. S. 2005. The SAGE Handbook of Qualitative Research. *The SAGE Handbook*, 784.
- Dunleavy, P. 2003. Authoring a PhD- How to plan, draft. write and finish a doctoral thesis or dissertation. *Social Science*, 11, 312.
- Feibelman, P. 2011. *A PhD is not enough! : a guide to survival in science*. New York: Basic Books.
- Feldt, R. 2012. Guide to Starting a PhD 1–21.
- Glaser, B. G. & Strauss, A. L. 1967. *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for qualitative research*. New Brunswick: Aldine Transaction.
- Hacker, A. 2016. *The Math Myth*. New York: New Press.
- Husserl, E. 1990. *Ideas pertaining to a pure phenomenology and to a phenomenological philosophy: Second book studies in the phenomenology of constitution (Vol. 3)*. Springer Science & Business Media hlm. Vol. 3. Springer Science & Business Media.
- Kamarul Zaman. 2010. *PhD: The pursuit of excellence*. *Global health promotion*, hlm. Vol. 17.
- Klein, J. T. 2008. Evaluation of Interdisciplinary and Transdisciplinary Research. *American Journal of Preventive Medicine*, 35(2), 116–123.

- Morley, L., Leonard, D. & David, M. 2002. Variations in Vivas: quality and equality in British PhD assessments. *Studies in Higher Education*, 27(3), 263–273.
- Padgett, D. K. 2016. *Qualitative Methods in Social Work Research* hlm. 3rd Edisi . New York: Sage Publications.
- Petre, M. & Rugg, G. 2004. *The unwritten rules of PhD research*. Vasa,. New York: Open University Press.
- Ravasi, D. & van Rekom, J. 2003. Key Issues in Organizational Identity and Identification Theory. *Corporate Reputation Review*, 6(2), 118–132.
- Siti Soraya Lin Binti Abdullah Kamal. 2019. Research Paradigm and the Philosophical Foundations of a Qualitative Study. *PEOPLE: International Journal of Social Sciences*, 4(3), 1386–1394.
- Willig, C. 2008. *Introducing Qualitative Research in Psychology Adventures in theory and method* hlm. 2nd Edisi . Open University Press.

Saya berjaya menamatkan PhD saya pada penghujung tahun 2019 lalu. Bagi berkongsi pengalaman ini, saya menulis sebuah makalah yang sangat panjang walaupun saya hampir tidak membaca, tidak mengira orang lain. Sebelum saya membawa anda semua menyusuri perjalanan penulisan PhD saya, saya ingin menjelaskan bahawa saya bukan penulis yang hebat dan juga bukan seorang akademik yang berbakat. Sudah tentu, setiap tesis harus unik, dan cerita setiap pengarangnya berbeza.

Sepanjang PhD saya, saya diberitahu oleh hampir semua orang yang mempunyai PhD bahawa tempoh menulis adalah seperti melalui terowong penyeksaan yang tiada berkesudahan. Dalam banyak kesempatan, saya sendiri menyaksikan kekacauan yang terjadi di depan mata saya. Pelajar PhD tahun akhir yang saya harapkan pada tahun-tahun awal saya, mereka yang lebih teratur, lebih cerdik dan lebih baik daripada saintis daripada saya mengalami gangguan mental dan emosi semasa menulis PhD mereka.

Tesis bukan hanya mengenai penulisan; analisis data, angka dan rujukan, bahkan lebih dari itu. Perancangan adalah penting dengan beban kerja dalam jangka masa tiga tahun yang diberikan amatlah memerlukan ketahanan mental dan fizikal yang optimum. Kepayahan yang saya alami sepanjang tahun pengajian tak akan dilupakan.

Saya menjangkakan kehidupan sebagai pelajar PhD ini amat perit di mana sering diceritakan pengalaman yang negatif dan menyebabkan kegelisahan dan insomnia yang melampau dan semestinya tidak berjaya menamatkan pengajian seperti yang diharapkan. Menjadi seorang yang tidak produktif, penuh dengan tekanan dan penderitaan, ternyata tidak begitu kejadian yang direncanakan oleh Allah SWT. Sebenarnya, pengalaman saya dalam beberapa bulan terakhir PhD saya adalah yang paling menggembirakan. Bagaimana saya melaluinya.....

Ya, pengalaman menulis saya sangat hebat. Ia memerlukan banyak perancangan dan kerja keras. Perancangan mungkin merupakan langkah yang paling penting dalam tesis. Ideanya adalah untuk menyebarkan beban kerja dalam jangka masa yang panjang dan bukannya membendung semuanya ke dalam beberapa bulan terakhir sebelum tarikh akhir yang ditakuti menghampiri. Saya menghabiskan masa dengan menatap skrin kosong ketika di awal semester pengajian saya. Menulis dokumen ilmiah yang luas memerlukan ketajaman akal dan teknik yang betul. Dari pengalaman sebelumnya, saya tahu bahawa otak beralih ke mod penulisan datang setelah perjuangan yang hebat dan banyak waktu penundaan yang tidak produktif. Namun, dengan perancangan yang teliti, proses peralihan pertukaran otak ini dapat berjalan lancar, memungkinkan proses penulisan yang efisien.

Setahun sebelum tarikh akhir, saya betul-betul tahu apa yang perlu saya tulis, dan saya mempunyai hampir semua bahan untuk ke-lima-lima bab dalam tesis saya. Setahun sebelum pengajian tamat, saya mula menggariskan kerangka tesis dan menyenaraikan tajuk utama setiap bab secara optimum. Ia adalah perkara yang baik untuk dilakukan kerana saya sudah memikirkan bentuk penulisan yang akan dihasilkan.

Setelah menguraikan bab dan bahagiannya, sudah tiba masanya untuk mula menulis tesis. Saya bermula dengan mengusahakan bahagian paling sukar dan paling besar dalam tesis saya: tajuk. Tujuannya adalah untuk membuat satu tajuk untuk setiap sub tajuk dalam bab.

Perancangan bab ini agak mudah kerana saya menggunakan subtajuk yang telah saya gariskan sebelumnya sebagai templat, menyusun tajuk sangat mencabar, dan tidak boleh dipandang ringan. Ini kerana saya tidak menggunakan sistem format penulisan, saya sekadar membuat secara manual sahaja melalui perisian Microsoft Word.

Jangan buang masa membaca semula ayat yang baru anda tulis. Tunggu sehingga anda menyelesaikan keseluruhan bab atau keseluruhan tesis. Ini kerana saya menulis pengenalan yang komprehensif dalam bab yang terpisah, jadi pengenalan khusus bab itu pendek. Satu-satunya perkara yang perlu dilakukan ialah menulis perbincangan mengenai bab-bab itu, yang mengandungi kira-kira 1,500-2,000 perkataan dalam kes saya dan memerlukan saya beberapa hari untuk diselesaikan. Dengan cara ini saya dapat menulis keseluruhan bab hasil dalam 4-7 hari bergantung pada bagaimana saya produktif.

Tidak ada tesis yang sempurna. Jangan mengharapkan kesempurnaan. Anda tidak akan gagal PhD anda walaupun penilai anda melihat beberapa kesalahan yang terlihat. Salah satu petua yang saya gunakan ialah saya mengesyorkan semua orang menulis tesis PhD adalah jangan sekali-kali membaca ayat anda semasa anda menulis. Kedengarannya seperti nasihat yang buruk dan tentunya tidak biasa, tetapi ini mempercepat penulisan saya.

Sebenarnya, saya tidak membaca keseluruhan tesis saya sehingga saya menyelesaikan draf pertama secara keseluruhan. Yang penting ialah apabila kandungan anda dikurangkan, anda juga boleh mengubahnya untuk menjadikannya lebih baik. Merenungkan ayat untuk menjadikannya “sempurna” menghentikan aliran yang anda perlukan untuk menulis dan ini membawa kepada pengalaman menulis yang tidak produktif dan mengecewakan. Saya melihat orang menghabiskan berjam-jam membina satu ayat kerana mereka kembali dan membaca setiap perkara yang baru mereka tulis.

Terdapat beberapa perkara yang perlu diingati iaitu penyelia anda kemungkinan besar akan membaca tesis anda, jadi akan ada beberapa perubahan yang akan memperbaiki draf pertama. Saya mengemukakan draf tesis saya sebanyak 4 kali setelah memasukkan perubahan yang dicadangkan oleh penyelia saya. Saya mengakui bahawa tesis saya tidaklah sempurna mana, namun masih ada perkara yang perlu ditambah baik tidak kira berapa kali draf yang terpaksa dihantar. Sekiranya anda sedang menulis PhD, perlu diingatkan kepada diri sendiri bahawa itu bukan sesuatu yang sempurna. Anda tidak harus menghabiskan waktu yang lama untuk membuat sedikit perubahan pada tesis di mana yakinlah akan ada juga kesilapan yang anda pun tak menjangkakan.

Selain itu, walaupun penilai anda menemui beberapa kesalahan semasa menyemak tesis anda, dan telah diperbaiki, pasti ada juga akan muncul kesalahan setelah viva. Anda tidak akan gagal dalam PhD anda kerana salah seorang penilai anda melihat typing error dalam penulisan anda.

Secara ringkasnya mulakan dengan merancang bab dan tajuk yang ingin dikaji Tesis selalunya mengandungi kira-kira 50,000 perkataan (mengikut syarat universiti) dan tulisan saya hanya sekitar 35,000 sahaja. Sekiranya anda berjaya menulis 500 perkataan sehari, maka tesis akan selesai dengan selesa, sementara anda menikmati hujung minggu anda. Penting untuk membuat perancangan semasa anda menulis. Saya menulis lebih daripada separuh kandungan

tesis saya dalam setengah tahun setelah data diperolehi. Tetapi saya hanya berjaya melakukan ini dengan merancang bersama-sama dengan kerja keras dan rehat yang betul, memastikan bahawa saya tidak terbakar kerana keletihan. Ya, tesis adalah sekeping besar dokumen yang hanya dapat dibaca oleh segelintir orang, tetapi semestinya menjadi sumber kebanggaan bagi semua pengarang. Daripada merasa bimbang dan panik mengenainya, setiap orang harus berusaha menikmati pengalaman menulis....Enjoy your life.



28th April 2014. The flight attendant just announced that we will be boarding soon. I was still looking for Kevin and was relieved when I saw him right at the end of the line, lifting his cabin baggage onto the screening table. Kevin was a lecturer at Canterbury Christ Church University, United Kingdom. The same university where I would be pursuing my doctoral degree. He was in Kuala Lumpur for a meeting and my supervisor suggested that I took the same flight as him so that I could share the taxi to Canterbury from London Heathrow.

The first week at Canterbury was rather surreal. My jetlag was making me feel numb. I was excited but at the same time things were going so fast. My first meeting with my supervisors went quite well. I had two supervisors, Richard and John. They seemed quite relaxed and did everything possible to make me feel at ease. From their reactions which were full of enthusiasm, I was confident that Richard and John could help me get through the PhD programme successfully.

I would say that I was indeed very lucky to have Richard and John as my supervisors. They respected and treated me more like a colleague than a PhD student. I learned a lot in terms of the approaches they used in facilitating and guiding me in developing my understanding of the concepts, methodology, my views and my voice in my research. The experience and support they gave me were indeed very valuable.

I loved going to conferences and seminars. As a university student or a student researcher, I was privileged to get student discounts when participating in a conference. I ensured that I made full use of this benefit. I attended many conferences and seminars at the university as well as other places. I enjoyed meeting and connecting with scholars from different backgrounds and expertise. I learned many things from listening to the sessions. I was inspired by the presenters who often stood firm by their beliefs and perspectives, who successfully convinced the audience of their work, who had visions and understood the importance of research and who willingly shared their discoveries with others.

The process of the full-time PhD programme can be divided into three main stages. Stage 1 – which was the First Review, needed to be completed within six months after registration. I had to write a 6000-word research proposal which was about ‘The perceptions of reflection in teacher education’ and had to be approved by my first supervisor. I already had a draft of my proposal prior to starting my PhD so I only had to improve on it. So, this stage went without any serious problems.

Stage 2 – was the Second and Upgrade Review. This was the stage where my work was considered to be recommended for an up-grade from MPhil to PhD. This took place 18 months after registration. Getting through this stage was very challenging. I had to do a lot of reading on the various concepts of reflection and at the same time tried to understand the philosophy, epistemology and ontology of my research. This was the phase where I started to gaze out of my bedroom window and perform a lot of ‘thinking aloud’ or better described as ‘talking to myself’, which I must suggest, only do it when people are not watching! Other people who weren’t PhD students would find this act rather peculiar.

For me, the most challenging part of doing PhD was writing and expressing my ideas on paper. It was difficult to find and say things in my 'voice' when there were so many views from 'others'. However, from the research process, the part I enjoyed most was analysing and interpreting the data. They revealed many things about people's perceptions on reflection which sometimes were unexpected. The discoveries I made had constantly excited me.

Stage 3 – the Final Review. I was lucky to be granted four years of study leave by the Ministry of Education Malaysia. Thus, I planned and calculated the time that I had to submit, pass the viva and do my corrections before returning to Malaysia, all before my student visa expired on 30th March 2018. At this stage, I was at the library all day and sometimes all night. I rewrote, reorganised and reconsidered a lot of things before the final thesis for submission was printed and sent to the examiners.

I had my viva on 19th March 2018. However, the outcome of my viva was a devastated one. I neither passed with a minor correction nor a major one. Instead, it was a resubmission of twelve months. My supervisors, my friends and my family, they were all stunned when they heard the news. No one expected this to happen to me, especially when I worked so hard and went through the previous two reviews without any problems. My heart was crushed, I was angry, deeply disappointed and most all felt ashamed for not successfully completed my PhD as I planned. No Häagen-Dazs ice-creams, Jigsaw coats, White Stuff scarves, Clarks heels, Mark and Spencer's pastries or Nero coffees could console the horrible feeling of my failure. After a week of crying, I decided to go home.

I arrived at KLIA on 28th March 2018 and reported duty at the Institute of Teacher Education International Languages Campus, Kuala Lumpur the next day. I was glad to be home, to be close to my family, back to my roots. But, my heart was still broken and I was restless, nervous, frustrated and worried. Despite this, I was thankful because I had a second chance to resubmit my work and get my PhD. I never gave up and never stopped working on my thesis. Eventually, on 2nd October 2019 I received my Pass Letter from the university. I was overjoyed and very proud of my achievement. Finally, I GOT IT! :-))

**Ain jangan sambung belajar lagi**, itulah pesananku pada diri ini sejeurus selepas berjaya merangkul segulung sarjana pada tahun 2011. Aku nekad (ketika itu), cukuplah pengalaman setahun lima bulan di bumi Kangaroo, jika diberi peluang aku tidak mahu sambung PhD. Wow, nekad sungguh aku rasa! Aku tumpukan kepada kerjaya ku di Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme, Institut Pendidikan Guru Malaysia. Tiga tahun aku menguruskan kursus-kursus pensyarah, membina modul dan membantu pensyarah-pensyarah yang akan, sedang dan tamat sarjana dan PhD tidak sekali pun hati ini terbuka untuk memohon PhD.

Tahun 2013, segalanya berubah setelah aku disuntik semangat melihat kesungguhan Kak Zu berjuang menyambung pelajaran ke peringkat PhD. Beliau merupakan kakak yang aku kenali semasa batch master HLP 2009. Kesungguhan beliau membantu aku dan bercerita pengalaman beliau memohon HLP PhD membakar semangat ku semula. Bolehkah aku mengharungi dunia perantauan sekali lagi? Bolehkah? Aku tanamkan azam, tahun 2013 cukup perit dengan kehilangan ayahanda tercinta. Al fatimah buat ayah. Aku perlu bangkit mencari diriku semula. Berbekalkan folder panduan permohonan daripada Kak Zu, aku nekad untuk kembali berjuang.

Perjuangan PhD yang bermula dengan indah, temu duga yang lebih kepada perkongsian ilmu, rakan-rakan seperjuangan temu duga bersama-sama. Amy, Aini dan Ali, kalian penguat semangat temu duga HLP ku. Ketika itu aku nekad untuk ke United Kingdom kerana memikirkan kos hidup yang tinggi di bumi Kangaroo. Aku memohon empat buah universiti dan Glasgow menjadi pilihan kerana profil supervisor yang diberi oleh pihak universiti dan universiti inilah yang pertama memberikan aku surat tawaran. Alhamdulillah segala urusan berjalan lancar. Aku terbang tanpa tahu apa yang akan berlaku.

Minggu pertama di Glasgow, aku dah terfikir untuk pulang. Apa nak jadi ni, adakah aku salah buat keputusan, Dua minggu mencari rumah dan minggu pertama orientasi aku terasa peritnya peralihan dunia kerja dan dunia belajar. Argh, apa yang aku fikirkan adalah kekesalan tanpa berjuang. Ish, apa ni Ain, kenapa mengalah sebelum berjuang. Aku kuatkan semangat selepas selesai segala urusan dan bertemu supervisor ku Dr Oscar dan Dr Mark, aku temui kekuatan. Dr Oscar sentiasa mengingatkan aku untuk fokus dan tidak pernah sekali pun beliau lambat membalas e-mel aku walaupun soalan aku kadang-kala meminta-minta. Thank you, Sir.

PhDku sesejuk salju yang turun, musim sejuk tahun pertama baru 3 bulan aku diuji dengan pemergian ibu yang ku sayangi, beliau adalah adik arwah makku yang ku panggil ibu. Ibu yang sentiasa memberi semangat untuk kami anak-anak buah perempuan beliau untuk belajar setinggi-tingginya dan jangan harapkan orang lain untuk berjaya. Ibu, kau pergi tanpa sempat melihat kejayaan anakmu ini. Alfatimah.

Aku teruskan langkah lagi, kini mengejar impian dan kekuatan. Sepanjang perjuangan PhDku hanya pada-Nya aku memohon, mengadu dan berserah. PhD ku tidak lekang doa, mesyuarat setiap bulan bersama-sama supervisor-supervisor ku membuat ku resah. Setiap bulan azam ku ingin menunjukkan yang terbaik, setiap bulan juga la debaran sehingga ke hari viva, debaran itu tidak pernah hilang. Aku menjadi pemohon setia, ketenangan aku setelah dhuha. Bermula dengan memohon dipermudahkan setiap kali pertemuan sehinggalah aku menangis sendiri

betapa alpanya aku, di saat aku sukar beribadah di bumi asing aku tidak pernah meninggalkan yang sunnah. Inilah ketenangan yang merawat hati ini, memberi aku ilham, membimbingku sentiasa tanpa henti. Itulah NUR yang ku temui setiap kesedihan, setiap kesukaran, setiap kealpaan, setiap kali aku ingin putus asa, setiap kali bab-bab yang kutulis dipotong oleh supervisor ku, setiap kali nasihat supervisorku menikam-nikam hati ini, setiap kali mereka menyatakan:

“wear your academia hat...”

“There needs to be more of you in here...”

“You need to read more...It’s too bubbly”

“Pray Nor ‘ain, God will ease everything...”

Aku terdiam, SV ku ingat kan mengenai penting menjaga hubungan dengan tuhan. Ya Allah bantulah aku. Setiap kali itulah tidak pernah sekali pun aku tidak dibantu. Ya Allah besarnya kuasa-Mu. Kenapa aku tidak menemui NUR ku di Malaysia. Aku sedar, ini lah peluang yang telah diberi oleh Allah. Sebelum ini aku beribadah pada-Mu kerana itu yang dituntut oleh agama. Aku tidak menggunakannya sebagai landasan hubungan ku dengan-Mu Ya Allah.

Terima kasih Allah, terima kasih Dr. Oscar, terima kasih sahabat-sahabatku yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mencapai kejayaanku. Terima kasih suami ku dan keluargaku tanpa doa kalian siapalah aku.

Winter,  
Ain Sulaiman

# MY DOCTORAL JOURNEY 3





# **Benghargaan**

---

Sidang Editor Buku **My Doctoral Journey 3 2020** merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Rektor IPGM, Timbalan-Timbalan Rektor IPGM, Ketua Jabatan-Ketua Jabatan PPL IPGM, Pengarah-Pengarah IPG Kampus dan Pensyarah-pensyarah yang terlibat atas kerjasama serta sokongan yang tidak ternilai diberikan dalam penerbitan Buku **My Doctoral Journey 3 2020**.

————— **Terima Kasih** —————





**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

**Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

📍 Aras 1-3, Blok 2250  
Jalan Usahawan 1  
63000 Cyberjaya  
☎️ +603-8312 6666  
☎️ +603-8312 6655  
🌐 <http://ipgm.moe.edu.my>

e ISBN 978-967-2999-09-6



9 7 8 9 6 7 2 9 9 9 0 9 6